EKONOMI DAN POLITIK MELAYU

NORAZIT SELAT
(EDITOR)

WITH COMPLIMENTS
PNM
NATIONAL LIBRARY OF MALAYSIA

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1997

PA50701

Cetakan Pertama 1997
Hakcipta Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, jadual, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa carapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR

ISBN 983 - 9705 - 85 - 7

M
330.9992309595
EKO

M1050784
Hadiah

17 OCT 2002
Perpustakaan Negara
Malaysia

UNTUK SEORANG SAHABAT
DAN RAKAN SEPERJUANGAN YANG TELAH PERGI

KU ZAM ZAM KU IDRIS

SEMOGA ALLAH MENCUCURKAN RAHMAT
KE ATAS ROHNYA

With Compliments

from

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
(National Library of Malaysia)
232 Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur
Malaysia.
Tel: 03-2943488
Fax: 03-2929767
Telex: MA NATLIB 30092

KANDUNGAN

Penghargaan
Pendahuluan

1. **Mohammed Halib dan Abdullah Azmi Abdul Khalid** 1
   Oryza Sativa dan Melayu : Sejarah, Fakta dan Penimbangan Semula
2 **Shahril Talib dan Mohammed Halib** 22
   Kaum Tani Melayu Dalam Gelombang Ekonomi Pasaran:
   Satu Analisis Sejarah dan Masakini, Pantai Barat Johor
3 **Zahid Emby** 46
   Kampung Buruh : Mengimbangkan Kehidupan dengan
   Hidup Masyarakat
4 **Wan Zawawi Ibrahim** 56
   Mengdimistifikasikan Imej dan Mitos Perburuhan Melayu
   di Ladang
5 **Norazit Selat** 69
   Ekonomi Kelas Perburuhan Melayu Bandar: Satu Kajian Kes
6 **Mohd. Razali Agus** 79
   Politik dan Pembangunan Perumahan Komuniti Melayu Bandar
7 **Wan Abdul Kadir Yusoff** 93
   Kedudukan Nilai-nilai Ekonomi Orang Melayu
8 **Alias Mohamed** 110
   Ketegangan Dalam UMNO, 1975-76
9 **Mohamed Abu Bakar** 144
   Ulamak Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia, 1945-1985
10 **Mohamed Salleh Lamry** 186
   Politik Orang Melayu di Peringkat Tempatan:
   Stratifikasi, Kepimpinan dan Politik Kepartian
11 **Hussain Mohamed** 220
   Orang Melayu di Bandar: Beberapa Isu Mengenai
   Permasalahan dan Budaya Politiknya
12 **Sankaran Ramanathan dan Mohd. Hamdan Adnan** 253
   Politik Melayu di Kelantan dan Terengganu: Satu Tinjauan
   Mengenai Kegagalan PAS Dalam Pilihanraya Umum 1986
13 **Mohd. Nor Hj. Nawawi** 267
   Rasa Tidak Selamat dan Hubungan Etnik di Malaysia
14 **Ramlah Adam** 280
   Kongres Kebangsaan Melayu: Suatu Penentangan Kepada
   Kehilangan Kuasa Politik Melayu Di Dalam Kemerdekaan 1957

PENGHARGAAN

Buku ini tidak mungkin dapat diterbitkan tanpa sokongan beberapa pihak yang tertentu. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penulis yang sudi menerbitkan makalah mereka dalam buku ini.

Saya juga terhutang budi dengan Sdr. Wan Ibnurrushdi dan Puan Azizah Zam Zam yang telah menaip deraf awal buku ini, Sdr. Ramlan yang telah mereka-bentuk kulitnya dan Sdr. Fashbir Noor Sidin yang telah banyak membantu menyediakan buku ini dalam bentuknya yang ada ini. Kepada mereka saya juga mengucapkan terima kasih.

PRAKATA

Ekonomi dan politik adalah gandingan dua instutusi sosial yang memainkan peranan yang penting di dalam mana-mana masyarakat di dunia ini. Kedua-dua institusi ini berkait rapat, dan adalah sukar untuk mengkaji salah satu institusi tersebut secara berasingan. Di dalam kebanyakan hal kedudukan ekonomi yang mencetuskan kedudukan politik. Di dalam kedua-dua aspek ini kuasa memainkan peranan yang penting. Di dalam politik kuasa tersebut mungkin dapat dilihat penggunaannya tetapi di dalam ekonomi kuasa tersebut lebih *subtle* dan *latent* bentuknya. Di dalam perkataan lain, kuasa itu wujud dan ditakuti tanpa ia digunakan secara terbuka. Orang yang mengawal ekonomi jelasnya boleh mengawal orang yang mempunyai kuasa politik dengan membeli pengaruh mereka. Oleh itu seseorang yang betul-betul berkuasa adalah orang yang boleh mengawal kedua-dua sumber kuasa tersebut, iaitu, politik dan ekonomi dengan baik.

Di dalam scenario politik moden dewasa ini, seseorang ahli politik itu tidak akan berjaya tanpa ekonomi yang kukuh. Maka dengan itu tidak menghairankanlah bahawa tugas utama seseorang ahli politik yang baru naik, yang tidak mempunyai sebarang sumber ekonomi, ialah untuk mencari kedudukan dan kekuatan ekonomi. Mereka juga akan bersaing, melalui *nominee*mereka masing-masing untuk mendapatkan tender kerajaan, saham dan sebagainya. Mereka perlukan sokongan kewangan, kerana politik tanpa wang tidak akan berkekalan. Kuasa juga harus dibeli dan dipupuk selalu dengan wang. Politik wang akan terus wujud, walaupun ada usaha untuk membenterasnya, selagi wang merupakan nadi dan pencetus kuasa.

Tidak hairanlah sekiranya dewasa ini wujud ramai ahli korporat Melayu yang juga memainkan peranan di dalam kancah politik negara. Kebanyakan ahli-ahli korporat ini lahir dari dasar *favoured* dan *protected capitalism* yang diamalkan oleh kerajaan. Mereka diberi berbagai kemudahan supaya mereka berjaya. Golongan ini dinaungi oleh golongan-golongan politik yang tertentu, maka wujudlah satu hubungan penaung-dinaung diantara kedua pihak tersebut. Satu pihak memberi kemudahan dan laluan ekonomi, satu golongan yang lain pula akan menimbalbalik sokongan tersebut dalam bentuk material dan sokongan kewangan dan lain-lain lagi.

Tidak dinafikan juga terdapat segelintir ahli politik Melayu yang memperolehi legitimasi politik mereka melalui warisan. Bagi golongan ini kuasa tersebut diperolehi secara *ascribed*, namun demikian kuasa tersebut telah wujud dan diberi legitimasi oleh masyarakat umum. Budaya politik masyarakat Melayu masih tidak banyak berubah. Ia masih bercirikan sistem feudal di mana konsep taat setia dan penerimaan hakikat bahawa sesuatu keluarga iru berhak menjadi pemimpin masih utuh lagi. Konsep taat setia yang berteraskan budi adalah fundamental kepada hubungan politik dan juga ekonomi tersebut. Orang yang taat setia akan menerima ganjaran yang setimpal daripada penaungnya.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dielakkan bahawa konsep taat setia tersebut amat rapuh sifatnya. Pada masa dahulu konsep tersebut dibina di atas kepercayaan bahawa golongan pemimpin itu, khasnya golongan Raja, mempunyai hak untuk memerintah. Mereka dianggap sebagai golongan yang istimewa dan kadangkala sebagai bayangan Tuhan di bumi. Penentangan kepada Raja diberi satu perkataan yang khas dan keras maknanya, iaitu derhaka dan sesiapa yang derhaka terhadap Raja akan dihukum bunuh. Untuk menguatkan legitimasi Raja, mereka dikatakan mempunyai kuasa yang luarbiasa yang lazimnya dikenali sebagai daulat. Masyarakat Melayu dahulu percaya daulat inilah yang memberi seseorang Raja itu wibawa untuk memerintah. Seseorang Raja yang tidak berdaulat tidak akan ditakuti, ditaati dan dihormati oleh rakyatnya. Daulat juga berfungsi sebagai penggerun kepada mereka yang bercita-cita untuk menderhaka.

Pada masa ini konsep taat setia dibina oleh hubungan ekonomi. Orang yang berkuasa dan mengawal sumber ekonomi boleh mendapatkan kepatuhan tetapi taat setia tersebut juga tidak kekal lama. Taat setia hanya diperolehi selagi hubungan itu menguntungkan kedua-dua pihak. Jelasnya hubungan tersebut boleh dijual-beli dan akan terputus sebaik sahaja satu pihak tidak lagi boleh memuaskan kehendak ekonomi sesuatu pihak yang lain. Maka dengan itu konsep taat setia yang berasaskan satu moraliti yang mengikat, seperti konsep budi, yang mencerut sesiapa yang termakan budi sehingga akhir hayat mereka, mungkin tidak wujud lagi. Orang akan bertukar kawan dan lawan seperti menukar pakaian sahaja. Tepatlah kalau dikatakan bahawa dalam ekonomi dan juga politik seseorang itu tidak ada lawan atau musuh yang berkekalan. Orang yang bersaing dan menjadi lawan mungkin akan menjadi rakan kongsi pada suatu hari nanti. Tiada sesuatu yang mutlak dalam hubungan tersebut.

Ekonomi dan politik Melayu juga telah mengalami banyak perubahan yang boleh dilihat pada tahap-tahap tertentu. Paling mudah

kedua fenomena ini boleh dilihat dalam aspek zaman, seperti zaman tradisional atau sebelum penjajahan, zaman penjajahan dan seterusnya zaman selepas kemerdekaan. Bagi Orang Melayu khususnya, zaman selepas merdeka itu juga boleh dibahagikan kepada dua, iaitu zaman sebelum DEB (Dasar Ekonomi Baru) dan zaman selepas DEB. Dari segi ekonomi perubahan tersebut juga boleh diperincikan mengikut perubahan struktur yang berlaku kepada ekonomi orang Melayu keseluruhannya. Orang Melayu telah berubah dari masyarakat yang mengamalkan pertanian yang simple kepada*peasant*, pasca *peasant* ala model FELDA dan FELCRA dan seterusnya menjadi buruh, peniaga, pegawai kerajaan dan dan kerja-kerja lain yang terdapat di bandar.

Perubahan ekonomi ini juga telah mengubah *survival instinct* orang Melayu. Kalau dahulu mereka bergantung kepada khudrat, tulang empat kerat dan tanah semata-mata untuk *survival* mereka tetapi kini mereka telah menkomoditikan tenaga mereka di bandar. Tenaga mereka berharga dan dijual mengikut keupayaan masing-masing individu. Jelasnya tenaga telah diberi nilai kewangan. Perubahan ekonomi ini sebanyak sedikit telah juga meerombak srtuktur sosial yang lama. Golongan yang dianggap mulia tidak lagi merupakan golongan bangsawan, seperti orang keturunan Raja atau Syed, tetapi orang yang mempunyai simbol-simbol kekayaan dan status yang diperolehi secara capaian, sama ada melalui pendidikan ataupun politik. Status askriptif yang diterima melalui warisan tidak begitu penting lagi, tambahan pula merka yang memiliki status capaian juga boleh memperolehi status tradisional tersebut melalui penganugerahan Diraja. Anugerah tersebut itu juga katanya boleh dibeli.

Tidak dapat dinafikan bahawa DEB sebanyak sedikit telah merubah struktur sosial masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu telah menampakkan stratifikasi sosial yang jelas. Tidak semua orang Melayu memperolehi kesenangan setelah DEB diperkenalkan. Golongan miskin masih lagi wujud, terutama di kalangan golongan petani. Di sini konsep petani tersebut digunakan dengan meluas, dan dengan itu apabila diperbincangkan tentang petani Melayu, golongan ini termasuk golongan pesawah, penoreh getah, nelayan, tukang dan sebagainya. Kehidupan golongan ini masih lagi tersepit di antara memerlukan subsidi kerajaan di satu pihak dan memerlukan khidmat orang tengah di pihak yang lain. Mereka yang tidak bertanah atau memiliki peralatan menangkap ikan akan menghadapi nasib yang lebih buruk. Mereka terus berada di dalam putaran ganas kemiskinan. Kehidupan mereka masih lagi ditentukan oleh golongan orang tengah yang menyamar sebagai penaung dan memberikan mereka 'bantuan' ketika mereka susah, tetapi sebenarnya 'bantuan' tersebut akan mengikat mereka seumur hidup.

Perubahan dalam bidang politik juga amat ketara. Struktur politik Melayu bukan lagi bersifat simple, dan pada zaman tradisional struktur tersebut sering dikatakan berbentuk piramid, di mana golongan Raja dan bangsawan terdapat di puncak piramid dan pada peringkat asas piramid pula terdapat golongan rakyat. Di bahagian tengahnya diisi pula oleh golongan pembesar. Pada masa itu masyarakat Melayu hampir homogen dan bersatu; keretakan dan perpecahan tidak ketara. Seperti yang telah dijelaskan, hubungan di antara golongan atas dengan rakyat telah dijalin oleh satu idealogi yang berasaskan taat setia. Mereka yang memegang tampuk kuasa juga tidak ramai dan dengan menggunakan kuasa tentera yang disokong oleh negara mereka boleh mempereolehi kepatuhan dari rakyat jelata. Sesiapa yang menentang akan menerima padah yang buruk.

Pada masa ini scenario tersebut telah berubah. Golongan yang berkuasa atau yang mempunyai sumber kuasa semakin ramai dan dengan itu taat setia juga telah berbelah bagi dan kadangkala bersifat parokial dan kenegerian. Orang politik Melayu, walaupun mewakili orang Melayu dan memperjuangkan hak orang Melayu, melakukannnya berasaskan kepada sokongan negeri yang diperolehinya. Mereka tidak dapat lari dari sifat kenegerian mereka. Dengan itu orang Kelantan akan tebal perasaan Kekelantanannanya, orang Kedah dengan Kekedahannya dan begitu juga dengan orang Melayu dari negeri-negeri yang lain.

Orang Melayu juga dipecahkan oleh sokongan politik mereka. Walaupun konsep Melayu dan Islam itu sepatutnya memperkuatkan lagi jatidiri Melayu tetapi nyata bahawa fahaman politik yang berbeza telah meecahkan perpaduan umat Melayu. Dari segi idealoginya orang Melayu berpecah dua, ada yang menyokong UMNO dan ada yang menyokong parti PAS. Kedua parti ini mempunyai perjuangan yang hampir sama, cuma cara mereka sahaja yang berbeza. Persamaan perjuangan ini tidak menghairankan kerana pengasas PAS adalah ahli UMNO pada satu ketika dahulu. Kalau UMNO memilih cara sekular, PAS pula mahukan pentadbiran negara dijalankan secara Islam. Namun demikian, UMNO telah mematikan perjuangan PAS dengan teraplikasinya beberapa sistem pentadbiran ekonomi negara ini secara Islam. Penubuhan Tabung Haji, Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa adalah beberapa contoh yang telah dilaksanakan kerajaan.

Pada satu ketika dahulu penyokong UMNO juga telah berpecah dua, satu menyokong UMNO baru di bawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad dan yang satu lagi pula menyokong parti serpihan UMNO yang lebih dikenali sebagai Parti Melayu Semangat 46 di bawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah. Perpecahan ini merugikan orang Melayu

kerana elit politik Melayu yang dinamik di dalam jentera kerajaan telah diganti oleh orang yang 'setia' dan' mengikut' kata pemimpin utama mereka sahaja. Maka dengan itu politik Melayu yang pada suatu ketika dahulu berasaskan perjuangan, vis-a-vis, perjuangan hak politik dan ekonomi orang Melayu berbanding orang bukan Melayu, telah berubah kepada 'perjuangan' perut elit politik yang baru muncul ini. Mereka masuk politik dan mereka taat dan setia supaya mereka dapat penaungan dan sekali gus diberi laluan atau 'jalan' untuk mengumpulkan harta.

Perpecahan dan konflik yang terdapat dalam masyarakat Melayu tersebut nampaknya akan berterusan selagi terdapat perbezaan politik dan juga ekonomi. Keupayaan untuk mengawal kedua-dua sumber kuasa ini juga alan memastikan orang Melayu akan terus dipisahkan oleh jurang yang dalam. Yang kaya akan terus menjadi kaya dan kuat dan yang miskin akan tinggal miskin dan mungkin terus tertindas. Penindasan ini mungkin berlaku dalam berbagai bentuk. Satu dari penindasan tersebut ialah 'pengambilan' tanah mereka melalui akta kerajaan oleh elit ekonomi Melayu untuk 'pembangunan' negara. Hal ini telah jelas berlaku pada masa ini, sebagai contoh, projek udang di Kerpan, Kedah. Golongan bawahan juga mungkin 'ditindas' melalui pembayaran tol, cukai dan sebagainya. Hal ini amat membimbangkan kerana elit yang terlibat melakukan semua ini bertopengkan pembangunan dan mereka pula mendapat perlindungan dan sokongan dari negara. Negara dan elit poltik yang dilantik untuk melindungi rakyat yang memilih mereka jelas telah turut menjadi wahana penindasan tersebut.

Walaupun Malaysia sedang berusaha untuk menjelajahi wawasan 2020 Dr. Mahathir, tetapi nasib dan masa depan orang Melayu masih tidak jelas lagi. Orang Melayu masih lagi tercari-cari jatidiri mereka sendiri. Persoalan ini seharusnya tidak timbul, tetapi sejak zaman Hang Tuah hingga ke zaman Rahim Kajai, dan seterusnya zaman Dr. Mahathir yang telah mempersoalkan dilema orang Melayu, dan dilema tersebut pula wujud lagi pada beberapa tahun kebelakangan ini, dengan timbulnya persoalan tentang Melayu Baru, persoalan jatidiri dan siapakah Melayu itu kerap dibangkitkan. Isu ini kembali dibincangkan setiap kali orang Melayu menghadapi krisis, baik ekonomi, politik mahupun sosial.

Dewasa ini masalah sosial golongan remaja Melayu sering dipersoalkan. Masalah remaja Melayu berkaitan dengan masalah dadah, lepak, buang anak, bohsia dan sebagainya sering ditimbulkan. Masalah ini dianggap meruncing dan pemimpin Melayu memberikan prioriti kepada masalah ini dalam agenda mereka. Pembandaran orang Melayu yang dicita-citakan oleh Dr. Mahathir dalam *Dilema Melayu* dan seterusnya

dalam konsep Melayu Baru mungkin telah melahirkan suami dan isteri orang Melayu yang begitu sibuk mengejar kebendaan sehingga mereka mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai ibu dan bapa. Apa yang jelas ialah kehidupan di bandar tidak mewah semuanya. Orang Melayu terpaksa membayar kos melepas bagi kemajuan yang dicapai oleh masyarakat Melayu khususnya dan Malaysia umumnya. Untuk makan gaji di bandar mereka terpaksa membayar sewa rumah yang mahal dan kadangkala terpaksa pula tinggal berhimpit-himpit di kawasan rumah setinggan, tanpa kemudahan air, api dan tandas yang memuaskan. Rumah mereka pula sempit dan suasana ini mungkin juga telah menyebabkan anak-anak mereka merasa bosan dan dengan itu terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang dianggap sebagai masalah sosial tadi.

Apa yang dapat dilihat ialah di bandar tidak terdapat suasana dan instutusi kampung yang boleh juga membantu proses sosialisasi anak-anak muda Melayu. Di kebanyakan kawasan perumahan, baik swasta mahupun setinggan, tidak wujud institusi ketua yang formal, seperti ketua kampung, yang terdapat di kampung-kampung. Di kawasan-kawasan perumahan ini juga kadang-kadang tidak terdapat balai raya, surau ataupun padang permainan yang boleh digunakan oleh anak remaja untuk membentuk kekuatan rohani dan jasmani mereka. Orang Melayu bandar juga bersifat individualistik, dan seperti enau dalam belukar, hanya berusaha untuk melepaskan pucuk masing-masing sahaja. Mungkin gejala-gejala inilah yang terus menghambat orang Melayu dalam dilema mereka.

Buku ini adalah satu usaha untuk mengimabau kembali dan seterusnya memberi sedikit gambaran terhadap institusi ekonomi dan politik orang Melayu. Artikel-artikel yang dipaparkan bukan sahaja cuba melihat struktur ekonomi dan politik orang Melayu semata-mata tetapi juga cuba mencirikan perubahan-perubahan yang telah berlaku kepada kedua-dua institusi tersebut.. Mungkin buku ini tidak dapat menjawab semua persoalan tentang orang Melayu yang berkaitan dengan kedua-dua aspek penting ini, tetapi sekurang-kurangnya isu yang dibangkitkan dan analisis yang dibuat dapat mencetus minda kita berfikir dengan lebih mendalam lagi tentang masa depan orang Melayu keseluruhannya.

Norazit Selat

Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

EKONOMI

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU 1

ORYZA SATIVA DAN MELAYU : SEJARAH, FAKTA DAN PENIMBANGAN SEMULA

MOHAMMED HALIB
ABDULLAH AZMI ABDUL KHALID

PENGENALAN

'*Rice*' mengikut D.H. Grist "*is perhaps the most remarkable of cultivated crops, for although possessing the roots of a dryland plant, it flourishes in swamps or under irrigation, and in Asia has produced one or more crops annually for centuries*".[1] Tambahan kepada ciri yang luarbiasa ini adalah penyesuaian yang dipamerkan oleh tanaman ini kepada berbagai jenis tanah dan iklim.[2] Sebagai punca makanan utama kehidupan kaum tani berkait rapat dengan pusingan tanaman padi. Ini dapat diukur dari tahap pengetahuan tentang tanaman ini oleh penanam-penanam dan upacara yang diadakan pada tahap-tahap tertentu dalam pembesaran dan pusingan tanaman tersebut. Di kalangan kaum tani Melayu penanaman padi juga merangkumi ruang adat dan budaya masyarakat.

Penanaman padi di kalangan kaum tani Melayu sering menjadi penelitian sarjana-sarjana. Dengan berpandukan berbagai kaedah banyak kajian-kajian yang telah dihasilkan. Namun demikian tanggapan beberapa sarjana tentang cara penanaman padi yang diamalkan oleh kaum tani Melayu dari sudut sejarah telah menimbulkan keraguan. Sering digambarkan cara penanaman padi yang seragam di merata tempat di Semenanjung Tanah Melayu. Tanggapan sesetengah sarjana tentang penanaman padi dan kaum tani Melayu kerap kali terlalu simplistik:

> *The production of rice, virtually exclusively on small individual holdings, is the predominant Malay occupation....* [3]

> *The Malays form the bulk of the rural population. They grew the rice and most of the basic foods on which the towns depended.*[4]
>
> *The rural Malays derive their living in the main from the cultivation of very small padi farms, rubber and coconut holdings and from fishing in coastal waters.*[5]
>
> *For the rice economy constituted the occupational basis of the kampung community, and accordingly was closely associated with its cultural and status systems.*[6]
>
> *Rice cultivation was one aspect, albeit the most important one, of food production in British Malaya.*[7]
>
> *The Malay Peninsular has few areas that are topographically suitable for extensive rice cultivation in the absence of drainage and irrigation. Kedah, Perlis and Kelantan, states whose rice plains accounted for over half the rice growing area of Malaya.....*[8]

Selain daripada petikan-petikan di atas terdapat juga gambaran-gambaran lain yang menimbulkan persoalan. Lim Chong Yah, misalnya, mengatakan bahawa penanaman padi hampir pada keseluruhannya dilakukan oleh *smallholders* bukan sahaja di Malaya tetapi di tempat-tempat lain di Asia.[9] Amarjit Kaur yang menggunakan istilah *padi farming system* dan seterusnya membahagikan penanaman padi oleh kaum tani Melayu kepada *swidden cultivation* (huma atau ladang) dan *sedentary agriculture* (sawah atau bendang) juga kurang menyakinkan.[10]

Memandangkan terdapatnya kekeliruan dan keraguan tentang penanaman padi dan kaum tani Melayu dari sudut sejarah, artikel ini akan cuba mengemukakan gambaran bahawa kaum tani Melayu mengamalkan berbagai corak penanaman padi dan Semenanjung Tanah Melayu merupakan arena di mana terdapatnya tradisi-tradisi penanaman padi yang unik. Justeru itu artikel ini akan menimbang semula situasi melalui perbincangan tentang corak-corak penanaman padi di Semenanjung Tanah Melayu. Pemahaman yang mendalam ke atas permasalahan ini adalah mustahak untuk menghayati struktur ekonomi kaum tani Melayu dari sudut sejarah dan hubungkait aktiviti ekonomi tersebut dengan struktur sosial dan politik masyarakat. Menghalusi jenis-jenis sistem penanaman padi yang diamalkan oleh kaum tani Melayu terutamanya dari segi proses pengeluaran dan peranan pemerintah akan dapat

memperbaiki teras konsepsual yang sedia ada tentang penanaman padi dan kaum tani Melayu untuk menghasilkan sebuah '*historically informed theory*'.[11]

TRADISI PADI DARAT

Pada suatu ketika dahulu kesemua padi yang ditanam di semenanjung ini adalah padi darat. I.H. Burkill, umpamanya, mengatakan bahawa "*ancient cultivation in Malay is almost certain to have been 'ladang' until good government discouraged it in quite recent times, was more common than 'bendang'*".[12] Kelebihan padi darat daripada padi basah di zaman pra-kolonial Semenanjung Tanah Melayu juga telah diberi penekanan oleh Cheng Siok Hwa:

> *Before the nineteenth century, dry padi cultivation was more popular than wet padi cultivation among Malays who were the sole producers of padi in the country. But with the beginning of the twentieth century, wet padi cultivation superseded dry padi cultivation due partly to government discouragement of dry padi cultivation which was wasteful because of accelerated soil erosion and partly due to the growing tendency to settle down on one spot on the part of the population.*[13]

Pemerhatian-pemerhatian seperti di atas adalah selaras dengan pengetahuan umum yang mengaitkan pertanian pindah dengan keadaan ekologi tropika. Perak, umpamanya, corak penanaman padi yang dominan di era prakolonial adalah padi darat di bawah sistem pertanian pindah yang dikenali sebagai ladang. Di dalam penjelasan beliau tentang penyebaran penanaman padi Burkill telah memberikan perhatian kepada dominasi ladang.

> *The Portuguese probably caused cultivation in Malacca to retrogress, and the Dutch while they held Malacca, forbade rice-growing there; but in 1824 the ban was removed and 'bendang' cultivation starting in Malacca, spread northwards to Selangor. Perak still has rather extensive 'ladangs. The Negeri Sembilan 'bendang' had their inspiration directly from Menangkabau, Sumatra, as settlers came into the country by the Linggi River, during the Dutch occupation of* Malacca.[14]

Keadaan di Selangor pada penghujung abad ke-19 juga memaparkan keadaan yang sama seperti di Perak. Penanaman padi darat secara ladang merupakan corak penanaman yang diamalkan secara meluas. Raja Bot menceritakan keadaan tersebut dengan mengatakan:

> *Moreover the Langat river from Pandamaran to the place where the canal has been cut, and from the canal to the river Rambay, right and left, Malays worked at their ladangs and there were no sawahs... In 1273 (A.H.) Sultan Muhammad died and was succeeded by Sultan Abdul Samad. There were then sawahs in Selangor, while on the Langat river men planted ladang.*[15]

Di dalam keadaan di mana terdapat tanah yang berlebihan dan kepadatan penduduk yang rendah, penanaman padi darat diusahakan dengan meluas di zaman pra-kolonial. Lain-lain negeri Melayu yang bergiat dengan aktiviti penanaman padi darat termasuklah Kelantan, Trengganu dan Pahang.[16]

Kecenderungan kaum tani Melayu untuk menanam padi darat secara ladang timbul daripada beberapa faktor. Satu daripadanya adalah jangkamasa yang diperlukan untuk menjadikan sesuatu tempat itu sebagai kawasan padi basah. Proses pengubahan ini mengambil masa lebih kurang tiga tahun dan memerlukan tenaga yang banyak. Seperti yang diimbaskembali oleh Lim Teck Ghee bagi kaum tani Melayu di Perak,

> *During the first year, the cultivators efforts centred on felling and burning the forests. In the second he uprooted small stumps to burn against some larger trees, and only after this, in the third year, could the plough be used on the land. Thus a number of Perak Malays were inclined to cultivate dry padi.*[17]

Di samping memerlukan masa yang panjang untuk menjadikan sekeping tanah kepada kawasan penanaman padi basah, kemungkinan menanam beberapa jenis tanaman makanan di samping padi juga merupakan satu daya penarik. Di dalam hal ini Maxwell menulis:

> *Many Malays prefer the ladang system, as it is called, to the wet cultivation on the plains, for one reason, namely the variety of different edible vegetables which a ladang will produce. Besides the hill padi he can grow*

> *on his farm bananas, Indian-corn, pumpkins and gourds, sugar-cane, chillies, etc. Sometimes the same piece of land is cultivated in this manner two years running, but usually new land is taken up every year.*[18]

Faktor yang ketigga yang menyebabkan kaum tani Melayu mengusahakan padi secara ladang adalah hasil yang boleh didapati dari padi darat dikatakan setanding dengan padi basah.

R.D. Hill menegaskan bahawa:

> *At around 300-500 gantang per acre in the first year of production with perhaps 100-150 less in the subsequent year, yields were as high, if not higher than in some sawahs, certainly higher than in pioneer sawahs such as those of inland Selangor. Any comparative advantage of sawah was delayed until yields rose above 300-350 gantang per acre threshold and there was seemingly no way of knowing beforehand whether such yields can be attained.*[19]

Pengeluaran padi secara penanaman darat pada dasarnya adalah untuk keperluan rumah. Pananaman padi yang dominan di beberapa negeri pra-kolonial Semenanjung Tanah Melayu adalah padi darat. Lebihan jika terdapat, bukanlah untuk dipasarkan. Di bawah keadaan sedemikian padi darat telah dapat menyokong kehendak asas kaum tani Melayu. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa hasil padi darat setanding dengan padi basah.

Ketiga-tiga faktor yang telah dibincangkan di atas mungkin telah menyebabkan kecenderungan kaum tani Melayu untuk berladang. Bagaimanapun, kaum tani Melayu mungkin juga telah dipengaruhi oleh sistem penggunaan dan pemilikan tanah dan struktur politik negeri Melayu zaman prakolonial. Dengan terdapatnya tanah yang luas dalam bentuk hutan dan rimba, dan kadar penduduk yang rendah, kesediaan tanah di era negeri Melayu pra-kolonial adalah bergantung kepada kesediaan seseorang itu untuk mengerjakannya. Seseorang yang ingin mengusahakan sekeping tanah mestilah terlebih dahulu membersihkan kawasan tersebut. Cara pertama pemilikan tanah di negeri Tanah Melayu adalah usufrukturi, yang ditakrifkan sebagai hak menggunakan tanah dengan cara membersihkan hutan dan mengusahakan tanah tersebut.[20] Ia lebih menekankan hak menggunakan tanah dari pemilikan

sebenar. Adat ini diamalkan di zaman pra-kolonial Tanah Melayu. F.A. Swettenham menerangkan keadaan tersebut seperti berikut:

> *Land had no value in the Malay States in 1874, and it was the custom for any one to settle where he pleased on unoccupied and unclaimed land and leave it when he felt inclined.*[21]

Di samping hak usufrukturi terdapat juga hak propritori. Mengikut Kanun Perak tanah-tanah yang terbiar dan tidak diusahakan menjadi hakmilik orang yang membersihkannya dengan memenuhi dua syarat. Pertamanya, si penanam itu mestilah seorang Islam dan keduanya tanah tersebut tidak diduduki. Memenuhi kedua-dua syarat ini, orang tersebut mempunyai hak ke atas tanah tersebut. Bentuk hak propritori yang lebih halus terdapat di dalam Kanun Melaka. Tanah dibahagikan kepada dua jenis, tanah hidup dan tanah mati. Tanah hidup merupakan tanah yang telah dibersihkan dan ditanam atau pun tanah yang telah dipulihkan semula. Tanah mati pula adalah tanah-tanah yang telah ditinggalkan dan hutan-hutan yang belum diterokai.

Konsep am hak propritori ini diubahsuaikan mengikut jenis tanaman yang ditanam dan corak penanaman. Jangkamasa yang berlainan telah diadakan untuk mengenalpasti sama ada sekeping tanah itu boleh dipertimbangkan sebagai tanah hidup atau tanah mati. Berkaitan dengan jangkamasa ini Maxwell menulis:

> *Malay custom has, therefore, fixed three years as the term which wet-rice fields, if left uncultivated shall remain subject to the proprietory right of the owner. If wet riceland remains uncultivated for more than that period, it is open to the Raja. Chief or headman, within whose district it is situated, to put in another cultivator. Abandoned fruit plantations, on the other hand, may be successfully claimed and resumed by the proprietor, or by anyone claiming under him by descent or transfer, as long as any of the trees survive, and the proprietory right is not extinguished until all evidence of proprietorship is gone.*[22]

Walau bagaimanapun di negeri Melayu, Sultan berhak mengambil satu persepuluh daripada hasil tanaman. Oleh itu hak propritori ke atas tanah tidaklah terhad kepada pendudukan atau penanaman sahaja tetapi juga

obligasi membayar cukai kepada kelas pemerintah. Kegagalan atau keengganan membayar cukai akan berkesudahan dengan hak untuk menggunakan tanah dan hasil tanaman dirampas. Sultan atau pembesar-pembesar jajahan mempunyai kuasa untuk memberikan tanah yang tertinggal dan tidak diusahakan kepada orang lain. Undang-undang berkaitan dengan penggunaan tanah ini, bersama dengan faktor-faktor yang tellah dibincangkan berkemungkinan telah menggalakkan kaum tani Melayu untuk menanam padi darat.

Semenanjung Tanah Melayu telah mengalami transformasi sosial, ekonomi dan politik di bawah pemerintahan kolonial. Landasan ekonomi kaum tani Melayu telah berubah dan disesuaikan dengan struktur ekonomi di bawah susunan sosial baru yang mengutamakan pertukaran. Tekanan pasaran dunia dan pemerintah kolonial telah membentuk sebuah industri pertanian. Aktiviti pertanian kaum tani Melayu telah dihadkan oleh pihak kolonial. Antara lain, mereka telah menjadi sasaran kepada beberapa undang-undang yang telah menyekat aktiviti ekonomi asas mereka. Di Perak, misalnya, peraturan-peraturan dan undang-undang baru ini termasuklah *Compulsory Planting of Coconuts by Malays 1880, Prohibition of Felling of Forest 1881 dan Alienation of Nipah Lands 1888.*[23] Perlaksanaan peraturan-peraturan ini telah dengan secara dramatis mengurangkan kebebasan kaum tani Melayu. Pemerintah telah menentukan jenis tanaman yang mesti ditanam dan juga cara penanamannya.

Undang-undang yang telah memberikan tamparan hebat kepada kaum tani Melayu di Perak adalah *Discouragement of Ladang Cultivation 1890.*[24] Penanaman padi secara pertanian pindah oleh kaum tani Melayu sememangnya telah menjadi satu isu kepada pemerintah Inggeris, bermula pada tahun 1887 lagi. Amalan berladang difahamkan oleh pentadbiran kolonial sebagai '*an obnoxious and wasteful type of agriculture, destroying valuable timber and a temporary culture at best*'.[25] Pihak Inggeris menggalakkan kaum tani Melayu yang mengamalkan sistem ladang untuk menanam padi secara tetap melalui padi basah.

Untuk mencapai tujuan mereka pihak kolonial telah menaikkan kadar sewa ke atas penanaman padi darat tetapi cara ini tidak juga dapat mengubah keadaan. Kaum tani Melayu masih meneruskan aktiviti tanaman padi darat mereka. Tiadanya tradisi berkaitan dengan padi basah di kalangan sebahagian kaum tani dan kerja-kerja yang mesti dilakukan telah membuat penanaman padi basah kurang diminati. Justeru itu didalam tahun 1888, setahun selepas kadar sewa dinaikkan, jumlah

keluasan kawasan yang diusahakan dengan padi darat masih besar. Di Perak, di daerah Kinta sejumlah 1500 ekar telah dikerjakan. Di Kuala Kangsar pula seluas 3455 ekar atau 91.0 peratus daripada kesemua tanah yang diteroka di dalam daerah itu pada tahun tersebut. Memandangkan jumlah kawasan padi darat tidak dapat dikurangkan satu peraturan yang lebih ketat telah dikeluarkan. Pemerintah kolonial telah mengarahkan bermula dari 1hb. Januari 1890 kawasan hutan tidak boleh ditebang untuk tujuan ladang kecuali kawasan belukar yang usia pokok-pokoknya tidak lebih dari lima atau enam tahun.[26] Peraturan ini adalah punitif kerana masa yang diperlukan bagi mengembalikan bahan nutrien di dalam tanah adalah di antara 10-15 tahun. Langkah ini juga telah tidak dapat memenuhi kehendak pihak Inggeris. Kaum tani Melayu terus mengamalkan budaya padi darat mereka. Pentadbir kolonial, sebagai langkah terakhir, telah mengeluarkan undang-undang yang mengatakan bahawa '*no pass or licence for ladang cultivation would be granted in the state*'.[27] Peraturan ini telah dikuat kuasakan mulai bulan April 1896. Bagaimanapun peraturan ini tidak dapat juga mengikis secara keseluruhan tradisi yang telah begitu lama diamalkan oleh kaum tani Melayu. Penanaman padi darat secara ladang masih diteruskan di bawah pemerintah Inggeris tetapi dengan jumlah keluasan yang berkurangan.

Pada tahun 1920 di Perak, dari jumlah kawasan padi seluas 123709 ekar, jumlah padi darat adalah 29.3 peratus atau 36205 ekar. Pada musim penanaman padi 1920-21 empat dari tujuh daerah padi ladang masih dominan. Daerah-daerah ini adalah Hulu Perak dengan 5000 ekar padi darat berbanding dengan 4360 ekar padi basah; Kinta, 6398 ekar ladang berbanding dengan 860 ekar padi basah; Batang Padang, 8415 ekar padi ladang berbanding dengan 1088 padi basah; dan akhir sekali Hilir Perak 9604 padi darat berbanding dengan 2232 ekar padi basah. Pada musim penanaman padi yang sama jumlah keluasan padi darat bagi Negeri Selangor melebihi padi basah, 11690 ekar berbanding dengan 4790 ekar.[28] Bagaimanapun di Negeri Sembilan di mana telah terdapat satu tradisi pengairan yang lama di kalangan orang-orang Minangkabau di situ, keluasan padi basah secara sawah adalah berjumlah 29787 ekar berbanding dengan hanya 479 ekar padi ladang.[29]

TRADISI PADI BASAH

Walaupun terdapat tuntutan-tuntutan yang mengatakan padi darat adalah lebih dominan dari padi basah, beberapa tradisi penanaman padi basah dan corak pengawalan air telah pun didapati pada awal kurun ke-16 di

Semenanjung Tanah Melayu. Yang terutama adalah di kalangan orang Minangkabau yang berhijrah dari Sumatra dan menduduki daerah Negeri Sembilan. Mereka telah membawa bersama mereka teknologi penanaman padi basah dan teknik-teknik pengairan seperti empat kayu dan kincir. Selain daripada itu terdapat pula pengaruh India dan atau Thai ke atas tradisi penanaman padi basah di dataran Kedah.[30]

Di samping kedua-dua sumber penanaman padi basah ini terdapat juga beberapa sistem penanaman pengeluaran padi basah yang telah berkembang secara asli di Tanah Melayu. Sistem penanaman paya yang terdapat di Pahang, umpamanya, telah wujud sebagai penyesuaian kepada keadaan berpaya yang terdapat di bahagian timur negeri itu. Sistem penanaman padi cedungan pula yang terdapat di negeri Pantai Timur wujud sebagai penyesuaian kepada angin monsun Timur-Laut yang bertiup dari Laut China Selatan yang membawa hujan ke Pantai Timur semenanjung pada bulan Oktober hingga Mac. Seperti di Pantai Timur penanaman padi basah di negeri-negeri Melayu pantai barat, dari Melaka hingga ke Perlis, juga bergantung kepada hujan yang dibawa oleh tiupan angin monsun Barat Daya dari bulan Mei hingga Ogos.[31]

Mengambil kesempatan kenaikan air banjir di kawasan sungai, penanaman padi yang dikenali sebagai cenur telah berkembang Dengan menggunakan jenis padi yang tahan di bawah keadaan terendam, hal ini telah diterangkan oleh Van Thean Kee seperti berikut:

> *Under this system, the crop is grown in such a way that it is either harvested before the flood or that the crop is strong enough to withstand it. Early sowing is essential and is staggered. The lower reaches are sown first and as the water slowly rises sowing is done progressively upwards. Some sort of brushwood dams are constructed to retain the water both in the early stages and when the water is receding. Thus we have a situation here where the tallest plants are at the lower reaches and the shortest at the top during the flood period.*[32]

Walaupun sistem ini wujud dan dijalankan oleh kaum tani Melayu di semenanjung tetapi kawasan-kawasan di mana sistem cenur dijalankan tidak pula diketahui dengan secara khusus. Tanaman padi tugalan merupakan satu contoh lagi sistem penanaman padi di semenanjung. Berbeza dengan cara penanaman cenur yang diterangkan di atas, jenis padi yang digunakan untuk sistem tugalan adalah jenis yang tahan

kemarau. Di bawah sistem ini sumber air untuk tanaman bergantung kepada hujan. Benih-benih ditanam secara tugal sebelum bermula musim hujan dan batas-batas dibuat untuk memerangkap air hujan di dalam petak-petak.[33] Jelas terdapat berbagai corak penanaman padi yang diusahakan oleh kaum tani di semenanjung sebelum kedatangan kuasa kolonial. Dari segi perkembangan corak penanaman padi yang mempunyai nama-nama tersendiri, R.D. Hill mencadangkan bahawa:

> *The evolutionary sequence of Malaysian rice cultivation seems to begin with unirrigated short-cycle shifting cultivation of the swamp margins. From this ling of evolution forsks into shifting cultivation of the uplands on one hand, and on the other, flat land systems involving hoe-using permanent broadcast-seed cultivation, elaborating into permanent hoe-using dibble-seed cultivation, in time developing into plough-using dibbling systems as one sequence. Another branch of the permanent hoe-using broadcasting technique may have evolved towards the use of transplanting in bunded fields, followed later by the introduction of the plough, and by irrigation, some forms of which may have been introduced during the Minangkabau immigration of the fourteenth century.*[34]

Kerangka evolusi *unilinear*, dari satu sistem, bercabang kepada sistem-sistem yang lain mungkin telah berlaku tetapi setakat ini satu kesimpulan yang meyakinkan tidak boleh dibuat. Apa yang ketara ialah terdapatnya tiga faktor yang telah mempengaruhi kewujudan variasi di dalam sistem penanaman padi. Pertama adalah keadaan semulajadi, termasuk corak taburan hujan, topografi dan jenis tanah. Yang kedua adalah penyebaran teknik-teknik penanaman yang dibawa masuk oleh kumpulan-kumpulan manusia yang berhijrah masuk ke semenanjung dan juga perhubungan orang-orang tempatan dengan susunan sosial luar, dan akhir sekali keupayaan yang dipaparkan oleh tanaman itu sendiri yang boleh hidup di bawah keadaan alam semulajadi dan cara-cara penanaman yang berbeza. Untuk mengukur perkembangan pengawalan air dan pengairan kita harus meneliti corak-corak penanaman yang berbeza dan taburan kawasan-kawasan yang menjalankannya di Semenanjung Malaysia. Dengan menggunakan sumber-sumber penulisan pada zaman kolonial dapat kita membentuk kembali sistem-sistem yang wujud pada zaman sebelum kedatangan Inggeris.

Oleh kerana terdapat berbagai corak penanaman padi basah di semenanjung ini, maka tidak boleh dikatakan bahawa sesuatu sistem itu boleh mewakili kesemua corak-corak penanaman ini.[35] Terdapat laporan-laporan mengenai tanaman padi basah dan pengairan, yang memberikan generalisasi mengelirukan. R.O.N. Anderson, umpamanya, yang membincangkan kaedah asli pengairan di kalangan orang-orang Melayu untuk penanaman padi basah '*in numerous valleys throughout the States*' telah mengatakan:

> *They show great cleverness in locating these watercourses without the aid of any instrument. The water is usually led from a stream higher up the valley and contoured down the side of a hill, but sometimes it is brought from another watershed and it is remarkable how the people find the correct levels, apparently by intuition. It is usually necessary to construct a dam across the river, from which water is taken, and in this work they are very expert. With no tools but an axe and a parang they construct excellent weirs formed from logs, brushwood and stone which last many good years and hold up water to a depth of 15 feet.*[36]

Penerangan seperti di atas memberikan gambaran bahawa tradisi pengairan di dalam penanaman padi memang telah wujud sejak awal-awal lagi di negeri-negeri Melayu dan telah tersebar dengan luasnya. Cara yang diterangkan itu mungkin benar di kawasan-kawasan tertentu tetapi tidaklah boleh digunakan sebagai satu generalisasi bagi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu.

WARISAN MINANGKABAU

Tradisi penanaman padi basah dengan sistem pengairan yang unggul di Semenanjung Tanah Melayu sejak abad ke-16 adalah sistem sawah orang-orang Minangkabau. Mereka telah meneroka pembukaan sawah di lembah-lembah pendalaman dan kawasan-kawasan dataran di Negeri Sembilan dan sebahagian daripada negeri Melaka. Untuk mendapatkan air untuk tujuan pengairan sawah mereka, teknik-teknik yang digunakan oleh orang-orang Minangkabau adalah menakjubkan.[37]

Penanaman padi sawah oleh orang-orang Minangkabau dijalan-kan dengan mendapatkan bekalan air melalui pembinaan empangan-empangan kayu, kincir, dan tali-tali air. Bagaimanapun di tempat-tempat di mana

struktur ini memang sudah sedia ada, kerja-kerja hanyalah tertumpu kerja-kerja pembersihan dan pembaikan sahaja. Bekalan air untuk petak-petak sawah pada kebiasaannya didapati dengan cara membuat empangan-empangan kayu dan bukan kincir. Dibina dengan cara kerjasama oleh petani-petani, empangan yang dibina secara umumnya adalah kecil dan tidak berapa kukuh dan memerlukan tenaga yang banyak untuk menjaganya. Kerja-kerja pembinaan empangan dijalankan oleh sekumpulan petani yang akan melantik seorang ketua yang bertanggungjawab untuk mengawas segala kerja-kerja dan setelah siap, penjagaannya. Tidak ada gaji atau upah dibayar untuk kerja-kerja pembinaan empangan tetapi pembayaran dalam bentuk wang atau bukan wang boleh dibuat oleh seseorang kepada ahli-ahli kumpulan jika beliau tidak dapat bersama untuk menjalankan kerja-kerja yang telah ditetapkan untuk beliau. Sakit, misalnya, merupakan satu sebab yang boleh diterima. Orang tua seperti juga ahli-ahli dalam kumpulan, tidak mendapat apa-apa bayaran tetapi sebahagian kecil daripada hasil padi akan diberikan kepada beliau setelah tamat menuai mengikut adat Minangkabau.

Pembinaan empangan kayu merupakan satu perkara yang meluas dan memerlukan tenaga kerjasama. Peringkat permulaan pembinaan melibatkan memacakkan kayu dan buluh yang telah dibelah, di sebelah atas dan bawah dimana empangan itu dicadangkan, untuk memperkukuhkan tebing sungai. Ini diikuti pula dengan memacakkan kayu-kayu besar ke dalam perut sungai dari tebing ke tebing dengan jarak lebih kurang tiga kaki. Di antara jarak-jarak ini pula dipacakkan kayu-kayu yang lebih kecil. Selari dengan barisan pertama ini dibuat pula barisan yang kedua terletak lebih kurang dua kaki ke hulu sungai. Ikatan kayu-kayu kemudiannya diletakkan di antara kedua barisan tadi. Ini diikuti pula dengan menambak tanah dan juga batu-batu sehinggalah paras air dapat dinaikkan dan terus mengalir ke dalam taliair yang menuju kepetak-petak sawah. Setelah selesai pembinaan empangan yang utama ini satu lagi empangan terpaksa dibina jaraknya lebih kurang sepuluh ela ke hilir sungai. Empangan yang kedua ini adalah lebih kecil daripada yang pertama dan dibina sebagai satu tindakan untuk mengawasi kemungkinan empangan utama tadi runtuh kerana arus sungai yang kuat. Juga empangan yang ke dua ini berfungsi sebagai perangkap pasir untuk mengurangkan pemendapan di hilir sungai. Empangan sekunder ini dibina dengan memacakkan satu barisan kayu-kayu yang diperkuatkan dengan buluh.

Sebagai tindakbalas kepada keadaan fizikal di kawasan-kawasan di mana empangan tidak dapat dibina oleh kerana tebing sungai yang tinggi, sistem kincir digunakan untuk menaikkan air dari sungai ke sawah. Kincir boleh digunakan untuk menaikkan air kepada satu atau pun kedua-dua belah tebing sungai. Kincir yang digunakan oleh orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan diterangkan seperti berikut:

> *The Malay water wheel is undershot. The diameter of the wheel is about 12 to 15 feet, and supplied with bamboo internodes (known as 'kanchangs') from 10 to 15 in number for the lifting of the water. The hub of the wheel is of hard wood affixed at either end to a wooden platform. The wheel cannot rise and fall according to the amount of water in the river. The spokes are of bamboo, and the circumference of the wheel constructed of twisted rotan. The water when lifed, falls into a wooden trough composed of the hollowed out trunk of the sago palm or the 'rumbia'. From this trough the water is conducted by a series of similar troughs placed end to end until it reaches the saway.*[38]

Semasa kerja-kerja pembinaan atau pun pemulihan empangan atau kincir dilakukan, semaian disediakan. Kedua-dua jenis semaian, basah atau kering, akan dibuat oleh petani. Pawang memainkan peranan utama mengendalikan upacara ke atas petak semaian yang baru. Di peringkat ini, air yang didapati dari sungai melalui sistem pengairan dalam bentuk empangan atau kincir mula masuk mengalir ke dalam sawah. Penyediaan tanah dengan menggunakan cangkul, tajak atau tenggala yang ditarik oleh kerbau dijalankan selepas air dimasukkan selama tiga atau empat minggu. Batas dibina atau diperbaiki untuk menahan air di dalam petak sawah. Setelah sawah dan semaian disediakan, air berlebihan yang terdapat di dalam petak sawah dikeluarkan, meninggalkan hanya tanah lumpur dan air yang tinggi seinci. Kerja-kerja mengubah anak-anak padi yang berumur 40 hari biasanya dilakukan oleh orang-orang perempuan dan juga kanak-kanak. Kerja-kerja selepas menanam atau mengubah hanyalah terhad kepada merumput yang juga biasanya dilakukan oleh orang-orang perempuan. Terpulang kepada jenis-jenis padi yang ditanam, kerja-kerja penuaian dijalankan selepas tujuh atau lapan bulan.[39]

PADI BASAH DI KELANTAN

Di kawasan dataran di sebelah utara negeri Kelantan pula terdapat satu bentuk penanaman padi basah yang dikenali sebagai cedungan. Tanaman padi di bawah sistem ini bergantung kepada air hujan yang dibawa oleh angin monsun. Pengairan tidak penting kerana dikatakan '*the people show very little natural aptitude in taking water from drains and streams, or in utilizing water to its best advantage when its is brought to the fields*'.[40] Permulaan musim hujan yang dibawa oleh monsun Timur Laut memulakan kerja-kerja menyediakan tanah dengan menggunakan tenggala. Petak semaian darat biasanya digunakan dan anak-anak padi diubah ke petak-petak yang telah disediakan selepas 40 hari. Selepas lebih kurang sebulan mengubah, kerja-kerja membaja dilakukan. Baja yang digunakan dikenali sebagai baja bakar dan ini merupakan campuran tahi lembu, tanah, sabut kelapa atau pinang yang telah dibakar sebelum digunakan. Operasi-operasi selepas mengubah seperti merumput biasanya tidak dijalankan. Tanaman padi ditinggalkan untuk membesar sehinggalah masa untuk menuai.[41]

SISTEM PAYA DI PAHANG

Sistem penanaman padi basah yang komplek didapati di Pahang.[42] Di sini penanaman padi dilakukan di kawasan-kawasan yang berpaya.[43] Pada dasarnya terdapat dua kategori penanaman padi paya. Ini adalah padi paya dan paya sawah. Sistem padi paya adalah lebih biasa digunakan dari paya sawah. Sumber air boleh didapati melalui dua jenis penjenilan tanah. Ini termasuklah kawasan-kawasan yang bergantung kepada hujan sebagai sumber air (paya takung) dan kawasan-kawasan yang menerima air hujan bersama sumber sampingan yang didapati dari sungai (paya anak sungai). Penanaman secara paya sawah pula pada kebiasaannya dijalankan di tanah yang rata dan tidak semestinya di bawah keadaan yang berpaya. Juga, penanaman secara paya sawah '*is equipped with the whole area cultivated and reliance has to be placed on a portion of the water requirements being supplied by the local rainfall*'.[44]

Variasi cara-cara penanaman boleh didapati di bawah sistem-sistem ini. Ini termasuklah paya cedung, paya tabur dan paya simbah. Penanaman secara paya cedung bermula dengan penyediaan semaian di atas tanah yang telah dibersihkan di dalam belukar. Biji benih padi yang telah direndam semalaman ditabur di tapak semaian. Benih padi di semaian biasanya dibiarkan besar selama 44 - 60 hari sebelum diubah. Penyediaan

tanah termasuklah memotong rumput rampai dan membaiki batas. Selepas itu '*herd of buffaloes (was) driven into the field to trample down all the weeds till they (were) submerged in the mud*'.[45] Ini dijalankan beberapa kali sehinggalah segala rumput rumpai itu reput. Kerja-kerja mengubah kemudian dijalankan dan padi dituai selepas tujuh atau lapan bulan terpulang kepada jenis-jenis padi yang digunakan.[46]

Penanaman padi paya tabur pada asasnya adalah serupa dengan paya cedung kecuali di bawah sistem ini biji benih padi ditabur ke kawasan tanaman setelah direndam selama 48 jam. Jenis-jenis padi yang digunakan juga adalah sama seperti paya cedung.[47] Penaburan biji benih yang telah direndam juga dijalankan di dalam sistem penanaman padi paya simbah. Di bawah sistem ini kerja-kerja dimulakan pada musim kering di mana hutan atau belukar ditebang, dibersih dan dibakar. Apabila musim hujan bermula bijibenih ditabur '*on the semi-wet paya and then left entirely to the mercy of the weather till harvest time*'.[48] Selepas dua atau tiga musim tanaman kawasan itu ditinggalkan dan kawasan baru pula dibuka. Satu lagi cara penanaman padi adalah cara tenggala yang didapati di kawasan tebing sungai di Pahang. Sistem ini yang seakan-akan menyerupai paya simbah dan paya tabur juga dijalankan dengan penaburan biji benih. Perbezaan didapati hanyalah dengan penggunaan tenggala untuk penyediaan tanah setelah belukar di tebing apabila musim hujan bermula. Di bawah sistem ini tanah digunakan untuk empat pusingan tanaman dan kemudiannya ditinggalkan untuk selama empat hingga enam tahun dimana ianya kembali menjadi belukar.[49]

PADI BASAH DI TERENGGANU

Di negeri Terengganu empat sistem penanaman padi yang jelas boleh didapati. Sistem-sistem ini adalah cedungan, taburan, tugalan dan huma. Dari keempat-empat sistem ini hanya cedungan sahaja yang boleh dikatakan sebagai penanaman padi basah dan yang lain-lainnya merupakan penanaman padi darat.[50] Padi cedungan yang terdapat di Terengganu adalah serupa dengan yang terdapat di Kelantan. Sumber air pada asasnya didapati daripada hujan walaupun terdapat cara pengairan yang rudimentari di mana empangan-empangan kecil dibina oleh penanam-penanam. Pada umumnya petani-petani lebih suka menanam padi darat. Di setengah-setengah tempat di negeri ini didapati bahawa '*the most elementary principles of cultivation and water control are not understood*'.[51] Pengawalan air di bawah sistem cedungan ini hanyalah terhad kepada pengeluaran air yang lebih dari petak-petak. Kehadiran

empang-empang kecil untuk tujuan pengairan merupakan satu kekecualian daripada apa yang biasa dilakukan.

DATARAN KEDAH

Sumber air di kawasan-kawasan penanaman padi di Kedah adalah daripada air hujan. Di kawasan dataran panti ini peparitan menjadi masalah dan bukannya pengairan. Kerja-kerja penerokaan yang dijalankan secara komunal atau pun yang diarahkan oleh pihak pemerintah di kawasan yang berpaya ini untuk tujuan penanaman padi pada abad ke-16 telah pun dibincangkan oleh Afifuddin Haji Omar.[52] Pembinaan parit-parit untuk mengeluarkan air dari paya-paya ini merupakan peringkat pertama di dalam kerja-kerja reklamasi. Penanaman padi tidak boleh dijalankan selepas kawasan itu disalirkan. Satu jangkamasa '*fallowing*' diperlukan untuk mengurangkan kandungan asid di dalam tanah. Pada kebiasaannya tiga tahun diperlukan sebelum penanaman padi basah boleh diusahakan.

Penanaman padi basah biasanya bermula di dalam bulan April apabila musim hujan bermula. Batas-batas dibina atau pun diperbaiki dan air hujan yang terperangkap di dalam petak-petak ini ditinggalkan untuk beberapa minggu sebelum penyediaan tanah boleh dijalankan. Kerja-kerja menenggala dijalankan untuk menyediakan tanah supaya anak-anak padi boleh diubah dari petak semaian. Kerja-kerja mengubah biasanya dilakukan setelah anak-anak padi di petak semaian berumur 44 hari. Pembajaan dengan menggunakan tahi kelawar yang terdapat dengan banyaknya di kawasan ini, dan sedikit kerja-kerja merumput, merupakan kerja-kerja yang dilakukan selepas mengubah. Terpulang kepada jenis-jenis padi yang digunakan penuaian akan dibuat selepas lima atau lapan bulan. Air didalam petak-petak dikeluarkan perlahan-lahan semasa proses pembesaran pokok-pokok padi hinggalah ke musim menuai di mana petak-petak dikeringkan.

PADI BASAH DI MELAKA

Negeri Melaka juga merupakan satu kawasan di mana penanaman padi basah diusahakan. Penerangan yang agak mendalam berkenaan dengan cara penanaman padi basah di negeri ini telah diterangkan oleh Muhammad Jaafar. Karya beliau telah memberikan gambaran tentang amalan-amalan penanaman padi di Melaka pada abad ke-19.[53] Dari apa yang dapat difahamkan daripada karya beliau itu, sistem padi basah yang diamalkan

di Melaka, tidak termasuk yang diamalkan oleh orang-orang Minangkabau yang berada disitu, pada dasarnya adalah bergantung kepada air hujan, tidak disebut langsung kewujudan satu sistem pengairan. Penanaman padi basah adalah bergantung kepada angin monsun barat-daya. Permulaan musim hujan menandakan permulaan musim penanaman padi di negeri tersebut. Menurut beliau:

> *'In starting planting operations, however, the object is if possible to coincide with the season when the West wind blows, because at that time there are frequent rains and accordingly the earth of the rice-field becomes soft and easy to plough. Moreover, in planting rice it is an invariable rule that there must be water in the field, in order that the rice may sprout properly; though on the other hand if there is too great a depth of water the rice is sure to die'.*[54]

Walau bagaimanapun keputusan untuk menentukan hari mula menanam ditetapkan oleh orang-orang tua kampung yang dinasihati oleh pawang. Sama seperti di Negeri Sembilan pawang mempunyai pengaruh yang besar terhadap penanaman padi di Melaka.

Hari yang telah ditetapkan itu akan diumumkan oleh penghulu semasa sembahyang Juma'at di mesjid. Diumumkan juga bahawa setiap penanam diperlukan membawa secupak ibu benih ke mesjid pada hari yang ditetapkan supaya doa maulud boleh dijalankan. Upacara ini menandakan bermulanya musim penanaman padi. Langkah pertama penanaman padi merupakan penyediaan tapak semaian dan penaburan benih. Ini diikuti pula dengan kerja-kerja untuk memperbaiki batas-batas supaya air di dalam petak-petak tidak keluar.

Kerja-kerja pembajakan kemudiannya dilakukan, diikuti pula oleh kerja-kerja mengubah anak-anak benih padi. Tanaman padi biasanya dituai selepas enam bulan selepas mengubah. Pawang memainkan peranan pada tiap-tiap peringkat pusingan tanaman. Ini termasuklah upacara tepung tawar semasa penyediaan tapak semaian hinggalah ke upacara memuja semangat padi apabila musim menuai.

PENUTUP

Negeri-negeri Melayu semenanjung merupakan kawasan di mana terdapatnya berbagai corak tanaman padi pasah dan padi darat. Bentuk-

bentuk pananaman ini merupakan hasil dari faktor-faktor ekologi, penyebaran teknik-teknik penanaman dan ciri versatil yang terdapat pada tanaman padi itu sendiri. Pada tradisi padi basah, khususnya, terdapat corak-corak penanaman yang berbeza. Pengairan tidak meluas dan hanyalah tertumpu kepada sawah orang-orang Minangkabau yang menunjukkan darjah pengetahuan yang tinggi tentang perkara ini. Sistem penanaman padi basah yang mempamerkan keaslian adalah corak penanaman padi paya yang terdapat di Pahang. Padi paya yang diamalkan oleh kaum tani Melayu Pahang ini merupakan adaptasi ke atas keadaan semulajadi mukabumi dan sumber air.

Ketidakseragaman yang ditunjukkan oleh kaum tani Melayu di dalam corak-corak penanaman padi mempunyai implikasi terhadap penyelidikan yang sedang dan akan dijalankan. Penyelidikan yang rapi harus diadakan untuk memberikan gambaran yang komprehensif tentang sistem-sistem penanaman padi dan kaum tani Melayu.

Bagaimanapun usaha-usaha untuk mengetahui tentang sistem-sistem penanaman padi ini mestilah berupaya mengaitkan proses pengeluaran padi ini dengan proses-proses masyarakat yang lebih besar. Hanya dengan cara ini penghayatan ke atas kaum tani Melayu dan penanaman padi itu akan menjadi lebih bererti.

NOTA

1 Lihat *preface* kepada edisi pertama D.H. Grist, *Rice*, London: Longmans, Green and Co. Ltd., 1965 (Edisi Keempat).

2 Robert F. Chandler, Jr., *Rice in the Tropics: A Guide to the Development of National Programs*, Boulder: Westview Press, 1979, ms.17-18. Lihat juga Lucien M. Hanks, *Rice and Man: Agricultural Ecology in Southeast Asia*, Chicago: Aldine Atherton, 1972, ms.17.

3 Rupert Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur and Singapore: UMP, 1969, 3rd Impression, ms.183.

4 Richard Allen, *Malaysia: The Impact and Aftermath of Colonial Rule*, London: Oxford University Press, 1968, ms.61.

5 E.K. Fisk, "Features of the Rural Economy" dalam T.H. Silcock and E.K. Fisk (eds.), *The Political Economy of Independent Malaya A Case Study in Development*, ms.165.

6 Martin Rudner, "Agricultural Policy and Peasant Social Transformation in Late Colonial Malaya", dalam James C. Jackson and Martin Rudner (eds.), *Issues in Malaysian Development*, Singapore: Heinemann, 1979, ms.12.

7 Paul H. Kratoska, "Rice Cultivation and the Ethnic Division of Labor in British Malaya", *Comparative Study of Society and History*, Vol.24, 1982, ms.282.

8 *Ibid.*, ms.285-6.

9 Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, ms.146.

10 Amarjit Kaur, Bridge and Barrier: *Transport and Communications in Colonial Malaya 1870-1957*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1985, ms.65 dan 160.

11 Eric R. Wolf, *Europe And The People Without History*, Berkeley: University of California Press, 1982, ms.21.

12 I.H. Burkill, *A Dictionary of the Economic Products of the Malay Peninsular*, Kuala Lumpur: Ministry of Agriculture and Cooperatives, 1966, ms.1627.

13 Cheng Siok Hwa, "The Rice Industry of Malaya: A Historical Survey", *JMBRAS*, Vol. XLII, Part 2, December 1969, ms.130.

14 Burkill, *op. cit.*, ms. 1627.

15 "Translation of a Letter by Raja Bot, Selangor, Giving His View on the Subject of Extending the Area of Rice Cultivation", *Agriculture Bulletin of the Straits and FMS*, Vol.1, No.14, 1902, ms.583.

16 G.E. Coombs, "Notes on the Production of Dryland Rice", *Agriculture Bulletin of the Straits and FMS*, Vol.VI, Nos.7&9, 1918, ms.312-28; J.A. Craig, "*Dry Padi in Kelantan*", *Malayan Agricultural Journal*, Vol.XXI, No.12, 1933, ms.664-666; "Report of the System of the Rice Cultivation Practised in Pahang", *Agriculture Bulletin of the Straits and FMS*, Vol.1, No.1, 1901, ms.13.

17 Lim Teck Ghee, *Origins of a Colonial Economy: Land and Agriculture in Perak 1874-1897*, Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1976, ms.43.

18 W.E. Maxwell, "The Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of Land", *JSBRAS*, No.13, June 1884, ms.81.

19 R.D. Hill, *Rice in Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, ms.185.

20 Lim Teck Ghee, *op. cit.*, ms.4.

21 F.A. Swettenham, *British Malaya*, London: George Allen and Unwin Ltd., 1955, ms.136.

22 Maxwell, *op. cit.*, ms.78-79.

23 Lim Teck Ghee, *op. cit.*, ms.144.

24 *Ibid.*

25 *Ibid.*, ms.66.

26 *Ibid.*, ms.67.

27 *Ibid.*

28 *FMS. Report of the Director of Agriculture, FMS and Straits Settlements for the Year 1921*, ms.7.

29 *Ibid.*

30 Cheng Siok Hwa, (1969), op. cit., ms.130. Bagi pandangan yang alternatif berkaitan dengan tarikh bagi Kedah sila lihat Zaharah Mahmud, "The Pioneering of Wet-Rice Growing Traditions in West Malaysia - A Restudy with Special Reference to the State of Kedah", *Geographica*, Vol.5, 1969, ms.1-17.

31 R.D. Hill, "Rice Cultivation Systems in Malaya", *World Crops*. Vol.18, No.3, 1966, ms.72-74.

32 Van Thean Kee, "Rice Cultivation in Peninsular Malaysia with Special Reference to the Need for Applied Studies in Agronomy/Irrigation Practices", in Cheong Chup Lim, Khoo Soo Hock and S. Thamutharan (eds.), *The Proceedings of the National Seminar on Water Management and Control at the Farm Level*, Kuala Lumpur: Ministry of Agriculture and Rural Development, 1975, ms.30.

33 *Ibid.*, ms.30.

34 R.D. Hill, "Peasant Rice Cultivation Systems with Some Malaysian Examples", *Geographia Polonica*, Vol.19, 1970, ms.97.

35 James C. Jackson, "Rice Cultivation in West Malaysia: Relationship Between Culture History, Customary Practices and Recent Developments", *JMBRAS*, Vol.XIV, Part.II, 1972, ms.76.

36 R.O.N. Anderson's description in Cuthbert W. Harrison, *An Illustrated Guide to the Federated Malay States*, London: Malay States Information Agency, 1920, ms.37-38. Kenyataan yang sama telah digunakan oleh Harrison didalam penulisannya, "Rubber and Rice, With Special Reference to Silt on Padi Fields", *Agriculture Bulletin of the Straits and FMS*, Vol.VI, No.1, 1917, ms.11-14.

37 Perbincangan yang mendalam berkenaan dengan pusingan penanaman dan kaedah pengawalan air boleh di dapati dalam penulisan D.H. Grist, "Wet Padi Planting in Negeri Sembilan", *FMS Department of Agriculture Bulletin*, No.32, 1922. Perbincangan untuk bahagian ini adalah pada asasnya mengikut sumber ini.

38 *Ibid.*, ms.11. Bagi description yang lain berkaitan dengan kincir sila lihat Ambrose B. Rathborne, *Camping and Tramping in Malaya*, London: Swan Sonnenschein & Co. Ltd., 1898, ms.37; dan Short and Jackson, (1971). op. cit., ms.81.

39 Untuk penerangan lanjut tentang penanaman padi secara sawah ini sila lihat D.H. Grist, *"Notes on the Work of the Agricultural Instructor, Kuala Pilah, for the Year 1918"*, *Agriculture Bulletin of the Straits and FMS*, Vol.VII, No.4, 1919. Penerangan yang lebih recent keadaan pusingan penanaman padi di Negeri Sembilan boleh didapati didalam karya Michael G. Swift, *Malay Peasant Society in Jelebu*, London: The Athlone Press, 1965, ms.39-48.

40 "Padi Planting Methods in Malaya", *MAJ*, Vol.XXVII, No.2, 1939, ms.48.

41 *Ibid.*, ms.48-49.

42 Untuk klasifikasi sistem-sistem tersebut sila lihat "Report on the System of Rice Cultivation Practised in Pahang", (1901), *op. cit.*; dan Syed Abdul Rahman, "Padi Cultivation in Pahang", *Agriculture Bulletin of the Straits and FMS*, Vol.VIII, No.3, 1920, ms.176-178.

43 Untuk karya yang terbaru terhadap pusingan penanaman padi paya sila lihat Donald H. Lambert, *Swamp Rice Farming: The Indigenous Pahang Malay Agricultural System*, Boulder: Westview Press Replica Edition, 1985.

44 *"Padi Planting Methods"*, (1939), *op. cit.*, ms.46-57. Juga sila lihat Inez Adams, *"Rice Cultivation in Asia"*, *American Anthropologist*, Vol.50, No.2, 1948, ms.272.

45 Syed Abdul Rahman, (1920), *op. cit.*, ms.176.

46 *Ibid.*, ms.176.

47 *Ibid.*, ms.177.

48 *"Padi Planting Methods"*, (1939), *op. cit.*, ms.57.

49 Untuk perbincangan yang mendalam tentang sistem tenggala ini sila lihat D.H. Grist and Syed Abdul Rahman, *"The Cultivation of Tenggala Padi"*, *Agriculture Bulletin of the Straits and FMS*, Vol.IX, No.1, 1921, ms.5-22; disambung didalam Vol.IX, No.2, 1921, ms.131-153; dan berakhir di dalam Vol.IX, No.4, 1921, ms.241-257.

50 Lihat J.A. Craig, "Agriculture in Trengganu", *MAJ*, Vol.XXII, No.4, 1934, ms.178-179.

51 *"Padi Planting Methods"*, (1939), *op. cit.*, ms.51.

52 Afifuddin Haji Omar, (1978), *op. cit.*, ms.38-56.

53 Muhammad Ja'afar, "An Account of the Cultivation of Rice in Malacca", *JSBRAS*, No.30, July 1897, ms.297-304. (Alihbahasa oleh C.O. Blagden). Perbicangan bahagian ini adalah berasaskan kepada sumber ini.

54 *Ibid.*, ms.297.

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU 2

KAUM TANI MELAYU DALAM GELOMBANG EKONOMI PASARAN : SATU ANALISIS SEJARAH DAN MASAKINI DI PANTAI BARAT, JOHOR

SHAHARIL TALIB
MOHAMMED HALIB

PENGENALAN

Kesan sistem ekonomi dunia ke atas masyarakat Dunia Ketiga telah mendapat perhatian daripada sarjana-sarjana dari pelbagai bidang akademik. Pengajian Dunia Ketiga, pada umumnya, mengambil perhatian berat ke atas penyerapan kawasan-kawasan yang luas ke dalam sistem ekonomi sejagat. Pengajian Asia Tenggara, sebaliknya telah cuba mencari jawapan kepada persoalan tersebut dengan memberi tumpuan yang terperinci kepada sejarah tempatan[1].

Pengalaman sejarah kaum tani Melayu pada abad ke-20 amat berbeza. Ada yang tersekat kehidupan mereka oleh perkembangan ladang-ladang dan syarikat-syarikat perlombongan dan oleh dasar-dasar pemerintah. Yang lainnya pula mengalami proses transformasi apabila pengeluaran untuk nilai gunaan berubah kearah nilai pertukaran. Penelitian sepenuhnya mengenai perkara ini di peringkat tempatan belum lagi ditulis. Kajian-kajian ke atas haluan penembusan kapitalisme dan peranan pemerintah, bagaimanapun, sudah bermula. Di peringkat tempatan terdapat keperluan untuk membina pengajian berasaskan kepada sejarah material daerah dan kampung. Proses pensejarahan secara khusus akan menajamkan lagi pentafsiran berbagai jenis perjalanan sejarah.

Sejarah mestilah ditulis berlandaskan pengalaman konkrit kelas pengeluar. Lebih dari itu memahami proses sejarah material akan membolehkan kita memberi penghuraian proses-proses ekonomi masakini. Penembusan

kapitalisme telah mengakibatkan kaum tani menjadi kelas pengeluar untuk pasaran dunia. Dalam masa yang sama mereka telah dinafikan nilai hasil tenaga mereka. Sejarah perhubungan sosial yang tidak seimbang ini telah berterusan dan terus kekal sehingga hari ini. Usaha-usaha untuk memodenkan kaum tani Melayu di era selepas kolonial telah meruncingkan lagi pembahagian sosial antara pengeluar dan kelas-kelas sosial yang lain. Proses-proses yang berterusan ini telah mengancam asas kehidupan *material* kelas pengeluar.

Artikel ini akan cuba meneliti proses penembusan kapitalisme ke atas kaum tani Melayu di Johor Barat dalam konteks sejarah *material* hingga masa kini. Liputan ke atas pengalaman sejarah material kelas-kelas pengeluar yang terdiri dari kaum-kaum lain bukan merupakan penelitian utama artikel ini. Perkara ini memerlukan penyelidikan yang lebih khusus. Penganalisisan ditumpukan kepada petani-petani Melayu. Pasaran, pemerintah dan kelas pengeluar merupakan teras pengalaman sosial yang berterusan.

KAUM TANI MELAYU DAN PROSES KOMODITISASI

Johor yang digambarkan oleh pentadbir kolonial sebagai *the size of Wales*[2] merupakan negeri yang ketiga besarnya di Semenanjung Tanah Melayu. Daerah Batu Pahat merangkumi kawasan seluas 610,000 ekar[3]. Pada awal abad ke-20 hanya 40,000 ekar telah dikerjakan oleh petani-petani di kawasan pesisiran pantai dan tebing-tebing sungai Simpang Kanan dan Simpang Kiri[4]. Sebahagian besar mukabumi di kawasan ini terdiri dari tanah gambut dan paya. Kegiatan pertanian hanya boleh dijalankan dengan cara menggali parit untuk mengeluarkan air dan membina benteng di kawasan pantai untuk menyekat kemasukan air laut. Pada tahun 1911 sebanyak 128 parit seperti ini telah diselenggarakan[5].

Di sekitar tahun 1897 peneroka-peneroka imigran dari dunia Melayu yang lebih luas telah berganding dengan penduduk-penduduk tempatan untuk menghidupkan kawasan ini. Ekonomi penduduk ini adalah di dalam bentuk saradiri dan mereka telah menyesuaikan keperluan pertanian dengan alam sekitar. Di mana tanah yang sesuai telah dibersihkan dan padi darat ditanam. Perikanan pantai telah diusahakan untuk menambah keperluan makanan harian. Alat untuk pengeluaran pertanian secara relatifnya adalah mudah dan tahap teknologi adalah rendah. Keadaan material zaman sejarah ini memenuhi keperluan saradiri penduduk-penduduk pantai. Ekonomi semulajadi seperti ini mempunyai

perhubungan yang terhad dengan pasaran. Kelapa dan pinang ditanam dan dijual kepada pedagang-pedagang Cina yang berpusat di Singapura. Pulangan daripada tanaman terhad, kelapa dan pinang digunakan untuk membeli keperluan asas. Pengeluaran sepenuhnya untuk keuntungan bukanlah merupakan takanan yang dinamik. Namun demikian keuntungan daripada perdagangan komoditi ini mencakupi untuk menampung sebilangan besar pedagang-pedagang desa[6].

Melalui titik peluh dan kegigihan petani-petani ini, beratus-ratus ekar kawasan paya dan gambut telah diteroka dan dikerjakan. Kehidupan mereka berkisar di sekitar institusi penghulu, dan kaum tani, dari masa kesemasa penyumbangkan tenaga bagi menyelenggarakan sistem peparitan dan struktur komuniti lain. Pada penghujung abad ke-19 ketibaan *Heveabrasiliensis* telah menukarkan landasan ekonomi kaum tani. Kehadiran getah telah mengubah secara drastik pandang darat pertanian kawasan ini. Pengeluaran komoditi di kalangan petani Melayu secara besar-besaran telah bermula.

Sambutan kaum tani Melayu terhadap getah sungguh luarbiasa. Peranan ladang-ladang besar amat terhad. Kaum tani Melayu merupakan tulang belakang kepada ekonomi pasaran dunia. Beribu-ribu peneroka telah membuka tanah untuk tanaman ini. Dalam dua dekad yang pertama abad ini, pekebun-pekebun kecil telah berkembang secara besar-besaran daripada jaluran pantai ke kawasan-kawasan yang lebih jauh di pedalaman. Peneroka-peneroka yang didominasi oleh orang-orang Melayu datang daripada pelbagai pelusuk alam Melayu. Mereka termasuklah orang Jawa, orang Bugis dan orang Banjar[7]. Pengeluaran getah oleh pekebun-pekebun kecil berterusan dan pada akhir dekad kedua abad ini telah meninggalkan tanaman tradisional seperti pinang, kelapa, gambir dan lada sulah[8]. Hakmilik persendirian telah menjadi asas pengeluaran komoditi dan harga pasaran telah menentukan pilihan jenis tanaman yang diusahakan oleh kaum tani.

Proses enkapsulasi daerah-daerah pantai dan Johor secara umumnya ke dalam rangkaian kapitalis dunia dengan kejatuhan dan kenaikan harga-harga komoditinya telah ditingkatkan semasa British mula mentadbir negara ini. Pada masa ini bermulalah kontradiksi ekonomi pembangunan kapitalis. Kaum tani telah disalurkan ke dalam sistem pasaran bagi memenuhi permintaan getah untuk keperluan dunia. Nasib ekonomi mereka mengikut irama turun naik harga-harga komoditi. Walaupun perdagangan getah kian bertambah, kehidupan pekebun-pekebun kecil sebagai pengeluar jauh daripada memuaskan. Selain daripada dipengaruhi

oleh harga-harga komoditi, keluarga petani terpaksa menghadapi Kerajaan Penjajah yang memperkenalkan undang-undang mereka berasaskan harta persendirian, pengumpulan modal dan pengeluaran komoditi. Pelbagai bentuk cukai telah diperkenalkan kepada urusan penanaman.

Di dalam tahun 1910 pemerintah kolonial di peringkat daerah telah mengambil langkah-langkah bersejarah untuk mencapai kehendak-kehendak perkembangan kapitalisme. Seorang pegawai tanah British telah dilantik dan di dalam dekad-dekad kemudiannya satu jentera pentadbiran kolonial telah dibina. Sistem pentadbiran ini memudahkan kegiatan pengeluaran untuk pasaran oleh kaum tani. Antara perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan termasuklah landasan keretapi, pejabat pos, telefon, pelabuhan kecil dan jalan raya. Pejabat Daerah telah menjadi pusat yang mengatur segala pembahagian sosial dalam pengeluaran dan pemasaran. Pemerintah kolonial telah melantik pegawai-pegawai tanah, merinyu-merinyu parit, pegawai perhutanan dan buruh-buruh kasar untuk melaksanakan transformasi sosial ini. Kerja pegawai-pegawai pentadbiran yang sebenarnya tidaklah susah. Mereka mengisi borang pendaftaran, membuat*filing* dan sekali-sekala memeriksa rekod-rekod. Tidak dinafikan bahawa beban kerja bertambah, tetapi jenis kerja yang dilakukan tetap sama. Dalam tahun 1914 telah dilaporkan sebanyak 1932 kertas-kertas minit telah didaftarkan di pejabat daerah berbanding dengan 226 pada tahun sebelumnya[9].

Salah satu langkah yang paling signifikan yang telah diambil oleh pihak British ialah penggubalan *Land Enactment* 1910. Enakmen ini telah menghakis segala batasan-batasan yang menghalang proses pengeluaran untuk pasaran. Upah seraya telah dihapuskan. Kuasa dan pengaruh penghulu telah dihadkan. Akhirnya institusi tradisional ini hanya memainkan peranan sebagai alat pentadbiran kolonial sahaja. Pada tahun 1917 jawatan penghulu telah diberikan gaji dan mereka bertugas di bawah *Collector of Land Revenue*[10].

Menyahut panggilan pasaran sejagat untuk komoditi tanah, daerah-daerah pantai telah dibuka oleh beribu-ribu peneroka Melayu. *Land Enactment* yang baru diperkenalkan telah menjamin pemilikan persendirian. Di Batu Pahat, kawasan pantai keseluruhannya dituntut pada tahun 1914[11]. Tiga jenis tanaman terpenting yang diusahakan oleh kaum tani ialah pinang, kelapa dan getah. Harga pasaran bagi komoditi-komoditi ini amat menarik pada peringkat permulaan ini. Harga getah yang tinggi telah menarik ramai pekerja-pekerja yang menjual tenaga di ladang-ladang untuk meninggalkan kerja mereka dan membuka tanah

dan menanam getah secara bersendirian[12]. Perlumbaan untuk mendapatkan tanah telah meningkatkan harga komoditi tersebut. Misalnya, pada tahun 1914 nilai kebun kelapa atau kebun getah adalah $300 seekar[13]. Dua tahun kemudian harganya telah melambung ke paras $1000 seekar[14]. Walaupun harga tanah telah meningkat, peneroka-peneroka baru masih lagi mencurah datang ke kawasan ini. Dalam tahun 1916 seramai 2334 orang peneroka dari dunia Melayu telah sampai di sini[15]. Daya penarik utama adalah harga getah yang lumayan.

Keadaan pasaran dan faktor-faktor tempatan tidak menggalakkan penanaman padi basah oleh kaum tani. Jika terdapat tanaman padi ia diusahakan secara huma untuk keperluan keluarga. Sebahagian besar keperluan beras di daerah Batu Pahat terpaksa diimport. Penanaman padi basah merupakan satu kegiatan yang sangat sukar. Tambahan pula hasil padi adalah rendah memandangkan keadaan semulajadi yang kurang sesuai untuk tanaman ini, seperti tanah gambut, peparitan yang kurang memuaskan dan banjir yang kerap berlaku. Di samping perkara-perkara di atas tanaman sering diserang oleh serangga dan binatang perosak. Dalam tahun 1914, belalang (*locusts*) pada pertama kalinya telah merosakkan tanaman padi[16]. Pada masa-masa yang lain burung pipit (*sparrows*) telah memusnahkan tanaman[17]. Dalam musim penanaman padi tahun 1917 pula kawasan ini telah dilanda banjir[18].

Perubahan hubungan pengeluaran yang dikemukakan oleh perkembangan ekonomi sejagat telah mencipta peluang kepada kelas sosial yang lain untuk wujud dalam kawasan Johor Barat. Peluang-peluang pasaran untuk meraih keuntungan daripada titik peluh kaum tani adalah begitu cerah. Ahli-ahli dari kelas bukan pengeluar ini telah menetap di bandar-bandar kecil dan di tengah perkampungan Melayu. Sebahagian besar daripada mereka ini merupakan kaum Cina yang terdiri daripada orang-orang tengah, pedagang-pedagang, pemborong-pemborong, peruncit-peruncit, saudagar-saudagar dan pemberi-pemberi kredit. Hasil titik peluh kaum tani Melayu dibawa masuk ke dalam pasaran melalui rangkaian proses pertukaran. Peniaga-peniaga dan pemberi-pemberi kredit akan muncul sebaik sahaja kawasan hutan ditebas-tebang dan dihidupkan oleh petani-petani. Kelas sosial ini bergantung dan hidup ditengah-tengah masyarakat agraria. Hasil pertanian yang dikeluarkan oleh kaum tani akan dibeli oleh peniaga-peniaga dengan harga yang murah dan kemudiannya menjualkan hasil-hasil ini kepada pasaran dunia untuk mendapatkan keuntungan. Kadangkala terdapat peniaga-peniaga ini yang telah memajak tanah kaum tani dan hasil yang akan dikeluarkan pada musim seterusnya[19].

Di tahap yang lebih tinggi terdapat para peniaga yang mengambil peluang mengejar keuntungan di dalam ekonomi yang terus berkembang. Pada tahun 1914, taukeh-taukeh Cina tempatan di Bandar Penggaram telah mengutarakan cadangan untuk membina kilang getah [20]. Dalam tahun yang sama seramai 14 orang peniaga-peniaga Cina yang memiliki lesen-lesen membeli getah dan seramai 1172 orang telah mendapat lesen untuk menyimpan (*store*) getah. Perangkaan ini merupakan peningkatan dua kali ganda berbanding dengan tahun sebelumnya[21]. Daerah Batu Pahat waktu ini mencerminkan kejayaan satu masyarakat peneroka yang sedang mengalami perkembangan ekonomi yang pesat sebelum kejatuhan harga-harga komoditi di pasaran dunia.

Pengalaman harga komoditi pasaran yang tinggi yang dialami oleh kaum tani bertanah hampir dua dekad pertama abad ke-20. Pasaran kemudiannya menunjukkan tanda-tanda ketidaktentuan dan petani-petani Melayu akan mengalami kontradiksi ekonomi yang pertama di dalam sistem pasaran sejagat. Harga getah telah menjunam pada akhir 1917. Ini telah membawa kesan yang ketara kepada kaum tani. Kejatuhan harga komoditi berterusan pada tahun berikutnya. Petani-petani telah menjualkan getah-getah keping mereka tanpa dibersihkan dahulu dengan separuh harga getah keping biasa. Harga kelapa kering pula terlalu rendah bagi petani untuk memetik buah-buah kelapa[22]. Kehidupan kaum tani menjadi sukar. Bilangan pemohon-pemohon tanah juga telah merosot[23]. Ramai yang tidak berupaya untuk menyelesaikan cukai-cukai tanah mereka[24]. Ramai daripada kaum tani gulung tikar dan kembali semula ke negeri asal mereka[25].

Kemelesetan pada tahun 1917-1918 bukanlah merupakan pengalaman pertama yang dialami oleh kaum tani. Selain daripada kejatuhan harga jangka pendek pada tahun 1921-1922 ialah kemelesetan pada tahun 1928-1933 yang lebih teruk. Tempoh masa di antara tahun 1919 dan 1927 telah secara umumnya dicirikan oleh harga komoditi yang tinggi. Tahun 1919 telah memberikan tanda-tanda harga komoditi yang baik[26]. Kejatuhan selama dua tahun sebelumnya telah berakhir dan membawa kelegaan kepada kaum tani. Kemakmuran bagaimanapun hanya dalam tempoh masa yang singkat sahaja. Satu lagi krisis ekonomi berlaku pada tahun 1921 dan 1922. Harga getah jatuh dari $108 sepikul dalam tahun 1920 kepada $45 dan $41 dalam tahun 1921 dan 1922[27]. Harga-harga komoditi pada tahun-tahun yang lainnya sehingga 1928, secara relatifnya, adalah baik. Kaum tani telah diheret lebih jauh ke dalam mekanisme pasaran. Harga hasil pertanian yang baik menyebabkan kaum tani

membeli barang-barang untuk keperluan hidup mereka. Kelas sosial bukan pertanian terus mengukuhkan lagi kegiatan pengambilan keuntungan dan kerajaan kolonial telah menikmati pertambahan pendapatan dari pelbagai jenis cukai.

Di sebalik kestabilan keadaan ekonomi, pegawai-pegawai kolonial masih berhati-hati oleh kerana kemelesetan pada tahun 1917-18 telah memberi satu pengajaran pahit tentang tanaman makanan. Usaha penanaman pertanian bukan makanan yang berterusan oleh kaum tani perlu disekat. Dasar baru mengutamakan tanaman makanan, khususnya padi. Pelbagai intensif telah diadakan oleh kerajaan kolonial untuk mencapai tujuan tersebut. Cukai tanah untuk tanaman padi telah dibatalkan buat beberapa tahun. Kaum tani telah dijanjikan bahawa segala kos pembinaan parit dan benteng akan ditanggung oleh kerajaan kolonial[28]. Bagaimanapun, sehubungan dengan sebab-sebab yang telah dinyatakan, penanaman padi di kalangan kaum tani tidak mendapat sambutan. Hanya pada tahun 1934 sahaja, Pengarah Pertanian Negeri-Negeri Selat dan Persekutuan Tanah Melayu, H.A. Tempany, akhirnya mengakui hakikat tentang harga padi yang rendah. Komen beliau ke atas perkara ini bagi negeri Johor jelas menggambarkan keadaan:

> *The position in relation to rice growing in Johor differs from that in most other States in that there is no history or tradition of padi planting; the agricultural evolution of the State has comprised the phenomenally rapid expansion of the growth of many crops by an immigrant population; to such people padi planting can in normal times offer little attraction; they did not come to Johore to grow a crop which, if even under the most favourable conditions of price and returns, is far less profitable than other crops; they came to achieve a better standard of living than they could obtain in the countries from which they emigrated.....Consequently the backward condition of* the padi industry is not surprising[29]. *Pulangan penanaman padi untuk musim 1928-29 mencerminkan realiti ini*[30].

Pertambahan yang pesat di dalam penanaman getah oleh pekebun-pekebun kecil dapat diukur daripada perangkaan yang boleh didapati bagi daerah Batu Pahat. Jangkamasa 1922-1929 memperlihatkan pertambahan yang mengkagumkan, daripada 19145 ekar kepada 49892 ekar[31]. Bilangan dan keluasan di bawah sistem ladang juga meningkat

terutama di mukim Simpang Kanan, Simpang Kiri dan Minyak Beku[32]. Di dalam tahun 1929 terdapat empat buah ladang kepunyaan pemodal-pemodal Eropah yang mempunyai keluasan kawasan 7604 ekar, 21 ladang-ladang kepunyaan orang-orang Cina (4855 ekar), tujuh ladang pemodal-pemodal Jepun (20677 ekar), tiga ladang kepunyaan orang-orang India (386 ekar) dan satu ladang getah hakmilik Melayu (546 ekar)[33]. Sebagai dasar, pihak pentadbir kolonial lebih berat sebelah ke pihak ladang-ladang besar. Pembukaan kawasan-kawasan baru oleh kaum tani yang bertujuan untuk menanam getah tidak digalakkan. Pihak pentadbir kolonial dengan sengaja telah menaikkan premium tanah untuk mencapai tujuan ini[34].

Harga getah sekali lagi jatuh pada awal tahun 20-an. Pekebun-pekebun kecil yang bergantung sepenuhnya kepada getah untuk perbelanjaan harian mereka telah mengalami kemelesetan ekonomi. Pengenalan *Rubber Restriction Scheme* (RSS) oleh kerajaan kolonial memburukkan lagi keadaan[35]. Permohonan mereka untuk bantuan daripada kerajaan tidak mendapat layanan. Pekebun-pekebun kecil getah benar-benar berada di dalam keadaan yang tersepit. Dalam usaha untuk menstabilkan pengeluaran getah dan mempastikan paras harga yang sewajarnya, RSS telah menghadkan kadar pengeluaran kepada 12 kati bagi setiap ekar sebulan. Perangkaan menunjukkan kadar yang ditetapkan ini hanyalah merupakan lebih kurang 60 peratus daripada pengeluaran getah yang biasanya dicapai oleh pekebun-pekebun kecil[36]. Di daerah Batu Pahat sahaja kira-kira 6000 pekebun-pekebun kecil getah telah mengalami kepahitan hidup akibat tindakan kerajaan kolonial yang tidak berperi kemanusiaan ini. Mereka merayu bahawa syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh RSS dan harga yang menurun akan menyebabkan *their wives and children shall have to go half fed and clothed at best.* [37]

Perkembangan pertanian di antara tahun-tahun 1918 hingga 1927 telah membuka kawasan-kawasan gambut di persisiran pantai dan menerokai kawasan-kawasan perhutanan di kaki-kaki bukit untuk tanaman. Kaum tani berusaha untuk pasaran sejagat. Di dalam dunia komoditi, pasar menjadi tempat pertukaran hasil pekebun-pekebun kecil. Ekonomi untuk nilai gunaan di peringkat perkampungan telah tidak diamalkan lagi. Pasaran industri telah mengikat komuniti-komuniti tempatan, kebangsaan, kerantauan dan antarabangsa. Masing-masing bergantung antara satu sama lain untuk bekalan bahan mentah, alatan pengeluaran, barang-barang keluaran kilang serta tenaga manusia. Sistem ekonomi sejagat mengandungi kontradiksi-kontradiksi persendirian. Keruntuhan ekonomi

pasaran di antara tahun-tahun 1928-1933 telah membuktikan kesahihan perjalanan sejarah *material*. Kelas sosial pengeluar yang sebahagian besarnya terdiri daripada petani-petani Melayu merupakan mangsa utama di dalam proses ini. W.H. Hamilton, Chief Settlement Officer daerah Batu Pahat melaporkan penderitaan ini.

> *...were very hard put to make it a living. Many of them found it necessary to abandon their semi-cultivated kebuns and go elsewhere to plant padi. Rubber was valueless and coconuts not worth very much. Most of those who had approval of a negotiable nature had long since parted with their documents to chetties and interest in the document numbers...*
>
> *Under the circumstances it is not surprising that those who had no right to be in occupation were not in the least anxious to declare themselves the owners of the land which they might soon be called upon to make good at the rent colection windows of the Land Office - to get a neatly drawn up certificate upon which money could not be borrowed*[38].

Kedudukan petani sebagai satu kelas telah terancam. Sebahagian daripada mereka yang memiliki tanah telah menggadai atau menjual tanah tersebut. Tanah sebagai asas kehidupan kaum tani telah *dirampas* oleh ahli-ahli dari kelas sosial yang lain. Pegawai-pegawai tanah sentiasa melaporkan fenomena *absentee landlords* yang kian meningkat[39].

Ekonomi dunia kapitalis telah mengalami kemelesetan yang berpanjangan mulai tahun 1928. Harga komoditi menjunam ke paras yang selama ini belum pernah berlaku. Purata harga borong getah sebanyak $85.73 sepikul dalam tahun 1927 telah menjunam kepada $49.00 di tahun berikutnya dan selanjutnya menurun hingga ke paras $9.29 sepikul pada tahun 1932[40]. Sepanjang tahun 1932 sehingga pertengahan tahun berikutnya harga borong getah bulanan yang dicatatkan di Singapura mendaftarkan harga di antara enam hingga empat belas sen sahaja sekati. Harga yang diterima oleh pekebun kecil di kampung-kampung adalah jauh lebih rendah. Harga-harga komoditi selain dari getah juga mengalami arus menurun. Harga kelapa kering, sebagai contoh, menurun paling rendah ke paras $2.93 sepikul pada tahun 1934[41].

Berhadapan dengan kelaparan dan kemungkinan kematian, kaum tani telah menyelamatkan keadaan dengan menanam tanaman makanan.

Daerah Batu Pahat menyaksikan keadaan yang luar biasa. Kawasan di bawah penanaman padi basah mengalami perubahan yang drastik. Sejumlah 11000 ekar padi telah ditanam dalam tahun 1933[42]. Keadaan pasaran sejagat memainkan peranan penting dalam mengubah kaum tani kepada pengeluaran tanaman makanan dan bukannya tradisi, budaya, nilai atau sikap yang membentuk tabii ekonomi mereka. Satu keadaan sejarah yang spesifik telah menyebabkan kaum tani Melayu menanam padi. Dalam keadaan ini hanya 20200 orang di seluruh negeri Johor menanam padi. Pegawai-pegawai British meramalkan bahawa fenomena ini hanyalah sementara. Keluasan tanaman padi akan menurun apabila harga komoditi bahan makanan meningkat[43]. Comissioner of Lands and Mines Johore menegaskan realitism, *only an economic revolution will bring about the millennium of the Malays of Johore growing enough rice to feed themselves*[44].

Harga getah mulai naik pada tahun 1933. Ini merupakan kelegaan yang dinanti-nantikan oleh ribuan pekebun kecil getah di daerah-daerah pantai. Peningkatan telah berlaku tetapi tidak sampai ke paras harga pra-kemelesetan. Pengenalan *Rubber Regulation Scheme* pada 1 June 1934 oleh kerajaan kolonial tidak membantu kaum tani. Skim ini merupakan versi *Rubber Restriction Scheme* yang lebih baik dari kacamata British. Di bawah skim yang baru ini kerajaan membenarkan pengeluaran yang tinggi oleh ladang-ladang. Polisi yang berat sebelah begitu jelas. Pekebun kecil tertindas dari semua sudut [45]. Apa yang lebih menyedihkan ialah kaum tani tidak sepenuhnya menikmati hasil dari titik peluh mereka. Orang-orang tengah menawarkan harga rendah bagi hasil kaum tani.

Pembeli-pembeli getah meraup keuntungan daripada pekebun-pekebun kecil. Hampir keseluruhan mereka adalah orang Cina. Pada tahun 1934 Daerah Batu Pahat mempunyai sejumlah 82 orang pembeli berdaftar, tetapi hanya dua orang sahaja pembeli Melayu[46]. Pembeli-pembeli getah ini sering mempunyai peranan yang pluralistik. Selain dari membeli dan menjual getah, mereka juga mengendalikan kedai bekalan barang-barang keperluan, menawarkan kredit kepada pekebun kecil untuk keperluan harian dan memberi pinjaman wang dengan mengenakan kadar bunga yang tinggi. Ramai pekebun-pekebun kecil terpaksa menjual tanah-tanah mereka. Daftar senarai pemilik tanah bertukar menjadi senarai daftar penggadaian. Sebelum tercetusnya Perang Dunia Ke-2 pedagang-pedagang Cina telah memiliki lot-lot tanah yang lebih luas jika dibandingkan dengan petani Melayu. Pada keseluruhannya saiz purata lot-lot tanah kepunyaan orang-orang Melayu adalah 3 ekar

sementara orang-orang Cina 5.1 ekar. Di dalam kategori 25 hingga 100 ekar, pemilik-pemilik tanah Cina jauh lebih tinggi jumlahnya dari keturunan lain. Mereka memiliki 300 lot-lot yang mempunyai jumlah keluasan 12354 ekar berbanding dengan 43 lot-lot kepunyaan orang-orang Melayu berkeluasan 1865 ekar.[47] Keluasan tanah di bawah ladang-ladang pula berjumlah 50000 ekar.[48] Ini membuktikan bahawa daerah Batu Pahat telah diusahakan oleh petani-petani Melayu tetapi kekayaan di dalam bentuk-bentuk riba, sewa dan keuntungan jual beli dibolot oleh kelas sosial yang lain. Jatuh naik harga pasaran komoditi sejagat meninggalkan parut di kawasan pantai barat Johor. Pemenang sejarah *material* begitu jelas. Penyataan dari kacamata pelakon sosial pada tahap ini merumuskan ;

> *We Muslims do not chase money. That is the Chinese way.... If we sell something we must make a profit in order to live; but otherwise we make our living from the soil. We do not chase money for the sake of money. We want money to buy food - and other things. The Chinese live to make money - that is their affair. We want money to live.*[49]

MEMODENKAN KAUM TANI MELAYU

Pemerintahan kolonial telah meninggalkan kesan yang amat ketara ke atas kaum tani Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Keadaan yang sama didapati di Johor Barat. Kemiskinan berleluasa di kalangan kaum tani Melayu. Kemerosotan keadaan material kaum tani ini menjadi sasaran kepada pemerintah era selepas kolonial di bawah rancangan pembasmian kemiskinan yang lebih besar. Penderitaan kaum tani di Muar, Batu Pahat dan Pontian telah mendapat perhatian pemerintah. Di dalam mesyuarat *Ministry of Agriculture Planning and Development Council* pada 15hb. Disember, 1970 keputusan telah diambil untuk melaporkan keadaan fizikal, sosial dan ekonomi kaum tani di daerah-daerah tersebut. Deraf pertama laporan telah dikeluarkan pada bulan April 1971.[50] Ini telah diikuti pula dengan laporan akhir pada May 1973.[51] Laporan akhir ini telah dijadikan asas cadangan kepada Bank Dunia untuk membiayai projek pembangunan pertanian di Johor Barat.

Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Johor Barat telah dimulakan di dalam tahun 1974 dan dijangka akan beroperasi dalam jangkamasa tiga dekad berakhir pada tahun 2003. Projek ini merangkumi kesemua

kawasan di daerah Pontian, empat mukim di Batu Pahat, tiga buah mukim di Kluang dan dua buah mukim di Johor Baru. Jumlah keluasan projek adalah lebih kurang 153000 hektar yang mengandungi penduduk seramai 200000 orang. Jenis-jenis tanaman yang dominan sebelum projek ini dilancarkan adalah getah, kelapa dan nenas. Kebanyakan penduduk merupakan kaum tani Melayu. Jumlah keluarga tani adalah lebih kurang 30,000. Belanja projek adalah sebanyak $233 juta dimana 45.0 peratus atau $100 juta dibiayai oleh Bank Dunia dan yang bakinya oleh Kerajaan Persekutuan.[53] Buat pertama kalinya di abad ke-20 jentera pentadbiran mengambil langkah secara terancang bagi mengembelingkan kapital antarabangsa, pasaran, pembinaan infrastruktur dan pemindahan teknologi untuk membawa kawasan Johor Barat bersama dengan kelas pengeluarnya untuk pasaran industri dunia.

Perancangan pemerintah bagi memudahkan kaum tani Melayu untuk menghayati sistem ekonomi kapitalis yang didominasikan oleh pertukaran termaktub di dalam tujuan projek pembangunan pertanian Johor Barat ini. Untuk meningkatkan pendapatan dan keadaan ekonomi kaum tani satu sistem pertanian yang kondusif mestilah terlebih dahulu diadakan. Perkara ini, di dalam konteks Johor Barat, bermakna memperbaiki sistem peparitan yang telah merosot. Ini diikuti pula dengan pembinaan kehendak-kehendak asas yang lain dalam pembangunan pertanian seperti jalan-jalan di ladang, institusi kredit, teknologi pengeluaran pertanian, menggalakkan industri berasaskan pertanian dan pusat-pusat pembangunan petani. Produktiviti pertanian yang tinggi boleh dijangka, dan melalui pertukaran pasaran, kaum tani Melayu bolehlah menikmati pendapatan yang lebih tinggi. Teras falsafah proses permodenan ini mestilah dibuktikan secara empirikal. Maklumat sejarah dalam tempoh masa lima dekad pertama abad yang ke-20 tidak menunjukkan bahawa kelas pengeluar berjaya mengumpul kekayaan.

Selain dari sistem peparitan yang bermasalah di kawasan Johor Barat, satu lagi faktor yang sering dikaitkan oleh saintis-saintis bidang pertanian dengan kemiskinan yang berlaku di kalangan kaum tani adalah tanah. Tanah adalah asas kepada pengeluaran pertanian. Persoalan tentang jenis tanah sangat signifikan terutamanya di Johor Barat. Jenis tanah merupakan satu faktor, di antara lain, yang telah menyebabkan kepada keadaan yang terdapat di kalangan kaum tani. Kawasan ini mempunyai jenis-jenis tanah yang bermasalah dari segi pertanian. Terdapat tidak kurang daripada sepuluh siri tanah di Johor Barat. Jenis tanah yang paling luas dan kebetulan yang paling bermasalah adalah gambut (*peat*).

Sejumlah 43.77 peratus atau 63812 hektar tanah di kawasan ini telah diklasifikasikan sebagai gambut. Gambut dalam, yang lebih dari lima kaki, merupakan 82.3 peratus dari jumlah keluasan tanah gambut sementara yang lebihnya merupakan gambut sederhana dalam dan gambut cetek.[54]

Di samping tanah, faktor-faktor ekologi yang lain juga telah memainkan peranan menyebabkan daya pengeluaran pertanian kaum tani begitu rendah. Ini termasuklah paras permukaan air yang tinggi dan kekerapan kejadian banjir. Keadaan paras air yang tinggi telah membantutkan tumbesaran tanaman dan ditambah pula dengan keadaan tanah yang bermasalah telah menyebabkan hasil tanaman yang rendah. Pegawai-pegawai kerajaan telah mengenalpasti bahawa masalah ekonomi kaum tani adalah disebabkan oleh jenis tanah dan sistem peparitan yang kurang memuaskan. Di samping itu terdapat juga masalah lain seperti saiz ladang tidak ekonomi, pulangan rendah dari jenis tanaman "tradisional" dan corak penanaman (*cropping pattern*) yang kurang memuaskan. Berpandukan kepada teras modenisasi, mereka juga mengatakan bahawa kekurangan infrastruktur seperti jalan-jalan ladang dan jambatan-jambatan menimbulkan masalah pemasaran hasil, yang menyebabkan juga tahap produktiviti yang rendah. Seorang pegawai dari pejabat IADP Johor Barat telah merumuskan bahawa:

> *....the interplay of these constraints has resulted in the low level of productivity and incomes. This has led to the incidence of poverty amongst the peat land farmers, in particular those cultivating coconuts and rubber.*[55]

Hanya penyelidikan yang boleh memberi pengesahan kepada ungkapan di atas.

Komponen terbesar projek Johor Barat adalah berpusat kepada pembaikpulihan sepenuhnya sistem peparitan dan pembinaan infrastruktur yang lain. Selain dari pembinaan infrastruktur ini, satu lagi program khas pemindahan teknologi secara besar-besaran telah dilancarkan. Kelapa sawit telah diperkenalkan untuk mengambil alih getah yang terdapat di kawasan-kawasan yang kurang sesuai. Klon-klon koko yang baru juga telah disebarkan kepada kaum tani sebagai tanaman selingan di bawah tanaman kelapa atau sebagai tanaman tunggal, dan peningkatan penyelidikan dilakukan untuk menemui jenis nenas baru yang lebih bermutu dan lebih berkemampuan untuk memberikan hasil yang tinggi.[56] Usaha pembangunan pertanian dan membasmi kemiskinan yang menelan

belanja beratus juta ringgit ini telah mengubah pandangdarat pertanian di Johor Barat dan tahap penyebaran teknologi yang tinggi telah berlaku.

Sehingga 1984, lebih kurang 10 tahun selepas pelancaran projek Johor Barat ini, pembinaan infrastruktur selesai dijalankan. Kejayaan pembinaan infrastruktur kejuruteraan sangat memuaskan. Sejumlah 1336 km jalan-jalan ladang untuk memperlicinkan pemasaran hasil pertanian kaum tani telah dibina. Ini diikuti pula dengan 82 km jalan-jalan sekunder. Sistem peparitan yang usang di kawasan Johor Barat telah diberikan nafas baru apabila sejumlah 1041 km parit-parit utama telah digali. Kemasukan air laut pula telah disekat dengan berkesan dengan terbinanya 66 km benteng di kawasan pantai. Parit-parit kecil di dalam ladang-ladang juga telah dibina untuk merendahkan kekerapan banjir. Sejumlah 1287 km parit-parit ini telah digali. Selain daripada ini kejayaan kejuruteraan yang lain termasuklah sebuah empangan dan sejumlah tujuh buah pusat pembangunan pertanian.[57]

Berbanding dengan kejayaan yang telah dicapai oleh pembinaan infrastruktur, pembangunan pertanian telah tinggal dibelakang. Bank Dunia di dalam *Project Completion Report* mengatakan bahawa *"project management was good for infrastructure but mixed for agriculture"*.[58] Perkara ini selanjutnya dilaporkan seperti berikut:

> *At appraisal, some 40% of net incremental benefits was expected to come from use of peat soils for vegetables, cassava, groundnuts and agro-industry activities. None of this materialized. Oil-palm is being planted instead but the rate of development is constrained by shortage of finance and the absence of a specialized oil palm agency to provide technical assistance.*[59]

Berdepan dengan masalah ini pihak Bank Dunia terpaksa menilai semula pendirian mereka ke atas projek tersebut. Kadar pulangan projek telah di *"re-estimated to about 10% down from 15% at appraisal"*.[60]

Respons kaum tani untuk menukar tanaman getah mereka, yang sebahagian besarnya ditanam di atas tanah gambut, kepada kelapa sawit sangatlah menggalakkan. Disebabkan oleh kejatuhan harga getah pada akhir tahun-tahun 70an dan awal tahun-tahun 80an mereka telah membuat keputusan untuk menukar tanaman. Di dalam masa yang sama, harga kelapa sawit adalah tinggi dan perkara ini juga telah mempengaruhi keputusan mereka. Menyahut Tekanan pasaran dan diperkukuhkan dengan subsidi-subsidi kerajaan, penukaran tanaman ini telah berjalan

dengan lancar. Dalam jangkamasa 1974-2003, telah dirancangkan supaya seluas 18211 hektar kebun-kebun kecil getah akan ditanam semula dengan kelapa sawit. Keluasan rancangan 1974-1985 adalah sebanyak 9227 hektar. Sejumlah 9012 hektar kelapa sawit telah ditanam pada akhir 1985 dan ini merupakan kejayaan sebanyak 98.0 peratus.[61] Dari aspek fizikal tanaman, Projek Johor Barat ini menunjukkan prestasi yang baik. Selain daripada kelapa sawit, sambutan kaum tani kepada tanaman koko juga menunjukkan prestasi yang memuaskan.

Ukuran-ukuran yang digunakan untuk menentukan pembangunan pertanian, seperti keluasan tanaman, hasil tanaman dan jumlah infrastruktur menimbulkan persoalan tetapi keadaan *material* kaum tani itu sendiri jarang dipersoalkan. Tidak dapat disangkal bahawa hasil tanaman di Johor Barat telah meningkat tetapi ini tidak pula menunjukkan bahawa keadaan*material* kaum tani juga telah menjadi lebih baik. Kaum tani masih lagi menjadi sasaran ekonomi sejagat dan kelas-kelas bukan penanam masih lagi didukung di atas bahu kelas pengeluar. Perkara ini merupakan satu kontradiksi dalam pembangunan kapitalis. Projek gergasi seperti Johor Barat yang menelan belanja beratus juta ini hanya telah mempercepatkan dan mengukuhkan penembusan kapitalisme di kalangan kaum tani. Mereka tetap menjadi pengeluar. Di dalam perlumbaan mengejar keuntungan mampu ketidakseimbangan di dalam pengagihan kekayaan. Kaum tani Melayu yang mengusahakan tanah terus menjadi subjek pengumpulan kekayaan oleh kelas-kelas sosial yang tidak mengerjakan tanah. Di dalam perlaksanaan projek Johor Barat, di antara beberapa individu terawal yang telah berhasil meraut keuntungan adalah peniaga-peniaga, terutamanya kontraktor-kontraktor besar dan kecil. Segelintir daripada kelas bukan pengeluar ini telah mendapat sebahagian besar peluang untuk menambahkan kekayaan mereka. Mereka telah diberi*tender-tender* untuk pembinaan infrastruktur. Kaum tani Mellayu pula telah menjadi sasaran kepada mereka yang mencari keuntungan. Antara lain tanah menjadi sasaran mereka. Perlaksanaan projek Johor Barat menyaksikan kadar pertukaran hakmilik tanah yang tinggi dari orang Melayu kepada orang-orang bukan Melayu.[62]

Proses penukaran hakmilik tanah ini telah bermula pada kolonial lagi, bila tanah menjadi komoditi, sehinggalah ke hari ini. Penggadaian dan seterusnya penjualan tanah semasa kejatuhan harga komoditi dari orang-orang Melayu kepada bukan Melayu semasa era kolonial telah pun diperkatakan. Proses ini tidak berhenti, malah menjadi lebih ketara selepas perlaksanaan projek Johor Barat. Bagaimanapun proses

penukaran hakmilik bukanlah satu proses yang sehala sahaja. Tanah orang-orang bukan Melayu juga bertukar tangan kepada orang-orang Melayu, tetapi arus dan keluasan penukaran adalah lebih besar dari Melayu kepada bukan Melayu. Di dalam tahun-tahun pra-projek 1971-1973, corak penukaran hakmilik tanah di kalangan orang-orang Melayu dan bukan Melayu tidaklah begitu jelas. Di dalam jangkamasa tiga tahun sebelum perlaksanaan projek, sejumlah 846 ekar tanah orang-orang Melayu bertukar tangan kepada bukan Melayu di Daerah Pontian. Di dalam jangkamasa yang sama juga, sebanyak 664 ekar tanah kepunyaan orang-orang bukan Melayu telah bertukar milik kepada orang-orang Melayu. Sejumlah 212 lot tanah orang Melayu bertukar tangan memberikan purata 4.0 ekar setiap lot yang dijual. Pada masa yang sama 166 lot tanah kepunyaan bukan Melayu juga telah berpindah milik memberikan purata 4.0 ekar setiap lot yang dijual.

Peningkatan kadar pertukaran hakmilik tanah dari orang-orang Melayu kepada bukan Melayu telah mula dialami apabila projek Johor Barat dilancarkan dalam tahun 1974. Dalam jangkamasa dua belas tahun, dari 1974 hingga 1985 sejumlah 3288 ekar tanah yang mengandungi 1137 lot tanah kepunyaan orang Melayu telah dijual kepada orang bukan Melayu. Di dalam jangkamasa yang sama juga, 1742 ekar tanah kepunyaan bukan Melayu telah dibeli oleh orang-orang Melayu. Ini menunjukkan bahawa kaum tani Melayu telah kehilangan sebanyak 1546 ekar di dalam jangkamasa tersebut.

Di dalam usaha untuk menukarkan kaum tani supaya menjadi moden dan komersil melalui penanaman jenis-jenis tanaman yang berhasil tinggi dan penggunaan baja dan racun-racun perosak, pemerintah telah memainkan peranan pusat. Berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan untuk mengadakan jentera pengembangan dan lebih dari itu menyediakan subsidi untuk bahan tanaman, baja dan racun serangga. Walaupun pihak pemerintah memainkan peranan utama untuk memodenkan pertanian kaum tani tetapi penguasaan ke atas penjualan input pertanian dipegang oleh peniaga-peniaga tempatan yang rata-rata adalah orang-orang berketurunan Cina.

Membekalkan input pertanian kepada kaum tani secara runcit merupakan satu kegiatan perniagaan yang sangat lumayan. Ini telah menyebabkan pertumbuhan kedai-kedai yang menjual input ini. Kedai-kedai yang dimiliki oleh kaum Cina ini sering dikunjungi olleh kaum tani untuk mendapatkan input yang diperlukan. Di daerah Pontian terdapat hanya lima buah kedai menjual baja dan racun perosak pada tahun 1975. Dalam

masa yang sama terdapat hanya dua perniagaan yang membekalkan alat-alatan pertanian dan jentera. Dengan terlaksananya projek Johor Barat, seruan pemerintah untuk memperdagangkan pertanian telah berjaya disampaikan kepada kaum tani. Lebih ramai kaum tani telah menggunakan bahan-bahan pertanian yang bermutu tinggi berserta dengan baja, racun perosak dan sebagainya. Terdapatnya seratus-peratus peningkatan dalam jumlah kedai-kedai yang menjual input ini selepas 10 tahun projek Johor Barat dilaksanakan bukanllah merupakan satu perkara yang memeranjatkan. Di Pontian dan Pekan Nenas yang masing-masing mempunyai dua buah kedai pada tahun 1975, sekarang telah mempunyai enam buah kedai di kalangan mereka. Pada jangkamasa yang sama kedai-kedai yang menjual input pertanian telah meningkat dari sebuah kepada tiga buah di Benut. Di Permas di mana tidak terdapat sebuah kedai pun yang menjual input pertanian semasa projek Johor Barat dilancarkan dahulu, telah mempunyai sebuah kedai. Kedai-kedai yang menjual alatan pertanian dan jentera juga telah turut meningkat. Di Pontian jumlahnya bertambah dari dua kepada lima dallam tahun 1975-1986.[63] Di dalam usaha menyebarkan teknologi pertanian pemenangnya adalah terdiri dari ahli-ahli kelas yang bukan mengerjakan tanah, iaitu peniaga-peniaga input pertanian, peralatan dan jentera pertanian.

Tanaman dagangan yang terdapat di Johor Barat mulai 1974 termasuklah kelapa, kelapa sawit, koko, kopi, getah dan nenas. Tidak dapat dinafikan bahawa hasil tanaman ini telah meningkat dan kemudahan juga telah bertambah baik tetapi peranan orang tengah telah menjadi semakin kukuh. Masalah berkaitan dengan pemasaran dan harga komoditi merupakan perkara yang terpenting di kalangan kaum tani. Lebih dari satu pertiga (35.8 peratus) petani-petani telah menyuarakan ketidakpuasan hati mereka mengenai pasaran hasil pertanian mereka.[64] Berakar umbi semasa zaman kolonial lagi, rangkaian orang-orang tengah telah menjadi bertambah pada dekad kebelakangan ini. Pengumpulan keuntungan melalui penukaran tidak seimbang adalah amalan utama orang-orang tengah ini. Sememangnya, secara purata 79.2 peratus petani yang mengeluarkan berbagai jenis hasil pertanian di daerah Pontian bergantung kepada rangkaian orang-orang tengah ini untuk menjual hasil-hasil mereka. Analisis terperinci di kalangan pekebun-pekebun kecil kelapa menunjukkan 74.8 peratus dari mereka menjualkan hasil kepada orang tengah. Maklumat-maklumat yang diberikan oleh FAMA daerah Pontian menunjukkan bahawa kebanyakan orang-orang tengah ini bukah hanya menjadi pembeli kelapa tetapi juga telah mengembangkan aktiviti perniagaan mereka kepada aspek-aspek yang lebih lumayan di dalam

perniagaan kelapa. Di samping membeli kelapa mereka juga sekarang menjadi pemeroses, pemborong, pengilang dan juga pengekspot. Secara rasminya terdapat 55 syarikat yang bergiat dalam pemasaran kelapa, tetapi jumlah sebenar adalah lebih tinggi kerana masih terdapat pembeli-pembeli yang tidak berdaftar. Agensi-agensi pemasaran kerajaan telah tidak berdaya untuk memberi saingan dan menembusi struktur pemasaran yang dikuasai oleh kaum Cina ini. Daripada 55 perniagaan yang ada terdapat hanya 12 peniaga Melayu (termasuk Persatuan Peladang Pontian Tengah), yang selebihnya adalah peniaga-peniaga Cina.[65]

Pengenalan tanaman koko kawasan Johor Barat telah meluaskan lagi peluang kapitalis tempatan mencari keuntungan mereka. Orang Cina khususnya telah dengan cepat menguasai pasaran koko yang lumayan ini. Daripada jumlah 18 pembeli koko yang berdaftar di daerah Pontian pada tahun 1985, sebelas atau 61.1 peratus dimiliki oleh kaum Cina. Persatuan Peladang tempatan telah mendapat dua lesen dari FAMA sementara peniaga-peniaga Melayu berjumlah hanya lima orang sahaja. Sebahagian daripada peniaga-peniaga Melayu ini memang tidak bersedia untuk menghadapi cabaran dan saingan sengit dalam pemasaran koko. Dua peniaga Melayu, Mohd. Noh Timah dan Abdul Manaf Hassan telah terpaksa tutup kedai. Seperti juga pemasaran kelapa, pembeli-pembeli kok ini telah memperluaskan aktiviti perniagaan mereka. Kebanyakkan pembeli juga berperanan sebagai pemeroses dan pemborong. Peniaga-peniaga seperti yang digambarkan oleh Chew Song Chuan, Cheng Mean Soi dan Tan Ai Cheng merangkumi ke semua aktiviti perniagaan koko daripada membeli kepada memproses, memborong dan akhirnya mengekspot koko kering. Daripada dua agensi kerajaan yang bergiat dalam pemasaran koko, hanya PPK Pontian Timur merupakan pengekspot koko.[66] Jumlah pembeli-pembeli koko dijangka akan meningkat pada tahun-tahun akan datang memandangkan lebih ramai petani yang menanam tanaman ini di kebun-kebun mereka bersama-sama dengan tanaman kelapa.

Kongkongan orang-orang tengah ke atas pekebun kecil getah telah diperkukohkan lagi pada era selepas kolonial. Perlaksanaan projek Johor Barat tidak dapat menembusi rangkaian penguasaan pemasaran mereka. Orang-orang tengah masih menguasai 90.0 peratus daripada pekebun kecil getah di daerah Pontian. Agensi-agensi kerajaan tidak dapat memberikan saingan sewajarnya kepada institusi orang-orang tengah ini. Usaha pihak kerajaan untuk mengurangkan kawasan yang ditanam dengan getah mungkin akan menghakisi rangkaian institusi

orang tengah yang membeli getah pada masa akan datang. Persaingan hebat dijangka akan berlaku semasa pembeli-pembeli getah ini cuba untuk menguasai pembelian hasil getah daripada kumpulan pekebun kecil getah yang semakin berkurangan.

Digalakkan oleh pelaksana-pelaksana projek Johor Barat dan berlandaskan kepada kesesuaian teknikal dan keadaan harga pasaran yang baik, penjualan tanaman kelapa sawit telah menyaksikan pembentukan pembeli-pembeli kelapa sawit yang mempunyai organisasi yang tinggi dan efisyen. Pelaburan kapita yang tinggi untuk mendirikan kilang-kilang kelapa sawit telah membuatkan perniagaan pemasaran kelapa sawit diuruskan oleh agensi-agensi kerajaan dan pemodal-pemodal besar sahaja. Di kalangan kaum tani boleh dikatakan kesemua hasil kelapa sawit mereka dikuasai oleh pembeli-pembeli ini. Memandangkan kawasan-kawasan yang akan ditanam dengan kelapa sawit akan terus meningkat, maka pembeli-pembeli kelapa sawit ini akan mengambil alih tempat pembeli-pembeli getah di daerah Pontian. Pemasaran hasil-hasil pertanian kaum tani yang lain menggambarkan perkara yang sama. Orang-orang tengah berkuasa. Dengan pengenalan jenis-jenis tanaman baru rangkaian pemasaran baru dengan cepat akan dibentuk oleh kapitalis. Kaum tani akan terus terjerat.

Peranan agensi-agensi kerajaan, khususnya FAMA, di dalam pemasaran hasil pertanian tidaklah boleh dibanggakan. Agensi ini yang telah ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah pemasaran kaum tani secara bersaing dengan orang-orang tengah telah tidak dapat mencapai jangkaan. Pada tahun 1983, misalnya, FAMA telah memberikan perkhidmatan pemasaran kepada 2763 petani bagi negeri Johor. Petani-petani dari kawasan Benut dan Pontian merupakan 36.5 peratus daripada petani-petani yang diberikan perkhidmatan oleh agensi kerajaan ini. Pada tahun berikutnya pula jumlah petani yang diberi perkhidmatan ini telah menurun kepada 1597 orang dan petani-petani dari Benut dan Pontian merupakan 23.11 peratus daripada petani yang diberi perkhidmatan pemasaran.[67] Walaupun FAMA bergiat dengan berbagai jenis hasil pertanian, tetapi hanya koko, kelapa dan kopi diutamakan.

Sebahagian kaum tani merasakan bahawa kerja-kerja menjual hasil pertanian mereka kepada FAMA itu "cerewet", kerana institusi ini menjalankan kegiatan pemasaran mereka secara birokrasi. Seorang petani, umpamanya, mengatakan "*cara jual beli dengan FAMA terlalu cerewet....guna gred A,B,C,D..*" Petani-petani lain yang pernah menjual hasil pertanian mereka kepada FAMA mengatakan agensi ini *"membuat*

pembayaran lambat". Pegawai-pegawai FAMA juga dikatakan selalu tidak menepati janji untuk mengambil hasil petani. Seorang petani "*menggesa pihak FAMA agar mengambil hasil para petani mengikut masa yang tetap. Tetapi tiba hari yang dijanjikan mereka tak tiba*". Ketidaktentuan yang terdapat pada FAMA telah menyebabkan ramai petani menjual hasil pertanian mereka kepada orang-orang tengah untuk mendapatkan wang dengan cepat. Seperti yang dikatakan oleh seorang petani "....*ini membuatkan petani terpaksa jual pada pemborong kerana mereka memerlukan wang*". Aktiviti pemasaran yang dijalankan oleh Persatuan Peladang juga tidak mendapat tempat di kalangan kaum tani. Kaum tani lebih sinis dalam komen mereka mengenai agensi ini. Merujuk kepada operasi birokrasi yang diamalkan oleh Persatuan Peladang, seorang petani berkata "....*terlampau banyak mesyuarat tetapi kerja kurang*". Yang lain-lainnya pula menggunakan pepatah Melayu "Hidup segan mati tak mahu" untuk menggambarkan keadaan Persatuan Peladang sebagai agen pemasaran.

Keadaan yang memerangkap kaum tani Melayu di dalam pemasaran hasil mereka telah menjadi bertambah buruk dengan tercetusnya krisis ekonomi kapitalis sejagat beberapa tahun kebelakangan ini. Harga pasaran komoditi seperti getah, kelapa sawit dan kelapa telah jatuh menjunam. Seorang pekebun kecil kelapa mengatakan bahawa "....*kelapa tidak tentu harga*". Di dalam beberapa tahun kebelakangan ini harga pasaran hasil pertanian sememangnya telah menurun. Harga purata kelapa sawit, umpamanya, telah menjunam dari $156.17 setan metrik pada tahun 1985 kepada $68.61 pada tahun 1986.[68] Harga-harga komoditi lain juga mengalami kejatuhan harga yang teruk. Pergelutan kaum tani sebagai kelas pengeluar komoditi dengan gelombang pasaran kapitalis sejagat telah mengajar mereka tentang nilai tenaga mereka. Keadaan kaum tani Melayu di Johor Barat dapat dibayangkan dari ungkapan yang diberikan oleh seorang pelakon sosial, seorang petani: "Kemudahan yang segala ada mencukupi dan memuaskan cuma harga di pasaran saja yang turun naik dengan cepat". Seorang petani lain menyampuk "....*harga tak berpatutan dengan tenaga kerja*".

PENUTUP

Realiti sosial telah menunjukkan bahawa gelombang pasaran kapitalis sejagat telah menenggelami kaum tani Melayu pada abad ke-20. Susunan sosial yang berkisar sekeliling kebudayaan dan ekonomi layu di bawah dominasi tekanan pasaran yang baru, yang berlandaskan pertukaran.

Campurtangan pemerintah di dalam pembangunan pertanian telah mempercepatkan proses komersilisasi pertanian kaum tani. Kesan proses ini adalah ketidakseimbangan. Teknologi sebagai jentera penggerak kepada modenisasi telah menjadi alat pendominasian kelas-kelas sosial yang tidak mengerjakan tanah. Kontraktor, peniaga input pertanian, orang tengah dan pemilik tanah merupakan orang-orang yang telah meraih keuntungan. Sebahagian besar kaum tani Melayu telah disekat dari setiap sudut oleh mekanisma pasaran bebas.

Sejarah telah menunjukkan bahawa kaum tani Melayu menjadi pengeluar bukan sahaja pada zaman pra-kolonial tetapi juga pada zaman kolonial dan zaman pasca kolonial. Sebagai pengeluar mereka telah mendukong kehidupan kelas-kelas sosial yang tidak mengerjakan tanah di atas bahu mereka pada ketiga-tiga zaman ini. Perkara ini membimbangkan. Walaupun kerajaan telah membelanjakan beratus-ratus juta ringgit di dalam projek-projek pembangunan besar untuk mempertingkatan taraf ekonomi kaum tani Melayu tetapi ia masih tidak berupaya meningkatkan taraf kelas sosial mereka. Di dalam mekanisme ekonomi yang berlandaskan kapitalisme pengumpulan kekayaan bukanlah terletak kepada kelas pengeluar tetapi kepada kelas-kelas yang bukan pengeluar. Mewujudkan satu kelas peniaga Melayu yang datangnya dari kelas pengeluar kaum tani Melayu itu sendiri mestilah diberikan keutamaan. Jika tidak kaum tani Melayu tetap ketinggalan sebagai pengeluar, dan sebagai kelas sosial yang paling rendah akan terus menjadi sasaran eksploitasi dan akan terus bergelumang dengan kemiskinan. Ekoran dari itu proses penghapusan kaum tani Melayu oleh perkembangan kapitalisme mestilah diberi perhatian.

NOTA

1 Sila lihat Shaharil Talib, *After Its Own Image: The Trengganu Experience 1881-1941*, Singapore: Oxford University Press, 1984.

2 *JAR*, 1937, ms.1

3 *CLR. BP 1490/1939 AR, LOBP*, ms.1

4 *CLM 67/1912: AR, LOBP, 1911*, ms.1

5 *CLR. BP 87/191* menyenaraikan nama parit-parit dikawasan ini.

6 *ARJ*, 1910, ms.6

7 *GAJ 172/1915: AR, AABP, 1914*, ms.13

8 *Ibid*, ms.4

9 *CLM 189/1915: AR, LOBP, 1914*, ms.8-9

10 *ARJ*, 1917, ms.7

11 *CLM 189/1915: AR, LOBP, 1914*, ms.10

12 *GAJ 135/1916: AR, AABP, 1915*, ms.3

13 *GAJ 172/1915: AR, AABP, 1914*, ms.13

14 *GAJ 166/1917: AR, LOBP, 1916*, ms.6

15 *Ibid.*, ms.5

16 *GAJ 172/1915: AR, AABP, 1914*, ms.8

17 *GAJ 100/1919: AR, LOBP, 1918*, ms.4

18 *GAJ 143/1918: AR, LOBP, 1917*, ms.5

19 *GAJ 172/1915: AR, AABP, 1914*, ms.7

20 *Ibid.*

21 *Ibid.*, ms.8

22 *GAJ 143/1918: AR, LOBP, 1917*, ms.5

23 *GAJ 100/1919: AR, LOBP*, 1918, ms.3

24 *Ibid.*, ms.2

25 *Ibid.*

26 *ARJ.* 1919, p.6

27 J.H. Drabble, *Rubber In Malaya 1876-1922: The Genesis of the Industry, Kuala Lumpur*: Oxford University Press, 1973, ms.214.

28 *ARJ*, 1918, ms.19

29 *Report on Agricultural Development in Johor*, H.A. Tempany, Director of Agriculture, S.S. and F.M.S., Johore Bharu, Government Printing Office, 1934.

30 *CLR, BP 35/1929: Padi Cultivation Returns, Season 1928-1929.*

31 *State of Johore: Statistics Relating to Rubber*, 1 July, 1929, Johor, Government Printing Office.

32 Lihat lampiran dalam *CLR, BP 33/1924.*

33 *State of Johore: Statistics Relating to Rubber*, 1 July, 1929, Johore, Government Printing Office, ms.5.

34 Lampiran satu, *CLM, Johore kepada State Secretary, Johore, 18 October, 1919.*

35 *CLR, BP 511/1922: CLR, BP kepada Secretary Rubber Restriction, Johore Bharu, 19 November, 1922.*

36 *Ibid.*

37 *CLR, BP 511/1922: The Chinese Chamber of Commerce to AA, BP, 17 November, 1922.*

38 *Memorandum on the Operations of the "Settlement Arrears Scheme" at Batu Pahat, Johor, 1933-1938.* H.W. Hamilton, Acting Chief Settlement Officer, Batu Pahat, 1938, ms.2.

39 *Ibid.*, ms.19.

40 *MALAYA: Average Prices, Declared Trade Values, Exchange, Currency and Cost of Living for the Year 1939.* Department of Statistics, Government Printing Office, Singapore, 1940.

41 *Ibid.*, ms.6. 42. Lampiran 3, CLM, Johore ke State Secretary, Johore, tidak bertarikh, dalam CLR, BP 509/1933.

43 *CLR, BP 1502/1933: Memorandum GAJ, 20 July 1933.*

44 *CLR, BP 1502/1933: Possibilities of Extending Rice Cultivation in Johore, 20 April 1933.*

45 *CLR, BP 43/1935: AR, LOBP, 1934*, ms.2-3.

46 Lampiran satu, 1st of Rubber Dealers in Batu Pahat District, tidak bertarikh, dalam *CLR, BP 721/1934.*

47 *CLR, BP 46/1939: Nationality of Ownership. Small Holdings, 1938.*

48 *GAJ 59/1941: AR, LOBP, 1940*, ms.1

49 Kenelm O.L. Burridge. "Race Relations in Johore", *Australian Journal of Politics and History*, Vol.2. No.2. May 1957, ms.163-4.

50 S. Nesadurai et al., *Agricultural Development Project Western Johore*, Kuala Lumpur. Ministry of Agriculture and Lands, 1971.

51 Nesadurai et al., *Western Johore Agricultural Development Project (Phase I)*, Kuala Lumpur. Kementerian Pertanian dan Perikanan, 1973.

52 MARDI, *Sistem Maklumbalas: Johor Barat*, Pontian, 1985, (Restricted Circulation), ms.4

53 *Ibid.*, ms.1-2

54 Untuk penerangan berkenaan dengan jenis-jenis tanah dikawasan ini, sila lihat Annex 2 didalam World Bank, *Appraisal of the Western Johore Development Projec*t. Report No.314a-MA, February 22, 1974.

55 Chua Piak Chwee, "Socio-Economic Considerations On Peat Land Development in the Western Johore Integrated Agricultural Development Project", a *paper* presented at the Second International Soil Management Workshop, April 1986, ms.1-2.

56 Lihat umpamanya Chan Y.K and C.K. Lee, "The Hybrid I Pineapple: A New Canning Variety Developed at MARDI", *Teknologi Buah-Buahan*, Jil. 1. Bil.1. March 1985.

57 MARDI, 1985, *op. cit.*, ms.13

58 World Bank, *Malaysia: Western Johore Agricultural Development Project (Loan 973-MA) Project Completion Report*, Project Department East Asia and Pacific Region, April 18, 1985, ms.1

59 *Ibid.*

60 *Ibid.*

61 MARDI, 1985, *op. cit.*, ms.14

62 Perbincangan tentang penukaran hakmilik tanah ini adalah berdasarkan dari maklumat yang diberikan oleh Pejabat Tanah Daerah Pontian, 1986.

63 Majlis Bandaran Pontian, 1986.

64 Keputusan penelitian yang telah dijalankan di Daerah Pontian dalam tahun 1987 dimana sejumlah 1237 keluarga tani telah ditemubual. Perbincangan seterusnya adalah berpandukan kepada hasil kajian ini. Sumber-sumber lain akan dinotakakikan.

65 FAMA Daerah Pontian, 1986.

66 *Ibid.*,

67 *Laporan Tahun MA Negeri Johor*, 1983 dan 1984.

68 Koperasi Pekebun Kecil Daerah Pontian Berhad (KEPAK), 1987.

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU

3

KAMPUNG BURUH : MENGIMBANGKAN KEHIDUPAN DENGAN HIDUP MASYARAKAT

ZAHID EMBY

PENGENALAN

Masyarakat tani Semenanjung Malaysia telah mengalami berbagai-bagai perubahan semenjak kemerdekaan pada tahun 1957. Struktur ekonomi masyarakat tani mula berubah dengan kedatangan Inggeris. Ekonomi semulajadi masyarakat tani telah terhapus apabila ia bertembung dengan ekonomi kapitalis yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris. Petani-petani diheret keluar dari ekonomi sara diri dan ditolak masuk ke dalam ekonomi dunia[1]. Keadaan ini berterusan selepas tahun 1957. Melalui program-program pembangunan desa dan bandar lebih ramai petani menceburkan diri mereka dalam pertanian komersial dan dalam sektor buruh (lihat Zahid Emby, 1977). Ada petani yang terus tinggal di desa dan bekerja sebagai buruh pertanian dan ada juga yang meninggalkan kawasan desa dan berhijrah ke bandar untuk bekerja sebagai buruh kilang dan buruh binaan. Sejak akhir-akhir ini ada pula petani-petani yang meninggalkan bidang pertanian tetapi terus tinggal di desa. Mereka bekerja sebagai buruh di bandar-bandar berdekatan tetapi terus tinggal di kampung. Mereka berulang-alik setiap hari ke tempat kerja mereka. Ada juga diantara mereka yang tinggal di kampung, pulang seminggu atau dua minggu sekali atau pun sebulan sekali.

Artikel ini akan membicarakan kehidupan bekas petani dan anak petani yang menampung hidup dengan menjual tenaga mereka di bandar-bandar. Di sini mereka bekerja bersama-sama dengan pekerja-pekerja lain yang mereka belum kenali. Mereka menjual tenaga mereka kepada orang-orang yang mereka tidak kenali di dalam suatu subbudaya kerja

dan sistem ekonomi yang berbeza dari apa yang menjadi kebiasaan di dalam hidup mereka di kampung. Mereka berulang-alik bukan sahaja di antara dua kawasan yang berbeza dari segi fizikal (iaitu desa dan bandar) tetapi juga di antara subbudaya yang berbeza, iaitu di antara subbudaya kampung (yang berasaskan kepada subbudaya petani) dan subbudaya kerja buruh. Tuntutan kedua-dua subbudaya ini berbeza dan kadang-kala bertentangan dan ini menimbulkan masalah bagi bekas petani-petani dan anak-anak mereka. Inilah yang akan ditekankan di dalam artikel ini iaitu usaha-usaha dan kompromi yang terpaksa dibuat untuk menyara hidup keluarga mereka dengan menjadi buruh di bandar sementara pada masa yang sama melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosio-budaya kampung dan mengekalkan hidup bermasyarakat di dalam komuniti tersebut.

LATAR BELAKANG KAMPUNG KAJIAN

Kampung yang dikaji adalah sebuah kampung kecil di Kedah yang dibuka pada kurun ke-19 oleh sekumpulan pelarian dari utara Kedah yang berpindah ke bahagian selatan negeri itu apabila mereka diserang oleh kerajaan Siam pada tahun 1821. Struktur kampung ini telah mengalami berbagai-bagai perubahan sejak ianya dibuka. Pada mulanya ekonomi kampung ini berasaskan penanaman padi sara diri. Selain daripada padi, alam sekeliling juga menyediakan keperluan hidup mereka. Hutan, paya dan sungai dapat memenuhi keperluan mereka sehari-hari.

Pada awal kurun ini getah mula ditanam di kampung tersebut. Penanaman padi akhirnya diberhentikan terus dan diganti sepenuhnya dengan getah apabila harga getah melambung tinggi. Pada zaman pemerintahan Jepun, pihak pemerintah telah memaksa penduduk-penduduk kampung ini menebang pokok getah mereka supaya padi dapat ditanam di kawasan itu. Tetapi usaha mereka tidak berjaya. Akhirnya, apabila Jepun dikalahkan dan Inggeris kembali memegang kuasa di Semenanjung Malaysia, mereka menjual tanah padi mereka. Bagi penduduk-penduduk kampung ini zaman kemerosotan mereka bermula dengan pemerintahan Jepun dan berterusan apabila Inggeris kembali dan tidak membenarkan mereka menanam getah di kawasan itu. Ramai penduduk yang meninggalkan kampung mereka kerana kehilangan mata pencarian. Akhirnya kampung yang pada satu ketika dulu mempunyai penduduk yang ramai mula bertukar menjadi kampung yang kecil. Pada pertengahan tahun tujuh puluhan kampung ini mengandungi kurang daripada 30 buah rumah.

Kegagalan penduduk kampung menanam padi di kawasan berkenaan pada zaman pemerintahan Jepun memaksa mereka mencari nafkah dengan cara lain, iaitu dengan menjual tenaga mereka sebagai buruh apabila ada peluang berbuat demikian. Peluang-peluang ini bertambah apabila Inggeris kembali memerintah dan memburuh muncul sebagai punca pendapatan utama bagi majoriti penduduk kampung ini. Mereka mula menjadi buruh di sektor pertanian dengan mengambil upah menanam dan menuai padi dan menjadi buruh di estet-estet yang berdekatan dengan kampung mereka. Kemudian apabila sektor pembinaan berkembang, ramai daripada anak-anak muda di kawasan ini bekerja sebagai buruh binaan di bandar-bandar yang berdekatan.

Komuniti berkenaan mengalami perubahan lagi pada tahun 1981 apabila kawasan kampung, di atas permintaan penduduk-penduduk dan pemilik-pemilik tanah, telah dijadikan estet mini kelapa sawit di bawah kelolaan RISDA (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah). Mereka yang masih lagi tinggal di kampung itu bersetuju untuk dipindahkan ke kawasan simpanan Jabatan Parit dan Tali Air yang terletak di sebelahnya. Penubuhan estet mini ini telah membuka beberapa peluang pekerjaan lagi bagi penduduk-penduduk di sini. Mereka bekerja sebagai buruh estet mini yang diselia oleh seorang pegawai RISDA. Estet ini mempunyai keluasan 32.5 hektar.

Pada tahun 1987 terdapat 60 isi rumah dan 261 orang penduduk di kampung ini. Dari jumlah ini 17 daripada ketua keluarganya bekerja sebagai buruh separuh masa sementara 16 lagi bekerja sebagai buruh sepenuh masa di bandar-bandar yang berdekatan. Mereka berulang-alik setiap hari dari kampung ke tempat kerja mereka. Ada juga yang bekerja di bandar-bandar yang agak jauh dari mereka hanya dapat pulang bertemu keluarga mereka seminggu atau dua minggu sekali atau sebulan sekali. Mereka tidak dapat pulang lebih kerap lagi kerana tambang bas atau teksi yang terpaksa mereka bayar akan mengurangkan pendapatan yang mereka bawa pulang.

Selain daripada ketua keluarga, anak-anak muda mereka juga bekerja sebagai buruh. Daripada kesemua belia di kampung berkenaan, seramai 23 orang terlibat di dalam pekerjaan ini. Mereka lebih sedia untuk bekerja di bandar-bandar yang jauh daripada bekerja di kampung sendiri. Ada yang telah biasa bekerja sebagai buruh di Ipoh, Kuala Lumpur dan Singapura. Tidak kurang juga ramai yang bekerja di Pulau Pinang.

Pendapatan yang mereka perolehi daripada memburuh bukanlah lumayan tetapi cukup untuk hidup. Keperluan asas keluarga dapat mereka penuhi. Semua rumah mempunyai bekalan elektrik dan air paip. Tiap-tiap keluarga memiliki radio, lebih dari separuh mempunyai televisyen, satu perempat mempunyai kipas elektrik dan motosikal, satu persepuluh memiliki peti ais dan tiga keluarga mempunyai motokar. (Walau bagaimanapun pendapatan utama ketua keluarga yang memiliki peti ais dan motokar bukan daripada kerja buruh tetapi daripada perniagaan). Walaupun demikian keadaan hidup mereka adalah tertakluk kepada pasaran buruh tempatan. Apabila ia stabil pendapatan dan kehidupan mereka terjamin. Tetapi apabila ia tidak stabil keselesaan hidup mereka akan terancam, seperti yang terjadi pada tahun-tahun lapan puluhan apabila sektor pembinaan merosot. Pada tahun 1987 misalnya ramai yang terpaksa mencari pekerjaan di kampung dan di dalam sektor pertanian kerana tidak ada pekerjaan di sektor pembinaan di bandar-bandar yang berdekatan. Estet mini kampung ini yang cuma mempunyai pekerja antara 10 hingga 15 orang pada tahun 1984, terpaksa memberi pekerjaan kepada 25 orang pada tahun 1987. Ini dapat dilakukan kerana sistem pengambilan pekerja adalah terbuka. Sesiapa saja yang tinggal di kampung itu boleh bekerja di estet mini tersebut. Oleh kerana gaji pekerja adalah berasaskan ekar (bagi membaja, meracun dan menjaga kawasan estet) dan hasil kelapa sawit yang dipungut, kos pengelolaan estet tidak meningkat walaupun bilangan pekerja bertambah. Hanya pendapatan pekerja yang berkurangan apabila lebih ramai orang bekerja.

Pergantungan penghuni-penghuni kampung ini kepada pemburuhan untuk nafkah hidup mereka bukan saja boleh menggugat penghidupan mereka pada masa-masa yang tertentu, tetapi ia juga mengancam hidup bermasyarakat yang menjadi akar tunjang kepada kehidupan sosial desa. Dengan bekerja sebagai buruh di bandar bermakna mereka terpaksa berada di luar komuniti mereka sepanjang hari.Ini menimbulkan masalah apabila aktiviti sosial seperti gotong royong dan kenduri kendara diadakan. Aktiviti-aktiviti ini, yang tujuan utamanya ialah untuk menjaga kebersihan kampung, meraikan perkahwinan atau membaca doa selamat, juga membantu mempereratkan hubungan anggota-anggota komuniti. Kegagalan mengambil bahagian sepenuhnya dalam aktiviti ini mungkin akan menggugat hubungan dan kehidupan sosial komuniti.

Daripada 33 orang ketua keluarga yang memburuh, cuma beberapa orang sahaja yang bekerja di estet mini. Ini bermakna sekurang-kurangnya separuh daripada ketua di kampung ini tidak dapat berinteraksi sesama

mereka pada siang hari kerana mereka terpaksa berada di tempat kerja di luar kampung. Mereka bertolak meninggalkan kampung selepas subuh dan hanya akan kembali sebelum maghrib. Ini samalah seperti pekerja bandar yang berulang-alik dari rumah ke tempat kerja mereka, seperti yang terdapat di tempat lain di dunia ini. Tetapi dari segi tempat tinggal mereka berbeza daripada pekerja-pekerja di bandar dimana mereka terus tinggal di kampung dan terpaksa memenuhi tuntutan kehidupan sosial desa yang dibina di atas asas *material* (*material base*) lama yang tidak wujud lagi pada masa kini. Mereka tersepit di antara tuntutan komuniti dan budaya dengan keperluan-keperluan keluarga meraka. Mereka tiada pilihan lain melainkan memburuh di bandar untuk menyambung hidup mereka. Pendapatan mereka walau pun cukup untuk memenuhi pendapatan keluarga, tetapi tidak mencukupi untuk mengadakan kenduri kendara, meraikan perkahwinan dan memenuhi tuntutan-tuntutan kebudayaan lain yang dianggap biasa di dalam susunan sosial masa kini. Ini menimbulkan masalah bagi para buruh yang tinggal di kampung ini. Bukan sahaja mereka tidak dapat mengadakan kenduri kendara dengan cara yang dituntut oleh budaya desa tetapi mereka juga tidak dapat melibatkan diri mereka dengan sepenuhnya di dalam aktiviti sosial kampung itu oleh kerana masalah masa.

MENGIMBANGKAN KEHIDUPAN DENGAN BERMASYARAKAT

Aktiviti sosial seperti gotong royong, kenduri kendara dan perkahwinan serta tragedi seperti kematian memerlukan penglibatan anggota komuniti itu. Aktiviti-aktiviti ini secara langsung atau tidak langsung amat penting pada suatu masa dahulu, untuk menjamin kehidupan keluarga. Pada zaman itu aktiviti pertanian menjadi asas pada kehidupan mereka. Tenaga buruh upahan tidak memainkan apa-apa peranan di dalam pertanian. Semua kerja ladang dijalankan secara tolong menolong. Sistem derau, misalnya, memainkan peranan yang penting dalam penanaman padi pada masa itu. Cara ini hanya akan berjaya jika wujud hubungan yang erat di antara anggota-anggota komuniti. Aktiviti sosial tersebut di atas membantu mengukuhkan perhubungan ini. Tetapi pada masa ini asas *material* kampung ini sudah bertukar. Sebagai buruh, anggota-anggota komuniti tidak lagi memerlukan tenaga jiran tetangga mereka untuk menjamin penghidupan keluarga. Walau bagaimanapun penglibatan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti pengkebumian, pernikahan dan doa selamat masih lagi memerlukan tenaga anggota-anggota lain di dalam komuniti ini. Ini bermakna hubungan yang rapat perlu diwujudkan.

Oleh itu penyertaan dalam aktiviti-aktiviti sosial terus diberi perhatian oleh komuniti ini. Malangnya oleh kerana masalah masa, separuh daripada ketua keluarga yang menganggotai kampung ini tidak lagi dapat melibatkan diri mereka dengan sepenuhnya dalam aktiviti-aktiviti ini. Jadi berbagai-bagai bentuk kompromi terpaksa diwujudkan untuk mengatasi masalah tersebut.

Kerja gotong royong di dalam sektor pertanian, seperti berderau misalnya, tidak lagi wujud di dalam kampung ini kerana ia telah digantikan oleh buruh upahan. Mereka yang masih melibatkan diri di dalam penanaman padi di kawasan berdekatan mengupah orang untuk menjalankan kerja-kerja membajak, menanam dan mengerat padi kerana cara ini dianggap lebih senang dan lebih efisiyen. Walau bagaimanapun bergotong royong untuk membersihkan kawasan kampung (seperti menebas tepi jalan-jalan kampung, membersihkan kawasan kubur dan mesjid) masih lagi dijalankan. Selalunya kerja gotong royong begini melibatkan semua penduduk di qariah itu.

Walaupun paksaan tidak digunakan, semua penduduk di qariah ini sedar gotong-royong itu hanya berjaya jika mendapat sambutan dari semua pihak. Setiap mereka juga sedar bahawa sekiranya mereka tidak menyertai aktiviti ini mereka akan dianggap sebagai orang yang tidak bertanggung jawab, yang mementingkan diri sendiri daripada keperluan komuniti. Oleh itu, walaupun mereka tidak dikenakan sebarang isbat (didenda, didera atau dipulau), mereka akan cuba sedaya-upayanya untuk datang bergotong-royong. Jika mereka tidak dapat hadir atau tidak mahu hadir mereka akan cuba menunjukkan bahawa mereka tidak dapat membantu kerana ada sebab-sebab yang tertentu.

Di qariah ini tidak ada hari tertentu yang ditetapkan untuk bergotong-royong. Jika gotong royong itu dikelolakan oleh pemimpin-pemimpin qariah dengan menggunakan sumber kewangan tempatan dan tidak melibatkan bantuan kewangan tempatan dari luar (seperti Pejabat Daerah), hari untuk menjalankan aktiviti ini akan ditentukan selalunya oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung serta pemimpin-pemimpin belia qariah, selaku penganjur aktiviti berkenaan. Biasanya hari yang dipilih hari cuti kerana ramai buruh di qariah ini bekerja sebagai buruh binaan [2]. Tetapi kalau gotong royong ini dianjurkan oleh jabatan kerajaan, ia terpaksa diadakan pada hari kerja kerana ia mesti dirasmikan oleh pegawai kerajaan. Ini bermakna mereka yang bekerja makan gaji di bandar tidak dapat hadir.

Jadi gotong-royong boleh menimbulkan *a conflictive situation* bagi mereka yang bekerja sebagai buruh upahan. Konflik yang mereka harus hadapi adalah di antara memenuhi kehendak sebagai ketua keluarga, iaitu untuk mencari nafkah untuk keluarga mereka, dengan memenuhi kehendak tanggung-jawab mereka sebagai anggota komuniti. Apabila berhadapan dengan masalah ini jalan keluar harus dicari. Mereka berkompromi dengan menyuruh isteri, dan anak-anak mereka yang tidak bersekolah dan belum lagi bekerja, untuk mengambil bahagian di dalam gotong royong yang diadakan. Ketidakhadiran mereka disebabkan oleh pekerjaan mereka diterima dan dimaafkan. Oleh itu jika ramai penduduk di kawasan ini yang memburuh dan bekerja makan gaji maka akan lebih merosotlah penglibatan mereka di dalam aktiviti sosial ini, dan ini akan memberi kesan negatif kepada kehidupan sosial desa.

Konflik tanggungjawab ini bukan sahaja timbul apabila qariah ini mengadakan gotong royong. Majlis perkahwinan, kenduri doa selamat dan kematian juga memaksa ramai daripada penghuni kampung ini bergelut dengan konflik. Penduduk kampung ini tahu bahawa kelahiran, perkahwinan dan kematian adalah sebahagian daripada kehidupan dan akan dilalui oleh semua. Mereka juga sedar bahawa apabila hal ini berlaku penglibatan penduduk-penduduk lain di kampung itu amatlah diperlukan. Untuk menjaminkan penyertaan mereka, hubungan dengan mereka haruslah dipelihara dengan baik. Cara yang paling baik untuk berbuat demikian adalah dengan mengadakan majlis perkahwinan dan kenduri yang mereka adakan dan menziarahi mereka apabila ada anggota keluarga mereka yang sakit atau meninggal dunia. Tetapi malangnya bagi mereka yang makan gaji, ini tidak dapat mereka lakukan dengan sepenuhnya. Kalau majlis perkahwinan diadakan pada hari kerja mereka hanya dapat menghadirinya pada sebelah petang (walaupun budaya mereka menuntut supaya mereka harus berada di situ sehari suntuk) kalau kenduri doa selamat mereka hanya sempat datang bertahlil dan makan, dan kemudian pulang (walaupun budaya mereka memerlukan mereka membantu sebelum dan selepas kenduri) dan apabila ada kematian mereka hanya dapat menziarahi keluarga si mati selepas jenazahnya dikebumikan (jika kematian berlaku awal pagi atau pada siang hari).

Jadi ketua keluarga yang bergantung kepada kerja memburuh unutk hidup mendapati bahawa mereka tidak akan menceburi dengan sepenuhnya aktiviti-aktiviti sosial kampung mereka. Sekali lagi sebagai kompromi, mereka terpaksa menghantar isteri dan anak mereka sebagai pengganti diri. Wang juga sudah mula memainkan peranan sebagai

pengganti diri. Isteri dan anak mereka dan sedikit wang diharap dapat mengganti ketiadaan mereka di situ - bukan kehendak mereka begitu (walaupun komuniti menerima tindakan ini sebagai *valid*) tetapi keadaan memaksa. Seperti kata seorang buruh kontrak yang tidak dapat menziarahi kawannya yang meninggal dunia:

> *Macam ni la kerja makan gaji, sampai orang mati pun tak boleh ziarah. Ambik duit lima ringgit bagi dekat bini suruh sedekah. Kita pi kerja.*

Walaupun pada keseluruhannya komuniti ini menerima tindakan dan kompromi tersebut, tetapi adakalanya tindakan ini dianggap tidak wajar, terutamanya jika seseorang itu tidak menghadiri aktiviti-aktiviti sosial ini pada hari minggu atau pada hari cuti atas alasan dia bekerja. Dia akan dikatakan terlalu sangat mementingkan material sehinggakan kepentingan komuniti ditolak ke tepi. Bekerja pada hari minggu atau pada hari cuti dianggap bukan untuk menjamin penghidupan tetapi untuk mengejar kebendaan.

Jadi apabila seorang buruh binaan tidak menghadiri majlis perkahwinan di kampung yang berdekatan di dalam qariahnya kerana dia bekerja pada hari minggu, maka timbullah komen-komen negatif terhadapnya. Dia dituduh meletakkan kebendaan di atas kepentingan kampung dan tindakan ini dianggap sebagai mengancam kehidupan komuniti. Komen-komen ini akhirnya akan sampai juga ke telinganya, tetapi dia tidak menjawab kerana dia tidak mahu memanaskan lagi keadaan. Walau bagaimanapun dia menjelaskan bahawa dia terpaksa bekerja pada hari itu kerana diminta berbuat demikian oleh ketua kontrak. Kalau dia menolak, katanya, kepercayaan yang diberikan kepadanya oleh kepala itu mungkin merosot dan ini akan mengancam mata pencariannya. Penjelasan ini kalau diberikan kepada penduduk lain mungkin tidak akan diterima, jadi dia berpendapat berdiam diri adalah tindakan yang paling sesuai di dalam keadaan begini.

Bagi mereka yang memburuh di kampung, kompromi yang disebut di atas dianggap sebagai tindakan yang tidak begitu wajar, terutama sekali kalau melibatkan kematian. Ini boleh kita lihat daripada tindakan yang diambil oleh mereka yang bekerja sebagai buruh di estet mini kampung ini apabila bidan yang tinggal di kampung itu meninggal dunia. Pekerja estet mini mendapat tahu tentang kematiannya selepas mereka mula bekerja. Mereka berbincang sama ada mereka patut menziarah pada pagi itu juga, iaitu sebelum mayat dikebumikan, atau pada sebelah petangnya

selepas kerja mereka selesai, iaitu selepas pengkebumian. Tiga alternatif telah dibincangkan. Pertama, teruskan pekerjaan dan tidak menziarah langsung, memadai dengan mewakilkan isteri dan anak-anak mereka untuk berbuat demikian. Kedua, hantar beberapa orang dari kumpulan kerja sebagai wakil, sementara yang lain terus bekerja. Ketiga, bekerja sampai waktu zuhur sahaja dan pergi menziarah selepas itu. Selepas perbincangan yang panjang lebar mereka memilih alternatif yang terakhir sebagai yang paling wajar. Seperti kata seorang pekerja: *'Tak elok la kalau kita tak pi ziarah. Nanti orang kata apa pulak'*. Oleh kerana masa bekerja di estet mini ini agak longgar dan selalunya ditentukan oleh pekerja-pekerja sendiri, dan rumah bidan itu juga terletak dengan kawasan kerja, jadi mereka rasa tindakan mereka itu paling wajar, walaupun tindakan ini akan mengurangkan pendapatan mereka. Masa yang mereka boleh gunakan untuk mendapat wang telah digunakan untuk memenuhi tanggungjawab sosial mereka.

Perubahan yang sedang dialami oleh kampung-kampung di negara ini telah mengurangkan aktiviti sosial yang boleh dilakukan secara spontan. Organisasi yang formal dan separuh formal terpaksa ditubuhkan untuk menjamin penglibatan penduduk-penduduk kampung di dalam aktiviti ini. Persatuan khairiat kematian misalnya telah lama wujud; begitu juga dengan syarikat pinggan mangkuk. Di kampung ini satu lagi persatuan telah ditubuhkan, iaitu pakatan kahwin. Beberapa bulan sebelum majlis perkahwinan hendak diadakan mesyuarat akan diadakan untuk mengumumkan perkahwinan itu. Di dalam mesyuarat ini pembahagian tugas akan ditentukan; dan akan diumumkan juga tentang kutipan wang yang akan dibuat. Dengan cara ini penglibatan majoriti anggota-anggota pakatan itu, yang selalunya terdiri daripada ketua keluarga di kampung akan terjamin. Jadi bantu-membantu secara spontan, sama ada dalam bentuk wang atau tenaga, lama-kelamaan akan diganti oleh aktiviti-aktiviti yang dianjur oleh organisasi atau persatuan yang rasmi dan separuh rasmi. Inilah arah-aliran kehidupan sosial kampung yang majoriti penduduknya dianggotai oleh mereka yang mencari nafkah dengan menjual tenaga mereka di tapak-tapak binaan, di kilang-kilang dan di pejabat-pejabat yang terletak di bandar.

PENUTUP

Di kampung ini kehidupan sosial Melayu desa yang bertunjangkan hidup bermasyarakat sedang mengalami perubahan yang pesat. Hidup bermasyarakat terancam apabila penduduk-penduduk kampung ini

terpaksa menjual tenaga mereka di luar kampung untuk menyambung hidup mereka sekeluarga. Awal pagi lagi mereka sudah keluar mencari makan dan hampir senja baru mereka pulang. Kata seorang buruh kontrak:

Kita ni macam burung. Pagi keluar cari makan, malam balik tidur.

Jadi masa untuk berbual-bual di kedai kopi atau menziarah rumah jiran tidak ada; kalau ada pun, sedikit sekali. Cuma mereka yang tidak bekerja dan yang bekerja di kampung sahaja sempat berbuat demikian. Kewajipan sosial terhadap komuniti terpaksa dibelakangkan untuk menjamin kehidupan keluarga. Oleh itu hubungan sosial yang erat, kerjasama dan saling bantu-membantu yang menjadi ciri-ciri penting di dalam sistem sosio-budaya Melayu desa sudah mula pudar. Individualisme sudah mula mengambil alih tempat hidup bermasyarakat sebagai asas kehidupan sosial di kampung ini.

NOTA

1 Sila lihat Lim Teck Ghee, 1977, Shaharil Talib, 1984 dan Amarjit Kaur dan Shaharil Talib, 1983.

2 Tetapi untuk menentukan tarikh ini pun menjadi masalah kerana qariah ini walaupun ia di dalam negeri Kedah, terletak dekat dengan Perak dan Pulau Pinang. Ramai juga penduduk kawasan ini yang bekerja di bandar-bandar berdekatan Perak dan Pulau Pinang. Oleh kerana hari minggu di Kedah adalah pada hari Jumaat dan di Perak dan Pulau Pinang pada hari Ahad, apa sahaja hari yang ditetapkan akan menimbulkan masalah.

BIBLIOGRAFI

Amarjit Kaur & Shaharil Talib "The Extractive- Colonial Economy and Peasantry: Ulu Kelantan 1900-1940" dalam *Review of Indonesian and Malaysian Affairs*, Vol. 17, No. 2, 1983.

Lim Teck Ghee, *Peasant and Their Agricultural Economiy in Colonial Malaya 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977.

Shaharil Talib, *After Its Own Image*, Singapore: Oxford University Press, 1984.

Zahid Emby, *Commercialization of Padi Farming in Putat, M.A. Thesis*, Monash University, Australia, 1977.

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU 4

MENGDIMISTIFIKASIKAN IMEJ DAN MITOS PERBURUHAN MELAYU DI LADANG

ZAWAWI IBRAHIM

PENGENALAN

Sejarah dikatakan berulang lagi. Sekali lagi imej Melayu sebagai tenaga kerja tercemar, khususnya di sektor ladang di mana kekurangan buruh di dalam industri tersebut dikatakan akibat dari keengganan serta sikap memilih di kalangan anak tempatan, yakni orang Melayu. Justeru itu, dirasakan *survival* industri ladang di Malaysia ini tidak mungkin diatasi sekiranya estet-estet hanya bergantung kepada anak watan semata-mata, tanpa menggunakan tenaga buruh dari luar (pendatang haram). Maka di atas prinsip ini jugalah mengapa baru-baru ini pihak kerajaan, melalui sistem *permit kerja* terpaksa *menghalalkan* penggunaan tenaga kerja asing, khususnya dari Indonesia.

Artikel ini tidak menjamin menjawab segala persoalan dan isu yang berkait dengan permasalahan di atas. Juga ia berdasarkan kajian mikro dan antropologi yang masih belum tamat dijalankan di sebahagian kawasan peladangan (kelapa sawit) di Terengganu, termasuk beberapa estet Ketengah. Oleh itu terdapatlah batasan-batasan tertentu yang lumrah terdapat di dalam kajian sedemikian. Tujuannya bukanlah untuk memaparkan statistik dan data ataupun bertelingkah dalam *a game of figures*, tetapi untuk melihat permasalahan di atas ini dari satu perspektif yang agak berlainan sedikit. Kemunculan setiap imej, metos dan ideologi tentang mana-mana golongan manusia itu ada asas-asas materialnya tertentu; tidak mungkin sesuatu ide itu timbul hanya di awang-awangan. Begitu juga dengan gambaran negatif perburuhan Melayu di ladang; seseorang pengkaji itu, melalui pendekatan *Sociology of Knowledge*

perlu mengesan apakah keadaan dan proses sosio-ekonomi yang konkrit yang telah membentuk imej sedemikian. Hanya dengan mempunyai *knowledge* atau memahami tentang asas-asas pembentukan sesuatu ide itu barulah kita boleh menilainya secara kritis, dan akhirnya mampu mengdimistifikasikannya. Penafsiran awal dari kajian ini menyakinkan bahawa di sebalik gambaran atau imej negatif (tentang buruh Melayu) yang dominan di sektor ladang. Ada asas-asas dan logik perjalanan sistem ekonomi politik yang bukan sahaja menyokong penggunaan tenaga buruh pendatang malahan secara mutakhirnya, ia berkemungkinan besar akan menafikan orang Melayu sendiri sebagai buruh ladang baik yang mahu bekerja atau yang sedang bekerja di ladang.

SEJARAH : BEBERAPA PENGAJARAN

Dalam buku *The Myth of the Lazy Native*, Syed Husin Alatas telah pun mengulas, mengkritik dan mengdimistifikasikan metos pribumi malas, yakni satu ideologi negatif tentang Melayu sebagai buruh, yang dipelopori oleh orientalis barat. Bagi pengarang buku di atas, imej pribumi malas wujud dalam konteks kolonialisme pada kurun ke 19 apabila tahap eksploitasi mencapai suatu tahap perkembangan

> *...when the capitalist conception of labour gained supremacy. Any type of labour which did not conform to this conception was rejected as a deviation. A community which did not enthusiatically and willingly adopt this conception of labour was regarded as indolent.*[2]

Oleh itu, *it was this unwillingness to become a tool in the production system of colonial capitalism which earned the Malays a reputation of being indolent*[3].

Nyata bahawa sejarah menunjukkan masyarakat pribumi mempunyai rasionalnya sendiri; mereka lebih mengutamakan kebebasan sebagai *independent cultivators* dari bekerja sebagai kuli terkawal dalam keadaan kerja di ladang yang boleh dianggap *sub-human* (*it is clear through available records that industriousness meant working at sub-human level in colonial capitalist setting*)[4]. Tambahan pula kesenangan pihak British mengguna dan mengawal buruh imigran dari India lebih menyokong *the logic of plantation production*[5]. Namun dalam keadaan yang terdesak, di mana pilihan peluang pekerjaan terbatas, orang Melayu tidaklah harus menjauhkan dirinya dari ladang:

> *The Depression of the 1930s... threw Malay peasants into economic difficulties forcing some of them to seek wage employment in estates. The need to reproduce the household economy during the Depression compelled the heads of Malay households to devise various survival strategies including labouring for wages on estates. Given the cessation of Indian immigration in the 1930s therefore, Malay peasants became an important source of labour for estates.*[6]

Juga di kala terdapat kekurangan tenaga kerja India di ladang, seperti pada tahun 1946 dan 1947, *there was an influx of Malay labour, which in contrast to prewar times had shown a greater willingness to accept the disciplines of industrial organisations*[7]. Walaupun kebanyakannya tidak menetap di ladang, tetapi hanya sebagai *temporary industrial employees, returning to the village or kampong during harvesting or when in short*[8].

Kajian saya sendiri di Terengganu, pada tahun 1972-75 menunjuk-kan di kawasan Ladang Kelapa Sawit Kemaman, sebuah ladang seluas 33,500 ekar yang diusahakan sejak 1965 lagi sebelum wujudnya ladang-ladang Ketengah; 95% daripada tenaga buruh (antara 2,500 - 3,000 yang digunakan adalah terdiri dari orang Melayu. Selain dari ladang Sungai Tong, Estet Kemaman merupakan ladang kelapa sawit yang menjadi tumpuan anak-anak tempatan bukan sahaja daripada Terengganu, tetapi juga daripada Kelantan dan negeri-negeri lain. Profil pekerja ladang menunjukkan ramai pekerja-pekerja muda, termasuk segelintir yang berkelulusan, tidak segan silu bekerja dan tinggal di ladang. Pekerjaan dibahagikan kepada dua kategori, buruh dibayar secara cekrol (bayaran kongsi kong) dan buruh kontrak. Kerja-kerja memetik, yakni kerja menikam/mengait buah (yang pada masa kini hampir semuanya menggunakan tenaga pendatang baik di Estet Kemaman ataupun di ladang-ladang Ketengah) biasanya dilakukan melalui sistem kontrak, dan gajinya lebih mahal, berdasarkan *piece-rate*, yakni banyak tandan/ ton buah yang dipungut. Majoriti dari pekerja kontrak ini datang daripada Kelantan. Pada keseluruhannya, walaupun terdapat *labour turnover* yang agak tinggi, ladang tidak mengalami masalah kesuntukan tenaga kerja dan biasanya dapat diatasi melalui penggunaan tenaga buruh Melayu sendiri. Walau bagaimanapun majikan amat bergantung kepada budi bicara pemborong lebih-lebih lagi dalam mengendalikan kerja-kerja mengait di musim-musim buah banyak (4-5 bulan setahun), bukan sahaja dari segi menjamin pungutan buah dalam kawasan blok yang

ditentukan dalam jangka *pusingan* waktu (kalau terlewat, buah akan buruk, kerana terlampau masak) tetapi juga dari segi membekalkan secukup buruh seperti yang diperlukan pada musim-musim kemuncak.

Pada akhir tahun 1988 saya kembali ke ladang yang sama untuk melihat perkembangan yang berlaku, dan mendapati bahawa hampir 95% daripada pengait terdiri daripada tenaga pendatang. Dalam lawatan saya ke sebahagian daripada Ladang-Ladang Ketengah, nyatalah bahawa fenomena ini sesuatu yang umum. Rata-rata pegawai-pegawai ladang yang ditemui, ataupun pemborong-pemborong yang ditanya, meluahkan pandangan yang sama: *Orang Melayu tak mau kerja ladang*, *Orang Melayu memilih kerja*[9]. Tetapi mengapa pada 60 hingga akhir 70an, orang Melayu dan bukan orang pendatang yang menjadi tulang belakang Ladang Kelapa Sawit di sini?[10]. Tetapi yang lebih penting dari segi analisis sosiologi ialah apabila majikan, pegawai atau pemborong mula membuat perbandingan di antara prestasi kerja pengait Melayu dengan prestasi kerja pengait pendatang. Konsep *rajin* sekarang telah menjadi sesuatu yang relatif, yakni kerajinan orang Melayu di ladang sekarang diukur dengan kerajinan buruh pendatang, yang merupakan satu komponen tenaga buruh, disebabkan oleh keadaan sosio-ekonomi tertentu, harus menunjukkan kemampuan dan kerajinan membuat kerja yang luar biasa. Kagum dengan sifat-sifat *superhuman* yang dipamerkan oleh orang-orang *desperado* baru ini, *kapitalism* pun merasakan dirinya bernafas baru, boleh mengarah dan mengawal buruh sesuka hatinya untuk memaksimakan keuntungan serta mengurangkan kos. Dimanjakan oleh kepatuhan*desperado* dan kesanggupannya bekerja panjang,*capital never had it so good*, mengunggulkan sifat-sifat tenaga asing yang dianggap begitu *sesuai* dengan pekerjaan ladang, sambil memandang jijik dan serong kepada tenaga tempatan, yang sekarang ini dianggap *tidak sesuai* lagi untuk kerja ladang. Anehnya, anak tempatan inilah yang pada awalnya telah bertungkus lumus membanting tulang menjadikan ladang di Terengganu ini dari hutan rimba.

MOBILITI BURUH

Satu faktor penting yang membezakan buruh Melayu dari buruh asing ialah kebebasan mereka untuk bergerak mengejar di mana difikirkan keadaan gaji atau kerja lebih selesa dan memuaskan. Mobiliti ini bukan sahaja dalam satu sektor yang sama (umpamanya dari satu estet ke estet yang lain, atau ke FELDA) tetapi juga dari sektor ladang ke sektor bukan ladang. Pendatang haram umpamanya tidak mempunyai kebebasan

yang sama, walaupun mereka kadangkala juga *lari* apabila tidak tahan dengan layanan atau keadaan kerja yang mereka buat. Tetapi oleh sebab mereka tidak mempunyai kad pengenalan, paspot ataupun permit kerja, mereka hanya dapat bergerak di persekitaran ladang sahaja. Dengan sistem kerja, pekerja asing akan lebih terikat lagi sebab biasanya permit kerja yang diberi itu memberikan mereka kebebasan untuk bekerja dengan satu ladang yang ditentukan sahaja. Dengan cara ini, perkhidmatan setiap pekerja dengan sesebuah ladang itu akan lebih terjamin dan pergerakan mereka lebih terkawal.

Kebebasan atau mobiliti buruh Melayu bererti perkhidmatan mereka dengan sesebuah ladang untuk jangkawaktu yang panjang tidak terjamin. Ini bermakna mereka lebih banyak pilihan, dan senantiasa bergerak mengikut pilihan dan peluang yang ada. Umpamanya, apabila Ladang-Ladang baru Ketengah mulai berbuah, sebahagian daripada buruh Melayu di Ladang Kemaman juga mulai bekerja di beberapa estet di situ. Sebabnya adalah sesuatu yang rasional, ladang Kemaman umpamanya, kerana lebih awal ditanam, pokok-pokoknya amat tinggi dan menyulitkan kerja-kerja mengait. Mereka mesti menggunakan dua galah yang perlu disambung, tetapi pokok-pokok ladang baru lebih rendah dan perlu dituai dengan pahat sahaja. Ada juga yang meninggalkan ladang apabila mendapat tempat di FELDA ataupun kerja-kerja lain di Terengganu dan luar Terengganu. Di mana ada pembangunan dan peluang kerja,anak-anak tempatan tidak boleh dipersalahkan sekiranya mereka meninggalkan ladang. Pembangunan yang tidak seimbang juga mengakibatkan situasi persaingan buruh seperti yang berlaku di Terengganu:

> *Whereas central Trengganu was to be the growth centre, albeit weak and lacking internal multiplier power, and the coastal strip was to be the backward periphery which would supply labour to the five settler towns, the reality now is very different. The former coastal hinterland is now the growth pole of the immediate future Can the Central Trengganu region survive this inversion? ...Since wages for unskilled workers on the coastal developments are $M520 a month more than double NUPW rates - it is no surprise to find that KETENGAH is losing contract and permanent workers at a rate that is seriously jeopardising the implementation of its plans.*[11]

Seperti yang disarankan oleh penulis di atas, perkara-perkara tersebut adalah *conditions under which 'rational' people will leave the*

KETENGAH projects and seek jobs on the coast[12]. Di ladang Kemaman juga, pada tahun 1983, apabila sistem kontrak dibubarkan, sebanyak 40% daripada pekerja Melayu yang bekerja sebagai pengait telah lari bersama kontraktor masing-masing. Hal ini juga telah menjejaskan kecukupan tenaga kerja di ladang tersebut. Juga dikatakan bahawa pembangunan serta pembukaan ladang kelapa sawit di Kelantan telah juga menarik pemotong-pemotong buah dari Kelantan, kerana mereka akan lebih berdekatan dengan kampung halaman mereka.

Bagaimana sekiranya mobiliti yang sama diberi kepada pekerja pendatang?. Seperti dikatakan tadi, sistem permit kerja akan lebih mengikatkan lagi pekerja asing dengan sesebuah ladang. Tetapi sebelum era Indonesia, ladang di Kemaman umpamanya pernah dikerjakan oleh orang-orang Kemboja. Mereka dikatakan amat rajin dan gigih bekerja sebagai pemotong buah; biasanya mereka bekerja sehari suntuk bersama-sama seluruh keluarga mereka. Keadaan ini berjalan selama dua tahun dan dalam jangkawaktu ini, mereka telah dapat mengumpulkan sedikit wang sebagai wang untuk digunakan sebagai modal. Mereka biasanya akan membeli motosikal (kadangkala mereka berkongsi membeli van) dan berniaga semasa mereka tidak bekerja. Akhirnya, apabila mereka mendapat kad pengenalan, mereka akan terus meninggalkan kerja ladang untuk berniaga sepenuh masa (umpamanya pasar-pasar malam penuh dengan peniaga kemboja). Ini bererti bahawa pendatang asing, sekiranya diberi kebebasan bergerak, mungkin tidak lagi memilih kerja ladang.

Begitu juga keluhan yang pernah diluahkan oleh seorang pengurus ladang yang cuba membantu pekerja-pekerja Indonesianya mendapatkan kad pengenalan merah. Sebaik-baik sahaja mereka dapat kad pengenalan tersebut, sebahagian besar terus *cabut* menuju ke Johor. Pekerja asing akan menjadi *mobile* sekiranya laluan itu diberi kepada mereka.

LOGIK EKONOMI POLITIK KAPITALIS DAN TENAGA BURUH

> *For us to remain in this business we have to be very competitive... We cannot be complacent just because the price is $1,000 today... I would say in the long term this commodity might not fetch very attactive price because more countries are going into it and those who survive well will be those who can maintain their cost...they are cost efficient... If you give in to pressures and increase your cost you will find that you will not solve the problem*

because you will find that your pricing will not be as attactive as other countries are going to give.(Group Manager)

The cost is high. We cannot compete with other people if we are going to use our local people to do harvesting. (Manager)

Orang Indonesia kerja, kerja sungguh....kerja pagi sampai petang. Masuk pukul 7 pagi balik pukul 6 petang.....sehari kadang-kadang 2 tan dia boleh ... Dari segi kecekapan kerja sama saja.....semua belajar sini belaka.....tapi orang Indonesia lepas garik dia kerja lagi....dia paksa diri dia nak cari duit... Hujan pun dia kerja....kalau hujan lebat sangat....hujan masuk dalam mata....dia baliklah, kalau tidak dia tak balik. (Pegawai)

Tidak hairanlah mengapa produktiviti seseorang pekerja pen-datang itu dianggap tinggi, 30% - 40% daripada pekerja pribumi. Bagi majikan, produktiviti yang tinggi amatlah penting pada waktu musim buah banyak, dan semasa itu perbezaan antara pekerja yang produktif dan sanggup bekerja kuat dengan pekerja yang kurang produktif ialah sebanyak 50 tandan sehari. Jadi, dari segi perjalanan ladang untuk mengurangkan kos, lebih baik bagi majikan menggunakan jumlah pekerja yang kurang tetapi lebih produktif dari ramai pekerja tapi kurang produktif. Juga kos *overhead*nya akan kurang sekiranya jumlah pekerja dikurangkan (*overhead cost is lower...less water...less SRA, less COLA...out of everyone ton of crop, I pay about 20% on overheads*).

Pegawai-pegawai tidak menafikan bahawa prestasi pekerja Melayu dalam jangkamasa yang pendek lebih baik dari pekerja Indonesia, tetapi oleh sebab mereka tidak memaksa diri mereka bekerja sehari suntuk maka hasil yang diperolehi dalam jangkawaktu yang panjang tidak begitu produktif jika dibandingkan dengan buruh pendatang. Bagi orang Malaysia, ini adalah sesuatu yang lumrah:

Orang dia kerja masa panjang, walaupun dia lambat, dia kerja masa panjang dapat banyak juga.....orang kita ni kerja cepat...masa singkat dapat banyak lebih kurang jugak dengan dia...tapi bila dia mahir dia dapat jugak...Orang dia pukul tujuh dah ada, kadang-kadang hari hujan dia pergi...kita hari hujan ni...kita tak

pergi...macam kita kalu pergi kampung orang kita mesti kerja lebih jugak...macam kampung orang ni susah sikitpun tak apa...sebab dia nak sen banyak". (Pekerja pemotong buah Melayu)

Sememangnya kalau kita kaji latarbelakang buruh pendatang ini; mereka sebenarnya berpindah dari sektor gaji tinggi (ladang), umpamanya bagi orang Lombok, satu hari kerja kontrak bangunan di kampung mereka sendiri hanya menghasilkan 800 rupiah (RM1.80), dan bagi orang Minang, umpamanya, kerja sehari sebagai buruh hanya memungkinkan sebanyak RM4.00 sahaja.

Sebenarnya hubungan yang mengasaskan *produktiviti* ialah hubungan eksploitasi. Buruh pendatang lebih bersedia untuk *dipaksakan* memanjangkan masa kerja mereka; inilah keistimewaan mereka, seperti komen seorang pemborong tentang pekerja Indonesianya;

Lebih tenaga orang dia...kita ini sampai pukul 2 lari dah, demo ni kalu dia kerja tu sampai pukul 5... memandangkan dia ni orang jauh mari... Lepas pulak pun orang dia ni kalu kita paksalah nak cukup bulan gapa kita boleh paksa, kata hari ini dalam masa dua tiga hari nak suruh sampai gelap, pusingan mesti habis, dia buat.

Apatah lagi, kesanggupan untuk memanjangkan waktu bekerja ini digabungkan pula dengan sifat kepatuhan mereka, maka wujudlah buruh pendatang ini sebagai pekerja yang unggul bagi kapitalisme ladang.

Seperti catatan seorang pegawai:

Orang Indonesia patuh. Pertama dia memandang diri sebagai pendatang tanpa sebarang dokumen yang sah. Kalau tak patuh pada kita mungkin juga setengah-setengah orang itu akan mengambil kesempatan. 'Kalau awak tak ikut saya, saya akan lapor ke Polis... Polis akan tangkap awak'. Jadi untuk nak menghindarkan perkara ini, dia terpaksa patuhlah....Control orang Indonesia lebih senang dari control orang Malaysia. Pasal dia patuh...dia takut...dia keluar bandarpun tidak...pergi maripun tidak, balik kerja, dia duduk dikongsi asah pahat untuk kesediaan esok.

Jaga kerja senang...dia tak lawan kita...kalau dia nak lawan sikit, kita kabar ke dia 'Mu tak sah buat macam

> *nilah, aku hantar ke Polis'. Kita kabar sukmur kedia nak hantar ke Polis... dia senyap le tak ada benda. 'Mu dah sah buat berangin mu datang nak buat kerja...kerjalah'. Orang kita...ada sabit ambik sabit...ada pahat...ambik pahat.*

Tambahan pula, pekerja Malaysia dianggap *menyusahkan* kerana senantiasa soal menyoal tentang hak merekasebagai buruh, baik tentang gaji, elaun yang harus diterima dan sebagainya. Ini merupa-kan isu yang biasa dikaitkan dengan peranan kontraktor (pemborong) sebagai orang tengah yang masih dikekalkan di kebanyakan ladang-ladang KETENGAH. Malah majikan menggunakan sistem kontrak ini bagi menyelesaikan masalah ketidakcukupan tenaga kerja. Biasanya mereka terdiri dari golongan bumiputera tetapi oleh sebab mencari keuntungan dengan cara mengurangkan kos, mereka lebih cenderung menggunakan pekerja pendatang dari tempatan. Bagi pekerja asing di bawah sistem ini, mereka hanya mendapat gaji bayaran tandan semata-mata, tanpa elaun-elaun yang diperuntukkan melalui perjanjian MAPA-NUPW. Secara tidak langsung pekerja tempatan tidak diberi keutamaan:

> *Pada pendapat kita kerja-kerja ini, pekerja tempatan, dia tahu ada kesatuan...ada satu tangga gaji untuk pekerja tertentu...ada hak untuk pekerja-pekerja...jadi kalau dia masuk kontrak, dia tidak ada hak, tidak ada faedah, ia tawar hatilah. Bapak Indonesia ni, kalau dia tau pun, dia tak boleh mintak... Kadang kala dia (Pemborong) letak harga tak munasabah, pokok berapa tinggi, 8 sen satu tandan...orang Indonesia kerja semacam... Ada orang yang bersuara, kata ladang ni pakai Indonesia, Malaysia tak pakai...dia kata orang Malaysia ni pilih kerja. Mana pilih kerja, pasal dia bagi gaji murah ke orang Malaysia, tu orang Malaysia tak mau kerja.*
>
> *Kita orang Malaysia ni, kalau tak cukup pendapatan dia ber**adjust** ke lain dulu, orang pendatang luar, cukup tak cukup, dia gohek dah...dia tadak pilihan dah...ikut mana-mana pun dia kata dia mari kena kerja. Orang kita dia masuk dua tiga empat hari, dia rasa tak boleh makan, dia buat masalah, dengan Tokaypun dia nak balah. (kontraktor)*

Sebenarnya, peruntukan pemborong Melayu ini juga kecil. Selain dari menjimatkan kos elaun, tarikan terhadap pekerja luar juga disebabkan oleh kos *reproduksi* sosial mereka yang murah, tetapi bagi pekerja Malaysia, kos *reproduksi* yang perlu ditanggung oleh pemborong bukan saja untuk si pekerja tetapi untuk seisi rumah (*household social reproduction*):

> *Saya pakai orang Malaysia tak sampai sebulan...saya tak mampu $3000 lebih habis...24 orang ...beras nak makan, rumah, dia makan dalam nin lain, hak makan rumah nun lain... Macam rumah kan dia ada anak bini, rumah nun satu beg (beras), rumah ni satu beg...makan minum dia susu anak kesemua kita tanggung...pinjam duit...anak sekolah...seminggu nak juga $50.00...kalau isteri dia sakit pulak atau anak sakit, kena $50...jadi $100 seminggu...kena $3000 lebih tak nak dah saya...merangkak...lagu ni tak boleh ke...kita mampus.*
>
> *Orang ni (Indonesia) tak apa...dia orang ni kalu dia ada lada kering sama beras, boleh kacang hijau, dia tak ada masalah dah...kerja terus...dia mau rokok jangan putus sudah...jadi habis senangnya baik pakai pendatang haramlah...kita suruh apa pun dia tak cakah aleh kita... Orang luar ni, tak mintak apa, kasi dia $11.00 se tan gak, tempat duduk kita buat...lebih kurang guni-guni tak apa dah...kalau sakit kita hantar ubat...kalau sakit kuat kita hantar hospital.*
>
> *...Jadi kalu kita pakai orang luar...kurang sedikit...makna cukup segala-gala kuranglah dengan dia...macam kalu modal kita kecik kan baik kita pakai bangsa ni...kalau bangsa Malaysia...satu orang kita nak ada $150-$200 makan...orang dia habis tinggi $90... (kontraktor)*

Seperti dirumuskan di awal tadi, berbanding dengan sifat-sifat *superhuman* pekerja luar yang sanggup menerima keadaan *subhuman*, pekerja Malaysia merupakan satu *monster* dari segi *glamour*nya untuk memikat kapitalisme. Masa depan *monster* ini akan turut tergugat dan terancam selagi majikan yang diberi kebebasan memilih siapa yang hendak diberi kerja, dan selagi sumber barangan *superhuman* ini tidak terhad daripada luar negeri. Setakat ini tidak tampak kekurangan bekalan tersebut.

PENUTUP

Bagi anak tempatan, masa depan mereka seolah-olah seperti situasi *catch 22*. Yang masih bekerja kian merasa tekanan, walhal yang menunjukkan minat mahu bekerja di ladang besar kemungkinan dinafikan. Justifikasi dan legitimasi ideologi yang kian memihak kepada penggunaan tenaga kerja *pendatang haram* hanya akan lebih memudahkan lagi transisi tersebut. Sementara itu di kawasan perladangan suara anak watan masih kedengaran, mencari pembelaan:

> *Buat masa kini Ladang...telah membuat tanaman semula dengan tanaman kelapa sawit. Dukacitanya, Pengurus ladang tidak mahu mengambil anak-anak tempatan untuk bekerja tetapi orang-orang Indonesia diberi peluang seluas-luasnya untuk bekerja walaupun masuk secara haram ke Negara ini.*
>
> *...Orang-orang Indonesia akan diterima bila-bila masa untuk bekerja tetapi anak-anak tempatan diminta tunggu dahulu dan diberi berbagai alasan kononnya tidak ada kerja kosong buat masa ini...*
>
> *Indonesia diarah kerja di kawasan yang tidak berair dan atas bukit. Malaysia disuruh kerja dalam air antara 2'-3'. Kata penolong Pengurus: "Rasakan kerana hendak kerja sangat!" kepada pekerja Malaysia...Pendek kata pihak pengurusan akan melindungi mereka sepenuhnya. Apa yang menyedihkan kami, bilangan mereka makin bertambah dan pekerja tempatan menjadi mangsa dibuang kerja seorang demi seorang (surat rayuan pekerja Malaysia kepada Menteri)*
>
> *Semenjak kerajaan memberi banyak kelonggaran terhadap pendatang-pendatang haram yang ingin bekerja di ladang, pihak majikan ladang mengambil kesempatan membuat keuntungan seberapa banyak yang boleh. Yang malang, nasib Anak Tempatan yang ingin bekerja di ladang atau yang sedang bekerja di ladang.*
>
> *Contoh ladang di tempat saya bekerja... Pihak majikan ladang tidak mahu lagi menerima pekerja-pekerja di*

kalangan anak-anak tempatan walaupun ada kekosongan. Yang sedang bekerja di ladang mereka selalu diberi tekanan di masa bekerja. Tujuan pihak majikan buat begitu supaya pekerja tersebut apabila tidak tahan tentu akan berhenti dengan sendiri.....

Kawasan yang dikerjakan oleh pekerja Malaysia sedikit demi sedikit diberikan kepada pekerja pendatang haram secara kontrak. Pihak pengurusan ladang telah cuba menghapuskan sama sekali kawasan pekerja tempatan dengan menunggu peluang. Jika ada pekerja Malaysia berhenti kerana mendapat kerja lain, ataupun sampai masa bersara umur 55 tahun...tempat pekerja yang berhenti itu memang tidak ada harapan kepada anak-anak tempatan yang mahu bekerja (catatan seorang pekerja tempatan)

NOTA

1. Penyelidikan yang dijalankan selama 5 bulan antara tahun-tahun 1987-1989 adalah dengan sokongan *Toyota Foundation Grant*. Kajian awal penulis di kawasan tersebut dikendali antara tahun-tahun 1972-1975 dan data itu yang merakamkan permulaan dan perkembangan masyarakat ladang di kawasan Kemaman dari 1965-1975 telah menjadi asas kepada tesis kedoktoran penulis, *A Malay Proletariat*, Department of Anthropology & Sociology, Monash University, Melbourne, 1978. Kajian terbaru ini pula cuba pula mengikuti pergolakan dan perubahan yang berlaku sejak 1975 hingga sekarang. Kedua-dua data ini akan digabungkan kelak dalam sebuah monograf.

2 Syed Hussein Alatas, *The Myth of the Lazy Native*, Frank Cass-London, 1977; m.s. 70.

3 *ibid*

4 *ibid*

5 R. Bach, "Historical Patterns of Capitalist Penetration in Malaysia", *Journal of Contemporary Asia* 6,4,1976; m.s. 470-471.

6 Halim Salleh, 'Changing Forms of Labour Mobilization in Malaysian Agriculture', *Tesis Ph.D*, Development Studies, University of Sussex, England; m.s. 103-107.

7 M. Stenson, *Industrial Conflict in Malaya*, Oxford University Press, London, 1970; m.s. 188.

8 ibid

9 Cetusan sedemikian merupakan kebangkitan kembali ideologi '*lazy native*' dalam era pos-kolonial.

10 Lihat Zawawi Ibrahim,*A Malay Proletariat*, op.cit. Juga tulisan pengarang, "Malay Peasants and Proletarian Consciousness", *Bulletin of Concerned Asian Scholars* Vol. 13, No. 2, m.s. 198-1983.

11 Charles Elliot, "Regional Development and Labour Competition: An Example from North East Malaysia", *Third World Planning Review*, Vol. 4., No. 4, Nov. 1982; m.s. 350-352.

12 *ibid*, m.s. 354.

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU

5

EKONOMI KELAS PERBURUHAN MELAYU BANDAR : SATU KAJIAN KES

NORAZIT SELAT

PENGENALAN

Dalam Rancangan Malaysia Kelima dinyatakan bahawa proses urbanisasi sedang dan akan giat berlaku di Malaysia dan menjelang tahun 2000, 60% penduduk Malaysia akan tinggal di bandar. Dijangkakan juga bahawa kaum bumiputera akan merupakan majoriti penduduk pada masa itu. Mereka akan membentuk 45.6% penduduk bandar, sementara orang Cina dan orang India pula masing-masing 43.7% dan 10.1%. (*The New Straits Times*, Oktober 26, 1988: 5. *The Star*, 26 Oktober 1988: 4)

Jadi apa yang jelas ialah kadar kenaikan penduduk yang tinggal di bandar adalah tinggi dan mendadak. Contohnya pada tahun 1970 jumlah penduduk Malaysia yang tinggal di bandar adalah 27% tetapi pada tahun 1986 jumlah ini telah meningkat kepada 46%. (*The New Straits Times*, Oktober 26, 1988: 5). Sebahagian besar daripada kenaikan ini adalah disebabkan oleh migrasi luar bandar ke bandar. Bandar masih dianggap sebagai tempat yang banyak memberi peluang pekerjaan dan ekonomi.

Bagi orang Melayu khususnya, pertambahan bilangan mereka di bandar bukan sahaja disebabkan oleh proses urbanisasi tetapi juga disebabkan oleh perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Inisiatif kerajaan menggalakkan pelaburan modal asing di negara ini telah membuka banyak lagi peluang pekerjaan bukan sahaja untuk tenaga kerja lelaki tetapi juga perempuan. Hasilnya dapat dilihat dalam perangkaan berikut. Pada tahun 1970 jumlah penduduk Melayu adalah 27.1% dan kadar ini telah naik ke 43.8% pada tahun 1988 dan pada tahun 1990 peratus ini akan meningkat ke 45.6. (*The New Straits Times*, Oktober 26, 1988: 5).

Sudah tentunya kepesatan penduduk di bandar ini akan menimbulkan berbagai masalah sosial dan ekonomi, kekurangan perumahan, kekurangan peluang pekerjaan, kesesakan jalanraya, pertambahan jenayah dan lain-lain. Namum demikian kita tidak dapat hendak menghalang proses urbanisasi ini daripada berlaku, kerana bandar itu adalah ibarat gula yang akan sentiasa menarik semut kepadanya. Tambahan pula, memang telah menjadi hasrat kerajaan dibawah Dasar Ekonomi Baru, untuk menyusun semula masyarakat. Oleh itu kehadiran orang Melayu yang begitu pesat di bandar sudah tentu ada kos melepasnya. Kerajaan sebanyak sedikit terpaksa mengorbankan nilai-nilai tradisi dan ekonomi tradisional luar bandar untuk mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru ini.

Walaupun orang-orang Melayu telah lama terdapat tinggal di bandar, contohnya, di Kuala Lumpur ini terdapatnya komuniti-komuniti Melayu di Kg. Baru, Kg. Pandan, Kg. Abdullah Hukum, Kg. Kerinci, Kg. Sg. Pencala dan lain-lain tetapi kajian yang berkaitan dengan komuniti-komuniti ini masih sedikit bilangannya. Selama ini kebanyakan kajian-kajian yang telah dijalankan terhadap masyarakat dan budaya Melayu terbatas hanya kepada penduduk-penduduk Melayu luar bandar. Sumbangan-sumbangan yang penting di bidang ini dapat dilihat di dalam karya-karya R. Firth, M.G. Swift, Mokhzani, S.H. Ali, Wan Hashim Teh dan lain-lain. Penumpuan kepada masyarakat kampung ini amat jelas sekali, kerana pada waktu itu orang-orang Melayu yang tinggal di luar bandar adalah menonjol sekali sehingga konsep luar bandar atau kampung itu dikaitkan dengan orang Melayu. Nyata bahawa tradisi orang-orang melayu adalah berakarumbikan kampung.

Kebelakangan ini telah terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan orang-orang melayu yang tinggal di bandar. (Mohamed Aris Othman; Mohd. Fauzi Yaacob; Azizah Kassim; Mc Gee). Kebelakangan ini juga terdapat satu peningkatan di dalam kajian yang tertumpu kepada pekerja-pekerja makan gaji yang terdapat di bandar-bandar khususnya mereka yang bekerja di kilang-kilang. (Ackerman, Jamilah Ariffin, Fatimah Daud, Linda Lim).

KONSEP BURUH

Artikel ini adalah satu usaha untuk mengkaji ekonomi, khususnya *survival*, salah satu kumpulan orang-orang Melayu yang terdapat di bandar, iaitu kumpulan kelas pekerja atau kelas perburuhan. Memang tidak dinafikan bahawa pengkategorian ini bukanlah satu pengkategorian yang mutlak.

Konsep kelas pekerja atau kelas perburuhan itu sendiri masih banyak menimbulkan kekeliruan. Terdapat pengkaji yang hanya membataskan konsep kepada golongan pekerja makan gaji di sektor industri sahaja sementara ada yang lain pula yang memasukkan ke dalam definisi ini, bukan sahaja gologan miskin yang tinggal di bandar tetapi juga golongan *peasant*, kerana ragam pengeksploitasian mereka adalah sama, walaupun aktiviti-aktiviti sosial dan politik mereka berbeza. (Lloyd: 1982: 21)

Terdapat juga pengkaji-pengkaji lain yang telah membahagikan golongan yang dikatakan orang-orang miskin bandar kepada dua iaitu golongan yang mempunyai pekerjaan tetap dan stabil dan golongan yang diambil bekerja secara sambilan, contohnya pekerja buruh atau kontrak. Golongan yang mempunyai pekerjaan tetap dan stabil dan bergaji agak tinggi juga telah dilabel sebagai 'aristokrat buruh' sementara yang miskin dan tidak terjamin hidup mereka dikenali pula sebagai '*lumpenproletariat* atau golongan marginal'. Jadi di dalam pengklasifikaksian ini golongan buruh juga terbahagi kepada golongan buruh yang terjamin hidupnya, seperti buruh-buruh yang bekerja dengan kerajaan seperti buruh JKR, Keretapi Tanah Melayu dan lain-lain, dan buruh-buruh yang tidak terjamin hidupnya seperti buruh-buruh kontrak dan lain-lain.

Artikel ini tidak akan membezakan kedua-dua kategori tersebut tetapi sebaliknya akan membincangkannya sebagai satu, iaitu kelas perburuhan atau buruh makan gaji. Tindakan ini diambil kerana golongan buruh yang dikaji bukanlah dari satu tempat kerja yang sama tetapi sebaliknya persamaan mereka di dalam kes ini adalah pada tempat tinggal sahaja. Mereka adalah ahli sebuah lokaliti bandar.

LOKALITI DAN GOLONGAN BURUH YANG DIKAJI

Lokaliti yang dikaji, yang dikenali sebagai Lorong Tambatan, terletak kira-kira 1 km dari bandar Muar, Johor. Lokaliti ini dibangunkan di atas tanah paya pokok bakau yang telah ditambak. Lorong Tambatan, di dalam ertikata sebenarnya, adalah sebuah kawasan setinggan kerana tanah yang diteroka itu adalah tanah kerajaan. Walau bagaimanapun, kawasan perumahan di sini agak tersusun sedikit dan tidaklah sesesak kawasan setinggan yang terdapat di bandar besar seperti Kuala Lumpur. Terdapat 64 buah rumah

Majoriti penduduk lokaliti ini bekerja makan gaji dan kebanyakannya sebagai buruh. Mereka bekerja sama ada dengan Majlis Perbandaran Muar sebagai pungut sampah, tukang kayu, pemotong rumput, pencuci pasar

ataupun sebagai tukang kebun sekolah ataupun buruh kontrak. Dari segi mata kasarnya, pendapatan kebanyakkan pekerja-pekerja ini adalah rendah. Yang paling tinggi ialah $525.00 sebulan, iaitu gaji tukang dan yang paling rendah sekali ialah lebih kurang $200.00 sebulan gaji seorang buruh kontrak. Gaji seorang kontrak tidak tetap dan bermusim. Gaji hanya dibayar pada waktu-waktu bekerja sahaja.

Untuk menilai kesusahan yang dialami oleh pekerja-pekerja buruh ini, harus juga dikaji perbelanjaan bulanan mereka. Mula-mula kita ambil perbelanjaan tukang kayu yang berpendapatan $525.00 sebulan. Beliau mempunyai seorang isteri dan lima orang anak yang berumur diantara 7 hingga 18 tahun.

Barangan	Perbelanjaan
Beras	$ 70.00
Lauk - Ikan, Sayur	$130.00
Barang-Barang Dapur	$100.00
Rokok	$ 50.00
Bil Api	$ 20.00
Bil Air	$ 10.00
Belanja Sekolah	$ 40.00
Pinjaman Motosikal	$ 40.00
Petrol	$ 40.00
Duit Belanja	$ 30.00
Jumlah	$540.00

Perbelanjaan ini adalah perbelanjaan kasar sahaja, kerana di samping perbelanjaan harian beliau juga terpaksa keluar duit, untuk perbelanjaan. Perbelanjaan khusus yang terpaksa dibuat setiap tahun. Perbelanjaan tahunan itu jumlahnya adalah seperti berikut:

Fitrah	$ 17.00
Baju Raya & Kasut	$200.00
Uniform Sekolah & Kasut	$ 70.00
Baju Basahan	$100.00
Insuran Motosikal & Cukai Jalan	$ 90.00
Lesen Memandu	$ 10.00
Cukai Pintu Rumah	$120.00
Jumlah	$607.00

Di sini jelas bahawa pendapatan tukang kayu ini tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan bulanannya. Daripada gajinya dia biasanya

memberikan $300.00 kepada isterinya untuk perbelanjaan dapur. Duit ini digunakan untuk membeli barang-barang keperluan dapur seperti beras, ikan, sayur, tepung, bawang dan lain-lain. Dengan membeli ikan yang murah, duit ini hanya cukup-cukup untuk menampung perbelanjaan tersebut.

Di samping perbelanjaan harian dan bulanan ini si tukang kayu juga terikat dengan perbelanjaan tahunan yang tidak dapat dielakkan. Contohnya, bayaran fitrah, cukai jalan motosikal, perbelanjaan hari raya, cukai pintu dan lain-lain lagi. Perbelanjaan ini, apabila perlu dibelanjakan atau dibayar, akan diambil dari gaji bulan kerana tukang kayu ini tidak ada membuat simpanan khas untuk tujuan tersebut.

Perbelanjaan bulanan pekerja kontrak pula yang berpendapatan lebih kurang $200.00 untuk menampung seorang isteri dan dua orang anak adalah seperti berikut:

Barangan	Perbelanjaan
Beras	$ 30.00
Lauk	$ 45.00
Barang Dapur	$ 40.00
Rokok	$ 30.00
Minyak Tanah	$ 20.00
Belanja Sekolah	$ 4.00
Jumlah	$169.00

Seperti juga si tukang kayu, buruh kontrak ini juga menanggung perbelanjaan tahunan seperti fitrah, perbelanjaan hari raya, pakaian dan lain-lain lagi yang dianggarkan lebih kurang $130.00.

Jadi apa yang hendak dinyatakan di sini ialah perbelanjaan hampir keseluruhan penduduk di Lorong Tambatan ini melebihi pendapatan mereka. Oleh itu dari manakah datangnya wang tambahan yang diperlukan untuk menampung bukan sahaja perbelanjaan harian, bulanan, tahunan tetapi juga perbelanjaan kecemasan yang sentiasa melebihi pendapatan itu?

Sebilangan besar pekerja-pekerja buruh di Lorong Tambatan ini mempunyai sumber pendapatan lain, mereka mempunyai kerja luar. Ada juga di antara mereka yang mempunyai isteri yang bekerja antara meningkatkan lagi pendapatan keluarga. Jadi membuat berbagai kerja adalah salah satu cara orang-orang Lorong Tambatan cuba menghadapi masalah *survival* mereka di bandar. Oleh kerana mereka tinggal di dalam ekonomi wang ringgit, kekurangan wang bermakna mereka harus

mengurangkan kehendak-kehendak mereka dan pada masa yang sama mereka mestilah menggerakkan rezeki mereka.

Penduduk Lorong Tambatan telah menyusun berbagai strategi bukan sahaja untuk menghadapi*survival* mereka tetapi juga untuk menwujudkan lebihan untuk memuaskan kehendak-kehendak konsumer mereka. Kerja-kerja luar yang dijalankan bukan sahaja berbagai tetapi sementara dan tidak menentu sifatnya. Tidak seorang pun di Lorong Tambatan ini yang mempunyai kerja luar yang tetap. Kebanyakan kerja-kerja tersebut adalah untuk satu jangkamasa yang pendek, bergantung kepada permintaan dan kehendak terhadap kemahiran yang tertentu.

Jenis-jenis kerja luar yang dijalankan boleh dibahagikan kepada kategori-kategori berikut:

Lanjutan Kepada Kemahiran Yang Sedia Ada

Majoriti penduduk di Lorong Tambatan ini mempunyai kemahiran bertukang, sekurang-kurangnya mereka boleh membina atau memperbaiki rumah mereka sendiri. Terdapat juga di antara mereka ini yang dianggap halus kerja-kerja pertukangan mereka, dan oleh itu sering mendapat kontrak kecil untuk membina rumah dapur atau membesarkan bilik mandi dan sebagainya. Pelanggan-pelanggan mereka terdiri dari pemilik-pemilik rumah di dalam lokaliti ini dan juga yang di luar. Salah seorang penduduk lokaliti ini yang membuat kerja-kerja luar begini adalah Tarmimi. Dia dapat menjalankan kerja-kerja luar ini kerana pekerjaan formalnya di Majlis Perbandaran Muar tamat pada pukul 3.30 petang. Adakalanya Tarmimi memperolehi masa pada waktu kerja untuk membuat kerja-kerja luar ini kerana waktu kerjanya yang fleksibel. Pada masa-masa dia keluar untuk memasang atau membuka khemah, dia dibenarkan pulang sebaik sahaja kerja-kerja ini selesai. Pada masa inilah dia akan mengambil kesempatan untuk membuat kerja-kerja luar ataupun menyiapkan tempahan-tempahan almari yang diterimanya.

Pengeksploitasian Alam Semulajadi

Di Lorong Tambatan para buruh yang tidak mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu cuba mendapatkan pendapatan yang lebih dengan bergantung kepada paya bakau di pinggir lokaliti tersebut. Terdapat sekumpulan pekerja di sini yang bekerja mencari kayu bakau untuk dijual kepada pemaju-pemaju rumah dengan harga $3.00 sebatang. Ada juga yang memotong-motong kayu bakau ini dan menjualnya sebagai kayu api. Selain dari itu paya bakau ini juga menghasilkan beraneka jenis

siput yang dijual kepada taukeh-taukeh Cina di pasar. Harga siput ini adalah mengikut jenisnya.

Manipulasi Kedudukan/Pekerjaan Asal

Terdapat juga beberapa orang pekerja buruh yang telah berjaya mendapatkan kerja luar yang ada kaitannya dengan kerja asal mereka. Contohnya, Rahim, seorang tukang kebun sekolah yang telah diminta menjadi 'jaga' sekolah pula pada waktu malamnya. Kerja ini adalah untuk satu jangkamasa pendek sahaja sementara menunggu perlantikan seorang 'jaga' yang tetap. Namun demikian kerja kedua ini telah menambahkan lagi pendapatan Rahim sehinggakan dia mampu untuk membelikan anaknya sebuah basikal BMX.

Di lokaliti ini terdapat juga seorang tukang kebun yang membuat kerja luar sebagai pemotong rumput. Dengan membeli sebuah pemotong rumput sandang yang berharga $250.00 dia telah berjaya menjalankan tugasnya dengan kadar bayaran di antara $12.00 hingga $18.00 bergantung kepada saiz kawasan yang dikerjakan.

Kerja-Kerja Tambahan

Beberapa orang di lokasi ini juga telah menjalankan kerja-kerja tambahan untuk menampung pendapatan yang kecil. Contohnya, seorang pekerja buruh Majlis Perbandaran bekerja sebagai pembantu kedai sekembalinya dari kerja. Ada juga yang bekerja menjual kuih dan air batu.

Sumber-Sumber Pendapatan Lain dan Aktiviti-aktiviti Yang Salah

Tiga daripada pekerja buruh di lokaliti ini mengambil penuntut-penuntut sekolah Arab yang berhampiran sebagai penyewa untuk mendapatkan pendapatan yang lebih. Sebagai bayaran makan dan sewa bilik setiap penuntut ini membayar $60.00 seorang. Penuntut-penuntut ini juga biasanya tinggal berkongsikan sebuah bilik.

Di lokaliti ini terdapat juga beberapa kejadian yang menunjuk-kan bahawa pekerja-pekerja ini juga kadangkala menggunakan aktiviti-aktiviti yang diketahui salah untuk mendapatkan pendapatan yang lebih. Contohnya, seorang pekerja kontrak telah mencuri simin daripada majikannya dan menjualkannya kepada ahli-ahli lokaliti ini juga dengan harga yang murah.

Terdapat juga beberapa orang pekerja buruh di lokaliti ini yang meraih keuntungan dengan menipu dan menyamar. Oleh kerana lokaliti ini merupakan tempat mendaratnya orang-orang Indonesia yang sering juga menyeludupkan rokok-rokok kretek beberapa orang daripada ahli lokaliti ini telah menyamar sebagai pegawai polis dan kastam dan merampas rokok-rokok tersebut. Rokok-rokok itu kemudiannya dijual kepada pembeli-pembeli yang sedia ada di warung-warung kopi di bandar.

PENUTUP

Di dalam artikel ini saya telah menunjukkan bahawa majoriti penduduk lelaki di lokaliti ini bekerja makan gaji. Pendapatan mereka adalah rendah dan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan mereka. Mereka yang mempunyai kemahiran yang tertentu bolehlah dianggap bernasib baik kerana tenaga mereka lebih dihargai dan mempunyai nilai pertukaran yang lebih. Mereka yang tidak kemahiran hanya mempunyai tenaga empat kerat mereka dan ini bermakna bahawa mereka menjalankan kerja-kerja yang buruk keadaan kerjanya dan bergaji rendah. Orang-orang di sini juga tahu membezakan keistimewaan bekerja dengan kerajaan dengan bekerja dengan taukeh. Pekerja buruh yang bekerja dengan kerajaan boleh mencuri tulang sementara mereka yang bekerja dengan taukeh atau swasta akan diperas tenaga mereka sepenuhnya.

Bagi orang-orang di lokaliti ini kerja dianggap sebagai mencari rezeki atau cari duit. Walaupun orang Melayu melihat kerja itu sebagai satu cara mencari rezeki yang halal tetapi bagi beberapa orang Melayu di Lorong Teruntum aspek-aspek moral dan agama yang berkaitan dengan rezeki itu adalah agak kabur. Jenis pekerjaan jarang dibezakan, yang pentingnya duit yang diperolehi itu boleh menampung perbelanjaan dan hidup mereka.

Sebagai manusia biasa mereka juga ada kehendak mereka sendiri. Mereka juga mahukan kemewahan-kemewahan hidup yang dilambangkan oleh barang-barang seperti peti ais, televisyen dan lain-lain. Untuk memiliki barang-barang ini mereka telah bertungkus lumus membuat berbagai kerja di samping kerja asal mereka. Mereka sedar tentang perbezaan sosial yang wujud bukan sahaja di kalangan mereka tetapi juga dengan masyarakat luar. Lazimnya perbezaan ini dimanifestasikan melalui tempat tinggal, perabot, alat-alat rumah, kenderaan yang dimiliki, makanan yang dimakan dan lain-lain. Jelas bahawa harta yang dimiliki

adalah bayaran kerja dan pendapatan seseorang. Hal ini selanjutnya telah mencetuskan perbezaan sosial di antara mereka yang dikategorikan di bawah label orang senang dan orang susah.

Akhir sekali bolehlah kita simpulkan juga bahawa golongan buruh di bandar adalah merupakan golongan yang *resourceful* yang sentiasa berikhtiar untuk mengubah rezeki mereka.

BIBLIOGRAFI

Ackerman, S.E., 1980, Cultural Proces in Malaysia Industrialization: A Study of Malay Women Factory Workers, University Microfilms International, Ann Arbor, Michigan.

Abrams, P.(ed), 1978, Work, Urbanism and Inequality. London: Weidenfeld and Nicholson.

Abu. Lughod, J. dan Hay Jnv., R. (eds), 1977, *Third World Urbanization*. Chicago: Maroufa Press.

Alavi, H. dan Shahnin, P. (eds), 1982, *Sociology of Developing Societies*, London: Macmillan Press.

Azizah Kassim, 1983. "The Genesis of Squatting in West Malaysia with Special Reference to the Malays in the Federal Territory",*Malaysia in History*, Vol. 26: 60-83.

Firth, R., 1946,*Malay Fishermen: Their Peasant Economy*. London: Routledge and Kegan Paul.

Lim, Y.C., 1983, "Capitalism, Imperialism and Patriarchy: The Dilemma of Third World Workers in Multinational Factories", dalam J. Nash dan M.P. Fernandez, Kelly (eds). *Women, Men and the International Division of Labour*, Albany: State University of New York: 70-91.

Lloyd, P., 1982,*A Third World Proletariat?* London: George Allen and Unwin.

Mc Gee, T.G., 1963, "The Cultural Role of Cities: A Case Study of Kuala Lumpur", *Journal of Tropical Geography*: 178-196.

_____, 1972, "Rural-Urban Migration in a Plural Society: A Case Study of the Malays in West Malaysia, di dalam D.J. Dwyer (ed), *The City as Centre of Change in Asia*, Hong Kong, Hong Kong University Press: 108-124.

Mohd. Aris Othman, 1979, *Ethnic Identity in a Malay Community in Malaysia*, University Microfilm International, Ann Arbor, Michigan.

Mohd. Fauzi Yaacob, 1981, *Peniaga dan Perniagaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mokhzani B.A.R., 1973, "Credit in Malay Peasant Economy", *Unpublished Ph.D. thesis*, University of London.

Swift, M.G., 1965, *Malay Peasant Society in Jelebu*, London, The Athlone Press.

Syed Husin Ali, 1975, *Malay Peasant Society and Leadership*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Wan Hashim Wan Teh, 1978, *A Malay Peasant Community in Upper Perak*, Bangi: Universiti Kebangsaan Press.

AKHBAR

The New Straits Times, Oktober 26, 1988.

The Star, Oktober 26, 1988.

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU 6

POLITIK DAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN KOMUNITI MELAYU BANDAR

MOHD RAZALI AGUS

PENDAHULUAN

Usaha kerajaan untuk mewujudkan komuniti Melayu bandar yang aktif dalam lapangan ekonomi bermula sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971. Selain daripada membasmi kemiskinan di desa, kemunculan Melayu bandar juga bertujuan untuk menukar komposisi penduduk bandar yang sebelum itu didominasi oleh penduduk bukan-Melayu. Satu daripada sektor ekonomi bandar yang merubah corak kehidupan penduduk Melayu bandar ialah sektor perumahan. Pemilikan rumah sendiri di kawasan bandar di kalangan orang-orang Melayu adalah fenomena yang ketara kerana majoriti penduduk Melayu merupakan generasi pertama yang memiliki hartanah di bandar.

Artikel ini merupakan satu percubaan untuk meneliti bagaimanakah agensi-agensi kerajaan di peringkat tempatan membantu orang-orang Melayu memiliki rumah sendiri. Lebih khusus lagi, artikel ini akan meneliti sejauh manakah dasar-dasar perumahan dan pembandaran yang dilaksanakan pada tahun-tahun 1980-an memberikan kesan ke atas pembentukan komuniti Melayu bandaran. Artikel ini akan memaparkan dua kajian kes mengenai projek-projek perumahan yang melibatkan orang-orang Melayu di Kuala Lumpur.

Artikel ini akan dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama, menyorot perkembangan dan perencanaan dasar-dasar perumahan dan pembandaran di Semenanjung Malaysia secara umum dan bandaraya Kuala Lumpur secara khusus. Di dalam bahagian kedua, tumpuan perbincangan ialah terhadap kajian kes di sebuah kampung yang terencana,

Kampung Sungai Midah (KSM) dalam kawasan parlimen Sungai Besi, Wilayah Persekutuan. Dalam bahagian ketiga, satu kajian kes mengenai penswastaan komuniti setinggan Melayu di Kampung Kerinci yang terletak dalam kawasan parlimen Lembah Pantai, Wilayah Persekutuan. Bahagian terakhir adalah kesimpulan mengenai pencapaian dan kelemahan perlaksanaan projek pembangunan perumahan untuk komuniti Melayu di Kuala Lumpur.

DASAR PEMBANDARAN DAN PERUMAHAN

Dasar Ekonomi Baru adalah satu dasar pembangunan kerajaan Malaysia yang bertujuan untuk mewujudkan sebuah komuniti Melayu bandar yang akan menguasai sekurang-kurangnya 30 peratus sektor ekonomi bandar pada tahun 1990. Angka 30 peratus merupakan matlamat utama kerajaan untuk memastikan pekerjaan, pemilikan sektor korporat, pemilikan hartanah dan kegiatan ekonomi bandar yang lain dimiliki orang Melayu. Tetapi, dalam perancangan kependudukan bandar, matlamat yang ingin dicapai oleh kerajaan adalah melebihi 30 peratus (lihat Jadual 1).

Jadual 1 : Pelunjuran Penduduk Melayu Bandar di Bandaraya Kuala Lumpur dan Malaysia, tahun 1980-2000

Tahun	Malaysia	Kuala Lumpur	Jumlah
1980	37.4	28.3	293,443
1985	40.5	33.3	416,072
1990	54.0	38.3	593,650
1995	48.0	43.3	791,957
2000	50.0	48.3	1,062,600

Sumber: 1. Dewan Bandaraya, Pelan Struktur Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1984, hlm. 25 dan hlm. 188.
2. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 136

Berdasarkan data dalam Jadual 1, dasar pembandaran kerajaan adalah lebih progresif di peringkat nasional daripada peringkat tempatan. Walau bagaimanapun, sasaran pencapaian dasar kerajaan sama ada di peringkat nasional ataupun di peringkat tempatan bertujuan untuk menukarkan komposisi penduduk bandar. Menjelang tahun 2000 bandar-bandar di Malaysia akan didiami oleh kira-kira 50 peratus penduduk

Melayu. Dasar ini lebih progresif daripada Dasar Ekonomi Baru yang hanya menetapkan sasaran 30 peratus penglibatan komuniti Melayu dalam kegiatan ekonomi bandar.

Penyediaan pelan-pelan induk untuk semua penguasa tempatan di seluruh negara adalah lanjutan daripada perlaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa tahun 1976. Tujuan utama penyediaan pelan induk itu ialah untuk menyediakan peraturan-peraturan dan undang-undang yang komprehensif dalam perancangan bandar dan desa di seluruh negara dengan menekankan aspek perancangan *spatial*. Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur dimulakan pada tahun 1978 dan telah siap pada tahun 1982. Beberapa perubahan telah dilakukan setelah mendapat komentar dan cadangan daripada orang ramai dan badan-badan profesional seperti Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM). Draf Pelan Struktur tersebut mendapat banyak kecaman daripada individu dan pertubuhan-pertubuhan bukan Melayu manakala orang-orang Melayu Kuala Lumpur sendiri kurang menyertai forum dan majlis bantahan awam berhubung dengan Draf tersebut. Kurangnya penyertaan penduduk Melayu bandar dalam perencanaan pembangunan di kawasan Melayu menimbulkan persoalan yang rumit. Adakah dengan bergantung kepada badan-badan kerajaan seperti DBKL, masa depan penduduk Melayu bandar pasti terjamin? Barangkali, soal penyertaan ini perlu dikaji dengan mendalam kerana masa depan mereka berkait rapat dengan perancangan bandar. Pelbagai isu seperti perumahan, pekerjaan, kemudahan rekreasi dan sosial boleh menimbulkan pelbagai kesan kepada penduduk Melayu pada masa akan datang. Barangkali kepercayaan penuh penduduk Melayu kepada kerajaan melalui Menteri Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar yang kedua-duanya pemimpin Melayu, boleh dijadikan alasan mengapa kurangnya penyertaan penduduk Melayu dalam proses perancangan bandar. Pelan Struktur Kuala Lumpur yang menelan belanja M$4 juta telah diwartakan oleh kerajaan pada 15 Ogos 1984.

Pelan Struktur Kuala Lumpur menjadi panduan penting kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam merencanakan dan melaksanakan program-program pembangunannya. Yang ketara, pada tahun 1980, hanya 1/3 sahaja daripada penduduk Kuala Lumpur yang menduduki rumah sendiri, sedangkan yang 1/3 lagi menjadi penyewa dan selebihnya mendiami kawasan-kawasan setinggan. Pelan Struktur Kuala Lumpur juga tidak mempunyai dasar yang jelas untuk orang-orang Melayu. Pada tahun 1980, penduduk Melayu Kuala Lumpur berjumlah 293,849 orang. Daripada jumlah tersebut hampir 60 peratus mendiami kawasan-kawasan

setinggan (100,000 orang) dan Tanah Simpanan Melayu (70,000 orang). Selebihnya, menyewa rumah-rumah awam DBKL atau memiliki rumah sendiri di kawasan perumahan swasta.

Yang lebih ketara dalam dasar perumahan DBKL ialah peruntukan bahawa sebanyak 58 peratus projek perumahan dikhaskan untuk perumahan kos rendah yang nilainya tidak melebihi $25,000. Tidak disebut langsung berapa peratus daripada rumah-rumah tersebut dikhaskan untuk orang Melayu. Umpamanya, antara tahun 1980 hingga tahun 1990, kira-kira 50,000 permohonan telah diterima hanya untuk menyewa rumah-rumah pangsa DBKL sahaja. Lebih separuh pemohon-pemohon itu terdiri daripada orang Melayu. Menurut Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL, antara tahun-tahun 1983 hingga 1986 (jangkamasa 4 tahun), kira-kira 16,823 pemohon Melayu telah membuat permohonan rumah-rumah pangsa DBKL berbanding dengan 12,630 orang Cina dan 6,541 orang India. Ini bermakna kira-kira 100,000 orang Melayu bergantung kepada DBKL untuk mendapatkan tempat perlindungan. Dalam jangkamasa yang sama (1983-1986) hanya 2,818 pemohon bukan-setinggan dan 3,218 pemohon setinggan Melayu yang diperuntukkan rumah-rumah pangsa DBKL. Masalah perumahan untuk penduduk Melayu bandar adalah lebih kritikal jika dibandingkan dengan penduduk bukan Melayu tetapi usaha-usaha yang lebih komprehensif menyediakan perumahan Melayu masih lembab dan mengecewakan.

Dalam masa yang sama DBKL juga mengakui bahawa kawasan Simpanan Melayu berkemampuan untuk menampung antara 116,120 hingga 174,000 penduduk Melayu. Unjuran DBKL tahun 1984 menunjukkan bahawa penduduk Melayu di Kuala Lumpur sekarang (1994) melebihi 1/2 juta orang. Pembangunan semula kawasan setinggan dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) dan Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) secara penswastaan, dijangkakan akan dapat menyediakan 41,491 unit rumah untuk kira-kira 250,000 penduduk Kuala Lumpur. Tetapi DBKL tidak dapat memastikan berapa ramaikah penduduk Melayu yang akan menikmati projek pembangunan perumahan ini.

Perancangan dan perlaksanaan kebanyakan projek kerajaan di Kuala Lumpur bergantung sebahagian besarnya kepada Dewan Bandaraya. Barangkali, ada dasar-dasar Dewan Bandaraya yang direncanakan untuk penduduk Melayu tetapi kurang mendapat publisiti. Di samping itu alasan-alasan yang bersifat politik dikemukakan kepada orang ramai untuk menutup kepincangan sesuatu projek pembangunan di Kuala Lumpur. Tetapi, jika diteliti dengan lebih mendalam, dasar-dasar

pembangunan yang menentukan peluang pekerjaan dan pemilikan rumah untuk penduduk Melayu tidak begitu jelas dalam konteks perlaksanaan pembangunan bandar, terutamanya di Kuala Lumpur.

Kalau diteliti dokumen-dokumen rasmi Dewan Bandaraya (DBKL) seperti pelan Struktur dan laporan-laporan tahunan, dasar perumahan awam DBKL tidak begitu teratur dan kurang komprehensif. Ini mungkin timbul daripada masalah pengurusan dan birokrasi DBKL sendiri. Umpamanya, untuk mengetahui masalah setinggan, maklumat resmi hanya boleh diperolehi daripada Unit Direktorat Penguatkuasaan DBKL. Unit ini bertanggung jawab mengenai kawalan dan pemindahan setinggan di seluruh Kuala Lumpur. Untuk hal ehwal dan pengurusan rumah-rumah awam DBKL, Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL pula yang dipertanggungjawabkan untuk menerima permohonan menyewa dan membeli rumah-rumah pangsa DBKL. Untuk projek penswastaan kawasan setinggan, Unit Penyelarasan Pembangunan atau kini dipanggil Unit Perancang Ekonomi Ibu Kota (UPEIK) DBKL pula yang bertanggung jawab. Ketiga-tiga unit tersebut menghadapi masalah penyelarasan. Masalah birokrasi dan jentera pentadbiran kerajaan boleh menjejaskan prestasi pembangunan bandar. Hal ini nampaknya lebih ketara dalam konteks pembangunan perumahan awam di Kuala Lumpur.

Di samping itu pula, ketiga-tiga badan tersebut tidak pula mempunyai data-data yang lengkap tentang perumahan swasta. Tanpa data yang lengkap dan kemaskini, sudah tentu perencanaan sesuatu projek pembangunan akan menghadapi masalah, terutamanya di dalam menentukan arah dan kelompok sasaran pembangunan. Paling mengecewakan, kawasan Simpanan Melayu di Kuala Lumpur tidak pula ditadbirkan oleh DBKL. Sebaliknya, kawasan Simpanan Melayu diletakkan di bawah pentadbiran, Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri. Jelas sekali bahawa masalah birokrasi menimbulkan masalah keberkesanan pembangunan perumahan di Kuala Lumpur. Masalah yang komplek ini akan terus dihadapi oleh orang-orang Melayu Kuala Lumpur tanpa perencanaan dan program-program yang lebih menyeluruh dan berkesan.

Yang jelas, kelemahan perlaksanaan dasar pembandaran di negara kita ialah tidak adanya penyelarasan antara badan-badan perancangan di peringkat nasional dan perancangan di peringkat tempatan. Di peringkat nasional, perancang ekonomi negara melahir-kan pelbagai rancangan pembangunan 5 tahun melalui agensi-agensi kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perdana Menteri. Manakala di peringkat

tempatan, pelan-pelan induk seperti Pelan Struktur Kuala Lumpur (1984) direncanakan dan dilaksanakan oleh penguasa-penguasa tempatan seperti DBKL. Tidak hairanlah mengapa timbulnya percanggahan matlamat dan pencapaian yang berbeza antara agensi kerajaan pusat dengan kerajaan tempatan. Kepincangan ini nampak lebih ketara dalam perancangan dan pembangunan perumahan penduduk Melayu bandar.

KES 1: PEMBANGUNAN KAMPUNG SUNGAI MIDAH

Kampung Sungai Midah (KSM) adalah sebuah kawasan penempatan Rancangan Tanah Berkelompok di bawah Akta Tanah (Kawasan Petempatan Berkelompok) tahun 1960 yang dibiayai oleh kerajaan negeri Selangor. Kira-kira 240 ekar tanah diperuntukkan bagi kawasan getah, 26 ekar untuk kawasan perumahan dan 80 ekar untuk kawasan dusun. Luas kawasan KSM ialah 346 ekar yang dimiliki oleh 35 keluarga peneroka Melayu. Setiap keluarga memiliki 10,000 kaki persegi tapak perumahan, 6 ekar tanah getah dan 2 ekar tanah dusun. Pendek kata, KSM merupakan satu-satunya kawasan tanah orang-orang Melayu yang belum dimajukan oleh kerajaan. Hanya pada awal tahun 1980-an usaha memajukan KSM mula mendapat perhatian badan-badan kerajaan seperti DBKL dan UDA.

Dengan kepesatan proses pembandaran di Kuala Lumpur, pembangunan kawasan perumahan mula muncul di sekitar KSM. Kawasan-kawasan perumahan itu dimajukan oleh pemaju-pemaju perumahan swasta Cina. Kebanyakan taman-taman perumahan swasta tersebut menampung keperluan sebahagian besar penduduk Cina. Di antaranya termasuklah, Taman Connought, Taman Len Seng, Taman Dahlia dan Taman Anggerik. Kepesatan pembangunan di sekitar KSM telah menimbulkan rasa keinginan di kalangan penduduk KSM untuk memajukan tanah mereka (Mohd. Razali, 1986). Penduduk KSM sedar bahawa kawasan tanah mereka boleh dianggap sebuah kawasan desa dengan ciri-ciri kehidupan kampung sedangkan tanah mereka dalam kawasan Wilayah Persekutuan.

Usaha untuk memajukan KSM pada peringkat awalnya diserahkan oleh penduduk KSM kepada DBKL. Oleh kerana masalah kewangan, usaha memajukan KSM diserahkan kepada Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), sebuah agensi kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Awam. UDA ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Bandar pada tahun 1971. Antara fungsi utamanya ialah untuk memajukan semula kawasan perniagaan dan komersial bandar dan memastikan penyertaan 30 peratus komuniti Melayu dalam kegiatan

ekonomi bandar (UDA, 1971). Pada awal tahun 1980-an UDA sangat aktif dalam beberapa projek pembangunan semula bandar di Kuala Lumpur. Pihak DBKL lebih senang jika usaha UDA tersebut diperlanjutkan ke kawasan Melayu yang lain seperti KSM.

Usaha awal UDA ialah mengadakan kajian kemungkinan dan seterusnya mengajukan cadangan pembangunan yang dapat membantu penduduk Melayu KSM menikmati pemodenan dan taraf hidup yang lebih tinggi. Di dalam menjalankan kajian pembangunan, sudah tentu pelbagai agensi kerajaan turut terlibat sama. Salah satu daripada agensi kerajaan yang terlibat ialah Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Wilayah Persekutuan kerana geran tanah penduduk KSM ialah geran tanah kelompok. Usaha untuk memajukan tanah KSM juga mendapat perhatian PTG Wilayah Persekutuan. Ini mungkin disebabkan cadangan pembangunan UDA untuk memajukan KSM membayangkan keuntungan yang besar. Barangkali peluang dan keuntungan yang dijangkakan telah menarik perhatian Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan dan juga sebuah syarikat perumahan kerajaan untuk memajukan KSM.

Usaha untuk memajukan KSM juga mendapat perhatian pemaju perumahan Bumiputera swasta tetapi oleh kerana masalah kewangan dan kurang pengalaman, cadangan-cadangan mereka ditolak oleh penduduk KSM. Hanya dua cadangan daripada agensi-agensi kerajaan yang perlu dipertimbangkan oleh penduduk KSM. Cadangan pertama diajukan oleh UDA dan cadangan kedua oleh Syarikat Perumahan Pegawai-Pegawai Kerajaan (SPPK). Persaingan antara kedua-dua badan tidak banyak diketahui umum kerana hal-hal yang bersangkutan dengan masalah birokrasi selalunya adalah sulit. SPPK merupakan syarikat perumahan kerajaan. Kemungkinan besar SPPK mempunyai hubungan yang rapat dengan kakitangan kanan kerajaan kerana sebahagian besar ahli-ahli Lembaga pengarahnya terdiri daripada kakitangan kerajaan. Tidak hairanlah jika SPPK telah berjaya mendapat persetujuan penduduk KSM melalui beberapa rundingan, terutamanya dengan ketua kampung KSM (Mohd. Razali, 1989c).

Barangkali, penglibatan beberapa pegawai kanan SPPK yang mempunyai kaitan yang rapat dengan kerajaan telah berjaya meyakinkan penduduk KSM bahawa cadangan SPPK lebih terjamin daripada UDA. Faktor kekananan sesebuah kementerian juga boleh menimbulkan kesan ke atas bentuk keputusan yang diambil. Umpamanya, UDA ditadbirkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam, sedangkan SPPK, sebuah syarikat yang dimiliki 100 peratus oleh kerajaan, adalah di bawah Kementerian

Kewangan. Persaingan antara agensi kerajaan adalah sihat jika projek pembangunan yang dilaksanakan itu memberi manfaat kepada penduduk Melayu. Projek pembangunan KSM tersebut boleh menampung kira-kira 50,000 penduduk Melayu, jika perlaksanaannya berjalan lancar. Sepatutnya kedua-dua agensi di atas berganding bahu dan bekerjasama mempastikan projek pembangunan perumahan kerajaan menguntungkan orang-orang Melayu bandar. Sebaliknya pula, kebanyakan rumah-rumah yang dibina oleh SPPK di sebuah kawasan yang berhampiran dengan KSM adalah rumah-rumah jenis sederhana dan mewah. Umpamanya, harga rumah yang paling murah ialah M$37,000 seunit. Harga ini melebihi harga rumah kos rendah (M$25,000 seunit).

Usaha untuk memajukan KSM tidak dapat berjalan lancar seperti yang direncanakan walaupun SPPK telah menandatangani perjanjian tiga pihak: Kerajaan, SPPK dan 34 peneroka KSM. Hanya seorang peneroka sahaja tidak menandatangani perjanjian tersebut dengan alasan bahawa pampasan yang dicadangkan adalah lebih rendah daripada harga pasaran. Peneroka yang tidak menanda-tangani perjanjian juga menyatakan bahawa perundingan dengan pihak pemaju tidak begitu jelas. Di dalam protes beliau, beliau menyatakan bahawa pembangunan KSM tidak melibatkan tapak perumahan mereka, sedangkan kawasan pembangunan yang dicadangkan oleh SPPK melibatkan tapak perumahan. Salah faham sedemikian mungkin timbul kerana kurangnya penjelasan tentang keseluruhan projek pembangunan. Maklumat lengkap yang boleh didapati hanyalah melalui surat perjanjian yang telah ditandatangani pada tahun 1982. Perjanjian itu pula ditulis dalam bahasa Inggeris. Ini mungkin menjelaskan mengapa keseluruhan projek tersebut kurang difahami kerana tidak semua penduduk KSM boleh membaca dalam bahasa Inggeris, terutamanya yang berkaitan dengan soal-soal perundangan. Selalunya, bahasa perundangan adalah begitu kompleks untuk difahami oleh orang ramai.

Masalah pembangunan KSM menjadi bertambah pincang kerana DBKL tidak memberikan kelulusan pembangunan tapak dan kelulusan pelan kejuruteraan. Masalah ini juga berkait rapat dengan usaha DBKL untuk memindahkan penduduk setinggan di kawasan KSM tetapi tidak mendapat kerjasama daripada SPPK. ada peringkat awalnya didapati timbul persaingan antara UDA dan SPPK dan pada peringkat selanjutnya muncul pula persaingan antara DBKL dengan SPPK. Persaingan yang melewatkan sesuatu projek pembangunan kerajaan di bandar.

Sehingga sekarang, KSM masih belum dimajukan, walaupun sebahagian besar penduduknya telah berpindah ke kawasan berhampiran. Sebaliknya pula, kelewatan pembangunan kawasan KSM telah menimbulkan masalah baru dengan kemunculan rumah-rumah setinggan yang baru. Kebanyakan setinggan ini terdiri dari-pada penghijrah-penghijrah Melayu yang bekerja sebagai pekerja kontrak di kawasan-kawasan perumahan yang berhampiran. Masalah setinggan ini tidak dapat diselesaikan oleh kerana SPPK sendiri tidak berkuasa menghalau atau memindahkan mereka. DBKL pula tidak akan terlibat memindahkan setinggan jika pemaju tidak dapat menyediakan tapak perumahan alternatif. Keadaan ini boleh menjejaskan perlaksanaan keseluruhan projek SPPK di KSM.

KES 2: PENGSWASTAAN PETEMPATAN SETINGGAN

Masalah setinggan Melayu adalah lebih ketara di Kuala Lumpur daripada bandar-bandar lain. Pada tahun 1980, setinggan Melayu berjumlah 80,256 orang semuanya. Ini merupakan 33 peratus daripada jumlah semua kumpulan etnik setinggan di Kuala Lumpur. Pada tahun 1990, peratus setinggan Melayu telah menurun sebanyak 3 peratus menjadi 30 peratus tetapi jumlah sebenar telah meningkat kepada 91,839 orang. Jumlah ini tentu lebih besar jika bilangan setinggan yang telah dipindahkan diambil kira. Umpamanya, antara tahun 1978 hingga 1987 seramai 21,961 setinggan Melayu telah dipindahkan, sama ada ke rumah-rumah panjang ataupun ke rumah-rumah pangsa DBKL. Masalah penempatan semula setinggan Melayu merupakan agenda yang penting di dalam program pembangunan DBKL.

Sejak tahun 1981, penempatan semula setinggan menghadapi masalah kewangan dengan berkurangnya bantuan dan peruntukan pembangunan daripada kerajaan Persekutuan kepada penguasa-penguasa tempatan seperti DBKL. Beberapa strategi telah dijalankan untuk mengurangkan kos pembiayaan rancangan penempatan semula setinggan. Antara beberapa pendekatan yang telah dijalankan oleh DBKL dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan ialah perlaksanaan projek Nadi dengan mewujudkan projek Sang Kancil di beberapa kawasan setinggan yang terpilih. Kajian awal projek Sang Kancil menunjukkan penyertaan yang positif tetapi masalah birokrasi dan campurtangan politik telah menimbulkan masalah perlaksanaan (Mohd. Razali, 1989a). Tambahan pula pembiayaan oleh pihak penaja seperti UNICEF telah diberhentikan. Pembiayaan daripada pihak luar seperti Jepun, tidak pula dapat menampung keperluan jangka panjang projek tersebut.

Satu daripada langkah positif yang telah diambil oleh pihak DBKL ialah memulakan dasar perumahan yang baru dengan menswastakan pembangunan semula kawasan setinggan di seluruh Kuala Lumpur. Dasar tersebut bertambah jelas apabila DBKL sendiri telah menggariskan dasar penswastaan setinggan yang sedang dilaksanakannya, iaitu:

> *Membangunkan semula kawasan setinggan dengan rancangan pemindahan awam seperti di Kampung Kerinci, Kampung Haji Abdullah Hukum, Setapak, Datuk Keramat, Sentul, Gombak dan lain-lain. Selain daripada itu beberapa kawasan perkampungan setinggan akan dibangunkan semula secara projek pengswastaan seperti di Kepong, Jinjang, Sungai Besi dan Datuk Keramat. Keluarga setinggan yang terlibat dengan kawasan swasta ini ialah lebih kurang 2,000 keluarga dan mereka semua akan diberi tawaran membeli rumah-rumah kos rendah yang akan dibina oleh pemaju-pemaju berkenaan(Dewan Bandaraya, 1987:7).*

Dalam kajian kes ini, Kampung Kerinci (KK) yang terletak di pinggir bandaraya Kuala Lumpur, pada awalnya didiami 100 peratus setinggan-setinggan Melayu. KK juga merupakan salah satu daripada kawasan penempatan yang menjadi tumpuan orang Melayu kerana kedudukannya yang strategik antara Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Pada awal tahun 1970-an, sebahagian kecil kawasan setinggan di KK mengalami proses pembangunan semula, di mana Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah merobohkan rumah-rumah setinggan dan membina rumah pangsa 5-tingkat dan 17-tingkat.

Pada tahun 1974, KK mula ditadbirkan oleh DBKL manakala rumah pangsa tersebut masih terus ditadbirkan oleh pihak PKNS. Pada tahun 1983, DBKL telah memajukan sebidang tapak tanah di KK dengan pembinaan 256 unit rumah pangsa 17-tingkat yang menelan belanja M$5.21 juta. Kebanyakan penghuni di rumah pangsa DBKL itu didiami oleh keluarga setinggan yang dipindahkan daripada beberapa kawasan setinggan di sekitar Kuala Lumpur.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990, pembangunan semula kawasan setinggan di KK melibatkan pembinaan sebanyak 400 unit rumah pangsa kos rendah yang menelan belanja M$24.0 juta. Ini menunjukkan perbelanjaan pembinaan rumah pangsa kos rendah telah meningkat 2 kali ganda jika dibandingkan dengan projek tahun 1983.

Memandangkan bertambah meningkatnya kos pembinaan rumah kos rendah, DBKL telah membenarkan kawasan setinggan KK dibangunkan oleh pihak swasta. Rancangan penswastaan ini telah dirancang pada tahun 1986 tetapi hanya dapat dimulakan pada tahun 1989. Masalah mendapatkan kelulusan pembangunan bandar projek perumahan merupakan masalah yang sering dihadapi oleh pemaju perumahan (Mohd. Razali, 1986;1989b).

Projek penswastaan DBKL meliputi kawasan seluas 45.48 hektar merencanakan sebanyak 3,557 unit rumah, tetapi tidak sampai separuh unit tersebut (1,609 unit), dikhaskan untuk penduduk yang berpendapatan rendah atau komuniti setinggan. Pada hal sebanyak 1,902 setinggan Melayu telah terlibat dalam pemindahan itu. Kira-kira 557 keluarga telah ditempatkan di rumah panjang sejak tahun 1981 dan 1982, tetapi tidak dapat dipastikan sama ada mereka diberi keutamaan dalam pengagihan rumah-rumah kos rendah yang sedang dibina oleh pihak swasta di KK. Yang jelas, bekas kawasan setinggan seperti KK tersebut akan dipenuhi oleh penghuni-penghuni baru yang bukan berlatar belakangkan setinggan kerana 1,948 atau lebih 50 peratus daripada unit kediaman yang dibina oleh pihak swasta tersebut adalah rumah-rumah harga sederhana dan mewah.

Satu daripada alasan utama mengapa DBKL membenarkan projek penswastaan kawasan setinggan adalah kerana anggapan bahawa kemudahan-kemudahan rekreasi, surau, sekolah dan ruang-ruang perniagaan dapat dinikmati oleh komuniti setinggan dengan kehadiran penghuni-penghuni rumah kos sederhana dan tinggi. Alasan-alasan di atas walaupun bersifat positif sebenarnya menutup tujuan sebenar penswastaan kawasan setinggan. Di beberapa negara membangun, pembangunan semula bandar berkait rapat dengan kepentingan politik, terutamanya campur tangan pemimpin-pemimpin politik tempatan dalam projek perumahan (lihat Saunders, 1979; Gyford, 1985).

Dengan adanya projek penswastaan setinggan, DBKL akan terlepas daripada tanggungjawab sosial utamanya, iaitu penyediaan perumahan kos rendah. Pihak swasta sanggup membangunkan kawasan setinggan kerana harga tanah setinggan lebih murah daripada harga pasaran bebas dan mereka sentiasa mendapat kerjasama daripada pihak penguasa tempatan dalam hal-hal kelulusan perancangan dan pembangunan tapak. Di samping itu, pembangunan semula setinggan sering menjadi bahan utama pemimpin politik tempatan menunjukkan betapa pekanya mereka terhadap masalah setinggan. Kadangkala, pemimpin-pemimpin politik

tempatan mengambil kesempatan untuk mempengaruhi penduduk setinggan supaya bersetuju dengan sesuatu projek pembangunan di kawasan setinggan tersebut. Dalam hal ini, beberapa pemimpin politik di peringkat cawangan dan peringkat bahagian memainkan peranan penting untuk mendapatkan sokongan penduduk setinggan. Manakala, pemaju perumahan swasta mendapatkan mandat pemimpin politik dan penguasa tempatan untuk mempercepatkan proses pemindahan setinggan ke tempat lain.

Selalunya perkiraan keuntungan merupakan perhitungan yang mendapat keutamaan pemaju perumahan swasta. Dalam kajian kes KK, hampir 60 peratus rumah yang akan dibina adalah rumah jenis sederhana dan mewah. Sudah pasti keuntungan yang tinggi daripada penjualan rumah jenis-jenis itu akan dapat menampung 'kerugian' membina rumah-rumah kos rendah. Dalam rancangan penswastaan kawasan setinggan di Kuala Lumpur pada tahun 1986 daripada 41,491 jumlah rumah yang direncana-kan oleh pemaju-pemaju perumahan swasta, kurang separuh (16,439 unit) sahaja diperuntukan kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Pada masa yang sama, pembangunan semula kawasan setinggan mungkin pula dapat melemahkan sokongan parti pembangkang yang sentiasa mengancam kedudukan parti politik pemerintah. Dalam pembangunan semula kawasan setinggan, sokongan dan campur tangan pemimpin politik tempatan memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan dan keberkesanan perlaksanaan projek tersebut. Tidak hairanlah daripada 13 kawasan pengswastaan setinggan di Wilayah Persekutuan, 3 kawasan dimajukan oleh sebuah syarikat perumahan yang mempunyai hubungan dengan parti politik. Penglibatan yang sedemikian mengaburkan lagi hubungan ahli-ahli politik-pemaju perumahan-para pegawai penguasa tempatan, terutamanya dalam menentukan garis pemisahan antara kepentingan awam dan kepentingan individu atau kelompok yang tertentu (Healey et al., 1988). Kajian lanjutan dalam hal ini harus dimulakan untuk melihat sejauh manakah keberkesanan dan manfaat projek-projek yang direncana untuk golongan yang berpendapatan rendah seperti komuniti setinggan di Kuala Lumpur.

PENUTUP

Penggubalan sebuah dasar perumahan yang komprehensif untuk penduduk Melayu, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah hendaklah

diberikan perhatian yang sewajarnya. Dua isu utama yang ketara di dalam perlaksanaan projek pembangunan perumahan ialah, pertama, persaingan antara agensi kerajaan boleh menimbulkan masalah kelewatan dan pembaziran wang. Kelewatan ini juga menimbulkan masalah kepada orang-orang Melayu bandar dan sekali gus boleh menggagalkan matlamat pembangunan negara. Kedua, seringkali timbul masalah kurangnya perundingan dan penyertaan kelompok sasaran dalam sesebuah projek pembangunan di bandar. Segala perencanaan pembangunan selalunya didatangkan daripada *atas* dan mereka yang *di bawah* hanya menjadi pengikut. Dalam konteks KSM, hanya ketua kampung dan segelintir pemaju perumahan yang terlibat dalam membuat keputusan. Manakala dalam kes penswastaan kawasan setinggan, peranan pemimpin politik dan penguasa tempatan amat penting dalam menentukan keputusan sesuatu projek pembangunan. Sebahagian besar penduduk Melayu yang terlibat dalam projek pembangunan terus diketepikan dalam proses membuat keputusan yang berkait rapat dengan kehidupan mereka. Sudah sampai masanya perundingan dan penyertaan orang-orang Melayu, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah seperti kelompok setinggan dan golongan miskin bandar, diberikan peluang menyertai proses perancangan dan perlaksanaan pembangunan di tempat mereka. Strategi pemodenan dan pembangunan orang-orang Melayu bandar hendaklah seiring dengan matlamat di peringkat nasional. Mungkin sudah sampai masanya kajian semula tentang peranan agensi-agensi yang membantu orang-orang Melayu bandar dilakukan. Perubahan dan pembaharuan yang sesuai dengan pertambahan bilangan penduduk Melayu di bandar hendaklah dimulakan sekarang.

BIBLIOGRAFI

Dewan Bandaraya, 1978-1986, *Laporan Tahunan*, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

_____, 1984, *Pelan Struktur Kuala Lumpur*, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

_____, 1987, *Setinggan: Dasar dan Penempatan Semula di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, Bahagian Direktorat Penguatkuasa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Gyford, J., 1985, *The Politics of Local Socialism*, Allen and Unwin, London.

Healey, P., Mc Namara, P., Elson, M. and Doak, 1988, *A Land Use Planning and the Mediation of Urban Change: The British Planning System in Practice*. Cambridge University Press, Cambridge University Press, Cambridge.

Malaysia, 1971, *Rancangan Malaysia Kedua*, 1971-1975, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

_____, 1984, *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

Mohd. Razali Agus, 1986, *Politik Dalam Perumahan*, Gateway Publishing, Kuala Lumpur.

_____, *1989a*, 'The State and the Urban Informal Sector in West Malaysia', *Ilmu Masyarakat*, 16, 75-83.

_____, *1989b*, 'Public Sector Low Cost Housing in Malaysia', *Habitat International, 13 (1)*, 105-115.

_____, *1992*, 'Housing Development and the Urban Kampungs in Malaysia', kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan *Canadian Council for Southeast Asian Studies*, The Asian Centre, University of British Columbia, Vancouver, 3-5 November 1989c. Diterbitkan dalam *Manusia dan Masyarakat*, vol. 7.

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU 7

KEDUDUKAN NILAI-NILAI EKONOMI ORANG MELAYU

WAN ABDUL KADIR YUSOFF

Nilai-nilai sosial amat penting dalam mempengaruhi perlakuan anggota-anggota masyarakat. Nilai-nilai sosial yang dikongsi bersama oleh anggota-anggota masyarakat boleh dilihat sebagai penggerak utama bagi sesuatu masyarakat itu, dan boleh dianggap sebagai asas penting dalam pembinaan budaya dan masyarakat. Melalui nilai-nilai sosial menjadi asas penting kepada anggota-anggota masyarakat untuk berfikir, seterusnya boleh membina sentimen, atau aliran pemikiran seseorang. Dalam pembinaan nilai-nilai sosial selalu melibatkan satu kompleks yang teratur sehingga membina satu sistem yang dikatakan sistem nilai. Nilai-nilai sosial dipupuk kepada individu sejak kecil lagi dan seterusnya individu itu akan mempengaruhi individu lain dalam mengembangkan kedudukan nilai. Walau bagaimanapun, anggota-anggota masyarakat memainkan peranan penting dalam memupuk nilai-nilai tradisi yang diwarisi dari satu generasi kepada satu generasi di samping memainkan peranan penting sebagai asas kepada perubahan nilai-nilai sosial dalam sesuatu masyarakat itu. Nilai-nilai sosial itu boleh disesuaikan mengikut perubahan dan peredaran masa, namun nilai-nilai yang terbina sejak kecil kepada seseorang itu masih mempunyai tempat dalam mempengaruhi individu.

Kerapkali nilai-nilai individu yang citarasa dan pemikiran berbeza, tetap dipengaruhi nilai-nilai sosial. Oleh itu, nilai-nilai sosial dibina dan dikongsi bersama oleh anggota-anggota masyarakat. Individu boleh mempengaruhi nilai-nilai sosial jika sesuatu itu dapat dipupuk kepada orang ramai. Dalam masyarakat moden kini, terdapat berbagai-bagai saluran yang dapat memupuk nilai-nilai sosial, misalnya media massa

dan pendidikan formal dapat memupuk nilai-nilai moden. Tetapi individu sebagai anggota keluarga dan kelompok, dipengaruhi nilai-nilai sosial di kelilingnya. Selalunya ikatan individu kepada kelompok lebih penting dan berkesan dalam memupuk nilai-nilai sosial. Disedari bahawa setiap orang menghadapi berbagai-bagai nilai sosial dalam hidupnya seharian. Perbezaan kelompok sosial mungkin membina nilai-nilai sosial yang berbeza, bergantung kepada kepentingan dan keperluan sesuatu kelompok itu. Apabila kelompok-kelompok atau saluran-saluran yang berbeza itu memupuk nilai-nilai sosial yang tidak sama kepada seseorang, ini akan menimbulkan konflik atau krisis nilai. Dalam masyarakat yang terbuka dan terdedah kepada dunia luar, krisis nilai tidak dapat dielakkan. Namun demikian, krisis nilai itu hendaklah dilihat sebagai suatu yang penting untuk membawa perubahan kepada sesuatu masyarakat. Masyarakat terpaksa menghadapi krisis nilai, dan seterusnya usaha penyelesaian perlu dilakukan. Dalam keadaan ini mereka menimbangkan antara menerima nilai-nilai baru atau menyesuaikan dengan nilai-nilai sosial yang telah sedia terdapat dalam masyarakat.

Nilai-nilai sosial amat penting dalam mempengaruhi pembinaan sikap, dan seterusnya menentukan reaksi atau tindakan anggota-anggota masyarakat. Perkembangan politik, ekonomi dan sosial dalam sesuatu masyarakat itu amat besar reaksinya yang ditentukan oleh perubahan nilai-nilai sosial. Untuk membawa perubahan kepada sesuatu masyarakat, maka perubahan nilai dan sikap anggota-anggotanya terlebih dahulu perlu dilakukan. Sesuatu tindakan yang dilakukan amat bergantung kepada kedudukan nilai dan sikap mereka. Fenomenon ini merupakan asas penting yang mempengaruhi perubahan kehidupan anggota-anggota masyarakat. Untuk memahami sistem nilai dalam sesuatu masyarakat terlebih dahulu perlu memahami keseluruhan kompleks budayanya.

Nilai-nilai sosial berkait rapat dengan *world-view*, kedua-duanya menentukan pembinaan pemikiran dan kognatif bagi anggota-anggota masyarakat. Sesuatu nilai itu diperkukuhkan dengan rasional yang dibina berasaskan kepada *world-view*. Misalnya, sesuatu nilai tentang kebaikan atau kecantikan, bagi menerangkan mengapa nilai-nilai itu berkeadaan demikian, sudah pasti diperkukuhkan oleh *world-view*. Dalam usaha pengawalan sosial yang ditentukan oleh nilai-nilai sosial, peranan*world-view* adalah penting. Agama dan kepercayaan merupakan asas utama dalam pembinaan kedudukan *world-view*. Adakala sesuatu itu dapat diterangkan dengan berkesan berlandaskan kepada *world-view* yang diberikan oleh agama.

Nilai-nilai sosial dalam kehidupan orang Melayu dipengaruhi nilai-nilai tradisi. Walau bagaimanapun Islam mempunyai kedudukan yang paling penting dalam menentukan sistem nilai itu. Nilai-nilai Islam yang telah ditetapkana secara konkrit, mempengaruhi keseluruhan kehidupan orang Melayu berasaskan nilai-nilai sosial tradisi yang dibina sekian lama. Orang Melayu menghadapi krisis nilai sepanjang perkembangan sejarah budayanya. Pengaruh budaya-budaya luar telah menentukan kedudukan sistem nilai mereka. Namun demikian, apabila kedatangan Islam, nilai-nilai sosial yang telah diwarisi selama ini disesuaikan dengan kehendak-kehendak Islam. Nilai-nilai Islam itu sebagai ketetapan, tetapi dalam menentukan warna warninya bergantung kepada tradisi budaya tempatan. Dalam keadaan ini orang Melayu dapat mempertahankan nilai-nilai tradisi yang kemudian diperkukuhkan oleh Islam. Bagi menyesuaikan dengan kehendak Islam, kepercayaan warisan diletakkan dalam kosmos *world-view* Islam. Bagi menyesuaikan dengan nilai-nilai Islam, kepercayaan dan ritual tradisi disesuaikan dengan rangka pemikiran Islam yang dianggap tidak bercanggah dan diteruskan amalannya. Pada mereka waktu itu merasakan *world-view* itu tidak bercanggah dan boleh diteruskan amalannya. Dalam keadaan ini kita dapati masih banyak unsur budaya Melayu tradisi disesuaikan dengan world-view Islam dan menjadi amalan yang popular sekian lama dalam masyarakat Melayu.[1]

Penerimaan Islam bermakna nilai-nilai sosial orang Melayu berasaskan kepada nilai-nilai Islam. Namun kehidupan sosial yang sudah menjadi kebiasaan tidak mudah diubah dan disesuaikan dengan nilai-nilai Islam. Keadaan ini kita dapati berlaku dengan meluas dalam kehidupan orang Melayu. Misalnya, kegiatan pertaruhan dalam berbagai-bagai jenis perlagaan haiwan pernah menjadi amalan popular di kalangan orang Melayu, walaupun kegiatan itu bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Kegiatan itu yang telah menjadi amalan kian lama dalam masyarakat Melayu dapat diterima sebagai suatu kebiasaan. Keadaan yang sama berlaku kepada amalan yang berkaitan dengan kepercayaan tradisi yang diletakkan dengan rangka *world-view* Islam, iaitu semangat, hantu, penunggu dan sebagainya dianggap sebagai makhluk Allah sebagaimana manusia juga.

Nilai-nilai sosial yang dipupuk oleh keluarga dan masyarakat keliling didapati amat berkesan kepada kehidupan seseorang. Suasana sosial di kalangan penduduk kampung misalnya, dapat mempengaruhi generasi muda. Walaupun mereka kemudian memasuki sekolah dan terdedah kepada media massa, nilai-nilai moden memberikan suatu cabaran dan

menimbulkan krisis kepada mereka untuk menentukan pemilihan. Mereka memahami bahawa mereka sebagai anggota kelompok menerima nilai-nilai sosial dan mengikuti peraturan yang ditetapkan bagi membolehkan mereka kekal sebagai satu kelompok. Seseorang itu mungkin bersetuju dan boleh menerima nilai-nilai baru, tetapi sebagai anggota kelompok ia terpaksa mematuhi kepada peraturan yang telah ditetapkan dalam kelompok. Setiap orang menyedari peranan dan tanggungjawab sosial. Sebagai perbandingan, orang-orang kampung kini terdedah kepada media massa moden seperti tv dan radio. Nilai-nilai sosial yang disalurkan melalui media massa itu tentu berbeza dengan nilai-nilai sosial tradisi mereka. Namun demikian, mereka menyedari bahawa nilai-nilai sosial yang disalurkan melalui media massa itu tidak bersesuaian dengan suasana sosial bagi kelompok mereka. Berlainan suasana sosial sudah pasti berlainan pula nilai-nilai sosialnya. Filem-filem barat yang terdedah dengan meluas kepada penduduk tempatan, didapati orang-orang Melayu menyedari akan perbezaan nilai antara orang barat dengan orang Melayu. Pernyataan melalui filem barat itu berbeza agama dan budaya, mereka tidak menekankan kepada nilai-nilai sosial sebagaimana yang dikehendaki masyarakat Melayu. Atas kesedaran demikian, mereka terpaksa memilih nilai-nilai yang bersesuaian dengan keperluan tempatan, terutama berlandaskan kepada Islam. Oleh itu, apabila orang Melayu membuat filem, pertimbangan nilai-nilai sosial tempatan amat penting diberikan tumpuan. Filem Melayu tidak boleh meniru filem barat, terutama perlakuan-perlakuan yang dinilai bercanggah dengan kehendak Islam dan tradisi budaya Melayu. Dalam hal ini, orang Melayu amat peka kepada sesuatu yang bercanggah atau bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat tempatan.

Pendedahan kepada media massa yang meluas, dan pesatnya perkembangan pendidikan membolehkan proses modenisasi dan urbanisasi berkembang luas. Suasana demikian akan dapat menyalurkan nilai-nilai baru yang boleh membawa orang Melayu ikut mengalami perubahan dan seterusnya mengalami proses modenisasi dan urbanisasi. Dengan perubahan nilai itu dijangkakan mereka dapat menyesuaikan dengan kehidupan moden dan turut mengalami kemajuan. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa pesatnya penyebaran nilai-nilai baru itu boleh membawa perubahan kepada orang Melayu. Namun perubahan yang dilalui itu tidak sebagaimanaa yang dijangkakan.

Penerimaan nilai-nilai baru dalam masyarakat yang mengalami perubahan pada umumnya didapati kadar perubahan itu berbeza-beza antara satu kelompok dengan satu kelompok sosial yang lain. Kepada penduduk

bandar misalnya, proses perubahan lebih mudah berlaku dan nilai-nilai baru yang disebarkan itu boleh diterima dengan baik. Tetapi kepada penduduk kampung, terutama para petani tidak begitu mudah peka dengan perubahan nilai yang didedahkan kepada mereka. Penduduk kampung yang lebih kuat ikatan kepada nilai-nilai tradisi telah melahirkan suasana sosial yang demikian - mereka melihat sesuatu yang baru sebagai suatu krisis yang boleh membawa penghidupan yang tidak setabil dan seterusnya keadaan itu boleh mengganggu keharmonian dan ketenteraman penghidupan mereka. Tetapi tidak pula bermakna mereka tidak boleh berubah. Bagi membawa perubahan kepada penduduk kampung didapati tidak begitu mudah, misalnya dengan hanya mendedahkan mereka kepada media massa. Mereka memerlukan bimbingan secara langsung, terutama oleh pemimpin-pemimpin yang dekat dengan mereka. Ikatan mereka yang kuat kepada ajaran agama oleh tok-tok guru amat berkesan dan dengan mudah mereka dapat menerimanya. Tetapi bagi orang luar yang sekular sifatnya adalah tidak mudah untuk mempengaruhi dan membawa perubahan kepada kehidupan mereka.

Kelemahan orang Melayu dalam bidang ekonomi selalu dikaitkan dengan sistem nilai dan sikap orang Melayu itu sendiri. Ini selalu diperkatakan bahawa faktor-faktor bukan-ekonomi merupakan asas penting yang dapat dihubungkan dengan kelemahan ekonomi itu.[2] Pandangan ini selalu pula dihuraikan tentang nilai-nilai sosial dan sikap mereka itu berkait rapat dengan Islam, dan seterusnya pandangan ini cuba menyatakan Islam mempunyai kaitan rapat dengan nilai-nilai tentang ekonomi mereka. Hakikatnya kesan-kesan yang diwarisi dari nilai-nilai tradisi tidak mudah lenyap dalam masyarakat.

Sistem nilai selalu dirujuk sebagai faktor budaya yang mempengaruhi kegiatan ekonomi. Nilai-nilai yang selalu dikaitkan dengan Islam itu, selalu mengelirukan. Adakah nilai-nilai yang dianggap nilai-nilai Islam membawa kesan kepada penghidupan orang-orang Melayu? Misalnyal konsep nasib dan rezeki yang selalu dikaitkan dengan nilai-nilai yang dibawa oleh ajaran Islam. Konsep nasib dan rezeki itu bukan sahaja dibina berlandaskan kepada nilai Islam. Konsep ini terdapat dalam banyak budaya, tetapi bagaimana konsep itu diterangkan sebagai *world-view* yang dibina adalah berbeza-beza antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Kedudukannya itu hendaklah dilihat dalam konteks masyarakat yang berkaitan, yang tidak boleh dibuat suatu rumusan umum bahawa ia dibawa oleh Islam. Konsep yang dibina oleh Islam berbeza daripada pengertian dan interpretasi yang diberikan oleh

budaya. Oleh itu sesuatu konsep itu hendaklah dianalisis dalam konteks budaya, iaitu sebagaimana yang difahami dalam budaya, tidak secara langsung dikaitkan dengan agama.

Proses urbanisasi dan modenisasi yang berlaku secara menyeluruh berikutan dengan usaha pembangunan, perkembangan teknologi dan pendidikan moden telah membawa perubahan nilai-nilai sosial di kalangan orang Melayu. Pendedahan yang meluas demikian membawa kepada kelemahan nilai-nilai tradisi dan diganti dengan nilai-nilai baru. Namun demikian, perubahan yang berlaku tidak menyeluruh. Kesan-kesannya itu agak terbatas kepada hal-hal tertentu, terutama dalam bidang gaya hidup. Dengan ini dorongan untuk mengalami perubahan secara menyeluruh, termasuk dalam usaha memperbaiki kedudukan ekonomi tidak banyak meresap dalam kehidupan orang Melayu. Impian atau keinginan untuk hidup mewah bukanlah merupakan dorongan nilai-nilai sosial utama di kalangan orang Melayu. Mereka masih mempunyai dorongan kepada keperluan-keperluan lain yang tidak mudah difahami. Keperluan hidup orang Melayu tidak sahaja terbatas kepada keinginan ekonomi semata-mata, tetapi juga penting ialah kedudukan sosial dan kuasa.

Dalam masyarakat tradisional, kedudukan kelas memerintah sangat dipandang tinggi oleh masyarakat Melayu. Kelas memerintah menerima kedudukan mereka secara warisan berasaskan kepada keturunan. Raja yang memerintah menerima kuasa secara keturunan. Kekuatan kedudukannya diperkukuhkan oleh *world-view* yang dipupuk kepada rakyat jelata. Kuasanya itu juga dihubungkan dengan pemupukan nilai-nilai sosial yang berlandaskan kepada*world-view* bahawa kuasa itu diberikan melalui sistem kepercayaan, iaitu percayakan bahawa daulat dan tulah yang membawa berkesan dalam masyarakat masa lalu. Dengan kekuatan kepercayaan seperti ini membuatkan orang ramai, iaitu rakyat jelata atau kelas diperintah berusaha memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada golongan memerintah.[3]

Kelas pemerintah mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh berikutan kuasa politik yang dimiliki itu. Dengan ini kelas memerintah sentiasa dipandang tinggi dan dihormati oleh kelas bawahan atau rakyat jelata. Nilai-nilai sosial yang dipupuk demikian membolehkan golongan memerintah mengalami gaya hidup tersendiri yang dapat melahirkan budaya tinggi. Mereka yang berkebolehan atau dapat menyakinkan kelas memerintah dapat menjadi orang raja atau pengikut kelas memerintah dapat menjadi orang raja atau pengikut pembesar. Kedudukan

orang-orang ini juga dipandang tinggi dan dihormati sebagai sebahagian daripada golongan mereka yang terlibat dalam penumpuan kuasa itu.

Umumnya didapati bahawa golongan memerintah yang mempunyai kedudukan tersendiri sentiasa dihormati dan dipandang tinggi oleh orang ramai. Nilai-nilai ini terus dipupuk kepada generasi muda yang berusaha meletakkan kelas memerintah pada kedudukan yang begitu tinggi dan agak berbeza daripada golongan rakyat jelata.

Apabila pemerintah kolonial memainkan peranan dalam sistem pentadbiran di negara ini, kuasa politik yang diterima oleh pemerintah kolonial meletakkan pegawai-pegawai Inggeris pada kedudukan yang dihormati dan dipandang tinggi sebagaimana juga kelas memerintah tradisional. Polisi pemerintah kolonial, berusaha menentukan gaya hidup golongan memerintah lebih tinggi bersesuaian dengan kedudukan mereka sebagai tuan baru. Kelas pemerintah tetap mempertahankan kedudukan mereka dan nilai-nilai sosial yang diberikan orang ramai itu termasuk juga orang-orang Inggeris yang bertugas di negara ini.

Perkembangan sistem pentadbiran negara ini yang semakin baik, pemerintah kolonial mengembangkan sistem pendidikan sekular; terutama melalui bahasa pengantar Inggeris untuk berusaha mendapatkan tenaga pekerja tempatan bagi mengisi jawatan-jawatan tertentu dalam sistem pentadbiran baru itu. Anak-anak kelas memerintah tradisional mendapat keutamaan bagi tujuan itu. Kedudukan pegawai-pegawai Melayu dalam pentadbiran moden itu mudah terpengaruh dengan gaya hidup barat. Mereka berusaha meniru gaya hidup orang-orang Inggeris kerana gaya hidup itu dianggap moden dan maju. Oleh itu, mereka ini merupakan suatu kelas baru yang memegang jawatan-jawatan penting dalam jentera kerajaan. Mereka ini amat dipandang tinggi oleh orang ramai. Mereka dari keturunan baik-baik, dengan gaya hidup moden yang mempunyai kedudukan penting dalam masyarakat. Kedudukan seperti ini sentiasa menjadi impian kepada orang ramai yang menyatakan kejayaan dalam penghidupan moden. Nilai-nilai yang dipupuk itu dalam masyarakat Melayu amat penting dalam mempengaruhi pembinaan nilai dalam jangka panjang.

Bekerja dalam sektor awam, sebagai pegawai kerajaan selalu dianggap baik dan dipandang tinggi serta dihormati oleh orang Melayu. Nilai-nilai yang dibentuk mempertimbangkan beberapa perkara, pertama sebagai pegawai kerajaan menerima gaji tetap setiap bulan dan mereka dapat menentukan gaya hidup yang lebih baik, berbeza daripada para petani.

Kedua, mempunyai kedudukan sosial yang baik dan dapat berdampingan dengan orang-orang besar yang lain yang berpengaruh dan mempunyai kuasa. Ketiga, dapat terus bekerja sehingga bersara dan terus mendapat elaun persaraan. Berasaskan kepada perkara-perkara itu, menjadi pegawai kerajaan merupakan suatu kejayaan dalam hidup. Mereka ini mempunyai kedudukan sosial dan ekonomi yang baik di samping mempunyai gaya hidup yang baik dan dipandang tinggi.

Nilai-nilai yang dipupuk itu amat berkesan kepada kehidupan orang-orang Melayu. Selepas negara mencapai kemerdekaan, perkembangan pendidikan yang semakin meluas, membolehkan anak-anak petani juga turut melanjutkan pendidikan ke peringkat tinggi dan dengan ini juga memberi peluang mereka memegang jawatan-jawatan penting dalam sistem pentadbiran moden itu. Nilai-nilai tradisi itu dapat diperkukuhkan terus menerus. Pelajar-pelajar Melayu membina impian untuk mencapai kejayaan hidup dengan cara memasuki sektor awam. Nilai-nilai itu tetap kukuh di kalangan orang Melayu. Dengan memasuki bidang itu bukan sahaja menjamin kedudukan ekonomi, tetapi juga penting dalam memperkukuhkan kedudukan sosial.

Nilai-nilai yang dipupuk demikian telah meresap dalam dan menjadi tradisi budaya Melayu sekian lama. Kedudukan yang jelas dalam pembinaan tradisi budaya itu, telah diterima umum bahawa bekerja dengan kerajaan sebagai impian, sedangkan bekerja sendiri tidak memberikan prestige sosial. Walaupun mereka bekerja sendiri dan memperolehi pendapatan lebih baik daripada bekerja dengan kerajaan, dari segi nilai-nilai sosial orang Melayu bekerja dengan kerajaan itu dianggap mempunyai kedudukan yang lebih baik, terutama dari segi kuasa dan gaya hidup mereka. Mereka sentiasa dipandang lebih tinggi daripada mereka bekerja sendiri. Peluang-peluang naik pangkat di kalangan pekerja dengan kerajaan itu memberikan suatu dorongan yang membuatkan masing-masing berusaha mengejarnya. Dengan pangkat dan kedudukan sosial memainkan peranan penting dalam meletakkan bekerja dengan kerajaan itu sentiasa dipandang tinggi dan dihormati. Keutamaan diberikan kepada bekerja dengan kerajaan dan apabila tidak dapat mencapainya baharulah mereka berusaha untuk bekerja sendiri.

Nilai-nilai demikian amat penting dalam mempengaruhi budaya Melayu. Sejak kecil lagi anak-anak dipupuk dengan impian untuk bekerja dalam sektor kerajaan. Anak-anak yang dapat memegang jawatan penting dalam sektor awam dan berpangkat besar sangat membanggakan ibu bapa dan orang-orang kampung. Mereka yang berjaya itu selalu menjadi

model dan dorongan kepada orang lain. Mereka yang tergolong dalam kelompok ini selalu dianggap sebagai orang baik-baik yang sentiasa dipandang tinggi dan dihormati ramai.

Bidang perniagaan yang kini merupakan suatu lapangan yang mempunyai image baru menjadi fenomenon yang kian dipandang tinggi dan dihormati. Ini berkaitan dengan kemunculan mereka yang kaya raya amat dipandang tinggi. Golongan ini semakin berpengaruh dalam masyarakat moden. Dunia perniagaan telah bergerak maju dengan pesat sekali. Berikutan dengan ini *world-view* orang Melayu tentang perniagaan dan perdagangan juga mulai berubah, iaitu tidak lagi terbatas kepada jenis perniagaan secara kecil-kecilan yang diwarisi orang Melayu selama ini. Masa lalu, apabila dikatakan bekerja sebagai peniaga, selalu tergambar pada umumnya sebagai penjual barang-barang pengguna secara kecil-kecilan, baik di tempat-tempat tertentu atau dari rumah ke rumah. Kegiatan berniaga yang demikian telah wujud dalam masyarakat Melayu sekian lama tidak banyak berubah. Kedudukan perniagaan yang diamalkan oleh orang Melayu selama ini tidak berbeza daripada kegiatan menangkap ikan dan bertani. Oleh kerana suasana berniaga yang dibina dalam budaya Melayu demikian, nilai-nilai sosial yang diberikan juga tidak seberapa berbanding dengan bekerja makan gaji dengan kerajaan. Berasaskan kepada tradisi budaya Melayu, berniaga tidak dapat membawa perubahan yang ketara kepada kedudukan sosial dan ekonomi. Nilai-nilai sosial yang demikian, yang telah menjadi tradisi budaya tidak mendorongkan anak-anak membina impian untuk berniaga. Bekerja makan gaji dalam sektor kerajaan merupakan cita-cita utama dan dengan ini juga seterusnya menggalakkan orang-orang Melayu untuk terus belajar hingga ke paras yang tinggi. Nilai-nilai sosial yang telah dipupuk demikian menjadi tradisi dan mempengaruhi budaya Melayu umumnya.

Perubahan pesat yang berlaku dalam kegiatan ekonomi di luar sektor tani dan pertumbuhan industri mendedahkan orang Melayu kepada perkembangan ekonomi moden. Keadaan semakin terdesak apabila peluang-peluang pekerjaan dalam sektor awam semakin terbatas. Perkembangan sektor swasta mulai mendapat perhatian orang Melayu. Sedangkan selama ini bagi orang-orang bukan Melayu telah lama terlibat dalam kegiatan ekonomi swasta. Kesedaran di kalangan orang Melayu serta dorongan yang diberikan oleh pihak kerajaan, mereka mulai mengambil bahagian dalam perkembangan itu. Bagi mengubah nilai-nilai yang sekian lama telah dipupuk tidak mudah dilakukan. Oleh itu, bagi mengubah haluan nilai itu atau membina budaya perniagaan di kalangan orang Melayu tidak mudah untuk dilaksanakan.

Dalam perkembangan ekonomi yang begitu pesat dan dorongan pihak kerajaan bagi orang Melayu mengambil bahagian dalam sektor ekonomi swasta itu, nilai-nilai tradisi masih lagi tebal. Selalu kedengaran pendapat dan pandangan yang kurang mendorongkan mereka terlibat dalam kegiatan ekonomi swasta itu. Antaranya, dalam sektor swasta atau dunia perniagaan memerlukan usaha yang gigih dan desakan kerja terlalu rigid. Kejayaan seseorang itu dikatakan bergantung kepada kemampuan dan kebolehannya. Sedangkan dalam sektor awam, corak kerjanya tidak begitu mendesak, dan seseorang itu tidak perlu bimbangkan kehilangan pekerjaan. Sedangkan suasana yang begitu mencabar dalam dunia perdagangan atau sektor swasta, seseorang itu boleh mengalami kerugian yang besar. Risiko yang dihadapi dalam bidang swasta dan perniagaan amat besar dan ini boleh melemahkan semangat. Nilai-nilai yang dipupuk demikian sudah pasti tidak mendorongkan seorang mengambil risiko yang tinggi. Ringkasnya, pemupukan nilai-nilai sosial demikian boleh menghalang penglibatan orang Melayu dalam bidang yang berkaitan itu. Bekerja dalam sektor kerajaan selalu dianggap lebih baik, diperkukuhkan oleh nilai-nilai tradisi. Nilai-nilai ini telah menjadi tradisi budaya sekian lama.

Pendidikan dan pekerjaan merupakan perkara yang tidak dapat dipisahkan mengikut keperluan penghidupan moden. Perkembangan pendidikan sekular mempunyai keperluan dan kepentingannya kepada setiap individu. Namun demikian, kepentingan pendidikan itu kemudian dilihat dalam konteks pekerjaan. Dengan paras pendidikan yang tinggi selalunya dapat menjamin pekerjaan yang baik. Perkembangan ini telah membina nilai-nilai sosial baru dalam masyarakat Melayu. Pendidikan dilihat sebagai suatu saluran utama untuk mendapat pekerjaan dan seterusnya dalam menentukan kedudukan sosial. Nilai-nilai yang dipupuk demikian, sebagaimana dalam masyarakat masa lalu, pendidikan tinggi akan menjamin kedudukan yang baik dalam pekerjaan dan sosial. Sedangkan pekerjaan lain, seperti berniaga selalu dirasakan tidak memerlukan pendidikan yang tinggi, sebagaimana yang telah dialami orang Melayu, mereka yang tidak bersekolah juga dapat melakukan pekerjaan itu. Pendidikan tinggi tidak dapat dikaitkan dengan kedudukan pekerjaan berniaga itu. Nilai-nilai demikian terus menjadi suatu yang meresap dalam kepada kehidupan orang Melayu.

Sedangkan dalam masyarakat moden hari ini, kegiatan perniagaan itu mempunyai kedudukan yang berbeza berbanding masa lalu. Berniaga itu boleh meliputi pekerjaan yang dilakukan secara kecil-kecilan dan

besar-besaran. Perubahan nilai amat penting dalam menentukan bahawa perniagaan itu tidak lagi terbatas kepada amalan yang dilakukan pada masa lalu. Perniagaan kini dalam ruang aktiviti yang amat luas memerlukan orang yang berpendidikan tinggi dan berkebolehan dalam melakukan pengurusan secara besar-besaran. *World-view* perniagaan di kalangan orang Melayu perlu diubah bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa.[4] Apabila nilai dan *world-view* tentang perniagaan itu dapat difahami dan dikuasai sudah pasti orang Melayu dapat menerima perniagaan sebagai suatu ruang aktiviti yang luas dan tidak lagi terbatas sebagaimana yang dibina dalam masyarakat Melayu selama ini.

Kegiatan perniagaan di kalangan orang Melayu selama ini terbatas kepada *world-view* yang ruanglingkupnya amat sempit. Budaya perniagaan yang dibina dan dipupuk dalam masyarakat Melayu selama ini membataskan kepada perniagaan yang diuruskan oleh keluarga sebagai kegiatan sampingam kepada kerja-kerja lain yang lebih penting. Perniagaan itu sebagai suatu fenomenon yang dilakukan berasaskan kepada *world-view* demikian tidak dapat berkembang melampaui batas-batas yang telah dibina berlandaskan kepada tradisi budaya.

Pendedahan orang Melayu dalam bidang perdagangan yang lebih luas amat terbatas, jauh ketinggalan berbanding dengan kumpulan-kumpulan ethnik lain yang telah lama terlibat secara langsung. Dalam perniagaan itu terdapat budayanya tersendiri. Budaya berniaga itu tidak semudah sebagaimana kegiatan yang dilakukan secara kecil-kecilan. Budaya perniagaan itu juga tidak selurus sebagaimana yang dicatatkan dalam buku-buku teks tentang ekonomi perniagaan. Dalam realiti, perniagaan itu terdapat berbagai-bagai liku yang hanya dapat difahami apabila seorang itu terlibat secara langsung. Proses sosialisasi budaya perniagaan itu memerlukan jangka masa yang lama dan tidak mungkin dapat dipelajari secara jalan mudah. Malangnya, orang Melayu terpaksa bersaing dengan orang-orang bukan Melayu yang telah lama bertapak dalam bidang berkenaan. Pengalaman amat penting dalam menentukan kejayaan bagi sesuatu jenis perniagaan itu.

Bagi orang-orang bukan Melayu yang telah lama bertapak dalam dunia perniagaan, telah membina budaya mereka berkisar kepada bidang perniagaan. Anak-anak dan keluarga mereka juga hidup dalam suasana perniagaan. Walaupun anak-anak tidak terlibat secara langsung, mereka juga terdedah kepada dunia perniagaan sebagaimana yang dilalui oleh keluarga mereka. Budaya perniagaan yang mengililingi anak-anak itu dengan sendirinya dapat memupuk nilai-nilai yang mendalam tentang

kegiatan itu. Mereka melihat dan mendengar persoalan perniagaan yang dialami ibu bapa mereka. Dengan ini mereka merupakan sebahagian daripada budaya perniagaan dan nilai-nilai yang dipupuk itu mempengaruhi kehidupan mereka kemudian.

Berasaskan kepada tradisi budaya Melayu, nilai-nilai yang dipupuk tentang kepentingan penghidupan didapati berbagai-bagai. Adakala nilai-nilai itu bercanggah atau menimbulkan krisis antara satu dengan yang lain. Sedangkan orang Melayu berhadapan dan bersaing dengan kumpulan-kumpulan ethnik lain. Bagi sesuatu kelompok, pada umumnya dengan mudah kita dapat memahami nilai-nilai hidup mereka. Bagi mereka kejayaan dalam penghidupan ialah berusaha mendapatkan kekayaan. Daripada kekayaan itu dipercayai dapat pula mengisi pelbagai keperluan lain, misalnya dengan kekayaan mereka dapat memperkuatkan kedudukan politik, sosial dan lain-lain lagi. Jadi, dalam mengejar kekayaan itu boleh dilakukan dengan berbagai-bagai cara. Mereka kurang menimbangkan persoalan moral, dan nilai-nilai lain untuk mencapai impian itu. Bagi mereka, kekayaan itu melambangkan segala kejayaan hidup. Dengan meletakkan kekayaan sebagai keutamaan dalam penghidupan, sudah pasti dapat mendorongkan seorang itu untuk berusaha ke arah itu. Mencapai kekayaan bermakna berjaya dalam hidup.

Bagi orang Melayu yang telah mengalami sejarah budaya yang tersendiri, nilai-nilai tradisi memainkan peranan penting dalam menentukan penghidupan mereka. Nilai-nilai tradisi diperkukuhkan pula oleh nilai-nilai Islam. Matlamat hidup dipupuk berlandaskan kepada Islam amat jelas mempengaruhi pemikiran orang Melayu. Namun demikian, mereka tidak menolak kekayaan. Malah, orang Melayu menyedari bahawa kekayaan itu penting bukan sahaja bagi penghidupan sosial, tetapi juga bagi kepentingan kebajikan agama dan sosial. Dengan kekayaan membolehkan seorang itu juga membuat kebajikan sebagaimana yang disuruh oleh agama, seperti mengeluarkan zakat, membantu orang-orang miskin dan membuat amal jariah selain membolehkan seorang itu menunaikan haji ke Mekah. Kekayaan membolehkan umat Islam bergerak maju dan meninggikan kedudukan Islam. Namun demikian, mereka juga dipupuk dengan nilai-nilai lain yang agak berlawanan, iaitu kekayaan itu juga boleh membawakan kesan-kesan buruk kepada seorang. Dengan kekayaan pada umumnya didapati menyebabkan seorang itu mudah lupa kepada agama dan kecenderungan melakukan dosa. Dalam keadaan ini kekayaan itu dianggap suatu cabaran atau ujian besar kepada seorang Islam dalam menentukan

pengurusan hartanya kepada jalan kebajikan. Pada pandangan lain seorang yang kaya itu lebih cenderung melupai suruhan agama. Seorang yang memiliki kekayaan mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berat terhadap Allah. Seorang itu akan ditanya nanti, apakah yang dilakukan dengan kekayaan yang dimiliki itu. Jadi, pada pandangan ini, kekayaan itu merupakan satu beban kepada orang yang bertanggungjawab. Adakala kekayaan itu dianggap sebagai daki, iaitu yang boleh membuatkan seseorang itu lupa akan tanggungjawabnya terhadap agama dan masyarakatnya.

Orang-orang Melayu juga dipupuk dengan perkara-perkara lain yang juga tidak kurang pentingnya. Nilai-nilai sosial yang dipupuk dalam masyarakat Melayu tradisi dan menjadi sebahagian budaya Melayu yang penting bahawa kekayaan itu tidaklah merupakan keperluan yang mutlak. Persoalan budi pekerti dan sopan santun dianggap amat penting. Penekanan kepada perlakuan-perlakuan yang baik itu begitu ketara yang mempengaruhi individu bahawa kekayaan itu tidaklah merupakan segalanya dalam penghidupan. Perlakuan berlandaskan kepada tradisi budaya yang bersesuaian dengan nilai-nilai sosial Melayu amat penting dititikberatkan seorang. Kekayaan itu tidak bermakna jika seorang itu tidak dapat menunjukkan budi pekerti yang baik dan bersesuaian dengan tradisi budaya Melayu. Fenomenon ini pula disokong oleh nilai-nilai yang dipupuk oleh Islam. Mencari kekayaan itu dikehendaki berlandaskan kepada moral dan etika yang tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak agama dan tradisi. Dalam keadaan ini orang Melayu sangat berhati-hati dalam kegiatan ekonomi mereka. Mereka terpaksa timbangkan antara yang dihalalkan dan yang haram. Kekayaan yang diperolehi secara tidak diredhai Allah dipercayai dan menjadi keyakinan tidak akan membawa kebaikan atau berkat kepada seseorang. Atau dikatakan kekayaan yang tidak bersih itu tidak berkat. Pembalasan yang akan diterima seorang itu bukan sahaja selepas mati, tetapi kesan-kesannya itu boleh dilihat atau dialami seorang itu semasa hidup. Bencana itu dikenakan oleh Allah dalam berbagai-bagai cara yang tidak dapat diduga oleh seseorang itu. Kesannya mungkin boleh menimpa diri seorang itu atau akan menimpa kepada keluarganya. Nilai-nilai ini memberi kesan yang amat mendalam kepada seseorang. Malah dengan cara ini orang Melayu membina sistem kawalan sosial ke atas anggota-anggotanya. Kesedaran yang dipupuk secara dalaman ini amat berkesan kepada seseorang itu. Kekayaan atau harta yang tidak halal juga dikatakan "panas", dan selalunya tidak boleh tahan lama. Harta ini lambat laun akan pupus atau hilang.

Orang Melayu pada umumnya sangat hati-hati dalam kegiatan ekonomi mereka. Mereka berhadapan dengan masyarakat dan perlakuannya itu sentiasa menjadi perhatian orang-orang lain. Penyelewengan daripada nilai-nilai sosial akan menjadi buah mulut orang ramai dan mungkin tekanan sosial akan dikenakan. Bidang kegiatan ekonomi mereka terbatas dan sentiasa melihat kepada nilai-nilai yang telah dipupuk sejak beberapa lama dahulu.

Kesedaran terhadap ajaran agama sentiasa menjadi asas kepada kegiatan ekonomi. Mereka menyedari tentang matlamat hidup. Kekayaan yang demikian pula membatas kepada perbelanjaan yang diberi pengesahan kepada nilai-nilai agama. Mereka tidak boleh membelanjakan kekayaan kepada perkara-perkara yang bercanggah dengan kehendak-kehendak agama dan tradisi budaya. Menyedari hakikat ini, kekayaan itu diberikan oleh Allah dan penggunaan kekayaan itu hendaklah dilakukan pada jalan yang sebaik-baiknya. Perbelanjaan ke arah membazirkan dan berusaha menunjukkan kedudukan sosial atau untuk menonjolkan diri atau bermegah-megah dengan kekayaan itu tidak digalakkan. Dalam keadaan ini kekayaan itu hendaklah dilihat dalam budaya Melayu itu sendiri. Tetapi keadaan ini tidak pula bermakna menghalang atau tidak mendorongkan mereka mencari kekayaan.

Nilai-nilai sosial juga dipupuk berlandaskan kepada kedudukan sosial. Mereka yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat seperti pembesar dan keturunan yang baik-baik dipandang tinggi dan dihormati. Mereka yang menduduki dan berdampingan dengan golongan itu juga dipandang tinggi dan dihormati. Apabila kedatangan pemereintah kolonial British, kedudukan sosial yang berlandaskan kepada pekerjaan, pangkat dan gelaran diperkukuhkan. Tradisi ini berlanjutan dalam masyarakat Melayu moden. Mereka yang berkedudukan sosial yang dipandang tinggi dan dihormati itu terdiri daripada mereka yang mempunyai pangkat, pekerjaan yang baik, keturunan yang baik-baik, dan gelaran-gelaran yang diberikan pengesahan. Mereka ini secara tradisi mempunyai gaya hidup yang berbeza daripada orang kebanyakan. Mereka sentiasa menjaga kedudukan sosial dengan menyatakan melalui lambang-lambang sosial yang diberikan pengesahan oleh orang ramai. Adakala mereka ini tidaklah begitu kaya atau memiliki harta yang banyak, tetapi memandangkan gaya hidup yang ditunjukkan itu menyebabkan orang ramai sentiasa memandang tinggi dan menghormati kedudukan mereka. Misalnya, semasa pemerintahan kolonial, pegawai-pegawai kolonial ditentukan sentiasa menjaga kedudukan sosial mereka supaya mereka sentiasa dipandang tinggi dan

dihormati. Tradisi ini diwarisi oleh pegawai-pegawai Melayu kemudian. Dengan nilai-nilai sosial yang telah ditentukan demikian, tradisi menjaga kedudukan sosial terus menjadi amalan orang-orang Melayu. Orang ramai memberi nilai berasaskan kepada segala yang dapat dilihat secara luaran. Nilai-nilai ini mempengaruhi secara meluas di kalangan orang Melayu. Selain menimbangkan keperluan-keperluan lain, mereka berusaha menjaga kedudukan sosial berasaskan kepada kesedaran sosial yang meluas. Kekayaan dapat menyatakan kedudukan sosial. Oleh itu kekayaan itu juga digunakan bagi mengisi keperluan-keperluan seperti ini. Tetapi kepentingan ini kerapkali pula dilakukan selaras dengan kekayaan. Mereka yang kurang berada juga berusaha menyatakan kedudukan sosial sebagai mereka dari kelompok yang berada. Kesedaran seperti ini boleh membawa kesan-kesan buruk kepada kedudukan ekonomi seseorang itu. Berkaitan dengan kedudukan sosial itu, orang Melayu juga memandang tinggi kepada kuasa. Mereka yang mempunyai kuasa atau terlibat dengan perlaksanaan kuasa selalu disanjung dan dihormati. Dengan ini mereka merasakan dengan mempunyai kuasa membolehkan seorang itu mengawal atau menguasai orang-orang di bawahnya.

Berasaskan kepada nilai-nilai sosial yang mempengaruhi orang Melayu, baik diperkukuhkan oleh tradisi, mahupun agama dan kemodenan, keperluan atau impian orang Melayu itu berbagai-bagai. Kekayaan hanya menjadi salah satu daripada berbagai-bagai keperluan dalam hidup mereka. Berasaskan kepada pembinaan nilai-nilai sosial yang demikian, secara tidak langsung boleh mempengaruhi mereka dalam kegiatan ekonomi seharian. Mereka akan kembali menjayakan diri sendiri tentang sesuatu yang mereka mahu dalam kehidupan harian. Dengan hanya kekayaan semata-mata tentunya tidak dapat memberikan kepuasan secara menyeluruh. Mereka juga mahu mempunyai kuasa atau berpengaruh dalam masyarakat, mereka juga mahukan diri mereka dihormati dan dipandang tinggi. Oleh itu mereka berusaha menyatakan kedudukan mereka dengan berbagai cara, misalnya dengan gelaran, bintang-bintang kebesaran dan barang-barang yang menjadi simbol kedudukan mereka dalam masyarakat. Di samping itu, terutama apabila meningkat tua, mereka berusaha pula mendapatkan ilmu agama dan meningkatkan amalan keagamaan dan mengurangkan usaha mengejar kekayaan. Suatu kecenderungan yang didapati, apabila mereka meningkat umur 50an, kegiatan ekonomi berkurangan dan ini bermakna produktiviti juga menurun. Pada umumnya dapat dikatakan bahawa ekonomi sebagai struktur asas dalam kehidupan manusia, di samping itu kepada orang Melayu mereka mempunyai berbagai-bagai kepentingan lain. Kekayaan

tidak dapat dianggap sebagai sesuatu yang menjadi matlamat paling utama dalam penghidupan. Mereka sentiasa menimbangkan keseimbangan kedudukan ekonomi, sosial dan agama yang memainkan peranan yang sama penting dalam kehidupan harian mereka. Semuanya itu bergabung sebagai suatu keperluan yang tidak dapat dipisahkan antara satu dengan yang lain.

Dalam suasana nilai yang dipupuk demikian, mereka terpaksa melakukan pemilihan kerja. Ganjaran kewangan semata-mata belum tentu dapat mendorong mereka melakukan sesuatu pekerjaan. Keadaan ini juga yang menyebabkan selalu orang beranggapan bahawa mereka terlalu memilih pekerjaan. Kepentingan sosial juga selalu menjadi pertimbangan di samping ganjaran wang, misalnya suasana sosial, kedudukan pekerjaan itu pada pandangan orang ramai dan sejauhmana pekerjaan itu dapat memberikan kedudukan sosial dalam masyarakat. Kepentingan agama juga merupakan sebahagian penting yang selalu menjadi pertimbangan, misalnya pekerjaan yang dihalalkan dan berlandaskan moral sosial yang bersesuaian lebih diminati walaupun ganjarannya tidak seberapa. Dalam membuat berbagai-bagai pertimbangan itu kepuasan sosial dan kepuasan diri menjadi sesuatu yang mendorongkan mereka memilih pekerjaan. Jadi, ganjaran semata-mata belum dapat memberikan suatu kepuasan yang menyeluruh kepada orang Melayu. Dalam keadaan terdesak, kesukaran mendapat pekerjaan, mereka sanggup bekerja apa sahaja. Tetapi apabila terdapat pemilihan, ganjaran wang semata-mata belum tentu mendorong mereka menerimanya dengan hati terbuka.

Memperkatakan orang Melayu dalam mengalami perubahan ekonomi yang pesat kini, budaya memainkan peranan penting dalam menentukan kedudukan mereka. Walaupun orang Melayu kini terdedah kepada nilai-nilai baru, terutama nilai-nilai yang dibawa berikutan dengan proses urbanisasi dan modenisasi, nilai-nilai sosial yang timbul dan dikongsi bersama dalam masyarakat itu memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perlakuan dan tindakan mereka setiap hari. Nilai-nilai sosial yang dipupuk dari masyarakat keliling lebih berkesan berbanding dengan cara lain. Seorang itu lebih peka kepada nasihat atau pendapat orang lain dalam masyarakat atau kelompoknya berbanding dengan saluran lain. Cerita dan maklumat atau pengalaman yang disampaikan oleh rakan-rakan di keliling mereka lebih berkesan dalam mempengaruhi pemikiran mereka.

Sungguhpun kita dapati mereka yang mendapat pendidikan dalam bidang ekonomi, perniagaan dan pengurusan semakin meningkat, mereka juga lebih peka kepada anggota-anggota kelompok di keliling mereka daripada mempunyai keyakainan diri dalam mencuba sesuatu yang baru sebagaimana yang dipelajari mereka. Mereka lebih mudah dipengaruhi nilai-nilai yang dikongsi dalam masyarakat.

Berasaskan kepada pandangan nilai-nilai sosial sebagaimana yang telah diterangkan di atas dapat memberikan suatu gambaran yang menyeluruh tentang kedudukan dan pengalaman orang Melayu dalam bidang-bidang yang asing bagi mereka. Namun demikian tidak pula bermakna mereka bersikap dingin terhadap perubahan, sebagaimana yang dilalui mereka pada peringkat nasional. Mereka dapat menyesuaikan dengan keperluan-keperluan semasa dalam penghidupan mereka. Mereka juga berusaha menceburi dalam berbagai-bagai bidang, termasuk bidang-bidang baru yang selama ini belum terdapat orang Melayu mengambil bahagian. Bagi membawa perubahan, sudah tentu memerlukan pengalaman. Melalui pengalaman, masyarakat Melayu akan dapat membina nilai-nilai baru dalam kehidupan mereka.

NOTA

1. Lihat juga Al-Attas, Syed Muhammad Naguib, 1972, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Misalnya, Parkinson, B.K. 1967, Non-economic factors in the economic retardation of the rural Malaya, *Modern Asian Studies*, Vol. 1, no. 1, 31-46.
3. Lihat juga Chandra Muzaffar, 1979, *Protector*, An Aliran Publication.
4. Sebagai contoh perlibatan orang Melayu dalam perniagaan, lihat Mohd. Fauzi Yaacob, 1981, *Peniaga dan Perniagaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

POLITIK

KETEGANGAN DALAM UMNO, 1975-76*

ALIAS MOHAMED**

Sejak pilihanraya pertama diperkenalkan di Malaysia dalam tahun 1955 politik – khususnya politik Melayu – begitu ghairah dan rancak dengan kehadiran Parti Islam Se Malaysia atau PAS. Penyertaan dan perjuangan parti ini yang berterusan dalam sistem politik di Malaysia, dengan UMNO sebagai sebuah parti yang dominan, telah berjaya mengekalkan satu budaya politik yang pada mulanya mendorong ramai, dan bahkan untuk satu tempoh yang lama, untuk meyakini dan percaya bahawa kepimpinan UMNO serta PAS sesesungguh dan sebenarnya mengharapkan penguasaan kerajaan negara ini oleh orang-orang Melayu secara eksklusif dan mutlak. Dalam tahun 1969, misalnya, Dr. Mahathir, Syed Jaafar Albar dan Syed Nasir Ismail membuat kenyataan dalam *Utusan Melaya* pada 5 Jun 1969, supaya MCA dikeluarkan dari Kabinet.[1] Secara *private*, atau perbincangan sesama sendiri, orang Melayu pada umumnya menganggap berkongsi kuasa dengan orang Cina adalah satu bebanan, kalau bukan malapetaka.

Dalam tahun-tahun 1960-an, akibat kemaraan politik Cina dan sikap Tengku Abdul Rahman yang bertolak ansur dengan para pemimpin MCA, teras pemikiran arus perdana ini yang bercita-cita untuk menggabung kekuatan di kalangan orang-orang Melayu telah diperkukuhkan lagi dengan fakta bahawa oleh kerana PAS bersaing dengan UMNO untuk menguasai hampir keseluruhan undi orang Melayu di peringkat bawah atau akar umbi *(grassroots)*, maka sudah tentu menjadi lebih mantap lagi kalau parti ini berpakat serta berkongsi dengan UMNO yang bersifat sekular dan elitist itu agar sebuah kerajaan yang berteraskan Melayu dan Islam dapat dibentuk. Yang demikian, perana...

orang-orang bukan Melayu dalam sistem politik negara yang diasaskan oleh British dan Kerajaan Perikatan sebelum merdeka akan menjadi kurang dominan dan sentiasa diawasi. Penting disebut bahwa setelah dipecat daripada UMNO Dr. Mahathir menggunakan *platform* PAS untuk bersuara.

Sebagai sifatnya yang *theocentric*, iaitu berteraskan agama, maka pandangan ini bertujuan untuk mengikis saki-baki ancaman daripada cita-cita budaya dan kuasa politik serta ekonomi orang bukan Melayu – yakni satu tema yang sepatut dan selayaknya amat intim dan hampir dengan kepentingan serta permasalahan politik UMNO dalam tahun 1960-an. Polarisasi ras yang runcing yang membawa kepada tragedi pertumpahan darah pada 13 Mei 1969 sebenarnya memperkukuhkan pemikiran yang popular ini di kalangan orang-orang Melayu. Ghafar Baba (sekarang Tun), yang menjadi naib presiden UMNO ketika itu, mengaku dan bahkan sedar sebelum meletusnya tragedi tersebut bahawa negara sedang berada dalam kemelut perpecahan ras yang amat merbahaya.[2] Keyakinan PAS terhadap kemampuannya sebagai satu tenaga politik Islam yang berpengaruh yang memungkinkan UMNO memeluk falsafah perjuangannya, iaitu falsafah perjuangan PAS, dalam satu jangka masa yang tertentu untuk menubuhkan sebuah kerajaan yang dipimpin oleh orang Melayu dan berteraskan prinsip-prinsip Islam, sementelah terdapat serpihan pemikiran dalam UMNO sendiri yang sealiran dengan cita-cita PAS, telah mendorong PAS pada tahun 1973 untuk menyertai Perikatan dan menubuhkan Kerajaan Campuran di Kelantan dan selepas itu, dalam tahun 1974, menyertai Barisan Nasional di semua peringkat dalam pilihanraya tahun tersebut.[3] Tetapi sebagaimana yang dijangka, dalam tempoh empat tahun sahaja kerjasama yang disangka akan menghasilkan penyesuaian serta persenyawaan ideologi antara sekular dan Islam, elitist dan luar bandar, progresif dan mundur serta antara moden dan konservatif pecah berkecai dalam tahun 1977, ketika Tun Hussein Onn memerintah. Bibit-bibit perpecahan UMNO-PAS bermula dalam tahun 1975 apabila dalam UMNO sendiri, setelah terhidu tanda-tanda ketidak-stabilan dalaman berikutan kesihatan Tun Razak yang terganggu, kecondongan berpuak dan pergeseran kepentingan mula timbul. Tetapi dalam zaman pemerintahan Tun Husseinlah UMNO menghadapi krisis yang terbesar selepas tragedi 13 Mei 1969.

PENTADBIRAN TUN HUSSEIN

Tun Abdul Razak bin Dato Hussein, Perdana Menteri yang kedua, yang

bertanggungjawab membawa PAS dalam Perikatan dan kemudian BN, meninggal dunia di London semasa menjalani rawatan perubatan kerana leukemia pada 14 Januari 1976, iaitu pada ketika UMNO tidak bersedia untuk kehilangannya. Apabila krisis Barisan Nasional dengan PAS meletus setahun kemudian, orang-orang yang dikatakan memain peranan dalam mengharmonikan hubungan yang sentiasa tegang antara PAS dan UMNO telah meninggalkan pentas politik atau kurang berpengaruh; Tun Razak meninggal dunia; Dato' Asri, presiden PAS, menghadapi tentangan dalam partinya kerana menyertai Kerajaan Campuran dengan UMNO; Dato' Abdullah Ahmad, Abdullah Majid dan A. Samad Ismail (kini Tan Sri), ditahan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA atas tuduhan (yang kemudian diketahui palsu) bersimpati dengan komunis. Dato' Abdullah dan Abdullah Majid memegang jawatan Timbalan Menteri, sementara Samad menjadi Ketua Pengarang *Berita Harian* merangkap Pengarang Urusan Kumpulan *New Straits Times* yang sudah lama dikenali sebagai seorang tokoh media dan aktivis politik di belakang tabir yang memain peranan besar dalam mengatur strategi menerusi akhbar bersama-sama Dato' Abdullah dan Abdullah Majid untuk memperkukuh dan memertabatkan apa yang kemudian dipopularkan oleh Dato' Abdullah Ahmad sebagai "Ketuanan Melayu".[4] Kemasukkan PAS dalam Barisan Nasional, dimana UMNO menjadi teras kerajaan tempat seluruh orang Melayu bergantung harapan bagi masa depan politik dan ekonomi, secara otomatis dan secara langsung menobatkan tempat orang Melayu di negara mereka sejajar dan selaras dengan cita-cita, hasrat dan wawasan arus perdana orang Melayu. Tindakan ini, kalau ianya diterima oleh setengah-setengah pihak dalam UMNO dan PAS, ia juga ditolak secara senyap atau *in private* oleh pihak-pihak lain dalam kedua-dua parti Melayu tersebut, bukan kerana gagasan perpaduan Melayu itu tidak baik tetapi kerana ia boleh memperkukuhkan kedudukan seseorang atau satu-satu kumpulan yang memberi kesan untuk menjejaskan kedudukan kumpulan yang bertentangan dalam UMNO dan juga PAS.

Tun Hussein bin Onn, anak Dato' Onn Jaafar, bekas Menteri Besar Johor dan pengasas UMNO yang kemudian menjadi Presiden pertama parti itu sebelum dia keluar dan menubuhkan *Independence of Malaya Party* (IMP) kerana mahu berkongsi kuasa dengan orang bukan Melayu tetapi ditolak oleh ahli-ahli UMNO, (kemudian, setelah gagal dengan usahanya itu, menubuhkan pula Parti Negara yang menolak penyertaan orang bukan Melayu dalam kerajaan), telah menggantikan Tun Razak dalam bulan Januari 1976. Ketika dia mengambil alih kuasa kawasan-kawasan

dimana UMNO dahulunya kuat dan kukuh diresapi pengaruh PAS yang juga popular dalam perkhidmatan polis dan tentera. Selaras dengan keyakinan pemikiran arus perdana orang Melayu yang pada umumnya gelisah dan khuatir dengan pengaruh ekonomi dan politik orang bukan Melayu, maka kawasan-kawasan luar bandar yang termasuk dalam rancangan pembukaan tanah dibawah pentadbiran Felda perlahan-lahan menjadi sarang pembiakan fahaman dan perjuangan PAS. Untuk melembutkan puak radikal yang menentang beliau dalam PAS kerana menyertai Barisan, maka Presidennya, Dato' Haji Mohd Asri bin Haji Muda tidak membuang masa mengambil peluang dengan kedudukannya sebagai Menteri Kemajuan Tanah, untuk memperluaskan pengaruh PAS di kawasan-kawasan dimana undi Melayu menjadi faktor penentu dalam pilihanraya dan dimana dia didapati popular.

Persaingan pengaruh dan ideologi yang sengit antara UMNO dan PAS di kubu-kubu orang Melayu, seperti di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis dan bahkan di Perak, Pahang dan Selangor, diwarisi dan ditanggung oleh Tun Hussein apabila dia menjadi pengganti Tun Razak dalam tahun 1976. Kejayaan pentadbiran Tun Razak membawa masuk PAS ke dalam Barisan, walaupun nampak dialu-alu dan diterima pada zahirnya, namun sudah tentu menimbulkan perasaan cemburu tokoh-tokoh veteran UMNO, seperti Dato' Senu bin Abdul Rahman (kemudian Tan Sri dan Allahyarham), Tan Sri Mohd. Khir bin Johari, Tan Sri Syed Jaafar Albar (Allahyarham), Tan Sri Hamzah bin Abu Samah, Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Allahyarham), Dato' Harun bin Idris, Tun Datu Mustapha bin Datu Harun (Allahyarham) dan ramai lagi yang dikenali rapat dengan Tengku Abdul Rahman Putera, Perdana Menteri yang pertama. Mereka ini – puak veteran – menganggap Tengku lebih mudah untuk mendapat konsesi jika dituntut, dirayu dan bahkan ditangisi, berbanding dengan Tun Razak yang tegas untuk mengelak puak veteran ini daripada dimanjakan terlalu lama.[5] Kemasukan PAS dalam Barisan bermakna kedudukan Tun Razak dan para penasihatnya akan lebih kukuh dan terjamin tetapi ini juga bermakna peluang tokoh-tokoh veteran UMNO untuk mencapai cita-cita mereka sukar dilaksana, sementelah mereka sedar proses untuk menggantikan peranan mereka dengan tokoh-tokoh muda telah bermula.[6]

Sementara kemasukan PAS dalam Barisan memberi sebab kepada para perencana strategi politik untuk merayakan kejayaan, namun dalam kalangan mereka sudah tentu ada yang menganggap masanya telah tiba untuk bertindak selangkah lagi supaya "yang menang pasti mendapat

semua" dan untuk mengelak daripada usaha-usaha melemahkan pentadbiran Tun Razak dari dalam. Ketika Tun Razak meninggal dunia UMNO telahpun berpecah dua: satu kumpulan terdiri daripada tokoh-tokoh veteran UMNO yang sentimental terhadap Tengku dan yang percaya mereka akan diketepikan serta diganti dengan tokoh-tokoh yang lebih muda dan mewarisi wawasan Melayu yang kental dan tidak dicemari oleh pangkat dan kedudukan serta kuasa, dan oleh itu usaha untuk mengenepikan mereka mesti ditentang.[7] Satu kumpulan lagi ialah mereka yang mengelilingi Tun Razak dan yang menghayati cita-cita unggul untuk membina satu *nucleus* dan jaringan kuasa politik dan ekonomi orang Melayu yang mantap, tetapi tidak sempat kerana pentadbiran Hussein (1976-1981) yang tidak berwawasan dan lemah, berjaya dibolos oleh tokoh-tokoh yang menggunakan isu keselamatan dalam negeri dan kestabilan *status quo* serta pengekalan *ancient* untuk merebut kuasa dan menolak saki-baki penyokong-penyokong Razak yang setia.

Dalam tahun 1976 proses undang-undang untuk mengadili Dato' Harun Idris, bersabit dengan kes rasuah, sebagai susulan dari tindakan pentadbiran Razak dalam tahun 1975, sedang bermula. Kes ini menyebabkan Hussein tidak popular di kalangan para penyokong Harun yang disanjung sebagai pembela dan tempat tumpuan orang Melayu dalam peristiwa tragedi 13 Mei 1969. Di Sabah, Ketua Menterinya, Tun Datu Mustapha bin Datu Harun, dikenali sebagai penentang terbuka arahan Tun Razak selepas pilihanraya umum 1974 supaya dia melepaskan jawatan Ketua Menteri dan memegang jawatan Menteri Pertahanan.[8] Kerana kuasa dan kekayaannya dia mempunyai pengaruh di Malaysia di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO yang mengharapkan sokongan mereka kepadanya dibalas. Tun Mustapha menjadi "duri dalam daging" Barisan Nasional dan Kerajaan Pusat kerana rekodnya yang menuntut agar hak dan hasil carigali minyak, seperti balak, diletakkan di bawah kuasa negeri sepenuhnya. Mustapha bercita-cita untuk menguasai dan memerintah Sabah sebagai seorang diktator. Bahkan dia hampir berjaya menjadi Sultan Sulu ditakdirkan dia berjaya mengeluarkan Sabah daripada Malaysia. Namun, dia berjaya memiliki kediaman rasmi yang besar, sebuah kapal terbang Boeing 707, dua buah jet eksekutif Grumman dan seorang isteri bangsa kulit putih dari Queensland, Australia. Ketika dia berada di luar negeri berbulan-bulan tugas mentadbir Sabah diserah kepada Dato' Syed Kechik,[9] seorang ahli UMNO dari Kedah and Pengarah Yayasan Sabah yang akhirnya terpaksa berpatah arang dengan Mustapha yang berpunca daripada isu untuk mencantumkan Yayasan

Sabah dengan syarikat-syarikat kepunyaan Haris Salleh.[10] Ketika Mustapha menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada awal 1990an, setelah terpisah daripada kuasa dan kekayaan dia menjadi seorang yang telah banyak berubah dan pernah berbual dengan penulis ini di rumahnya di Petaling Jaya tentang kekeciwaannya dengan kepimpinan UMNO, politik Sabah dan keluarganya. Dia juga menceritakan tentang pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri yang "tiada siapa yang mengambil tahu".

Masalah yang ditanggung oleh Tun Hussein Onn berganda kerana dia dianggap sebagai seorang Perdana Menteri yang tidak cekap. Kesihatannya yang dikatakan tidak begitu baik menyebabkan keputusan dan penyelesaian yang dibuat dalam pentadbiran kerajaan dan partinya tidak menyenangkan banyak pihak. Perlu disebut semula bahwa satu peristiwa besar dalam parti itu dan kerajaan yang hampir-hampir membawa kepada perpecahan serius dalam UMNO ialah keputusan Tun Hussein untuk menahan Dato' Abdullah, Abdullah Majid dan Samad dibawah ISA dalam tahun 1976 dengan semata-mata bergantung kepada sumber UMNO yang berkepentingan dan maklumat yang dibekalkan oleh Singapura, dimana Perdana Menteri Lee Kuan Yew (kini Menteri Kanan) diketahui mempunyai motif untuk "mengenakan" *(fix)* dan memalukan Malaysia supaya pimpinan Melayu dalam UMNO kacau-bilau dan tidak stabil. Ia juga mungkin menjadi motif Lee untuk menarik perhatian pelabur asing terhadap "ketidak-stabilan politik" di Malaysia. Lee dan Samad Ismail adalah pengasas PAP, parti yang memerintah Singapura hari ini. Dengan Samad berada di Malaysia dan dianggap mengancam kestabilan republik itu dibawah pimpinan Lee kerana sahabat-sahabat Samad dalam PAP, seperti Devan Nair, dan tokoh-tokoh akhbar *Berita Harian* Singapura dikhuatiri akan menjalin semula hubungan lama dengan Samad, yang akan memberi kesan negatif kepada politik republik itu selagi Lee memerintah Singapura, maka kebimbangan Lee menjadi semakin nyata. Dalam PAP Samad dan Lee bermusuhan. Apabila Samad berhijrah dan aktif di Malaysia, Lee dikatakan amat bimbang Samad akan mempengaruhi Tun Razak terhadap politik dan kewibawaannya (Lee). Harold Crouch berpendapat:

> *Samad had been one of Lee Kuan Yew's enemies in the PAP in the 1950s, and his influence on Tun Razak had been a constant worry for the Singapore Prime Minister.*[11]

Tindakan Tun Hussein juga diketahui sebagai didorong oleh Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Dalam Negeri, yang dipercayai menyimpan cita-cita besar dalam politik. Di zaman Tun Razak, Ghazali diberi liputan akhbar atau *coverage* yang besar dalam akhbar-akhbar yang dipimpin oleh Samad dan juga Kumpulan *Utusan Melayu* yang dipimpin oleh sahabatnya, Melan Abdullah, sebagai usaha yang dirancang rapi dengan Jabatan Perdana Menteri untuk menaikkan imej Tun Razak di dalam dan luar negeri. Tun Razak juga sedang memperkenalkan dasar-dasar baru kerajaan yang kurang popular di kalangan orang bukan Melayu dan tokoh-tokoh veteran UMNO, yang mempunyai hubungan sentimental dengan Tengku. Masyarakat bukan Melayu, khususnya tokoh-tokoh perniagaan, mempunyai ikatan *patronage* di kalangan tokoh-tokoh veteran UMNO yang sealiran dengan Tengku. Mereka — tokoh-tokoh veteran UMNO dan peniaga-peniaga Cina yang kaya – mempunyai kepentingan dalam pentadbiran kerajaan dan pimpinan UMNO yang lemah dan diketahui sering berkompromi dengan pemimpin-pemimpin MCA. Stail Tengku yang dipengaruhi serta diwarnai oleh peraturan politik tahun 1950an dan 1960an bertentangan dengan stail Tun Razak yang telah dicorakkan oleh sentimen *post-1969* dan semangat 'Dilema Melayu' karangan Dr. Mahathir.

KOMUNIS DALAM UMNO

Dalam UMNO Ghazali, Menteri Dalam Negeri, bukanlah seorang yang popular. Selain pengalamannya dalam kerajaan dan seorang pemikir, dia dianggap perlu berada dalam kabinet ketika itu untuk mewakili birokrasi, iaitu hasil dari amalan tradisi atau amalan lama dalam kerajaan yang melantik menteri-menteri kabinet menerusi perlantikan senator dan kemudian diberi peluang bertanding di kawasan parlimen sekiranya masih dianggap berguna kepada parti atau kerajaan. Pada pandangan Tun Hussein, kejayaan Ghazali menangani halehwal keselamatan dalam negeri di zaman Tun Razak wajar dibalas apabila dia (Hussein) dikatakan menguji pendapat umum, dan kemudian ditentang, untuk melantik Ghazali sebagai Timbalan Perdana Menteri setelah Tun Razak meninggal dunia pada 14 Januari 1976 dan yang demikian menolak Dr. Mahathir.[12] Dato' Abdullah Ahmad telah memberi maklumat baru tentang episod perlantikan Timbalan Perdana Menteri dalam tahun 1976. Katanya:

> *One of them was already chosen (but not announced) as the Deputy Prime Minister. Both the designated*

> *appointee and the torch-bearer made one mistake. They underrated the latent forces which were quietly mobilized, and force the choice to be rescinded paving the way for Dr. Mahathir Mohamad to assume the post in late March 1976.*[13]

Tun Hussein juga mungkin keliru dan menerima isyarat yang salah kerana beranggapan Ghazali adalah di antara tokoh *inner circle* dalam pentadbiran Tun Razak.[14] Hussein sebenarnya tidak tergolong dalam kumpulan ini, walaupun dia adalah ipar Tun Razak menerusi perkahwinannya dan perkahwinan Hussein dengan anak-anak perempuan Tan Sri Mohd. Noh. Ghazali dan Razak kedua-duanya berasal dari Pahang dan lama bergerak dalam politik Pahang, bahkan dalam birokrasi, berdasarkan pengalaman dan kepakaran Ghazali. Tetapi dalam tahun 1970an Ghazali juga, kerana perubahan dalam UMNO dan peluang-peluang baru yang timbul, memajukan ambisi peribadi dan kemampuannya. Dalam tahun 1976 usia Tun Hussein dalam UMNO adalah baru kerana dia masuk UMNO semula selepas berada dalam IMP dan Parti Negara bersama bapanya, Dato' Onn Jaafar, hanya dalam tahun 1968. Jika tidak kerana Tun Razak tempatnya akan menjadi hak orang lain selepas kematian Tun Ismail dalam tahun 1973. Dorongan untuk menaik dan mengembangkan kemampuan Tun Hussein sudah pasti datang dari Tun Razak sendiri selepas orang yang lebih berkebolehan, iaitu Tun Ismail, meninggal dunia.[15]

Maklumat tentang hasrat Hussein untuk melantik Ghazali dan bukan salah seorang daripada Naib Presiden UMNO tahun 1976, yang dipilih dalam Perhimpunan Agung UMNO 1975, iaitu Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dr. Mahathir Mohamad, sedangkan Ghazali tidak terpilih dalam pemilihan tersebut (seorang lagi yang tidak terpilih ialah Dato' Harun Idris, penentang Tun Razak), sampai kepada pengetahuan Naib-Naib Presiden berkenaan. Tun Hussein mungkin tidak dapat melantik Tengku Razaleigh, seandainya dia mahu berbuat demikian, kerana dia belum berada dalam kabinet, sementelah Tengku Razaleigh menolak dan malah mencadangkan kepada Tun Hussein supaya melantik Dr. Mahathir.[16] Tun Hussein tidak memberi keutamaan kepada Ghafar sebagai tokoh veteran dan anggota kabinet terkanan dan bahkan mendapat undi tertinggi dalam pemilihan 1975 mungkin kerana Ghafar dianggap sebagai tidak berkelayakan akademik. Tun Hussein juga mungkin mengambil kira kedudukan Ghafar yang berada dalam parti politik bertentangan, iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya

(PKMM) pimpinan Dr. Burhanuddin dan KMM pimpinan Ibrahim Yaacob, ketika ayahnya, Dato' Onn memimpin UMNO. Ghafar menyertai UMNO hanya di zaman Tengku setelah Tengku mengambil alih pimpinan parti itu daripada Dato' Onn. Sentimen lama Tun Hussein mungkin masih membara. Mengapa Dr. Mahathir tidak menjadi pilihan utamanya? Tidak ada satu jawapan yang tepat yang dapat diberi melainkan spekulasi yang mengatakan Mahathir tidak akan diterima oleh orang-orang Cina yang menganggap bukunya, *The Malay Dilemma*, bersifat anti Cina sekiranya dia dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Pandangan-pandangan Dr. Mahathir yang dikatakan keras juga mungkin menjadi perhitungan Tun Hussein mengapa dia pada mulanya tidak menjadi pilihan utama Tun Hussein. Selaras dengan para pelobi anti Mahathir yang mungkin memenuhi ruang legar rumah Tun Hussein dan mengirim telegram-telegram dan panggilan talipon yang tidak mahu Tun Hussein memilih Dr. Mahathir di saat-saat genting itu, maka Tun Hussein mengalih pandangan kepada Ghazali. Tuduhan-tuduhan "pro-komunis" puak veteran terhadap Mahathir sudah pasti banyak dan malah mudah mempengaruhi Tun Hussein yang tidak banyak *networking*, kecuali sumber Tan Sri Ghazali Shafie, dalam UMNO. Sebagai Menteri Dalam Negeri, Ghazali mempunyai banyak maklumat untuk disampaikan kepada Hussein dan sebagai Perdana Menteri Hussein memerlukan pertolongan Ghazali untuk menyelesaikan masalahnya dalam memilih orang nombor dua dalam kerajaan. Maklumat yang disediakan oleh pembantu-pembantu Ghazali dan yang disaring sendiri oleh Ghazali tentang Mahathir inilah yang mungkin mempengaruhi Hussein dalam keputusannya yang kontroversial. Pengalaman Ghazali dalam tugas-tugas *intelligence* dan perang saraf diketahui meluas dan mendalam.[17] Robert Shaplen dalam bukunya menulis:

> *The confessions of Abdul Samad, and the arrests and confessions that followed, brought out into the open some long-smoldering fights among various factions in the party, both at the national level and in several of the state organizations, some of which came into conflict with the central authority over both political and economic issues. A number of personal rivalries and animosities were also ignited. Accusations that left-wing leaders, including some of the most powerful people in the country, were consciously and purposely trying to conduct a witch hunt and to create a climate of McCarthyism were met with countercharges that*

> *the UMNO had, in fact, been infiltrated by Communists. Though the Televised Confessions seemed genuine, it was also apparent that the way they had been promoted was designed to further the political ambitions of certain UMNO leaders, particularly those of Home Affairs Minister Tan Sri Ghazali Shafie, the man in charge of security activities.*[18]

Perubahan sikap Tun Hussein terhadap Dr. Mahathir juga didasarkan kepada desas-desus dalam kalangan UMNO kononnya Dr. Mahathir adalah salah seorang daripada kumpulan "sosialis-komunis" yang sealiran dan seideologi dengan Samad, Abdullah Ahmad dan Musa Hitam. Menurut Harold Crouch, Ghazali "membalas dendam" terhadap Dato' Abdullah dan Tan Sri Samad apabila Tun Hussein akhirnya tidak jadi melantiknya sebagai Timbalan Perdana Menteri :

> *Ghazali.....blamed Samad's group for persuading Hussein not to appoint him as deputy prime minister.*[19]

Dalam tulisannya yang terbaru Dato' Abdullah Ahmad mengaku adanya kumpulan yang mempengaruhi Tun Hussein supaya tidak meneruskan dengan keputusannya untuk mengumumkan perlantikan Ghazali sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Dalam kalangan UMNO terdapat versi tentang peranan Dato' Abdullah Ahmad "menyelamatkan" UMNO daripada terjatuh ke tangan Ghazali Shafie apabila dia menguruskan pertemuan antara Ghafar, Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir untuk memberi "kata-dua" kepada Tun Hussein akibat yang akan menimpa UMNO sekiranya Tun Hussein melantik Ghazali sebagai Timbalan Perdana Menteri. Seperti yang telah disebut, Tengku Razaleigh sendiri dikatakan menemui Hussein dan memintanya mengubah pendirian supaya melantik Dr. Mahathir.

Sebelum itu Ghazali, kerana "campur tangan" Abdullah Ahmad dalam ucapan Tun Razak di Perhimpunan Agung 1975 yang membawa kepada pemilihan Ghafar, Razaleigh dan Mahathir, dikatakan kecewa di atas kekalahannya sebagai calon naib presiden UMNO. Hasrat Ghazali dan beberapa orang tokoh veteran UMNO yang merasakan diri mereka diketepikan di zaman Tun Razak dan bimbang akan diketepikan di zaman Hussein, untuk memerangkap Dato' Abdullah menetas ketika ini setelah akhbar, tanpa Samad, mula mengambil pendirian baru di bawah pimpinan baru.

> *The arrrest of Samad shortly before the UMNO General Assembly in July 1976 also benefited other leaders. Ghazali, who had been badly beaten in his attempt to win a vice president post at the 1975 assembly, was congratulated by the delegates for his vigilance in detecting the "Communists" .....*
>
> *The UMNO crisis of the mid-1970-s illustrated the way in which authoritarian means were used as weapons in an intraparty struggle for powers. The Minister for Home Affairs, with the approval of the Prime Minister (Tun Hussein Onn) used ISA power to detain three UMNO leaders on the ludicrous charge that they assisted the Communists.*[20]

Ketika Tun Hussein menjalani rawatan jantung pada awal tahun 1981, Dr. Mahathir memangku jawatan Perdana Menteri. Pada bulan Julai 1981, Hussein meletakkan jawatan dan diganti dengan Dr. Mahathir. Pengaruh Ghazali berakhir dengan pengunduran Hussein. Oleh kerana Dr. Mahathir dianggap sebagai seorang pemimpin yang kontroversial dan menjadi Timbalan Perdana Menteri dalam keadaan UMNO sedang kucar-kacir, tidak stabil dan perlantikannya sendiri penuh dengan tanda-tanya serta *"was not happily received by the Chinese at first"*, dia mungkin terpaksa "memberi muka" kepada Ghazali Shafie yang menguruskan, dengan persetujuan Hussein, "pengakuan pemulihan" Tan Sri Samad Ismail sebelum dibebaskan, walaupun tindakan dan keputusan membebaskannya seharusnya dirundingkan di antara Dr. Mahathir dengan Perdana Menteri dan walaupun Samad tidak dibebaskan, sehingga Hussein berundur dalam tahun 1981. Dr. Mahathir, menurut sumber-sumber UMNO, sememangnya dari dahulu lagi tidak percaya Samad, Dato' Abdullah dan Abdullah Majid sebagai komunis.[21] Dia cuba meyakinkan Tun Hussein tetapi Hussein tetap dengan pendiriannya dan bahkan puak veteran yang kini, ketika dia (Mahathir) menjadi Timbalan Perdana Menteri, menganggapnya sebagai halangan dan ancaman kepada puak mereka, telah membuat garis pemisah antara mereka dan Dr. Mahathir. Usaha Dr. Mahathir dengan Tun Hussein ternyata mendatangkan kesan buruk kepada dirinya sendiri. Kata Dr. Crouch:

> *And despite his rightist reputation, he adopted moderate positions on most issues. For example, he opposed the rash of arrests and the television confessions of the two*

> *deputy ministers and other alleged Communists, which led to his being criticized by some of the leaders of the right.*[22]

Seorang lagi tokoh UMNO yang kurang dikenali ketika itu tetapi telah lama rapat dengan Hussein yang cuba meyakinkannya ialah Tun Daim Zainuddin :

> *Daim also pleaded for Dollah Ahmad who had been detained on the charge of being involved in a communist conspiracy when he was a Deputy Minister in the PM's Department as Daim was of the view that the charge against Dollah was untenable.*[23]

Beberapa minggu selepas pembebasan Samad dalam tahun 1981, Abdullah Majid dibebaskan. Selepas melantik Dato' Musa Hitam (kini Tan Sri) sebagai Menteri Dalam Negeri menggantikan Ghazali, Dato' Abdullah Ahmad dibebaskan.[24] Turut dibebaskan tanpa syarat ialah Kassim Ahmad, Pengerusi PSRM dan dua orang ahli DAP. Tetapi Ghazali Shafie mengambil risiko menggunakan senjata terakhirnya terhadap Dr. Mahathir sebelum berundur. Dia menangkap Siddiq Ghouse, Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri.

> *As a parting shot, however, three days before Mahathir took office, Ghazali arrested his political secretary, Siddiq Mohamed Ghouse, who was alleged to be an agent for the Soviet KGB. Despite the serious nature of the charge he was never tried and was released in 1984.*[25]

Mungkin sebagai membalas secara halus tindakan Ghazali yang ingin memalukan Dr. Mahathir, tiga orang yang dikatakan "komunis" oleh Kementerian Dalam Negeri di bawah pimpinan Ghazali bukan saja dipulihkan oleh Dr. Mahathir, bahkan diberi kedudukan yang berpengaruh selepas dibebaskan. Samad dilantik sebagai Penasihat Jabatan Pengarang Kumpulan *New Straits Times* – satu jawatan yang lebih besar daripada ketika dia ditahan dalam tahun 1976; Dato' Abdullah Ahmad menjadi Pengerusi SPK dan, selepas lulus dengan ijazah Sarjana di Cambridge, dipilih semula ke Parlimen dalam tahun 1986, sementara Abdullah Majid diterima semula dalam UMNO dan bertugas dengan DBP.

MOSCOW NORODNY BANK

Di zaman Tun Razak dan Tun Hussein peranan yang dimainkan oleh beberapa orang tokoh UMNO ketika Tengku menjadi Perdana Menteri telah berubah. Stail pentadbiran Tun Razak dan para pemimpin muda UMNO yang kurang berpengaruh di zaman Tengku mulai memberi kesan kepada "tokoh-tokoh lama" ketika Tun Razak memerintah. Tun Razak tidak pernah berundur atau diundurkan walaupun sehari daripada jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Ketua Menteri Malaya (kemudian Timbalan Perdana Menteri Malaysia) sejak 1955 dan selepas merdeka sehingga 1970, iaitu selama 15 tahun. Dalam tempoh tersebut, sebagai Timbalan Perdana Menteri, Tun Razak didampingi oleh ramai pegawai-pegawai kerajaan dan politik yang masih muda. Tun pula mentadbir secara proxi dan delegasi kuasa. Peranan yang dimainkan oleh mereka dalam tahun 1960an, terutama ketika penubuhan Malaysia, konfrontasi dengan Indonesia, sengketa dengan Singapura, pengalaman-pengalaman dalam hal-ehwal antarabangsa bersabit dengan isu Indochina dan Afro-Asia serta ASEAN telah mematangkan mereka dan malah dari masa ke semasa dibina dalam media massa kerajaan sebagai "tokoh-tokoh masa depan". Di zaman pentadbiran Tun Razak, tokoh-tokoh "order lama" seperti Syed Jaafar Albar, Syed Nasir Ismail, Datuk Harun Idris, Datuk Senu Abdul Rahman, Mohd. Khir Johari dan malah Ghazali Shafie, bukan sahaja dianggap sebagai penghalang kepada wawasan Tun Razak yang dirangka oleh para penasihat beliau. Puak veteran dapat mengesan usaha-usaha untuk mengenepikan mereka. Ramai juga diantara mereka telah kaya raya dengan tiket UMNO dan menganggap pengunduran mereka akan menjejaskan kedudukan mereka dalam parti dan kerjaya yang telah mereka capai. Salah seorang daripada mereka ini disebut oleh Dato' Abdullah Ahmad, tanpa menyebut nama sebenarnya, dalam akhbar *The Sun* pada 25 Mei 1997.[26] Dalam politik, wang dan kedudukan dikaitkan dengan status sosial. Di zaman Tun Razak terdapat toloh-tokoh UMNO yang menganggap kereta kerajaan yang diberi kepada mereka kerana jawatan yang dipegang perlu dilengkapkan dengan bendera di kereta. Dalam parti besar seperti UMNO kadang-kala sukar diketahui perniagaan yang diceburi oleh para pemimpinnya. Namun pada akhir tahun 1976 parlimen dikejutkan dengan kedudukan Syed Jaafar Albar dan Senu sebagai pengarah dalam sebuah syarikat perkapalan, *Great Malaysian Line*, dan hubungan syarikat ini dengan sebuah bank komunis di Singapura, iaitu *Moscow Norodny Bank*.

Isu ini timbul di mahkamah Singapura dalam bulan yang sama Samad Ismail membuat "pengakuan". *Mobil Oil Malaysia* menyaman *Moscow Norodny Bank* untuk mendapatkan bayaran yang dijamin oleh *Moscow Norodny* kepada Mobil kerana membekalkan minyak kepada *Great Malaysian Line*. Pada ketika itu bayaran yang menjadi pertelingkahan ialah US$98,400 (sekarang RM 246,000). Pada masa yang sama syarikat berkenaan dikatakan berhutang dengan *Mobil* sebanyak RM1.5 juta. Jaafar Albar dan Senu adalah pengarah-pengarah syarikat tersebut yang mendapat kemudahan pinjaman daripada bank komunis itu yang berpejabat di Singapura. Menurut rekod pendaftar syarikat, Jaafar Albar dan Senu kedua-duanya mempunyai saham sejumlah 800,000 unit bernilai RM1 satu. Syarikat kapal *Great Malaysia Line* telah mendapat kontrak Tabung Haji untuk mengambil bakal-bakal haji ke Jeddah dan ianya dikuasai oleh seorang usahawan Hong Kong yang terkenal, Eddie Wong Wing-cheung dan keluarganya menerusi syarikat *Ta Hing* (Hong Kong) dan *Fir Line*, sebuah syarikat Liberia yang mempunyai alamat berdaftar di New York. *Ta Hing* dan *Fir Line* menguasai 60% daripada saham *Great Malaysia Line*. Menurut Syed Jaafar Albar :

> *We do business like 100 other companies. So many companies get Russian Funds. That does not mean we like the communists.*[27]

Seperti yang telah disebut, di zaman pentadbiran Tun Razak kegiatan untuk mengumpul kekayaan dan mencari pengaruh oleh setengah-setengah pemimpinnya menerusi UMNO telah dapat dicium oleh para penasihat beliau. Kepada pemimpin-pemimpin veteran yang terlibat mungkin minyak dan air tidak bercampur, tetapi sebaliknya menganggap sesuatu yang mereka tidak suka satu kesalahan dan haram jika ianya dilakukan oleh musuh-musuh politik mereka dalam UMNO dan halal kalau mereka suka dan mendapat faedah. Dalam tahun 1976 ia bergantung pihak mana yang lebih berpengaruh dan berjaya menggunakan isu untuk menundukkan lawan. Jaafar Albar, sama ada ianya berlaku secara pakatan atau tidak dengan pihak-pihak lain dalam negeri dan Singapura, telah berjaya dalam pusingan pertama itu menentang musuh-musuhnya menerusi "machination" Lee Kuan Yew dan isu komunis. Kata-kata Devan Nair mungkin penting untuk mengingatkan ahli-ahli politik tentang kealpaan dan ketidak-sempurnaan serta kesombongan manusia. Kata Nair tentang Lee:

> *Lee is gifted with a brilliant brain and an eloquent tongue. But the capricious gods omitted to equip him*

> *with the saving grace of that essential wisdom which makes for true greatness.*[28]

Dalam tahun 1976, nampaknya tidak seorang pun pemimpin UMNO, termasuk Dr. Mahathir, yang cukup berpengaruh dan berupaya memandu haluan UMNO yang terumbang ambing dalam gelombang isu komunis.

PERANAN DI BELAKANG TABIR

Episod apa yang dikenali sebagai "pengakuan tokoh-tokoh komunis" itu sebenarnya sekarang diketahui berpunca dari Singapura dan dicetuskan oleh Kerajaan negara itu di bawah pimpinan Lee Kuan Yew. Dennis Bloodworth, seorang bekas wartawan *The Observer* dan pengarang, mengaku penangkapan "Tiga Abdul" berpunca daripada Singapura. Katanya:

> *In June 1976 the Singapore Government arrested Hussin Jahidin, the Chairman of the first Trade Union Working Committee, who was by then editor of* Berita Harian, *the leading Malay paper in the island. A week afterwards the Malaysian Government picked up Samad Ismail.*[29]

Perkembangan baru ini dalam hubungan Malaysia dengan Singapura dalam isu keselamatan amat luar biasa memandangkan hubungan kedua negara yang sentiasa renggang sejak dari zaman Tengku sampai kepada era Tun Razak (1957-1976), lebih-lebih lagi ketika Singapura berada dalam Malaysia (1963-1966). Pemimpin-pemimpin Melayu Malaysia sudah lama diketahui saling tidak percaya-mempercayai dengan pemimpin-pemimpin Cina Singapura. Ketegangan, kecurigaan dan kebimbangan dalam negara sudah tentu timbul kerana khuatir negara menjadi mangsa permainan Lee Kuan Yew.

Dalam pemilihan UMNO tahun 1975 Ghazali dan Dato Harun Idris dikatakan keciwa kerana terdapat kempen yang dilakukan oleh "orang-orang di sekeliling Tun Razak" seperti, di antaranya Dato' Abdullah, Abdullah Majid, Khalil Akasah, Setiausaha Kerja UMNO, dan Abdul Samad Ismail, yang menguasai akhbar-akhbar kerajaan untuk menyingkirkan mereka daripada terpilih sebagai Ahli Majlis Tertinggi. Harun, seperti yang diketahui, pada ketika itu ialah seorang penentang Tun Razak yang terkemuka. Sebagai Ketua Pemuda dia berjaya menimbulkan suasana yang tidak tenteram dalam UMNO dengan kontroversi "parti dalam parti" dan penonjolan Pergerakan Pemuda

UMNO dibawah pimpinannya sebagai pencabar UMNO induk yang berpotensi. Stail pentadbiran Tun Razak, selepas menggantikan Tengku, dengan para pembantu beliau yang cekap dan banyak mendapat pendedahan politik disamping telah menjadi pemerhati yang lama dalam UMNO, iaitu hampir selama Tengku menjadi Perdana Menteri, dipercayai telah menyelongkar kegiatan penyalahgunaan kuasa dan pengumpulan harta dalam kerajaan dan pentadbiran parti yang menyeleweng di kalangan setengah-setengah pemimpin UMNO.

> *Like most Mentris Besar, Harun's personal wealth seemed to have grown during this period in office; so Razak ordered the government's anticorruption agency, the National Bureau of Investigation, to look into his financial affairs.*[30]

Ghazali Shafie juga beberapa lama dianggap sebagai seorang pemimpin UMNO yang "*arrogant*" yang dengan gaya dan stailnya menjadi "buah mulut" ahli-ahli UMNO. Keadaan ini sudah pasti mendorong para penasihat Tun Razak (sudah tentu atas persetujuannya) untuk memastikan tiga daripada lima orang calon ke Majlis Tertinggi – Ghafar, Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir – terpilih dalam pemilihan 1975, selaras dengan pengakuan Dato' Abdullah bahawa Tun Razak bercadang untuk merombak kabinet sekembalinya dari London pada awal 1976.[31] Keperluan Tun Razak pada masa itu ialah untuk melemahkan penentangan terhadapnya dan mengukuhkan kabinet dan parti. Ghazali dan Harun – dua daripada lima calon naib presiden dalam pemilihan UMNO 1975 – tidak menerima hakikat mereka disingkirkan. Seperti yang telah dibicarakan, maka peluang untuk Ghazali menebus kekeciwaannya timbul dalam tahun 1976 apabila berikutan "pendedahan" di Singapura, Samad ditangkap pada bulan Jun 1976. Pada bulan September "pengakuan" Samad didedahkan menerusi media massa dan pada bulan November tahun tersebut Abdullah Ahmad, yang ketika itu Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, serta Abdullah Majid, Timbalan Menteri Buruh, ditahan dibawah ISA.[32] "Pengakuan" kedua-dua Abdullah dihebahkan pada bulan Februari 1977. Harun pula tidak melepaskan peluang dan berkempen di seluruh negara dengan menuduh "UMNO diresapi komunis" dan pentadbiran kerajaan Hussein lemah walaupun masalah Harun yang sebenar ialah tuduhan rasuah yang dihadapinya. Beberapa orang anggota pemuda UMNO yang berkempen bagi pihak Harun ketika itu ada di antaranya masih aktif dalam UMNO Selangor hingga sekarang.[33] Bagaimana Kerajaan pimpinan Hussein

Onn boleh bertindak atas sumber yang dibekal dan diumpankan oleh sebuah negara luar telah menjadi persoalan kerana ia diperkatakan oleh pelbagai pihak sewaktu tokoh-tokoh akhbar dan politik Singapura, seperti Azmi Mahmud dan Hussein Jahidin, "memerangkap" Samad dan Dato' Abdullah dalam "pengakuan-pengakuan" mereka. Dalam tahun 1976, seperti yang telah disebut, UMNO berada dalam keadaan gawat. Kepimpinannya dicabar sejak 1975. PAS juga berusaha keras untuk tidak melepaskan peluang untuk melemahkan UMNO kerana para pemimpinnya yakin dengan kemaraan komunis di Indochina dengan tiori domino, penentangan Tun Mustapha terhadap Razak di Sabah dan ketidak puasaan hati penyokong-penyokong setia Tengku Abdul Rahman yang masih kekal dalam UMNO dan memegang jawatan-jawatan penting, maka para penyokong UMNO, dalam satu krisis yang besar, mungkin berpaling kepada PAS kerana "kemelayuan" dan "keislamannya", serta menganggap PAS lebih selamat dan menjadi pilihan alternatif. Dalam tahun 1975-76, masalah politik tidak berpunca daripada sengketa etnik, tetapi berpunca daripada perebutan kuasa di antara puak veteran yang mengelilingi Tengku di satu pihak, dan malah kadang-kala Tengku sendiri seolah-olah menyediakan diri untuk dipercayai sebagai pemimpin puak mereka, dan puak radikal yang diyakini oleh Tun Razak di satu pihak lagi.

Episod penting ini dalam perkembangan politik, khasnya UMNO, menunjukkan betapa lemahnya parti itu dibawah pimpinan seorang yang lemah selepas Tun Razak meninggal dunia. Bahkan kelemahannya menyebabkan dia dipergunakan oleh orang yang lebih cekap dan berambisi dalam percaturan politik kebangsaan sehingga UMNO hampir-hampir pecah dengan isu dan kontroversi "Komunis dalam UMNO". Untuk beberapa ketika, akibat episod ini, UMNO diresapi oleh pengaruh luar dan pentadbirannya menjadi mangsa "telunjuk lurus kelinking berkait" sebuah negara lain menerusi penyiaran televisyen jarak jauh, yang anihnya siarannya diterima oleh stesyen TV negara.

Di Perhimpunan Agung UMNO 1976 - selepas Tun Razak meninggal dunia – Syed Jaafar Albar telah dipilih menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dengan Dato' Hj. Suhaimi Hj. Kamaruddin sebagai timbalannya. Sejak tahun 1975, bersama-sama Dato' Harun Idris, kumpulan ini dikenali sebagai pengkritik *regime* Tun Razak dan banyak menimbulkan masalah kepada pentadbirannya. Walaupun Syed Jaafar Albar tidak berkomplot dengan Lee Kuan Yew dalam isu-isu politik di Malaysia dan malah dia sendiri dianggap oleh Lee sebagai

salah seorang tokoh "ultra" UMNO dan Albar pula menganggap Lee sebagai *chauvinist* Cina, pengumuman Singapura tentang "penglibatan" Samad dan Abdullah Ahmad dalam "komplot komunis" dalam UMNO di Malaysia dialu-alukan oleh Albar kerana "pengakuan" tersebut dapat mencapai objektifnya dan juga untuk *survival* politik bagi dirinya. Dengan ketiadaan Tun Razak selepas Januari 1976, saki-baki pengaruh bekas Perdana Menteri itu perlu dikikis. Hasrat kumpulan ini berkebetulan bercantum dengan apa yang kemudian difahamkan sebagai cita-cita Ghazali Shafie, walaupun diantara dua puak ini terdapat perbezaan yang jauh; Albar, Harun Idris dan Suhaimi serta Syed Nasir Ismail dan selebihnya mewakili golongan pro-Melayu yang dikaitkan dengan *regime* konservatif, seperti Tengku dan Senu, sementara Ghazali Shafie mewakili elit Melayu yang *flamboyant* dan sekular. Namun, dalam tahun 1975-76 konflik dalam UMNO bukanlah tentang pertentangan sistem nilai secara mutlak, tetapi tentang perebutan kuasa yang berkait dengan kepentingan dan cita-cita peribadi, khususnya di kalangan puak veteran yang mewarisi stail pemerintahan Tengku. Isu-isu tentang kemelayuan, kelangsungan kuasa politik dan hak ekonomi kepada orang Melayu telah diperkukuhkan oleh Tun Razak dan dilaksanakan oleh Tun Hussein. Yang demikian kesemua ini hampir menjadi *non-issue*.

Selepas 10 tahun dibebaskan, dalam tahun 1986 Samad, Abdullah Ahmad dan Abdullah Majid membetulkan rekod mereka dalam politik. Menurut mereka, para penyiasat *(interrogators)* dalam Kementerian Dalam Negeri berusaha keras untuk mendapat pengakuan mereka tentang apa yang disifatkan sebagai penglibatan Dr. Mahathir dalam kegiatan pro-Komunis. Syed Husin Ali, Presiden PSRM, juga mengaku dia dipaksa oleh para penyiasatnya *(interrogators)* supaya membuat pengakuan bahawa dia adalah orang perantaraan di antara gerakan komunis bawah tanah di satu pihak dan Dr. Mahathir serta Tan Sri Musa Hitam di satu pihak lagi. Kata Syed Husin :

> *They also wanted me to admit that I was the middle-man between the communist underground and Dr. Mahathir Mohamad and Musa Hitam .... There were people who were bent on becoming Prime Minister and wanted to "fix" Mahathir and Musa. The groups who were bent on kicking Mahathir and Musa out had used the communist bogey. They accused Mahathir and Musa of not only being socialist but of co-operating with the*

> *communists. When I was freed later, I was told that these groups had wanted to force A. Samad Ismail to implicate Mahathir and Musa too.*[35]

Kekecohan mengenai isu "komunis dalam UMNO" dalam tahun 1976 menunjukkan Tun Hussein, sementelah kesihatannya terganggu, tidak mampu menangani dan menyelesaikan masalah dalaman yang dikejutkan oleh Singapura yang diyakini ramai sebagai permainan "bunga api politik" Lee Kuan Yew.[36] Ia juga menunjukkan betapa tidak mendalamnya pemahaman Tun Hussein tentang politik kerana pengalamannya yang amat terhad dan kurangnya penglibatan di setiap strata birokrasi dan politik ketika dia diberi pendedahan di zaman Tengku dan Tun Razak. Tun Hussein amat dikenali sebagai seorang yang amat teliti serta tertib - *punctilious and prissy*. Akan tetapi, kelemahan Tun Hussein juga amat nyata.

> *Hussein proved a more complicated personality. A somewhat impatient and testy man, who looked and acted like a schoolmaster, he was given to private brooding; he made most decisions by himself, or only after secret consultations with a few members of his staff. He was almost completely inaccessible to the press, though his public appearance, both in Malaysia and out, were invariably impressive. A heart condition requiring him to rest as much as possible exacerbated his natural reclusiveness.*[37]

Keadaan dalam UMNO yang masih belum pulih selepas dia menggantikan Tun Razak mendorong golongan veteran untuk terus memberi masalah kepada Hussein. Albar dan Harun Idris terus-menerus menggunakan isu komunis untuk memerangkap musuh-musuh mereka. Suasana tegang menjadi tenang sedikit selepas Albar meninggal dunia dalam tahun 1977. Dalam bulan September 1978, apabila pemilihan agung UMNO diadakan, Hussein ditentang oleh Sulaiman Palestin (kini Allahyarham) seorang veteran UMNO yang dikenali sebagai penyokong Harun Idris dan Albar. Walaupun Hussein menang dengan 898 undi, sementara Sulaiman mendapat 250 undi, pertandingan tersebut menjejaskan namanya. Harun, yang pernah mengkritik pentadbirannya dalam tahun 1976-77 dan dipecat daripada UMNO dan jawatan Ketua Pemuda, kemudian menang dan berjaya ke Majlis Tertinggi. Pemilihan Harun ke Majlis Tertinggi sudah tentu satu tamparan kepada Hussein kerana Harun menang walaupun dia berada dalam Penjara Pudu. Tamparan

kepada Hussein berlipat ganda kerana kemenangan Harun seolah-olah cabaran terbuka anggota UMNO terhadap keputusannya yang telah membawa Harun ke mahkamah. Seperti yang telah disebut, sementara puak Harun dan puak Ghazali Shafie boleh bertemasya diatas penangkapan "Tiga Abdul", ia tidak bermakna mereka sealiran dalam perebutan kuasa di zaman Tun Hussein. Menurut Harold Crouch, krisis UMNO ini membuktikan bagaimana kekerasan digunakan sebagai senjata untuk merebut kuasa dan ini digunakan sepenuhnya oleh Tan Sri Gahzali untuk menangkap tokoh-tokoh UMNO atas tuduhan pro-komunis.

> *The UMNO crisis of the mid-1970s illustrated the way in which authoritarian means were used as weapons in an intraparty struggle for power. The minister for home affairs, with the approval of the prime minister, used ISA power to detain three UMNO leaders on the ludicrous charge that they assisted the Communists. Not only were they detained for more than four years but they were humiliated by being forced to make absurd confessions on television. That many of their colleagues in the government did not believe the charges was shown by their rapid rehabilitation following the change in leadership in 1981.*[38]

Ghazali, Harun dan Albar sebenarnya bukan dalam satu pasukan. Ghazali di satu pihak dan Harun serta Albar di satu pihak yang lain curiga-mencurigai antara satu sama lain. Harun dan Albar tidak mungkin mendapat sepenuhnya apa yang mereka igaukan ditakdirkan Ghazali menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri *de facto* di zaman Tun Hussein. Tan Sri Ghazali mungkin menyalahkan kumpulan "Tiga Abdul" kerana kegagalannya dalam pemilihan naib presiden UMNO 1975, tetapi untuk menolak sama sekali peranan Harun-Albar serta para penyokong mereka di atas kegagalan Ghazali dalam pemilihan tersebut sudah tentu tidak berasas.

MUSLIHAT LEE KUAN YEW

Dalam tahun 1974 lawatan Tun Razak yang bersejarah ke China mendapat liputan besar akhbar *New Straits Times* yang dipimpin oleh Samad. Lawatan Tun Razak ini dikaitkan dengan "talibarut komunis" di Jabatan Perdana Menteri dan Samad dan kononnya ia adalah bukti

penglibatan tokoh-tokoh itu dalam kegiatan pro-komunis. Lawatan Tun Razak ke China kononnya sengaja diperbesarkan untuk menunjukkan bahwa komunis telah menguasai negara dan kononnya antara Malaysia dan China telah wujud satu "jambatan komunis" yang kukuh. Tuduhan puak anti-kumpulan Samad dalam UMNO dipetik oleh *Far Eastern Economic Review*. Katanya:

> ..... *Razak's trip to Peking was reported in unrealistically glowing terms.*[39]

Tuduhan puak anti-Samad ini bersesuaian dengan kenyataan Ghazali kononnya dia telah menemui Tun Razak dalam tahun 1974 dan pernah memaklumkan kepada Perdana Menteri itu tentang bahayanya Samad sebagai seorang komunis dan kononnya Tun Razak meminta diberikan bukti. Relevan disebut bahawa ketika penangkapan Samad dibuat, Singapura sedang gawat dengan apa yang digembur-gemburkan oleh kerajaan republik itu sebagai penyusupan pengaruh komunis di kalangan pelajar.[40] Penangkapan ke atas pelajar-pelajar yang dianggap sebagai para penyokong dan yang bersimpati dengan komunis, iaitu tuduhan yang sama yang dibuat ke atas Abdullah Ahmad dan Abdulah Majid di Kuala Lumpur dan kemudian diikuti dengan "pengakuan" di kaca TV cara Singapura (*"Singapore style"*) ditentang oleh pelajar-pelajar dan ibu-bapa mangsa-mangsa tangkapan yang sedar ia adalah permainan rejim Lee Kuan Yew untuk memerintah secara diktator..

> *That the radicalisation process was far-reaching and not necessarily communist in nature was borne out by the reaction to the arrests from the remaining members of the Polytechnic student's Union. Two weeks before the televised broadcasts, the Union produced public statements anticipating the confessions by charging that the students may have been tortured. The statement read in part: "Such tortures, together with threats of harming relatives and families, can induce any innocent persons to confess. Confessions to being communist have been appearing in the newspapers and television. This may well happen to our students ..... We urge all students and members of the public to be prepared when any such confessions are extracted from our detained students and question the nature of the confessions .*[41]

Wujudnya "kerjasama" yang luar biasa antara Malaysia dan Singapura dalam hal ehwal keselamatan kedua buah negara diakui sendiri oleh Ghazali Shafie.

> *The Malaysian Minister for Home Affairs, Tan Sri Ghazali Shafie, was also recently stressed during the Samad Ismail Case that the Singapore and Malaysia authorities work closely together.*[42]

Malangnya, dalam kes Samad, tidak ada jawapan yang tepat atau sama ada ianya satu kes "McCarthyism" yang jelas atau *political ploy* (iaitu manipulasi politik) dan yang demikian apa yang disebut sebagai "kerjasama" Malaysia dengan Singapura oleh Ghazali adalah tidak konklusif kerana ia kemudiannya menimbulkan pelbagai soalan di Parlimen Malaysia dan Singapura mengenai kerjasama pasukan keselamatan dua negara.

> *The issue recently ptomoted questions in both Parliaments about the degree of coordination between the two countries' security forces.*[43]

Dalam "pengakuan" Samad pada 1 September 1976 dia dikatakan mengambil arahan daripada seorang anggota komunis di Jakarta yang bernama "Abdullah Sudin" sejak tahun 1957, tetapi orang yang bernama Abdullah Sudin ini tidak pernah muncul dan malah tidak diketahui asal-usulnya, kecuali dalam "pengakuan" Samad. Sehinggalah hari ini orang yang bernama Abdullah Sudin ini kekal sebagai *fiction* atau *fictitious character* yang sengaja diada-adakan oleh Samad sama ada atas suruhan dan tekanan para penderanya atau atas pilihannya sendiri kerana janji mereka (para pendera) untuk membebaskannya, tetapi tidak berlaku, selepas membuat "pengakuan".[44]

Jika Abdullah Sudin adalah satu nama ciptaan imaginasi dalam "pengakuan" Samad, seorang lagi tokoh "komunis" yang bernama "Laniaz" menimbulkan satu lagi sensasi.[45] Pada 18 September 1961, iaitu 15 tahun sebelum Samad ditangkap dan membuat "pengakuan" pada 1 September 1976, Lee Kuan Yew mendedahkan "gerakan komunis" yang bergerak di Singapura di antaranya dibawah seorang yang bernama "Laniaz". Menurut Lee, "Laniaz" ialah kawannya dalam tahun 1953 ketika mereka bergerak bersama untuk menubuhkan PAP di Singapura dan kemudian menjadi musuh ketat, seperti juga Lee dengan Devan Nair dan Devan Nair dengan Samad. Dalam "pengakuannya"

Samad kemudian dikatakan mengaku bahawa "Laniaz" ialah dirinya yang apabila ejaan tersebut dibalikkan berbunyi "Zainal".[46] Lee Kuan Yew sendiri di zaman awal penubuhan PAP menggelarkan dirinya sebagai "Fang Ping An". Seperti yang diketahui, Samad meninggalkan Singapura dalam tahun 1958 untuk menetap di Kuala Lumpur dan dilantik menjadi Ketua Pengarang *Berita Harian*.

Di antara 1955-1958 Samad mungkin sudah dapat mencium niat buruk Lee Kuan Yew yang bimbang dia akan menjadi penghalang kepada cita-citanya, iaitu Lee, untuk menjadi *diktator* di Singapura. Lee sendiri dikenali sebagai seorang "pengintip" yang menyusup dalam budaya dan masyarakat Melayu Singapura menerusi perhubungannya dengan Samad dan pemimpin-pemimpin Melayu Singapura lain, ketika dia (Lee) menjadi penasihat undang-undang kepada *Utusan Melayu* dimana Samad adalah pengarangnya.[47] Dalam tahun 1954 Samad bersama-sama Lee dan Yusoff Ishak menubuhkan PAP. Yusoff Ishak kemudian dilantik oleh Lee Kuan Yew menjadi Presiden Singapura. Samad mempunyai pengaruh dalam kesatuan sekerja Singapura dan PAP.

> *Beliau mendapat sokongan yang kuat dalam parti itu, terutama di kalangan pekerja di seluruh Singapura. Hal ini menyebabkan berlaku sedikit pergeseran antara A. Samad Ismail di satu pihak dengan Lee Kuan Yew, Yusoff Ishak dan rakan-rakan di pihak yang lain.*[48]

Dalam tahun 1958, Samad, yang dituduh mirip ke politik "kiri" dalam PAP, meninggalkan parti itu berhijrah ke dalam parti "kanan" di Singapura, iaitu UMNO. Apabila Samad meninggalkan Singapura dalam tahun 1958 dia mungkin berhasrat untuk melepaskan diri daripada cengkaman kuku besi Lee Kuan Yew. Samad mungkin menganggap dia telah selamat setelah meninggalkan negaranya untuk menetap di Malaysia. Tetapi, seperti yang telah dibincangkan, pada 18 September 1961, Lee mendedahkan "tokoh komunis" yang bernama "Laniaz" yang katanya dikenali dan berjuang bersama-samanya untuk menubuhkan PAP di Singapura. Dalam tahun tersebut (1961) Lee berusaha keras untuk menjadi seorang diktator *par execellence* di Singapura dengan menjalankan intipan dan tangkapan terhadap musuh-musuh politiknya. Dia juga berjaya menggunakan Alex Josey, seorang wartawan British, untuk menyokong tindakan-tindakannya menentang orang Melayu tetapi sasarannya mestilah didahului dengan Samad. Nampaknya, "peperangan" Lee dengan Samad, seperti yang telah dinyatakan, tidak berakhir dengan pemergian Samad dari Singapura untuk menetap di

Malaysia. Lee terus memburu Samad hingga ke Kuala Lumpur. Sudah tentu, kepada Lee, Samad ialah halangan besar kepada cita-citanya dalam politik di Singapura. Menurut Dr. M. Rajakumar, bekas pemimpim Socialist Front, Lee telah lama berharap Samad ditangkap dan malah berharap *Straits Times* (Kuala Lumpur) mengenakan tekanan ke atasnya dan seterusnya memecat Samad. Kata Rajakumar:

> *One night on the train to Singapore, I met A.C. Simmons of* The Straits Times *for the first time .... He was under pressure from Singapore to sack A. Samad Ismail as they wanted him detained by the Malaysian authorities. Simmons had refused.*[49]

Kalau cerita Dr. Rajakumar telah menyingkap rancangan politik Lee Kuan Yew yang tersembunyi, maka Devan Nair, bekas Presiden Singapura dan teman politik Lee selama 30 tahun, mempunyai pandangan yang lebih menarik tentang hubungannya dengan Lee. Kata Nair pada 22 Mei 1988 selepas dia keluar dari Singapura kerana berselisih faham dengan Lee:

> *Torturing facts to yield his own bizarre interpretations of reality is the forte of Mr. Lee Kuan Yew.*[50]

Devan Nair kemudian membuka pekong Lee. Nair, yang dituduh oleh Lee sebagai pemabuk dan tidak layak menjadi Presiden republik itu, menceritakan tentang hasrat Tengku Abdul Rahman untuk menangkap Lee ketika Singapura menjadi sehahagian daripada Malaysia tetapi tidak jadi. Menurut Nair, Lee ialah orang yang tidak berperikemanusiaan. Nair membandingkan Lee dengan Tengku. Lee, kata Nair, ialah seorang yang bersikap zalim berbanding dengan Tengku. Katanya:

> *But being cast in a more humane mould, and possessed of the kind of soulcraft so totally lacking in Mr. Lee, he (Tengku) resisted all pressures to arrest Mr. Lee.*
>
> *True, Mr. Lee and his party colleagues, including myself, did ask for asylum like Mr. Seow. We never thought of it, for the good reason that the Tengku was a far cry from the incarnation of self-righteous intolerance Mr. Lee himself was to become.*[51]

Menurut Francis T. Seow, yang menjadi mangsa proses Lee menyingkir musuh-musuh politiknya, di zaman Singapura berkempen di seluruh dunia untuk mendapat sokongan dan simpati terhadap slogannya yang

popular waktu itu, iaitu "Malaysian Malaysia" (Malaysia untuk rakyat Malaysia), Lee banyak melukakan hati para pemimpin Melayu. Kata Seow:

> *I recalled three overseas trips which the prime minister and other PAP ministers made during the heady but uncertain days, when Singapore was a constituent state of the Federation of Malaysia, to countries of the Commonwealth and the Third World, to drum up support for Singapore and his concept of a Malaysian Malaysia. His international image building at the expense of the Malaysian government and its leaders upset, more particularly, the Malay ultras.*[52]

Menurut Seow lagi, Lee Kuan Yew seringkali bertelagah dengan para pemimpin Melayu di Malaysia. Dengan sikapnya yang kasar dan kurang perasaan hormat Lee melukai hati orang Melayu. Katanya:

> *In over zealously promoting Singapore's political philosophy of union with Malaysia, Lee clashed repeatedly with the federal government. Given his abrasive political style, he appeared fractious, belligerent, and insultingly intolerant and provocative in his dealings with federal ministers., which seriously offfended the sensitivity of the Malay people.*[53]

Pada 8 Julai 1988 Devan Nair menulis sepucuk "Surat Terbuka" kepada Lee Kuan Yew. Antara lain, Nair berkata Lee amat gemar membuat kesimpulan buruk terhadap orang-orang yang tidak disukainya dengan fakta yang direka atau diada-adakan.

> *But you do jump to the worst possible conclusions about people, specially if you have fallen out with them.*
>
> *The way you dramatically embellish your facts when it suits you takes some beating.*[54]

Devan Nair, bekas Presiden Singapura, dalam tindakan balasnya terhadap Lee kerana menyingkirkannya atas tuduhan palsu, mengecam Lee dengan berkata:

> *Not even the formidable intimatory apparatus of power and systematic mis-information you have assembled can forever stifle the truth.....*
>
> *Your genius for sticking labels on people does Singapore no good. The truth of things often requires the removal of the labels on them. Nowhere more so than in the brand of politics you have developed.*[55]

Sikap serta amalan Lee yang gemar meletakkan *label* di atas kepala orang-orang yang ingin disingkirkannya mendatangkan cemuhan Devan Nair. Katanya orang-orang jujur, para profesional muda yang berpotensi, yang berhasrat untuk membina idea-idea dicap oleh Lee sebagai komunis dan musuh negara. Kata Nair:

> *If our nation is to survive as a credible entity in the modern world, we need to unstick the labels you have so tirelessly fixed on people and opinions you disapprove of. Honest, educated young professionals, who had the tenacity to develop social ideas of their own, suddenly found themselves arrested and labelled* "Marxist conspirators".[56]

Penutup suratnya kepada Lee, Devan Nair membidas "*political disvalues you have come to pursue*" untuk mencapai cita-cita politik Lee.[57] Tegas Devan Nair, dalam negara yang ditadbir oleh Lee segala-galanya serba mungkin kalau kemungkinan itu bermaksud untuk membunuh kerjaya orang-orang yang dianggap oleh Lee sebagai mengancam pimpinannya. Kata Devan Nair:

> *In your system, it seems that anything goes. Members of a single family are made to bear witness against each other, not to speak of doctors bearing witness against their patients.*[58]

Akhirnya, kata Nair, "*we have not seen the end of the play. The last Act of the tragi-comedy you began has yet to be played out*".[59] Francis Seow pula menyindir Lee dengan memetik kata-kata ahli theology Dr. Reinhold Niebuhr tentang kehancuran orang-orang yang mengangkat dirinya sendiri sebagai Tuhan untuk menentukan perjalanan sejarah. Francis Seow menyebut tentang:

> *The death of evil to which individuals and communities may sink .... when they try to play the role of God to history.*[60]

Bagaimana Tun Hussein Onn boleh terlepas daripada memahami rupa bentuk perangkap Lee Kuan Yew untuk memusnahkan perpaduan di kalangan para pemimpin UMNO dalam tahun 1976, walaupun mungkin disogok oleh maklumat-maklumat "sahih" oleh Menteri Dalam Negeri, kini hanya spekulasi dan bahan akademik. Tetapi ia tetap menunjukkan betapa teruknya ketahanan dalaman negara dan betapa lemah dan merosotnya *national pride* negara yang dipimpin oleh orang-orang Melayu semasa Hussein memerintah. Berbanding dengan zaman Konfrontasi Indonesia dan kontroversi tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam tahun 1960an, maka tahap ketahanan dalam negara ketika menghadapi kerenah Lee Kuan Yew di zaman Tun Hussein amat memeranjatkan. Malah para pemimpin Melayu amat padu ketika menghadapi peristiwa ancaman politik Cina pada akhir 1960an yang membawa kepada tragedi 13 Mei 1969. Seperti yang telah dijelaskan, Tun Hussein menyertai semula UMNO hanya dalam tahun 1968, selepas menjadi peguam selama 5 tahun. Dia tidak terlibat dalam konfrontasi Indonesia, tidak terlibat dalam penubuhan Malaysia dan tidak terlibat dalam kemasukan dan pengeluaran Singapura dari Malaysia dan malah tidak terlibat dalam perang mulut yang berlarut-larutan diantara pemimpin-pemimpin Melayu dan Lee ketika Singapura dalam Malaysia. Hussein delantik ke Majlis Tertinggi UMNO hanya dalam bulan Jun 1969 - selepas 13 Mei. Dia menjadi Ahli Parlimen mewakili Johor Bahru Timor selepas menang pilihanraya dalam tahun itu dan pada 3 September 1970 dilantik menjadi Menteri Pelajaran.[61] Ketika Dr. Mahathir melabelkan Lee Kuan Yew sebagai "*the mad ambition of one man to see himself as the first Chinese Prime Minister of Malaysia*"[62] dalam tahun 1965, Tun Hussein tidak ada di situ dan baru saja menyertai semula UMNO. Dia diangkat menjadi Timbalan Presiden UMNO dalam tahun 1973 selepas kematian Tun Dr. Ismail. Ketika Tun Razak meninggal dunia pada 14 Januari 1976 dan terpaksa mengambil alih jawatan Perdana Menteri, Hussein sudah tentu menghadapi masalah besar. Menurut Senu Abdul Rahman, Tun Hussein tidak begitu rapat dengan para pemimpin UMNO, tidak seperti Tun Razak. Tun Hussein terpisah beberapa tahun dari UMNO selepas bapanya, Dato' Onn, meletakkan jawatan dan keluar UMNO. Kata Senu:

> *Datuk Hussein is not intimate as Tun Razak was or as close as the Tunku was with the leaders of the UMNO. This may be due to the fact that he was out of touch with the Party for several years following his and his father's resignation from UMNO.*[63]

Dalam biografinya, Tun Daim Zainuddin berpendapat Tun Hussein menunjukkan tanda-tanda ketidakcekapannya sejak menuntut ilmu undang-undang di London bersamanya. Menurut Tun Daim, Tun Hussein ialah seorang yang amat teliti, tetapi dia juga amat perlahan. Kata Daim:

> *... His problem was that he paid too much attention to details. He wanted to put in everthing. And he was slow in answering exam questions. He never finished more than three out of five questions in any paper.*[64]

Kalau ini boleh dianggap sebagai kelemahan Tun Hussein maka kelemahan ini jelas menjadi *trade mark* beliau semasa dia menangani masalah dalam UMNO selepas Tun Razak meninggal.

Tun Hussein mungkin tidak diberi maklumat secukupnya tentang latarbelakang Lee Kuan Yew yang penuh dengan "*vengeful-vendettas against foes, real or imaginary, mostly the latter*"[65] dan tidak diberi nasihat yang tepat oleh pemimpin-pemimpin UMNO tertentu tentang implikasi tindakan Perdana Menteri itu dalam jangka panjang. Penting disebut semula bahawa kesemua mereka yang Hussein penjarakan dibebaskan oleh Dr. Mahathir selang beberapa hari dia melepaskan jawatan Perdana Menteri kepada Dr. Mahathir. Semenjak itu, Samad telah menduduki semula jawatan yang dilantik dalam agensi kerajaan, menerima anugerah demi anuguerah, memberi ceramah-ceramah kepada UMNO dan terus menulis dalam akhbar. Dato' Abdullah kini dilantik menjadi Utusan Khas Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu dan giat menulis dalam akhbar *The Sun* sebagai *columnist* setiap Ahad.

Bagi Dato' Abdullah, usaha untuk memperbetulkan sejarah (kalau bukan untuk menulis semula) baru bermula apabila terbit bukunya yang kedua yang dicadangkan, *The Politics of a Thinking Realist: Tun Razak 1922-1976*, selepas bukunya yang pertama dalam tahun 1985 dahulu, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy, 1963 – 1970.*[66] Seperti katanya : "I will tell all the stories."[67]

NOTA

* Rencana ini ialah terjemahan daripada rencana asal "UMNO: Traces of Stress" yang dimuat dalam buku *Malay Politics: Competing Parties and Succession Issues*, Gateway Publishing House Sdn. Bhd., 1997. Ia dibentangkan sebagai sebuah kertas-kerja di "Seminar Ekonomi dan Politik Melayu" anjuran Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya dan Prime Events Sdn Bhd di Hilton Petaling Jaya pada 23 Mei 1997.

** Penulis ialah bekas wartawan *New Straits Times* dan bekas pensyarah di Universiti Malaya. Selepas menjadi diplomat di Kanada, beliau memasuki dunia korporat dan kemudian dilantik menjadi Setiausaha Akhbar Timbalan Perdana Menteri. Sejak tahun 1994 beliau aktif semula sebagai ahli perniagaan.

1 Lihat Carl von Vorys, *Democracy Without Consensus* (New Jersey: Princeton University Press, 1975), Chapter 5. Lihat juga surat Dr. Mahathir kepada Tengku Abdul Rahman bertarikh 17 Jun 1969.

2 Lihat tulisan penulis "Kemiskinan, Penghinaan dan Takdir Ilahi" dalam edisi baru *Ghafar Baba*, Gateway Publishing House Sdn. Bhd., 1997.

3 Terdapat juga teori yang mengatakan penyertaan PAS dalam BN dalam tahun 1973 adalah kerana cadangan kerajaan BN di bawah pimpinan Tun Abdul Razak untuk menyiasat pemimpin-pemimpin tertinggi PAS di Kelantan kerana disebut-sebut sabagai terlibat dalam rasuah dan pengambilan tanah dan kawasan balak kerajaan negeri secara haram. Lihat buku penulis *PAS PLATFORM: DEVELOPMENT AND CHANGE, 1951-1986* (Petaling Jaya: Gateway Publishing House, 1994)

4 Lihat ucapannya di Singapura dalam tahun 1986 yang disiarkan sepenuhnya dalam akhbar-akhbar tempatan. Juga lihat Abdullah Ahmad, *Issues in Malaysian Politics*, Singapore Institute of International Affairs, Occasional Paper Series No. 7, 1988. Ramai yang menganggap ucapannya "opportunistic" tetapi tidak kurang juga yang percaya betapa benar dan besarnya masalah orang Melayu di Malaysia. Yang sinis ialah mereka yang tidak mengalami sendiri kesukaran UMNO pra-1969 dalam menekankan dan mendesak hak-hak orang Melayu sebagai "definitive race". Ucapan Dato' Abdullah ini, walaupun terlewat hampir 20 tahun, namun ia penting untuk mengingatkan kaum Cina tentang *ground rules* dalam politik Malaysia.

5 Lihat Dato' Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy. 1963 - 1970* (Kuala Lumpur : Berita Publishing, 1985). Dr. Mahathir Mohamad juga berpendapat Tengku ialah seorang pemimpin yang lemah dan tidak cekap. Lihat Dr. Mahathir Mohamed, *The Malay Dilemma* (Singapore: Federal Publications, 1970).

6 Pandangan ini sering diperkatakan oleh Dato' Abdullah Ahmad kepada penulis ini dalam beberapa perbualan kami dari tahun 1984-1989. Yang paling menonjol sekali dalam perbualan-perbualan kami ialah tentang penyalahguaan kuasa dan hipokrasi puak veteran dalam UMNO. Amalan ini - penyalahgunaan kuasa dan hipokrasi kekal begitu lama kerana ia mencerminkan amalan dalam kerajaan dan di antara parti-parti politik tertentu dalam BN, seperti bersikap tolak ansur dan membiarkan yang buruk berpanjangan.

7 Dato' Abdullah mengaku secara tersirat wujudnya hasrat untuk mengenepikan 'rumput-rampai' dalam UMNO apabila dia berkata: "*Abdul Razak died less than two weeks before the announcement of a major cabinet reshuffle and restructuring of UMNO headquarters.*" Lihat Abdullah Ahmad, "Mysterious obituary writer", *The Sun*, 30 March 1997. Abdullah kini menulis setiap minggu, pada Hari Ahad, dalam *The Sun* dari New York. Akhbar *Utusan Malaysia* sekali-sekala menyiarkan rencananya yang dikirim dari New York.

8 Lihat *Straits Times*, 6 September 1974 dan Gordon P. Means, *Malaysian Potitics — The Second Generation* (Singapore: Oxford University Press, 1991), ms. 43.

9 *Ibid.*, ms. 42. Pengaruh Syed Kechik di Sabah begitu besar di belakang Tun Mustapha sehingga dia degelar "man behind the throne". Lihat Herman J. Luping,*Sabah's Dilemma: A Political History of Sabah, 1960-1994*. (Kuala Lumpur: Magnus Books, 1994), ms. 171

10 Syed Kechik menentang percantuman ini kerana Yayasan Sabah akan menjadi "ceti" kepada syarikat-syarikat Salleh yang dikatakan rugi. Mustapha pula menghadapi masalah kewangan disamping hubungannya dengan Tun Razak dan Kerajaan Pusat tegang dan berharap Haris akan menyebelahinya, tetapi Haris akhirnya menyebelahi Kerajaan Pusat.

11 Lihat Harold Crouch, *Government and Society in Malaysia* (New South Wales: Allen & Unwin, 1996) ms. 101.

12 Lihat Dato' Abdullah Ahmad, "Easter and why it's not a holiday anymore," *The Sun*, 13 April 1997.

13 Ibid.

14 Maklumat ini diperolehi penulis sebagai seorang aktivist UMNO dan sebagai seorang penulis. Ketika menjadi wartawan*Berita Harian*, kemudian dengan*Straits Times/New Straits Times*, adakalanya penulis menjadi orang perantaraan antara Jabatan Perdana Menteri dan*New Straits Times*, terutama sekali diantara tahun 1973-1975, dan sering berinteraksi berkaitan dengan perkembangan politik UMNO dengan Dato' Abdullah Ahmad dan Tan Sri A. Samad Ismail.

15 Dalam tahun 1973 penulis ditugaskan ke rumah Tun Ismail untuk membuat liputan kematiannya dalam akhbar.

16 Perbualan Penulis dengan Tengku Razaleigh di kediamannya di Jalan Langgak Golf pada 13 Disember 1996.

17 Untuk peranannya dalam tragedi 13 Mei 1969, lihat Karl von Vorys, *Democracy Without Consensus*, *op. cit.* Tan Sri Ghazali juga memain peranan penting dalam konfrontasi Indonesia dan persidangan-persidangan Maphilindo.

18 Lihat Robert Shaplen, *A Turning Wheel - Thirty Years of the Asian Revolution* (London: Andre Deutch, 1979), ms. 152.

19 *Ibid*

20 Lihat Harold Crouch, op.cit., ms. 103-104

21 Lihat Robert Shaplen, op.cit., ms. 156.

22 *Op. cit*

23 Lihat Cheong Mei Sui & Adibah Amin, *Daim – The Man Behind The Enigma* (Petaling Jaya: Peladuk Publications, 1995) ms. 24.

24 Dato' Abdullah memberitahu penulis ini jika tidak kerana Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, dia akan mati dalam penjara kerana musuh-musuhnya dalam UMNO ingin melihat dia mati, terutama Ghazali. Tempoh selama 5 tahun dalam tahanan menunjukkan tiada harapan untuk Abdullah dibebaskan selagi Hussein memerintah. Ini akan menjadi kenyataan lebih-lebih lagi ditakdirkan Ghazali menjadi Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya menjadi Perdana Menteri selepas Hussein.

25 Lihat Harold Crouch, *op-cit.*, ms. 103.

26 Lihat "Notes from UN," *The Sun*, 25 Mei 1997.

27 Lihat *Review*, 19 November 1976.

28 Lihat Francis Seow, (Forward), *To Catch A Tartar: A Dissident in Lee Kuan Yew's Prison* (Southeast Asian Studies, Yale University, 1994).

29 Lihat Dennis Bloodworth, *The Tiger and the Trojan Horse* (Singapore: Times Books International, 1986) ms. 329.

30 Lihat Harold Crouch, *op. cit.*, ms. 100.

31 Lihat Abdullah Ahmad, "The Mysterious Obituary Writer", *op.cit.*

32 Beberapa hari sebelum itu penulis ini membuat pertemuan dengan Dato' Abdullah dekat Jalan Peel untuk makan nasi kandar di situ. Dalam perjumpaan ini dia berkata kepada penulis ini yang dia akan di tangkap dan menasihatkan penulis supaya meninggalkan negeri kerana penulis ini juga akan disiasat selepas dia ditangkap. Berpandukan nasihatnya, saya meniggalkan Kuala Lumpur menuju ke London dan setibanya saya di London, wakil *New Straits Times* di Fleet Street memberi tahu saya Dato' Abdullah telah

ditahan dibawah ISA. Sebelum berlepas ke London pada bulan November 1976, penulis disiasat kerana hubungannya dengan Samad dan Dato' Abdullah dan juga kerana bukunya *Kelantan: Politik Dan Dilema Pembangunan*yang diterbitkan oleh Utusan Publications dalam tahun 1975 dan juga ucapan Dato' Abdullah di Sekolah Menengah Kamil, Pasir Puteh, Kelantan serta di Universiti Malaya.

33 Mereka ini diketahui telah meminta maaf kepada Tan Sri A. Samad Ismail dan keluarganya tidak lama selepas peristiwa pengakuan Samad.

34 Menurut satu sumber UMNO, penyertaan Dr. Mahathir, Tan Sri Musa, Dato' Abdullah dan Samad dalam Persidangan Afro-Asia yang menggabungkan negara-negara pro-demokrasi, sosialis dan komunis di Afrika dalam tahun 1960an digunakan sebagai bukti kononnya puak radikal dalam UMNO ini dipengaruhi komunis. Dato' Abdullah Ahmad juga menyebut semula penyertaan kumpulan ini di persidangan tersebut dalam "Notes from UN" dalam *The Sun*.

35 Lihat Syed Hussein Ali, "A Genuine Nationalist" dalam Cheah Boon Kheng (ed.),*A. Samad Ismail: Journalism and Politics* (Kuala Lumpur: Singamal Publishing Bureau, 1987) ms. 47. Juga lihat *ibid., Two Faces - Detention Without Trial* (Kuala Lumpur: INSAN, 1996).

36 Lihat Robert Shaplen, *op.cit.*, ms. 151

37 Ibid., ms. 156.

38 Lihat Harold Crouch, *op.cit.*, ms. 104.

39 Lihat Harvey Stockwin, "A back-burner problem", *Far Eastern Economic Review*, 1 Oktober 1976.

40 Ibid., "Transcending all Races", *Review*, 17 September 1976

41 Lihat Ho Kwon Ping, "Singapore Students: End of the Lesson", *Review*, 17 September 1976.

42 Lihat *Review*, 17 September 1976.

43 *Ibid*

44 Lihat K. Das, "Malaysia's Samad: I did it my way", *Review*, 17 September 1976.

45 *Ibid.*

46 Lihat A. Samad Ismail, *Memoir A. Samad Ismail di Singapura* (Bangi: Penerbit UKM, 1993), ms. 251

47 Lihat "Introduction", dalam Cheah Boon Kheng (ed.), *A. Samad Ismail : Journalism and Politics* (Kuala Lumpur: Singamal Publishing Bureau, 1987) dan A. Karim Haji Abdullah (ed.) *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (Kuala Lumpur: DBP, 1991).

48 Lihat A. Karim Haji Abdullah, *ibid.*, ms. 26

49 Lihat Cheah Boon Kheng, *op.cit.*, ms. 41.

50 Lihat Francis T. Seow, *op.cit.*, ms. 181.

51 *Ibid.*

52 *Ibid.*, ms. 182-183.

53 *Ibid.*, ms. 4-5.

54 *Ibid.*, ms. 277.

55 *Ibid.*, ms. 280

56 *Ibid.*

57 *Ibid.*, ms. 281.

58 *Ibid.*, ms. 282

59 *Ibid.*

60 *Ibid.*, ms. 256.

61 Lihat J. Victor Morais, *Hussein Onn: A Tryst with Destiny* (Singapore: Times Books International, 1981).

62 Lihat Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism – An Intellectual Bigraphy of Mahathir Mohamad*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995), ms. 20.

63 Lihat J. Victor Morais, *op.cit.*, ms. 89.

64 Lihat Cheong Mei Sui & Adibah Amin, *Daim – The Man Behind the Enigma*, *op.cit.*, ms. 10.

65 Lihat Francis Seow, (Forward), *op. cit.*

66 Lihat Abdullah Ahmad, "Mysterious Obituary Writer", *op. cit.*

67 *Ibid.*

BIBLIOGRAFI

Abdullah Ahmad, *Issues in Malaysian Politics*, Singapore Institute of International Affairs, Occasional Paper Series No. 7, 1988.

_____, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy, 1963-1970*, Berita Publishing, 1985.

_____, "Mysterious Obituary Writer", *The Sun*, 30 Mac 1997.

A. Karim Hj. Abdullah (ed.), *A. Samad Ismail*: Ketokohan dan Kewartawanan DBP, 1991.

Alias Mohamed, "UMNO: Traces of Stress," dalam *Malay Politics: Competing Parties and Successions Issues*, Gateway Publishing House Sdn. Bhd., 1997

_____, "Kemiskinan, Penghinaan dan Takdir Ilahi," dalam *Ghafar Baba*, Gateway Publishing House Sdn. Bhd., 1997

A. Samad Ismail, *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*, Penerbit UKM, 1993

Bloodworth, Dennis, *The Tiger and the Trojan Horse*, Times Books International, 1986

Cheong Mei Sui & Adibah Amin, Daim – *The Man Behind The Enigma*, Pelandok Publications, 1995

Crouch, Harold, *Government and Society in Malaysia*, Allen & Unwin, 1996

Francis Seow, *To Catch a Tartar: A Dissident in Lee Kuan Yew's Prison*, Southeast Asian Studies, Yale University, 1994

Ho Kwon Ping, "Singapore Students: End of The Lesson," *Review*, 17 September 1976

Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism – An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*, Oxford University Press, 1995

K. Das, "Malaysia's Samad: 'I did it my way'," *Review*, 17 September 1976

Luping, Herman J., *Sabah's Dilemma: A Political History of Sabah, 1960-1994*, Magnus Books, 1994

Means, Gordon P., *Malaysian Politics – The Second Generation*, Oxford University Press, 1991

Morais, J. Victor, *Hussein Onn – A Tryst With Destiny*, Times Book International, 1981

Stockwin, Harvey, "A Back-Burner Problem", *Far Eastern Economic Review*, 1 Oktober 1976

_____, "Transcending All Races," *Review*, 17 September 1976

Syed Husin Ali, "A Genuine Nationalist" dalam Cheah Boon Kheng (ed.), *A. Samad Ismail: Journalism and Politics*, Singamal *Publishing Bureau*, 1987

_____, *Two Faces-Detention Without Trial*, INSAN, 1996

von Vorys, Carl, *Democracy Without Consensus*, Princeton University Press, 1975

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU 9

ULAMA PONDOK DAN POLITIK KEPARTIAN DI MALAYSIA 1945-1985

MOHAMAD ABU BAKAR

PENGENALAN

Satu hakikat yang tidak begitu diketahui dengan meluas berhubung dengan perkembangan siasah di Malaysia ialah penglibatan besar, aktif dan berpanjangan ulama pondok dalam politik kepartian; sedangkan keadaan ini sudah pun wujud semenjak separuh kedua tahun empat puluhan lagi, ketika mana Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Hizbul Muslimin baru sahaja muncul, dan ia menjadi semakin ketara berikutan penubuhan Parti Islam Se Malaya (PAS) di awal lima puluhan. Di sepanjang lebih dari tiga dekad kemudiannya, mereka ini terus mempunyai kedudukan yang berpengaruh dalam arena politik tanahair, dan pada beberapa ketika sekurang-kurangnya sebuah parti terpaksa bergantung kuat nasibnya kepada mereka tersebut dalam menghadapi pilihanraya. Pada masa ini, penyertaan ulama pondok dalam politik kepartian masih boleh dikesan, sekalipun tempat mereka semakin diambil alih oleh ulama lulusan Timur Tengah atau institusi pengajian tinggi tempatan.

Tulisan ini bermaksud meninjau penglibatkan guru-guru lulusan pondok dan tuan-tuan guru pondok, atau ringkasnya ulama pondok, dalam politik kepartian pada tahun-tahun antara 1945 dengan 1985, iaitu jangka waktu yang menyaksi perkembangan pesat parti-parti dan proses pilihanraya.[1] Sehubungan ini, penumpuan akan diberikan kepada latar belakang pendidikan tokoh-tokoh berkenaan, pengajaran pondok (jika ada) yang mereka usahakan, pembabitan awal mereka dalam politik, dan seterusnya penyertaan mereka dalam politik kepartian dan aktiviti

pilihanraya. Oleh kerana ruang lingkup tinjauan ini agak luas, sama ada dari segi rangka waktu atau kawasan selidikan, maka hanya garis-garis kasar dan ciri-ciri umum sahaja yang akan ditonjolkan dalam perbincangan ini, walaupun pada tempat-tempat tertentu perbicaraan lebih terperinci, khasnya mengenai peribadi ulama pondok dan peranan mereka dalam politik pilihanraya dilakukan.

ULAMA PONDOK SEBAGAI INSTITUSI SOSIAL

Individu bisa muncul menjadi institusi sosial apabila ia berupaya berfungsi sebagai tempat rujukan secara universal, personaliti yang berjaya mendefinisikan keadaan secara agak berpanjangan, dan manujsia yang *established* pada kacamata umum, sama ada dalam satu-satu bidang atau beberapa bidang kehidupan. Kepunyaan salah satu aspek ini oleh seseorang memungkinkannya menjadi institusi, tetapi apabila kesemua aspek ini terangkum dalam kehidupannya maka dia sebenarnya adalah institusi dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Ulama pondok yang bertindak dan berinteraksi dalam masyarakat tradisional pada amnya adalah institusi sosial, dan status ini terbukti dari kedudukan dan peranan mereka, serta pengiktirafan dan penghormatan yang diberikan oleh masyarakat terhadap mereka. Pegangan mereka, khasnya yang berkaitan dengan agama, menjadi perhatian dan ikutan, komitmen mereka kepada kemajuan sosial mewarnai perjalanan masyarakat, manakala kebolehan mereka menjadi kepunyaan ramai dan sering menjadi sanjungan. Mungkin terdapat ulama pondok yang tidak sekaligus menduduki tempat seperti ini, tetapi pada umumnya mereka mempunyai status sedemikian rupa dalam masyarakat tradisi di kawasan kampung dan desa, atau di daerah pendalaman.

Kemunculan dan kehadiran ulama pondok sebagai institusi sosial pada dasar-nya berkaitan rapat dengan keilmuan mereka. Dalam konteks ini, masa belajar, tempat belajar, jumlah tempat belajar, guru yang mengajar dan siapa yang turut menjadi pelajar masing-masingnya mempunyai pengaruh ke atas kedudukan ulama pondok yang berkecimpung dalam masyarakat. Walau bagaimanapun bukanlah tidak mungkin bagi seseorang ulama pondok itu muncul sebagai tuan guru yang dihormati dan pemimpin masyarakat yang disegani sekiranya beliau tidak lama belajar, atau hanya belajar di satu atau dua tempat sahaja, atau tidak berguru dengan ulama besar atau terkenal, atau tidak bersama belajar dengan murid-murid yang kemudiannya menjadi ulama terbilang. Kerana di kalangan mereka ada yang lahir sebagai ulama terkemuka semata-mata kerana kecerdikan semasa belajar, kemampuan memahami kitab-kitab besar dan kebolehan membahaskan persoalan agama

dengan baik, dan tanpa menjalani kehidupan-kehidupan yang dinukilkan itu; cuma jumlah mereka dalam kategori ini amat sedikit. Ulama pondok pada kebiasaannya menghabiskan masa lama untuk menuntut ilmu, atau belajar di institusi agama yang masyhur di zamannya, atau belajar di banyak tempat, atau berguru dengan ulama yang ternama, atau bersahabat dengan mereka yang kemudiannya lahir sebagai ilmuan yang menjadi buah mulut, atau mengalami beberapa bahagian atau sepenuhnya kehidupan-kehidupan ini. Pada pokoknya, kehidupan-kehidupan ini mengisahkan pengalaman ulama berkenaan dalam proses pendidikan dan menjadi bukti kepada masyarakat bahawa mereka telah mengikuti cara-cara mendapat ilmu yang diterima secara *universal.* Status mereka seterusnya akan berkembang apabila pengetahuan tentang kehidupan-kehidupan ini tersebar, sama ada apabila maklumat itu dibawa oleh murid-murid mereka atau dibicarakan oleh ahli-ahli masyarakat yang lain.

Bagi mereka yang terlibat dalam pengajaran pondok setelah tamat menuntut, sama ada secara menyertai sekolah pondok yang sedia ada atau dengan cara membuka pondok sendiri, maka beberapa perkiraan lain turut pula mempengaruhi kedudukan ulama pondok berkenaan pada pandangan masyarakat. Saiz pondok, iaitu sedikit banyak rumah pondok dan bilangan murid pondok, dan tempat asal penuntut, adalah faktor-faktor yang menentukan sikap umum terhadap guru-guru pondok itu. Bagi mereka yang tidak terlibat dalam pengajaran di pondok pula, status mereka umumnya dipengaruhi oleh pekerjaan di samping penglibatan sosial mereka. Adapun keadaan-keadaan lain yang sering memain peranan mempengaruhi kedudukan mereka termasuklah keturunan, kebolehan dalam bidang-bidang lain seperti seni mempertahankan diri dan perbomohan, dan kewarakan (dan keberkatan) dalam menjalani kehidupan. Struktur perhubungan yang telah memberi kekuatan kepada status ulama pondok diperkukuhkan lagi oleh kehadiran dan kadangkala komitmen sosial lulusan pondok yang bekerja sebagai imam, bilal, penghulu, siak, kadi dan ketua kampung, atau penglibatan " budak pondok " dalam kehidupan seharian. Penyokongan masyarakat kepada ulama pondok biasanya menjadi lebih besar dan ketara sekiranya perkampungan berkenaan tumbuh dan berkembang berikutan penghijrahan dari luar dan seterusnya penempatan penduduk di sekeliling rumah ulama pondok, atau / dan sekiranya tidak terdapat sekolah-sekolah Melayu, Inggeris dan Arab di daerah sekitar yang menjadi tumpuan ibu bapa yang mahu menyekolahkan anak-anak mereka.

Masyarakat yang dianggotai oleh mereka yang umumnya kukuh berpegang kepada tradisi, apatah lagi tradisi yang berlandaskan agama, mempunyai

tendensi yang kuat untuk memberi penghormatan kepada tokoh-tokoh yang menghidup dan mempertahankan nilai-nilai sosial tradisional. Keilmuan ulama pondok khasnya, dan peranan sosial lain mereka umumnya, adalah aspek-aspek kehidupan tradisi itu disamping merupakan keadaan-keadaan yang memanjangkan proses kehidupan itu sendiri. Tegasnya, ulama pondok sebagai guru yang mendidik ahli-ahli masyarakat dalam kehidupan beragama, dan selaku watak yang menjadi tumpuan orang ramai disaat-saat krisis peribadi dan sosial, seperti perkelahian dan huru-hara, dengan mudah muncul atau diterima sebagai pemimpin tradisional. Pengajaran mereka menjadi pedoman dan sempadan, perlakuan mereka menjadi perhatian dan pengamatan dan pengharapan mereka menjadi cita-cita dan perjuangan. Dalam erti kata yang lain, pengetahuan yang membentuk pandangan dunia (*world-view*) anggota masyarakat dan yang membolehkan mereka memproses kehidupan sehari-hari pula, biasanya disampaikan atau disalurkan menerusi alim ulama ini, hasil daripada fungsi mereka sebagai pengajar yang bertanggungjawab dan satu-satunya kumpulan pendidik yang memahami selok belok agama secara terperinci. Dalam keadaan huru-hara pula kewujudan mereka sebagai pentafsir kepada pergolakan yang mengancam, dan kepekaan mereka sebagai intelektual terhadap persekitaran hidup menjadikan mereka *rallying-point* dan manusia rujukan yang menyatupadukan dan memberi pengarahan kepada individu-individu yang berdepan dengan krisis.

Indeks atau petanda tentang kehebatan kedudukan ulama pondok terjelas pada perhubungan sosial di peringkat kehidupan seharian. Mereka menjadi imam di masjid atau surau, mereka umumnya diberi keutamaan mengepalai majlis kenduri-kendara dan perjumpaan kampung, mereka lazimnya dihubungi oleh orang ramai yang berhajatkan sesuatu dan memerlukan pihak lain mendoakan untuknya dan mereka juga kebiasaannya terlebih dahulu dirujuk oleh anggota sosial yang lain sebelum sesuatu keputusan penting terpaksa dibuat, umpamanya yang berhubung dengan perkahwinan. Dalam kehidupan yang lebih'keduniaan'atau *mundane* sifatnya peri pentingnya kedudukan ulama pondok juga terserlah. Ibu bapa memberi keutamaan kepada mereka atau terus memilih mereka untuk dijadikan menantu,[2] orang ramai menghantar makanan bagi santapan mereka dan masyarakat akan memberi apa sahaja bantuan kebendaan kepada mereka jika mereka memerlukannya atau kelihatan kekurangan sesuatu.[3] Begitulah tingginya penghormatan dan mendalamnya perasaan kasih orang ramai terhadap ulama pondok. Oleh itu tidak hairanlah mereka juga menunjukkan respons yang positif dan segera apabila sahaja tokoh-tokoh tersebut

menyatakan hasrat untuk membina atau membuka sekolah pondok, iaitu institusi yang mengendalikan penyebaran ilmu dan menjalankan pengurusan sosial menerusi penganjuran dan memupukan nilai-nilai keagamaan. Madrasah dan rumah-rumah pondok biasanya dibina secara bergotong-royong, sementara pembiayaannya pula dilakukan dengan bantuan orang ramai dalam bentuk penyediaan tanah wakaf dan pemberian zakat dan sedekah. Ringkasnya dalam semua segi kehidupan mereka boleh dikatakan dimuliakan, dan kata-kata mereka menjadi suruhan atau peraturan.

Seterusnya, penceburan ulama pondok dalam kegiatan sosial yang melewati batas-batas kebiasaan bukan sahaja menarik perhatian anggota masyarakat lain, tetapi juga boleh membawa mereka tersebut untuk turut terbabit sama dalam aktiviti-aktiviti serupa, sama ada ia bersifat pemikiran atau berbentuk penyertaan fizikal selaku penyokong pergerakan yang dilibati oleh tokoh-tokoh tadi, sebagai pejuang yang bergerak di barisan depan. Kemunculan tuan-tuan guru, yang telah diterima secaras *universal* sebagai pakar rujuk dan pemimpin, dalam arena kehidupan yang lain boleh mewujudkan *realignment of forces* dalam masyarakat, apatah lagi sekiranya komitmen yang baru itu memusatkan pemikiran dan pelakuan orang ramai kepada perjuangan yang tidak pernah kedapatan sebelumnya. Perkembangan ini boleh mengubah suasana sosial dan membentuk kehidupan baru sehingga perjalanan komuniti atau perkampungan yang berkisar pada persekolahan dan ulama pondok mengalami transformasi dari segi bentuk *(form)* dan isi *(content)*. Begitulah umumnya keadaan yang kedapatan setelah sahaja ulama pondok membuat keputusan melibatkan diri dalam politik.

ULAMA PONDOK DAN POLITIK SELEPAS PERANG

Penyertaan ulama pondok dalam politik hanya kelihatan ketara berikutan penubuhan beberapa buah parti politik selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, dan di sepanjang separuh akhir tahun-tahun empat puluhan pembabitan mereka adalah amat jelas walaupun pengkaji-pengkaji umumnya melupai hakikat ini atau gagal mengketengahkan fakta ini. Kalaupun ada rujukan yang dibuat kepada tokoh-tokoh politik ini, rujukan yang dibuat ialah kepada kedudukan mereka sebagai ulama tanpa menjelaskan sama ada mereka berpendidikan pondok atau mengajar di pondok. Keistimewaan persekolahan pondok sebagai taman asuhan kepada ulama ini atau kepentingan ulama tersebut selaku guru di pondok tidak tertonjol.

Konteks dan kandungan keadaan yang diwujudkan oleh peninggalan dan kekalahan British, dan kemenangan dan pendudukan Jepun dalam peperangan, serta pergolakan-pergolakan di sekitar pemerintahan Bintang Tiga, pembetukan Pentadbiran Tentera British (BMA) dan perkembangan-perkembangan seterusnya telah menyebabkan berlakunya sosialisasi ke atas politik di semua peringkat kehidupan. Masyarakat Melayu sebagai sebahagian daripada masyarakat besar bukan sahaja telah sama-sama terdedah kepada kejadian-kejadian penting ini, tetapi juga merupakan pihak yang paling terasa akibat ianya menyentuh status tradisi mereka. Kejatuhan imej British, pendidikan politik yang di terima oleh orang Melayu semasa pemerintahan Jepun, kepahitan hidup yang mereka alami akibat daripada kekejaman yang dilakukan oleh Bintang Tiga dan gagasan-gagasan yang mengejutkan yang disarankan oleh London mengenai kedudukan raja-raja dan kewarganegaraan, menggugat dan mempengaruhi secara total pendirian mereka mengenai kehidupan semasa dan masa depan mereka. Dengan berlatarbelakang ini ulama pondok telah memunculkan diri dalam masyarakat besar.

Pada tahap sejurus selepas perang, kegiatan politik beberapa ulama pondok pada umumnya tertumpu kepada aktiviti kepartian di peringkat negeri. Masih belum muncul tokoh-tokoh di kalangan mereka yang berada di barisan depan perjuangan kebangsaan sepertimana yang dilakukan oleh golongan lain. Di Kedah, beberapa orang daripada mereka telah berkecimpung dengan aktifnya dalam Kesatuan Melayu Kedah, sebuah organisasi yang bertendensikan politik, yang muncul secara tidak rasmi pada pertengahan 1945. Presiden pertubuhan ini ialah seorang ulama pondok terkenal di Kedah, iaitu Haji Hussein Che Dol, dan beberapa orang anggota pentingnya termasuk juga beberapa ulama pondok yang lain, seperti Haji Abdullah Abas Nasution dan Haji Yahya Junid. Haji Hussein ialah anak kepada Haji Che Dol-Haji Ismail Haji Mustaffa-seorang ulama terkenal, dan telah menerima pelajaran awal agamanya dari bapanya sendiri di Pondok Gajah Mati. Beliau kemudiannya telah berpindah ke Pondok Nat Tanjung, Chuak Patani, dan akhirnya sekali telah belajar di Mekah. Sebelum membuka pondok Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiyah di Guar Chempedak, Haji Hussein pernah mengajar di pondok bapa mentuanya, Haji Abdullah, di Chuak Patani, di pondok bapanya sendiri di Gajah Mati dan mengajar orang-orang Islam di Bangkok. Satu keistimewaan yang dipunyai oleh Haji Hussein ialah kebolehan beliau berpidato dalam bahasa Inggeris di samping merupakan seorang qari terkenal. Haji Abdullah Abas Nasution yang dilahirkan di Asahan, Sumatera, ialah seorang ulama pondok yang

mendapat pendidikan di Kedah dan di Kelantan. Beliau mula belajar di Kedah, khasnya di Pondok Langgar, Pondok Pulau Pisang dan Pondok Air Hitam, dan selepas itu telah menuntut pula di Kelantan, iaitu di Masjid Muhammadi[4] dan di Pondok Bunut Payung. Sebelum membuka pondoknya yang terkenal di Tanjung Pauh dalam tahun 1945, Haji Abdullah Abas pernah mengajar di Pondok Pulau Pisang, Pondok Titi Besi dan di sebuah pondok di tepi Sungai Tanjung Pauh dalam tahun 1940, dan diberi nama Madrasah Ihya al-Ulum al-Dinniah. Institusi terakhir inilah yang kemudiannya dipindahkan ke Tanjung Pauh dan yang kemudiannya telah berkembang menjadi sebuah pondok terkemuka di Kedah. Seperti Haji Abdullah Abas Nasution, Haji Yahya Junid juga ialah lulusan Kedah dan Kelantan. Beliau yang dilahirkan pada 1911 pernah belajar agama di Sungai Bakap dan bersekolah Melayu di Titi Gajah, telah menuntut di Pondok Chegar, Pendang, di Tandup dan di Pulau Pisang, dan selepas itu telah mengaji pula di Masjid Muhammadi, Kelantan. Haji Yahya Junid juga pernah mendapat pelajarannya di Pondok Pokok Sena,Seberang Prai. Pengalaman mengajar yang pertama telah ditempuhinya apabila beliau menjadi guru pembantu di Pondok Haji Majid di Guar Chempedak. Berikutan penubuhan Madrasah Al-Taufikiah Al-Khariah, hasil dari usaha Tuan Haji Ahmad Hussain,[5] Haji Yahya Junid telah dijemput menjadi guru di tempat itu pula. Penglibatan ketiga-tiga ulama pondok yang terkenal ini dalam Kesatuan Melayu Kedah telah mengukuhkan pertubuhan itu dan memberinya imej yang mempengaruhi masyarakat sekeliling. Bahawa mereka ini kemudiannya diberi tempat dalam pengerakan sosial di peringkat tempatan dan negeri menjadi bukti tentang ketokohan mereka dan pengharapan orang ramai terhadap ulama tersebut. Apatah lagi di kalangan mereka, terdapat ulama yang telah terlibat dalam perjuangan menentang keganasan Bintang Tiga, iaitu Haji Hussein Che Dol.

Di Terengganu, salah seorang tokoh tempatan yang menyertai politik kepartian selepas kembalinya British ke Malaya ialah Haji Wan Abdul Latif, seorang ulama pondok yang pernah terdedah kepada gerakan Islah semasa berada di luar negeri dan menerusi pembacaan *Al-Manar*. Beliau telah menganggotai Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) apabila pertubuhan itu turut membuka cawangannya di Besut. Haji Wan Abdul Latif yang dilahirkan pada 1905 mendapat pendidikannya di pondok-pondok di Kampung Lampu dan Kuala Besut, kedua-duanya dalam daerah Besut, dan di Kelantan di bawah guru-guru terkenal negeri itu seperti Tok Kenali dan Haji Ali Pulau Pisang. Kemudian Haji Wan Abdul Latif telah melanjutkan pelajarannya selama lebih kurang sepuluh

tahun di Mekah dan sempat belajar dengan ulama-ulama masyhur seperti Syekh Said Yamani, Syekh Daud Patani dan Syekh Ali Maliki. Sepulangnya ke Malaya pada tahun 1931, beliau terus memulakan pengajarannya di Pondok Kuala Besut, kemudiannya di Masjid Pulau Salim, di Pondok Kampung Pak Kiang Kluang dan akhir sekali di Pondok Jertehnya yang terkenal itu. Sungguhpun latar belakang kepada penyertaan Haji Wan Abdul Latiff dalam PKMM tidak begitu jelas, sekurang-kurangnya kepada penulis, penglibatan beliau mencerminkan kepekaan seorang ulama terhadap isu-isu politik semasa, yang mana kemunculan pertubuhan tersebut, yang ditaja oleh pejuang-pejuang kebangsaan yang berjiwa kiri, mendapat perhatiannya.

Malayan Union adalah isu besar pertama yang telah menarik minat ulama pondok sehingga membawa kepada pembabitan mereka secara aktif dalam politik. Oleh kerana sifat dan isinya yang begitu mencabar sebagai satu gagasan yang cuba mengambil alih sistem tradisional yang masih sedikit sebanyak memberi pemberatan kepada kuasa raja, kedudukan istimewa orang Melayu dan kedaulatan negeri-negeri Melayu, *Malayan Union* telah menyentuh setiap lapisan masyarakat Melayu, termasuk ulama pondok selaku pemimpin sosial dan jurubicara rakyat. Beberapa orang daripada mereka, sebagaimana pejuang-pejuang Melayu lain, telah memperlihatkan reaksi protes yang keras dan jelas apabila *formula* British itu cuba disogokkan, dan terutama sekali apabila Dato' Onn sendiri menjelajah ke seluruh tanahair cuba membangkitkan semangat kebangsaan orang Melayu. Oleh kerana kemunculan ulama pondok dalam konteks ini berlangsung dan sebagai akibat kehadiran pemimpin masyarakat yang lain dan ditentukan oleh satu faktor yang secara *universal* menyentuh perasaan orang Melayu, iaitu pengenalan *Malayan Union*, maka penglibatan mereka umumnya tidaklah melahirkan kesan-kesan yang mengandungi kelainan-kelainan yang boleh diasosiasikan dengan mereka secara ekslusif sebagai kumpulan sosial yang berpengaruh. Namun begitu pembabitan mereka tetap memberi pengaruh ke atas masyarakat, pertama ia telah sama-sama berjaya menggerakkan orang ramai untuk turut terlibat dalam rancangan protes terhadap British, dan kedua ia telah memberangsangkan lagi perjuangan pemimpin-pemimpin sosial lain yang berkecimpung dalam program yang sama. Malah tanpa penyertaan mereka, amatlah sukar bagi pihak-pihak yang berpendidikan sekular dan yang jarang berdamping dengan masyarakat tradisi untuk mendekati golongan kampung dan desa, apatah lagi mempengaruhinya.

Di Kedah terutama sekali, beberapa orang ulama pondok terkemuka telah terheret ke dalam politik anti-*Malayan Union* dengan melibatkan diri dalam kempen-kempen dan perarakan anti-British yang dianjur bersama oleh pejuang-pejuang Melayu lain, seperti Khir Johari dan Senu Abdul Rahman. Mereka tersebut termasuklah juga Haji Hussein Che Dol, Haji Abdullah Abas Nasution dan Haji Yahya Junid. Haji Hussein Che Dol selaku pemimpin utama Kesatuan Melayu Kedah telah terlibat dalam beberapa perarakan besar, termasuk yang diadakan di Padang Court, Alor Setar, pada 19 Januari 1946. Haji Abdullah Abas Nasution, seorang lagi tokoh Kesatuan Melayu Kedah, juga telah turut serta dalam kempen-kempen penentangan terhadap British itu. Dalam hubungan ini, beliau telah berusaha mengerah orang ramai supaya mengambil bahagian dalam gerakan protes tersebut, termasuk dengan cara menghantar surat jemputan menerusi murid-muridnya yang ramai uitu. Pendek kata penglibatan bersungguh-sungguh yang ditunjukkan oleh ulama-ulama pondoklah yang telah menyebabkan Kesatuan Melayu Kedah menjadi badan terkemuka yang menguruskan penentangan terhadap British. Ulama-ulama pondok lain yang telah mengambil bahagian dalam perjuangan anti-*Malayan Union* pada ketika yang sama ialah Haji Abdul Rahman Merbuk, Haji Hussein Langgar, Haji Ahmad Kodiang, Haji Idris Alor Mengkudu, Haji Omar Langgar dan Haji Yahya Kupang. Tokoh-tokoh ini juga merupakan pemimpin sosial yang berwibawa dan terkenal dan penyertaan mereka telah menambah kukuhnya gerakan anti-British. Ia juga membuktikan tentang restu yang telah mereka berikan kepada perjuangan mempertahankan sistem tradisi dan menjelaskan sifat keseluruhan penglibatan masyarakat dalam kempen-kempen kebangsaan yang berlangsung itu.

Haji Abdul Rahman yang berasal dari Merbuk memulakan persekolahan pondoknya, Saadah Addarain, sepuluh tahun sebelum pecahnya Perang Pasifik. Pondok beliau telah berjaya menarik pelajar-pelajar tempatan dan luar negeri, seperti Patani dan Sumatera. Haji Abdul Rahman mendapat pendidikannya di Pondok Haji Mat Shafie di Terengganu di Sekolah Arab Al-Masyhur di Pulau Pinang, dan di Pondok Bagan Hulu, Pantai Merdeka, Kedah, di bawah Tuan Haji Hussein. Beliau juga belajar selama enam tahun di Mekah. Apabila isu *Malayan Union* menimbulkan keributan di kalangan orang Melayu, khasnya di Kedah, Haji Abdul Rahman telah meninggalkan pondoknya untuk mengadakan kempen-kempen bertujuan menyedarkan masyarakat tentang bahaya gagasan tersebut terhadap kuasa Melayu. Haji Hussein yang dilahirkan di Langkat, Sumatera, ialah guru agama yang aktif mengajar di pondok-

pondok di Alor Keladi dan Langgar sebelum perang. Beliau menerima pendidikan awalnya di Langgar di bawah guru-guru terkenal, iaitu Tuan Guru Haji Mohd Omar dan Tuan Guru Haji Ahmad Janggut, sebelum belajar di Kelantan dan Mekah. Haji Hussein hanya sekadar menyertai demonstrasi anti-*Malayan Union* dan tidaklah menjalankan gerakan anti-British secara aktif. Haji Ahmad yang mengasaskan persekolahan pondok di Koplu ialah anak kepada seorang bilal di Masjid Raja Arau, Perlis. Beliau menghabiskan masa lebih kurang enam tahun belajar di sekolah-sekolah pondok di negeri tersebut di Pondok Mata Air dan Pondok Haji Ahmad Tok Pong-sebelum melanjutkan pelajarnya di Pondok Pulau Pisang, Kedah, dan di Masjid Muhammadi dan Pondok Kenali, Kelantan. Pembabitan sebenar Haji Ahmad dalam gerakan anti-*Malayan Union* tidaklah begitu jelas. Haji Idris pula ialah anak kepada ulama Kedah yang terkenal, Haji Abdul Rahman Al-Jarumi,[6] dan beliau memulakan persekolahan pondoknya di Alor Mengkudu sejurus selepas pendudukan Jepun. Pondoknya juga telah didatangi oleh pelajar-pelajar dari dalam dan luar negeri. Di samping mendapat pendidikan agama dari bapanya sendiri, Haji Idris juga pernah berguru dengan Haji (Pak) Wan Sulaiman,[7] Syekhul Islam Kedah, di Limbong Kapal, dan belajar di Pondok Lubuk Kawah. Beliau juga telah menuntut selama dua tahun di Patani dan selama tiga tahun di Mekah. Penglibatan Haji Idris dalam perjuangan anti-*Malayan Union* tidaklah begitu ketara. Haji Omar yang bertanggungjawab menubuh Raudhatul Ulum di Langgar ketika Pentadbiran Tentera British telah menerima pengasuhan dan pendidikan awal dari ayahnya, seorang ulama pondok di Langgar. Beliau kemudiannya telah melanjutkan pelajarannya di Mekah. Haji Omar yang pernah terpengaruh oleh politik pembebasan ketika berada di Tanah Suci telah memberi perhatian istimewa kepada perjumpaan-perjumpaan yang dilakukan oleh Mac-Michael, dan telah terheret dalam kempen-kempen anti-*Malayan Union* yang ditaja oleh pemimpin-pemimpin negeri Kedah. Haji Yahya yang mengasaskan pondok di Kupang, Baling, bersama sepupunya, Haji Ahmad, pada tahun 1935, juga mendapat pendidikan di Mekah, iaitu di Masjidil Haram. Sebelumnya beliau telah menuntut di Pondok Haji Yaakub, di Sik. Ketika pergerakan anti-*Malayan Union* sedang memuncak, beberapa pemimpin nasional termasuk Datuk Onn telah mengunjungi Baling. Kehadiran mereka telah mendapat sambutan besar dan masyarakat pondok di sekitar Kupang telah mengadakan kenduri besar-besaran dengan menyembelih dua puluh ekor kerbau. Perlu juga dicatatkan di sini, dalam rangka usaha mereka menyatupadukan orang Melayu, memajukan, dan menguruskan penentangan mereka

terhadap British, beberapa orang ulama Kedah, termasuk ulama pondoknya, telah menubuh Persatuan Ulama Kedah pada 9 Februari 1946. Haji Hussain Che' Dol dan Haji Abdullah Abas Nasution adalah di antara pengasas dan pemimpin terkemuka kesatuan ini. Sekolah pondok Madrasah Al Taufikiah al Khariah telah menjadi markas kegiatan Persatuan Ulama Kedah dari 1946 hingga 1949, iaitu selepas ia beribu pejabat buat seketika di Maktab Mahmud, Alor Setar.

Ulama-ulama pondok di negeri-negeri lain juga telah muncul bersama anggota masyarakat di tempat mereka memperjuangkan cita-cita Melayu dalam pergerakan anti-*Malayan Union*. Di Seberang Prai, Haji Abdullah Fa'him ialah di antara tokoh-tokoh tempatan terkemuka yang telah tampil menentang rancangan British itu. Beliau yang dilahirkan di Mekah dan mendapat Pendidikan di Masjidil Haram adalah anak seorang guru Quran terkenal di sana. Haji Abdullah ialah guru pondok yang pernah mengajar di Limbong Kapal, Kedah, di samping merupakan orang yang banyak terlibat dalam pengurusan persekolahan pondok Dairatul Maarif di Kepala Batas. Dari kalangan ulama pondok Perak maka Haji Abdul Samad Noh ialah di antara mereka yang turut menjalankan penentangan terhadap cita-cita *Malayan Union*, walaupun ketika kempen anti-British sedang berlangsung beliau masih berada di Mekah.

Haji Abdul Samad yang dilahirkan tahun 1917 mendapat pendidikan awalnya di pondok Syekh Haji Junid Thala[8] di Kampung Lalang dan kemudiannya di Madrasah Al-Yahyawiyah di Perak. Seterusnya beliau telah melanjutkan pelajarannya ke Pondok Al-Masriyyah[9] di Bukit Mertajam dan selepas itu ke Mekah. Semasa berada di Tanah Suci Haji Abdul Samad telah bergerak aktif dalam persatuan pelajar yang melibatkan penuntut-penuntut dari Malaya, Indonesia dan Patani, dan menerusi salah satu daripada pertubuhan yang telah diasaskan olehnya, iaitu Persatuan Tenaga Melayu Makkatul Musyarrafah, beliau telah menyalurkan perasaan anti penjajahannya. Persatuan tersebut telah menghantar kawat menyatakan sokongannya kepada Datuk Onn.

Di Kelantan, di antara ulama yang tampil kehadapan melibatkan diri dalam perjuangan menentang *Malayan Union* ialah Haji Ahmad Mahir, anak Haji Ismail, atau Tok Kemuning, ulama pondok terkenal di negeri itu. Beliau ialah bekas murid Pondok Kenali dan Pondok Haji Ali Pulau Pisang yang pernah juga belajar di Masjid Muhammadi dan di Mekah. Sebelum pulang ke tanah air dan menjadi Pemangku Mufti Kelantan (1942) dan kemudiannya Mufti (1945) Haji Ahmad Mahir juga pernah menjadi guru di Masjidil Haram. Patut ditekankan di sini bahawa

penglibatan ulama pondok Kelantan dalam aktiviti politik di peringkat awal ini adalah terhad, berbanding dengan keadaan di Kedah. Mereka yang memegang teraju dalam pergerakan berpersatuan umumnya terdiri daripada mereka yang tidak dianggap atau dikenali sebagai ulama pondok, atau bukan ulama pondok, seperti Abdul Kadir Adabi, Asaad Shukri, dan Haji Ishak Lofti, atau daripada golongan atasan atau elita, seperti Nik Ahmad Kamil dan Nik Hassan Yahya. Di Besut, Terengganu, ulama pondok yang telah sama-sama menyertai kempen anti-*Malayan Union* ialah Haji Wan Abdul Latif.

Idea dan penubuhan UMNO sebagai hasil kepada perjuangan menentang *Malayan Union* adalah perkembangan sezaman yang seterusnya membabitkan sebahagian penting ulama pondok yang sebelumnya terlibat dalam kempen anti-British dalam aktiviti-aktiviti politik bercorak kepartian, mengekalkan sebahagian yang lain dalam komitmen politik kepartian yang telah pun mereka terokai sejurus selepas kekalahan Jepun, dan memperkenalkan kepada sebahagian lain pula kepada dunia politik. Haji Hussein Che Dol yang masih bergerak dalam Kesatuan Melayu Kedah telah menjadi ahli pewakilan pertubuhan tersebut ke mesyuarat penubuhan UMNO di Johor pada bulan Mei 1946. Beliau juga adalah salah seorang yang bertanggungjawab mempengaruhi Syed Omar Shahabuddin supaya memimpin UMNO Kedah berikutan pembubaran Kesatuan Melayu Kedah dan penyerapannya ke dalam parti yang baru itu. Haji Abdullah Abas ialah seorang lagi tokoh Kesatuan Melayu Kedah yang pernah ikut serta dalam persidangan UMNO di peringkat awal ini dan yang telah turut serta dalam rombongan yang berusaha memujuk Syed Omar Shahabuddin. Beliau ialah juga Setiausaha UMNO, Kubang Pasu, apabila parti itu menubuhkan cawangannya di kawasan itu. Seperti setengah rakan-rakan perjuangan beliau yang lain, Haji Yahya Junid juga telah mengambil bahagian dalam persidangan UMNO di Hotel Majestic di Kuala Lumpur. UMNO cawangan Padang Lumut sendiri telah ditubuhkan di Madrasah Al-Taufikiah Al-Khariah tempat beliau menjadi guru iaitu pada 21 Februari 1949. Haji Yahya juga telah mewakili Kedah, di Mesyuarat Agung UMNO Ke-5 yang diadakan di Kuala Kangsar pada tahun berikutnya. Penglibatan beliau dan Madrasah Al-Taufikiah Al-Khariah menyebabkan sekolah pondok tersebut menjadi popular di kalangan pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO, dan sebahagian daripada mereka, termasuk Tunku Abdul Rahman dan Syed Omar Shahabuddin, pernah mengunjungi Padang Lumat dalam rangka usaha mereka mengembangkan pengaruh parti. Haji Yahya Junid pernah menjadi Pegawai Penerangan dan Pegawai Agama UMNO semasa penglibatannya dalam parti tersebut.

Penglibatan ulama pondok dalam perjuangan UMNO di Seberang Prai tidak kurang juga rancaknya. Haji Abdullah Fa'him ialah di antara orang yang terawal menjadi anggota pertubuhan itu. Mereka yang lain yang telah menyertai UMNO ialah Haji Ahmad Fuad, Haji Ahmad Maliki dan Haji Ahmad Badawi. Haji Ahmad Fuad yang telah dibawa ke dalam UMNO oleh Datuk Onn bagi tujuan perjuangan Islam dalam parti itu dilahirkan pada 1915 dan berasal dari Kuala Kangsar. Beliau mendapat pendidikannya di Pondok Tanah Liat dan di Sekolah Pondok Madrasah Al-Masriyyah, Seberang Prai, dan di Mekah. Haji Ahmad Fuad juga ialah menantu kepada Haji Salleh Masri, pengasas Madrasah Al-Masriyyah, yang pada zaman kegemilangannya pernah mempunyai lebih kurang 800 buah pondok pelajar, dan guru di institusi tersebut sejak tahun 1950. Haji Ahmad Maliki, anak tempatan Seberang Prai, ialah murid pondok Dairatul Maarif, Kepala Batas, dan penuntut El-Ehya Assharif, Gunung Semanggol, yang kemudiannya pernah menjadi guru di beberapa tempat termasuk di Al-Madrasah Al-Khariah Al-Islamiah, Pokok Sena. Haji Ahmad Badawi pula ialah anak kepada Haji Abdullah Fa'him dan lepasan Pondok Dairatul Maarif dan Mekah. Di samping pernah mengajar di pondok Dairatul Maarif Haji Ahmad Badawi juga telah mengajar di Kedah, termasuk di Limbong Kapal.

Impak penubuhan UMNO adalah menyeluruh, sebagaimana juga kesan penentangan terhadap *Malayan Union*; malah kedua peristiwa besar itu adalah bertali. Penyertaan dalam parti baru juga adalah*universal* sifatnya dan membabitkan setiap lapisan masyarakat dan golongan dalam dan luar negeri. Perkembangan kepartian juga menyebabkan tokoh-tokoh dalam parti berusaha memperolehi penyertaan sebanyak yang dapat. Seorang ulama pondok yang menerima pengaruh daripada pergolakan ini ialah Haji Abdul Samad Noh. Setelah kembali ke Tanah Melayu, Haji Abdul Samad Noh memulakan pekerjaan yang biasa dilakukan oleh ulama-ulama lain selepas tamat belajar-beliau mengadakan kelas-kelas dan syarahan-syarahan agama. Penglibatan beliau ini menyebabkan namanya menjadi terkenal di Perak, dan ini menarik perhatian pemimpin Persatuan Melayu Perak dan salah seorang pengasas UMNO negeri itu, Datuk Panglima Bukit Gantang. Haji Abdul Samad telah ikut serta dalam parti yang beru ditubuhkan itu dan telah menjadi salah seorang anggota badan agamanya. Di Terengganu, Haji Wan Abdul Latif terus menunjukkan minatnya terhadap perjuangan UMNO, dan apabila UMNO bahagian Besut ditubuhkan dalam tahun 1954 beliau adalah di antara tokoh-tokoh tempatan yang turut menyertainya. Pondok beliau menjadi tempat tumpuan ahli-ahli dan penyokong-penyokong parti tersebut.

Seorang ulama pondok yang bergerak aktif dalam politik ketika ini tetapi tidak menyertai UMNO ialah Haji Abu Bakar Al-Baqir. Haji Abu Bakar yang berketurunan Jawa dilahirkan pada 1907 dan mendapat pendidikan agama di pondok Madrasah Al-Rahmmaniah[10] dan di Dairatul Maarif, Kepala Batas. Beliau yang pernah menjadi guru di Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar, telah kemudiannya menjadi Mudir di El-Ehya Assharif, Gunung Semanggol. Aktiviti politik beliau umumnya berpusat di El-Ehya Assharif, di mana menerusi kerjasama pihak-pihak tertentu dalam PKMM, terutama sekali Dr. Burhanuddin, dan penglibatan ulama dan pejuang Melayu lain, Haji Abu Bakar Al-Baqir telah berjaya melahirkan PEPERMAS (Pusat Perekonomian Melayu Se Malaya), MATA (Majlis Agama Tertinggi Se Malaya), LEPIR (Lembaga Pendidikan Rakyat) dan Hizbul Muslimin, iaitu parti Islam pertama di negara ini. PEPERMAS dan MATA lahir dari cita-cita politik ekonomi dan sosial pemimpin dan pejuang Melayu yang berhimpun di El-Ehya Assharif pada bulan Mac 1947 bagi menjayakan "Persidangan Ekonomi-Agama Se Malaya". Haji Abu Bakar Al-Baqir selaku wakil negeri Perak telah menjadi Yang Dipertuia Jawatankuasa Kerja PEPERMAS. Haji Hussein Che'Dol, ulama pondok Kedah yang sudah pun lama aktif dalam politik, ialah wakil PEPERMAS bagi negerinya. Berikutan penubuhan MATA (asalnya Lembaga Islam Se Malaya) Haji Abu Bakar Al-Baqir telah dilantik menjadi salah seorang penasihat badan tersebut bersama Haji Abdullah Fa'him dari Seberang Prai. Haji Hussein Che' Dol juga turut terlibat dalam MATA: beliau yang telah dilantik sebagai Naib Yang Dipertua ditugaskan mengelola kegiatan persatuan itu di negeri-negeri utara, iaitu Perlis, Kedah dan Seberang Prai. Dari segi fungsinya, PEPERMAS telah memberi penumpuan kepada persoalan-persoalan ekonomi, termasuk perjalanan Bank Kebangsaan Melayu dan ide penubuhan Bank Pertanian, manakala MATA, yang muncul sebagai badan agama yang menyaingi pihak*establishment*berkaitan dengan pentadbiran Islam, telah bertindak mengkritik pengurusan Jabatan dan Majlis Agama Negeri yang bergerak di bawah sultan masing-masing, berusaha menubuh kolej pengajian tinggi dan memberi perhatian kepada beberapa isu antarabangsa yang melibatkan orang Islam, seperti perjuangan rakyat Patani dan Palestin. Seorang lagi ulama pondok yang telah berkecimpung dalam politik yang berkembang dari El-Ehya Assharif ialah Haji Ahmad Hussein dari Seberang Prai yang menyertai Sidang Pertama MATA yang berlangsung di Kepala Batas. Haji Ahmad Hussein yang dilahirkan pada 1906 ialah anak kepada Tuan Haji Hussein Kedah dan mendapat pendidikan dari bapanya di Pondok Bagan Ulu, dan di Mekah di mana beliau telah tinggal

selama empat tahun. Setelah pulang ke tanahair, Haji Ahmad kemudiannya telah menjadi guru di Al-Madrasah Al-Khariah Al-Islamiah di Pokok Sena, Seberang Prai, yang diasaskan oleh bapanya sendiri. LEPIR pula lahir sebagai lanjutan dari perjuangan MATA, dan penumpuannya ialah kepada pembelaan orang-orang Melayu dari segi pendidikan. Haji Abu Bakar Al-Baqir ialah pengerusinya.

ULAMA PONDOK DAN POLILTIK KEMERDEKAAN

Perkembangan politik kepartian di akhir-akhir empat puluhan menunjukkan bahawa ia semakin menjurus kepada perjuangan kemerdekaan. Walaupun suasana yang dicetuskan oleh keadaan selepas Perang Dunia Kedua masih menyelubungi pemikiran dan perlakuan pemimpin-pemimpin kebangsaan dan tempatan, persoalan pembebasan politik kadangkala telah timbul dalam bentuk tersirat dan kadangkala muncul dengan cara tersurat. Parti-parti politik yang terbentuk dan berkembang dalam persekitaran ini tidaklah sepenuhnya dan sejelasnya mengisytiharkan kemerdekaan sebagai matlamat perjuangan mereka. Ulama pondok yang bergiat dalam kehidupan politik kepartian juga terbendung oleh keadaan yang sama dan kalau adapun kelainan-kelainan yang mereka perlihatkan ianya masih dalam rangka keadaan yang sama. Tendensi-tendensi ke arah kemerdekaan kedapatan dalam pergerakan-pergerakan yang sedia wujud dan sedang berkembang.

Kemuncak kegiatan politik El-Ehya Assharif yang melibatkan tokoh utama-utamanya, Haji Abu Bakar Al-Baqir, ialah penubuhan Hizbul Muslimin, sebuah organisasi yang ditubuh pada Mac 1948 dan dirancangkan untuk menjadi *platform* kepada perjuangan poliltik Islam menyerupai Mashumi di Indonesia. Idea pembentukan parti yang ditegakkan di atas cita-cita Islamiyyah dan yang diarahkan kepada objektif kemerdekaan Tanah Melayu ini telah datang dari Haji Abu Bakar Al-Baqir sendiri, yang ketika ini dilantik sebagai Ketua Umum pertubuhan itu. Sungguhpun Hizbul Muslimin mempunyai usia yang singkat, kemunculannya serta kegiatan politik El-Ehya Assharif yang lain, yang seringkali didukung bersama oleh anasir-anasir kiri dari PKMM dan sebagainya sudah cukup menimbulkan kebimbangan kepada UMNO dan pemerintah British. Tidak lama selepas Darurat diisytiharkan beberapa orang tokoh utama Hizbul Muslimin, termasuk Haji Abu Bakar Al-Baqir sendiri, telah diktahan, dan tindakan ini serta tekanan-tekanan lain yang dikenakan oleh British ke atas perjuangan rakyat melumpuhkan Hizbul Muslimin. Namun bagitu dalam jangka waktu tidak sampai

setengah tahun selepas penubuhannya, pertubuhan itu telah berjaya melahirkan impak yang meluas, hasil dari lawatan yang dibuat oleh Haji Abu Bakar Al-Baqir dan pemimpin-pemimpin parti yang lain. Haji Wan Abdul Latif sebagai wakil PKMM cawangan Besut, Terengganu, adalah di antara ulama pondok di luar Perak yang menyertai kongres yang melahirkan Hizbul Muslimin. Berikutan lawatan Haji Abu Bakar Al-Baqir ke tempatnya, beliau telah dilantik sebagai ketua pertubuhan itu bagi kawasan Besut. Seorang lagi ulama pondok Terengganu yang telah menjadi ahli Hizbul Muslimin ialah Haji Shafie Sulong. Beliau yang pada peringkat awalnya mendapat pelajaran agamanya dari bapa saudaranya telah menuntut ilmu di Pondok Kenali, Kelantan, dan di Darul Ulum, Deband,[11] India. Sekembalinya ke Terengganu ketika Pentadbiran Tentera British, Haji Shafie telah mengajar di sebuah pondok di Jerteh, kemudiannya telah mengajar di pondok Padang Midin, dan akhir sekali membuka pondoknya sendiri di Durian Guling, Jalan Kuala Berang. Beliau yang sememangnya berminat terhadap politik Islam semasa berada di benua kecil India mendapati cita-cita Hizbul Muslimin secocok dengan jiwanya.

Haji Abdullah Fa'him, Haji Ahmad Fuad, Haji Ahmad Maliki dan Haji Ahmad Badawi pula adalah juga ulama-ulama pondok yang memain peranan ketara dalam UMNO yang baru mengorak langkah itu. Pembabitan mereka telah memberi sedikit sebanyak pewarnaan Islam kepada perjuangan parti yang baru, di samping menjadi tarikan kepada pihak-pihak yang mempunyai tendensi untuk menyokong pergerakan yang diterajui oleh seorang tokoh berpendidikan sekular-Datuk Onn. Dalam konteks ini UMNO mempunyai bahagian agamanya yang bergerak di bawah seorang ulama, dan Abdullah Fa'him pernah menjadi ketuanya. Beberapa persidangan alim ulama telah dianjurkan oleh bahagian ini dengan tumpuan diberi kepada perkembangan dan aktiviti-aktiviti Islam. Perjumpaan Ulama Se Malaya yang pertama telah diadakan di Muar pada awal 1950 di mana ia telah membahaskan perkara-perkara seperti kerjasama dengan kerajaan Saudi berhubung pengurusan Haji, penyelarasan Jabatan dan Majlis Agama, dan penentuan Puasa dan Hari Raya. Menjelang persidangan alim ulama kedua yang diadakan pada 23 Ogos 1951 di Kuala Lumpur, Haji Ahmad Fuad, yang telah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Hal Ehwal Agama UMNO telah muncul sebagai tokoh penting. Haji Ahmad Fuad yang dikatakan penyokong kuat Datuk Onn hampir-hampir bertanding menentang Tunku Abdul Rahman untuk jawatan Presiden parti apabila tokoh kesayangannya meninggalkan UMNO. Haji Ahmad Maliki juga merupakan tokoh

penting UMNO yang terlibat dalam perjuangan bahagian agama parti, dan disaat ini memperlihatkan kemahuan agar persatuan ulama yang pernah dicadangkan diberikan status sebuah parti penuh yang memperjuangkan cita-cita Islam. Idea penubuhan sebuah persatuan ulama mendapat perhatian besar ketika ini dari ulama-ulama UMNO terutama sekali Haji Abdullah Fa'him dan Haji Ahmad Fuad.

Penglibatan jelas dan konsisten ulama pondok dalam kepartian berlaku setelah Parti Islam Se Malaya (PAS) dibentuk berikutan krisis dalam UMNO. Pada dasarnya konflik dalaman yang melanda UMNO mempunyai kaitan dengan pendirian sebahagian penting ulama pondok yang menganggotai badan agamanya dan pembabitan mereka dalam perjuangan parti baru itu bukan sahaja telah menggemparkan UMNO tetapi juga telah mengubah perjalanan sejarah politik Melayu. PAS juga bukan sahaja melanjutkan perjuangan Hizbul Muslimin yang tergendala, tetapi juga memberi ruang kepada beberapa pemimpin pertubuhan yang telah diharamkan oleh British itu untuk berkecimpung dalam politik kepartian. Keadaan semasa serta ketidakupayaan Hizbul Muslimin dan UMNO memenuhi tuntutan Islam oleh sebab-sebab tertentu membuat PAS muncul sebagai badan yang berjaya menampung keperluan golongan ulama termasuk ulama pondok.

PAS dilahirkan di Ibu Pejabat UMNO Butterworth pada bulan Ogos 1951 ketika berlangsungnya persidangan alim ulama UMNO yang ketiga. Perjumpaan ulama tersebut pada luarnya adalah bertujuan untuk menyatupadukan ulama-ulama dalam satu pertubuhan yang boleh membimbing UMNO ke arah cita-cita Islam di samping memberi tempat kepada bekas anggota PKMM dan Hizbul Muslimin untuk berkecimpung dalam politik. Haji Ahmad Maliki selaku setiausaha persidangan adalah di antara tokoh-tokoh yang bekerja keras untuk menjayakan perjumpaan yang bersejarah itu. Persidangan alim Ulama yang ketiga itu telah dibuka oleh Haji Abdullah Fa'him, manakala ucapan pembukaan Yang Dipertua, Haji Ahmad Badawi, telah disampaikan oleh Haji Ahmad Maliki. Persatuan Islam Se Malaya menjadi nama pilihan utama para delegasi bagi diberikan kepada pertubuhan mereka, yang antara lain mempunyai objektif melaksanakan tuntutan Islam dan demokrasi, menyatukan pentadbiran Islam seluruh Malaya dan mempertahankan maruah agama dan kedudukan *ummah*. Haji Ahmad Fuad telah dilantik menjadi Presidennya yang pertama. Haji Hussein Che' Dol telah dipilih menjadi salah seorang daripada Naib Presiden, Haji Ahmad Maliki diangkat menjadi Setiausaha dan Haji Ahmad Hussein dipilih menjadi Bendahari.

Salah seorang lagi ulama yang telah diberi kepercayaan memimpin pertubuhan baru itu ialah Haji Yahya Junid, ulama pondok dari Padang Lumat, Kedah.

Sungguhpun PAS telah muncul di bawah bayangan UMNO. dalam sekejap masa sahaja pertubuhan itu telah mengorak langkah menjadi sebuah organisasi yang mempunyai harapan yang berbeza dari parti induknya dan mula bertindak secara bebas. Persoalan kemerdekaan tanahair semakin menjadi perhatiannya. PAS juga telah meneroka lebih jauh dengan membuka cawangan-cawangannya, seperti di Pulau Pinang dan di Perak. Beberapa orang ulama pondok yang sebelumnya aktif dalam politik kepartian telah memain peranan penting membangun parti yang baru ini. Di Perak, Haji Abdul Samad telah mengepalai cawangan PAS apabila ia dibuka di Titi Serong, Parit Buntar. Sementara di Kedah, Haji Ahmad Kodiang juga telah menyertai PAS dan seterusnya memimpin cawangan parti tersebut di kawasannya. Usaha pertama meluaskan pengaruh PAS ke Kelantan telah dilakukan oleh Haji Hussein Che'Dol, apabila beliau melawat tempat-tempat tertentu di negeri tersebut termasuk Pondok Bunut Payung dan Masjid Pasir Mas dalam rangka usahanya memberi penerangan tentang perjuangan parti baru itu. Pada bulan Julai 1953, cawangan PAS yang pertama di Kelantan telah ditubuhkan di Pasir Mas. Beberapa buah sekolah pondok turut menjadi pusat kegiatannya. Madrasah Al-Masriyyah, di mana Haji Ahmad Fuad menjadi Pengetuanya, menjadi markas parti itu. PAS semenjak permulaannya ini telah memperlihatkan pendirian politik kemerdekaannya apabila ia membuat penegasan untuk memperjuangkan cita-cita pembebasan tanahair.

Persidangan pertama PAS telah diadakan di Madrasah Dairatul Maarif, Kepala Batas. Haji Ahmad Fuad telah dipilih kembali menjadi Presiden parti. Haji Hussein Che'Dol juga kekal menjadi Naib Presiden. Haji Ahmad Maliki dan Haji Ahmad Hussein masing-masing dilantik bagi memegang jawatan lama mereka, iaitu Setiausaha dan Bendahari. Mereka yang lain dari kalangan ulama pondok yang menduduki jawatan penting parti ialah Haji Ahmad Badawi yang dipilih menjadi salah seorang ahli Jawatankuasa Kerja. Dalam persidangan PAS yang kedua yang berlangsung di Madrasah al-Ulum, Bagan Datuh, penglibatan ulama pondok masih jelas, di mana sebahagian penting daripada tokoh-tokoh lama di kalangan mereka terus kekal sebagai anggota kepimpinan parti. Sebagai sebuah badan siasah PAS juga semakin menyediakan diri dalam perjuangan kemerdekaan; ini termasuk langkahnya mengadakan badan pemuda yang akan memikul tanggungjawab perjuangan demokrasi dan

Islam, dan menyediakan program bagi memupuk semangat Islam. Pada bulan September 1953, di Mesyuarat Agung Khas PAS bertempat di Tanah Liat, Bukit Mertajam, Haji Ahmad Fuad telah meletak jawatannya sebagai Presiden apabila kemahuannya supaya parti itu menyertai *National Conference* (Persidangan Kebangsaan) anjuran Datuk Onn tidak tercapai. Berbeza daripada *National Convention* (Perhimpunan Kebangsaan) yang dirancangkan oleh UMNO-MCA dan diarahkan kepada objektif kemerdekaan, dan dipersetujui oleh ramai dalam perhimpunan, persidangan yang diusahakan oleh Datuk Onn dijangka hanya akan membawa negara kepada berkerajaan sendiri (*self-government).* Ide penyertaan PAS dalam *National Convention* telah mendapat sokongan daripada Haji Ahmad Maliki, Haji Ahmad Badawi dan beberapa ulama lain. Peninggalan Haji Ahmad Fuad juga menyebabkan PAS memindahkan markasnya ke pondok Dairatul Maarif, Kepala Batas.

Penglibatan ulama pondok dalam PAS terus ketara dengan penerusan pembabitan beberapa orang ulama pondok dalam parti itu, sekalipun Haji Ahmad Fuad telah meninggalkannya. Selain daripada beberapa orang ulama pondok yang menjadi tokoh lama parti yang kekal bergerak dalam parti seperti Haji Ahmad Hussain dan Haji Ahmad Maliki, sebahagian penting daripada aktivis PKMM dan Hizbul Muslimin juga telah turut menyertai PAS sehingga menjadikannya semakin berpengaruh dan berwibawa. Beberapa buah cawangan PAS yang baru telah dibuka. Haji Ahmad Hussain bersama beberapa orang tokoh parti yang lain, umpamanya, telah menjalankan kempen di beberapa tempat di Gunung Semanggol. Di Kelantan, Haji Daud, guru pondok di Meranti, adalah salah seorang ulama yang berjaya didampingi oleh PAS. Beliau yang mendapat pendidikan di Pondok Kubang Benbam dan di Darul Ulum, Mekah, telah membuka pondoknya di Meranti dalam tahun 1953. Berikutan Mesyuarat Agung PAS yang ketiga yang diadakan di Titi Serong, Krian Perak, pada bulan Ogos 1954, parti itu telah membentuk Dewan Ulamanya, iaitu sebuah badan yang dianggotai oleh ahli-ahli agama termasuk ulama pondok. Dari segi pemupukan ideologi, PAS juga semakin memberi penekanan kepada perjuangan kemerdekaan dan cita-cita penghayatan Islam dalam masyarakat. Apabila Persatuan Islam Se Malaya di daftarkan sebagai Parti Islam Se Malaya pada 15 Jun 1955, ia telah muncul sebagai sebuah parti yang mampu memasukki pilihanraya kebangsaan. Di antara calonnya yang bertanding ialah Haji Ahmad Hussain yang bertanding bagi kawasan Krian, Perak.

Haji Ahmad Hussain ialah calon PAS tunggal yang memenangi pilihanraya dari sejumlah sebelas orang calon yang dipertandingkan oleh parti itu.[12] Beliau telah ditentang oleh Haji Sulaiman Haji Ahmad (Haji Sulaiman Palestin), lulusan pondok dan bekas muridnya dari Perikatan, dan Mohd Jan Mohd Ngah dari *National Association of Perak*. Seorang lagi ulama pondok yang telah bertanding tetapi mengalami kekalahan ialah Haji Mokhtar Haji Ahmad, calon PAS bagi kawasan Pasir Mas. Kemenangan yang dicapai oleh Haji Ahmad Hussain sangat kuat bergantung kepada pengaruh peribadinya sebagai ulama yang telah banyak menumpukan tenaga dan masanya kepada pendidikan Islam, kedudukannya sebagai anak Tuan Hussain Kedah yang terkenal itu, dan sokongan yang diberikan oleh orang-orang Melayu keturunan Banjar di Krian-iaitu orang-orang seketurunan Haji Ahmad sendiri. Sebahagian penting daripada penduduk Krian juga, yang kuat beragama dan yang umumnya terpengaruh oleh persekolahan pondok di situ, telah menolak bentuk kemerdekaan yang diperjuangkan oleh UMNO dan tertarik kepada PAS yang ingin mempertahankan kedudukan bangsa Melayu dan kedaulatan bahasa mereka.

Sekalipun PAS berjaya menarik minat penduduk sekitar El-Ehya Assharif, tempat lahirnya Hizbul Muslimin, khasnya disebabkan beberapa orang daripada pemimpinnya sudah sedia dikenali dan berikutan perpecahan UMNO Perak pada 1952-53, Haji Abu Bakar Al-Baqir tidaklah pula menyertai parti itu, dan apabila beliau membuat keputusan untuk bertanding dalam pilihanraya 1955 beliau tidaklah pula bertanding bagi kawasan Krian Sebaliknya beliau telah menyertai Perikatan Melayu Perak dan menjadi calon parti itu bagi kawasan Larut dan Matang. Perikatan Melayu Perak telah tewas di tangan Perikatan.[13]

Seorang lagi ulama pondok yang telah menyertai pilihanraya Kebangsaan 1955 ialah Haji Abdullah Abas Nasution, yang bertanding bagi kawasan Kedah Utara, menentang Syed Ahmad Shahabuddin (Perikatan) dan Haji Laidin Haji Abdul Manan (Parti Negara). Beliau yang menjadi pelopor UMNO Kubang Pasu dan telah bertanggungjawab membuka sebanyak 37 cawangan UMNO dalam tempoh beberapa tahun penubuhannya merasa kecewa kerana alim ulama yang telah berjuang telah tidak dipilih menjadi calon dan telah mengambil tindakan keluar daripada UMNO menjelang pilihanraya. Haji Abdullah Abas telah bertanding sebagai calon bebas. Seperti Haji Abu Bakar Al-Baqir beliau juga telah mengalami kekalahan.[14]

Parti Negara yang ditubuhkan oleh Datuk Onn pada bulan Februari 1954 juga berusaha memikat hati ulama, termasuk ulama pondok, dalam perjuangannya membela nasib bangsa Melayu. Ketika parti tersebut memasukki Terengganu, ia telah berjaya menawan hati sekurang-kurangnya seorang ulama pondok, iaitu Haji Abas, seorang tokoh yang pernah aktif dalam Kesatuan Melayu Muda sebelum pergerakan itu diharamkan, dan berjaya menempatkan beliau sebagai salah seorang calonnya dalam pilihanraya peringkat negeri bagi tahun 1954. Haji Abas yang dilahirkan pada 1909 mendapat pelajaran pondoknya di Kuala Besut, dan selepas itu melanjutkan pendidikannya di Masjidil Haram dan di India. Semasa belajar di Mekah, yang memakan masa lebih kurang lapan tahun, beliau telah berguru dengan Syekh Said Yamani, Syekh Mohd Patani dan Syekh Ali Maliki, dan telah bersahabat dengan anak-anak Malaysia yang pada kemudian harinya menjadi ulama pondok terkenal di tempat masing-masing, seperti Haji Abdullah Tahir. Ketika di India, Haji Abas telah menuntut di Madrasah Jamiah Dabhel-Simlak dan Darul Ulum, Deoband. Semasa berada di seberang laut, Haji Abas telah pun mempunyai kecenderungan terhadap politik: beliau membaca majalah-majalah seperti *Al-Manar,* mengikuti pergerakan Wahabi dan perjuangan *Young Turks* di Turki, dan telah terpengaruh oleh perjuangan Liga Muslim di benua kecil India. Pada peringkat awal setelah pulang ke tanahair, beliau hanya mengajar di surau-surau, madrasah, masjid dan di rumahnya sendiri. Selepas itu Haji Abas telah terlibat dalam pembentukan beberapa buah sekolah, sama ada secara bersendirian atau bersama ulama lain, dan institusi-institusi tersebut termasuklah Pondok Jamiah Diniyah, Bukit Puteri, Jamiah Diniyah Ittifaqiah, Jerteh, Madrasah Al-Maarif, juga di Besut, dan Pondok Tok Jiring, Kuala Terengganu. Haji Abas begitu tertarik kepada perjuangan Parti Negara, berikutan penerangan yang diberikan oleh seorang pemimpin tempatan parti itu, Wan Daud, sungguhpun aspek keislaman tidak begitu ketara pada pertubuhan siasah tersebut. Dalam hubungan ini, beliau menyetujui perjuangan Datuk Onn yang ingin membela orang Melayu. Dalam masa yang sama Haji Abas mempunyai kecenderungan untuk menggunakan Parti Negara sebagai *platform* bagi membuat kebajikan terhadap masyarakat sekeliling. Dalam pilihanraya yang berlangsung, Haji Abas yang bertanding bagi Kawasan Kuala Terengganu Utara telah ditewaskan oleh Ibrahim Fikri, calon Perikatan. Beliau mendapat 1,536 undi berbanding dengan lawannya yang memperolehi 1,553 undi. Kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Perikatan di mana-mana sama ada dalam pertentangannya dengan PAS, Parti Negara atau lain-lain, kuat sekali ditentukan oleh perjuangan kemerdekaan yang diterajuinya.

Haji Abdullah Fa'him yang pernah terlibat dengan aktifnya dalam UMNO dan PAS telah pun meninggalkan politik kepartian sebelum berlangsungnya Pilihanraya Kebangsaan 1955 lagi. Walau bagaimanapun, selaku Mufti Pulau Pinang dan Seberang Prai, beliau telah terbabit dalam satu kontroversi mengenai fatwa yang dikeluarkan berkaitan dengan pilihanraya. Fatwa tersebut yang antara lain mewajibkan orang Islam memilih calon yang seagama dengan mereka telah menimbulkan kemarahan UMNO sehingga timbul tuduhan bahawa pengeluarannya telah didatangi oleh PAS. Haji Abdullah Fa'him telah menafi keterlibatannya mengeluarkan fatwa itu. Sebagai satu persoalan yang berbangkit di waktu pilihanraya, ia telah menjadi isu penting, sekurang-kurangnya ia telah mempengaruhi sedikit sebanyak kemenangan Haji Ahmad Hussain di Krian.

Jangka waktu sepuluh tahun pertama selepas tamatnya Perang Dunia Kedua telah menyaksikan penglibatan besar, meluas dan berterusan ulama pondok dalam kegiatan siasah, khasnya politik kepartian. Penyertaan mereka memperlihatkan tiga ciri utama. Pertama, terutama sekali di peringkat awal, pembabitan mereka dalam kehidupan politik lebih merupakan reaksi kepada cabaran dan ancaman yang dihadapi oleh masyarakat dan negara. Bersama-sama pemimpin-pemimpin sosial yang lain, mereka telah tampil kehadapan dalam perjuangan menentang Bintang Tiga dan Malayan Union, umpamanya. Kedua, dalam situasi di mana kemampuan dan kebolehan mereka dirasa terhad, atau kedapatan tokoh-tokoh lain yang dianggap lebih berwibawa, ulama pondok telah menyerahkan peranan utama perjuangan kepada golongan-golongan lain dan membiarkan diri mereka menjadi penyokong-penyokong cita-cita pergerakan, atau sekadar menjadi penghubung di antara pertubuhan mereka dengan masyarakat besar. Sebagai contoh, ini jelas terbukti apabila Haji Hussein Che' Dol dan Haji Abdullah Abas Nasution bersama beberapa tokoh Kesatuan Melayu Kedah yang lain menemui Sayid Omar Shahabuddin agar beliau memimpin UMNO Kedah, dan apabila Haji Wan Abdul Latif menyertai PKMM dan Haji Abas melibatkan diri dalam perjuangan Parti Negara. Dalam kedua-dua keadaan ini persekitaran dan realiti telah mendefinisikan perjalanan hidup mereka, dan bukan sebaliknya. Ketiga, ulama pondok juga pernah berusaha memegang teraju organisasi dan mendefinisikan keadaan mengikut pegangan politik mereka. Ini telah berlaku khasnya apabila Haji Ahmad Fuad, Haji Ahmad Maliki, Haji Abdullah Fa'him, Haji Ahmad Badawi serta tokoh-tokoh UMNO yang lain membuat keputusan menegakkan PAS sebagai sebuah parti politik. Ciri-ciri ini terus terdapat dalam

penglibatan ulama-ulama pondok selepas pilihanraya 1955; cuma aspek-aspek ini pada umumnya telah tergabung dalam satu jenis penyertaan, iaitu apabila sebilangan besar daripada mereka bergerak dalam PAS.

ULAMA PONDOK DAN POLITIK ISLAM

Kemenangan yang diperolehi oleh PAS di Krian, Perak, yang telah disifatkan oleh bekas ahli Dewan Negara PAS, Amaluddin Darus, "sebagai harapan untuk PAS dan ... hiburan kepada calon-calon PAS yang kalah", telah juga menjadi perangsang kepadanya untuk memberi penumpuan yang lebih kepada ulama pondok dalam perjuangan politik kepartian. Daerah-daerah yang masih tebal dengan tradisi persekolahan pondok khasnya di Kedah, Kelantan dan Terengganu, telah menjadi sasaran penting parti itu. Tokoh-tokoh ulama parti, termasuk beberapa orang ulama pondok yang sudah sedia ada di dalam parti, telah memain peranan mendekatkan ulama dan masyarakat pondok kepada PAS. Perjuangan Islam menjadi objek perjuangan PAS dan idea ini cuba disalurkan kepada audiennya termasuk ulama pondok. PAS tidaklah menghadapi kesukaran untuk mengembangkan pengaruhnya di kawasan pondok, kerana masih banyak lagi daerah-daerah di Semenanjung Malaysia yang mempunyai institusi tersebut dan kerana orientasi guru-guru pondok terhadap Islam sememangnya tebal. Di antara puluhan pondok di Negeri Kedah yang mendapat perhatian parti tersebut ialah Madrasah Al-Taufikiah, Padang Lumut, yang dipimpin oleh Haji Yahya Junid, dan Madrasah Al-Nahdah, Bukit Besar yang dikendalikan oleh Haji Othman Yunus Haji Yahya Junid telah meninggalkan UMNO dalam tahun 1954 dan telah melibatkan diri dalam PAS selaku pemimpinnya, satu keputusan yang menyebabkan perasaan tidak senang di kalangan penyokong-penyokong UMNO di Padang Lumat. Sebungan dengan ini beliau pernah memegang jawatan Yang Dipertua PAS, cawangan Padang Lumut, Timbalan Pesuruhjaya PAS Kedah dan Ketua Dewan Ulama PAS Kedah.

Haji Othman pula ialah anak seorang guru pondok di Mata Air Perlis, dan di tempat itu jugalah beliau mula-mula mendapat pendidikan agamanya selama lebih kurang enam tahun. Seterusnya beliau telah melanjutkan pelajarannya di Kelantan, iaitu di Masjid Muhammadi, di Pondok Kenali dan di Pondok Bunut Payung. Sebelum berangkat pulang, Haji Othman telah menjadi guru pembantu di Bunut Payung, dan dalam tahun 1946 telah mengasaskan pondoknya yang terkenal itu di Bukit Besar. Berikutan penglibatan beliau dalam PAS, Madrasah Al-Nahdah telah dikunjungi

oleh ramai pemimpin-peminpin parti itu, dan mereka termasuklah Mohd Asri Haji Muda, Abu Bakar Omar dan Abu Bakar Hamzah. Dalam mesyuarat agung PAS pada bulan Disember 1958, Haji Othman Yunusi telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Parti bagi negeri Kedah. Rakan seperjuangan Haji Yahya Junid dalam Kesatuan Melayu Kedah, Persatuan Ulama Kedah dan UMNO, Haji Abdullah Abas Nasution, yang telah meninggalkan UMNO, juga telah menyertai PAS. Beliau kemudiannya telah muncul sebagai Setiausaha PAS, Bahagian Kubang Pasu dan Kuala Nerang, dan seterusnya Ketua Ulama PAS, Kedah, dan Ketua Jawatankuasa Dakwah Pusat PAS. Di Kelantan, di antara pondok-pondok yang mendapat perhatian awal dari PAS ialah Madrasah Al-Ahmadiah, Bunut Payung, yang diterajui oleh Haji Abdullah Tahir dan menantunya, Haji Hussein Rahimi, dan Madrasah Muhammadiah, Kubang Benbam, Pasir Mas, yang diusahakan oleh Haji Abdul Ghani. Haji Abdullah Tahir yang dilahirkan pada 1897 ialah salah seorang murid tua Tok Kenali. Di samping belajar di Pondok Kenali selama lima belas tahun, beliau juga telah menuntut di Padang Garung dan di Mekah, di mana beliau telah berguru dengan Syekh Ali Maliki, Syekh Said Yamani dan Syekh Mohd Patani. Pada 1931, Haji Abdullah Tahir telah membuka pondoknya di Bunut Payung. Madrasah Al-Ahmadiah telah berkembang maju dan pada beberapa ketika ia telah didatangi oleh pelajar-pelajar dari luar Kelantan, termasuk pelajar-pelajar dari Indonesia, Kemboja dan Thailand. Haji Hussein Rahimi mendapat pendidikan awal dari bapanya, Haji Mat Saman; selepas itu beliau telah berguru pula dengan Haji Mat Garang di Pondok Gong Datuk dan Haji Mat Jebing di Pondok Kenali. Haji Hussein Rahimi juga telah menghabiskan masa sepuluh tahun menuntut di Pondok Bunut Payung sebelum belayar ke Mekah di mana beliau telah tinggal belajar selama empat tahun. Setelah pulang ke tanahair beliau telah mengajar di samping bapa mertuanya, Haji Abdullah Tahir. Haji Abdul Ghani juga ialah anak seorang ulama pondok. Bapanya, Haji Awang, juga merupakan guru beliau. Tidak seperti kebanyakan ulama pondok yang lain, Haji Abdul Ghani tidak pernah mendapat pelajaran di luar negeri tumpah darahnya. Tempat-tempat lain di negeri Kelantan yang pernah menjadi tempat belajarnya ialah Pondok Lati, Masjid Muhammadiah, Pondok Padang Jelapang dan Pondok Kubang Pasu. Pada 1936, Haji Abdul Ghani telah mengajar di Pondok Padang Jelapang, dan setahun kemudian mengajar pula di Pondok Muhammadiah, Kubang Benbam. Persekolahan yang diusahakan oleh beliau menjadi begitu popular sehingga pondoknya berjaya mendapat pelajar-pelajar dari Thailand, Kemboja dan Singapura, dan sehingga ia

lebih dikenali dengan nama Pondok Tok Guru Haji Ghani. Salah satu sebab kemasyhuran beliau ialah kebolehannya yang luar biasa dalam ilmu keagamaan sekalipun beliau tidak pernah menuntut di luar negeri.

Madrasah Ahmadiah di Bunut Payung, Kota Bharu, juga telah mendapat perhatian istimewa PAS kerana di situlah berlangsungnya Mesyuarat Agungnya yang Ke-4 pada tahun 1955. Ramai ulama dan murid pondok yang turut serta dalam perhimpunan itu untuk mendengar tentang perjuangan parti tersebut. Kedudukan Haji Abdullah Tahir dan Haji Hussein Rahimi selaku guru di sekolah pondok terkenal itu menjadi tarikan tersendiri sehingga menyebabkan PAS memperolehi pengaruh hasil daripada penglibatannya di Bunut Payung.

PAS yang telah pun melantik Mohd Asri Haji Muda sebagai Pesuruhjaya parti bagi negeri-negeri Kelantan dan Terengganu semenjak awal 1955 dan telah bergerak dengan rancak menerusi usaha-usaha pemimpin-pemimpin tempatnya, seperti Ahmad Azam dan Daud Samad, tidak juga ketinggalan memberi perhatiannya kepada pondok-pondok di Terengganu. Pondok-pondok yang mendapat tumpuan parti tersebut ialah Pondok Haji Abdul Latiff di Besut, Pondok Haji Kadir di Padang Midin, Pondok Haji Abas di Tok Jiring, Pondok Haji Shafie Sulong di Durian Guling, Pondok Haji Zainal Abidin di Dungun dan Pondok Haji Mat Shafie yang dikelolakan oleh Haji Mat Teresat di Losong, Haji Abdul Latiff ialah guru pondok di Alor Keladi, dan mendapat pendidikannya di Pondok Tuan Guru Haji Umar di Kampung Raja dan di Pondok Haji Abas di Bukit Putri, Besut. Setelah itu beliau telah melanjutkan pelajarannya di Mekah. Tidak lama selepas pulang ke tanahair dalam tahun 1949, Haji Abdul Latiff telah membuka pondoknya di Alor Keladi. Haji Kadir yang dilahirkan di Padang Midin mendapat pendidikannya di Pondok Haji Mat Shafie, di Masjid Muhammadi, Kelantan, termasuk di bawah Haji Ahmad Mahir, dan di Madrasah Al-Aminiah dan di Darul Ulum, Deoband, India. Tidak lama setelah pulang ke Malaya, Haji Kadir telah membuka sebuah persekolahan pondok di kampung asalnya. Haji Zainal Abidin pula, yang menjadi pengasas pondok di Pulau Serai, Dungun, menerima pendidikannya di Pondok Haji Lebai Jusoh, Dungun, Pondok Haji Mat Shafie, Losong, dan di Kelantan, iaitu di Pondok Kenali dan di Masjid Muhammadi. Haji Mat Teresat, cucu menantu kepada Haji Mat Shafie, mendapat pelajaran awalnya di Belada, di Losong dan di Mekah. Dari kalangan ulama pondok di Terengganu, maka Haji Abdul Latiff, Haji Kadir, Haji Abas (yang telah meninggalkan Parti Negara), Haji Shafie Sulong dan Haji Zainal Abidin telah menyertai parti yang sedang berkembang itu.

Amat jelas sekali usaha meneroka kawasan pondok dan menawan hati tuan-tuan guru yang dilakukan secara sistematis dan menyeluruh oleh PAS, umumnya telah mencapai kejayaan. Dalam konteks ini tokoh-tokoh parti yang bukan daripada kalangan ulama telah memain peranan besar. Mohd. Asri Haji Muda, Mohd Nasir dan Amaluddin Darus di Kelantan, Ahmad Azam dan Daud Samad di Terengganu, dan Abu Bakar Umar dan Abu Bakar Hamzah di Kedah, adalah di antara pemimpin-pemimpin PAS yang telah bergiat mendekati guru-guru tersebut dan mengadakan perbincangan dengan mereka tentang isu-isu semasa perjuangan kebangsaan dan cita-cita keislaman mereka. Seorang lagi tokoh PAS yang terlibat dalam perancangan menarik dan membabitkan ulama pondok dalam program PAS ialah Othman Abdullah. Beliau terutama sekali telah bergerak dari satu kawasan pondok ke satu kawasan pondok yang lain dalam rangka usahanya mendapat sokongan persekolahan pondok. Di Kelantan seorang ulama dan bekas pegawai Majils Hal-Ehwal Agama yang turut bertanggungjawab membawa guru-guru pondok ke dalam PAS ialah Haji Ishak Lotfi bapa saudara kepada Mohd Asri Haji Muda, yang menyertai parti itu secara aktif dalam tahun 1959. Penerangan mengenai PAS sebagai sebuah pertubuhan Islam dan penghormatan yang mereka berikan kepada golongan ulama pondok itu menyebabkan pihak berkenaan memberi kesanggupan dan seterusnya menunjukkan komitmen terhadap pergerakan PAS. Dengan kehadiran mereka di sebelah pihak PAS maka telah wujud jambatan yang mampu menghubungi parti tersebut dengan rakyat jelata. Bagi parti itu, seperti yang pernah dijelaskan oleh Haji Nik Aziz, Ketua Dewan Ulama Pas, sekolah-sekolah pondok menjadi janakuasa yang membekal dan mengalirkan tenaga politik. Malah bukan sedikit murid-murid pondok yang mendukung cita-cita PAS, walaupun biasanya ramai daripada mereka tidak boleh mengundi (disebabkan umur yang tidak mencukupi), menjadi kader-kader parti yang menguruskan perjalanan pilihanraya, atau sekadar menampalkan poster-poster PAS di pondok mereka tanda kesetiaan mereka atau satu tindakan mengiklankan parti itu kepada komuniti luar atau anggota masyarakat besar yang berkunjung ke kawasan pondok. Dalam suasana seperti ini, persekolahan pondok telah bertukar menjadi *constituency* parti, selain daripada menjadi benteng pertahanan kepada kehidupan tradisi. PAS Kelantan yang melihat dirinya sebagai pembela keislaman dan kemelayuan penduduk negeri itu dari ancaman ideologi politik sekular, perkembangan ekonomi kapitalis, kebudayaan moden dan penghijrahan bangsa lain dari "luar", bergerak seiring dengan ulama dan masyarakat pondok yang kental dengan fahaman

tradisi itu. Perhubungan erat ini melahirkan ikatan sentimental dan material yang mendalam dan berterusan sehingga membolehkan PAS bertapak di negeri itu. *Supportive environment* yang disediakan oleh persekolahan pondok juga mempengaruhi pendekatan parti itu apabila ia dihadapkan dengan tekanan politik dan ekonomi dari Perikatan.

Satu perkembangan menarik hasil daripada penerokaan persekolahan pondok dan penawan hati tuan-tuan guru ialah penyertaan yang semakin bertambah oleh ulama tersebut dalam pilihanraya. Sekalipun terdapat beberapa orang dari kalangan mereka yang menolak pelawaan untuk bertanding, atas alasan-alasan tertentu, sebilangan penting ulama pondok yang baru menyertai PAS telah menjadi calon dalam pilihanraya 1959. Di Kelantan, mereka yang telah memasuki pertandingan ialah Haji Hussein Rahimi, Haji Harun, Haji Che Hassan, Haji Daud, dan Haji Nik Abdullah Arshad. Haji Harun, ulama yang pernah belajar di Pondok Padang Jelapang, Masjid Muhammadi dan Mekah, ialah guru pondok di Lemal, Pasir Mas. Haji Che Hassan, yang juga mengajar di sebuah pondok di Pasir Mas, juga mendapat pendidikannya di Mekah. Sementara Haji Abdullah Arshad pula, walaupun tidak begitu dikenali sebagai ulama pondok, mendapat pelajaran agama dari bapanya di Pondok Tok Kedah, di Pondok Bunut Payung, dan di Jame Murba, iaitu Maahad Muhammadi. Beliau juga pernah menjadi guru di pondok bapanya-yang juga dikenali sebagai Madrasah Al-Mardiyyah-di Kampung Pancur, Kota Bharu. Bersama puluhan calon-calon PAS yang lain, ulama-ulama pondok ini telah memperolehi kemenangan[15] dalam pilihanraya, dan kemenangan ini (kecuali kemenangan Haji Hussain Rahimi, yang bertanding untuk Dewan Parlimen) turut menjadi sumbangan kearah penubuhan kerajaan PAS di Kelantan. Di Terengganu, penyertaan tiga daripada beberapa orang ulama pondok yang telah menyertai PAS dan pilihannya 1959 telah menambahkan kerusi kemenangan kepada parti itu sehingga membolehkannya membentuk kerajaan. Walau bagaimanapun, hanya dua orang daripada mereka, iaitu Haji Kadir dan Haji Shafie Sulong, sahaja yang telah berjaya,[16] sementara Haji Abas telah tewas di tangan calon Perikatan dan ahli politik terkemuka Terengganu, Ibrahim Fikri.[17]PAS Kedah berada dalam situasi yang lain. Di peringkat negeri, Haji Yahya Junid telah bertanding menentang calon Perikatan, Hamidah bt Omar, dan calon Barisan Sosialis, Azizan bin Johari, bagi kawasn Sik-Gurun, tetapi telah mengalami kekalahan;[18] begitu juga Haji Ahmad Kodiang, yang telah ditewaskan oleh Perikatan di Tunjang. Haji Hussein Che'Dol pula telah dikalahkan oleh Mohd Khir Johari untuk merebut kawasan parlimen Kedah Tengah;[19] kekalahan

juga telah diterima oleh Haji Abu Bakar Palestin di Kota Star Utara, Haji Abdullah Abas Nasution di Kubang Pasu Barat, Haji Hussain Langgar di Jitra-Padang Terap, dan Haji Othman Yunusi di Kota Star Selatan. Haji Abu Bakar yang belajar selama empat belas tahun di Mekah pernah mengajar di Pondok Lat, Air Hitam sebelum membuka pondoknya di kawasan yang sama. Sementara di Perak, Haji Abdul Samad Noh yang telah bertanding bagi kawasan-kawasan parlimen (Ulu Perak) dan negeri (Lenggong) juga telah kalah di tangan calon-calon Perikatan.[20] Nasib yang sama telah dialami oleh Haji Ahmad Hussain, pemenang tunggal PAS dalam pilihanraya 1955, yang telah dikalahkan di kawasan parlimen Krian Laut.[21] Bahawa begitu ramai sekali ulama pondok yang menyertai pilihanraya dalam tahun 1959 merupakan satu episod penting dalam proses politik Malaysia dan pembabitan mereka dalam pilihanraya tahun tersebut adalah mercu kepada penglibatan golongan tersebut dalam politik kepartian. Di Kelantan danTerengganu khasnya, kemenangan mereka kuat sekali berpunca dari kedudukan sosial mereka yang berpengaruh, di kawasan-kawasan pendalaman tempat mereka bertanding, di samping ditentukan oleh perjuangan keislaman dan kemelayuan PAS. Berkaitan dengan ini, maka penumpuan yang diberikan oleh parti itu kepada cita-cita negara Islam-*Baldatun tayyibatun warrabun ghafurr*-penekanan yang diberi kepada nasib orang-orang Melayu yang dirasa telah terjejas oleh pemerintahan Perikatan, dari segi politik, ekonomi dan sosial, penggunaan wang loteri dan arak oleh kerajaan pusat bagi pembiayaan projek-projek seperti masjid, dan sebagainya telah berjaya menarik perhatian masyarakat pendalaman, terutama di Pantai Timur. Sebaliknya, Perikatan yang sememangnya tidak membuat perancangan untuk membabitkan ulama pondok secara besar-besaran, tidaklah pula memberi pemberatan kepada golongan tersebut dalam pilihanraya sama ada sebagai calon atau selaku penyokong. Tetapi ini tidaklah bermakna tidak terdapat langsung ulama pondok yang melibatkan diri dalam parti itu menjelang atau ketika pilihanraya 1959. Pada bulan Mei, iaitu sebulan sebelum pilihanraya diadakan, Haji Ahmad Maliki, salah seorang pengasas PAS yang kemudiannya menyertai UMNO, telah menjalankan kempen-kempen menentang Pas. Sementara Haji Omar Langgar, yang semenjak dari awal lagi menjadi penyokong UMNO, telah bertanding menentang calon PAS di Langgar Limbong, dan telah memperolehi kemenangan.[22] Sehubungan dengan pilihanraya, isu kemerdekaan, perhubungan-perpaduan kaum mengikut perspektif UMNO dan pembangunan material tidak begitu berjaya mempengaruhi ulama pondok dan pengikut-pengikut mereka di luar bandar dan desa. Kemajuan yang

berupa pragmatisme dalam kehidupan berpolitik, liberalisme dalam pengurusan ekonomi dan sekularisme dalam perubahan sosial gagal apabila berdepan dengan konservatisme yang cuba mempertahankan nilai-nilai tradisi yang sudah lama terpupuk di dalam masyarakat pendalaman.

Dengan penubuhan kerajaan-kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu, pengaruh sosial ulama pondok dan peri pentingnya mereka dalam politik kepartian telah semakin dirasai. Ulama-ulama pondok yang memenangi pilihanraya bukan sahaja telah menjadi wakil rakyat, tetapi juga telah mulai terlibat dalam proses pembuat keputusan dalam kerajaan. Beberapa orang daripada mereka, termasuk beberapa orang ulama pondok yang tidak menyertai pilihanraya, seperti Haji Ghani dan Haji Mohd Nor Teliar, tetapi telah bergerak aktif dalam parti, diangkat menjadi anggota Dewan Ulama PAS. Haji Mohd Nor, yang mendapat pendidikannya di Pondok Haji Awang, Lambor, dan telah menuntut selama sebelas tahun di Bunut Payung dan empat tahun di Mekah, ialah pengasas pondok Teliar, Pasir Mas. Beliau telah didampingi oleh pemimpin-pemimpin PAS Kelantan di akhir tahun lima puluhan ketika rancangan membabitkan ulama-ulama pondok dalam parti itu berjalan dengan rancaknya. Satu lagi aspek perhubungan di antara PAS dengan ulama pondoknya, juga di Kelantan, yang telah menjalinkan lagi perikatan mereka ialah langkah kerajaan negeri memberi sagu hati dan gaji kepada ulama pondok yang bertugas sebagai mubaligh, menyedia bantuan untuk sekolah-sekolah pondok dan membekalkan biasiswa kepada pelajar-pelajar pondok yang berjaya. Satu perkembangan yang menggemparkan komuniti pondok dan sedikit sebanyak menjejaskan penglibatan ulama pondok dalam politik kepartian di Kelantan ialah tindakan kerajaan pusat menahan beberapa orang tokoh PAS, termasuk ulama pondoknya, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 1963. Mereka yang ditangkap termasuklah Haji Che Hassan. Haji Mohd Nor Teliar, Haji Nik Abdullah Arshad, Haji Omar Daud dan Haji Abu Bakar. Haji Omar Daud yang juga telah membuka pondok di Pasir Mas, iaitu di Kampung Baru Pak Hussein, mendapat pendidikannya di Pondok Lati, Bunut Payung dan Mekah. Sementara Haji Abu Bakar pula, yang mendapat pelajarannya di Darul Ulum, Mekah, ialah pengasas pondok Bukit Tiu, yang berkembang antara tahun-tahun 1945-1951. Penahanan ke atas pemimpin-pemimpin PAS ini dilakukan berikutan pengeluaran satu fatwa daripada salah seorang ulama PAS berkenaan yang mengkafirkan orang-orang Islam yang melantik orang-orang kafir sebagai pemimpin mereka, atau menyokong atau bersubahat dengan orang-orang kafir, yakni satu

kenyataan yang secara langsung menyentuh gabungan UMNO-MCA-MIC. Namun begitu, sokongan moral dan material yang diberikan oleh masyarakat kepada penglibatan ulama pondok dalam politik, sogokan-sogokan yang mereka terima dari kerajaan, dan simpati serta komitmen mereka kepada cita-cita Islam menyebabkan golongan tersebut umumnya terus mendampingi dan menyanjungi PAS. Di antara beberapa orang lagi ulama pondok yang telah mengekalkan kesetiaan mereka kepada PAS ialah Haji Mohd Nor But dan Haji Mustaffa, Haji Mohd Nor menerima pendidikannya di Pondok But, Pondok Tok Kenali, Masjid Muhammadi dan Mekah. Beliau yang pernah mengajar di Pondok Bunut Payung sebelum mendirikan pondoknya di But, pernah berkempen dalam pilihanraya 1959 dengan memberi sokongan kepada Haji Hussain Rahimi yang menjadi birasnya. Haji Mustaffa juga ialah murid Pondok Tok Kenali dan pernah juga menuntut di Mekah. Bersama saudaranya Haji Abdul Aziz beliau telah mengendalikan pengajian pondok di Terusan, Pasir Tumbuh.

Kekejutan yang di terima oleh Perikatan dalam Pilihanraya 1959 di Kelantan dan Terengganu telah membuatnya memberi penumpuan yang lebih kepada ulama dan persekolahan pondok dalam usahanya memenangi hati rakyat dan mengurangkan pengaruh PAS. Ulama-ulama pondok yang pernah menyertai UMNO di zaman permulaan parti itu telah dikerah atau dihubungi kembali bagi mendapat sokongan dalam menentang jentera PAS. Haji Idris dari Alor Mengkudu, Haji Omar dari Langgar dan Haji Tajuddin dari Melele, di Kedah, adalah di antara mereka yang telah dibawa oleh pemimpin-pemimpin utama UMNO untuk berkempen, dengan harapan kehadiran mereka dalam rapat umum atau ceramah boleh menawan hati rakyat. Mereka disifatkan sebagai tokoh yang mewakili Islam; oleh itu kehadiran, apatah lagi ucapan penyokongan mereka, diharapkan dapat memberi imej keislaman kepada perjuangan Perikatan. Perikatan sedikit sebanyak telah mencapai kejayaan di Terengganu apabila ia berjaya "menarik" Haji Kadir, Haji Abas serta beberapa tokoh PAS lain menyertai UMNO, sehingga membawa kepada kejatuhan kerajaan PAS di negeri itu. Haji Kadir telah keluar dari PAS pada 22 Oktober 1961 dan telah memasukki UMNO beberapa hari kemudiannya. Haji Abas yang telah pun menjadi Senator PAS telah dilantik sebagai Pegawai Penerangan UMNO. Dalam pilihanraya 1964. Haji Wan Latif, yang menjadi ahli UMNO pada awal 1950an, dan pernah menolak pelawaan untuk bertanding dalam pilihanraya-pilihanraya sebelumnya, telah dipertandingkan di kawasan Ulu Besut. Beliau walau bagaimanapun telah mengalami kekalahan di tangan bekas muridnya,

Lukman Abdul Kadir[23]. Seorang lagi ulama pondok yang telah didampingi UMNO di Terengganu ialah Haji Muhammad, guru pondok di Kuala Besut. Beliau yang dilahirkan di Tnat Dang, Thailand, dan anak kepada ulama terkenal, Haji Hussain, mendapat pelajaran daripada bapanya dan di Mekah, dan berguru dengan Syekh Daud Patani dan bersahabat dengan Tok Kenali dan Haji Abdullah Tahir ketika di tanah suci. Haji Muhammad yang tidak terlibat secara aktif dalam Perikatan hanya telah menghadirkan diri dalam perjumpaan-perjumpaan UMNO.

Perikatan pada umumnya tidak begitu berjaya di Kelantan, di mana ulama dan persekolahan pondok pada keseluruhannya mengekalkan sokongan mereka kepada PAS. Malah Haji Che Hassan dan Haji Nik Abdullah Arshad yang masih berada di dalam tahanan ketika berlangsungnya pilihanraya telah terus menjadi calon parti dan telah menang. Walau bagaimanapun, Haji Mohd Nor Teliar dan Haji Omar Daud telah memasukki UMNO setelah mereka dibebaskan. Kedua-dua mereka seterusnya telah mengikuti dan menyertai kempen-kempen UMNO menentang PAS, khasnya dalam pilihanraya 1969. Haji Mohd Nor juga kemudiannya telah menjadi Ketua Dewan Ulama Barisan Nasional Kelantan. Seorang lagi ulama pondok yang turut memberi sokongan kepada Perikatan ialah Haji Hasbollah. Beliau ialah guru pondok di Kampung But, dan telah mendapat pelajarannya di Pondok But, Pondok Tok Kenali dan di Mekah. Haji Che Hassan yang telah mengekalkan kerusi Tendongnya telah mendapat 4,416 undi berbanding dengan calon Perikatan yang hanya mendapat 2,245 undi; sementara Haji Nik Abdullah Arshad yang mempertahankan kerusi Kota Bharu Pantainya memperolehi 4,631 undi, sedangkan lawannya, calon Perikatan, mendapat 2,124 undi. Kedua-dua Haji Harun dan Haji Daud juga telah menang dengan majoriti yang banyak dalam pertandingan mereka di kawasan-kawasan masing-masing, iaitu Lemal dan Tumpat Barat. Persoalan pembabitan UMNO dalam gagasan yang melibatkan kaum lain, dan kedudukan orang Melayu serta status Bahasa Malaysia yang masih mundur yang dibangkitkan oleh PAS nampaknya lebih popular di kalangan rakyat. Ternyata isu konfrontasi yang begitu popular di negeri-negeri lain, janji-janji pembangunan yang dibuat oleh kerajaan pusat untuk kemajuan Kelantan dan tekanan-tekanan lain yang dikenakan ke atas PAS tidak mampu mengubah pendirian ulama pondok dan pengundi Kelantan. Nasib ulama-ulama pondok PAS di negeri-negeri lain tidaklah sebegitu baik. Di Terengganu, Haji Shafie Sulong, yang telah bertanding di Kemaman Utara, telah mengalami kekalahan teruk di tangan calon Perikatan. Beliau yang telah berpindah kawasan nampaknya telah gagal

mendapat sokongan masyarakat berbanding dengan kedudukannya ketika bertanding di Binjai dalam tahun 1959.[24] Haji Yahya Junid yang bertanding di Sala, Kedah, sekali lagi mengalami kegagalan; cuma undi majoriti yang diperolehi oleh lawannya tidaklah begitu besar. Haji Hussein Che' Dol pula yang cuba merebut kerusi parlimen Kedah Tengah dari Mohd.Khir Johari juga tidak memperolehi kejayaan. Manakala Haji Othman Yunusi yang juga telah menyertai pilihanraya dengan bertanding di kawasan parlimen Jerai juga menempuh kegagalan. Di Perak, Haji Samad Noh yang bertanding di Larut Utara telah menghadapi nasib yang serupa.

Di sepanjang pilihanraya-pilihanraya yang berikutnya, penglibatan ulama pondok semakin berkurangan, walaupun terdapat beberapa buah persekolahan pondok yang terus menjadi kawasan tempat parti-parti bergerak. Dalam pilihanraya 1969, ketika mana ramai tokoh-tokoh Perikatan berjaya ditewaskan oleh calon-calon PAS, hanya segelintir kecil daripada mereka yang menyertai pilihanraya atau menang dalam pertandingan terdiri daripada ulama pondok. Mereka berkenaan termasuklah Haji Harun di Kelantan dan Haji Abdul Samad Noh di Perak. Dalam pilihanraya 1974, iaitu setelah PAS menyertai Barisan Nasional, jumlah penglibatan ulama pondok dalam pilihanraya juga tidak bertambah. Daripada sejumlah kecil ulama pondok yang bertanding ialah Haji Abdullah Arshad yang bertanding (dan menang) di Sering dan Haji Harun yang bertanding (dan menang) di Lemal, Kelantan, dan Haji Yahya Junid yang bertanding (dan menang) di Sala, Kedah. Di peringkat parlimen pula ulama pondok, juga dari PAS, yang menyertai pilihanraya ialah Haji Zakaria. Beliau yang telah bertanding di Rantau Panjang telah mengalahkan calon Bebas, Abdul Rashid Ahmad. Haji Zakaria yang mendapat pendidikan pondok di Thailand dan pelajaran di Mekah telah mendirikan pondoknya di Meranti dalam tahun 1953. Kemenangan yang diperolehi oleh ulama-ulama pondok ini sebahagiannya adalah disebabkan ketiadaan penentangan seperti masa-masa lalu, ketika mana Perikatan menjadi pencabar utamanya. Bilangan ulama pondok yang bertanding dalam pilihanraya seterusnya telah semakin merosot. Dalam pilihanraya 1978, dua tiga orang daripada mereka, termasuk Haji Yahya Junid, telah bertanding. Manakala dalam pilihanraya 1982, setakat yang diketahui oleh penulis ini, jumlah penyertaan ulama pondok tidaklah bertambah. Mereka berkenaan termasuklah Haji Zakaria yang bertanding di Tendong, Kelantan, tetapi telah mengalami kekalahan ; dan Haji Samad Noh yang bertanding di Lubuk Merbau, Perak, juga mengalami kekalahan. Sebaliknya yang terdapat ialah penyertaan sejumlah penting anak-anak

atau anak-anak saudara kepada ulama pondok, iaitu satu trend yang sudahpun bermula semenjak beberapa pilihanraya-pilihanraya yang lalu. Mereka tersebut termasuklah Mohd. Haji Junid (anak kepada Syekh Haji Junid Thala, pengasas pondok kampung Lalang) dan Ahmad Helimi (anak kepada Haji Abdul Samad Noh, Madrasah Al-Yahyawiyah) di Perak, Abdul Fatah Harun (anak Haji Harun, pondok Lemal) dan Hassan Haji Ismail (anak kepada Pak Su Wel, [25] Pondok Dangar) di Kelantan, Mohd Nakhaie (anak kepada Haji Ahmad, pengasas bersama Pondok Pokok Pisang, Kupang) dan Fadhil Nor (anak saudara kepada Haji Idris Alor Mengkudu dan Haji Tajuddin Melele) di Kedah, dan Mohd. Ghazali (anak kepada Haji Mat Tereset, Guru di Pondok Haji Mat Shafie Losong) dan Haji Abdul Hadi Awang (anak kepada Haji Awang, Ulama yang berkelulusan pondok) di Terengganu. Sungguhpun mereka ini mempunyai kedudukan tersendiri dalam masyarakat, berdasarkan pendidikan dan kebolehan mereka, namun bukanlah suatu perkara yang tidak mungkin sekiranya kekuatan mereka sebagai ahli politik sedikit sebanyak dipengaruhi juga oleh pengaruh bapa atau bapa saudara mereka selaku ulama pondok yang dimulia dan disegani masyarakat.

PENUTUP

Bahawa jumlah ulama pondok yang menyertai politik kepartian pada beberapa tahun terakhir ini semakin berkurangan sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh penutupan atau kemunduran sekolah-sekolah pondok sendiri, sama ada akibat daripada kematian ataupun keuzuran guru, atau pembukaan sekolah-sekolah kerajaan yang lebih berjaya menarik kanak- kanak di kawasan pedalaman, atau kedudukan ekonomi persekolahan berkenaan terjejas apabila bantuan-bantuan dalam bentuk wakaf, zakat dan lain-lain tidak boleh atau sukar untuk disampaikan kepadanya. Sejumlah penting daripada persekolahan pondok telah mengalami transformasi dari segi bentuk dan isi berikutan langkah-langkah pemodenan yang dikenakan oleh kerajaan, dan ini juga bertanggungjawab menjejaskan status dan prestasi ulama pondok yang terlibat, kerana dengan itu mereka tidak lagi berkedudukan seperti ulama tradisional pada kacamata orang ramai. Manakala segelintir ulama pondok yang masih berpolitik pada umumnya sudah berusia lanjut, atau berada dalam keuzuran, dan tempat mereka biasanya tidak diganti oleh anak-anak mereka atau ulama pondok yang lebih muda. Tambahan pula, persekitaran yang boleh memupuk tradisi persekolahan pondok semakin sehari semakin terhakis oleh modenisasi, sehingga nilai-nilai tradisi yang berkembang bersama perjuangan ulama pondok semakin terhapus,

dan masyarakat luar bandar yang dahulunya menjadi benteng dan *constituency* kepada kehidupan berpondok pula mengalami ganguan oleh penghijrahan orang-orang muda ke bandar. Parti-parti yang pernah memberi penumpuan besar kepada ulama pondok dalam cita-cita dan usaha mereka mengembangkan pengaruh atau meluaskan sokongan orang ramai telah juga menghalakan perhatiannya kepada pihak-pihak lain, sehingga komitmennya terhadap golongan tersebut menjadi semakin berkurangan, atau ia telah pun melupakan terus tokoh berkenaan sama ada kerana mereka dikira sebagai *spent force* atau sumber yang tidak banyak lagi dapat memberi dividen politik. Tambahan pula, ulama-ulama didikan universiti tempatan dan luar negeri yang beransur-ansur mengambil tempat mereka dalam PAS dan UMNO, kelihatan lebih berwibawa, disebabkan kemampuan fizikal mereka, atau kefahaman mereka yang lebih baik tentang politik, atau keserasiaan mereka sebagai pemimpin dalam masyarakat yang telah mengalami modenisasi itu. Kenyataan ini tidaklah bermakna penglibatan ulama pondok dalam politk kepartian telahpun berakhir, kerana pada bulan Januari 1985, penyertaan mereka masih berterusan, sebagaimana yang terbukti dari berita kepemergian Haji Mohd Nor Teliar dan Haji Omar Daud ke Padang Terap untuk berkempen bagi Barisan Nasional. Haji Mohd Teliar pada ketika itu ialah ahli Dewan Negara.

Dari kalangan sejumlah kecil ulama pondok yang masih hidup, tetapi tidak semestinya aktif dalam politik kepartian, ialah Haji Abdullah Abas Nasution, Haji Abdul Rahman Merbuk, Haji Omar Langgar, Haji Othman Yunusi, Haji Harun, Haji Daud, Haji Abdul Latif, Haji Abas dan Haji Abdul Kadir. Mereka yang telah meninggal dunia termasuklah Haji Hussein Che'Dol, Haji Ahmad Hussain, Haji Abdul Samad Noh, Haji Abu Bakar Al-Baqir, Haji Abdullah Fa'him, Haji Ahmad Fuad, Haji Hussein Rahimi dan Haji Zainal Abidin. Manakala daripada sejumlah kecil sekolah pondok yang masih hidup dalam bentuknya yang asli, dengan kurikulumnya yang berbeza dari kurikulum sekolah ataupun madrasah yang dikendalikan oleh kerajaan serta pula tidak dibiayai secara langsung atau sepenuhnya oleh pihak pemerintah, ialah pondok-pondok yang terdapat di Penanti, Penang-Seberang Prai, di Lanar, Kedah, di Pasir Tumbuh, Kelantan dan di Losong, Terengganu.

Sejarah penglibatan ulama pondok dalam politik kepartian mungkin tidak lama lagi akan mengalami kesudahannya, setelah pembabitan itu berjalan selama lebih kurang empat puluh tahun. Namun sumbangan ulama pondok, persekolahan pondok dan kesan perjuangan mereka

dalam politik akan terus dirasa oleh masyarakat akan datang, kerana ilmu yang telah mereka sebarkan, idea yang telah mereka kemukakan, murid yang telah mereka lahirkan, dan perkembangan yang telah mereka pengaruhi akan seterusnya membentuk keadaan sebagaimana ia berlaku pada masa-masa lalu. Mungkin benar banyak daripada pemikiran dan pelakuan mereka telah ditentukan atau definisikan oleh realiti, sehingga penglibatan mereka dalam politik kepartian kelihatan pada umumnya merupakan tidak lebih dari reaksi kepada keadaan-keadaan sementara atau personaliti-personaliti yang lebih berpengetahuan tentang isu-isu semasa, tetapi bukanlah tokoh-tokoh yang lebih besar dalam sejarah Malaysia, yang dianggap pejuang bangsa dan negarawan, juga adalah tidak lebih daripada individu-individu yang berinteraksi dengan keadaan dan dibentuk pula oleh keadaan, berbeza dengan kedudukan di beberapa negara jiran di mana pemikiran dan pelakuan pemimpin-pemimpin sosial jauh lebih berjaya mendedahkan realiti dan seterusnya memproses dan mengubahnya mengikut kehendak dan ideal mereka.

NOTA

1. Untuk tujuan ini perhatian hanya diberi kepada Kedah, Pulau Pinang-Seberang Prai Perak, Kelantan dan Terengganu, iaitu kawasan yang mempunyai banyak persekolahan pondok.

2. Oleh itu bukanlah menjadi suatu perkara luar biasa sekiranya seseorang ulama pondok mempunyai beberapa orang isteri.

3. Berbanding dengan kebanyakan anggota masyarakat yang lain ulama pondok lazimnya tinggal di rumah-rumah besar dan mempunyai harta yang agak banyak. Kadang-kadang harta ini adalah harta-harta yang mereka pusakai.

4. Kedudukan Masjid Muhammadi menyerupai persekolahan pondok. Di sekeliling masjid tersebut, yang menjadi tempat mengajar dan menelaah, pada satu ketika, ialah ratusan buah pondok yang didiami oleh pelajar-pelajar dari ceruk rantau Kelantan dan tempat-tempat lain di dalam atau luar negeri, umpamanya Kemboja, Indonesia dan Thailand. Guru-guru yang memberi syarahan dan penerangan agama termasuklah ulama terbilang seperti Haji Mohd Said dari Linggi, Sidi Azahari dari Mekah, Tok Khurasan dari Afghanistan, dan alim ulama Kelantan sendiri.

5. Tuan Haji Hussein, seorang ulama terkenal di Kedah dan berketurunan Banjar, dilahirkan di Titi Gajah, Alor Setar. Beliau pernah belajar dengan Mufti Kedah dan menuntut di Kelantan, Patani dan Masjidil Haram. Selain daripada mengasaskan pondok di Padang Lumut, Tuan Haji Hussein juga bertanggungjawab menubuhbeberapa buah persekolahan pondok lain, termasuk di Pantai Merdeka dan Selengkohdi Kedah, dan di Pokok Sena, Seberang Prai.

6 Ulama Kedah yang masyhur dan pernah menjadi guru kepada Al-marhum Sultan Abdul Hamid.

7 Haji (Pak) Wan Sulaiman, ulama yang hidup sezaman dengan Tuan Haji Hussain, di lahirkan pada tahun 1874 dan mendapat pendidikannya di Mekah. Beliau pernah menjadi kadi dan Syekhul-Islam dalam pemerintahan Islam di Kedah, dan merupakan pengasas Madrasah Hamidiah, di Limbong Kapal, dan Maktab Mahmud, di Jalan Pegawai, Alor Setar.

8 Pondok ini diasaskan oleh Syekh Haji Junid Thala atau Lebai Junid, seorang pelarian politik Indonesia yang dilahirkan di Tapanuli Selatan, Sumatera. Syekh Haji Junid Thala ialah lulusan Universiti Al-Azhar, Kaherah.

9 Al-Masriyyah ialah sebuah madrasah yang bermula sebagai sebuah persekolahan pondok dan diasaskan oleh Haji Saleh Masri, seorang ulama yang berasal dari Negeri Sembilan, dalam tahun 1906. Ramai penuntut-penuntut dari dalam dan luar negeri yang telah belajar di institusi tersebut.

10 Madrasah Al-Rahmaniah, sebuah persekolahan pondok, ditubuhkan oleh Syekh Abdul Rahman, seorang ulama berketurunan Jawa.

11 Darul Ulum, Deoband, sebuah universiti Islam terkemuka di India, dibuka pada 30 Mei 1866. Ia terkenal dengan pengajaran ilmu hadisnya, dan dianggap institusi pengajian tinggi Islam yang kedua pentingnya selepas Universiti Al-Azhar.

12 Keputusan Penuh (Krian)

Haji Ahmad Hussein	8,685 undi
Haji Sulaiman Hj Ahmad (Haji Sulaiman Palestin)	8,235 undi
Mohd Jan Ngah Mohd	3,315 undi
Undi rosak	1,071

13 Keputusan Penuh (Larut dan Matang)

Dr Cheah Khay Chuan	15,407 undi
Abu Bakar Said (Al-Baqir)	4,453 undi
Wan Zarazillah Wan Ismail	3,431 undi
Dr Puran Singh	761 undi
Undi rosak	833

14 Keputusan Penuh (Kedah Utara)

Syed Ahmad Syed Shahabuddin	25,544 undi
Haji Abdullah Haji Abas Nasution	1,578 undi
Haji Laidin Haji Abd Manan	1,309 undi
Undi rosak	713

15 Haji Hussein Rahimi telah bertanding bagi kawasan parlimen Kota Bharu Ulu, dan dengan undi sebanyak 14,775 berjaya menewaskan lawannya dari Perikatan, Che Ismail Ibrahim (3,749 undi). Haji Harun (3,367 undi) telah mengalahkan Omar HajiAhmad (Perikatan, 1,070 undi) dan Mat S.O. (Barisan sosialis: 57 undi) di Kawasan Lemal, Haji Che Hassan yang bertanding di Tendong mendapat 4,07 5 undi berbanding dengan lawannya

Mohd Zain Harun (Perikatan; 1,074 undi), Mohd Nor Yusoff (Barisan Sosialis; 251 undi), Imam Abdullah Tempoyak (Bebas; 238 undi) dan Cikgu Haji Awang (Bebas; 222 undi). Haji Daud yang bertanding di Tumpat Barat memperolehi 4,208 undi, sementara lawan-lawannya Othman Mohd Uddin (Perikatan) mendapat 1,071 undi, dan Ibrahim Tunggal (Bebas) mendapat 147 undi. Haji Abdullah Arshad pula telah menang di kawasan Kota Bharu Pantai (dengan undi sebanyak 4,437) dengan mengalahkan calon-calon Perikatan (Abu Bakar. Al-Ahmadi; 1,222 undi), Parti Negara (Mohd. Haji Abdullah; 421 undi) dan Barisan Sosialis (Che Wel; 207 undi).

16 Haji Kadir yang telah menang di kawasan Kuala Terengganu Tengah mendapat 1,607 undi berbanding dengan lawannya, Mohamad bin Cheak (Parti Negara; 1,077 undi) dan Datuk Perwira (Perikatan; 678 undi), Haji Shafie Sulung telah menewaskan Ismail Haji Kassim (Perikatan; 1,247 undi), Ali bin Haji Abdullah (Parti Negara: 269 undi) dan Abdul Latif bin Haji Fakeh (Barisan Sosialis; 299 undi) dengan mendapat 1,874 undi.

17 Haji Abas yang telah menerima kekalahan mendapat 1,655 undi berbanding dengan Ibrahim Fikri yang mendapat 1,954 undi.

18 Undi yang diperolehi oleh Haji Yahya Junid ialah 1,667, sementara pemenang, Hamidah bt Omar, mendapat 5,353 undi.

19 Haji Hussein Che'Dol memperolehi 4,435 undi berbanding dengan undi yang didapati oleh lawannya, Mohd Khir Johari, iaitu 11,271 undi.

20 Untuk pertandingan di Hulu Perak, Haji Samad Noh mendapat 2,677 undi, manakala calon Perikatan yang menang mendapat 7,869 undi. Bagi kawasan Lenggong, beliau memperolehi 1,352 undi, sedangkan calon Perikatan mendapat 5,342 undi.

21 Calon Perikatan yang mengalahkan Haji Ahmad Hussain mendapat 8,074 undi. Beliau hanya mendapat 7,577 undi.

22 Haji Omar mendapat 4,789 undi sementara calon PAS, Abu Bakar Umar, mendapat 3,000 undi.

23 Haji Wan Abdul Latif mendapat 1,891 undi, sedangkan Lukman A Kadir dari PAS memperolehi 2,205 undi.

24 Haji Shafie mendapat hanya 534 undi, manakala lawannya, Che Wan Abdul Ghani dari Perkataan, memperolehi 2,215 undi.

25 Nama sebenar ialah Ismail bin Che Ali. Beliau yang pernah belajar dari Tok Selehor pernah mengajar di Golok, Selatan Thailand, sebelum membuka pondoknya di Kampung Dangar, Pasir Mas, selepas perang.

RUJUKAN

1. Temuduga dan Perbincangan

a. Ulama Pondok

Tuan Guru Haji Abas, Tok Jiring, Kuala Trengganu (25 Ogos 1981)

Tuan Guru Haji Abdullah, Lubuk Tapah, Kelantan (8 September 1982)

Tuan Guru Haji Abdullah Abas Nasution, Tanjung Pauh, Kedah (3 Oktober 1984)

Tuan Guru Haji Abdul Rahman, Jitra, Kedah (1 Oktober 1984)

Tuan Guru Haji Abdul Rahman, Lubuk Tapah, Kelantan (8 September 1982)

Tuan Guru Haji Abdul Rahman, Merbuk, Merbuk, Kedah (28 September 1984)

Tuan Guru Haji Abdul Rahman, Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan (8 September 1982)

Tuan Guru Haji Abdul Ghani, Kubang Benbam, Kelantan (28 April 1982)

Tuan Guru Haji Abdul Kadir, Padang Midin, Terengganu (25 Ogos 1981)

Tuan Guru Haji abu Bakar Palestin, Air Hitam, Kedah (19 Januari 1985)

Tuan Guru Haji Ahmad Osman, Kodiang, Kedah (1 Oktober 1984)

Tuan Guru Haji Ahmad Yusoff, Pulau Pisang, Kedah (3 Oktober 1984)

Tuan Guru Haji Ali, Pokok Sena, Seberang Prai (5 Oktober 1984)

Tuan Guru Haji Azhari, Padang Lumut, Kedah (29 September 1984)

Tuan Guru Haji Daud, Meranti, Kelantan (25 November 1984)

Tuan Guru Haji Fauzi, Yan Kecil, Kedah (28 September 1984)

Tuan Guru Haji Hasbollah, But, Kelantan (24 November 1984)

Tuan Guru Haji Omar Daud, Pasir Mas, Kelantan (28 april 1982)

Tuan Guru Haji Omar, Lanar, Kedah (2 Oktober)

Tuan Guru Haji Omar, Langgar, Kedah (L.T.)

Tuan Guru Haji Omar, Pokok Sena, Seberang Prai (27 September 1984)

Tuan Guru Haji Othman Ibrahim, Kepala Batas, Kedah (3 Oktober 1984)

Tuan Guru Haji Othman Yunusi, Bukit Besar, Kedah (29 September 1984)

Tuan Guru Shafie Sulong, Durian Guling, Terengganu (28 Ogos 1981)

Tuan Guru Haji Soffian, Pendang, Kedah (2 Oktober 1984)

Tuan Guru Haji Tajuddin, Melele, Kedah (1 Oktober 1984)

Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif, Jerteh, Terengganu (28 Ogos 1981)

Tuan Guru Haji Wan Mustaffa, Gajah Mati, Kedah (4 Oktober 1984)

Tuan Guru Haji Zakaria, Meranti, Kelantan (29 April 1982)

Tuan Guru Haji Yahya Junid, Padang Lumat, Kedah (29 September 1984)

b. Lain-lain

Dr Haji Abas Alias, Petaling Jaya, Selangor (1 Februari 1982)

Ustaz Ahmad Abdul Ghani, Nilam Puri, Kelantan (25 November 1984)

Ustaz Ahmad Azam bin Napiah, Shah Alam, Selangor (14 Januari 1982)

Ustaz Ahmad Haji Omar, Kuala Ibai, Terengganu (28 Februari 1982)

Ustaz Alwi Haji Hassan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (13 September 1982)

Y.B. Hassan Ismail, Kota Bharu, Kelantan (1 September 1982)

Ustaz Hilmi Abdul Samad, Padang Rengas, Perak (L.T.)

Datuk Engku Embong A. Kadir, Kuala Lumpur (6 Februari 1982)

Datuk Ishak Lutfi, Kota Bharu, Kelantan (1 September 1982)

Ustaz Ismail Awang, Kota Bharu, Kelantan (24 November 1984)

Datuk Haji Ismail, Kota Bharu, Kelantan (7 September 1982)

Cikgu Ismail Idris, Kota Bharu, Kelantan (7 September 1982)

Encik Jaafar Rawa, Kota Bharu, Kelantan (2 September 1982)

Ustaz Khidir Khatib, Kota Bharu, Kelantan (7 September 1982)

Ustaz Mahmud Zuhdi, Nilam Puri, Kelantan (25 November 1984)

Haji Mohd Amin Kota Bharu, Kelantan (L.T.)

Ustaz Mohd Ghazali, Kota Bharu, Kelantan (6 September 1982)

Datuk Mohd Nasir, Petaling Jaya, Selangor (21 Februari 1983)

Tuan Guru Nik Abdul Aziz, Kota Bharu, Kelantan (2 September 1982)

Datuk Nik Hassan Yahya, London (5 Mei 1984)

Y.B. Nor Mohamad, Pasir Mas, Kelantan (29 April 1982)

Haji Mutalib Salleh, Pasir Panjang, Terengganu (27 Februari 1982)

Datuk Othman Abdullah, Kuala Lumpur (23 Ogos 1984/26 Ogos 1984/1 September 1984)

Ustaz Othman Hamzah, Kuala Lumpur (13 Januari 1985)

Datuk Haji Salleh Awang, Serada, Terengganu (28 Februari 1982)

Ustaz Shafie Ibrahim, London (27 Jun 1984)

Datuk Haji Wan Abdul Rahman (Datuk Purba), Pasir Panjang, Terengganu (27 Februari 1982)

Ustaz Zaki Yaacob, Kota Bharu, Kelantan (1 September 1982)

II. Tesis dan Latihan Ilmiah

Abdul Halim bin Ahmad, *Perkembangan Pendidikan Pendidikan Islam Tradisional di Kelantan dan Peranannya Di Dalam Masyarakat*, Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1974.

Abdul Manaf Saad, *Perjuangan Persatuan Ulama Kedah, 1946 1957*

Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Jun 1974.

Abdul Rashid Ahmad, *Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat Kelantan*, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966.

Ahmad Kamar Abdul Rahman, *Parti Islam Se Malaysia Di Peringkat Negeri (Kedah)* dan Di Peringkat Kawasan dan Di Peringkat Kawasan (Kubang Pasu) Satu Kajian *Tentang Agama, Politik dan Kepimpinan*, Tesis Ph.D., Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, 1984.

Fisol Haji Hussein, *Haji Hussein Che' Dol (1904-1967): Satu Aspek Perjuangan Ulama Dalam Bidang Agama dan Politik Melayu Kedah*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1978/79.

Ibrahim Mat Sin, *Pondok Kubang Benbam: Sejarah Pertumbuhannya*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1981/82.

Ismail Awang, *Pengajian dan Pengajaran Al-Quran Di Kelantan Selepas Merdeka*, Tesis M.A., Jabatan Quran dan Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.

Jaafar bin Mat Sani, *Madrasah Al-Yahywiyah Padang Rengas. Satu Kajian Tentang Sejarah Perkembangan dan Pengaruhnya*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Ma laya, 1975/76.

Khairiah bt Bahari, *Madrasah Al-Taufikiah Al-Khariah Al-Halimiah. Satu Tinjauan Sejarah dan Pengaruhnya Di Kawasan Padang Lumat, Gurun, Kedah*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976/77.

Muktar Yusuf, *Sejarah Pertumbuhan Pondok Kubang Benbam, Pasir Mas*, Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan, Yayasan Pengajian Tinggi Islam, Nilam Puri, Kelantan, 1976/77.

Wan Yahya Ahmad, *Traditional Islamic Education and Its Modern Development in Kelantan, M. Phil Thesis*, Kent University, 1982.

Zainal Abidin bin Abdul Hamid, *Perkembangan Politik Kelantan 1959-1964*, Latihan Ilmiah, Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1979/80.

III. Tulisan Bercetak dan Surat Menyuarat

Abdul Manaf Saad, "Suatu Kajian Ringkas Mengenai Haji Sulaiman bin Wan Sidik, 1874-1935", *Kedah Dari Segi Sejarah*, Julai 1976.

Afifuddin Haji Omar, *Peasants, Institutions, and Development in Malaysia: The Political Economy of Development in the Muda Region*, Muda Agricultural Development Authority, May 1978.

Alias Mohamed, *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan*, Kuala Lumpur, 1984.

Amaluddin Darus, *Kenapa Saya tinggalkan PAS*, Kuala Lumpur, 1977.

_____ *Lintasan Politik Malaysia*, Kuala Lumpur, 1978.

Azmi saad, "Penubuhan dan Pergerakan Politik Melayu Negeri Kedah 1945-1955", *Jebat* Bil. 9, 1979/80.

Badriyah Haji Salleh, *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiah-Salihiah 1914-1959*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.

Buku Cenderamata Majlis Ijtimak Al-Madrasah al-Masriyyah, Bukit Mertajam.

Cenderamata 50 Tahun Al-Mdrasah Al-Khariah Al-Islamiyyah.

Cenderamata Al-Madrasah Al-Nahdah Al-Hasanah.

Cenderamata Al-Madrasah Al-Taufikiah Al-Khariah, 25 Tahun.

John Funston, *Malay Politics in Malaysia. A Study of UMNO & Pas*, Heinemann, Kuala Lumpur, 1980.

Ismail Awang, "Haji Abdullah Fa'him", *Pengasuh*, No. 428.

_____ Haji Ahmad Mahir", *Pengasuh*, No. 409, September/Oktober, 1975.

_____ Tuan Guru Haji Hussain Rahimi", *Pengasuh* No. 436.

_____, "Haji Zainal Abidin, Dungun", *Pengasuh*, No. 431, Mac 1978.

Jubli Intan Al-Masriyah, 1906-1981, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Clive S. Kessler, *Islam and Politics in a Malay State, Kelantan 1838-1969*, Cornell University Press, 1978.

Laporan Suruhanjaya Umum Malaysia 1982

Ma'ahad Al-Shaarif, Gunung Semanggol. Kenangan Jubli Emas, 1984.

Mahmud bin Mamat, "Pondok Di Besut: Satu Tinjauan Tentang Asal Usul Kemunculannya" dalam Abdullah Zakaria Ghazali (ed), *Terengganu: Dahulu dan Sekarang*, Persatuan Muzium Malaysia, 1984.

Md Salleh Md Gaus, *Politik Melayu Pulau Pinang, 1945-1957*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.

Mohamad Abu Bakar, "Ulama dan Siasah: Penglibatan Guru Pondok Dalam Politik Kepartian Di Negeri Terengganu," dalam Abdullah Zakaria bin Ghazali (ed)., *Terengganu, Dahulu dan Sekarang*. Persatuan Muzium Malaysia, 1984.

Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976

Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan, "Islam dan Masyarakat Kota Bharu Di Antara Tahun 1900-1940", dalam Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan (ed).), *Islam Di Kelantan*, Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.

Othman bin Bakar, "Haji Salleh Masri: Pengasas Al-Masriyyah, Bukit Mertajam", dalam Khoo Kay Kim et.al., *Islam Di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969.

Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974.

Penyata Pilihanraya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-dewan negeri, Tahun 1964.

Report on the Parliamentary and State Elections 1959.

Sabri Haji Said, *Madrasah Al-Ulum Al-Syariah Perak 1937-1977. Satu Kajian Pendidikan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983.

Shafie Bin Ibrahim, *The Islamic Party of Malaysia. Its Formative Stages and Ideology*, Pasir Puteh, Kelantan, 1981.

Surat Mesyuarat dengan Dr. Fuad Abu Bakar, Klinik Bharu, Machang, Kelantan.

The Famed Seat of Islamic Learning Darul-Uloom-Deoband", *Islamic Herald, Vol.* 5, No. 11 & 12.

Yoshihiro Tsubouchi, *On the Deline of Pondok Education in Rural Kelantan*. (Memeograf).

Yusuf Zaki Yaacob, "Haji Abdullah Tahir Dalam Kenangan", *Pengasuh*, No. 404, Mac, 1975.

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU 10

POLITIK ORANG MELAYU PERINGKAT TEMPATAN: STRATIFIKASI, KEPIMPINAN DAN POLITIK KEPARTIAN

MOHAMED SALLEH LAMRY

PENGENALAN

Dalam artikel ini saya akan membincangkan proses politik di kalangan orang-orang Melayu di peringkat tempatan dengan memberi tumpuan kepada hubungan di antara tiga tema yang berikut: stratifikasi sosial, kepimpinan dan politik kepartian. Ketiga tema ini mempunyai kaitan di antara satu dengan lain dan dianggap penting dianalisis untuk memahami proses politik di kalangan orang Melayu di peringkat tempatan.

Orang-orang Melayu di peringkat tempatan bukanlah satu kelompok sosial yang homogen, malah telah bersusun lapis, sama ada dari segi status ataupun kelas (Husin Ali, 1964; Mokhzani, 1965; Mohamed Salleh Lamry, 1988; Swift, 1965). Oleh itu, stratifikasi di kalangan orang Melayu di peringkat tempatan perlu ditinjau terlebih dahulu, kerana ia merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi proses politik tersebut.

Berkaitan dengan perkara di atas, di kalangan orang-orang Melayu di peringkat tempatan juga terdapat individu atau kumpulan individu yang dikategorikan sebagai pemimpin. Golongan pemimpin ini umumnya terdiri daripada orang-orang dari kelas atasan dan orang-orang yang mempunyai status yang tinggi di peringkat tempatan (Husin Ali, 1977). Dengan itu, jenis dan peranan pemimpin ini juga akan dihuraikan, kerana mereka memainkan peranan penting dalam proses politik tersebut.

Akhirnya, politik kepartian akan menjadi tumpuan kertas kerja ini, kerana sejak orang-orang Melayu terlibat dengan politik kepartian dan

pilihan raya, beberapa isu politik yang berkaitan dengan politik kepartian, seperti pertandingan dan konflik di antara parti dan di dalam sesebuah parti yang berkenaan, adalah faktor-faktor penting yang mempengaruhi proses politik di peringkat tempatan (Shamsul Amri Baharudin, 1986; Mohamed Salleh Lamry, 1988 b).

Tumpuan artikel ini adalah terhadap proses politik di peringkat kampung. Namun demikian, proses politik di peringkat daerah, khasnya yang berkaitan dengan politik kepartian, juga akan dibincangkan, oleh kerana proses politik di peringkat kampung mempunyai hubungan yang rapat dengan proses politik di peringkat daerah. Malah boleh dikatakan sangat dipengaruhi oleh proses politik di peringkat daerah (Mohamed Salleh Lamry, 1988 b). Proses politik di peringkat tempatan ini pula akan dibincangkan dalam konteks proses politik di peringkat kebangsaan.

Perbincangan dalam artikel ini adalah berasaskan kajian[1] yang dijalankan di kampung Sungai Rambai[2] di daerah Semarak, negeri Selangor pada tahun 1987 dan 1988. Meskipun kampung ini tidak dianggap mewakili kampung-kampung Melayu yang lain, tetapi ia mempunyai banyak persamaan dengan kampung-kampung lain, khasnya kampung-kampung di pantai Barat Semenanjung Malaysia di mana UMNO merupakan parti politik yang dominan. Dengan itu, pada batas-batas yang tertentu, proses politik di kampung ini boleh dianggap membayangkan proses politik di kampung-kampung Melayu yang lain.

Untuk memudahkan kita mengikuti proses politik di kalangan orang-orang Melayu di kampung Sungai Rambai, maka latar belakang daerah Semarak dan kampung Sungai Rambai akan dihuraikan terlebih dahulu, sebelum dibincangkan proses politik di daerah dan kampung tersebut.

LATAR BELAKANG DAERAH SEMARAK DAN KG. SUNGAI RAMBAI

Daerah Semarak

Daerah Semarak yang terletak di bahagian barat laut negeri Selangor adalah sebuah kawasan pertanian kelapa dan padi. Daerah ini mempunyai keluasan 379 batu persegi dan berpenduduk seramai 103,261 orang pada tahun 1987. Penduduknya terbahagi mengikut kaum ialah Melayu 72,778 orang, Cina 25,309 orang, India 4,927 orang dan lain-lain 47 orang.

Orang-orang Melayu terutamanya bekerja sebagai petani dan kakitangan kerajaan (termasuk guru-guru sekolah), sementara orang-orang Cina

bekerja sebagai pekedai dan nelayan. Orang-orang India kebanyakannya terdiri daripada buruh estet dan pekedai.

Pada zaman penjajahan, Semarak yang bertaraf daerah kecil adalah sebuah kawasan yang terbiar dan mundur dalam negeri Selangor. Kecuali di pekan Semarak yang menjadi pusat pentadbiran daerah kecil ini, di kawasan ini tidak ada jalan raya bertar dan jauh sekali air paip dan api letrik. Salah satu sebab penting mengapa pembangunan daerah kecil ini tidak diutamakan oleh kerajaan penjajah ialah kerana daerah kecil ini tidak banyak mengandungi estet pemodal asing. Estet-estet itu pula terletak di tepi Sungai Semarak, dan dari itu hasil pengeluarannya boleh dibawa dengan kapal melalui sungai tersebut.

Setelah Malaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, dan daerah kecil Semarak dinaikkan tarafnya menjadi sebuah daerah pada tahun 1960, daerah ini telah menerima berbagai projek pembangunan, khasnya projek kemudahan asas, seperti kebanyakan kawasan luar bandar yang lain. Bagi sebuah kawasan yang sebelumnya terbiar dan mundur, penyampaian projek-projek pembangunan ini merupakan satu perubahan yang penting. Oleh itu, penduduk daerah ini umumnya menganggap keadaan daerah mereka sekarang terlalu jauh berbezaan dari dahulu, sehingga mereka ibaratkan "seperti bumi dengan langit".

Sebagai kawasan yang majoriti penduduknya terdiri daripada orang-orang Melayu, dua buah parti politik orang Melayu, iaitu UMNO dan PAS adalah parti politik yang utama di daerah ini. Dengan itu, dalam politik kepartian dan pilihanraya, pertandingan utama di daerah ini ialah di antara UMNO dengan PAS.

Sejak pilihanraya umum pertama pada tahun 1955 hingga pilihanraya terakhir pada tahun 1986, pemimpin-pemimpin UMNO yang mewakili Parti Perikatan/Barisan Nasional (BN) sentiasa dapat mengalahkan calon PAS dengan kelebihan undi yang besar. Oleh yang demikian, daerah Semarak biasanya dianggap sebagai salah sebuah kubu UMNO yang terkuat dalam negeri Selangor.

Kampung Sungai Rambai

Kampung Sungai Rambai yang mula dibuka pada tahun 1918 terbahagi kepada dua kawasan pertanian: kawasan kelapa seluas 1,320 ekar dan kawasan padi seluas 135 ekar. Kawasan kelapa sebahagiannya dibuka pada tahun 1918, sementara sebahagian lagi pada tahun 1932. Kawasan

padi pula dibuka pada tahun 1932, iaitu serentak dengan pembukaan sebahagian kawasan kelapa tersebut.

Kampung ini mempunyai penduduk seramai 1,125 orang dan mereka terdiri daripada 205 keluarga. Kira-kira 90 peratus penduduknya terdiri daripada orang-orang keturunan Jawa, sementara 10 peratus lagi adalah orang-orang keturunan Banjar dan Melayu Jati.

Dari kajian yang dijalankan pada tahun 1987, didapati kira-kira 75 peratus ketua keluarga di kampung Sungai Rambai bekerja sebagai petani, manakala 25 peratus lagi bekerja makan gaji dengan kerajaan dan bekerja sendiri di luar sektor petanian, khasnya berniaga. Penduduk kampung ini agak ramai yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan, kerana kampung ini hanya kira-kira empat kilometer dari pekan Sungai Kecil yang jadi pusat pentadbiran daerah, dan mereka dapat bekerja di jabatan kerajaan dan badan berkanun yang terletak di pekan tersebut.

Sebagai sebahagian daripada daerah Semarak, kampung Sungai Rambai adalah sebuah kampung yang terbiar dan mundur pada zaman penjajahan. Namun demikian, kampung ini juga mengalami pembangunan yang agak pesat selepas kemerdekaan. Dua projek pembangunan yang terpenting bagi kampung ini ialah penanaman padi dua kali setahun yang dimulakan pada tahun 1965 dan penanaman koko sebagai tanaman selingan di kawasan kebun kelapa yang dimulakan pada tahun 1970. Selain daripada itu, kampung ini juga telah mempunyai kemudahan asas yang agak lengkap, termasuk air paip dan api letrik. Dengan itu, kampung ini boleh dianggap sebagai salah sebuah kampung yang sedang pesat membangun dalam negeri Selangor.

Dari segi politik kepartian pula, kampung Sungai Rambai boleh dianggap sebagai "kampung UMNO", bahkan "kubu UMNO", kerana hanya UMNO yang mempunyai cawangan. Meskipun di kampung ini ada ahli dan penyokong PAS, tetapi bilangan mereka kecil dan mereka menjadi ahli cawangan PAS yang pusat kegiatannya terletak di kampung lain.

STRATIFIKASI SOSIAL

Pola stratifikasi sosial di kalangan orang-orang Melayu di peringkat tempatan boleh dilihat dari dua dimensi iaitu, status dan kelas. Oleh itu, di bawah ini akan dibincangkan struktur status dan struktur kelas di kalangan orang-orang Melayu di kampung ini sejak tahun-tahun awal penubuhan kampung ini hingga sekarang.

Struktur Status

Mengikut Husin Ali (1977: 108) status ialah kedudukan taraf seseorang dalam hirarki sosial berasaskan penilaian anggota masyarakatnya. Dalam masyarakat kampung status ditentukan oleh berbagai faktor yang mencerminkan nilai, sikap, kepercayaan dan tradisi masyarakat tersebut. Di antara faktor yang terpenting termasuklah umur, sifat-sifat peribadi, peranan agama, pelajaran, pekerjaan, dan kekayaan. Namun demikian, status seseorang lazimnya ditentukan oleh penumpuan atau pengaruh beberapa faktor, walaupun ada juga kemungkinannya ditentukan oleh satu dua faktor sahaja (Husin Ali, 1977: 109).

Ketika kampung Sungai Rambai dibuka pada tahun 1918 hingga akhir tahun 1920-an, penduduknya agak homogen dari segi pekerjaan dan pencapaian pelajaran, kerana mereka semua bekerja sebagai petani dan hampir semuanya tidak pernah bersekolah secara formal. Penduduknya juga tidak begitu berbeza dari segi umur dan kekayaan, kerana mereka umumnya belum begitu tua, dan hampir tidak ada di antara mereka yang boleh dianggap sebagai orang kaya.

Namun demikian, sejak masa itu sudah ada penduduk kampung Sungai Rambai yang mempunyai status yang lebih tinggi. Golongan ini merupakan golongan kecil sahaja. Mereka memperoleh status yang agak tinggi bukan berasaskan pekerjaan, pencapaian pelajaran, umur atau kekayaan, tetapi berasaskan ciri-ciri peribadi yang terpuji, seperti rajin, suka menolong orang, amanah dan warak, serta mempunyai kebolehan dalam bidang agama, khususnya boleh menjadi imam sembahyang jemaah dan membaca doa dalam majlis-majlis kenduri.

Pada tahun empat puluhan dan awal lima puluhan, orang-orang yang mempunyai ciri-ciri peribadi yang terpuji dan kebolehan istimewa dalam bidang agama masih tetap merupakan orang-orang yang dihormati dan mempunyai status yang tinggi. Akan tetapi, pada masa itu telah ada beberapa orang penduduk kampung ini yang mempunyai tanah yang lebih luas daripada orang-orang lain, sama ada melalui pembelian atau penerokaan, dan dianggap sebagai orang kaya. Sebagai orang kaya, mereka umumnya mampu pergi ke Mekah menunaikan fardhu haji. Dengan itu, orang-orang kaya dan orang-orang yang telah naik haji ini, termasuk dalam golongan yang mempunyai status yang tinggi.

Pada pertengahan tahun 1950-an pula beberapa orang guru yang berasal dari tempat lain telah datang ke kampung Sungai Rambai berikutan

dengan pembukaan sekolah Melayu di kampung ini. Dalam masyarakat kampung Melayu ketika itu, guru-guru sekolah yang masih kecil bilangannya boleh dikatakan sangat dihormati dan dipandang tinggi oleh orang-orang kampung, bukan sahaja kerana pekerjaan mereka dianggap satu pekerjaan yang mulia, tetapi juga kerana mereka merupakan golongan terpelajar dan boleh dianggap sebagai satu kategori pemimpin baru dalam masyarakat kampung (Husin Ali, 1968). Oleh itu, dengan pembukaan sekolah itu, muncullah satu kategori penduduk yang mempunyai status yang tinggi berasaskan pekerjaan mereka, khasnya jika mereka juga mempunyai ciri-ciri peribadi yang terpuji.

Sejak pertengahan tahun 1960-an, beberapa orang anak penduduk kampung Sungai Rambai sendiri telah dapat bekerja sebagai guru dan kerani. Mereka merupakan anak-anak kampung Sungai Rambai yang terawal belajar di sekolah menengah sehingga mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mempunyai kelulusan yang lebih tinggi daripada anak-anak penduduk yang lain. Sebagai orang-orang yang masih muda, mereka pada mulanya tidaklah begitu dipandang tinggi dan dihormati, dan dengan itu tidaklah mempunyai status yang tinggi. Namun demikian, beberapa orang daripada mereka yang dianggap bijak dan berkebolehan telah dilantik menjadi pemimpin-pemimpin pertubuhan yang terdapat di kampung ini, khasnya persatuan belia dan Gerakan Pemuda UMNO. Dari itu, sebahagian daripada mereka juga termasuk dalam golongan yang mempunyai status yang agak tinggi.

Ketika kajian ini dijalankan faktor-faktor lama yang menentukan status di kampung Sungai Rambai secara amnya masih belum berubah. Begitu juga status seseorang umumnya masih ditentukan oleh penumpuan atau pengaruh beberapa faktor. Oleh itu, diantara orang-orang yang mempunyai status yang agak tinggi di kampung Sungai Rambai kini termasuklah orang tua, orang kaya, petugas agama, guru-guru, dan pemimpin-pemimpin kampung yang mempunyai ciri-ciri peribadi yang terpuji.

Namun demikian, dalam beberapa tahun yang terakhir ini, sekurang-kurangnya ada dua faktor baru yang boleh menentukan status di kalangan penduduk kampung Sungai Rambai: pertama, peranan sebagai pemimpin politik, dan kedua, pencapaian dalam pelajaran tinggi (peringkat universiti). Faktor pertama mempunyai kaitan dengan kemunculan elit politik dari parti pemerintah (khasnya UMNO) sebagai pemimpin yang dominan dalam masyarakat kampung Melayu pada masa ini. Oleh itu, peranan sebagai pemimpin UMNO, biarpun hanya pada peringkat cawangan atau kampung, adalah dianggap penting dan dipandang tinggi.

Faktor kedua pula berkaitan dengan penubuhan beberapa buah universiti baru pada awal tahun 1970-an, yang memberi peluang kepada beberapa orang anak penduduk kampung ini memperolehi pelajaran tinggi. Mereka yang berjaya mendapat ijazah dari universiti bukan sahaja dianggap sebagai golongan terpelajar, tetapi juga dapat memegang jawatan tinggi dalam perkhidmatan kerajaan dan perusahaan swasta dengan gaji yang lumayan. Oleh yang demikian, mereka juga termasuk dalam golongan yang mempunyai status yang tinggi.

Struktur Kelas

Dalam perbincangan ini kelas dimaksudkan sebagai "golongan orang yang mempunyai taraf yang sama dalam hidup dan umumnya mempunyai kepentingan yang sama, oleh kerana kedudukannya yang sama berhubungan dengan punca-punca pengeluaran dan/atau peranan yang sama dalam masyarakat, terutama sekali berkaitan dengan pengeluaran ekonomi" (Husin Ali, 1977: 173).

Pada tahun 1930-an dan 1940-an selewat-lewatnya, penduduk kampung Sungai Rambai telah terbahagi kepada empat kelas yang utama: kelas petani kaya, petani pertengahan, petani miskin dan nelayan kecil.

Kelas petani kaya terutamanya terdiri daripada para peneroka atau penduduk awal kampung Sungai Rambai yang dapat menghimpun tanah yang lebih luas daripada orang lain, sama ada melalui penerokaan atau pembelian. Mereka umumnya hanya berupaya mengerjakan sebahagian daripada tanah mereka, dan telah menggunakan tenaga orang lain untuk mengerjakan tanah mereka yang selebihnya.

Kelas petani pertengahan juga terdiri daripada peneroka atau penduduk awal kampung Sungai Rambai tetapi mereka hanya mempunyai tanah yang sederhana keluasannya. Dengan itu, mereka mengerjakan sendiri tanah mereka, dan tidak perlu pula menjual tenaga kepada orang lain.

Berbeza dengan kelas petani pertengahan, kelas petani miskin yang terawal muncul di kampung Sungai Rambai terutamanya terdiri daripada orang-orang yang terkemudian datang ke kampung ini, khasnya orang-orang yang datang terus dari Jawa. Mereka belum mempunyai tanah sendiri dan merekalah yang menjadi kuli[3] petani kaya. Bagaimanapun, selepas tiga tahun menjadi kuli petani kaya, mereka umumnya diberi sekeping tanah (biasanya seluas tiga ekar) oleh petani kaya yang berkenaan, dan dengan itu mereka bermobiliti ke kelas petani pertengahan.

Kelas nelayan kecil pula terdiri daripada nelayan yang mempunyai sampan sendiri dan alat-alat yang sederhana, seperti jaring dan pancing. Mereka umumnya terdiri daripada anak-anak petani pertengahan yang tinggal berhampiran dengan pantai dan menangkap ikan sebagai pekerjaan sambilan. Mereka memilih pekerjaan nelayan sebagai pekerjaan sepenuh masa kerana ibu bapa mereka tidak mempunyai tanah yang luas dan mereka tidak dapat bekerja di tanah ibu bapa mereka.

Walau bagaimanapun, pada masa itu kebanyakan penduduk kampung Sungai Rambai terdiri daripada kelas petani pertengahan. Dengan itu, kelas petani pertengahan merupakan kelas yang terbesar, sementara kelas petani kaya, petani miskin dan nelayan kecil merupakan kelas yang kecil sahaja. Pembahagian penduduk kampung Sungai Rambai kepada empat kelas yang utama ini berlanjutan sehingga ke tahun 1950-an dan awal 1960-an. Mulai pertengahan tahun 1960-an struktur kelas di kampung Sungai Rambai jelas mengalami perubahan yang agak penting dengan kemunculan beberapa kelas sosial yang baru, khususnya kelas menengah, kelas buruh, kelas tuan tanah dan peniaga kecil.

Kelas menengah terdiri daripada orang-orang yang bekerja menjual perkhidmatan, seperti guru, ustaz dan kerani, sementara kelas buruh pula terdiri daripada orang-orang yang bekerja menjual tenaga, seperti tukang kebun, tukang sapu dan jaga sekolah serta buruh am di berbagai jabatan kerajaan dan badan berkanun. Anggota kedua kelas ini tidak dinafikan telah muncul sejak awal tahun 1960-an, tetapi sejak pertengahan tahun 1960-anlah bilangannya bertambah ramai dan boleh dianggap sebagai kelas yang tersendiri.

Kelas tuan tanah terutamanya terdiri daripada orang-orang yang telah agak tua dan tidak berupaya lagi mengerjakan sendiri tanah mereka. Sebahagian daripada mereka berasal dari kelas petani kaya, manakala sebahagian lagi dari kelas petani pertengahan. Kira-kira separuh daripada mereka adalah wanita yang telah kematian suami. Anggota kelas ini memang telah muncul seorang dua sejak akhir tahun 1950-an dan awal 1960-an, tetapi seperti kelas menengah dan buruh, hanya sejak pertengahan tahun 1960-an bilangannya bertambah ramai dan kelas ini boleh dianggap sebagai kelas yang tersendiri.

Kelas peniaga kecil pula terdiri daripada orang-orang yang menjalankan perniagaan dengan modal yang kecil, khasnya perniagaan kedai runcit dan kedai kopi. Kelas ini agak lewat muncul di kampung Sungai Rambai dan merupakan kelas yang paling kecil.

Kemunculan kelas-kelas sosial yang baru ini tidaklah menghapuskan kelas-kelas yang wujud sebelumnya. Malah kelas petani pertengahan terus wujud sebagai kelas yang terbesar. Dengan demikian, sejak pertengahan tahun 1960-an hingga pertengahan tahun 1970-an, penduduk kampung Sungai Rambai terbahagi pula kepada lapan kelas. Orang-orang yang bekerja di sektor pertanian dan perikanan terbahagi kepada kelas-kelas tuan tanah, petani kaya, petani pertengahan, petani miskin dan nelayan kecil, sementara orang-orang yang bekerja di sektor bukan pertanian terbahagi kepada kelas menengah, buruh dan peniaga kecil.

Struktur kelas yang terbentuk di kampung Sungai Rambai sejak pertengahan tahun 1960-an ini boleh dikatakan tidak mengalami perubahan besar sehingga sekarang. Ketika kajian ini dilakukan hanya ada dua perubahan yang dapat diperhatikan di kampung ini. Pertama, munculnya satu kelas yang baru, iaitu kelas usahawan atau kapitalis desa. Kedua, berkembang kelas petani miskin. Kelas usahawan muncul dari kalangan anak-anak tuan tanah, petani kaya dan petani pertengahan yang menjalankan perniagaan dengan modal yang besar dan mendapat kemudahan pinjaman daripada bank. Kelas petani miskin kebanyakannya terdiri daripada anak-anak petani pertengahan yang belum mempunyai tanah sendiri dan terpaksa menyewa tanah orang lain, khasnya tanah ibu bapa dan mentua mereka. Oleh yang demikian, ketika kajian ini dijalankan, orang-orang Melayu di kampung Sungai Rambai boleh dianggap terbahagi kepada sembilan kelas sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Struktur Kelas Di Kalangan Ketua Keluarga[4] di Kampung Sungai Rambai Pada Tahun 1987.

Kategori Kelas	Bilangan	Peratus
Tuan tanah	12	6.1
Petani kaya	26	13.1
Petani pertengahan	64	32.3
Petani miskin	38	19.2
Nelayan kecil	8	4.1
Usahawan	3	1.5
Peniaga kecil	4	2.0
"Kelas menengah"	19	9.6
Buruh	24	12.1
Jumlah	198	100.0

Dari Jadual 1 kita dapat melihat bahawa walaupun kelas-kelas lama, khasnya kelas petani kaya dan petani pertengahan masih merupakan kelas yang besar, tetapi kelas-kelas baru, khususnya kelas menengah dan buruh juga semakin berkembang. Di samping itu, satu kelas baru di luar bandar, iaitu kelas usahawan atau kapitalis desa juga telah muncul, walaupun masih merupakan kelas yang kecil.

Mengenai kelas petani miskin pula, meskipun bilangan anggotanya semakin meningkat, tetapi kebanyakan daripada mereka adalah anak petani kaya dan petani pertengahan. Dengan itu, sekurang-kurangnya sebahagian daripada mereka akan berpeluang mendapat tanah melalui pembahagian pusaka dan bermobiliti ke kelas petani pertengahan.

KEPIMPINAN

Dalam tinjauan ini pemimpin didefinisikan sebagai seorang yang mempunyai kuasa atau pengaruh dan berupaya mempengaruhi sikap dan perlakuan orang lain berasaskan kuasa atau pengaruh yang dimilikinya. Tumpuan tinjauan ini adalah terhadap jenis-jenis pemimpin, khasnya pemimpin yang dominan dan peranannya. Tinjauan ini akan dibahagikan kepada dua bahagian: pemimpin awal dan pemimpin semasa.

Pemimpin Awal

Sejak tahun 1930-an hingga akhir tahun 1950-an, pemimpin yang dominan di kampung Sungai Rambai terdiri daripada beberapa orang pemimpin yang diistilahkan oleh Husin Ali (1968) sebagai "pemimpin tradisional". Pemimpin tradisional yang dominan ini dibahagikan kepada dua kategori: pemimpin politik-pentadbiran dan pemimpin agama.

Pemimpin Politik-Pentadbiran

Pemimpin politik-pentadbiran yang utama di kampung Sungai Rambai ialah Ketua Kampung. Ketua kampung Sungai Rambai yang pertama ialah HH yang mengetuai pembukaan kawasan kelapa yang baru dan kawasan padi pada tahun 1932, dan dilantik menjadi ketua kampung oleh kerajaan pada tahun 1935. HH berasal dari keluarga lurah atau ketua kampung dari Tanah Jawa, dan telah diiktiraf oleh penduduk kampung ini sebagai ketua mereka sebelum dia diberi pengiktirafan oleh kerajaan.

Ketika dilantik menjadi ketua kampung, HH adalah seorang yang mempunyai status yang agak tinggi berasaskan ciri-ciri peribadinya, seperti telah agak

berumur, kuat bekerja dan mempunyai kebolehan dan pengaruh sebagai pemimpin. Akan tetapi, dia belum lagi menjadi seorang yang kaya. Setelah menjadi ketua kampung, dia dapat membuka tanah yang jauh lebih luas daripada orang lain dengan menggunakan kuli. Dengan itu, sejak awal tahun 1940-an dia telah muncul sebagai orang yang paling kaya di kampung Sungai Rambai dan sekitarnya.

Pada masa itu ketua kampung sekurang-kurangnya memainkan dua peranan utama: menjadi pemimpin umum bagi kampungnya dan menjadi orang perantaraan di antara penduduk kampung atau anak buahnya dengan pihak yang berkuasa, khasnya pihak pentadbiran.

HH telah menjadi ketua kampung Sungai Rambai dalam masa yang agak panjang dari tahun 1935 hingga dia meninggal dunia pada tahun 1971 (kira-kira 36 tahun). Dalam masa itu dialah pemimpin yang paling berpengaruh dan berwibawa. Di samping itu, dia adalah ketua kampung yang paling kaya di daerah Semarak dan penduduk daerah Semarak yang pertama mendapat pingat PJK daripada Sultan.

Di bawah ketua kampung terdapat beberapa orang pemimpin kawasan yang digelar ketua komiti[5] dan timbalannya ketua pemuda. Ketua komiti dan ketua pemuda ialah pemimpin-pemimpin informal yang dilantik sendiri oleh orang-orang kampung untuk membantu ketua kampung mentadbirkan kampung mereka. Ketua komiti menjadi ketua golongan tua, sementara ketua pemuda pula menjadi ketua golongan muda. Antara tahun 1935 hingga 1959 terdapat dua orang ketua komiti dan dua orang ketua pemuda, sementara mulai tahun 1959 hingga sekarang terdapat empat orang ketua komiti dan empat orang ketua pemuda.

Kesemua ketua komiti yang awal terdiri daripada peneroka atau penduduk awal kampung Sungai Rambai yang kuat bekerja dan cergas dalam kerja-kerja kebajikan serta mempunyai ketokohan menjadi seorang pemimpin. Oleh kerana mereka adalah orang-orang yang kuat bekerja, maka mereka juga muncul sebagai petani kaya. Ketua pemuda pula umumnya orang muda yang rajin bekerja dan disukai oleh anak-anak muda yang lain, di samping mempunyai bakat dan kebolehan menjadi pemimpin.

Ketua komiti boleh dianggap sebagai pemimpin umum di kawasan masing-masing. Akan tetapi, peranan mereka yang lebih khusus ialah untuk mengetuai kerja-kerja gotong-royong, khasnya apabila diadakan sesuatu majlis kenduri kahwin dan kenduri khatan serta upacara-upacara lain di kawasan mereka Peranan utama ketua pemuda pula adalah sebagai pembantu ketua komiti dalam mengetuai kerja-kerja gotong-royong tersebut.

Sebagai orang-orang yang cergas dalam kerja-kerja kebajikan, kaya dan memegang jawatan sebagai pemimpin atas lantikan orang-orang kampung sendiri, ketua komiti umumnya adalah orang-orang yang mempunyai status yang tinggi di kampung Sungai Rambai. Sehubungan dengan itu, mereka juga adalah orang-orang yang berkuasa atau sekurang-kurang berpengaruh di kalangan penduduk kawasan mereka.

Pemimpin Agama

Orang yang dianggap sebagai pemimpin agama di kampung Sungai Rambai terutamanya ialah orang-orang yang memainkan peranan penting dalam bidang dan aktiviti keagamaan. Pemimpin agama yang paling tinggi statusnya ialah Imam Masjid dan Imam Nikah (Naib Kadi). Sehingga akhir tahun 1940-an hanya ada seorang Imam Masjid dan seorang Imam Nikah di kampung ini. Tetapi sejak tahun 1950-an biasanya ada dua orang yang memainkan peranan sebagai Imam Masjid di kampung ini.

Orang-orang yang memegang jawatan Imam ini terdiri dari kalangan orang-orang yang mempunyai pengetahuan agama yang lebih mendalam daripada kebanyakan orang lain, warak dan telah agak tua. Selain daripada itu, mereka juga umumnya terdiri dari kelas petani kaya, kerana mereka adalah orang-orang yang rajin dan kuat bekerja. Mereka dilantik oleh pihak yang berkuasa agama atas cadangan dan persetujuan orang-orang kampung. Selaras dengan nama jawatan mereka, tugas utama Imam Masjid ialah menjadi imam sembahyang Jumaat dan sembahyang jemaah, sementara tugas Imam Nikah pula menikahkan pasangan-pasangan yang berkahwin. Namun demikian, sebagai orang-orang yang alim dan warak, merekalah selalunya yang diminta membaca doa dalam majlis kenduri dan menjadi imam sembahyang jenazah. Di samping itu, mereka juga merupakan tempat rujukan tentang hukum-hukum agama. Oleh yang demikian, mereka memang merupakan orang-orang yang mempunyai status yang tinggi dan berpengaruh di kampung ini.

Selain daripada Imam Masjid dan Imam Nikah, orang-orang yang dianggap sebagai pemimpin agama di kampung Sungai Rambai termasuklah Imam Surau dan bilal. Mereka juga merupakan orang-orang yang warak. Imam Surau menjadi imam sembahyang jemaah di surau mereka, sementara bilal ialah tukang azan ketika dijalankan sembahyang Jumaat. Secara amnya, mereka juga adalah orang-orang yang mempunyai status yang tinggi, walaupun kedudukan mereka sebagai pemimpin agama lebih rendah dari Imam Masjid dan Imam Nikah.

Pemimpin Semasa

Pola kepimpinan awal di kampung Sungai Rambai mengalami perubahan yang agak penting dalam era selepas kemerdekaan, khasnya sejak awal tahun 1960-an. Perubahan ini berlaku sekurang-kurangnya disebabkan oleh dua faktor utama. Pertama, perluasan institusi-institusi nasional, khususnya birokrasi kerajaan dan parti-parti politik ke kawasan luar bandar. Kedua, kemunculan kelas-kelas sosial yang baru, khususnya kelas menengah dan usahawan sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini. Dengan perluasan birokrasi kerajaan dan parti-parti politik, maka di kampung Sungai Rambai kini terdapat beberapa buah organisasi yang ditubuhkan atas anjuran kerajaan, iaitu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Persatuan Peladang dan Persatuan Belia, dan sebuah cawangan UMNO. Oleh itu, di kampung Sungai Rambai kini muncul "pemimpin baru" yang terdiri daripada pemimpin badan-badan anjuran kerajaan dan parti politik tersebut. Dengan kemunculan kelas-kelas sosial yang baru pula, anggota-anggota kelas tersebut turut memainkan peranan sebagai pemimpin di kampung ini.

Walaubagaimanapun, kemunculan pemimpin-pemimpin baru ini tidaklah melenyapkan peranan pemimpin-pemimpin lama. Begitu juga kemunculan pemimpin dari kelas sosial yang baru tidak melenyapkan pemimpin dari kelas sosial yang lama. Oleh yang demikian, di kampung Sungai Rambai kini terdapat dua kategori pemimpin: pemimpin tradisional" dan "pemimpin baru". Golongan pemimpin ini pula terdiri daripada kedua-dua kelas: kelas sosial yang lama dan kelas sosial yang baru muncul di kampung ini.

Pemimpin Tradisional

Pemimpin tradisional di kampung Sungai Rambai pada masa ini boleh dibahagikan kepada dua jenis seperti pada masa yang lalu, iaitu pemimpin politik-pentadbiran dan pemimpin agama. Di kalangan pemimpin politik-pentadbiran, ketua kampung dan ketua komiti masih merupakan pemimpin yang dominan, sementara di kalangan pemimpin agama pula, imam-imam adalah pemimpin yang dominan.

Ketua Kampung

Ketua kampung Sungai Rambai sekarang, iaitu HK adalah ketua kampung yang kedua. Dia mula memegang jawatannya pada tahun 1972 selepas

HH meninggal dunia. HK seorang petani kaya dan anak saudara HH. Sebelum dilantik menjadi ketua kampung, dia adalah salah seorang ketua komiti. Di samping itu, beberapa tahun sebelum HH meninggal dunia, dia juga dianggap oleh orang-orang kampungnya sebagai timbalan ketua kampung, kerana dia banyak membantu HH menjalankan tugas ketua kampung.

Berbeza dari ketua kampung sebelum merdeka, ketua kampung sekarang juga menjadi Pengerusi JKKK yang ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1962. Oleh itu, peranan ketua kampung telah bertambah dan tugasnya lebih luas sebagaimana yang akan dibincangkan di bawah ini.

Ketua Komiti

Ketua komiti yang ada sekarang adalah orang-orang baru dan sebahagiannya anak ketua komiti yang terdahulu. Seperti ketua komiti sebelum mereka, mereka umumnya merupakan orang-orang yang cergas dalam kerja-kerja kebajikan, khasnya rajin dalam kerja-kerja gotong-royong, dan telah agak tua. Dengan itu, mereka termasuk dalam golongan orang-orang yang mempunyai status yang tinggi di kampung Sungai Rambai. Dari segi kedudukan kelas pula, mereka umumnya dari kelas petani pertengahan.

Peranan utama ketua komiti, iaitu sebagai pemimpin umum dan sebagai orang yang mengetuai kerja-kerja gotong-royong di kawasan masing-masing boleh dikatakan tidak berubah. Akan tetapi, sejak penubuhan JKKK pada tahun 1962 dan UMNO cawangan kampung Sungai Rambai pada tahun 1968, mereka semua telah dilantikmenjadi ahli jawatankuasa kedua badan itu. Dengan itu, di samping memainkan peranan mereka yang lama, mereka juga memainkan peranan sebagai pemimpin baru.

Pemimpin Agama

Seperti ketua komiti, semua pemimpin agama di kampung Sungai Rambai sekarang terdiri daripada orang-orang baru, kerana pemimpin-pemimpin yang awal telah meninggal dunia, atau telah meletakkan jawatan kerana uzur. Namun demikian, kecuali seorang bilal yang baru mencapai umur awal tiga puluhan, semua pemimpin agama ini terdiri daripada orang-orang yang sudah agak tua, iaitu berumur 45 tahun ke atas. Seperti pemimpin agama yang terdahulu, mereka juga adalah orang-orang yang mempunyai pengetahuan agama yang agak mendalam,

warak, dan mempunyai status yang agak tinggi. Kebanyakan pemimpin agama ini dari kelas petani pertengahan.

Sebagai pemimpin agama, peranan mereka boleh dikatakan tidak berbeza dari peranan pemimpin agama yang terdahulu. Namun demikian, sebahagian daripada pemimpin agama ini juga dipilih menjadi ahli JKKK dan ahli jawatankuasa UMNO cawangan kampung Sungai Rambai. Oleh yang demikian, di samping memainkan peranan sebagai pemimpin tradisional, sebahagian daripada pemimpin agama ini telah memainkan peranan sebagai pemimpin baru pula.

Pemimpin Baru

Secara amnya pemimpin baru di kampung Sungai Rambai pada masa ini terdiri daripada pemimpin organisasi-organisasi formal yang terdapat di kampung ini, iaitu JKKK, UMNO cawangan kampung Sungai Rambai unit Persatuan Peladang dan Persatuan Belia (4B). Di kalangan pemimpin-pemimpin ini pula, pemimpin yang lebih penting dan berpengaruh umumnya ialah orang-orang yang memegang jawatan atau kedudukan penting dalam organisasi itu, khasnya orang-orang yang memegang jawatan ketua dan setiausaha.

Pengerusi JKKK

Pengerusi JKKK yang juga ketua kampung Sungai Rambai mengetuai sebuah badan yang dianggotai oleh 15 orang pemimpin kampung dan badan ini dianggap mewakili berbagai golongan dan kepentingan di kampung ini. Di antara anggotanya termasuklah ketua komiti, pemimpin agama, pemimpin belia (ketua persatuan belia) dan pemimpin wanita (ketua wanita UMNO).

Sebagai Pengerusi JKKK, ketua kampung pada masa ini bukan sahaja bertanggungjawab dari segi keamanan dan keselamatan kampungnya, tetapi yang lebih penting lagi ialah dari segi pembangunan.[6] Untuk menunaikan tanggungjawabnya ini, ketua kampung perlu memainkan peranan sebagai*broker* yang cekap di antara anak buahnya dengan pihak yang berkuasa, khasnya Wakil Rakyat dan Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan, supaya projek pembangunan banyak disampaikan ke kampungnya.

Dalam hal ini, HK ketua kampung Sungai Rambai sekarang tidaklah dapat dianggap sebagai *broker* yang cekap, khasnya pada masa yang

akhir-akhir ini. Sebagai seorang yang sudah berumur kira-kira 70 tahun, dan telah menjadi ketua kampung selama kira-kira 17 tahun, HK boleh dianggap sudah tidak cergas lagi dan tidak berusaha bersungguh-sungguh dari segi pembangunan kampung. Namun demikian, kelemahan HK dari segi ini tidak membantutkan pembangunan kampung Sungai Rambai kerana di kampung ini terdapat pemimpin lain yang cergas dan berkebolehan, termasuk memainkan peranan sebagai *broker* dari segi politik dan pembangunan, iaitu setiausaha JKKK merangkap setiausaha UMNO kampung Sungai Rambai.

Setiausaha JKKK

Sejak JKKK ditubuhkan di kampung Sungai Rambai pada tahun 1962, badan ini hanya mempunyai dua orang setiausaha: J yang memegang jawatan itu dari tahun 1962 hingga 1970 dan F yang memegang jawatan itu dari tahun 1971 hingga sekarang. F mengambil alih jawatan itu, kerana J berpindah ke tempat lain.

F Setiausaha JKKK kampung Sungai Rambai sekarang seorang petani pertengahan dan ketika mula memegang jawatan itu dia baharu berumur 27 tahun. Dia berkelulusan SRP, tetapi memilih terus tinggal di kampung dan bekerja sebagai petani. Di samping menjadi Setiausaha JKKK, dia juga memegang jawatan Setiausaha UMNO cawangan kampung Sungai Rambai sejak parti ini ditubuhkan pada tahun 1968. Sebagai Setiausaha JKKK, F adalah orang yang kedua pentingnya dalam badan itu selepas Pengerusi kerana Setiausahalah yang mengirim surat jemputan mesyuarat, menyimpan minit mesyuarat dan mengirim keputusan mesyuarat itu kepada pihak-pihak yang berkenaan, khasnya Penghulu Mukim, Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan dan Wakil Rakyat kawasan mereka. Selain daripada itu, Setiausaha juga perlu berjumpa sendiri dengan tokoh-tokoh berkenaan untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan kampung.

Secara amnya F dapat menjalankan tugasnya dengan memuaskan, kerana dia seorang yang mempunyai ciri-ciri peribadi yang terpuji, seperti rajin dalam kerja-kerja gotong royong dan khidmat masyarakat dan mempunyai berbagai kebolehan, khasnya cekap dalam pentadbiran organisasi, pandai bercakap dan berani berjumpa dengan tokoh-tokoh politik dan pegawai-pegawai kerajaan. Dengan itu, dia muncul sebagai pemimpin yang berpengaruh dan berwibawa dan menjadi *broker* yang cekap di antara penduduk kampung Sungai Rambai dengan tokoh politik dan pegawai kerajaan dalam konteks pembangunan kampung.

Ketua UMNO

Ketika cawangan UMNO ditubuhkan di kampung Sungai Rambai pada tahun 1968, HH yang ketika itu masih menjadi ketua kampung Sungai Rambai tidak mahu dilantik menjadi ketua parti itu, kerana dia sudah tua dan mulai uzur. Oleh itu, orang yang dilantik memegang jawatan itu tidak lain daripada HK, anak saudara HH yang ketika itu sudah dianggap oleh penduduk kampung ini sebagai Timbalan Ketua Kampung dan salah seorang penaja penubuhan cawangan UMNO tersebut.

Walau bagaimanapun, HK menjadi ketua UMNO cawangan kampung Sungai Rambai sehingga tahun 1973 sahaja. Mulai tahun 1974 jawatan itu diambil alih oleh S anak menantunya yang bercita-cita hendak naik ke atas melalui saluran politik. S, seorang guru sekolah menengah, memegang jawatan itu selama kira-kira 10 tahun. Namun demikian, S tidak dapat naik ke peringkat yang lebih tinggi dalam hiraki kepimpinan UMNO dan pengaruhnya juga semakin merosot kerana beberapa kesilapan yang dilakukannya. Pada tahun 1983, jawatan ini diambil alih pula oleh MA setelah mengalahkan S yang mempertahankan jawatan ini dalam mesyuarat agung tahunan.

MA anak HH (ketua kampung Sungai Rambai yang pertama) dan juga anak saudara HK. Dia bersekolah menengah sehingga Tingkatan 6, tetapi tidak bekerja makan gaji, kerana dia diperlukan oleh keluarganya untuk mengusahakan tanah peninggalan HH. Kini dia bergiat dalam lapangan perniagaan sebagai pengusaha stesyen minyak dan kontraktor, di samping menjadi tuan tanah. Kedudukan ekonominya yang kukuh merupakan satu kelebihan pada MA dan memudahkannya meningkat naik dalam arena politik. Di samping menjadi Ketua Cawangan dia juga menjadi Ketua Pemuda Bahagian dan Bendahari Pemuda Negeri. Sebagai ketua cawangan UMNO, peranan utama MA tidak lain daripada menjadi *broker* di antara penduduk kampung dengan pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat yang lebih tinggi, khasnya dengan Wakil Rakyat, sama ada dari segi politik atau pembangunan. Dari segi ini peranan Ketua UMNO cawangan hampir tidak berbeza dari peranan ketua kampung merangkap Pengerusi JKKK. Namun, MA mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan Wakil Rakyat dan pemimpin-pemimpin UMNO peringkat Bahagian dan Negeri, kerana dia juga memainkan peranan sebagai pemimpin pada kedua peringkat tersebut. Oleh itu, dalam bidang politik khususnya, bukan sahaja statusnya lebih tinggi, malah dalam kes-kes tertentu peranannya sebagai *broker* juga lebih berkesan daripada peranan pemimpin tempatan yang lain.

Setiausaha UMNO Cawangan

Sejak UMNO cawangan kampung Sungai Rambai ditubuhkan pada tahun 1968, jawatan Setiausaha terus dipegang oleh F, seorang petani pertengahan, sebagaimana yang dinyatakan di atas tadi. Sebagai Setiausaha, F adalah tokoh penting yang menggerakkan organisasi ini. Sungguhpun dalam hirarki kepimpinan UMNO, F tidak dapat meningkat ke peringkat yang lebih tinggi, tetapi sebagai seorang yang memegang jawatan Setiausaha cawangan selama lebih 20 tahun, tidak diragukan lagi F adalah seorang pemimpin yang popular dan berpengaruh di kampung Sungai Rambai. Ini terbukti apabila UMNO adalah satu-satunya parti politik yang mempunyai cawangan di kampung ini dan dianggotai oleh kira-kira 90 peratus penduduk dewasa kampung ini.

Ketua Unit Persatuan Peladang

Apabila unit Persatuan Peladang ditubuhkan di kampung Sungai Rambai pada tahun 1973, HK ketua kampung Sungai Rambai telah dilantik menjadi ketuanya. Sebagai ketua persatuan ini, di antara peranan penting yang dimainkan oleh HK pada peringkat awalnya ialah menggalakkan penduduk kampung Sungai Rambai menjadi ahli dan membeli saham persatuan ini serta memberi sokongan kepada ahli-ahlinya yang hendak mendapatkan kredit pertanian dari Persatuan Peladang Kawasan. Namun demikian, di bawah pimpinan HK, unit Persatuan Peladang kampung Sungai Rambai hanya aktif pada peringkat awalnya sahaja dan kurang merancangkan aktiviti yang boleh menguntungkan faedah kepada ahli-ahlinya. Oleh itu, mulai tahun 1984 HK tidak lagi terpilih menjadi ketua persatuan ini.

Tokoh yang dipilih menjadi penggantI HK ialah F yang sebelumnya sudah memegang jawatan Setiausaha UMNO dan JKKK. F mengambil alih pucuk pimpinan unit Persatuan Peladang ini ketika Persatuan Peladang Kawasan memulakan projek Mini Estet Padi di kampung Sungai Rambai dan kawasan sekitarnya. Setelah projek mini estet padi ini dilancarkan, F dilantik menjadi salah seorang Ketua Blok, sementara unit Persatuan Peladang kampung Sungai Rambai pula menjalankan peranannya membeli padi sebagai wakil LPN.

Ketua Belia

Dengan penubuhan sebuah persatuan belia (AB) di kampung Sungai Rambai pada tahun 1970, maka di kampung ini muncul pemimpin-

pemimpin muda yang dianggap sebagai Ketua Belia. Ketua Belia memainkan peranan yang lebih luas dari Ketua Pemuda. Jika Ketua Pemuda hanya memainkan peranan sebagai ketua orang-orang muda dalam kerja-kerja gotong royong dalam majlis kenduri, Ketua Belia pula memainkan peranan sebagai pemimpin dalam berbagai bidang, seperti sukan, kesenian, pelajaran dan aktiviti sosial yang lain. Dengan itu, kedudukan dan peranan Ketua Belia boleh dianggap lebih penting dari kedudukan dan peranan Ketua Pemuda.

Pada peringkat awal penubuhannya, persatuan belia kampung Sungai Rambai dipimpin oleh pemuda-pemuda yang bekerja sebagai petani. Akan tetapi, mulai pertengahan tahun 1970-an anggota kelas menengah, khasnya guru dan kerani telah mengambil alih pucuk pimpinannya. Pada tahun 1975 S (guru sekolah menengah dan menantu ketua kampung) yang ketika itu memegang jawatan ketua UMNO kampung Sungai Rambai telah menjadi ketua persatuan ini. Bagaimanapun, S kurang popular di kalangan anak-anak muda di kampung ini, kerana sikapnya yang kurang mesra dengan golongan muda dan suka memaksakan pendapatnya ke atas mereka. Oleh itu, sejak tahun 1982, B seorang kerani sekolah telah dipilih menjadi ketua persatuan ini. Pada tahun yang sama, N seroang guru pula dipilih menjadi setiausahanya. Mereka berdua adalah anak-anak petani yang telah bermobiliti ke kelas menengah, dan sambil memimpin persatuan belia, mereka juga menjadi pemimpin gerakan pemuda UMNO. Mereka masih menjadi Ketua Belia di kampung Sungai Rambai sehingga sekarang.

POLITIK KEPARTIAN

Sebagaimana yang dinyatakan pada bahagian awal kertas kerja ini, perbincangan mengenai politik kepartian di kalangan orang-orang Melayu di peringkat tempatan ini akan ditumpukan kepada dua peringkat; peringkat daerah dan peringkat kampung. Jangka masa yang diliputi oleh perbincangan ini ialah dari zaman akhir penjajahan Inggeris atau zaman perjuangan kemerdekaan sehinggalah sekarang.

Daerah Semarak

Politik kepartian di daerah Semarak bolehlah dianggap bermula pada tahun 1946, apabila sekumpulan pegawai kerajaan dan pemimpin Melayu di pekan Semarak yang merupakan "elit Semarak" menubuhkan sebuah pertubuhan yang diberi nama Persatuan Melayu Daerah (PMD). Di

antara orang-orang yang memainkan peranan penting dalam usaha menubuhkan persatuan ini termasuklah seorang Penolong Pegawai Daerah, seorang Pegawai Melayu, beberapa orang Penghulu serta beberapa orang kakitangan kerajaan yang berpendidikan Inggeris. Tujuan semerta mereka menubuhkan persatuan ini ialah untuk memilih wakil bagi menghadiri Kongres Melayu yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada awal Mac 1946, dan seterusnya untuk menyertai perjuangan menentang gagasan Malayan Union.

Selepas menghadiri Kongres Melayu di Kuala Lumpur pada 1-4 Mac 1946, pemimpin-pemimpin PMD juga menghadiri perhimpunan berikutnya yang diadakan di Johor Baharu pada 11 Mei 1946. Perhimpunan yang kedua itu adalah perhimpunan yang merasmikan penubuhan UMNO. Dengan demikian, PMD adalah salah sebuah pertubuhan yang menjadi penaja rasmi penubuhan UMNO dan seterusnya menjadi badan gabungan UMNO. Walau bagaimanapun, apabila UMNO mengubah struktur organisasinya dengan menubuhkan cawangannya sendiri mulai tahun 1949, PMD yang ketika itu diketuai oleh JA, seorang guru Bahasa Inggeris Persendirian, tidak mahu diserapkan menjadi cawangan UMNO. Sebaliknya, PMD terus wujud sebagai badan yang bergabung dengan UMNO sahaja seperti dua buah pertubuhan lain yang mengambil sikap yang sama, iaitu Kesatuan Melayu Singapura dan SEBERKAS (Kedah).

Keengganan pemimpin-pemimpin PMD mengubah pertubuhan ini menjadi cawangan UMNO telah membuka peluang kepada satu kelompok elit yang lain, yang sebelumnya tidak menyertai PMD secara aktif, untuk menubuhkan cawangan UMNO. Oleh itu, pada tahun 1949 juga cawangan UMNO yang pertama telah tertubuh di daerah kecil Semarak. Cawangan UMNO ini berpusat di kampung Air Masin dan penubuhannya dipelopori oleh T, seorang guru sekolah Melayu. Semenjak penubuhannya, T-lah yang menjadi setia-usahanya, sementara SH, penghulu mukim berhampiran dilantik memegang jawatan Ketua atau Pengerusi. Di antara pemimpinnya yang lain termasuklah beberapa orang petani kaya dan petani pertengahan.

Sejak tahun 1949 di daerah kecil Semarak boleh dianggap telah wujud dua buah parti politik Melayu: PMD yang berpusat di bandar (pekan Semarak) yang didominasi oleh golongan elit berpendidikan Inggeris dan UMNO yang berpusat di kampung (di Sungai Air Masin) dan digerakkan terutamanya oleh elit berpendidikan Melayu.

Apabila UMNO tidak lagi menerima pertubuhan lain sebagai badan gabungannya mulai tahun 1953, terjadi perpecahan di dalam PMD: satu golongan pemimpin PMD yang diketuai oleh JA, Yang di Pertuanya mahu PMD terus wujud sebagai badan yang bersendirian dan tidak mahu PMD dibubarkan, sementara satu golongan pemimpin PMD yang lain lebih berminat memasuki UMNO dan telah meninggalkan pertubuhan ini. Di antara yang keluar dari PMD lalu memasuki UMNO ialah LS yang ketika itu memegang jawatan Setiausaha PMD.

Setelah memasuki UMNO, LS telah muncul sebagai pemimpin UMNO pula, kerana LS seorang yang aktif dan berkebolehan. Mulai tahun 1954 LS mengambil alih jawatan Setiausaha UMNO Bahagian Semarak daripada T yang telah dipilih memegang jawatan yang lebih tinggi, iaitu Timbalan Ketua. Dengan demikian, pada masa itu telah terjalin kerjasama di antara satu golongan elit bandar yang diwakili oleh LS dari pekan Semarak dengan elit kampung yang diwakili oleh SH dan T dari kampung Sungai Air Masin.

Satu perkembangan yang agak penting dalam UMNO Semarak di sekitar tahun 1954 ini ialah kemasukan M, seorang anak tuan tanah kaya dari kampung Sungai Air Masin ke dalam parti ini. Sungguhpun M memasuki UMNO terkemudian daripada T, tetapi dia lebih awal terpilih menjadi calon dalam pilihanraya kerana kedudukan kewangannya yang kuat. Seterusnya M terpilih menjadi Ketua Bahagian mulai tahun 1968, sementara T kekal menjadi Timbalan Ketua Bahagian sahaja.

Meskipun di sekitar tahun 1954 pemimpin-pemimpin UMNO Semarak belum muncul sebagai tokoh politik yang berkaliber jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin kanan PMD, tetapi UMNO cepat berkembang di daerah kecil Semarak, kerana UMNO adalah sebuah parti politik nasional dan pada masa itu mula terlibat dengan perjuangan kemerdekaan. Oleh yang demikian, menjelang pilihanraya umum pertama pada tahun 1955, UMNO telah mempunyai lima buah cawangan di daerah kecil ini. Sebaliknya, setelah berpisah dari UMNO, PMD bukan sahaja tidak berkembang, malah terpaksa mengubah peranannya dari sebuah pertubuhan yang memperjuangkan isu-isu nasional kepada isu-isu tempatan, dan bidang kegiatannya juga berubah dari bidang politik ke bidang sosial, khasnya bidang pelajaran, kesihatan dan perhubungan. Misalnya, diantara aktiviti PMD ialah mendesak kerajaan supaya membina sekolah Inggeris, hospital dan jalan raya yang baik di daerah kecil ini.

Menjelang pilihanraya umum pertama pada tahun 1955, boleh dikatakan hampir semua ketua kampung di daerah kecil Semarak yang sebelumnya menjadi ahli PMD telah memasuki UMNO. Dengan kemasukan mereka ke dalam UMNO, maka penduduk kampung yang menjadi anak buah mereka juga ramai memasuki UMNO, kerana mereka umumnya adalah orang-orang yang berpengaruh di peringkat tempatan dan dapat menarik anak buah mereka supaya bersama-sama menyokong UMNO.

Walau bagaimanapun, di sekitar pilihanraya tahun 1955 ini sudah ada penduduk daerah kecil Semarak yang cenderung pada PAS, kerana dalam pilihanraya itu calon PAS turut bertanding dan beberapa orang pemimpin besar PAS, seperti Hassan Adli dan Zulkifli Muhamad telah datang berceramah dalam beberapa rapat umum untuk menolong calon parti tersebut. Di antara penyokong PAS yang terawal ialah guru-guru agama dan orang-orang yang cenderung pada agama, khasnya orang-orang yang berpendidikan sekolah agama. Menjelang pilihanraya umum tahun 1959 PAS sekurang-kurangnya sudah mempunyai dua buah ranting (cawangan) di daerah kecil Semarak: sebuah berpusat di mukim Bagan Nakhoda Rahmat, sementara sebuah lagi di mukim Sungai Pendek. Kedua cawangan PAS ini dipimpin oleh guru agama kampung, yang berpendidikan sekolah pondok dan mengajar agama di surau-surau dan di rumah mereka sendiri.

Dari itu, sejak pilihanraya tahun 1959 selewat-lewatnya, dari segi penyertaan politik kepartian, orang-orang Melayu di daerah kecil Semarak jelas telah terbahagi kepada dua golongan utama: golongan yang menjadi ahli dan penyokong UMNO di satu pihak dan golongan yang menjadi ahli dan penyokong PAS di satu pihak lagi. Golongan yang menyokong UMNO diketuai oleh Penghulu, guru, tuan tanah dan petani kaya, manakala yang menyokong PAS pula dipimpin oleh guru agama. Dari segi kedudukan kelas, kebanyakan ahli kedua parti ini dari kelas sosial yang sama, iaitu kelas petani pertengahan. Namun demikian, satu perkara menarik dari kajian ini ialah, kebanyakan ahli dan penyokong UMNO terdiri daripada orang-orang Jawa, sementara kebanyakan ahli dan penyokong PAS pula terdiri daripada orang-orang Banjar. Secara perbandingan, ahli dan penyokong UMNO merupakan golongan besar, manakala ahli dan penyokong PAS adalah golongan kecil.

Meskipun selepas tahun 1953 PMD tidak lagi memainkan peranan sebagai parti politik, tetapi beberapa orang pemimpinnya, khasnya JA ketuanya masih berminat dengan kegiatan politik. Oleh itu, dalam pilihanraya tahun 1959, JA dan seorang pemimpin PMD yang lain turut

bertanding sebagai calon Bebas untuk merebut kerusi Dewan Undangan Negeri. Walau bagaimanapun, JA mendapat undi yang paling kecil berbanding dengan undi yang diperolehi oleh calon Perikatan dan calon PAS, meskipun dia dianggap lebih bijak daripada calon-calon lain. Sejak kekalahan JA dalam pilihanraya itu, JA dan PMD tidak lagi merupakan faktor penting dalam politik Semarak. Kewujudan PMD juga berakhir pada tahun 1960 apabila badan ini dibubarkan oleh Pendaftar Pertubuhan, kerana kegagalannya menghantar laporan tahunan selama beberapa tahun.

Dengan demikian, selepas pilihanraya tahun 1959 khususnya, pertandingan utama dalam politik kepartian di daerah Semarak ialah di antara UMNO dengan PAS sahaja. Dalam hal ini, UMNO mempunyai beberapa kelebihan daripada PAS. Di antaranya ialah, UMNO mendapat sokongan daripada pemimpin-pemimpin tempatan seperti Penghulu, Ketua Kampung dan orang-orang lain yang berpengaruh di peringkat tempatan. Sebaliknya PAS tidak mendapat sokongan daripada elit tempatan tersebut. Oleh itu UMNO lebih mudah mendapatkan sokongan daripada penduduk kampung berbanding dengan PAS. Oleh hal yang demikian, dalam semua pilihanraya yang diadakan di daerah Semarak, pemimpin-pemimpin UMNO yang menjadi calon Perikatan sentiasa dapat mengalahkan calon PAS dengan kelebihan undi yang besar. Sejak tahun 1950-an hingga sekarang, Wakil Rakyat (ADUN dan ahli Parlimen) yang terdiri daripada pemimpin UMNO telah muncul sebagai elit politik baru yang terpenting di daerah ini.

Sungguhpun pemimpin awal UMNO di daerah Semarak bukan orang-orang yang berpelajaran tinggi, tetapi mereka umumnya merupakan orang yang mempunyai pengaruh yang berakar umbi di peringkat tempatan. Oleh itu, mereka umumnya dapat memegang jawatan masing-masing dalam jangka masa yang panjang, iaitu tidak kurang daripada 15 tahun. Tiga orang daripada mereka, iaitu M (Ketua Bahagian), T (Timbalan Ketua Bahagian) dan LS (Setiausaha Bahagian) telah menjadi Wakil Rakyat lebih dari dua penggal. Mereka juga memegang jawatan penting dalam kerajaan T dan LS sebagai Ahli Majlis Kerja Negeri (Exco), manakala M dapat naik sehingga menjadi Timbalan Menteri.

Sebagai Wakil Rakyat dari parti pemerintah, pemimpin-pemimpin UMNO yang berkenaan sekurang-kurangnya dapat memainkan peranan sebagai *broker* dalam konteks pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan, kerana merekalah yang menjadi orang perantaraan antara penduduk kampung dengan pemimpin atasan. Biasanya dengan sokongan dan

desakan merekalah sesuatu projek pembangunan itu akan disampaikan kepada penduduk sesebuah kampung. Wakil Rakyat yang memegang jawatan penting dalam kerajaan dapat pula memainkan peranan sebagai *patron*, kerana mereka berkuasa meluluskan dan membahagikan projek pembangunan kepada penyokong-penyokong mereka.

Kemampuan pemimpin UMNO di daerah Semarak memainkan peranan yang agak berkesan sebagai *broker* dan patron dalam konteks pembangunan bukan sahaja dapat meninggikan status dan kewibawaan mereka, tetapi yang lebih penting lagi dapat mempengaruhi orang-orang Melayu di daerah ini supaya memberi sokongan yang berpanjangan kepada UMNO dan kerajaan. Tambahan pula, sebagaimana yang dinyatakan di awal artikel ini, daerah Semarak adalah kawasan yang terbiar dan mundur pada zaman penjajahan. Oleh itu, sekurang-kurangnya sebahagian daripada penduduk daerah ini terus menyokong UMNO, kerana merasa terhutang budi kepada UMNO dan kerajaan yang telah membawa pembangunan ke kampung mereka.

Pada masa yang sama, pemimpin UMNO di peringkat kampung, khususnya ketua dan setiausaha cawangan juga memainkan peranan sebagai *broker* di antara penduduk kampung dengan pemimpin atasan mereka,[7] sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Oleh kerana mereka umumnya terdiri daripada orang-orang yang aktif dan berkebolehan, dan sedikit sebanyak berpengaruh di peringkat kampung, mereka juga dapat mempengaruhi penduduk kampung yang lain supaya bersama-sama menyokong dan menunjukkan kesetiaan kepada UMNO dan kerajaan.

Walaupun tidak dinafikan ada penduduk daerah Semarak yang tidak dapat dipikat dengan projek pembangunan dan terus menyokong PAS kerana tarikan ideologi parti tersebut, tetapi jelas bilangan mereka adalah kecil. Sekiranya ahli dan penyokong PAS bertambah dari masa ke masa, pertambahan itu juga kecil dan masih jauh dari dapat mengatasi bilangan ahli dan penyokong UMNO.

Dengan kemunculan kelas-kelas sosial yang baru, khasnya kelas menengah dan kelas usahawan di daerah Semarak, maka secara beransur-ansur pimpinan UMNO dan PAS diganti oleh anggota kelas yang baru ini. Sebagai misalan, jawatan Ketua UMNO Bahagian yang dipegang oleh seorang tuan tanah (M) selama kira-kira 18 tahun, sekarang dipegang oleh seorang anggota kelas menengah (bekas pegawai tinggi kerajaan), sementara jawatan Bendahari UMNO Bahagian yang selama berpuluh tahun disandang oleh seorang tuan tanah sekarang disandang oleh

seorang usahawan. Begitu juga jawatan Ketua Pemuda UMNO Bahagian yang selama kira-kira 20 tahun dipegang oleh seorang Penyelia KEMAS kini diambil alih oleh seorang usahawan. Mengenai jawatan Ketua PAS Kawasan pula, jawatan ini juga tidak lagi dipegang oleh guru agama kampung. Jawatan ini pernah disandang oleh seorang guru agama lepasan Universiti Azhar pada tahun 1970-an, tetapi sekarang dipegang oleh seorang bekas guru agama sekolah menengah.

Seiring dengan perubahan pimpinan dalam UMNO Semarak, maka sebahagian daripada Wakil Rakyat di daerah ini juga kini terdiri daripada anggota kelas sosial yang baru. Jika pada tahun 1960-an dan 1970-an, Wakil Rakyat di daerah ini berasal dari guru sekolah rendah, tuan tanah dan petani kaya, kini dua daripada empat orang Wakil Rakyat di daerah ini berasal dari kelas menengah: seorang bekas pegawai tinggi kerajaan, sementara seoraang lagi bekas Guru Besar sekolah menengah.

Kemunculan pemimpin baru dari kelas menengah dan usahawan ini di dalam UMNO, bagaimanapun, bukanlah diterima dengan mudah oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang lebih awal, kerana sebahagian daripada mereka, khasnya yang menjadi Wakil Rakyat, ada yang belum mahu berundur dari jawatan masing-masing. Oleh itu, kemunculan pemimpin baru ini memang menimbulkan persaingan dan konflik di antara mereka dengan pemimpin-pemimpin yang lebih awal.

Di samping itu, kemunculan pemimpin dari kelas sosial yang baru ini sedikit sebanyak juga melahirkan ragam politik yang baru, khasnya di dalam UMNO. Salah satu ciri penting dari ragam politik yang baru ini ialah penggunaan wang dan hadiah-hadiah kebendaan secara terbuka oleh pemimpin atau bakal pemimpin sebagai cara untuk mendapat dan mengekalkan sokongan ahli-ahli parti terhadap mereka. Sebagai misalan, Datuk O yang kini menjadi Bendahari UMNO Bahagian biasanya memberi derma peribadi sebanyak $200.00 kepada cawangan-cawangan UMNO yang akan mengadakan mesyuarat agung tahunan, khasnya untuk perbelanjaan jamuan dalam mesyuarat tersebut. Dia memberi derma tersebut sejak sebelum menjadi Bendahari lagi. Salah seorang Wakil Rakyat pula memberi jamuan kepada anak-anak yatim dan memberi hadiah kain pelekat dan kain batik kepada penduduk kampung yang miskin di kawasan pilihanraya setiap menjelang hari raya puasa.

Ragam politik yang diamalkan oleh pemimpin baru UMNO ini tidak dapat diikuti oleh pemimpin baru PAS di daerah Semarak, kerana mereka bukan orang-orang yang mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh seperti

pemimpin UMNO. Oleh itu, pemimpin baru PAS menggunakan faktor bukan material, khususnya faktor agama pula sebagai cara untuk menarik orang-orang kampung supaya terus menyokong parti mereka. Sebagai misalan, di antara hujah yang sering mereka kemukakan ialah orang-orang Islam wajib menyertai "perjuangan Islam", iaitu perjuangan menegakkan hukum-hukum Islam dan seterusnya mewujudkan negara Islam. Perjuangan ini wajib dilakukan secara kolektif atau dengan menyertai sesuatu harakah Islam. Oleh kerana PAS adalah satu harakah yang berjuang menegakkan hukum-hukum Islam, maka menjadi kewajipanlah bagi orang-orang Islam di negara ini menyokong dan menyertai perjuangan PAS.

Walau bagaimanapun, adalah jelas lebih ramai anggota kelas sosial yang baru di daerah Semarak yang menyertai UMNO daripada yang menyertai PAS. Dengan itu, sehingga sekarang UMNO masih lagi merupakan parti politik yang mempunyai ahli dan penyokong yang lebih ramai dan boleh dianggap sebagai parti politik yang dominan di daerah ini.

Seperti di tempat-tempat lain, perpecahan UMNO kepada Team A dan Team B, dan kemudiannya kepada UMNO Baru dan Semangat 46 juga melibatkan penduduk daerah Semarak. Di daerah ini UMNO Baru didukung oleh Wakil Rakyat dan orang-orang yang terpilih memegang jawatan dalam mesyuarat agung tahun 1987, sementara Semangat 46 pula didukung oleh sebahagian bekas Wakil Rakyat dan bekas pemimpin awal yang tidak mahu menerima kemunculan pemimpin baru. Walau bagaimanapun, di daerah ini Semangat 46 atau Kumpulan Serpihan UMNO merupakan kumpulan kecil sahaja, kerana ahli UMNO di daerah ini umumnya sentiasa taat dan setia kepada pemimpin-pemimpin yang mempunyai kedudukan dan sedang berkuasa.

Oleh yang demikian, dalam konteks pertandingan di antara UMNO Baru dengan PAS, kewujudan Semangat 46 yang bekerjasama dengan PAS, jelas tidak merupakan satu ancaman kepada UMNO Baru di daerah Semarak, sekurang-kurangnya buat masa ini.

Kampung Sungai Rambai

Seperti penduduk kampung-kampung lain dalam daerah kecil Semarak, penduduk kampung Sungai Rambai mula terlibat dengan politik kepartian selewat-lewatnya pada awal tahun 1946, apabila PMD ditubuhkan oleh "elit Semarak" dalam konteks perjuangan orang-orang Melayu menentang gagasan Malaya Union. HH ketua kampung Sungai Rambai pada masa

itu dan HK ketua kampung Sungai Rambai sekarang adalah di antara orang-orang yang menghadiri mesyuarat penubuhan persatuan ini.

Setelah PMD tertubuh, HH, HK dan sebilangan kecil penduduk kampung Sungai Rambai, khasnya pemimpin-pemimpin kampung seperti ketua komiti dan ketua pemuda telah menjadi ahli persatuan itu. Walau bagaimanapun, kedudukan mereka di dalam persatuan itu sebagai ahli biasa sahaja. Tidak ada di antara mereka yang terpilih memegang apa-apa jawatan di dalam persatuan itu, kerana sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, PMD dikuasai oleh satu kelompok elit bandar dari pekan Semarak yang kebanyakannya berpendidikan Inggeris dan bekerja sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan.

HH dan anak buahnya dari kampung Sungai Rambai terus menjadi ahli PMD selepas PMD memisahkan diri dari UMNO pada tahun 1953. Walau bagaimanapun, mereka meninggalkan PMD lalu menyertai UMNO, apabila sebuah cawangan UMNO ditubuhkan di pekan Sungai Kecil pada tahun 1954. Mereka mengambil tindakan demikian, kerana pada masa itu kebanyakan ketua kampung dan anak buah mereka di daerah kecil Semarak telah menyertai UMNO, dan hanya penduduk di sekitar pekan Semarak sahaja yang masih terus menjadi ahli PMD.

Setelah HH dan pemimpin-pemimpin kampung yang lain memasuki UMNO, penduduk kampung Sungai Rambai yang lain, khasnya kaum keluarga dan jiran-jiran mereka juga ramai yang memasuki parti tersebut. Dengan demikian, menjelang pilihanraya umum pertama pada tahun 1955 dianggarkan kira-kira 50 peratus penduduk kampung Sungai Rambai sudah menjadi ahli UMNO.

Penyertaan penduduk kampung Sungai Rambai ke dalam UMNO cawangan Sungai Kecil sekurang-kurangnya disebabkan oleh dua faktor utama. Pertama, pengaruh pemimpin-pemimpin tempatan, khasnya ketua kampung dan ketua komuniti. Kedua, pengaruh pemimpin-pemimpin besar UMNO yang datang memberi ceramah dalam kempen-kempen pilihanraya.

Pada pilihanraya tahun 1959, penduduk kampung Sungai Rambai yang telah menjadi ahli UMNO sejak tahun 1954-1955 secara amnya masih terus menyokong parti tersebut. Namun demikian, menjelang pilihanraya tahun 1959 ini beberapa orang penduduk kampung Sungai Rambai yang sebelumnya tidak menyertai mana-mana parti politik telah memasuki PAS. Mereka mengambil tindakan itu kerana terpengaruh oleh ucapan pemimpin-pemimpin PAS yang datang berkempen di daerah kecil Semarak dan kerana mengikut seorang guru agama di kampung Sungai Pendek (berhampiran dengan

kampung Sungai Rambai) yang merupakan salah seorang pemimpin PAS di daerah Semarak.

Dengan demikian, sejak pilihanraya tahun 1959 selewat-lewatnya, dari segi politik kepartian, penduduk kampung Sungai Rambai telah terbahagi kepada dua kategori utama: golongan yang menyokong UMNO dan golongan yang menyokong PAS. Penyokong UMNO terutamanya terdiri daripada golongan elit kampung, saudara mara, dan jiran-jiran mereka, sementara penyokong PAS pula kebanyakannya terdiri daripada golongan guru agama dan orang-orang dari kelas petani pertengahan yang cenderung pada agama. Walau bagaimanapun, sebagaimana pada peringkat daerah, penyokong-penyokong UMNO merupakan golongan besar, manakah penyokong-penyokong PAS merupakan golongan kecil sahaja.

Sehingga tahun 1967 penduduk kampung Sungai Rambai yang telah menyertai UMNO masih menjadi ahli UMNO cawangan Sungai Kecil, kerana mereka tinggal berhampiran dengan pekan itu dan mereka tidak mempunyai apa-apa alasan untuk menubuhkan cawangan UMNO di kampung mereka sendiri. Dengan itu, sehingga akhir tahun 1967 UMNO tidak mempunyai cawangan di kampung Sungai Rambai.

Di dalam UMNO cawangan Sungai Kecil, HH ketua kampung Sungai Rambai dan anak saudaranya HK yang ketika itu menjadi salah seorang ketua komiti di kampung Sungai Rambai hanya menjadi ahli jawatankuasa (AJK) sahaja. Mereka tidak mendapat peluang memegang jawatan yang lebih tinggi, kerana sejak penubuhannya UMNO cawangan Sungai Kecil dipimpin oleh seorang tuan tanah kaya dan Guru Besar sekolah yang merupakan anak tempatan Sungai Kecil sendiri.

Walau bagaimanapun, HH dan HK adalah orang-orang yang berpengaruh di kampung Sungai Rambai. Dengan itu, mereka dapat mempengaruhi sebahagian besar penduduk kampung Sungai Rambai supaya bersama-sama menyokong UMNO dan kerajaan, khasnya ketika diadakan pilihanraya. Pada awal tahun 1968 ahli-ahli UMNO di kampung Sungai Rambai mendapat alasan yang agak kuat untuk menubuhkan cawangan UMNO di kampung mereka sendiri, kerana pada masa itu hampir semua kampung di daerah Semarak telah mempunyai cawangan UMNO, dan ahli UMNO cawangan Sungai Kecil yang mereka sertai pula sudah terlalu ramai (lebih 200 orang). Oleh itu, pada pertengahan tahun 1968 sebuah cawangan UMNO telah ditubuhkan di kampung Sungai Rambai atas anjuran HK dan Guru Besar Sekolah Melayu kampung Sungai Rambai yang merupakan ahli lama UMNO cawangan Sungai Kecil.

Apabila cawangan UMNO ditubuhkan di kampung Sungai Rambai orang-orang yang terpilih memimpin pertubuhan itu tidak lain daripada anggota kelas petani kaya dan petani pertengahan yang sebelumnya sudah memainkan peranan sebagai pemimpin di kampung ini, kecuali HH ketua kampung Sungai Rambai yang tidak mahu memegang apa-apa jawatan, kerana sudah tua dan mulai uzur. Dengan itu, HK yang ketika itu sudah dianggap sebagai Timbalan Ketua Kampunglah yang dipilih menjadi ketua, sementara F yang telah menjadi Setiausaha JKKK sejak tahun 1962 dipilih memegang jawatan Setiausaha. Hampir semua ahli jawatan kuasanya terdiri daripada ahli JKKK dan ketua komiti.

Setelah cawangan UMNO tertubuh di kampung Sungai Rambai pemimpin-pemimpinnya, khasnya HK dan F memainkan peranan yang aktif untuk menarik penduduk kampung Sungai Rambai yang belum menjadi ahli UMNO supaya memasuki parti itu. Dalam hal ini HK dan F boleh dikatakan tidak menghadapi kesukaran untuk menarik mereka menjadi ahli UMNO, kerana sebagaimana yang dinyatakan di atas tadi, HK dan F adalah dua orang pemimpin yang berpengaruh di kampung ini. Di samping itu, HK dan F juga tidak begitu sukar menarik mereka memasuki UMNO, kerana UMNO adalah komponen parti pemerintah yang telah menyampaikan berbagai projek pembangunan di kampung ini. Mereka menyokong UMNO dengan harapan pihak kerajaan akan memberikan lebih banyak lagi projek pembangunan ke kampung mereka.

Penubuhan UMNO cawangan kampung Sungai Rambai agak seiring dengan kemunculan kelas-kelas sosial yang baru di kawasan luar bandar, khasnya kelas menengah dan buruh elit[8] di kampung ini. Meskipun anggota kedua kelas ini bukan golongan yang mendapat faedah secara langsung dari rancangan-rancangan pembangunan luar bandar yang dijalankan oleh kerajaan, tetapi sebagai penduduk kampung yang baharu bekerja makan gaji dengan kerajaan, mereka umumnya merasa berkewajipan menunjukkan sokongan dan kesetiaan kepada kerajaan dan parti pemerintah. Dengan itu, boleh dikatakan semuanya menyokong UMNO, sekurang-kurangnya menjadi ahli biasa. Kemasukan anggota kelas sosial yang baru ini ke dalam UMNO bukan sahaja menambahkan bilangan ahli UMNO cawangan kampung Sungai Rambai, tetapi yang tidak kurang pentingnya ialah mengubah komposisi kelas yang menganggotai UMNO cawangan tersebut. Jika pada peringkat awalnya hampir semua ahli UMNO cawangan kampung Sungai Rambai terdiri daripada anggota kelas petani sahaja, kini kira-kira 25 peratus ahli UMNO cawangan ini adalah dari kelas menengah dan buruh elit.

Meskipun ahli UMNO cawangan kampung Sungai Rambai yang terdiri daripada anggota kelas menengah masih merupakan golongan kecil, tetapi mereka umumnya mempunyai status yang agak tinggi, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, dan ada di antaranya yang mempunyai kebolehan untuk memainkan peranan sebagai pemimpin. Oleh itu, pada tahun 1973, S seorang guru sekolah menengah yang juga menantu HK (ketua kampung) telah terpilih menjadi Ketua UMNO cawangan kampung Sungai Rambai untuk mengganti mertuanya yang sudah kurang aktif. Selepas itu beberapa orang anggota kelas menengah ini juga terpilih menjadi pemimpin penting gerakan pemuda UMNO cawangan kampung Sungai Rambai.

Oleh kerana kebanyakan anggota kelas sosial yang baru ini memasuki UMNO, maka pada masa itu bilangan ahli dan penyokong PAS di kampung Sungai Rambai tidaklah memperlihatkan pertambahan yang signifikan. Dengan itu, kebanyakan ahli dan penyokong PAS di kampung ini masih lagi terdiri daripada guru-guru agama dan petani pertengahan yang cenderung pada agama.

Sepanjang tahun 1970-an dan 1980-an kebanyakan penduduk kampung Sungai Rambai terus menjadi ahli dan penyokong UMNO. Mereka mengambil sikap yang demikian terutamanya kerana mengikut pemimpin dan taat kepada pemimpin, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Di samping itu, sekurang-kurangnya sebahagian daripada mereka, khasnya dari kelas tuan tanah, petani kaya dan petani pertengahan adalah orang-orang yang mendapat faedah dari rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan, seperti penanaman padi dua kali setahun dan penanaman koko sebagai tanaman selingan di kawasan kebun kelapa. Dari itu, mereka menyokong UMNO dan mengekalkan kesetiaan kepada UMNO, kerana menganggap UMNO telah "berjasa" kepada mereka dan kampung mereka.

Pada masa yang sama, bilangan ahli dan penyokong PAS di kampung Sungai Rambai bukan sahaja tidak bertambah, malah semakin merosot. Kemerosotan ahli dan penyokong PAS di kampung ini sekurang-kurangnya disebabkan dua faktor utama. Pertama, di kampung ini PAS tidak mempunyai pemimpin yang berkebolehan dan berpengaruh, kerana hampir semua orang-orang yang berkebolehan dan berpengaruh telah memasuki UMNO dan menjadi pemimpin UMNO. Kedua, sama ada secara langsung atau tidak, ahli dan penyokong PAS di kampung ini memang ditekan dan didiskriminasikan oleh elit politik daerah Semarak, khasnya Wakil Rakyat yang semuanya terdiri dari pemimpin UMNO.

Sebagai misalan, guru-guru agama dan kakitangan kerajaan lain yang menyokong PAS pernah diugut akan ditukarkan ke tempat lain, iaitu ke tempat yang jauh di pedalaman dan dianggap sebagai "tempat buangan". Penduduk kampung yang bekerja sebagai petani pula sering dinafikan dari mendapat faedah dari rancangan-rancangan pembangunan, seperti pembukaan tanah pinggir. Oleh kerana itu, mereka yang tidak tahan menghadapi tekanan dan diskriminasi ini telah "melompat" ke dalam UMNO, ataupun tidak lagi melibatkan diri secara aktif dalam mana-mana parti politik.

Salah seorang ahli PAS yang telah mengundurkan diri dari parti itu ialah Ustaz Z, seorang guru sekolah agama yang merupakan pemimpin dan orang kuat PAS di kampung Sungai Rambai pada tahun 1960-an dan awal 1970-an. Ia kini menumpukan perhatian pada tugas rasminya sahaja, di samping menjadi salah seorang Imam gantian masjid kampung Sungai Rambai.

Satu perkembangan penting dalam politik kepartian di kampung Sungai Rambai, khasnya dalam parti UMNO ialah kemunculan MA seorang usahawan yang mengambil alih jawatan Ketua UMNO cawangan kampung ini daripada S pada tahun 1983. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, MA adalah anak HH, ketua kampung yang pertama dan anak saudara HK ketua kampung Sungai Rambai sekarang. MA dipilih mengganti S, seorang guru sekolah menengah. Dengan kemunculan MA sebagai ketua cawangan, bermulalah penggunaan wang secara berleluasa dalam UMNO cawangan kampung Sungai Rambai. Untuk mengekalkan kedudukan dan pengaruhnya, MA telah menggunakan wangnya sendiri bagi membiayai berbagai kegiatan parti, termasuk mengadakan jamuan dari semasa ke semasa.

Penggunaan wang oleh golongan pemimpin untuk mengekalkan kedudukan dan pengaruh ini boleh dikatakan tidak dipertikaikan oleh ahli-ahli UMNO di kampung Sungai Rambai. Dengan demikian, MA terus menjadi Ketua UMNO cawangan kampung Sungai Rambai, di samping memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO Bahagian dan Bendahari Pemuda UMNO Negeri, dan UMNO pula terus wujud sebagai parti politik yang dominan di kampung Sungai Rambai.

PENUTUP

Orang-orang Melayu di peringkat tempatan, termasuk di peringkat kampung, bukanlah kelompok yang homogen, bahkan telah bersusun

lapis dari segi status dan kelas. Dari segi status, mereka terbahagi kepada dua kategori utama: golongan kecil yang mempunyai status yang tinggi dan golongan besar yang tidak mempunyai status yang tinggi. Dari segi kelas pula, mereka kini boleh dibahagikan kepada beberapa kelas: tuan tanah, petani kaya, petani pertengahan, petani miskin, nelayan kecil, kelas menengah, usahawan, peniaga kecil dan buruh. Di kalangan orang-orang Melayu di peringkat kampung terdapat satu kelompok kecil yang berpengaruh dan berkuasa dan memainkan peranan sebagai pemimpin. Mereka umumnya terdiri daripada orang-orang yang mempunyai status yang tinggi dan anggota kelas atasan di peringkat kampung, dan boleh dianggap sebagai elit kampung. Di antara pemimpin yang dominan ialah pemimpin tradisional yang memainkan peranan baru, seperti ketua kampung, dan pemimpin baru, seperti Ketua UMNO Cawangan. Pada zaman akhir penjajahan Inggeris, elit bandar yang berpendidikan Inggeris telah mempelopori perjuangan menentang gagasan *Malayan Union* dan menaja penubuhan UMNO, sementara golongan elit kampung yang berpendidikan Melayu menyokong perjuangan elit bandar tersebut. Walau bagaimanapun, apabila kebanyakan elit bandar memisahkan diri dari UMNO elit kampung yang terdiri daripada tuan tanah, petani kaya dan guru sekolahlah yang menjadi pemimpin utama UMNO, sama ada di peringkat kampung mahu pun di peringkat daerah.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, khasnya sejak pilihanraya tahun 1959, pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat daerah telah muncul sebagai elit politik yang baru, kerana merekalah yang menjadi Wakil Rakyat (ADUN dan ahli Parlimen). Sebagai Wakil Rakyat dari parti pemerintah, mereka dapat memainkan peranan sebagai *broker* dan *patron* yang agak berkesan dalam kontek pembangunan. Pada masa yang sama, pemimpin-pemimpin UMNO yang telah muncul sebagai satu kategori pemimpin baru yang penting di peringkat kampung juga memainkan peranan sebagai *broker* dalam konteks pembangunan. Oleh yang demikian, kebanyakan orang Melayu di peringkat kampung menjadi ahli dan penyokong UMNO kerana dipengaruhi oleh pemimpin-pemimpin tersebut. Meskipun sejak pilihanraya tahun 1955 telah ada orang Melayu di peringkat kampung yang menjadi ahli dan penyokong PAS, tetapi mereka merupakan golongan kecil sahaja, kerana PAS tidak mempunyai pemimpin yang berpengaruh seperti pemimpin UMNO.

Sebagai pemimpin yang berpengaruh di peringkat tempatan, pemimpin-pemimpin UMNO bukan sahaja dapat memegang jawatan masing-masing, sama ada dalam parti atau dalam kerajaan dalam jangka masa

yang panjang, tetapi juga dapat mengekalkan sokongan dan kesetiaan orang-orang Melayu di peringkat tempatan kepada UMNO. Sebaliknya, pemimpin PAS yang kurang berpengaruh jelas tidak dapat menarik pengikut yang ramai, bahkan ada di antara mereka yang meninggalkan PAS, kerana tidak tahan menghadapi tekanan dan diskriminasi.

Dengan kemunculan kelas-kelas sosial yang baru di kawasan luar bandar, beberapa jawatan penting dalam UMNO, sama ada di peringkat daerah atau di peringkat kampung, telah bertukar tangan dari kelas sosial yang lama kepada kelas sosial yang baru. Namun demikian, penglibatan anggota kelas sosial yang baru ini dalam politik kepartian telah menimbulkan persaingan dan konflik di antara mereka dengan setengah pemimpin lama yang belum mahu mengundurkan diri. Dengan itu, muncul pula ragam politik yang baru, iaitu penggunaan wang untuk mendapatkan kedudukan dan kuasa dan seterusnya untuk mengekalkan kedudukan dan kuasa tersebut, khususnya di kalangan pemimpin dari kelas sosial baru.

NOTA

1. Kajian ini merupakan sebahagian daripada projek penyelidikan yang bertajuk "*Socio-Economic Change and Cultural Transformation in Rural Malaysia*". Projek penyelidikan ini adalah projek penyelidikan bersama sekumpulan sarjana dari Jepun dan Malaysia, dan dibiayai oleh *Hitachi Foundation*.

2 Kecuali nama negeri dan bandar utama, semua nama tempat dalam kertas kerja ini adalah nama samaran. Nama tokoh yang terlibat pula hanya diberi kependekan atau huru pertama di pangkal nama mereka.

3 Mengikut amalan di kampung Sungai Rambai pada masa itu, seorang kuli hanya diberi makan minum harian dan sedikit sagu hati tahunan, dan tidak diberi upah atau gaji. Jadi tarafnya hampir sama dengan "hamba". Walau bagaimanapun, selepas bekerja selama 3 tahun, dia akan diberi sekeping tanah oleh "tuannya" dan tidak perlu lagi menjadi kuli tuan tanah tersebut.

4 Dalam kajian ini hanya 198 keluarga sahaja yang dapati ditemui dan memberi maklumat yang memuaskan tentang diri mereka.

5 Tidak jelas bagaimana mula timbulnya istilah ketua komiti di kampung ini. Bagaimanapun, dari segi konsepnya dan dari cara istilah ini digunakan, ia membawa makna ketua komuniti, atau ketua unit sosial yang lebih kecil di kampung ini.

6 Mengenai peranan JKKK dalam konteks pembangunan, lihat Shamsul A.B. (1988).

7. Lihat Husin Ali (1976) mengenai peranan pemimpin parti politik tempatan yang diistilahkannya sebagai *"pemimpin-broker"*.

8. Istilah buruh elit digunakan di sini untuk merujuk kepada buruh di jabatan kerajaan dan badan berkanun yang mempunyai jawatan tetap dan berpencen dan mendapat beberapa kemudahan lain seperti yang diperolehi oleh kelas menengah.

BIBLIOGRAFI

Mohamed Salleh Lamry. 1988a. "Economic Change and Social Stratification di Kampung Sungai Limau, Selangor, Malaysia". *Southeast Asian Studies*, 26(2), September, pp. 191-190. 1988b. "Politik Tempatan di Pahang, Khususnya di Kampung Paya Jejawi". *Tesis Ph.D.* Universiti Malaya.

Mokhzani, B.A.R. 1965. "The Study of Social Stratification and Social Mobility in Malaya". *East Asian Cultural Studies*, IV, pp. 138-162.

Shamsul A. B. 1986. *From British to Bumiputera Rule*. Singapore: ISEAS.

1988. "Development and Change in Rural Malaysia: The Role of the Village Development Committee". *Southeast Asian Studies*, 26(2), September, pp. 218-228.

Swift, M.C. 1965. *Malay Peasant Society in Jelebu*. London: Athlone Press.

Syed Husin Ali. 1964. *Social Stratification in Kampong Bagan*. Singapore: MBRAS.

_____ 1968. "Patterns of Rural Leadership in Malaya". *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol. XII, Part 1, July, pp. 95-145.

_____ 1976. "Political Functionaries in Rural Malaysia". In *Changing Identities in Modern Southeast Asia*. Edited by David Banks, London: Mouton.

_____ 1977. *Masyarakat dan Pemimpin Kampung di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU 11

ORANG MELAYU DI BANDAR : BEBERAPA ISU MENGENAI BUDAYA POLITIK

HUSSAIN MOHAMED

PENGENALAN

Pada kebiasaannya, isu popular dan yang lebih mendapat perhatian istimewa daripada ramai penyelidik dan sarjana mengenai politik Malaysia ialah yang berkenaan dengan politik perkauman. Analisis politik komunal Melayu dan bukan-Melayu nampaknya telah diterima sebagai suatu fakta sejagat yang memperlihatkan bahawa oleh kerana struktur majmuk masyarakatnya, maka politik kepartian Malaysia adalah bertunjang dan menjadi refleksi pada pertimbangan-pertimbangan yang bersifat demikian.[1]

Dalam pada itu bagaimanapun, terdapat juga beberapa perspektif kajian serta analisis lain yang secara relatifnya masih kurang diberikan perhatian pentingnya mengenai politik Malaysia itu. Misalnya dari segi gagasan Persekutuan iaitu mengenai hubungan kerajaan Pusat dengan kerajaan Negeri[2]; gagasan naungan dan penaungan di peringkat makro dan mikro; hubungan dan kepentingan keturunan dan kekeluargaan; elit dan kepimpinan; persaingan ideologi dan seumpamanya.

Satu isu lain yang juga tidak kurang pentingnya ialah dalam konteks persekitaran tempat tinggal, terutamanya yang berkenaan dengan politik dan politiking yang terjadi di dalam persekitaran kawasan petempatan bandar dan luar bandar.

Suasana persekitaran tempat tinggal ini sesungguhnya banyak sekali mempengaruhi sikap dan nilai serta proses pembentukan budaya politik

sesuatu kumpulan atau para pengundi. Adalah didapati dalam banyak masyarakat hari ini betapa politik bandar dan luar bandar itu mempunyai imej dan konotasi perjuangan politik kepartian yang berbeza[3].

Di Malaysia khususnya, sejak sekian lamanya kawasan luar bandar yang didiami oleh majoriti orang-orang Melayu/Bumiputera itu menjadi akar umbi dan asas kekuatan politik orang Melayu/Bumiputera (Ness: 1964). Dan atas pertimbangan demikian, maka adalah dimaklumi umum bahawa Parti UMNO yang menjadi tunggak kekuatan politik Melayu itu dikatakan sebagai sebuah "parti kampungan" yang di dalamnya mengandungi nilai dan budaya politik serta gambaran sosio-budaya orang-orang Melayu yang setakat tertentu lazimnya bersifat sederhana, pragmatis, lentur dan keterbukaan dan akomodatif itu (cf. Datuk Musa Hitam: 1986).

Di sebaliknya pula, politik kawasan bandar adalah politik pembangkang dalam ertikata sebahagian besar daripada kawasanundi bandar adalah berada dalam tangan parti-parti bukan-Melayu[4], kalaupun tidak parti-parti MCA dan Gerakan yang menjadi rakan parti politik bukan-Melayu kepada UMNO. Sekiranya didasarkan kepada keputusan pilihanraya umum tahun 1986 lalu, kekuatan Parti DAP yang menjadi pembangkang utama adalah begitu ketara bilamana berjaya memenangi 24 kawasaundi Dewan Rakyat (termasuk sebuah di Sarawak dan 4 di Sabah) dan 37 buah kawasanundi Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah dalam persekitaran kehidupan bandar. Sementara dalam pilihanraya tahun 1990, DAP memenangi 20 kerusi Parlimen (termasuk dua buah di Sarawak) dan 46 kerusi Dewan Undangan Negeri, dengan 14 daripadanya di negeri Pulau Pinang dan 13 di Perak.

Dua pola politik bandar dan luar bandar yang berbeza ini bukanlah suatu perkara baru terjadi dalam tahun-tahun kebelakangan ini sahaja. Ianya sudah sekian lamanya demikian. Iaitu politik luar bandar adalah politik Melayu sementara politik bandar adalah politik bukan-Melayu. Persaingan pengaruh dan perebutan kuasa politik di luar bandar adalah di antara parti-parti politik Melayu iaitu UMNO dan PAS; sementara di kawasan bandar, sama ada bandaraya mahupun bandar kecil pula adalah di antara rakan-rakan UMNO iaitu MCA dan Gerakan dengan DAP.

Apakah mungkin pengundi dan politik Melayu juga akan 'berupaya' mencapai kedudukan dan kemenangan politik mereka di dalam kawasan bandar?. Inilah salah satu pertanyaan penting yang boleh dikemukakan dalam memerihal dan merenungi untuk sekian kalinya masalah yang berkaitan dengan warisan politik orang Melayu dahulu dan masakini.

Memang mungkin sekali pertanyaan tersebut dianggap hampir tidak ada maknanya, terutamanya bila mengingatkan bahawa kerangka politik komunal di Malaysia bukan sahaja tebal bahkan konsisten, menjadi ciri utama pergolakan politik Malaysia. Tetapi bilamana mengingatkan betapa semakin bertambahnya penduduk Melayu dalam kawasan bandar seperti yang ditunjukkan dalam jadual-jadual 1, 2 dan terutamanya 3, maka pertanyaan di atas itu boleh juga ditimbulkan untuk dijadikan suatu renungan semula mengenai kekuatan dan kesinambungan politik Melayu dalam dekad 90an yang semakin menghampiri abad ke 21 ini.

Sehubungan dengan ini, maka adalah menjadi tujuan tulisan ini untuk memerihalkan beberapa isu, masalah, tingkahlaku atau budaya serta masadepan politik orang-orang Melayu di kawasan bandar itu. Dua bahagian awal tulisan ini memberikan catatan ringkas mengenai proses urbanisasi dan orang Melayu umumnya di Semenanjung Malaysia. Sementara bahagian-bahagian berikutnya akan cuba membincangkan penemuan tertentu berhubung dengan permasalahan dan aspek-aspek utama yang terdapat dalam politik orang Melayu di kawasan bandar sejak beberapa waktu kebelakangan ini.

URBANISASI DAN ORANG MELAYU SEBELUM MERDEKA

Sekiranya gagasan 'bandar' atau *urban* dijadikan satu bentuk persekitaran tempat tinggal bagi orang-orang Melayu, maka haruslah diakui bahawa bukti-bukti sejarah sememangnya memperakukan bahawa persekitaran demikian bukanlah satu perkara asing bagi mereka.

Sebenarnya sudah terdapat persekitaran "bandar" dalam kehidupan tradisional pra-kolonial Eropah dalam kehidupan orang Melayu di mana sama sepertimana ciri-ciri sejagat bagi bandar-bandar masakini, bandar-bandar Melayu juga adalah berperanan sebagai pusat pentadbiran, kegiatan ekonomi perniagaan dan perdagangan serta kota pelabuhan. Kerajaan Melayu Kedah, Melaka, Acheh dan beberapa empayar Melayu sebelumnya telah memiliki pusat-pusat sedemikian rupa walaupun dewasa itu sememangnya belum terdapat bangunan-bangunan pasaraya, bangunan-bangunan tinggi yang menggunakan lif dan lain-lain kemudahan dan infrastruktur sebagaimana yang dapat digambarkan pada sesebuah bandaraya atau bandar-bandar di zaman moden ini.

Sebagai pusat kegiatan kemasyarakatan dan kenegaraan, sesebuah bandar Melayu tradisional biasanya terletak di pinggir sungai atau jalan perairan dengan *landmark*nya adalah sesebuah keraton atau istana. Mereka yang

berkediaman dalam kawasan teristimewa ini ialah para ahli keluarga dan kerabat diraja terdekat yang menguasai kerajaan. Sementara golongan pembesar dan bangsawan, berada di pinggiran istana atau kota; sedangkan golongan "rakyat" berkediaman di luar kawasan elitis ini (cf. Gullick: 1968; Steinberg et. al. 1972).

Dalam konteks Tanah Melayu khususnya, pertumbuhan bandar-bandar moden mulai berkembang dengan lebih pesatnya dengan kemasukan para pedagang dan seterusnya pihak kolonial Eropah terutamanya Inggeris. Beberapa petempatan yang bermula sebagai tempat persinggahan seperti Melaka, dan kemudiannya Pulau Pinang (1776) dan Singapura (1819) telah berkembang bukan sahaja dari segi pembinaan kubu dan bangunan pertahanan bahkan juga peranan masing-masing dalam bidang pentadbiran dan ekonomi. Perkembangan ini menjadi semakin jelas bilamana penemuan-penemuan hasil bijih timah, penanaman kopi dan getah telah membawa masuk orang-orang India dan Cina secara besar-besaran yang akhirnya melahirkan kawasan-kawasan bandar: Taiping, Port Weld (Kuala Sepetang), Ipoh, Kuala Lumpur, Seremban, Kuala Lipis dan lainnya (Lim Heng Kow: 1978).

Pertumbuhan bandar-bandar ini bagaimanapun tidak banyak menjejaskan kehidupan dan persekitaran orang Melayu yang semakin menjadi terhimpit dan/atau kekal dalam sektor ekonomi pertanian tradisional itu. Gagasan ekonomi duaan dengan demikian tidak banyak mengubah struktur tempat tinggal orang Melayu tetapi sebaliknya memberikan ruang yang lebih besar untuk menyebabkan maju dan tumbuhnya bandar-bandar, sama ada sebagai pelabuhan, pusat pentadbiran mahupun pusat kegiatan ekonomi perniagaan dan perdagangan itu.

Sehingga menjelangnya Perang Dunia Pertama, himpitan dan saingan ekonomi itu semakin dirasakan oleh orang-orang Melayu dan Islam yang berkediaman di kawasan bandar seperti di Pulau Pinang dan Singapura. Golongan peniaga-peniaga Islam yang lebih merasakannya bagaimanapun adalah daripada yang berketurunan Arab dan India Muslim yang mendapati diri mereka adalah lebih hampir dan mudah berpadu dengan orang-orang Melayu asal, serta orang Melayu yang baru berhijrah daripada beberapa kepulauan Melayu di Nusantara ini. Tahun-tahun awal abad ke 20 ini telah mula menyaksikan terbentuknya reaksi dan kegusaran tersebut melalui beberapa perkumpulan sukarela atau kegiatan berpersatuan seperti Sahabat Pena dan Jawi Peranakan dan beberapa buah *study-clubs* dewasa itu.

Kewujudan sikap seperti ini tidak sahaja bersifat protes dan curiga, malahan adalah juga sebaliknya bersifat defensif dan akomodatif. Persatuan yang

lain yang turut dilibati oleh sebilangan orang Melayu bandar yang juga ikut terpengaruh dengan cara hidup dan nilai moden golongan pentadbir kolonial Inggeris. Penubuhan dan keanggotaan mereka dalam kelab-kelab kesukanan, atau persatuan-persatuan sukarela seperti kelab-kelab belia serta kelab-kelab sosial yang lebih ekslusif seperti Lodges Freemason, Kelab Selangor, Kelab Taiping, Kelab Sg. Ujung dan beberapa yang lain lagi (Roff: 1967; W. A. Kadir: 1980; Hussain: 1981).

Dalam arus kebangkitan politik kepartian, bandar merupakan *the meeting places* bagi aktivis politik Melayu dan bukan-Melayu. Kedudukan bandar sama ada Singapura, Kuala Lumpur, Taiping, Seberang Perai, Muar dan Johor Bahru adalah cukup strategik dan jelas menjadi tempat bermula dan berpusatnya kegiatan dan urusan politik kepartian Melayu, baik yang dilabelkan sebagai politik kanan - nasionalisme, keagamaan mahupun politik kiri ala-sosialisme Melayu. Perubahan kehidupan sosio-ekonomi orang Melayu dewasa itu ternyata bermula daripada kawasan bandar biarpun aktivis-aktivis politik itu sememangnya berasal dan berkediaman di kawasan desa atau luar bandar.

Kekuatan politik orang Melayu selama ini adalah kerana mereka menyokong perjuangan parti-parti politik Melayu, khususnya UMNO dan juga (sebahagiannya) kepada beberapa buah parti politik yang lain seperti PAS dan Partai Rakyat. Hanya kebetulannya oleh kerana perjuangan UMNO telah berjaya menjuarai dan mendahului semua parti Melayu tersebut, maka ia muncul menjadi jaguh politik orang Melayu. Dan sesuai dengan dasar perjuangannya bagi menjaga dan memajukan orang Melayu, bahasa Melayu dan agama Islam, maka ruang-lingkup perjuangan UMNO adalah bergantung kepada sokongan orang Melayu atau "luar bandar". Maka itu, dalam apa keadaan sekalipun perancangan sosio-ekonomi yang dilakukan, ia nampaknya adalah berorientasikan gagasan dan kepentingan "luar bandar" (Ness: 1964 & 1967).

URBANISASI DAN ORANG MELAYU SELEPAS MERDEKA

Sesebuah "bandar" pada umumnya ditafsirkan sebagai sebuah kawasan petempatan yang mengandungi penduduk di dalamnya sekitar 10,000 orang ke atas bagi setiap satu batu persegi. Saiz dan ukuran konvensional ini barangkali tidak perlu dipertikaikan di sini. Tetapi apa yang lebih penting diperhatikan ialah betapa kepesatan pembangunan sosio-ekonomi negara selepas Merdeka sekaligus adalah juga bererti memesatkan pembangunan dan proses urbanisasi dan industrialisasi dalam masyarakat Malaysia umumnya. Proses urbanisasi yang paling ketara dalam hal ini ialah pembukaan

kawasan-kawasan bandar baru dan juga perluasan kawasan bandar yang telah sedia ada (McGee: 1971; Lim Heng Kow: 1978). Dalam kedua-dua proses ini, orang-orang Melayu adalah juga terlibat secara langsung dan kerana itu, pola-pola pekerjaan, kemajuan pendidikan serta kadar kenal huruf mereka turut terlibat.

Sehubungan dengan perkembangan dan pembangunan fizikal itu, dua impak penting telah dapat dikesan dalam kehidupan orang Melayu umumnya. Pertama ialah semakin berkembangnya "urbanisme" atau penerapan nilai-nilai kehidupan bandar dalam persekitaran tempat kediaman tradisi mereka di luar bandar seperti binaan infrastruktur, kemudahan dan penggunaan peralatan dan nilaifaedah sains dan teknologi yang bertambah. Dan yang keduanya ialah bermulanya migrasi desa sama ada ke bandar ataupun ke kawasan rancangan pembangunan tanah seperti yang dianjurkan oleh FELDA (Raja Mohd. Afandi: 1977).

Dalam usaha memenuhi tuntutan golongan rakyat yang lebih mundur taraf sosio-ekonominya itu, maka pembangunan dipesatkan melalui proses industrialisasi di kawasan-kawasan bandar tradisi serta bandar-bandar baru. Usaha ini telah mendorong perpindahan atau migrasi orang Melayu dari desa ke kawasan bandar sehingga mana telah meningkatkan kadar pertambahan mereka daripada 5.3% dalam tempoh 1957 - 70 kepada 7.9% dalam tempoh 1970 - 80. Lihat Jadual 1

Jadual 1 Semenanjung Malaysia: Penduduk Mengikut Etnik

Etnik	1947	1957	1970	1980	1985	1990
Melayu	2,427.8	3,126.7	4,687.1	6,324.4	7,325.6	8,493.0
(%)	49.47	49.80	53.20	55.12	56.49	58.15
Cina	1,884.6	2,332.9	3,118.8	3,894.3	4,248.4	4,579.2
(%)	38.40	37.15	35.40	33.94	32.76	31.35
India	535.1	696.9	933.9	1,178.9	1,311.9	1,441.1
(%)	10.90	11.10	10.60	10.28	10.11	9.87
Lain-lain	60.5	122.3	70.5	75.4	82.9	91.9
	1.23	1.95	0.80	0.66	0.64	0.63
Jumlah	4,908.0	6,278.8	8,810.3	11,473.0	12,968.8	14,605.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1983 dan Rancangan Malaysia Kelima

Kadar pertambahan tersebut mendorongkan berlakunya pertambahan bilangan mutlak mereka di kawasan bandar. Lihat Jadual 2

Jadual 2 Semenanjung Malaysia: Taburan dan Peratusan Penduduk Mengikut Kawasan Bandar dan Luar Bandar

Etnik	Bandar			Luar Bandar		
	1980	1985	1990	1980	1985	1990
Melayu	1,608.1	2,199.7	2,976.2	4,716.3	5,125.9	5,516.8
(%)	37.36	41.30	45.60	65.80	67.07	68.30
Cina	2,178.9	2,516.4	2,848.7	1,715.4	1,732.0	1,730.5
(%)	50.62	47.24	43.64	23.93	22.66	21.42
India	486.0	570.9	662.4	692.9	741.0	778.7
(%)	11.29	10.72	10.15	9.66	9.70	9.64
Lain-lain	31.4	39.4	39.9	44.0	43.5	52.0
(%)	0.73	0.74	0.61	0.61	0.57	0.64
Jumlah	4,303.4	5,326.4	6.527.2	7,168.6	7,642.4	8,078.0
	(37.51)	(41.07)	(44.69)	(62.49)	(58.93)	(55.31)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1983 dan Rancangan Malaysia Kelima

Lihat Jadual 3 untuk menjelaskan kenyataan yang disebutkan di atas.

Jadual 3 Semenanjung Malaysia: Peratus Penduduk Bandar dan Luar Bandar Mengikut Kaum

Etnik	Kawasan	1980	1985	1990
Melayu	Bandar	25.43	30.03	35.04
	Luar Bandar	74.57	69.97	64.96
Cina	Bandar	55.95	59.23	62.21
	Luar Bandar	44.05	40.77	37.79
India	Bandar	41.22	43.32	45.96
	Luar Bandar	58.78	56.48	54.04
Lain-lain	Bandar	41.64	47.53	43.42
	Luar Bandar	58.36	52.36	56.58

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1983 dan Rancangan Malaysia Kelima

Kepesatan pertambahan orang Melayu di kawasan bandar tegasnya adalah terhasil oleh adanya "galakan" dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara umumnya. Bilangan dan peratusan mereka bagaimanapun tidak dapat mengatasi bilangan penduduk bukan-Melayu yang sememangnya lebih tertumpu tinggal di kawasan bandar sejak beberapa lama itu. Dan lebih dari itu, bagaimanapun, haruslah diperhatikan bahawa penumpuan orang Melayu ke kawasan bandar lebih tertumpu kepada bandar-bandar "kecil dan sederhana" di mana dalam tahun 1980 umpamanya, penumpuan mereka ke kawasan bandar yang bersaiz 75,000 orang ke atas adalah sekitar 38.2% sahaja sementara bagi bandar yang bersaiz terkecil iaitu di antara 10 hingga 25,000 orang adalah kira-kira 40.6%; sedangkan peratusan orang Cina misalnya adalah rata-ratanya 50.0% ke atas (Koh Kim Lian: 1985 dan Mohd. Razali Agus: 1988). Lihat Jadual 4.

Jadual 4 Semenanjung Malaysia: Taburan Penduduk Mengikut Etnik dan Saiz Pusat Bandar, 1970 & 1980

	Peratus daripada keseluruhan			
Saiz Bandar	Melayu	Cina	India & dll	Penduduk
1970				
Lebih 100,000	22.6	60.4	17.0	1,218,862
50 - 100,000	33.3	55.2	11.5	666,573
20 - 50,000	20.0	68.0	12.0	339,355
10 - 20,000	43.9	47.2	8.9	305,663
1980				
Lebih 75,000	38.2	49.4	12.4	3,032,084
50 - 75,000	36.1	57.5	6.4	249,628
25 - 50,000	31.2	56.4	12.4	277,765
10 - 25,000	41.5	49.2	9.3	513,618

Sumber: Kok Kim Lian, 1985 & Mohd. Razali Agus, 1988

PETEMPATAN DAN PERUBAHAN SOSIO-EKONOMI MELAYU

Sehingga hari ini, secara umumnya adalah didapati bahawa pola-pola penempatan dan penumpuan kawasan kediaman orang-orang Melayu adalah terkelompok dalam pengklasan kawasan persekitaran tempat tinggal dan jenis kediaman yang berikut:

Kampung-kampung Tradisional

- Kampung-kampung miskin,
- Kampung-kampung maju,

Kawasan Rancangan Kemajuan Tanah dan Wilayah

- Rancangan Tanah FELDA
- Rancangan Tanah FELCRA,
- Rancangan Tanah Pembangunan Wilayah

Kawasan Perbandaran

- Pusat Bandaraya dan Bandar-bandar,
- Kawasan Pinggiran Bandar,
- Kawasan Kampung Baru dalam Bandar,
- Kawasan Bandar-bandar Baru,
- Kediaman Kelompok/Rumah Pangsa,
- Kawasan Setinggan dalam Bandar.

Pengkelasan kawasan-kawasan kediaman ini adalah dibuat dengan mengambil kira akan unsur-unsur pekerjaan, perundangan dan juga perancangan pembangunan kerajaan. Pertimbangan-pertimbangan yang lain seperti pendapatan, status dan kelas ekonomi serta hak milik bangunan kediaman dan taraf pendidikan umpamanya tidak diberikan keberatan yang sewajarnya. Namun yang lebih penting diperhatikan di sini ialah peratusan orang Melayu berkediaman dalam kawasan bandar adalah semakin meningkat dari semasa ke semasa. Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa sehingga ke tahun 1990, peratusan orang Melayu di kawasan bandar di Semenanjung Malaysia dijangka mencapai paras 45.6% atau seramai 2,976,300 orang berbanding dengan peratusan orang Cina sebanyak 43.64% atau 2,848,700 orang. Keadaan ini juga memperlihatkan perubahan struktur tertentu yang dicapai dalam usaha melaksanakan Dasar Ekonomi Baru bagi menyusun semula masyarakat mengikut tumpuan bidang pekerjaan mereka. Walau bagaimanapun, berdasarkan Jadual 4 itu pula, haruslah diinsafi bahawa tumpuan kediaman orang Melayu di kawasan bandar adalah lebih kepada bandar-bandar yang lebih kecil saiznya.

Sementara itu, daripada butiran-butiran dalam Jadual 5 di bawah terdapat butir-butir serta unjuran-unjuran tertentu mengenai perubahan-perubahan dalam struktur pekerjaan di kalangan orang Melayu dan bukan-Melayu.

Umpamanya dalam sektor pertanian, peratusan tenaga kerja Melayu dalam tahun 1990 yang seramai 1,431,100 orang dijangka berkurangan ke paras 1,369,100 juta dalam tahun 2000 kelak.

Jadual 5 Malaysia: Peratusan Gunatenaga Kakitangan Awam Bahagian 1, Nov. 1968

Bidang Kerjaya	Melayu		Bukan-Melayu		Jumlah
	Bil.	%	Bil.	%	
1. Pentadbiran	706	57.8	515	42.2	1,221
2. Iktisas	385	19.2	1,613	80.8	1,998
3. Pelajaran	51	29.9	122	70.1	173
4. Polis	tb	38.76	tb	61.24	tb
5. Tentera	tb	64.5	tb	35.5	tb

Sumber: MAGERAN, Trajedi 13 Mei: Satu Laporan

Nota: tb - angka sebenar tidak diberikan atas sebab-sebab keselamatan negara

Pertambahan peratusan dalam semua bidang gunatenaga yang melibatkan orang Melayu yang diberikan dalam Jadual 5 dibandingkan dengan butiran-butiran yang terdapat dalam Jadual 6 adalah membuktikan bahawa pola pekerjaan mereka adalah berubah dengan begitu pesatnya. Sementara butiran dalam Jadual 6 dan 7 pula menunjukkan unjuran gunatenaga yang berorientasikan bandar seperti di bidang iktisas dan teknikal dijangka meningkat daripada 54.4% dalam tahun 1970 ke paras 63.2% atau kira-kira seramai 569,400 orang dalam tahun 2000. Dalam sektor perkhidmatan, misalnya dalam urusniaga bekalan tenaga, perbengkelan dan seumpamanya diramalkan bertambah daripada 61.5% atau kira-kira seramai 473,900 orang dalam tahun 1990 dijangka meningkat ke paras 64.5% atau kira-kira seramai 727,600 orang dalam tahun 2000 kelak. Pertambahan yang dimaksudkan ini memperlihatkan bahawa peningkatan penyertaan orang Melayu dalam sektor pekerjaan yang bercorak bandaran, dan dalam masa yang sama berlakunya pengurangan tertentu dalam sektor pekerjaan tradisi mereka. Sementara berdasarkan sektor ekonomi pula, Jadual 7 menunjukkan bahawa pertambahan gunatenaga orang Melayu dalam sektor ketiga, misalnya dalam perniagaan borong, bank, pentadbiran awam dan beberapa yang lain terus meningkat daripada kira-kira seramai 359,700 orang dalam tahun 1970 kepada 695,900 orang dalam satu dekad kemudiannya.

Jadual 6 Malaysia: Peratusan Gunatenaga Mengikut Pekerjaan dan Kumpulan Etnik: 1970, 1990 dan 2000

Pekerjaan	Bumiputera	Cina	India	Lain2	Jumlah
1970 (Bil. '000)	3,101.7	1,826.6	496.2	44.0	5,468.5
Iktisas & Teknik	54.4	32.4	11.1	2.1	356.700
Guru & Jururawat	64.5	28.7	6.3	0.5	172.600
Pentadbiran & Pengurusan	28.2	66.0	5.0	0.8	62.000
Perkeranian	54.0	36.8	8.7	0.5	415.800
Jualan	37.9	56.8	5.2	0.1	570.900
Perkhidmatan	57.9	31.2	9.7	1.2	527.000
Pertanian	73.5	17.2	8.3	1.0	1,907.400
Pengeluaran	45.5	43.1	10.9	0.5	1,628.700
1990 (Bil. '000)	3,825.4	2,182.2	562.7	50.7	6,621.0
Iktisas & Teknik	60.3	30.8	7.7	1.2	580,800
Guru & Jururawat	68.1	25.1	6.3	0.5	218,500
Pentadbiran & Pengurusan	33.3	58.7	5.3	2.7	162,400
Perkeranian	54.9	36.9	7.8	0.4	645,900
Jualan	36.0	56.5	6.5	1.0	761,300
Perkhidmatan	61.5	27.0	10.6	0.9	770,300
Pertanian	76.4	15.8	7.0	0.8	1,872,500
Pengeluaran	48.5	40.4	10.7	0.4	1,827,800
2000* (Bil. '000)	5,144.3	2,977.8	803.5	60.9	8,986.3
Iktisas & Teknik	63.2	29.3	6.8	0.7	900,800
Guru & Juruawat	73.1	20.3	6.1	0.5	334,200
Pentadbiran & Pengurusan	34.7	57.0	5.5	2.8	263,700
Perkeranian	56.2	34.3	9.3	0.2	891,300
Jualan	40.2	52.4	6.4	1.0	1,243,200
Perkhidmatan	64.3	24.1	10.8	0.8	1,131,500
Pertanian	75.3	17.0	7.0	0.7	1,818,200
Pengeluaran	50.0	37.5	11.5	0.4	2,737,600

Nota: * - unjuran RRJPK, 1991 - 2000]

Jadual ini juga membuat unjuran berlakunya pertambahan gunatenaga orang Melayu dalam sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran yang seramai kira-kira 475,300 orang dalam tahun 1990 ke paras 868,800 orang dalam tahun 2000 kelak. Walau bagaimanapun, tumpuan gunatenaga orang Melayu sehingga ke tahun 2000 kelak masih lagi dalam sektor pertanian (kira-kira 1,364,300 orang), diikuti dalam

sektor pembuatan (khususnya dalam kerja-kerja perkilangan) seramai 1,183,400 orang dan diikuti oleh sektor perdagangan borong dan runcit serta restoran. Unjuran menunjukkan bahawa sektor perdagangan adalah yang paling besar gunatenaga orang Cina, iaitu seramai 1,028,800 orang diikuti oleh sektor pembuatan oleh seramai 659,100 orang.

Jadual 7 Malaysia: Jumlah Gunatenaga Mengikut Sektor dan Kumpulan Etnik, 1970 dan 1980

		1970			
Sektor	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Pertama@	902.3	265.4	154.0	12.9	1,334.6
(%)	67.6	19.9	9.6	0.9	(100.0)
Kedua#	215.6	394.3	57.1	4.7	671.7
(%)	32.1	58.7	8.5	0.7	(100.0)
Ketiga*	359.7	383.9	90.3	10.1	844.0
(%)	42.6	45.5	10.7	1.2	(100.0)
Gunatenaga	1,477.6	1,043.6	301.4	27.7	2,850.3
(%)	51.8	36.6	10.6	1.0	(100.0)
Tenaga Buruh	1,608.3	1,122.4	338.7	28.6	3,098.0
(%)	51.9	36.2	10.9	0.9	(100.0)
Pengangguran	130.7	78.8	37.3	0.9	247.7
(%)	8.1	7.0	11.0	3.2	(8.0)
		1980			
Pertama@	1,020.2	306.1	199.4	13.4	1,539.1
(%)	66.3	19.9	13.0	0.9	(100.0)
Kedua#	495.4	636.0	105.8	7.5	1,244.7
(%)	39.8	51.1	8.5	0.6	(100.0)
Ketiga$	695.9	615.9	155.5	13.3	1,480.6
(%)	47.0	41.6	10.5	0.9	(100.0)
Gunatenaga	2,211.5	1,558.0	460.7	34.2	4,264.4
(%)	51.9	36.5	10.8	0.8	(100.0)
Tenaga buruh	2,331.4	1,645.4	498.1	37.2	4,512.1
(%)	51.7	36.5	11.0	0.89	(100.0)
Pengangguran	119.9	87.4	37.4	3.0	247.7
(%)	5.1	5.3	7.5	8.1	(5.5)

Sumber: Malaysia: Rancangan Malaysia 3, 4, 5

Nota: @ - Pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan,
- Perlombongan, pembuatan, pembinaan & pengangkutan,
$ - Perniagaan borong & runcit, bank, pentadbiran awam, pendidikan, kesihatan, pertahanan dan kemudahan awam.

Sementara itu, sektor keempat penting bagi orang Melayu ialah perkhidmatan kerajaan, iaitu yang dijangka menampung 575,500 gunatenaga. Semua sektor ini, kecuali sektor pertanian, adalah tertumpu ke kawasan bandar; dan dalam hubungan ini, ia juga memperlihatkan bahawa sikap dan nilai orang Melayu juga mengalami perubahan tertentu, termasuklah yang berkenaan dengan isu-isu politiknya juga, misalnya isu politik wang yang sering diberikan perhatian itu.

KELANGSUNGAN POLITIK MELAYU BANDAR

Dalam susunan dan persempadanan kawasan pilihanraya Semenanjung Malaysia yang telah dikanunkan dalam tahun 1984, dan digunakan bagi pilihanraya umum 1986 dan 1990, kawasanundi majoriti orang Melayu bagi kerusi Dewan Rakyat ialah sebanyak 92 buah dan bagi kerusi Dewan-dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia pula sebanyak 261 buah. Jadual 8 juga menunjukkan bahawa kawasanundi majoriti pengundi Cina ialah sebanyak 26 buah bagi Dewan Rakyat dan 61 buah bagi Dewan Undangan Negeri (DUN). Bagi kawasanundi campuran yang mengandungi peratusan pengundi Melayu dan pengundi Cina masing-masing sekitar 30 - 50% pula ialah sebanyak 14 buah bagi Dewan Rakyat dan 29 buah bagi kerusi DUN. Dalam pilihanraya tahun 1990, kategori kawasanundi campuran ini telah bertambah menjadi 16 buah bagi kerusi Parlimen, dan 35 buah bagi DUN.

Perubahan bilangan kerusi berdasarkan kumpulan etnik pengundi seterusnya dapat diperhatikan dengan lebih lanjut lagi berdasarkan Jadual-jadual 10A bagi kerusi Dewan Rakyat/Parlimen dan 10B bagi kerusi DUN. Dengan berpandukan peratusan yang dilaporkan oleh media massa tempatan, perkiraan yang dibuat mendapati ada 24 kawasanundi Parlimen (termasuk di dalamnya 61 kerusi DUN) mempunyai pengundi majoriti pengundi Cina; sementara masih 92 kerusi Parlimen dan 255 buah kerusi DUN dalam pilihanraya berkenaan adalah mengandungi majoriti (50% ke atas) pengundi Melayu.

Walau bagaimanapun, keadaan taburan kawasanundi yang sedemikian rupa tidaklah bermakna kepentingan politik Melayu sahaja yang diutamakan. Pembahagian kerusi yang sewajarnya dibuat bagi menjamin gagasan persemuafakatan politik Melayu dan bukan-Melayu, khususnya dalam Parti Barisan Nasional itu terjamin.

Jadual 8 Semenanjung Malaysia: Klasifikasi Kawasanundi Mengikut Majoriti Etnik Pengundi, 1986 dan 1990

Negeri	Melayu@ P	Melayu@ N	Cina# P	Cina# N	Campuran$ P	Campuran$ N	Jumlah P	Jumlah N
Kedah	14	25	-	1	-	2	14	28
Kelantan	13	39	-	-	-	-	13	39
Trengganu	8	32	-	-	-	-	8	32
P. Pinang	4	13	6	16	1	4	11	33
Perak	11	28	6	15	6	3	23	46
Pahang	8	27	1	5	1	1	10	33
Selangor	8	26	3	7	3	9	14	42
WP K.L.	2	xx	4	xx	1	x	7	xx
N. Sembilan	5	18	1	5	1	5	7	28
Melaka	4	14	1	4	-	2	5	20
Johor	13	26	4	8	1	2	18	36
Jumlah	92	261	26	61	14	29	132	351

Sumber: Hussain Mohamed (1987: 188)
Nota: @ - Peratusan pengundi Melayu > 50.0%
- Peratusan pengundi Cina > 50.0%
$ - Peratusan pengundi Melayu dan Cina di antara 30 - 50.0%,
x - tidak ada peruntukan kerusi pilihanraya

Maka itu, dengan berdasarkan semangat kerjasama dan persemuafakatan demikian Parti UMNO hanya bertanding dalam 84 kawasaundi Parlimen dan 240 kawasanundi Dewan Undangan Negeri. Konsesi lebihan kawasanundi majoriti Melayu dan kawasanundi campuran yang tidak ditandingi oleh calon UMNO itu merupakan sebahagian daripada paradigma tolak-ansur politik yang masih dipegang dan wajar dihormati bersama oleh para pengundi Melayu dan bukan-Melayu berkenaan (cf. Chamil Wariya: 1987).

Hal ini dapat diperhatikan pada keseluruhanya dalam Lampiran yang disediakan berhubung dengan pengkelasan taburan pengundi mengikut kumpulan etnik di Semenanjung Malaysia dalam pilihanraya umum 1990. Sementara itu, berdasarkan majoriti kumpulan etnik pengundi, maka pengkelasan mengikut negeri ke atas 132 kawasanundi Parlimen yang dikanunkan bagi tujuan pilihanraya itu boleh dikelompokkan dalam 7 kategori utama dalam satu kontinuum pada kedudukan majoriti pengundi Cina yang melebihi melebihi 80% di satu hujungan sehinggalah ke paras kawasaundi majoriti pengundi Melayu melebihi 80% juga.

Daripada Jadual 9 dan 10, dapat diperhatikan bahawa di kalangan 33 kawasanundi majoriti 80.0% pengundi Melayu itu, 28 daripadanya adalah terdapat di Kedah, Kelantan dan Terengganu; sementara terdapat 5 kawasanundi yang majoriti pengundi Cinanya melebihi 80.0%; 9 kawasanundi mengandungi di antara 60.0 - 80.0% pengundi Cina. Daripada Lampiran yang disediakan itu juga dapat diperhatikan bahawa calon-calon Parti DAP, termasuk seorang yang berbangsa Melayu iaitu bagi kawasanundi P047 (Bayan Baru) adalah memenangi kesemua 14 kerusi bagi kedua-dua kategori kawasanundi majoriti pengundi Cina yang melebihi 60.0% ini.

Jadual 9 Semenanjung Malaysia: Pengkelasan Kawasanundi Parlimen,Pilihanraya Umum 1990

Negeri	A	B	C	D	E	F	G	Jumlah
Perlis	-	-	-	-	-	1	1	2
Kedah	-	-	-	-	5	1	8	14
Kelantan	-	-	-	-	-	1	12	13
Terengganu	-	-	-	-	-	-	8	8
Pulau Pinang	1	5	-	1	1	3	-	11
Perak	1	3	2	6	2	8	1	23
Pahang	-	-	1	-	3	3	3	10
Selangor	-	-	2	3	5	4	-	14
WP K.L	3	-	1	1	1	1	-	7
N. Sembilan	-	-	1	1	2	3	-	7
Melaka	-	1	-	-	1	3	-	5
Johor	-	-	3	4	4	7	-	18
Jumlah	5	9	10	16	24	35	33	132

Nota: Kategori A - Majoriti pengundi Cina (80% +)
Kategori B - Majoriti pengundi Cina (60 - 80%)
Kategori C - Majoriti pengundi Cina (50 - 60%)
Kategori D - Kawasanundi campuran @(30 - 50%)
Kategori E - Majoriti pengundi Melayu (50 - 60%)
Kategori F - Majoriti pengundi Melayu (60 - 80%)
Kategori G - Majoriti pengundi Melayu (80% +)

Selain daripada itu, daripada 10 kawasanundi Parlimen majoriti pengundi Cina di antara 50 - 60%, Parti DAP memenangi 3 kerusi, MCA 4 kerusi dan Parti Gerakan 2 kerusi. Apa yang lebih menarik daripada itu, ialah bagi 16 kawasanundi campuran iaitu yang mengandungi di antara 30 - 50% masing-masing kumpulan pengundi Melayu dan bukan-Melayu. Parti UMNO meletakkan calon di dua kawasanundi sahaja iaitu di P130

(Johor Bharu) yang mempunyai sekitar 49% pengundi Melayu dan di P116 (Ledang) yang mempunyai kira-kira 48% pengundi Melayu. Seorang calon DAP berbangsa India dan juga calon Parti Gerakan, juga berbangsa India/Lain-lain, masing-masing memenangi kawasan P091 (Puchong, Selangor) dan P043 (Nibong Tebal, P. Pinang). Di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional, Parti MIC mendapat faedah yang lebih besar pada kawasanundi campuran ini di mana ia berpeluang bertanding dan memenangi 4 kerusi iaitu di P115 (Segamat), P084 (Hulu Selangor), di P066 (Tapah), di P056 (Sungai Siput) walaupun bilangan pengundi India dan Lain-lain dalam setiap kawasanundi berkenaan tidak sampai 20%.

Jadual 10 Semenanjung Malaysia: Pengkelasan Kawasanundi Dewan Undangan Negeri Pilihanraya Umum, 1990

Negeri	A	B	C	D	E	F	G	Jumlah
Perlis	-	-	-	1	1	2	10	14
Kedah	-	-	1	2	3	7	15	28
Kelantan	-	-	-	-	1	1	37	39
Terengganu	-	-	-	-	1	1	30	32
P. Pinang	8	6	3	3	4	8	1	33
Perak	3	9	4	3	13	11	3	46
Pahang	-	3	-	4	4	9	13	33
Selangor	2	4	1	8	10	13	4	42
N. Sembilan	1	4	1	5	4	9	4	28
Melaka	2	1	1	3	4	7	2	20
Johor	-	2	5	6	12	9	2	36
Jumlah	16	29	16	35	57	77	121	351

[Sumber: Perkiraan berdasarkan laporan butiran Keputusan Pilihanraya Umum 1990 yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (1992); sementara peratusannya berdasarkan laporan akhbar-akhbar tempatan sekitar tarikh pilihanraya umum berkenaan, iaitu pada 20 & 21 Okt. 1990
Nota: Pengkelasan mengikut peratusan dalam Jadual 6A di atas]

Parti MCA juga mendapat faedah politik dalam kawasanundi campuran tersebut di mana ia berjaya memenangi dan mewakili 6 kerusi iaitu di P089 (Hulu Langat), di P071 (Tanjung Malim), di P068 (Lumut), P118 (Labis), P064 (Gopeng) dan di P107 (Rasah). Tetapi yang lebih menguntungkannya lagi ialah parti ini mendapat tempat untuk bertanding dan seterusnya memenangi 4 kerusi dalam kategori kawasaundi yang mengandungi majoriti pengundi Melayu di antara 50 - 60%, iaitu bagi

kerusi P132 (Pontian), P111 (Selandar, Melaka), P072 (Lipis) dan P073 (Raub). Demikian juga kerusi Telok Kemang (P108) yang mengandungi 54.0% pengundi Melayu, 26.3% pengundi Cina dan 19.7% pengundi India dan Lain-lain itu sejak beberapa lama adalah diperuntukkan kepada Parti MIC.

Daripada kesemua 24 kerusi bagi kawasan yang mengandungi majoriti pengundi Melayu di antara 50 - 60% itu, Parti UMNO memenangi dan mewakili 19 kerusi. Ia juga memenangi 34 daripada 35 kerusi kawasanundi kategori 60 - 80% majoriti pengundi Melayu; dan yang satu lagi iaitu P019 (Kota Bharu) dimenangi oleh Parti Semangat 46.

Sementara itu, persaingan UMNO dengan parti-parti Melayu yang lain dan sekaligus merupakan medan utama persaingan serta perpecahan politik orang Melayu ialah dalam 33 kawaanundi majoriti Melayu melebihi 80%. Semua kawasanundi berkenaan terletak di negeri-negeri majoriti penduduk Melayu iaitu satu kerusi P002 (Arau) di Perlis, 8 kawasanundi di Kedah, 12 di Kelantan, kesemua 8 kerusi di Terengganu, sebuah iaitu P050 (Larut) di Perak dan 3 kawasanundi di Pahang iaitu P076 (Pekan), P077 (Maran) dan P081 (Rompin).

Sebenarnya haruslah diinsafi di sini bahawa sejak sekian lamanya telah dimaklumi bahawa orang Melayu sentiasa memerlukan kuasa politik dan kuasa politik itu pula dijangka akan dapat dijadikan asas dan saluran yang dapat memenuhi apa jua keperluan dan kepentingan dalam hidup mereka. Tetapi oleh kerana majoriti mereka adalah berada dalam kawasan undi majoriti Melayu dan luar bandar, kerana pemberatan persempadanan dibuat demikian (S. Rachagan: 1984), maka tidak dapat dinafikan bahawa hampir seluruh kekuatan politik mereka itu adalah tertumpu ke kawasan luar bandar. Hal ini tidak dapat dielakkan oleh kerana "politik" dan malahan apa jua "urusan politik" dan bukannya organisasi-organisasi sosio-ekonomi yang lain sepertimana yang terdapat di kalangan orang-orang bukan-Melayu, adalah merupakan "saluran" dan "alat" terpenting bagi orang-orang Melayu dalam persekitaran "luar bandar" mereka itu (cf. Chandra Muzafar: 1979 dan Ting Chew Peh, 1980).

Tegasnya, seperti yang telah disebutkan di atas, ciri dan rangsangan dan nilai politik mereka adalah politik kampungan iaitu yang hampir segalanya bersifat dan berorientasikan "luar bandar" sama ada dari segi dasar awam yang dirumuskan, kepimpinan mahupun cara-cara bagaimana "politiking" sesama orang Melayu terjadi. Sekaligus ini juga bermakna bahawa fenomena dan kewujudan budaya politik Melayu sebagai tenaga

dan kumpulan politik kepartian yang berkesan bagi kawasan bandar adalah masih belum mantap, masih berkeadaan pinggiran dan malahan mempunyai saingan langsung dengan rakan dan lawannya daripada kalangan parti-parti politik bukan-Melayu seperti MCA atau yang lebih popular dan lebih ramai dianggotai oleh bukan-Melayu iaitu Parti DAP dan Parti Gerakan. Bukan itu sahaja sebenarnya, malahan seperti yang terdapat pada kategori kawasanundi campuran, tenaga pengundi Melayu diperlukan bagi memenangkan calon-calon parti-parti MCA dan Gerakan serta MIC yang menjadi parti-parti komponen Barisan Nasional itu. Barangkali alasan yang sama juga dinyatakan oleh pengundi bukan-Melayu yang membantu memenangkan calon-calon UMNO dalam menghadapi pengaruh dan saingan Parti PAS dan Parti Semangat 46 dalam kawasanundi majoriti Melayu; namun isu ini tidak akan diberikan perhatian utama dalam perbincangan ini.

Soalnya sekarang ialah bagaimanakah segala orientasi dan ciri politik Melayu yang demikian boleh dihayati dan berperanan dalam membentuk budaya politik orang Melayu yang tinggal di kawasan bandar, sama ada sebagai golongan asal mahupun sebagai golongan migran desa-bandar yang berpindah kerana kepentingan pendidikan ataupun ekonomi itu?.

Salah satu isu penting yang biasanya dikaitkan dengan proses urbanisasi ialah perubahan-perubahan sosial dan ekonomi yang akan dialami oleh manusia yang terlibat di dalamnya. Segala-galanya ini adalah merupakan penterjemahan atau penjelmaan urbanisasi sebagai suatu proses pembangunan kawasan bandar yang seterusnya menghasilkan urbanisma iaitu mod atau gaya hidup bandar. Gaya hidup urbanisme ini adalah lebih kompleks daripada gaya hidup ruralisme atau kampungan yang terdapat di desa-desa atau di kawasan luar bandar, sama ada dari segi pekerjaan, persekitaran, saiz komuniti, kepadatan, kepelbagaian, keseragaman, stratifikasi sosial, mobiliti dan juga pola-pola intraksinya (Sorokin & Zimmerman, 1929; Sanusi Osman: 1984). Tetapi sungguhpun persekitaran bandar umumnya sering diperihalkan sebagai suatu kawasan *collective consumption* (P. Dunleavy: 1980) di mana proses politiking yang terjadi di dalamnya berkisar pada soal-soal perkhidmatan kesihatan, pelesenan pekedai dan penjaja, pembuangan sampah, pembetungan najis dan perkhidmatan bomba serta lain-lain, namun ini hanyalah sebahagian daripada isu-isu politik harian yang bersifat rutin dan administratif. Dalam bandar-bandar besar di Malaysia, suasana politik dan persaingan parti-parti politik di dalamnya adalah lebih intensif.

Seimbas lalu pengundi Melayu di kawasan-kawasan bandar utama tidaklah menimbulkan impak yang berkesan ke atas sesuatu keputusan pilihanraya. Ini kerana bilangan pengundi Melayu di kawasan ini adalah umumnya bertaraf kumpulan pengundi minoriti[5] yang nampaknya tidak pula menjadi faktor penentu kemenangan atau kekalahan seseorang calon atau sesebuah parti bukan-Melayu.

Tetapi dengan mengambilkira akan kelompok-kelompok Melayu yang tinggal di kawasan bandar itu, maka permasalahan urbanisasi dan urbanisme yang wajar diberikan perhatian adalah terutamanya tertumpu pada kategori dan status sosial mereka, di mana rata-ratanya orang Melayu bandar terkelompok dalam dua kelompok sosial iaitu Kelas Menengah dan Kelas Bawahan (cf. Mokhzani, 1967; Nordin Selat: 1977). Dalam hubungan ini, seseorang penyelidik akan berhadapan dengan dua budaya politik Melayu bandar yang berbeza yang membayangkan kelainan cara hidup mereka itu.

Pertama, di sebalik beberapa persoalan dan masalah yang seringkali dibangkitkan berhubung dengan golongan bawahan orang Melayu yang terlibat dalam proses migrasi sebagai golongan yang kurang atau tidak berkualiti, sama ada dari segi pendidikan mahupun kemahiran, dan merasa terdesak hidup di desa-desa dan dengan itu berusaha berpindah dan mendapatkan pekerjaan di kawasan bandar (cf. Hairi: 1969; Azizah: 1985), namun dari segi kehidupan politik, mereka mempunyai ciri-ciri yang sebaliknya.

Kajian yang dilakukan oleh Azizah Kassim terhadap petempatan setinggan di Kuala Lumpur menunjukkan bahawa komitmen dan darjah penglibatan penduduknya dalam urusan-urusan politik dan perjuangan politik, khususnya UMNO adalah jelas dan tinggi. Ketinggian ini berdasarkan pada keperluan dan kepentingan serta *survival* mereka yang merasai "kurang selamat" (khususnya berhubung dengan hakmilik tanah dan rumah kediaman serta bekalan air dan letrik) dalam suasana kehidupan persetingganan tersebut sejajar dengan ciri-ciri *collective consumption* yang disebutkan di atas. Beberapa kajian ke atas golongan setinggan Melayu juga memperlihatkan kecenderungan dan kesedaran politik yang serupa iaitu berdasarkan pendekatan *utiliarian* atau nilaifaedah di mana mereka mengutamakan parti UMNO daripada parti politik Melayu yang lain oleh kerana mereka tahu bahawa UMNO sedang memegang kuasa dan teraju kerajaan yang lebih boleh diharapkan akan dapat menjamin segala keperluan hidup mereka (cf. Maulud: 1973; Mohamed Abu Bakar: 1980).

Atas pertimbangan nilai faedah ini juga nampaknya orang-orang Melayu yang tinggal di bandar-bandar besar khususnya Kuala Lumpur, Ipoh dan Georgetown hampir seluruhnya terdedah kepada pengaruh politik UMNO semata-mata. Pengaruh Parti PAS memang ada, tetapi lebih merata dan percubaan-percubaan PAS meletakkan calon-calonnya dalam beberapa pilihanraya umum dalam tahun 1978, 1982 dan 1986 dalam beberapa kawasanundi di Kuala Lumpur misalnya tidak menghasilkan apa-apa kejayaan. Malahan percubaan PAS untuk melenturkan imej dan identiti perjuangan Islamnya melalui kerjasama dengan *Chinese Consultative Council* dalam pilihanraya tahun 1986 lalu tidak sahaja lebih menghambat percapaiannya untuk memenangi beberapa kerusi kawasanundi bandar, bahkan lebih mengukuhkan lagi tuduhan-tuduhan yang ditujukan kepadanya sebagai berusaha membentuk *unholy alliance* dengan parti-parti politik bukan Melayu, khususnya DAP selama ini.[6]

Sekiranya diperhatikan pada sambutan majlis ceramah politik anjuran PAS di kawasan bandar dalam konteks pendakwahaan Islam beberapa tahun kebelakangan ini, ternyata bahawa sikap *anti-establishment* atau anti-UMNO/BN di kalangan mereka yang berkenaan nampaknya mengalami perubahan tertentu daripada kemungkinan memberikan sokongan kepada calon-calon pembangkang atas kepentingan kehidupan bandar seperti berdasarkan jaringan kesatuan sekerja (cf. Mohamed Abu Bakar: 1980) kepada kepentingan dan kesedaran keagamaan Islam. Dewasa ini bagaimanapun, sokongan yang demikian masih "lemah" dan kerana itu, percubaan calon-calon PAS yang bertanding dalam kawasanundi Batu, Sungai Besi dan Titiwangsa dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam pilihanraya tahun 1986 lalu masih gagal dan perolehan undi hanyalah sekadar mampu untuk memulangkan kembali wang pertaruhan pilihanraya.

Yang keduanya ialah golongan menengah. Golongan pekerja kolar putih ini sebenarnya boleh dikategorikan dalam dua kelompok besar itu sama ada daripada kalangan sektor awam yang menjadi kakitangan kerajaan ataupun dalam sektor swasta. Secara relatif, golongan ini masih kurang diberikan perhatian dalam konteks permasalahan urbanisasi orang Melayu ini; tetapi mereka adalah orang-orang Melayu yang mempunyai kualiti, sama ada dari segi pendidikan mahupun kemahiran, di samping mereka yang sememangnya berasal daripada kawasan bandar itu sendiri. Memang benar bahawa golongan ini adalah lebih kecil dan menduduki hiraki sosial dan ekonomi bandar yang lebih baik dan terjamin daripada rata-rata Melayu migran desa-bandar yang lain. Tetapi di sebalik gaya hidup

mereka yang lebih terjamin sempurna dalam segala hal itu (cf. Nordin Selat; Posiah), rata-rata daripada mereka sebenarnya memperlihatkan sama ada tidak mempunyai kesedaran dan komitmen politik kepartian yang tinggi yang setimpal dengan kedudukan dan hiraki sosio-ekonomi yang mereka capai itu, ataupun ketakyakinan mereka terhadap kepentingan kuasa dan kedudukan politik, termasuklah mempunyai tanggapan yang negatif terhadap kredibiliti para pemimpin dan tokoh politik (cf. Scott: 1968; Posiah, 1987; Umran, 1991).

Kajian yang dilakukan oleh Posiah ke atas 150 orang kakitangan awam dan swasta Melayu yang tergolong dalam golongan kelas-kelas menengah Melayu di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya menunjukkan bahawa 104 orang (69%) daripada mereka tidak menganggotai mana-mana parti politik sementara 24 orang (16%) hanyalah sekadar menjadi ahli sahaja. Mereka yang aktif sama ada menjawat jawatan parti di peringkat Bahagian atau cawangan atau sememangnya memperlihatkan minat dan tingkat keaktifan yang tinggi dalam kegiatan politik hanyalah seramai 23 orang (15%) sahaja. Hanya 3 orang atau 2% sahaja yang mengatakan tidak pernah atau hampir tidak pernah membincangkan soal-soal politik kepartian dengan rakan-rakan mereka sungguhpun hampir kesemua responden mengakui bahawa mereka "sentiasa mengikuti" segala berita dan peristiwa politik yang dilaporkan berbagai saluran media massa.

Salah satu isu yang sentiasa dinyatakan sebagai hambatan dalam penglibatan golongan menengah orang Melayu dalam politik kepartian ini ialah larangan berpolitik sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah Am Pentadbiran Kerajaan. Iaitu di mana kakitangan awam dalam Kumpulan A dan B tidak dibolehkan terlibat secara aktif dalam politik seperti memegang jawatan dalam parti atau mengambil bahagian cergas dalam kempen-kempen pilihanraya. Mereka bagaimanapun mereka tidaklah "dihalangi" untuk sekadar menjadi ahli mana-mana parti politik, terutamanya parti-parti yang memegang kuasa kerajaan, tetapi umumnya rangsangan ini tidaklah memadai.

Sehubungan dengan peraturan demikian, maka apa yang lebih mungkin diberikan perhatian di sini ialah betapa dari sejak awal gagasan pentadbiran awam itu diwujudkan ianya telah ditanamkan dengan ciri-ciri kehidupan "terasing dan terpisah" daripada "majoriti rakyat" (Khasnor: 1984). Pembentukan nilai-nilai dan sikap yang ekslusif ini ternyata telah memungkinkan lahirnya P.A.P di kalangan mereka iaitu sikap dan orientasi politik atas pagar.

Adalah menarik untuk diperhatikan di sini bahawa ciri-ciri P.A.P ini masih menjadi warisan sebilangan besar golongan menengah Melayu yang terlibat dalam sektor awam dewasa ini. Kajian yang dilakukan oleh Posiah menunjukkan bahawa ciri kehidupan di peringkat rumahtangga yang*protective* oleh ibu bapa ke atas anak-anak serta orientasi peperiksaan dalam sistem pendidikan tidak sahaja melahirkan golongan Melayu pandai yang rendah komitmen politik kepartian mereka, tetapi juga lebih cenderung bersikap "berkecuali" (rata-ratanya di antara 35 - 50%) dan gagal atau enggan untuk dengan tegasnya menyatakan pendapat dan sikap mereka sama ada bersetuju ataupun tidak bersetuju terhadap 13 isu yang dijadikan "kes-kes ujian". Di antara isu-isu berkenaan ialah perlembagaan negara, dasar serampang dua mata DEB, kebebasan beragama, sistem pendidikan, hak dan kebebasan asasi, dan seumpamanya[7]. Sikap apati dan berkecuali ini menunjukkan bahawa mereka, sama ada tidak perlu ataupun tidak bersedia untuk bersusah payah memikirkan perkara-perkara yang dianggap bukan urusan mereka tetapi adalah urusan pemimpin dan kepimpinan negara (cf. Umran, 1991: 177). Malahan adalah dibimbangi penglibatan aktif mereka dalam politik kepartian itu boleh menjejaskan prestasi kerja atau urusan awam ataupun menimbulkan perpecahan di kalangan para eksekutif yang biasanya berurusan dengan kerja-kerja membuat keputusan dan perlaksanaan dasar-dasar awam itu[8].

Dilema yang timbul dalam orientasi yang demikian, dari segi keterampilan dan keperluan kualiti kepimpinan umumnya ialah tentang betapa perlunya parti politik orang Melayu seperti UMNO khususnya bukan hanya sekadar "berjiwa dan bercorak kampungan" sejak sekian lamanya, tetapi juga "merenggangkan" golongan atasan dan menengah Melayu itu sendiri daripada meminati dan berhasrat untuk terlibat dalam urusan-urusan politik kepartian. Sementelahan pula, ciri kehidupan "urbanisme" itu sendiri lebih banyak mendorongkan mereka terlibat dan berurusan dengan berbagai kegiatan dan hobi tertentu, termasuklah keanggotaan mereka dalam berbagai kelab dan persatuan yang ekslusif sifatnya (Nordin: 1977). Perkembangan mutakhir dalam politik Melayu, bagaimanapun menunjukkan bahawa ada di kalangan mereka ini hanya bersedia melibatkan diri secara aktif dalam politik menjelangnya umur persaraan; atau sebagai kerjaya baru selepas bersara[9], kecuali jika *dinaungi* oleh parti atau tokoh yang dimaklumi berpengaruh dan berada dalam barisan kelompok pemegang kuasa.

PERUBAHAN SOSIO-EKONOMI DAN GEJALA POLITIK WANG

Sebagaimana yang disebutkan mengenai impak perlaksanaan DEB di atas, dasar dan perlaksanaannya tidak sahaja menghasilkan pertumbuhan bandar yang lebih pesat, perubahan sosio-ekonomi tetapi juga perubahan struktur susunlapis orang Melayu. Dua aspek penting yang meningkatkan kehidupan orang Melayu melalui dasar ini, dan sekaligus merupakan saluran mobiliti sosial dan fizikal mereka ialah percapaian dari segi pendidikan dan keduanya dari segi pembangunan ekonomi iaitu pekerjaan atau penglibatan dalam kerjaya ekonomi perusahaan, perdagangan serta profesional.

Hakikat penting pada angka-angka yang dimuatkan dalam jadual-jadual berkenaan adalah suatu gambaran betapa sejak tahun 1970 sehingga hari ini, pada umumnya, sudah semakin ketaranya pertambahan golongan Melayu pandai (berdasarkan percapaian pendidikan) dan Melayu kaya (berdasarkan kejayaan dalam urusniaga perdagangan dan perniagaan).

Rata-ratanya kedua-dua kelompok ini tertumpu dalam bidang kerjaya di luar sektor pertanian yang berbeza, namun persamaan penting bagi kedua-dua kelompok ini ialah suasana persekitaran asalmula mereka umumnya adalah luar bandar; tetapi dalam keadaan yang ada sekarang, di mana persekitaran kediaman serta gaya hidup mereka adalah budaya bandar, dalam ertikata lebih tertumpu pada sektor bukan-pertanian dan tidak lagi bersifat kekampungan tradisi. Memanglah diakui bahawa ada di antara mereka yang sememangnya berasal daripada keluarga di bandar, misalnya daripada kawasan Kg. Baru, Kuala Lumpur, namun rata-ratanya orang-orang Melayu yang bekerja dan berkediaman di kawasan bandar hari ini adalah berasal daripada kampung-kampung tradisi orang Melayu; malahan sebahagian besar daripada mereka hari ini masih mempunyai kaum keluarga dan generasi ibu-bapa yang ramai di kawasan kediaman tradisi datuk nenek moyang mereka. Barangkali sebab itulah misalnya masih kedapatan sehingga hari ini konsep balik kampung terutamanya sewaktu menyambut hari Raya Idilfitri bilamana penghuni Lembah Kelang, khususnya sekitar Bandaraya Kuala Lumpur, kembali berhari raya di kampung masing-masing buat beberapa hari sehingga suasana yang cukup lengang buat beberapa hari dalam kawasan bandaraya ini begitu terasa sekali. Sungguhpun hal ini merupakan suatu tradisi kehidupan kekeluargaan yang menjadi salah satu identiti rasa-kekitaan yang kuat di kalangan orang Melayu umumnya, namun ianya juga secara tidak disedari menjadi halangan akan kemungkinan wujudnya

komitmen politik mereka dalam persekitaran kehidupan bandar tempat mereka menetap dan mencari rezeki itu sendiri.

Golongan Melayu pandai yang dimaksudkan dalam tulisan ini ialah kelompok orang-orang Melayu yang terpelajar yang berkecimpung dalam bidang-bidang kerjaya bukan-pertanian. Selain daripada golongan para pentadbir Melayu yang telah mula terbentuk dalam zaman kolonial yang dibincangkan di atas, maka satu lagi kelompok Melayu pandai yang juga merupakan sebahagian kelas menengah baru Melayu ini ialah yang terdapat dalam bidang kerjaya profesional dan pengurusan perbadanan-perbadanan awam dan swasta.

Sementara Melayu kaya itu pula dimaksudkan sebagai kelas menengah baru Melayu, yang boleh disifatkan sebagai*nouveau riche*, juga terpelajar, tetapi terlibat secara lebih langsung dalam kerjaya di bidang perniagaan, kewangan, pembuatan dan pembinaan serta lain-lain. Kedua-dua golongan ini adalah terhasil dan menjadi manifestasi percapaian DEB. Tetapi sama sebagaimana golongan pertama di atas, kewujudan golongan ini juga nampaknya terikat pada naungan dan kepentingan pemegangan kuasa politik Melayu sehingga mana mereka juga memerlukan suatu *political patronage* yang didasarkan pada nilai dan kepentingan baru dalam bidang sosio-ekonomi tersebut.[9]

Impak terpenting yang dapat di kesan sehingga ini ialah seperti yang terdapat pada peratusan susunlapis perwakilan persidangan agung UMNO tahun 1987 lalu. Bilangan perwakilan UMNO sejak sekian lamanya adalah kira-kira 40% terdiri daripada golongan guru-guru (Crouch: 1987), tetapi dalam persidangan tahun 1987 itu, guru-guru hanyalah sekitar 19% sahaja. Kira-kira 43% perwakilan dalam tahun berkenaan adalah terdiri daripada golongan peniaga, usahawan dan profesional. Sementara kakitangan kerajaan adalah majoritinya daripada kategori C dan ke bawah. Lihat Jadual 11 di bawah.

Dalam hal ini, ada dua alasan penting bagaimana rata-ratanya kedua-dua golongan menengah Melayu yang baru ini menjadi berminat dalam politik kepartian, khususnya dalam UMNO dan sebilangannya juga dalam PAS. Pertama kerana mereka "tidak terikat" dengan sekatan atau larangan Perintah Am sebagaimana yang perlu diikuti oleh kakitangan kerajaan kategori A dan B. Berbanding dengan pegawai-pegawai tinggi kerajaan, mereka dengan demikian adalah lebih bebas untuk membuat sokongan terbuka kepada mana-mana parti politik yang diminati. Kedua, bagi sebilangan mereka ini merasakan perlu untuk sama ada bergaul dan

mempunyai "konteks" dengan tokoh-tokoh dan pemimpin politik atau terlibat secara aktif dalam politik (khususnya dalam UMNO) untuk mendapatkan peluang-peluang, lesen, permit dan seumpamanya yang membolehkan mereka menambah dan mengukuhkan kedudukan dan kekayaan ekonomi masing-masing.

Jadual 11 Anggaran Peratusan PerwakilanUMNO 1987 Mengikut Sektor dan Bidang Kerjaya (Berdasarkan 1506 Perwakilan)

Sektor Kerjaya	%
1. Guru (semua peringkat)	19.0
2. Peniaga dan Usahawan	25.0
3. Kakitangan (Rendah) Kerajaan	23.0
4. Ahli Parlimen & DUN	19.0
5. Kakitangan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	5.0
6. Profesional, Penghulu dll.	9.0
Jumlah	100.0

Sumber: The Sunday Star, 19 Julai 1987

Berdasarkan pengamatan dan pengalaman peribadi dalam kempen-kempen pilihanraya kecil Ampang Jaya (Selangor), Januari 1989; di Telok Pasu (Trengganu) Jun 1989 dan di Tambatan (Johor) Julai/Ogos 1989, dan juga Bukit Payung (Terengganu), April 1992 ternyata bahawa penglibatan kedua-dua golongan "Melayu pandai" dan "Melayu kaya" adalah cukup jelas. Ada sekurang-kurangnya dua cara penglibatan itu berlaku. Pertama, terdapat beberapa orang kontrektor yang sama yang diketahui datangnya daripada luar kawasanundi-kawasanundi berkenaan sengaja datang berkempen untuk membantu parti UMNO. Penglibatan dan kehadiran mereka sebagai juru kempen atau sentiasa mengikuti ke mana sahaja seorang dua tokoh besar parti berkempen telah diakui mereka kepada penulis sebagai suatu pelaburan dalam kegiatan perniagaan mereka. Kehadiran mereka itu juga memberikan peluang untuk mereka bersahabat dan berkenalan dengan para tokoh parti mereka di peringkat negeri berkenaan yang belum dikenali tetapi boleh diperkenalkan oleh tokoh-tokoh tertentu yang lain. Ini lebih-lebih lagi di dalam pilihanraya kecil Telok Pasu memandangkan negeri Trengganu memperolehi pendapatan daripada royalti minyak sekitar $350 juta setahun itu mempunyai banyak projek pembangunan yang boleh dilakukan[11].

Cara kedua ialah bilamana seorang dua ahli perniagaan Melayu menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu seperti penginapan, bayaran bil sarahidup dan sumbangan wang dan sebagainya kepada seseorang tokoh politik atau pemimpin parti. Ini sebenarnya adalah untuk membalas budi atas bantuan tertentu yang diperolehi hasil daripada bantuan mereka yang berpengaruh dalam politik itu. Dan bantuan yang lebih diperlukan bagaimanapun adalah dalam menghadapi kempen-kempen pilihanraya umum ataupun pemilihan pucuk pimpinan parti. Bantuan yang diberikan ini dijangka akan berbalas berlipat kali ganda kiranya kuda yang dipertaruhkan itu berupaya memenangi kerusi yang ditandingi itu. Sebenarnya amat sukar untuk mengesani hal-hal yang disebutkan ini kerana *modus operandi*nya tidak ada tersurat di mana-mana; tetapi sepanjang pergaulan penulis dengan seorang dua usahawan Melayu, perilaku seperti ini bukanlah sesuatu yang luar biasa.

Tetapi apa yang ingin disebutkan di sini ialah kedua-dua cara yang disebutkan ini merupakan sebahagian daripada gejala-gejala politik wang dalam politik orang-orang Melayu hari ini, di mana wang digunakan dalam keadaan yang sewenang-wenangnya untuk tujuan politik, dan ianya bagaikan satu putaran ganas pula oleh kerana komitmen untuk berpolitik itu sendiri adalah untuk mencari kekayaan dan hidup mewah[12]. Dalam keadaan begini, yang lebih membahayakan lagi ialah keghairahan politik itu boleh menyebabkan mereka lalai dan mengabaikan garis perjuangan politik Melayu yang sebenarnya.

Menjalarnya isu dan masalah politik wang dalam Parti UMNO khususnya merupakan suatu manifestasi percapaian dan kejayaan rancangan pembangunan sosio-ekonomi umumnya sejak DEB dimulakan dalam tahun 1970. Dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa ada di antara tokoh dan pemimpin UMNO yang bersedia membelanjakan wang lebih daripada $100,000.00, atau membiayai tambang para penyokong kuat di peringkat cawangan dan bahagian parti mengerjakan Umrah dengan matlamat untuk memastikan dirinya terpilih sebagai pemimpin UMNO di peringkat Bahagian bukanlah satu perkara baru. Malahan sesungguhnya apa yang mereka lakukan itu adalah satu pelaburan yang dijangka akan mendatangkan keuntungan dan nikmatnya bilamana berpeluang untuk berkuasa kelak (Crouch, H.: 1987).

Sementara itu, adalah lebih sukar sebenarnya untuk mengesan akan penglibatan kakitangan awam, baik yang berpangkat tinggi mahupun yang lebih rendah dalam urusan politik kepartian itu. Memang peraturan dalam Perintah Am adalah melarang kakitangan kerajaan dalam kumpulan

pengurusan dan profesional terlibat dalam aktiviti politik, dan ini merupakan salah satu sebab daripada kesukaran yang dimaksudkan itu. Selain daripada itu, kalaupun ada di antara mereka yang berminat untuk bergiat dalam parti pembangkang, mereka lebih mudah untuk dikenalpasti dan dikenakan tindakan, misalnya dengan menukarkan tempat kerja mereka secara semerta yang sudah tentu akan menjejaskan rekod kerja dan periuk nasi mereka sendiri.

Secara umumnya, kehadiran sikap dan "kepekaan" demikian merupakan sebahagian daripada politik bimbang dan takut dan apa yang pernah diistilah sebagai sindrom bisu yang lebih banyak mendorong wujudnya sikap apati politik di kalangan sebahagian besar rakyat yang berpotensi untuk bergiat dalam politik (cf. Umran Mohd. Anas Khan: 1991). Semuanya ini tidak hanya memungkinkan ramai orang memikirkan perlunya dipertahankan *status-quo* politik yang ada itu, bahkan juga mewujudkan sebuah komuniti yang di sebalik rasa selamat dan terjamin segala macam kepentingan sosio-ekonomi mereka, termasuklah kegiatan pelaburan dan urusniaga dalam sektor swasta yang memerlukan keadaan politik yang mantap. Namun dari satu segi, mereka sesungguhnya merupakan kumpulan kelas menengah atau orang kaya baru yang begitu cepat pula menjadi kumpulan konservatif dan tamak dan gejala-gejala ini telahpun berkembang dalam masyarakat maju (cf. S.M. Lipset: 1960).

Akibat yang lazim dapat diperhatikan dalam hal ini ialah peratusan pengundi yang keluar membuang undi. Mereka mewakili sebahagian daripada orang Melayu yang lebih mudah mengerti tentang sepak-terajang politiking, tentang untung-rugi berpolitik di samping menjadi golongan yang hidup lebih mewah yang barangkali lebih kerap pula bergesel bahu dengan tokoh dan pemimpin politik yang juga memerlukan mereka dalam berbagai bentuk urusan bukan-politik kepartian. Dan mereka memang bersedia memberikan bantuan tertentu sekiranya ianya menghasilkan untung yang sewajarnya atas budi yang dilaburkan sebelumnya.

Namun golongan Melayu mewah-terpelajar yang berkediaman di bandar ini jugalah yang tidak bersedia untuk mendaftarkan diri menjadi pengundi, apa lagi turun mengundi pada masa yang diperlukan. Alasan popular dalam hal ini ialah ianya bukan sahaja kerana kesibukan dan faktor masa yang menghalangi mereka bergiat dalam politik, bahkan ada di antaranya yang merasakan suara mereka yang bertaraf golongan minoriti itu tidak ada ada-apa impaknya terhadap pemilihan yang dijalankan itu: jarang

sekali kedapatan yang bertanding dan menang itu adalah daripada kalangan calon-calon yang sama etnik dan agama dengan mereka. Barangkali inilah salah satu bentuk sindrom bisu yang dijelmakan sebagai suatu political protest yang boleh merugikan diri mereka sendiri dalam jangka panjangnya.

PENUTUP

Sungguhpun orang Melayu semakin maju dan semakin ramai yang berkediaman dalam kawasan bandar dan pengundi Melayu menjadi "faktor yang menentukan" kalah menangnya seseorang calon dalam pilihanraya di bandar-bandar utama, namun prestasi politik dan kepimpinan mereka nampaknya masih tebal dan masih perlu bergantung pada sifat-sifat kekampungan. Sehingga hari ini, kekuatan politik mereka di kawasan bandar masih tidak dapat mengimbangi "kekuatan dan kekentalan" pengaruh dan kedudukan politik orang-orang bukan-Melayu. Salah satu sebab ialah kerana sokongan dan kekuatan politik itu sememangnya berdasarkan kepentingan komunal; di samping beberapa permasalahan dan orientasi cara dan gaya hidup yang sedang dialami oleh orang-orang Melayu bandar sendiri.

Memang benar bahawa budaya bandar tidaklah merupakan perkara asing bagi orang Melayu; tetapi serentak dengan perkembangan urbanisasi dan migrasi desa-bandar itu, politik orang Melayu umumnya menjadi semakin tercabar dan terdedah pada banyak isu, masalah dan politiking. Dan kerana itu barangkali buat beberapa dekad yang akan datang, kekuatan politik orang Melayu masih perlu bergantung kepada sokongan dan dokongan politik mereka di kawasan luar bandar.

Sehubungan dengan itu, maka biarpun Rabuska (1973) berpendapat bahawa: ...*An overview of Malayan politics reveals that urban areas are the only vulnerable constituencies for Malay candidates*..., dan di sebalik sindiran yang pernah dinyatakan oleh Firdaus Abdullah (1977) betapa wujudnya golongan elit (Melayu) yang makin mabuk dengan nilai-nilai borjuis dan sekularis, namun beliau dan barangkali ramai lagi orang Melayu hari ini yang perihatin mengenai permasalahan ini mengharapkan wujud dan tertubuhnya "...kepimpinan politik Melayu yang mesti mempertahankan status quo kekuasaan yang menguntungkan orang Melayu di samping wajib pula bersikap lebih agresif agar status quo kekuasaan yang menguntungkan orang Melayu itu benar-benar berhasil membawa manfaat yang maksima..."

NOTA-NOTA

1 Untuk keterangan dan perbincangan lanjut mengenai hal ini lihat antaranya: K.J. Ratnam, , K. Lumpur: University of Malaya Press, 1969; G. P. Means, *Malaysian Politics*, London: Hodder & Stoughton, 1976; R. K. Vasil, *The Malaysian General Elections of 1969*, K. Lumpur: OUP, 1972 & *Emic Politics in Malaysia*, N. Delhi: Radiant Pub., 1980; Hua Wu Yin, *Class and Communalism in Malaysia*, London: Zed Books Ltd., 1983; dan S. Barraclough, "Communalism and Confusion: Towards a Clarification of Terms in the Study of Malaysian Politics" dalam Bruce Gale (ed), *Readings in Malaysian Politics*, P. Jaya: Pelanduk Pub., 1986.

2 Satu misalan kajian menarik mengenai hal ini telah dilakukan oleh B.H. Sharifuddin, *The Federal Factor in the Government and Politics of Peninsular Malaysia*, Singapore: OUP, 1987. Lihat juga perbincangan mengenai aspek ini dalam John Gullick & Bruce Gale, *Malaysia: Its Political & Economic Development*, P. Jaya: Pelanduk Pub., 1986.

3 Di antara perbincangan dan penyelidikan yang relevan mengenai hal ini telah dilakukan antaranya oleh: Paige, *Agrarian Revolution*, N. York: Free Press, 1975; E. Wolf, *Peasant Wars in the Twentieth Century*, N. York: Harper & Row, 1969. Lihat juga Tham Seong Chee, *Malays and Modernization*, Singapore: Singapore University Press, 2nd edition, 1983.

4 Lihat antaranya perbincangan yang dikemukakan oleh K.K. Datar, *Malaysia: Quest for a Politics of Consensus*, N. Delhi: Vikas Pub., 1983; A. Rabuska, *Race and Politics in Urban Malaysia*, Stanford: Hoover Institute Press, 1973.

5 Sebenarnya pencalonan yang "tidak terkawal" calon-calon PAS dalam pilihanraya umum 1986 iaitu tanpa banyak mengambilkira akan peratusan pengundi Melayu dan bukan-Melayu dalam sesuatu kawasan yang ditandinginya itu menyebabkan tenaga kempennya terpaksa disebarkan ke sana sini dan ini menyebabkannya "membazirkan tenaga dan kewangan parti". Hal ini menyebabkan tidak ada suatu penumpuan dalam bilangan kawasan yang lebih kecil yang mungkin memudahkannya mencapai kemenangan sepertimana yang menjadi strategi kempen DAP yang lebih tertumpu ke kawasan undi bandar itu. Lihat perbincangan mengenai kekalahan PAS dalam pilihanraya 1986 oleh Syed Meor, *Pilihanraya 1986: Kekalahan PAS*, Selayang: PAS Paya Jaras, Selangor: Sept. 1986.

6 Tanggapan ini telah mula disuarakan oleh Datuk Musa Hitam dalam kempen-kempen pilihanraya umum 1982 dan diteruskan kemudiannya dalam pilihanraya umum 1986. Lihat *The New Straits Times*, 10 April 1982; dan perbincangan mengenai hal ini juga saya muatkan dalam buku *Membangun Demokrasi: Pilihanraya di Malaysia*, K. Lumpur: 1987. Lihat juga: Syed Meor, (1986), op. cit.

7 Ada 13 perkara yang ditanyai sebagai kes ujian atas 7 ukuran daripada paras "paling kurang berpuashati" sehingga kepada paras "sangat berpuashati". Perkara-perkara itu ialah mengenai sistem perlembagaan Malaysia; corak kerajaan dan politik Malaysia; jentera pentadbiran kerajaan; ciri berbilang bangsa; sistem ekonomi; dasar-dasar ekonomi kerajaan; Dasar Ekonomi Baru dalam konteks membasmi kemiskinan; DEB dalam konteks menyusun semula masyarakat; sistem pendidikan; kestabilan politik; keharmonian antara-kaum; kebebasan beragama; dan hak kebebasan individu. Antara 20 hingga 52 orang responden memilih untuk bersikap "berkecuali" iaitu "tidak memihak" sama ada untuk menyatakan" puashati" ataupun "kurang puashati" dengan apa yang sedang berkembang di hadapan mata mereka itu. Lihat Posiah Hj. Mohd. Isa, 'Kelas Menengah Melayu: Satu Kajian Mengenai Sosialisasi Politik dan Budaya Politik', *Tesis Sarjana* Ekonomi, Universiti Malaya, April 1987. Beberapa penemuan yang tidak banyak berbeza juga terdapat dalam kajian Umran Mohd. Anas Khan, 'Kelas Menengah Melayu: Satu Kajian Status Sosio-ekonomi dan Politik', *Tesis Sarjana Sastera*, Jab. Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, 1991.

8 Lihat amaran dan kenyataan akhbar Ketua Setiausaha Negara, Tan Seri Salehuddin Mohamed mengenai penglibatan kakitangan kerajaan dalam politik kepartian sebagaimana yang disiarkan dalam *Berita Harian*, 10 Okt., 1989. Lihat juga ulasan jernalistik saya mengenai hal ini: "Kakitangan Awam dan Politik: Mengapa Sering Jadi Isu?", *Watan*, 21 Sept. 1989 dan: "Yang Pandai dan Yang Muflis: Masalah Amanah dan Politik Bermoral?", *Watan*, 30 Sept. 1989.

9 Lihat laporan temuramah akhbar dengan En. Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri dalam *Utusan Malaysia*, 12 Okt. 1989.

10 Lihat perbincangan dan laporan akhbar Philip Bowring, "No dilemma about Mahathir's direction: Power to the Centre", *Far Eastern Economic Review*, 14 April 1988. Lihat juga perbincangan mengenai politik UMNO dan perniagaan ini oleh E.T. Gomez, *Politics in Business: UMNO's Corporate Investments*, K. Lumpur: Forum, 1990.

11 Secara khusus isu ini merupakan satu isu istimewa yang ramai pemerhati politik mengatakan "hanya berani" ditimbulkan oleh YM Tengku Ibrahim, atas kedudukannya sebagai Tengku Paduka Raja iaitu gelaran bagi adinda Sultan Trengganu, bukan sekadar kerana beliau kebetulannya menjadi seorang tokoh politik Semangat 46 Trengganu. Beliau membandingkan perolehan tersebut dengan usaha mengatasi kemiskinan yang masih terlalu kecil percapaiannya sedangkan banyak projek mewah, termasuklah pembinaan Jambatan Seberang Takir yang menelan belanja lebih daripada $ 150 juta. Butiran ini diperolehi daripada pemerhatian peribadi dalam kempen-kempen pilihanraya kecil Telok Pasu, Trengganu (Jun 1989); dan beberapa ucapan tokoh-tokoh Parti Semangat 46 dan Parti PAS dalam pilihanraya kecil Bukit Payung, April 1992 yang sempat penulis ikuti.

12 Tanggapan ini merupakan beberapa kesimpulan daripada pertemuan dan perbincangan dengan sebilangan pekerja parti UMNO/BN, Semangat 46/ PAS serta istimewa sekali dalam pertemuan singkat pada 4 Ogos 1989 dengan calon Bebas, Y.H. Ngiam yang menggunakan lambang "payung" dalam pilihanraya kecil Tambatan, Johor pada 5 Ogos 1989. Lihat juga perbincangan Harold Crouch, "Politik Wang di Malaysia" dalam Jomo, K.S. (ed), *Dasar-dasar Ekonomi Mahathir*, K. Lumpur: INSAN, 1987. Ucapan membahaskan titah perasmian persidangan parlimen penggal ke-8 oleh Lim Kit Siang ada menyentuh penggunaan wang untuk membeli undi dalam pilihanraya umum 1990 dan beliau mendakwa UMNO membayar tunai sehingga ribuan ringgit kepada pengundi di Gua Musang, Kelantan semata-mata untuk mempastikan tewasnya Tengku Razaleigh, Presiden Parti Semangat 46 yang mempertahankan kawasanundi berkenaan. Ucapan beliau ini telah diterbitkan sebagai buku kecil bertajuk, *The Dirtiest General Elections in the History of Malaysia*, P. Jaya: Oriengroup Sdn. Bhd., Mac 1991. Lihat juga sentuhan tertentu mengenai pergolakan politik UMNO yang membabitkan penggunaan wang ini oleh Chandra Muzaffar, *Protector* P. Pinang: Penerbitan Aliran, 1979 (terjemahan: *Pelindung* 1992), terutamanya Bab 5; dan juga perbincangan umum yang juga menyentuh serba sedikit mengenai isu politik wang ini oleh Khoo Kay Jin, "The Grand Vision: Mahathir and Modernisation" dalam Kahn, J.S & Loh Kok Wah, F. (eds), *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*, Sydney: ASAA Southeast Asia Pub. Series, Allen & Unwin, 1992, hal. 44 - 45.

BIBLIOGRAFI

Abd. Maulud Yusof, 'An Urbanizing Malay Village: Some Aspects of Its Social Organization' in H.M. Dahlan (ed.), *The Nascent of Malay Society*, Bangi: 1976

Azizah Kassim, 'Politics of Accomodation: A Case Study of Malay Squatters in Kuala Lumpur', *PhD Thesis*, School of Oriental & African Studies, London: Jan., 1985

B.A.R. Mokhzani, 'The Study of Social Stratification and Social Mobility in Malaya', *East Asian Cultural Studies*, Vol. 4, 1965

Chandra Muzafar, 'Haluan Perhubungan Etnik di Malaysia' dalam, S. Ahmad Hussein & Y. Manssor Merican, (eds), *Integrasi Politik*, K. Lumpur: 1976

_____, *Protector?*, P. Pinang: An Aliran Pub., 1979

Crouch, H.,'Politik Wang di Malaysia' dalam Jomo (ed),*Dasar-Dasar Ekonomi Mahathir*, K. Lumpur: 1987

Datuk Musa Hitam,*Nasionalisma: Krisis dan Kematangan* Petaling Jaya: 1986

Dunleavy, Patrick, *Urban Political Analysis*, London: Macmillan Press Ltd., 1980

Firdaus Abdullah, *Analisa Simposium: Kepimpinan Melayu, Dari Mana Ke mana?*, Kuala Lumpur: 1977

Gullick, J.M., *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, (terjemahan), K. Lumpur: 1970

Hussain Mohamed, *Gerakan Belia di Malaysia*, Kuala Lumpur: 1987

_____, *Membangun Demokrasi: Pilihanraya di Malaysia* Kuala Lumpur, 1987

Khasnor Johan, *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elites*, Singapore: 1984

Khoo Kay Jin, 'The Grand Vision: Mahathir and Modernisation', dalam Kahn, J.S.. & Loj Kok Wah, F, (eds), *Fragmented Vision: Culture and Politics inContemporary Malaysia*, Sydney: ASAA S.E. Asia Pub. Series, & Allen & Unwin, 1992

Koh Kim Lian, 'Level, Trends and Patterns of Urbanization in PeninsularMalaysia, 1957 - 80', *Ilmu Masyarakat*, Jilid 9, PSSM, April - Sept., 1985

Lee Boon Thong, 'Cabaran-cabaran Urbanisasi: Realiti dan Penyelesaian', Persatuan Sains Sosial Malaysia, *Pembangunan Di Malaysia: Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestasi*, K. Lumpur: 1987

Lim Heng Kow, *The Evolution of the Urban System in Malaya*, Kuala Lumpur: 1978

Lipset, S.M., *Political Man*, N. York: Garden City, 1960

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), *Trajedi 13 Mei: Satu Laporan*, Kuala Lumpur: Okt. 1969

Malaysia, *Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-80, Rancangan Malaysia Keempat, 1981 - 85, Rancangan Malaysia Kelima, 1986 - 90*; dan *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991 - 2000.*

McGee, T.G, 'Malays in Kuala Lumpur City:....' in *The Urbanization Process in the Third World*, London: 1971

Mohamed Abu Bakar, 'The Urban Malay Politics', in H. Crouch, L.K. Hing & M. Ong (eds.), *Malaysian Politics and the 1978 Election* K. Lumpur: 1980

Mohd.Razali Agus, 'Impact of Urbanization on the Urban Malays of Malaysia: Problems of Homeownership of the Lower Income Groups', Paper presented at the 1988 SEASSI Conference, University of Hawaii at Manoa, July 1 - 3, 1988

Ness, Gayl D., 'Economic Development and the Goals of the Government in Malaysia' in W. Gungwu (ed), Malaysia: A Survey, London: 1964.

_____, *Bureaucracy and Rural Development in Malaysia* California: 1967

Nordin Selat, *Kelas Menengah Melayu*, Kuala Lumpur: 1979

Posiah Hj. Mohd. Isa, 'Kelas Menengah Melayu - Satu Kajian Mengenai Sosialisasi Politik dan Budaya Politik', *Tesis Sarjana* Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Awam, Universiti Malaya, April 1987

Rabuska, A., *Race and Politics in Urban Malaya*, Stanford: Hoover Institution Press, 1973

Raja Mohd. Affandi, *Perbandaran dan Orang Melayu*, Kuala Lumpur: DBP, 1977

Roff, William R, *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: PUM, 1967

Sanusi Osman, "DEB dan Percapaian Orang Melayu di Kota', PSSM, *Pembangunan Di Malaysia: Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestasi*, K. Lumpur: 1987

Scott, J.C., *Political Ideology in Malaysia: Reallity and Beliefs of an Elite*", Kuala Lumpur, 1968

Sorokin & Zimmerman, *Principle of Rural-Urban Sociology*, N. York: 1929

Steinberg, D.J. et. al. *In Search of Southeast Asian History*, Singapore: OUP, 1975

Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1990*, K. Lumpur: 1992.

Ting Chew Peh, 'Persatuan Dialek: Satu Aspek Kebudayaan Cina Malaysia', *Dewan Budaya*, Jan. 1980,

Umran Mohd. Anas Khan, *Kelas Menengah Melayu Bandar: Satu Kajian Status Sosio-ekonomi dan Politik*, Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, K. Lumpur, 1991

W. Abdul Kadir W. Yusof, 'Pertumbuhan Budaya Popular Masyarakat Melayu Bandaran Sebelum Perang Dunia Kedua', dalam Mohd. Taib Osman & Wan Kadir (eds), *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*, K. Lumpur: 1987

Zakaria Ahmad, 'The Political Structure' in E.K. Fisk & H. Osman-Rani (eds), *The Political Economy of Malaysia*, K. Lumpur: 1982

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU 12

POLITIK MELAYU DI KELANTAN DAN TERENGGANU: TINJAUAN MENGENAI KEGAGALAN PAS DALAM PILIHAN RAYA UMUM 1986

SANKARAN RAMANATHAN
MOHD HAMDAN ADNAN

PENGENALAN

Kemenangan calon PAS dalam pilihanraya kecil pada Jun 1989 bagi kawasan Teluk Pasu telah menimbulkan kembali beberapa persoalan tentang pergolakan politik di negeri Terangganu serta negeri yang berhampiran, iaitu, Kelantan. Kemenangan tersebut adalah lebih bermakna jika kita mengingatkan kembali bahawa PAS telah mengalami kekalahan teruk pada pilihanraya umum Ogos 1986, dan juga bahawa beberapa pergolakan politik telah berlaku selepas tarikh itu.

Artikel ini, akan melaporkan secara ringkas penemuan-penemuan yang talah didapati melalui satu kajiselidik yang telah dijalankan pada September 1986 di tiga Kawasan Parlimen, iaitu, Kuala Terengganu, Marang dan Bachok oleh sekumpulan pengkajiselidik dari Jabatan Kajian Sebaran Am, Institut Teknologi MARA. Hasil kajiselidik tersebut telahpun dilaporkan di dalam akhbar *The New Straits Times* dan *Berita Harian* [1]. Melalui penemuan-penemuan tersebut, akan dibuat satu interpretasi tentang pergolakan politik di Terengganu dan Kelantan.

Perlu diterangkan disini bahawa kedua-dua penulis adalah pensyarah komunikasi dan bukan ahli sains politik. Oleh itu mereka menyedari bahawa penekanan akan diberi terhadap penjelasan tingkahlaku pengundi dari segi isu-isu yang telah dilaporkan oleh media massa, serta peranan media massa dalam melapor dan mengulas pilihanraya umum.

PILIHANRAYA 1986

Pilihanraya umum dari masa ke semasa merupakan satu ciri penting bagi negara-negara yang mengamalkan demokrasi. Oleh itu, proses pilihanraya telah dikaji secara mendalam di semua negara demokratik. Di antara aspek-aspek yang telah dikaji ialah pengaruh politik etnik dan politik tempatan, peranan media massa, peranan pemimpin pendapat, sikap dan tingkahlaku pengundi dan sebagainya.

Menurut Kessel [2], selain daripada menganalisis data pengundian, para pengkaji harus juga melakukan tinjauan di kalangan pengundi untuk mengetahui sikap dan pandangan mereka. Menurut Lazarsfeld, Berselson and Gaudet [3] yang telah menjalani tinjauan di kalangan 3,000 responden pengundi, pemimpin pendapat tempatan mempengaruhi sikap dan pandangan pengundi di saat-saat akhir kempen pilihanraya. Sarjana-sarjana tersebut juga mendapati bahawa isu-isu tempatan serta sifat-sifat peribadi calon yang bertanding adalah juga penting. Kesimpulannya, selain daripada mengulas keputusan pilihanraya, para pengkaji harus juga meninjau pandangan, sikap dan tingkahlaku pengundi.

Tinjauan yang dilaporkan ini telah dilaksanakan tiga minggu selepas pilihanraya umum pada 3 dan 4hb Ogos 1986. Pilihanraya ini berbeza daripada pilihanraya sebelumnya, disebabkan faktor-faktor berikut:

a. Bilangan kerusi yang ditandingkan. Kerusi parlimen telah bertambah daripada 154 kerusi pada tahun 1982 kepada 177 kerusi. Kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) juga telah bertambah atau berubah di semua negeri. Pertambahan serta perubahan tersebut merupakan akibat penukaran sempadan kawasan-kawasan pengundian yang telah dilaksanakan pada Ogos 1983.

b. Pertambahan bilangan pengundi. Kebanyakkan pengundi baru merupakan pemuda-pemudi, yang mengundi buat pertama kalinya.

c. Kekecohan dalam UMNO dan Barisan Nasional (BN). Perletakkan jawatan Dato' Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri pada Februari 1986 (enam bulan sebelum pilihanraya umum diadakan) menunjukkan betapa seriusnya kekecohan tersebut.

d. Kemelesetan Ekonomi Negara. Kadar pertumbuhan ekonomi negara telah menurun ke peringkat terendah semenjak kemerdekaan (ramalan *Gross Domestic Product* (GDP) bagi Jun 1986 telah diumumkan sebagai satu peratus).

e. Kekuatan parti-parti pembangkang, khususnya Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Democratic Action Party (DAP). Oleh itu, terdapat pelbagai ramalan mengenai keputusan pilihanraya umum tersebut, dan hampir kesemua ramalan tersebut memberi harapan tipis bagi BN untuk mengekalkan kedudukannya pada tahun 1982.

Dengan adanya ramalan-ramalan tersebut, keputusan sebenarnya telah dianggap sebagai diluar dugaan, khususnya bagi PAS yang telah memenangi hanya satu kerusi parlimen daripada 99 kerusi yang telah ditandingnya. PAS juga telah mengalami kekalahan di peringkat negeri khususnya di negeri-negeri yang dianggap sebagai kubunya, iaitu Kelantan dan Terengganu. Kegagalan PAS ini merupakan prestasi yang amat lemah sekali semenjak semenjak penubuhan parti itu 29 tahun dahulu.

Tujuan utama artikel ini ialah untuk mengetahui kenapa PAS gagal di dalam tiga kawasan pilihanraya parlimen tersebut. Kami telah menemuduga 1000 responden (937 responden Melayu dan 63 bukan Melayu) yang telah dipilih melalui percontohan berstruktur (*structured sample*).

Mereka ditemuduga oleh pembantu penyelidik yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir Diploma Sebaran Am, Institut Teknologi MARA. Jawapan mereka telah direkodkan di dalam borang soalselidik sama (*standard questionnaire*), yang kemudian telah dianalisis.

PENEMUAN TINJAUAN

Masyarakat Melayu di pantai timur, khususnya di Kelantan dan Terengganu, tidak begitu terlibat di dalam parti politik atau pertubuhan sosial. Rumusan ini dibuat hasil tinjauan kami yang menunjukkan bahawa 589 atau 58.9% responden tidak menjadi ahli sebarang parti politik atau pertubuhan sosial. Daripada bakinya, iaitu 411 responden, hanya 64.1% mengakui bahawa mereka menjadi ahli kepada parti politik pilihan mereka. Yang lainnya menyatakan bahawa mereka menjadi ahli kepada pertubuhan-pertubuhan sosial seperti persatuan kebajikan, ugama, budaya, sukan dan belia.

Tinjauan ini juga mendapati bahawa penglibatan wanita Kelantan dan Terengganu dalam parti politik dan pertubuhan sosial adalah jauh lebih rendah daripada lelaki. Hampir 75% responden wanita mengakui bahawa mereka tidak menjadi ahli kepada sebarang parti politik atau kumpulan sosial. Sementara 80% daripada mereka yang menjadi ahli kepada parti politik atau pertubuhan sosial menyatakan bahawa penglibatan mereka adalah hanya setakat ahli biasa sahaja. Di sini bolehlah dikatakan

bahawa hanya segelintir wanita sahaja yang memegang jawatan penting di dalam pertubuhan politik atau sosial yang mereka menjadi ahli.

Berasaskan tinjauan ini bolehlah dirumuskan bahawa kedudukan wanita di kawasan desa Kelantan dan Terengganu adalah resminya masih terhad di rumah. Sikap ini jelas dirasai apabila para pelajar wanita yang menyertai penyelidikan ini sering diberitahu bahawa mereka tidak sepatutnya terlibat dalam kegiatan ini. Sebaliknya mereka harus menamatkan pengajian, kahwin dan menjadi seorang isteri Muslim yang baik. Nasihat ini diberi oleh kedua-dua responden lelaki dan perempuan.

Dari segi minat kepada politik, 617 responden atau 61.7% menyatakan mereka berminat. Seramai 200 atau 20% responden mengakui tidak berminat terhadap politik, manakala 183 atau 18.3% responden berkecuali. Penemuan ini membayangkan tahap penglibatan masyarakat Melayu Kelantan dan Terengganu dalam pertubuhan politik.

Bagaimanapun, dari segi pemilihan calon, seramai 962 atau 96.2% responden telah pernah mengundi. Ini menunjukkan bahawa walaupun hanya lebih setengah sedikit masyarakat Melayu Kelantan dan Terengganu menjadi ahli kepada parti politik, sebilangan besar daripada mereka tetap melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi.

Dalam pemilihan calon, didapati bahawa di kalangan penduduk pantai timur perkara utama yang diambilkira dalam mengundi calon ialah parti yang diwakilinya. Seramai 84% responden menyatakan bahawa mereka memilih calon berasaskan kepada parti yang didokongnya. Di Marang, misalnya, meskipun ramai responden mengiktiraf Haji Hadi Awang sebagai tokoh politik yang bijak berpidato, tetapi didapati bahawa menyukainya bukanlah faktor mutlak yang cukup untuk mempengaruhi pengundian. Sebaliknya, parti dianggap lebih penting daripada calon.

Bagaimanapun, kewibawaan calon tetap memainkan peranan penting bagi pengundi masyarakat Melayu di Kelantan dan Terengganu. Malah 62.1% responden mengakui akan mengundi hanya calon yang mereka sukai. Kawasan Bachok merupakan contoh yang jelas menunjukkan bahawa keperibadian seseorang calon itu lebih diutamakan daripada partinya sendiri. Meskipun PAS meletakkan Haji Nik Aziz Nik Mat, yang dianggap tokoh penting parti itu, untuk menentang calon BN, Haji Mohd Zain Abdullah, tetapi calon PAS itu tewas. Keputusan di Bachok bolehlah diandaikan sebagai agak istimewa. Ini adalah kerana Haji Mohd Zain merupakan tokoh tempatan dan sebelum ini adalah anggota PAS. Beliau telah memenangi kerusi Parlimen itu atas tiket PAS hampir 20 tahun yang lalu. Apabila

memasuki BN, beliau membawa bersama penyokong-penyokongnya yang ramai itu.

Suatu sebab penting mengapa PAS kecundang teruk di pantai timur bagi pilihanraya 1986 adalah kerana ramai responden juga menyatakan ketinggian kalibar calon-calon BN yang tidak dapat ditentang oleh calon-calon PAS yang lemah. Kajian ini juga menunjukkan pengaruh PAS tidak begitu meluas dalam pilihanraya 1986. Ini menyulitkannya memilih calon di kawasan-kawasan strategik.

Ada dua kemungkinan mengenai perkara ini. Pertama, orang Melayu di pantai timur, terutamanya di luar bandar, mempunyai fahaman politik yang boleh mempengaruhi undi. Kedua, rakyat disamping mempunyai pendirian politik masing-masing, mungkin bertambah pragmatik untuk mengundi parti yang mempunyai beberapa kelebihan.

Menujrut kajian kami, aliran pengundian adalah satu lagi alasan penting mengapa PAS gagal di kubu kuatnya di pantai timur. Ini tidak diguga kerana penduduk pantai timur, berasaskan kepada pilihanraya sebelum 1978, memberi sokongan kuat kepada PAS atau parti pembangkang. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan pengundi sudah bertukar fikiran terhadap PAS selepas pilihanraya 1978. Tetapi alasan ini mungkin tidak tepat kerana kajian kami juga mendapati bahawa sebahagian besar pengundi di Kelantan dan Terengganu jarang mengubah haluan daripada parti politik yang mereka sertai.

Seramai 866 atau 86% responden menyatakan bahawa mereka tidak mengubah pilihan parti politik mereka. Hanya 134 atau 13.4% responden yang telah menukar kepada parti politik lain. Daripada jumlah ini, seramai 4.6% responden menyatakan bahawa mereka bertindak sedemikian oleh kerana mereka kurang puas hati dengan parti berkenaan, manakala 4.7% menyatakan bahawa mereka hendak menyempurnakan hak mereka untuk memilih. Seramai 2% responden mula mengakui bahawa mereka memilih parti politik lain kerana mereka tidak suka dengan individu yang telah dicalonkan oleh parti terbabit.

Sebahagian besar responden kajian ini juga mengutarakan bahawa pembangunan adalah satu unsur penting lagi yang mengakibatkan kecundangnya PAS bagi pilihanraya 1986. Lebih 95% daripada responden bersetuju hanya kerajaan yang kukuh sahaja yang boleh membawa pembangunan di luar bandar. Apabila ditinjau seterusnya, 70% mengaitkan BN dengan pembangunan dan kemajuan. Kebanyakan mereka berkata, hanya BN mampu membawa pembangunan di luar bandar.

Jadual 1 Jawapan Responden Mengenai Kegagalan Pas di Kelantan dan Terengganu dalam Pilihanraya Umum '86

Sebab/Alasan	Responden	%
Menyukai calon	207	20.7
Mempertahankan tradisi	193	19.3
Pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan	113	11.3
Kurang pasti mengapa PAS gagal	110	11.0
Taktik pilihanraya yang salah	75	7.5
Jentera kuat UMNO semasa kempen	68	6.8
Kegunaan wang oleh parti pemerintah	57	5.7
Penyelewengan PAS daripada falsafah asal	36	3.6
Pengundi yang matang	30	3.0
Peranan media massa	14	1.4
Tidak menyukai calon	11	1.1
Isu kafir-mengkafir	10	1.0
Takdir Allah	8	0.8
Ugutan kerajaan	5	0.5
Tiada jawapan	33	3.3
Jumlah	1,000	100

Responden menguatkan hujah mereka dengan membuat perbandingan ketika PAS memegang kuasa di Kelantan. Sebahagian mereka berkata, ketika itu, paras pembangunan di Kelantan dan Terengganu menyedihkan. Dalam hal ini para responden di Terengganu amat merasakan tentang kepentingan pembangunan daripada responden di Kelantan. Ini mungkin disebabkan bahawa pada waktu ini masyarakat Terengganu lebih menikmati manafaat pembangunan daripada penduduk Kelantan. Projek-projek pembangunan lebih jelas dilihat di Terengganu daripada di Kelantan.

Bagi sebahagian besar responden, kebanyakannya petani atau suri rumah, bukti padu BN untuk memperbaiki keadaan luar bandar, dapat dilihat menerusi jalan raya yang diturap yang menyambung satu kampung dengan kampung yang lain atau jaminan setahun sekali daripada Majlis Perbandaran untuk membersihkan tandas pam sebelum musim tengkujuh. Ini adalah keadaan sebenar yang boleh memberi keselesaan hidup kepada sebahagian besar mereka. Oleh itu, ramai responden (78%) berpendapat BN patut terus menubuhkan kerajaan.

Apabila responden diminta memilih antara pembangunan dan fahaman

politik, seramai 69.9% memilih pembangunan. Alasan-alasan yang mereka beri termasuklah ianya mendatangkan kemudahan-kemudahan, peluang-peluang pekerjaan dan umumnya kemajuan. Ulasan seperti "kita mahu senang", "semua orang dapat faedah", dan "cakap kosong tidak guna" turut diberi.

Jadual 2 Jawapan Responden Mengenai Kegagalan Pas di Peringkat Kebangsaan

Sebab/Alasan	Responden	%
Taktik pilihanraya yang salah	326	32.6
Kurang pasti kenapa PAS gagal	151	15.1
Penyelewengan PAS daripada falsafah asal	105	10.5
Isu kafir-mengkafir	66	6.6
Pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan	51	5.1
Peranan media massa	43	4.3
Tak faham kenapa PAS gagal	43	4.3
Jentera kuat UMNO semasa kempen	36	3.6
Takdir Allah	35	3.5
Pengundi yang matang	33	3.3
Cara pengiraan undi	31	3.1
Kegunaan wang oleh parti pemerintah	26	2.6
Calon-calon yang tidak sesuai	16	1.6
Mempertahankan tradisi	16	1.6
Ugutan kerajaan	12	1.2
Tiada jawapan	10	1.0
Jumlah	1,000	100.0

Seramai 30.1% responden yang berpendapat fahaman politik adalah lebih penting daripada pembangunan, berkata, antara lain, pembangunan wujud daripada fahaman politik. Oleh itu, sesuatu pembangunan yang boleh dijangkakan oleh seseorang bergantung sepenuhnya kepada fahaman politik yang dianjurkan. Ada juga di antara mereka yang mengaitkan fahaman politik dengan agama.

Penemuan yang menarik ialah sebahagian besar daripada responden yang memilih fahaman politik, lebih kritikal terhadap kerajaan BN. Ini mungkin membayangkan mereka yang memilih fahaman ideologi sebagai lebih penting daripada pembangunann adalah sebilangan besarnya mengikut PAS. Bagaimanapun, bagi hampir semua masyarakat Melayu

di pantai timur, pembangunan fizikal dan kebendaan mestilah seiring dengan pembangunan rohaniah.

Maka dalam hal ini tidak hairan sekiranya lebih setengah daripada responden (528 atau 52.8%) bersetuju bahawa Malaysia seharusnya menjadi Republik Islam seperti Iran. Di Bachok, seramai 72.8% responden menyokong kenyataan bahawa Malaysia menjadi Republik Islam manakala seramai 52.5% responden di Marang berpendapat yang sama. Jumlah responden yang bersetuju mengenai hal ini di Kuala Terengganu adalah lebih rendah. Di Shah Alam di mana kami telah menjalankan kajian awalan didapati bahawa 61.4% responden telah menentang sebarang usaha untuk menubuhkan sebuah Republik Islam di Malaysia.

Jadual 3 Reaksi Responden Terhadap Kenyataan-Kenyataan

Kenyataan	1	2	3	4	5	Jumlah
Saya mengundi calon kerana pasti yang diwakilinya	80	759	82	76	3	1,000
Saya mengundi calon kerana menyukainya	29	592	118	242	19	1,000
Malaysia patut menjadi Republik Islam seperti Iran	148	380	178	264	30	1,000
Dasar Ekonomi Baru patut diteruskan selepas 1990	211	565	155	51	6	1,000
Saya suka sebuah kerajaan yang membawa pembangunan	250	708	27	14	1	1,000
Penglibatan PAS dengan OC menyebabkan kekalahan PAS	8	181	251	476	82	1,000
Isu kafir-mengkafir telah menjejas pengaruh PAS	41	423	268	230	35	1,000
Tragedi Memali adalah amaran untuk golongan pelampau	34	443	271	191	57	1,000
Saya tidak sokong kenyataan Ustaz Hadi tentang hak Melayu	159	534	117	157	32	1,000
Pemimpin-pemimpin PAS yakin akan memenangi banyak kerusi	39	432	279	218	27	1,000
Liputan akhbar berat sebelah menyebabkan kekalahan PAS	35	221	372	284	34	1,000

Nota: 1 = Amat Bersetuju, 2 = Bersetuju, 3 = Berkecuali, 4 = Tidak Bersetuju, 5 = Amat Tidak Bersetuju

Didapati masyarakat Melayu bandar, seperti di Kuala Terengganu dan di Shah Alam, ramai yang tidak menyokong penubuhan Republik Islam di Malaysia. Hal ini mungkin disebabkan oleh pendidikan yang lebih tinggi di kalangan mereka serta pendedahan mereka kepada pelbagai unsur. Berasaskan ini, kami merumuskan bahawa masyarakat Melayu di pantai timur umumnya berpegang teguh kepada agama Islam yang telah menjadi punca perpaduan umat Islam serta perpecahan mereka. Melalui Islam, ahli-ahli PAS dan para pengikutnya bersatupadu. Di sebaliknya, pegangan Islam mereka telah memisahkan mereka daripada para pengikut parti-parti lain yang ahli-ahlinya juga Muslim.

Pemecahan umat Islam Melayu di pantai timur berasaskan parti politik ini jelas dilihat apabila kumpulan penyelidik kami dengan segera dapat mengenalpasti masjid dan surau mengikut warna (biru untuk UMNO dan hijau bagi PAS) untuk menentukan kumpulan mana yang beramal ibadat di dalamnya. Perkara ini berterusan kepada kegiatan mengecat pagar dan rumah dalam warnanya yang melambang parti politik yang mereka menjadi ahli. Pembahagian ini turut dilihat kepada tempat-tempat pertemuan lain seperti kedai kopi dan restoren.

Namun begitu, penemuan penyelidikan kami jelas menunjukkan bahawa pembangunan telah mempengaruhi perilaku dan tanggapan para pemilih di Kelantan dan Terengganu. Walaupun ada golongan yang masih berpegang teguh kepada ideologi politik mereka (dalam kes ini PAS), semakin ramai yang merasakan bahawa pembangunan menjadi pendorong bagi pencapaian mutu kehidupan lebih tinggi yang membawa kepada kemajuan kebangsaan dan kejayaan negara.

Penemuan kajian kami juga mendapati ramai responden yang kurang jelas tentang mengapa PAS kecundang begitu teruk di pantai timur pada pilihanraya 1986. Sebahagian besarnya enggan menyatakan sebab, tetapi 11% daripadanya berkata kesilapan taktik adalah salah satu sebabnya PAS gagal. Sebanyak 6.8% pula berkata kegagalan PAS disebabkan oleh jentera pilihanraya UMNO yang berkesan. Alasan lain termasuklah: penggunaan wang oleh parti yang berkuasa (5.7%), percanggahan falsafah PAS (3.6%), pengundi sudah matang (3%) dan cara pengiraan undi (3%).

Mengenai soalan mengapa PAS kalah diseluruh negara, 32.6% berpendapat bahawa kesilapan taktik adalah puncanya. Ini termasuk pemilihan calon di semua kawasan, pembabitannya dengan Majlis Perunding Cina (CCC) dan sikap penyokong PAS yang melampau. Pada

peringkat kawasan timur atau tempatan, pembabitan PAS dengan CCC tidak menonjol sebagai satu faktor penting mengapa PAS tewas di kawasan tradisinya. Peristiwa Memali juga bukanlah alasan yang kuat terhadap kekalahan parti itu.

Salah satu kemungkinan ialah sebahagian besar ahli PAS di pantai timur adalah golongan tua yang sudah sebati dengan parti itu. Bagi mereka, taktik pilihanraya parti tidak bercanggah daripada asas falsafah PAS.

Bagaimanapun. pembabitan dengan orang luar, terutama bukan Islam mungkin menimbulkan kekecewaan kepada ahli-ahli baru PAS atau kepada pengundi-pengundi baru dan yang idealistik. Meskipun kajian menunjukkan isu kafir-mengkafir menimbulkan masalah di Kelantan dan Terengganu, reaksi responden adalah berbelah bahagi terhadap kesannya kepada PAS dalam pilihanraya.

Lebih 69% responden juga tidak bersetuju dengan kenyataan Haji Hadi mengenai hak istimewa orang Melayu digugurkan dan berpendapat hak itu perlu dikekalkan. Ini ada kaitannya dengan hakikat bahawa 77.6% responden menghendaki Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilanjutkan selepas 1990.

Masyarakat Melayu pantai timur juga merasakan keangkuhan pemimpin atau parti politik akan membawa kepada kejatuhannya. Seramai 47.1% responden merasakan bahawa beberapa pemimpin PAS telah didapati terlalu takbur atau angkuh, manakala 24.5% tidak bersetuju dan 28.4% berkecuali dalam perkara ini. Kajian kami merumuskan bahawa keangkuhan beberapa pemimpin PAS adalah faktor yang tidak boleh diabaikan bagi kekalahan parti itu, terutamanya bagi kawasan Marang dan Kuala Terengganu.

Kajian kami turut mendapati bahawa tuduhan PAS yang media massa memberi laporan berat sebelah terhadapnya tidak memainkan peranan yang berkesan bagi mempengaruhi kekalahannya dalam pilihanraya 1986. Hanya 3.6% responden yang merasakan bahawa laporan negatif media massa sebagai faktor penting yang mengakibatkan kecundangnya PAS bagi pilihanraya 1986.

Dari segi sumber maklumat politik, sumber utama bagi responden adalah dari ceramah-ceramah. Didapati bahawa 57.7% telah menghadiri ceramah-ceramah. Kajian kami juga mendapati bahawa 67.5% daripada mereka lebih berminat menghadiri ceramah politik manakala yang bakinya ceramah-ceramah ugama dan pembangunan. Jumlah responden

menghadiri ceramah politik menunjukkan bahawa saluran ini akan terus memainkan peranan yang penting di pantai timur bagi parti-parti politik untuk membincangkan isu-isu politik dan mempengaruhi perilaku pemilih. Penemuduga-penemuduga yang terlibat dalam kajian turut melihat tempat-tempat yang lebih kurang bersifat tetap bagi menyampaikan ceramah-ceramah. Misalnya, di sebuah masjid di Kg Rusila terdapat suatu kawasan untuk menyampaikan ceramah. Didapati pengikut-pengikut PAS akan berkumpul di situ setiap hari Jumaat sebelum sembahyang Jumaat untuk mendengar ceramah-caramah oleh para pemimpin mereka.

Namun begitu hanya 23.4% responden mengakui yang mereka terpengaruh dengan apa yang mereka dengar di ceramah-ceramah yang dihadiri. Sebilangan besar daripada mereka, iaitu 186 atau hampir 80% menyatakan bahawa mereka dipengaruhi oleh isu-isu yang dibincangkan menakala 28 atau 2.8% responden terpengaruh oleh personaliti-personaliti yang menyampaikan ceramah itu. Ada juga yang terpengaruh dengan semangat kekitaan atau perpaduan di ceramah-ceramah yang mereka hadiri (14 responden), manakala seramai 12 responden menyatakan bahawa mereka terpengaruh oleh penerbitan-penerbitan dan kaset-kaset yang diedarkan di ceramah-ceramah yang mereka hadiri.

Dari segi media massa, sumber politik utama di kalangan masyarakat Melayu pantai timur adalah televisyen. Seramai 39.2 responden menyebut televisyen sebagai sumber utama bahan politik mereka. Ini dituruti oleh akhbar, iaitu seramai 245 atau 24.5% responden dan radio, iaitu seramai 113 atau 11.3% responden. Ada juga yang menyebut sumber-sumber lain sebagai punca utama maklumat politik mereka. Seramai 230 atau 23% menyebut majalah, ceramah serta pemimpin ugama dan pemimpin masyarakat.

Akhir kata, kajian kami merumuskan bahawa walaupun PAS kalah teruk di pilihanraya 1986 ini tidak bermakna bahawa parti tersebut tidak akan bangkit semula apabila diperlukan. Ini adalah kerana kajian kami menunjukkan bahawa masih banyak kampung -kampung di pantai timur yang masyarakat Melayunya masih berbelahbagi keahlian parti poliltik mereka, khususnya, di antara pengikut PAS dan BN. Maka di pantai timur, masyarakat Melayu akan tetap merasakan ada pilihan jika didapati bahawa parti memerintah tidak melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna. Dengan, itu parti memerintah perlulah sentiasa peka terhadap keperluan pembangunan masyarakat Melayu pantai timur bukan sahaja dari segi jasmani atau kebendaan tetapi juga rohaniah.

PERKEMBANGAN POLITIK SELEPAS PILIHANRAYA UMUM 1986

Dua tahun dahulu, kami telah berpendapat bahawa,

> *Although the BN obtained a strong mandate from the voters in the 1986 election, the first year of the new administration has been marked by various events pointing to a lack of unity within the dominant party, UMNO. This problem was brought to the open in the UMNO triennial elections held on 24 April 1987, as a result of which there have been allied political developments.* [4]

Pendapat tersebut telah dibuktikan sepenuhnya oleh perkembangan-perkembangan politik pada tahun 1988 dan juga pada tahun 1989. Kekecohan di dalam UMNO telah mengakibatkan pengharaman parti tersebut oleh Mahkamah Tinggi serta pengwujudan parti-parti baru seperti UMNO Baru, Semangat 46 dan Angkatan Perpaduan Ummah (APU).

Kami telah juga berpendapat bahawa,

> *The existence of two factions within UMNO is another political development which will have serious implications for the ruling coalition. It is possible that conflicts in the party willintensify as both camps square up to each other once again.* [5]

Merenung kembali kenyataan tersebut, boleh dinyatakan bahawa kem-kem di dalam UMNO tidak dihadkan kepada dua kem sahaja. Sebaliknya, UMNO asli, yang dikenali sebagai parti perjuangan hak-hak Melayu, telah dimansuhkan, manakala keadaan di dalam UMNO Baru boleh dikatakan sebagai *free-for-all.*

Bagaimanakah kedudukan PAS? Sepertimana yang telah kami nyatakan,

> *Despite the fact that the electorate in Kelantanand Terengganu rejected PAS, this must not be taken as a sign that the party is finished altogether.*[6]

Tinjauan kami telah menunjukkan bahawa kawasan-kawasan di desa masih lagi dipecahbelahkan di sebabkan kefahaman politik. Tambahan pula, walaupun bilangan kerusi yang dimenangi oleh PAS adalah begitu kecil, parti itu telah berjaya memungut 15.2 peratus daripada semua undi

di dalam pilihanraya umum tersebut. Walaupun angka ini adalah kurang daripada peratusan undi yang telah diperolehi oleh UMNO (31.06%) dan DAP (20.39), ini adalah lebih daripada peratusan undi yang diperolehi oleh MCA dan parti-parti lain (Jadual 4).

Jadual 4 Undi Yang Diperolehi Oleh Parti-Parti yang Bertanding Dalam Pilihanraya Umum 1986

Parti	Undi Yang Diperolehi	%
Parti-Parti BN		
UMNO	1,474,063	31.06
MCA	589,289	12.42
MIC	104,701	2.21
Gerakan	149,644	3.15
Hamim	29,943	0.63
SNAP	34,221	0.72
SUPP	93,018	1.96
PBDS	24,822	0.52
PBB	48,367	1.02
PBS	73,786	1.55
USNO	27,409	0.58
Jumlah Kecil	2,649,263	55.82
Parti-Parti Pembangkang/Calon Bebas		
DAP	968,009	20.39
PAS	718,891	15.15
SDP	45,400	0.96
Nasma	10,228	0.22
PSRM	9,156	1.25
PLUS	967	0.02
Berjaya	20,360	0.43
MOMOGUM	584	0.01
Calon Bebas	146,903	3.09
Jumlah Kecil	1,970,498	41.52
Jumlah	4,619,761	97.34
Undi Rosak	126,235	2.66
Jumlah Besar	4,745,996	100.00

Kekalahan PAS bukanlah begitu teruk, kerana 19 kerusi parlimen dimenangi oleh calon BN dengan majoriti kecil (kurang daripada 1000 undi). Oleh itu, penyokong-penyokong PAS boleh mengharapkan bahawa

parti itu akan memberi tentangan kuat kepada UMNO Baru semasa pilihanraya umum akan datang, khususnya di Kelantan dan Terengganu.

Walaupun, jelaslah bahawa keputusan pilihanraya umum 1986 telah memberi pengajaran bahawa sikap, pandangan dan tingkahlaku pengundi tidak boleh dianggap sebagai mutlak, parti politik harus memelihara dan mengekalkan perhubungan baik dengan bakal pengundi jika ingin berjaya dalam pilihanraya.

NOTA

1. Laporan ringkas tinjauan ini telah diterbitkan dalam *New Straits Times* 31hb Jan. 1987 dan *Berita Minggu* 1hb Feb. 1987. Tinjauan ini telahpun dirujuk dalam penerbitan Malaysia's 1986 'General Election : The Urban Rural Dichotomy' oleh Sankaran Ramanathan dan Mohd Hamdan Adnan, (*Occasional Paper No. 83*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore, 1988).
2. John Kessel, *Presidential Campaign Politics*, Homewood, 111. The Dorsey Press, 1980.
3. Paul Lazarsfeld, Bernard Berelson and Hazel Gaudet. *The People's Choice*, 3rd Ed., New York, Columbia University Press, 1960.
4. Sankaran Ramanathan and Mohd Hamdan Adnan, 'Malaysia's 1986 General Election', *op. cit.*, ms. 68.
5. *Ibid.* ms. 78.
6. *Ibid.* ms. 66.

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU 13

RASA TIDAK SELAMAT DAN HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA : SUATU PEMBICARAAN AWALAN

MOHD. NOR BIN HJ. NAWAWI

PENGENALAN

Artikel ini bercadang hendak membicarakan dengan ringkas sahaja satu aspek dari beberapa persoalan besar berhubung dengan hubungan etnik di Malaysia iaitu rasa kurang selamat dalam bidang sosio-ekonomi (*socio-economic insecurity*) dan kaitannya dengan politik etnik di Malaysia. Penumpuan kepada aspek ini didorong oleh pengalaman-pengalaman negara-negara lain yang jelas sekali menunjukkan konflik menjadi tajam dan hubungan etnik menjadi *intense* kerana faktor rasa tidak selamat di kalangan kelompok-kelompok. Pengalaman negara-negara seperti Nigeria, Fiji, Uganda, Guyana dan beberapa kelompok di beberapa buah negara Barat adalah bukti jelas tentang hal ini.

Umumnya di negara-negara multi-etnik dan multi-ras, sama ada sebelum dan sesudah Merdeka, persoalan perbezaan sosio-ekonomi antara kelompok-kelompok adalah suatu yang*central*. Walaupun pembangunan yang membawa pertambahan skop dan *centrality* ekonomi pasaran berlaku dengan agak pesat selepas merdeka, tetapi ketidak-samarataan sama ada berdasarkan ras atau kelas tetap berlaku dan berterusan. Di setengah-setengah negara, kemuncak kepada pengagihan tidak sama rata dan adil ini ialah konflik terbuka di antara kelompok-kelompok. Di Nigeria sebagai contoh, kemuncak usaha menarik keluar (*secede*) Biafra dari negara itu; di Uganda, General Idi Amin telah menghalau keluar rakyatnya yang berketurunan Asia dan di Fiji suatu rampasan kuasa tentera telah berlaku untuk mempastikan kelanjutan terpeliharanya

kuasa golongan peribumi. Hatta negara-negara blok komunis seperti Russia, Yogoslavia dan Czechoslovakia yang cuba membenamkan kesedaran etnik di dalam masyarakat mereka telah mula menghadapi beberapa krisis besar akhir-akhir ini.

ETNISITI DAN RASA TIDAK SELAMAT DI MALAYSIA

Di Malaysia, sama seperti di setengah-setengah negara lain, etnisiti menjadi penting dan *prominent* kerana kelompok-kelompok etnik .. Melayu, Cina dan India .. bersaing dan berjuang untuk mencapai dan memperolehi sumber daya-daya sosio-ekonomi yang sedikit. Di kalangan orang Melayu kedudukan sosio-ekonomi mereka adalah dhaif sama ada sebeum merdeka atau selepas merdeka. Dalam dekad pertama selepas merdeka, fakta-fakta yang ada menunjukkan mereka begitu jauh sekali tercicir ke belakang dalam bidang sosio-ekonomi jika dibandingkan dengan kelompok-kelompok bukan Melayu khususnya orang Cina. (Sila lihat jadual yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik di bawah untuk mendapat gambaran tentang hal itu).

Selepas peristiwa 13 Mei, DEB telah diperkenalkan dan berbagai-bagai usaha telah dilakukan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi orang Melayu/bumiputera. Di samping pertolongan secara langsung kepada orang-orang Melayu/bumiputera seperti pinjaman, biasiswa dan sebagainya, kerajaan juga telah ikut serta membantu mereka melalui puluhan agensi yang ditubuhkan. Namun demikian hasil yang diperolehi masih jauh dari memuaskan walaupun beberapa kemajuan telah dicapai. Kedudukan mutakhir sosio-ekonomi orang Melayu/bumiputera boleh dilihat pada jadual-jadual berikut.

Jika dilihat pada Jadual 2, peratus bumiputera dalam bidang profesional dan teknikal ialah 56.4% (1985), 55.6% (1988) dan 55.6% (1990). Ia tidak menampakkan sebarang pertambahan dalam tempoh 5 tahun (1985-90). Sebenarnya angka 55% ini adalah suatu yang mengaburi kerana guru juga dalam kategori profesional dan teknikal ini. Kalaulah bidang perguruan diketepikan dan hanya bidang profesional yang sebenar sahaja diambil kira, jumlah atau peratus orang Melayu/bumiputera adalah rendah sekali (lihat Jadual 3). Dari Jadual 3, kita dapati jumlah orang Melayu/bumiputera dalam kelapan-lapan profesion terkenal - arkitek, akauntan, jurutera, doktor gigi, doktor, doktor haiwan, juru ukur dan peguam - hanyalah 6,318 (22.2%) dalam tahun 1988 berbanding dengan 17,407 (61.2%) di kalangan orang Cina. Pertambahan orang Melayu/bumiputera dalam profesion-profesion tersebut dalam tahun 1988 tidaklah begitu tinggi dan memberangsangkan.

Jadual 1 Employment by Occupation and Ethnic Group, 1967

Occupation	Total				Column			
	No.	All	M	C	I	M	C	I
1. Professional, technical and related occupations :	119.1	5.0	4.7	5.0	5.7	46.4	36.0	14.1
Architects, surveyors and engineers	4.1	0.2	0.0	0.2	0.2	12.7	47.6	10.9
Physicians, surgeons, dentists and medical specialists, professional medical workers and medical technicians	6.0	0.3	0.1	0.4	0.4	23.2	51.6	19.3
Teachers	74.9	3.2	3.4	2.9	3.0	53.4	33.0	12.1
2. Administrative, executive and managerial occupations (excluding those in agriculture and retail trade)	37.4	1.6	0.7	2.8	1.2	22.1	64.2	9.1
Administrative and executive officials (government and local government)	7.4	0.3	0.4	0.2	0.3	61.2	20.1	13.1
Directors, managers and proprietors, associates and minor officials, foreign consuls, diplomats, commissioners and related occupations	30.1	1.3	0.3	2.6	0.8	12.6	75.0	8.1
3. Clerical occupations	96.0	4.1	2.5	5.7	5.1	30.8	51.3	15.9
4. Sales related occupations	222.4	9.4	4.9	16.7	6.9	25.7	64.7	9.2
5. Agricultural occupations	1,176.4	49.7	65.0	30.1	47.0	65.0	22.0	11.9
6. Miners, quarrymen and related occupations	22.8	1.0	0.3	2.0	0.6	15.4	75.5	8.4

Source: Socio-economic Survey of Households Malaysia, 1987/68, Dept. of Statistics, Kuala Lumpur, p.100.

Begitu juga (lihat Jadual 2 sekali lagi) peratus orang Melayu/bumiputera dalam kategori 'pentadbiran dan pengurusan' (*administrative and managerial*) tidak berkembang iaitu 28.0% (1985), 28.4% (1988) dan 27.5% (1990) sedangkan peratus pentadbir dan pengurus Cina bertambah - 63.0% (1985), 66.0% (1988) dan 66.6% (1990).

Jadual 2 Malaysia: Employment By Occupation and Ethnic Group, 1985, 1988 and 1990 ('000)

Occupation[1]	M	%	C	%	I	%	O	%	Total	%
					1985					
Professional and technical	236.3	56.4	128.7	30.7	45.8	10.9	8.4	2.0	419.2	100
Administrative and managerial	34.9	28.0	81.5	63.0	6.3	5.0	2.1	1.7	125	100
Clerical	299.5	55.1	192.1	35.3	48.5	8.9	3.8	0.7	544	100
Sales	212.7	36.9	328.8	57.0	34.6	6.0	0.6	0.1	577	100
Service	379.2	58.7	195.2	30.2	64.8	10.0	7.2	1.1	646	100
Agricultural	1,341.7	76.5	265.4	15.2	137.0	7.8	9.0	0.5	1,753	100
Production	741.3	47.5	644.3	41.3	167.9	10.8	7.0	0.4	1,561	100
Total	3,245.6	57.7	1,836.0	32.6	504.9	9.0	38.1	0.7	5,615	100
					1988					
Professional and technical	247.2	55.6	136.9	30.8	51.1	11.5	9.3	2.1	445	100
Administrative and managerial	38.2	28.4	89.0	66.0	6.2	4.6	1.3	1.0	135	100
Clerical	320.4	55.1	206.8	35.6	51.1	8.8	3.0	0.5	581	100
Sales	244.8	36.5	385.3	57.5	39.6	5.9	0.7	0.1	670	100
Service	414.5	58.7	213.0	30.2	69.9	9.9	8.4	1.2	706	100
Agricultural	1,439.3	75.8	315.0	16.6	136.9	7.2	9.5	0.4	1,901	100
Production	757.8	45.9	705.9	42.8	178.3	10.8	8.1	0.5	1,650	100
Total	3,462.2	56.9	2,051.9	33.7	533.1	8.7	40.3	0.7	6,088	100
					1990					
Professional and technical	267.8	55.6	146.0	30.3	58.2	12.1	9.7	2.0	482	100
Administrative and managerial	41.2	27.5	99.7	66.6	7.5	5.0	1.3	0.9	150	100
Clerical	337.2	55.1	215.5	35.2	56.2	9.2	3.0	0.5	612	100
Sales	293.4	38.2	428.0	55.7	46.0	6.0	0.8	0.1	768	100
Service	449.3	59.0	224.1	29.4	79.1	10.4	9.1	1.2	762	100
Agricultural	1,481.3	75.6	321.5	16.4	146.7	7.5	9.9	0.5	1,959	100
Production	814.1	45.8	751.8	42.3	200.6	11.3	10.7	0.6	1,777	100
Total	3,684.3	56.6	2,186.6	33.6	594.3	9.1	44.5	0.7	6,510	100

Note: [1]Classification of the occupations is based on the Dictionary of Occupational Classification 1980, Ministry of Labour.

Sumber: Mid-Term Review of the Fifth Malaysia Plan, Government Printer, Kuala Lumpur.

Jadual 3 Malaysia: Membership of Registered Professionals by Ethnic Group, 1985 and 1988

Profession	1985 M	C	I	O	T	1988 M	C	I	O	T
Architects	118	576	10	1	705	192	676	14	6	888
Accountants	306	2,966	213	75	3,560	514	4,079	315	72	4,980
Engineers[1]	4,037	9,806	800	336	14,979	4,895	10,512	885	334	16,626
Dentists	241	471	304	25	1,041	307	569	361	36	1,273
Doctors	892	1,992	1,887	168	4,939	1,653	2,258	2,285	197	6,393
Vet.surgeous	147	126	203	37	513	206	145	219	40	610
Surveyors	250	410	41	17	718	300	497	45	22	864
Lawyers[2]	327	1,060	488	114	1,989	504	1,249	754	55	2,562
Total	6,318	17,407	3,946	773	28,444	8,571	19,985	4,878	762	34,196
	22.2	61.2	13.9	2.7	100.0	25.1	58.4	14.3	2.2	100.0

Sources: Professional associations and institutions, covering both the public and private sectors.

Notes: [1]Data as at 25th May, 1988

[2]Cover private sector in Peninsular Malaysia only.

Sumber: Mid-Term Review of the Fifth Malaysia Plan, Government Printer, Kuala Lumpur.

Dari jadual-jadual di atas yang menunjukkan pencapaian sosio-ekonomi orang melayu setakat ini, kita dapati alasan bagi mereka untuk merasa bimbang dan tidak selamat adalah kuat. Ketika sedang berhadapan dengan perpecahan yang nyata di kalangan pimpinan dan masyarakat Melayu, butir-butir dan fakta yang dikeluarkan oleh Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima bukanlah suatu yang kena pada waktunya (*untimely*). Ketika mereka sedang bergelut dengan masalah serius kepemimpinan yang tidak menampakkan jalan penyelesaian dalam masa singkat, mereka bukan sahaja dihadapkan pula dengan gambaran pencapaian sosio-ekonomi yang tidak memuaskan tetapi juga dihadapkan dengan desakan kuat dari golongan bukan Melayu supaya dasar ekonomi selepas DEB tidak lagi menekankan kepada pengagihan tetapi kepada pertumbuhan (*growth*) kerana ini lebih bersesuaian dengan 'keadilan'. Permintaan yang demikian itu membimbangkan orang Melayu kerana berdasarkan pengalaman kebanyakan negara, pembangunan ekonomi berdasarkan pertumbuhan semata-mata akan menyebabkan pengabaian sektor-sektor golongan-golongan yang lemah.

Kita tidak nampak DEB akan berjaya sepenuhnya dan mencapai hasrat mempertingkatkan kedudukan sosio-ekonomi orang Melayu. Hakikat ini

tidak boleh disangkal oleh sesiapa pun. Kegagalan mencapai cita-cita ini telah menimbulkan kebimbangan dan kerisauan di kalangan orang-orang Melayu bahawa DEB itu tidak akan diteruskan lagi atau kalaupun ianya diteruskan ianya mungkin tidak di dalam bentuk yang ada sekarang, yang walaupun terdapat banyak kelemahan-kelemahannya, telah sedikit sebanyak berjaya membantu mereka. Mereka merasa bimbang akibat tekanan yang kuat dari masyarakat bukan Melayu - seperti ucapan-ucapan keras pemimpin-pemimpin parti-parti politik Cina dan kumpulan-kumpulan pendesak - pemerintah akan mengambil sikap berlembut dan mengalah dan tidak lagi akan meneruskan dasar dalam bentuk yang ada itu. Kemungkinan pemerintah berlembut itu ada, kerana dua sebab: pertamanya, kelemahan UMNO akibat krisis kepimpinan parti yang berlanjutan boleh menyebabkan para pemimpinnya menjadi lemah dan tidak kuat dan terpaksa tunduk dan mengalah dalam beberapa hal kepada kemahuan dan desakan bukan Melayu yang menggunakan*political cards* mereka dengan bijak dan licin. Keduanya, golongan bukan Melayu menuntut keadilan diberikan kepada mereka atas asas keadilan sejagat dan bukan atas asas etnik. Pendekatan terakhir itu adalah selari dengan gerakan *human rights* yang akhir-akhir ini banyak memberi tumpuan pada*minority rights* dan ini boleh meletakkan pemerintah dalam keadaan serba-salah. Tambahan lagi pendekatan mutakhir berhubung dengan teori pembangunan mula memberi perhatian kepada dimensi*human rights* ini dan sedikit sebanyak teori/pendekatan seperti ini akan mempengaruhi dasar pembangunan pemerintah. Di samping itu, berdasarkan pengalaman yang sudah-sudah, pemerintah Malaysia cukup sensitif dan mudah mengalah kepada tekanan dari luar.

Dasar baru yang akan menggantikan DEB akan mempunyai kesan yang mendalam kepada hubungan etnik di negara ini. Untuk mengelakkan berlakunya kebimbangan dan kekecewaan (*fear and frustration*) di kalangan orang Melayu, dasar yang bakal digubal itu nanti tidak boleh mengambil pendekatan *laissez faire*, *liberal* dan *meritocracy* semata-mata tetapi perlu dari segi zahir dan isinya agak (*slightly*) pro-Melayu (khususnya terhadap golongan yang kurang berada) bukan sahaja kerana realiti politik memerlukan hal demikian tetapi pendekatan pembangunan yang munasabah (*reasonable*) ialah yang mengambil kira realiti sejarah dan sosio-ekonomi sesebuah negara. Sebenarnya untuk memberi perhatian yang lebih sedikit kepada orang Melayu dalam program pembangunan negara bukanlah suatu perkara yang berbau perkauman. John Rex, seorang sarjana hubungan ras terkenal, dalam bukunya*Race Relations in Sociological Theory* berpendapat bukanlah suatu perkara yang tidak menasabah untuk memberi perhatian dan bantuan yang lebih kepada kelompok yang lemah bagi tempoh 20 atau 50 tahun.

Desakan bertalu-talu dari golongan bukan Melayu supaya DEB disemak semula telah menyebabkan pemerintah menubuhkan Majlis Perunding Ekonomi Negara (MAPPEN). Bagi orang-orang Melayu penubuhan MAPPEN dengan anggotanya 50%-50% bumiputera dan bukan bumiputera merupakan suatu *concession* besar kepada orang-orang bukan Melayu. Keadaan menjadi membimbangkan lagi apabila sebahagian besar dari wakil-wakil Melayu di dalam MAPPEN tidak mempunyai latarbelakang pengetahuan ekonomi bagi membolehkan mereka berdebat dan berhujah sedangkan di kalangan wakil-wakil bukan Melayu mereka bukan sahaja mempunyai kepakaran dalam bidang ekonomi tetapi telah lama membuat *homework* mereka dan mula menyanggah fakta-fakta yang dikeluarkan oleh kerajaan. Natijah terakhir dari perbincangan MAPPEN masih belum diketahui kerana perbincangan sedang berjalan tetapi orang-orang Melayu sudah mula menaruh harapan bahawa kerajaan tidak akan menerima perakuannya atau akan merobah perakuannya kalau ianya didapati boleh merugikan orang-orang Melayu.

Desakan-desakan dan persoalan-persoalan yang diketengahkan dengan bertalu-talu oleh orang-orang bukan Melayu buat masa akhir-akhir ini telah mula meletakkan orang Melayu dalam keadaan *under siege* dan tertekan. Keadaan menjadi parah dan membimbangkan lagi apabila akhir-akhir ini beberapa pilihanraya kecil diadakan dan demi untuk mendapat undi bukan Melayu dan kemenangan, hampir semua permintaan dari kalangan bukan Melayu telah diberikan oleh pemerintah. Perkembangan politik mutakhir ini meletakkan orang Melayu dalam keadaan serba salah dan bimbang.

Orang-orang bukan Melayu sudah pasti merasa kurang senang dengan perlanjutan DEB atau pengenalan satu dasar baru yang lebih kurang sama dengan dasar yang sedia ada. Sebabnya jelas: mereka tidak dapat menerima kekuatan orang Melayu dalam bidang sosio-ekonomi kerana ini boleh menjejaskan satu-satunya kekuatan mereka yang sedia ada, sedangkan dalam bidang politik mereka merasa kekuatan mereka agak lemah. Sebenarnya jika diperhati dengan teliti, dalam menghadapi persaingan orang-orang Melayu, mereka mula mengambil pendekatan yang disebut oleh Weber sebagai *social closure* di mana peluang-peluang sosial dan ekonomi yang dinikmati mereka itu ditutup (*closed*) kepada kelompok-kelompok lain. S*ocial closure* ini tidak berlaku melalui undang-undang (seperti di Afrika Selatan) tetapi dalam bentuk kumpulan. Kaedah yang digunakan berbeza-beza di antara satu tempat/negara dengan tempat/negara yang lain. Di Malaysia, seperti yang sering dinyatakan oleh Perdana Menteri kita, orang-orang Melayu mendapati begitu sukar untuk memasuki

sektor swasta yang dikuasai oleh orang-orang bukan Melayu. Frank Parkin, ahli sosiologi aliran Weber (*Weberian sociologist*) berpendapat *social closure* di sekitar identiti ras/etnik mula menjadi lebih penting dari pembahagian kelas (*class divisions*) di dalam masyarakat Barat. Dengan perkataan lain perbincangan Parkin tentang *social closure* yang asalnya dikaitkan dengan pembahagian kelas di Barat telah mula digunakan dalam konteks etnik di negara ini.

Dalam rangka menjayakan *social closure* dan mempertahankan *status quo*, orang-orang bukan Melayu khususnya Cina telah mengambil bermacam-macam langkah, antaranya membabitkan diri di dalam gerakan *self-declared economic salvation*. Ini dilakukan melalui *Corporatization Movement (Daqiye Yundong)* yang berpandangan dengan mengujudkan *investment holding companies* orang-orang bukan Melayu akan memperolehi kejayaan besar di dalam sektor korporat moden. Kejayaan Multi-Purpose Holdings (ketika itu) banyak mempengaruhi gerakan ini.

Di samping itu semua pertubuhan Cina telah digerakkan untuk mencapai objektif-objektif di atas. Secara ringkasnya pertubuhan-pertubuhan Cina ini boleh dibahagikan kepada 5 jenis: (1) *clan associations* (berdasarkan tempatan, dialek clan dan *surname*), 2) *trade guilds* (usahawan-usahawan Cina), (3) dewan-dewan perniagaan, (4) pertubuhan-pertubuhan alumni, (5) pertubuhan-pertubuhan agama. Jumlah keseluruhannya dianggarkan 4,000 (*Malaysia Chinese Resource and Research Centre, Kuala Lumpur*). Sepanjang tahun 1975-84 sebahagian dari pertubuhan-pertubuhan ini telah menubuhkan bermacam-macam syarikat seperti Unico Holdings Bhd., Penang Commercial dan Industrial Development Berhad, Keat Hua Holdings (Kedah) Bhd., Chung Hua Holdings Bhd., Kepong Commercial Holdings (M) Bhd., (dibawah pengaturan Chamber of Commerce); Petroleum Dealers Holding Bhd., dan United Rice Wholesalers Enterprise Bhd., (2 dari 9 yang ditubuhkan di bawah pengawasan Trade Guild); United Chias Corp. Bhd. dan How Bee Holdings Sdn. Bhd., (di bawah pengawasan Family Association); United Teochew Malaysia Berhad (dari 13 yang di bawah pengawasan District Clan Association); Chung Ling Holdings Bhd., (dari 4 buah yang diawasi oleh Alumni Association) dan lain-lain (Yeoh Kok Keng, 1987).

Di samping itu apabila didapati orang-orang Melayu mula memberi tumpuan kepada bidang pendidikan setelah begitu lama tercicir ke belakang, orang-orang bukan Melayu telah berebut-rebut menghantar puluhan ribu anak-anak mereka ke institusi-institusi pengajian luar negeri. Dalam kenyataannya

ini, Encik Lim Kim Sai mengatakan terdapat 30,000 pelajar Cina di luar negeri. Sementara di dalam negeri pula institusi-institusi pendidikan swasta telah tumbuh seperti cendawan untuk menawar dan mengendali kursus-kursus dalaman (*internal courses*) dan luar (*external degrees and diplomas*). Di antara yang masyhur ialah Stamford College, Sunway College, Rima College, Kolej Damansara Utama (KDU) Goon Institution, Akademi Vanto, Kolej Taylor dan lain-lain. Di samping itu, Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) sekarang ini mempunyai 10,000 penuntut dan sedang dalam proses memperbanyakkan kampus cawangannya di beberapa tempat di seluruh negara.

Di dalam perbincangan berhubung dengan DEB dan kemajuan orang Melayu telah timbul suatu kecenderungan di kalangan orang bukan Melayu bahawa bukan sahaja *enough has been done for the Malay* tetapi *too much has been done* dan *the time for special treatment is past*. Hal ini boleh dilihat dalam majalah The *Rocket* vol.22 issue 9, 1989 yang memuatkan ucapan Encik Lim Kit Siang di parlimen bertajuk *Replace the NEP* dan majalah *Aliran Monthly* vol.9 no.5, 1989 yang turut membahaskan *An alternative to the NEP*. Dengan perkataan lain walaupun orang Melayu sangat lemah dalam bidang ekonomi, Malaysia seharusnya mengambil pendekatan *ethnic blind* dan kembali kepada *individualistic history* dan orang-orang Melayu hendaklah berlumba sendirian dan berdiri di atas kaki sendiri. Pandangan seperti ini bukanlah suatu yang mengejutkan. Di Amerika sebagai contoh, Nathan Glazer, seorang tokoh sains sosial yang kuat menentang program *affirmative action* yang bertujuan membantu orang kulit hitam dan minoriti yang lemah memberi hujah yang sama dan disokong oleh sarjana-sarjana seperti Ben Wattenberg dan Richard Scammon. Tetapi hujah mereka ini dijawab dengan menarik oleh Alphonso Pinkney *The Myth Of Black Progress* dan Reynolds Farley *Black and White is Narrowing the Gap*?.

Pendekatan *social closure* dan penolakan terhadap program berbentuk *affirmative action* yang diambil oleh orang bukan Melayu itu tidak akan meredakan suasana sebaliknya akan lebih mempertajamkan lagi hubungan etnik di negara ini; oleh yang demikian penyelesaian kepada masalah sosio-ekonomi Melayu perlu diselesaikan secepat yang mungkin dan diteruskan sehingga ianya dapat diselesaikan secara muktamad. Pemimpin-pemimpin Melayu perlu mempunyai *political will* yang kuat untuk menyelesaikan masalah mencukupi tanpa kekuatan politik. Apa lagi jika tidak dibendung, kekuatan politik Melayu mula terhakis akibat perpecahan dalaman yang parah serta sukar untuk diubati.

KESAN DARI PERASAAN TIDAK SELAMAT DAN ETNISITI

Apabila perasaan tidak selamat mula dirasakan secara *pervasive* oleh sesuatu kelompok, affiliasi kelompok etnik dan identiti menjadi mekanisme yang terpenting bagi mengatasi perasaan itu. Apabila dihadapkan dengan para pesaing (*competitors*) bukan dari kelompok sendiri, anggota-anggota kelompok merasa perlu untuk mencari *allies* untuk mempertahankan dan mencapai cita-cita dan matlamat mereka. Sekiranya mereka dapat melakukan hal ini, mereka akan merasa lebih yakin dan selamat. Jalan yang senang bagi mereka melakukannya ialah dengan bersama kelompok etnik mereka sendiri. Walaupun ada orang cuba memperkecilkan unsur ikatan etnisiti dan cuba menekankan bahawa kelas adalah lebih penting sebagai *organizing principle* kelompok manusia, dan ini tidak kita nafikan kerana kadangkala ianya menjadi penting dan boleh berlaku, tetapi sama ada kerana didorong oleh unsur-unsur *instrumental* atau *situational* dan pengongsian bersama nilai-nilai dan ciri-ciri, etnisiti menjadi lebih penting bagi anggota-anggota kelompok. Dalam model *neo-Durkheimian*, ia menjadi *conscience collective*. Perikatan melalui ugama, bahasa, keluarga dan kebudayaan serta *response* kepada faktor-faktor *instrumental* akan menyebabkan ahli-ahlinya mempunyai *mutual trust* dan *confidence* di samping akan berlakunya *useful communication*' dn *mutual aid*' sesama sendiri. (M.B. Brewer, 1968; P.C. Gutkind, 1961 & J.C. Mitchell, 1957). Dengan perkataan lain, etnisiti itu boleh menjadi *driving force* suatu *mythomoteur* bagi identifikasi kelompok.

Unit yang dipilih bagi *alignment* berbeda dari masa dan tempat berdasarkan bentuk (*nature*) unit-unit yang bertanding. Lazimnya setiap satu unit itu akan bertanding dengan unit yang setaraf. Pada peringkat kebangsaan, affiliasi kelompok etnik adalah paling relevan dan penting sebagai bentuk *alignment*. Tujuan *affiliation* dan *alignment* ini ialah untuk mengatasi rasa tidak selamat dan menambahkan keupayaan bertanding dan bersaing dalam bidang sosio-ekonomi dan lain-lain.

Kesungguhan dan dorongan untuk berafilliasi dan beridentifikasi etnik menjadi lebih nyata dan *crucial* ketika kekecewaan sosio-ekonomi yang memuncak/menonjol (*heightened sosio economic frustration*). Dalam konteks negara kita, hakikat ini adalah jelas apabila kemelesatan ekonomi melanda kita dan pertumbuhan ekonomi tidak begitu memberangsangkan, kelompok-kelompok etnik merasa tidak selamat dan anggota-anggotanya mula memberi perhatian lebih kepada kelompok sendiri untuk mendapat

sokongan. Akibat dari *intra-group cohesion* ini ialah pengasingan yang makin jauh bagi suatu kelompok itu dari kelompok yang lain.

Para anggota mula mengembangkan *common experiences* dalam kaitannya dengan kelompok lain dan dari situ mula mementingkan sejarah, tradisi dan kepentingan bersama (*common*). Dalam keadaan-keadaan seperti pertambahan konflik kepentingan *social distance* akan bertambah dalam hal ekonomi, pertimbangan keselamatan dan ideologi.

Tidak dapat dielakkan, akhirnya identifikasi dengan kelompok etnik akan membawa kepada identifikasi dengan parti politik sebagai perwakilan terbaik bagi kepentingan-kepentingan kelompok. Tambahan lagi politik adalah *highest stage* di dalam perjuangan bagi memperolehi sumberdaya-sumberdaya yang *scarce* dan bernilai dalam masyarakat. Kabbaka Yeka di Uganda, Action group, National Council of Nigerian Citizens di Nigeria, Balubakat Party di Zaire (sebelum 1965), Kenyan People's Union merupakan parti-parti penting di Afrika yang dikaitkan dengan kelompok etnik tertentu. Di negara kita UMNO, PAS, MCA, DAP dan MIC adalah di antara contoh-contoh yang boleh dikemukakan. Jadi usaha mencari jaminan keselamatan sosio-ekonomi di kalangan anggota-anggota kelompok akan menemui *expression*nya dalam arena politik. Perkelahian di antara etnik akan terbawa ke dalam arena politik. Hal seperti ini boleh terjadi hatta dalam *western-type-parliamentary democracies* di mana orang-orang politik akan terus timbul dan berterusan kerana keberuntungan politik yang diperolehi dari tarikan sentimen-sentimen etnik; dan kehadiran mereka itu memastikan perlanjutan etnisiti dalam politik (Parenti, 1967).

Apabila kesedaran etnik bertambah dari segi skop dan intensiti, suasana dan keadaan ekonomi dan politik akan mudah menjadi tegang. Dalam keadaan seperti itu lama kelamaan, faktor etnik dengan sendirinya mengambil bentuk*self-fulfilling* dan*self-sustaining dynamic*. Kebencian, ketaatan, identifikasi etnik diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi melalui proses sosialisasi. Media sosialisasi seperti famili, akhbar dan perbualan rasmi dan tak rasmi adalah dijangkiti oleh*malaise of ethnicity* yang terdapat di mana-mana. Dengan ini *internalized sentiments* akan ujud dan ianya diperkuatkan lagi oleh *saliency* persaingan sosio ekonomi yang menjadi punca utama dan asal kepada identiti etnik. Kalau diperhatikan dalam konteks Malaysia, hal ini memang wujud dan terjadi. Ketegangan mudah berlaku seperti mana yang dilihat pada saat-saat sebelum peristiwa operasi lalang pada tahun 1987. Kita perhatikan sebelum operasi itu berlaku bermacam-macam isu yang dibangkitkan.

Di antaranya termasuklah isu Bukit Cina di mana rancangan pembangunan kerajaan Melaka dilihat sebagai *death-blow* kepada kebudayaan dan warisan Cina; kritikan MCA terhadap Jabatan Pelajaran Melaka kerana mengguna beberapa kalimat pada *morning pledge* yang dikatakan amat sensitif bagi pelajar bukan Melayu; mengetnikkan (*ethnicising*) *Deposit Taking Cooperatives (DTC)*; mempersoalkan DEB sebaik sahaja selepas pilihanraya umum 1986 oleh MCA dan akhirnya menimbulkan soal perlantikan guru besar bukan berpendidikan dalam Bahasa Mandarin di Melaka dan Pulau Pinang. Di samping golongan tua, mereka yang terlibat di dalam mengapi-ngapikan ketegangan itu termasuk juga dari kalangan orang-orang muda atau *youth wings* parti-parti politik tanah air yang melalui proses sosialisasi negatif tadi.

PENUTUP

Penyelesaian kepada masalah hubungan etnik bukanlah suatu yang senang. Ini kerana banyak orang (khususnya orang politik) mahu terus menggunakannya kerana banyak kaedah politik yang boleh diperolehinya. Etnisiti atau kesedaran etnik menjadi *efficient resource* bagi mobilisasi sosial dan organisasi. Ianya boleh digunakan untuk tujuan dan kepentingan yang berlainan seperti menjaga *social boundaries* (Barth 1969: 9-33, 117-34), organisasi politik (Cohen 1974) persaingan ke atas sumber daya sosial dan ekonomi (Despres 1975) dan mempernyatakan konflik kelas (Hetcher 1975, Bonacich 1981).

Kita tidak menafikan tentang kesusahan untuk mengurangkan penekanan etnisiti di Malaysia kerana a) pembentukan negara (*nation's formation*) adalah baru b) struktur integratif (*integrative structures*) adalah lemah c) *alternative bases of cleavage* masih belum ujud. Namun demikian, penulis berpendapat demi kelangsungan (*survival*) negara dan kewujudan bentuk hubungan etnik yang baik persoalan kemiskinan dan ketidak-samarataan sosio-ekonomi (khususnya dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan pendapatan) yang merupakan pertimbangan besar dan pada pokoknya dihadapi oleh sebilangan besar orang Melayu mesti diselesai dengan segera. Apabila hal ini diselesaikan dan orang Melayu mula merasa yakin pada diri dan status sosialnya barulah mereka boleh bersedia bercakap tentang perpaduan dan hal-hal bersangkutan. Selagi hal ini tidak dapat diselesaikan, apa yang dikatakan oleh Horowitz (1967) suatu ketika dulu masih relevan. Katanya:

> *... the Negroes and the Malays share a feeling of the tenuous-ness of their position, which has magnified the*

tenacity with which they have advanced their claims. Both groups possess only political power and the Guyanese and Trinidadian Indians, in common with the non-Malays, have coupled a socio-economic with a political threat, leaving the distinct possibility that Negroes and Malays alike will be left with nothing.

BIBLIOGRAFI

A. Buku

Baker, Donald J., 1978, '*Race and Power: Comparative approaches to the analysis of Race Relations*' *Ethnic and Racial Studies*, 1.3: 316-35.

Bienen, Henry, 1982,*The State and Ethnicity: Integrative Formulas in Africa*". Daam Rothchild Victor Olorunsola (eds),*State Versus Ethnic Claims*, 100-26.

Farley Reynolds, 1984, *Black & Whites: Narrowing The Gap?* Cambridge, Harvard University Press.

Mid Term Review of the Fifth Malaysia Plan, Government Printer, Kuala Lumpur.

Pinkney, Alphonso, 1984, *The Myth of Black Progress*, Cambridge: Cambridge University Press.

Stone, John, 1985, *Racial Conflict in Contemporary Society*, Cambridge, Harvard University Press.

B. Majalah & Akhbar

Aliran Monthly, Vol.9, No.5, 1989.

Rocket, Vol.2, Issue 9, 1989.

Malaysian Business.

The New Straits Times.

Utusan Malaysia.

EKONOMI DAN POLITIK MELAYU 14

KONGRES KEBANGSAAN MELAYU : SUATU PENENTANGAN KEPADA KEHILANGAN KUASA POLITIK MELAYU DI DALAM KEMERDEKAAN 1957

RAMLAH ADAM

PENGENALAN

Pada pertengahan tahun 1957, ketika Perikatan sibuk dengan usaha menuntut kemerdekaan dari British, sebilangan orang Melayu telah mengadakan satu kongres yang dikenali sebagai Kongres Kebangsaan Melayu 1957 di Kuala Lumpur. Kongres ini sangat penting kerana ia adalah satu manifestasi rasa tidak puas hati sekumpulan orang Melayu terhadap kemerdekaan Tanah Melayu. Kongres ini juga sangat menarik kerana telah menggabungkan pemimpin politik Melayu veteran, yang telah bergiat di dalam nasionalisme dan politik orang-orang Melayu sejak awal kurun ke 20. Kegiatan mereka adalah satu kesinambungan kepada nasionalisme Melayu itu sendiri.

Sebaik-baik sahaja Perikatan mencapai kemenangan besar di dalam pilihanraya 1955, ia telah mula merundingkan kemerdekaan Tanah Melayu.[1] Ini merupakan desakan UMNO sejak tahun 1947[2] dan juga desakan PKMM dan rakan-rakannya[3] serta lain-lain parti yang tumbuh selepasnya. Tindakan ini bukanlah satu perkara yang baru; tetapi sebagai parti yang memenangi pilihanraya Persekutuan 1955, Perikatan bertanggungjawab untuk menuntut kemerdekaan. Bagi Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Kerajaan Perikatan, beliau menuntut British memberi kemerdekaan dengan segera kerana rumah kediaman Ketua Menteri selalu bocor ditimpa hujan.[4]

Melalui perundingan-perundingan dengan British, bermula dari 8 Ogos sehingga 23 Ogos 1955, Tunku Abdul Rahman dapat meyakinkan

British untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Rundingan lebih lanjut telah dibuat di London pada awal tahun 1956.[5] Satu jawatankuasa yang bersifat antarabangsa telah dibentuk untuk menderaf perlembagaan Tanah Melayu. Suruhanjaya ini dikenal sebagai Suruhanjaya Reid yang mengandungi lima orang anggota dari Britain, India, Pakistan, Australia dan Canada.[6] Perikatan merasa perlu untuk mendapatkan satu pandangan dari luar demi untuk mengelakkan kekecohan di dalam Perikatan. Parti Perikatan yang terdiri dari UMNO, MCA dan MIC tidak dapat mencapai kata sepakat di dalam soal-soal tertentu seperti kerakyatan, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa Melayu, dan agama Islam kerana bertentangan dengan kehendak masing-masing. Untuk mengelakkan kemerdekaan itu terbantut masalah itu diserahkan kepada Suruhjaya luar yang diharapkan akan lebih adil.[7]

Tindakan Perikatan ini menunjukkan dua perkara penting. Pertamanya, ia melihatkan betapa tidak mampunya Perikatan menyelesaikan masalah dasar negara sebelum mencapai kemerdekaan. Perikatan seolah-olah tidak mahu menerima kenyataan bahawa perkara itu adalah masalah dasar yang patut diselesaikan sebelum merdeka. Dengan mengenepikan masalah itu buat sementara, bererti Perikatan melanjutkan dan merumitkan masalah itu. Ia akhirnya menjadi 'duri dalam daging' bagi kemerdekaan Tanah Melayu itu sendiri, yang berkekalan sehingga hari ini.

Keduanya, ia menjatuhkan maruah Perikatan sebagai sebuah parti dan seterusnya menjatuhkan nilai kemerdekaan Tanah Melayu itu sendiri. Sebuah negara yang mahu merdeka sepatutnya mampu untuk menunjukkan kematangannya dan kekuatannya sebagai sebuah negara yang merdeka. Namun, Perikatan menyerahkan undang-undang tubuh negaranya ditentukan dan diputuskan oleh orang lain, walaupun ia boleh bersuara, dan oleh kerana kata putus terletak di tangan Suruhanjaya itu, maka ini menunjukkan ia tidak layak untuk merdeka, kerana ia masih bergantung kepada dunia luar untuk menentukan identitinya. Hal ini adalah *anti-climax* kepada kemerdekaannya.

Ini berbeza dengan tahun 1948. Di dalam tahun 1948, UMNO telah berupaya mendesak British menerima cadangan-cadangan perlembangaan UMNO mengenai Persekutuan Tanah Melayu. Walaupun tidak semua desakan itu berjaya, namun perkara dasar seperti kerakyataan yang lebih ketat,[8] status negeri Melayu,[9] kedudukan istimewa Melayu,[10] kedudukan Raja-raja Melayu,[11] Menteri Besar, kuasa Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Negeri[12] dan lain diterima oleh British. Perjanjian itu juga dibuat di Kuala Lumpur oleh UMNO, Raja-raja Melayu dan

British.[13] Ini bermakna ia diputuskan dengan suara yang tegas oleh orang Melayu dan Raja Melayu dan dibuat di Tanah Melayu, tanpa campurtangan dari orang luar. UMNO pada masa itu dapat menentukan corak dan rupa bentuk negaranya sendiri.

Parti Buruh mengatakan:

> *The Alliance's desire to pass the buck to an independent commission is understandable but our view is that Malayan problems must be solved by Malayans themselves.*[14]

Ini disokong oleh Parti Rakyat yang berpendapat::

> *The constitution of independent country should be framed by the people of the country through an elected constituent assembly and not by a commission imported from foreign country.*[15]

Suruhanjaya Reid yang menjalankan tugasnya pada bulan Jun sehingga bulan Oktober 1956, telah mengadakan 118 perundingan dengan badan-badan yang berkaitan dan menerima 113 cadangan dari parti-parti politik, persatuan perdagangan dan orang-orang perseorangan. Dengan berdasarkan itu Suruhanjaya Reid telah bermesyuarat di Rome, Italy. Pada bulan Februari 1957 cadangan Perlembagaan Reid disebarkan kepada orang ramai.[16]

Perikatan merupakan satu-satunya parti politik berpengaruh yang menghantar memorandumnya. Sebagai kerajaan, cadangan Perikatan mendapat perhatian penuh dari Suruhanjaya Reid. Suruhanjaya ini telah menerima kebanyakan cadangan Perikatan.[17] Ini menyebabkan parti-parti yang menentang Perikatan melihat cadangan Suruhanjaya Reid adalah cadangan Perikatan. Dengan itu segala kelemahan Suruhanjaya Reid seperti yang dilihat oleh parti-parti tersebut, adalah dianggap sebagai kelemahan cadangan Perikatan. Parti Perikatan dengan itu menjadi sasaran mereka.

Parti-parti politik yang menentang cadangan Suruhanjaya Reid itu datangnya dari semua lapisan. Orang-orang bukan Melayu secara umumnya, tidak dapat menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan tidak dapat menerima pemberian kedudukan istimewa kepada orang Melayu.[18] Parti Buruh mendesak semua rakyat Tanah Melayu diberikan hak dan layanan yang sama rata dengan orang Melayu. Parti Buruh juga menolak pengekalan sistem beraja di dalam Tanah Melayu merdeka.[19] Begitu juga dengan People's Progressive Party (PPP) pimpinan Dr. Seenivasagam. PPP mendesak

satu dasar yang sama rata di dalam soal kerakyatan, bahasa kebangsaan dan hak asasi manusia.[20]

Sekumpulan ahli-ahli MCA yang tidak bersetuju dengan pucuk pimpinan parti juga menolak perkara yang sama, sehingga timbul krisis di dalam kepimpinan MCA. Walaupun hal ini tidak menyebabkan perpecahan MCA tetapi ia adalah punca perpecahan MCA pada tahun 1959.[21] Golongan ini disokong oleh *Federation of Chinese Guilds* yang bersedia menghantar satu utusan ke London di bawah pimpinan Lau Pak-Khuan.[22] Tentangan orang Cina, terutama kaum pedagangnya adalah sangat jelas sekali.

Di kalangan orang Melayu tentangan kepada UMNO/Perikatan dan Suruhanjaya Reid juga tidak kurang hebatnya. Mereka ini terdiri dari dua golongan iaitu ahli-ahli UMNO dan parti-parti pembangkang UMNO. Kedua-dua golongan ini mempunyai perasaan tidak puashati di atas perkara yang sama iaitu tolak ansur UMNO di dalam soal kerakyatan Tanah Melayu merdeka. Kedua-duanya menentang penggunaan dasar *jus soli* sebagai kerakyatan asas Perikatan dan Suruhanjaya Reid.

Di kalangan ahli-ahli UMNO rasa tidak puas hati ini timbul kerana perbincangan majlis mesyuarat agong UMNO dibuat dengan menggunakan sistem mandat untuk mengelakkan tekanan ahli-ahli UMNO oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Ahli-ahli UMNO tidak berpeluang membincangkan cadangan Suruhanjaya Reid dengan terbuka.[23] Mereka dengan itu dipaksa menerima cadangan Suruhanjaya Reid tanpa pengetahuan yang betul. Suara resmi UMNO iaitu *Malaya Merdeka* dan *Merdeka* secara sengaja juga tidak menyiarkan sebarang keterangan mengenai cadangan Suruhanjaya Reid.[24] Ertinya, pengetahuan ahli-ahli UMNO terhadap cadangan Suruhanjaya Reid adalah sangat terhad. Bagaimanapun beberapa orang ahli UMNO telah dapat menyedari keadaan itu. Mereka telah bangkit mempersoalkan cadangan Suruhanjaya Reid itu secara terbuka. Mereka juga telah keluar dari UMNO sebagai tanda tidak puashati terhadap UMNO contohnya UMNO Negeri Sembilan.

Golongan kedua ialah parti-parti politik Melayu seperti PAS, Parti Negara dan Parti Rakyat. Parti-parti ini dengan pemimpin-pemimpin mereka yang terkenal seperti Dr. Burhanuddin, Dato Onn Jaafar dan Ahmad Boestamam, telah mengkritik cadangan Perikatan dan Suruhanjaya Reid, terutamanya UMNO, dengan hebatnya. Mereka menentang pemberian kerakyatan *jus soli* dengan beberapa perkara yang tidak menguntungkan orang-orang Melayu. Mereka menggunakan akhbar-akhbar mingguan untuk membangkitkan hal-hal tersebut. Di antara mereka ini, Dato Onn merupakan

pengkritik UMNO dan Suruhanjaya Reid yang sangat ketara. Melalui akhbar mingguan *Kritik*,[25] Dato Onn membincang, mengulas, menganalisa dan mencadangkan perkara-perkara yang dianggapnya tidak patut dilakukan oleh UMNO. Akibat dari ulasannya itu, *Kritik* mendapat perhatian dari orang ramai. Ini kerana ia memberikan satu pandangan yang berbeza dari *Utusan Melayu* yang pro-UMNO. Ahmad Boestamam pula mengeluarkan akhbar *Mingguan Pedoman*[26] yang membincangkan perkara-perkara yang sama, walaupun tidak sekerap Dato Onn. Dr. Burhanudin yang tidak mempunyai akhbar sendiri, dari semasa ke semasa membuat kenyataan akhbar yang menunjukkan rasa tidak puas hatinya kepada kelemahan cadangan Suruhanjaya Reid.

Kedua-dua kumpulan ini kemudiannya telah berpadu tenaga menentang soal kerakyatan cadangan Perikatan dan Suruhanjaya Reid. Pemimpin-pemimpin parti politik itu seperti Dato Onn Jaafar dari Parti Negara (PN), Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Othman Puteh dan Zulkifli Mohamad dari PAS dan Ahmad Boestamam dari Parti Rakyat telah bekerjasama bagi menjayakan penentangan itu. Mereka telah mengadakan sebuah kongres yang dikenal sebagai Kongres Kebangsaan Melayu 1957.

Gabungan tokoh-tokoh politik Melayu ini sangat menarik. Bagi pertama kalinya pemimpin Melayu yang bertentangan ideologi dan sentiasa ketelingkahan di dalam kegiatan-kegiatan politik Tanah Melayu sejak tahun 1946, kini bersatu sebagai kawan. Hilanglah segala tuduh menuduh dan pertengkaran politik yang cukup lumrah sepuluh tahun lalu. Kini, masing-masing berganding bahu dan berjabat tangan menentang UMNO, musuh bersama mereka.

Penentangan kepada UMNO dari Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam adalah perkara biasa. Itulah musuh mereka sejak tahun 1946 tetapi tidak bagi Dato Onn. Di dalam tahun 1946 UMNO adalah partinya, beliau adalah pemimpinnya.[28] Namun di dalam tahun 1957, UMNO telah menjadi musuhnya,[29] Parti Negara pula menjadi partinya.[30] Dengan itu Dato Onn menentang parti yang telah dimajukannya, yang bukan lagi menjadi pentas politiknya.

Penglibatan ahli-ahli UMNO di dalam Kongres ini adalah satu tamparan kepada UMNO. Ia memperlihatkan kepada umum bahawa bukan semua ahli-ahli UMNO dapat ditekan oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Walaupun sistem mandat digunakan dan pemimpin UMNO mendapat kebenaran secara terpaksa dari ahli-ahli UMNO, namun mereka masih lagi boleh

membantah. Tindakan mereka itu memperlihatkan adanya sesuatu yang tidak kena di dalam UMNO.

Kumpulan ini sudah tentu bekerja sama dengan pemimpin parti yang menentang UMNO. Kerjasama mereka ini tidak dapat dielakkan kerana mereka mempunyai musuh yang sama iaitu UMNO. Oleh itu di antara mereka saling memerlukan demi untuk mencari kekuatan yang padu menentang UMNO. Bekas ahli UMNO yang tidak dikenali sudah tentu cuba mendapatkan kehebatan nama dan ketokohan pemimpin politik Melayu yang memang sudah termasyhur itu. Pemimpin-pemimpin ini pula sudah tentu menggunakan ahli-ahli UMNO ini demi untuk menjatuhkan maruah UMNO. Sekaligus cuba melemahkan kekuatan UMNO itu sendiri, kerana Kongres 1957 itu disokong bersama oleh bekas ahli-ahli UMNO. Kongres Melayu 1957 itu diadakan pada 4 Mei 1957 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Bahru, Kuala Lumpur. Ia sengaja diadakan di tempat yang sama dengan Kongres 1946, untuk menekankan kepentingan kongres ini kepada kuasa politik orang Melayu. Ia mahu ditonjolkan sebagai satu lanjutan kepada Kongres 1946. Ini kerana mereka melihat perjuangan menentang penghapusan kuasa politik orang Melayu masih lagi belum berakhir. Di dalam tahun 1946, melalui Kongres Melayu 1946, orang-orang Melayu menentang Malayan Union yang bukan sahaja menghapuskan negeri-negeri Melayu dan Raja-raja Melayu, tetapi juga kerakyatan pribumi orang-orang Melayu. Kerakyatan Malayan Union dibuka kepada sesiapa sahaja yang lahir di Tanah Melayu dan Singapura tanpa sebarang ikatan awal dengan Tanah Melayu. Ini dapat diatasi oleh orang Melayu pada masa itu, namun dasar yang sama diterima oleh UMNO di dalam tahun 1956 melalui memorandumnya kepada Suruhanjaya Reid, yang menerimanya tanpa sebarang perubahan. Maka, bagi pendokong Kongres 1957, perjuangan mereka mesti diteruskan di tempat yang sama bukan sahaja kerana soal dasar yang sama, tetapi juga untuk mendapatkan semangat dan kekuatan yang sama. Ini penting untuk memperolehi satu kesinambungan sejarah perjuangan politik orang Melayu.

Kongres diadakan dengan dua tujuan yang penting. Pertama, ialah untuk mengadakan cadangan balas kepada Suruhanjaya Reid dan keduanya untuk mengkritik UMNO yang dikatakan telah menyeleweng dari dasar perjuangannya. Kedua-dua tujuan ini nampaknya dilaksanakan dengan serentak oleh pemimpin-pemimpin kongres 1957 itu. Mereka memberi cadangan balas yang sekaligus memperlihatkan kelemahan UMNO.

Tujuan kedua lebih menonjol di dalam Kongres tersebut. Pemimpin PN, dan PAS menuduh UMNO telah 'menjual bangsa Melayu'. Dr. Burhanuddin di dalam ucapannya telah mengatakan bahawa gabungan UMNO dan MCA sejak tahun 1952 telah menimbulkan keadaan yang buruk ke atas orang Melayu. UMNO telah kehilangan maruah dan matlamatnya sebagai pejuang kepentingan bangsa Melayu. Katanya:

> *Apakah akan jadi perjuangan kebangsaan Melayu dengan Perikatan itu? Adakah benar lagi ada kejujuran dalam pimpinan UMNO memperjuangkan cita-cita kebangsaan Melayu? Tidakkah nanti perjuangan UMNO dalam Perikatan itu yang diharap-harap oleh rakyat akan hancur UMNO memperjuangkan cita-cita bangsanya kelak jadi ibarat pepatah 'kera di hutan disusukan, anak di rumah dilaparkan' dan pertengkaran sesama Melayu ini ibarat pepatah, 'lesong berlaga sesama, ayam juga yang kenyang'.*[31]

Begitu juga dengan Ahmad Boestamam, presiden Parti Rakyat. Beliau melihat UMNO gagal menjadikan perlembangaan merdeka sesuatu yang berfaedah kepada orang Melayu terutama di dalam soal kedudukan istimewa Melayu. UMNO hanya berupaya mendapatkan tempoh masa 15 tahun sahaja.[32] Ini bagi Ahmad Boestamam sangat lemah, kerana negara yang mengamalkan sistem ekonomi kapitalis akan menjadikan orang Melayu tertinggal terus ke belakang. Perlindungan ini patut dikekalkan selagi sistem ekonomi seperti itu diamalkan di Tanah Melayu. Walaupun Parti Rakyat inginkan suatu masyarakat yang adil, tetapi perlindungan patut dibuat bagi *survival* orang Melayu.[33]

Panitia Kongres 1957, di dalam surat jemputannya kepada orang Melayu, secara terbuka telah meletakkan penyelewengan UMNO sebagai satu sebab dasar mengapa Kongres 1957 patut diadakan. Haji Yahya, pengerusi pinitis telah mengatakan, penyelewengan dasar UMNO sebagai pelindung kepentingan orang Melayu telah menjadi sebab utama kongres ini diadakan. Katanya:

> *Panitia Kongres Kebangsaan Melayu yang II ini adalah memandang berat kepada terpesongnya UMNO daripada landasan yang telah ditegahkan oleh Yang DiPertua Agung mereka itu, Hatta lebih lagi memandang berat kepada syor-syor yang telah dikemukakan oleh Majlis Tertinggi Perikatan UMNO-*

MCA-MIC dan kepada kebanyakan syur-syur yang telah diterima oleh Suruhanjaya Reid yang bertentangan dengan kepentingan-kepentingan orang Melayu.[34]

Mengikut beliau lagi, Tunku Abdul Rahman sewaktu mengambil-alih kepimpinan UMNO dari Dato Onn pada tahun 1951, telah menjanjikan beberapa perkara penting yang menjadi dasar petuanan orang-orang Melayu ke atas Tanah Melayu. Di antaranya Tunku mengatakan:

Berkenaan dengan adanya cadangan orang-orang kita iaitu patut kemerdekaan diserahkan kepada 'Malayan', maka siapakah Malayan itu? Negeri ini diterima dari-pada Melayu maka patutlah diserahkan balik kepada Melayu. Adapun yang dikatakan Malayan itu belum ada lagi ditentukan siapa mereka itu oleh itu biarlah Melayu sendiri menentukan siapa Malayan itu. Janganlah kita gemarkan kemerdekaan itu sehingga dengan kerana kemerdekaan itu kehormatan kita terjual. Ambillah tahu apa yang akan terjadi kelak atas bangsa kita. Oleh sebab itu saya katakan mahulah kita berpegang teguh akan semangat Melayu terlebih dahulu supaya dapatlah kita dengan semangat itu menuntut kemerdekaan.[35]

Mengikut panitia itu Tunku Abdul Rahman menyeleweng dari janji-janjinya kepada orang Melayu di dalam mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Cadangan Perikatan yang menjadi sebahagian besar cadangan Suruhanjaya Reid itu, mengikut panitia ini, betul-betul mengecewakan mereka. Mereka tidak puashati bahawa cita-cita dan kehendak-kehendak orang-orang Melayu tidak lagi menjadi pertimbangan UMNO, walhal UMNO adalah satu-satunya wakil orang Melayu yang terdapat di dalam Perikatan. Penafian kepada janji-janji tahun 1951, terutama di dalam usaha menuntut kemerdekaan sebagai satu bangsa Melayu, bagi panitia ini adalah satu penyelewengan Tunku Abdul Rahman dan UMNO yang sangat besar.[36]

Bagi Dato Onn Jaafar pula, penglibatannya di dalam Kongres ini bukan sahaja kerana sebab di atas, tetapi juga kerana beliau tidak dapat menerima UMNO sebagai wakil politik orang Melayu. Bagi beliau, UMNO hanya sebuah parti yang terdapat di dalam masyarakat Melayu; oleh itu satu kongres yang menggabungkan tenaga orang Melayu yang lain patut sekali diambil kira di dalam perundingan kemerdekaan itu.

Katanya:

> *Sememangnya dari awal pertamanya telah patut diadakan suatu persidangan yang seumpama Kongres Melayu itu terbuka kepada semua pihak supaya dapat diperbincangkan dan dihalusi serta didapatkan persetiaan daripada mereka itu berkenaan dengan masalah-masalah yang berhubung dengan kerajaan British dan Raja-raja Melayu dan berkenaan dengan bangsa-bangsa dan kaum-kaum yang ada di Persekutuan ini supaya tidaklah undang-undang perlembagaan itu diluluskan dan dipersetujukan mengikut satu parti ataupun Perikatan sahaja sebagaimana nampaknya akan berlaku.*[37]

Kongres yang bersidang selama tiga hari itu telah dihadiri oleh 500 orang. Kebanyakan mereka selain dari wakil-wakil Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat adalah orang Melayu yang ingin mendapat pandangan baru yang boleh dijadikan panduan dan perbandingan dengan kegiatan UMNO. Golongan pemerhati ini juga datangnya dari perisik-perisik UMNO yang mahu melihat sejauhmana Kongres 1957 itu berbeza dari cadangan-cadangan Perikatan.

Selama tiga hari itu, kongres telah berbincang dan membuat cadangan-cadangan yang menyeluruh ke atas semua aspek, struktur dan isi kandungan cadangan perlembangan Perikatan-Reid. Cadangan kongres ini berbeza di dalam beberapa perkara dengan cadangan Perikatan Suruhanjaya Reid, tetapi di dalam soal bentuk kerajaan, perlantikan Sultan bagi Persekutuan, pembentukan parlimen dan dewan-dewannya, hubungan dan bidang kuasa pusat dan negeri, kedudukan raja berperlembagaan, pembentukan Majlis Mesyuarat Negeri, perlantikan Menteri Besar, kehakiman dan belanjawan adalah hampir sama.[38]

Perbezaan yang ketara di antara cadangan Kongres 1957 dengan Suruhanjaya Reid dan Perikatan ialah kerakyatan dan kedudukan istimewa Melayu. Perbezaan ini timbul kerana dasar kongres berbeza dari dasar Perikatan dan British. Bagi Kongres 1957, kepentingan orang Melayu sebagai rakyat pribumi patut dipelihara dan dikekalkan dengan lebih tegas. Orang Melayu mahu dikekalkan sebagai rakyat asas Tanah Melayu merdeka. Sedangkan Perikatan dan British tidak menggunakan dasar itu; keduanya melihat kerakyatan yang sama rata bagi semua bangsa patut menjadi dasar pembentukan negara bangsa Tanah Melayu

merdeka. Perbezaan dasar ini melahirkan sikap dan tanggungjawab politik yang bercanggah di antara keduanya.

Di dalam soal kerakyatan, Kongres 1957 mempunyai cadangan yang lebih kemas dan ketat dari cadangan Perikatan dan Suruhanjaya Reid. Ini dapat dilihat di dalam soal pembentukan satu *common citizenship* bagi Tanah Melayu. Bagi Kongres 1957, semua jenis kerakyatan seperti Rakyat Raja[39] bagi negeri-negeri Melayu, Rakyat British[40] bagi negeri-negeri Selat dan Rakyat Commonwealth bagi rakyat bekas tanah jajahan takluk British, dihapuskan. Kongres 1957 hanya mencadangkan Rakyat Persekutuan. Ini sangat penting kerana ia menghilangkan perbezaan taraf dan boleh melahirkan taat setia yang tidak berbelah bagi di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Seorang Rakyat British yang secara terus menjadi Rakyat Commonwealth akan melihat Ratu England dan Wales sebagai rajanya. Ini berbeza dengan seorang Rakyat Raja iaitu orang Melayu yang taat setianya tertumpu kepada Raja Negeri kediamannya. Maka, dengan satu kerakyatan yang sama jenis, Kongres 1957 berpendapat tiap-tiap seorang rakyat itu hanya akan taat setianya kepada negara dan Raja Persekutuan Tanah Melayu.[41]

Kongres 1957 mencadangkan supaya nama kebangsaan Tanah Melayu dinamakan MELAYU. Ini bertujuan untuk memberi satu identiti kepada rakyat Tanah Melayu selepas merdeka.[42] Cadangan ini sebenarnya tidak lari dari cadangan Perlembangaan Rakyat 1947 di antara AMCJA dan PUTERA.[43] Ia dihidupkan semula oleh Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam, untuk menggantikan kerakyatan *jus soli* yang dilepaskan oleh mereka kepada AMCJA. Penekanan semula nama ini tidak menghairankan kerana struktur dasar PUTERA tahun 1947 dengan Perikatan 1957 tidak berbeza. Kedua-duanya menerima *jus soli* sebagai kerakyatan dasar Tanah Melayu Merdeka. Perikatan pula tidak meletakkan sebarang nama kebangsaan bagi rakyat Tanah Melayu; oleh itu Kongres yang dianggotai oleh bekas pemimpin PUTERA cuba melengkapkannya. Ini semata-mata untuk mengelakkan penghapusan identiti Melayu sebagai rakyat asal Tanah Melayu. Bagi Perikatan dan Suruhanjaya Reid nama kebangsaan itu tidak perlu kerana kerakyatan itu sama dengan kebangsaan.[44] Perikatan dan Suruhanjaya Reid sebenarnya cuba mengelak dari membangkitkan kesulitan di antara UMNO, MCA dan MIC. MCA dan MIC tidak akan menerima nama kebangsaan Melayu yang lebih melambangkan ketuanan orang-orang Melayu ke atas Tanah Melayu,[45] walaupun di segi nama ianya sesuai dengan nama negara Persekutuan Tanah Melayu.

Kongres 1957 menerima *jus soli* secara terhad, berbeza dengan Suruhanjaya Reid yang menerima*jus soli* sebagai satu dasar kerakyatan yang tegas. Suruhanjaya Reid mengatakan sesiapa sahaja yang lahir sebelum pada dan selepas merdeka, menjadi rakyat secara kuatkuasa undang-undang.[46] Sedangkan Kongres 1957 hanya menerima mereka yang telah lahir sebelum 1956 dan yang telah disahkan sebagai rakyat Persekutuan 1948 dan 1951 diterima menjadi rakyat secara kuatkuasa undang-undang. Bagi Rakyat Raja Melayu yang lahir selepas 1956 diterima secara otomatik menjadi rakyat Tanah Melayu Merdeka. Bagi orang-orang bukan Melayu yang lahir selepas merdeka, Kongres mencadangkan supaya diadakan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh perlembagaan yang patut diluluskan oleh Dewan Negara.[47]

Bagi Kerakyatan Secara Berdaftar iaitu Secara Permohonan, Kongres 1957 mencadangkan supaya mereka yang telah diterima oleh Perjanjian Persekutuan 1948 dan 1951 diminta mendaftar semula di dalam masa 12 bulan ia dikuatkuasakan. Mereka juga patut lulus ujian Bahasa Melayu yang mudah. Bagi mereka yang berumur 18 tahun mereka hanya boleh didaftarkan di atas permintaan ibu bapanya yang telah menjadi Rakyat Persekutuan.[48]

Di dalam hal ini, Suruhanjaya Reid sangat berbeza dari Kongres. Suruhanjaya mengatakan sesiapa yang telah tinggal di Tanah Melayu dari 5 sehingga 8 tahun, dan sanggup mengangkat sumpah taat setia kepada Tanah Melayu boleh didaftarkan. Bagi mereka yang berumur 45 tahun, kelayakan Bahasa Melayu tidaklah perlu. Cadangan Kongres 1957 nampaknya lebih ketat kerana ia menetapkan hanya mereka yang telah diterima oleh Perjanjian Perlembagaan 1948 dan tinggal tanpa putus-putus di Tanah Melayu selepas itu layak memohon.[49]

Cadangan Kongres ini, terutama di dalam soal kerakyatan memperlihatkan satu dasar dan idealogi politik yang sangat jelas memihak kepada kepentingan orang Melayu. Anggota Kongres 1957 ini tidak dapat melarikan diri dari memperkatakan dan memperjuangkan kedudukan orang Melayu di Tanah Melayu kerana bagi mereka kepentingan orang Melayu telah diabaikan oleh UMNO. UMNO mengikut mereka telah melupakan tanggungjawab asalnya sebagai pembela nasib bangsa Melayu yang telah dimulakan sejak pada tahun 1946.

Di dalam tahun 1946, orang-orang Melayu di dalam UMNO telah menolak penggunaan*jus soli* sebagai dasar kerakyataan Malayan Union. UMNO menolaknya kerana bimbang jumlah orang-orang Melayu menjadi

kecil dan ini akan mengurangkan kedudukan politik mereka. UMNO seperti yang diketahui berjaya mendesak British menghapuskan dasar itu.[50] UMNO juga berjaya menahan dasar itu digunakan di dalam kerakyatan Tanah Melayu pada tahun 1949 oleh Communities Liaison Committee (CLC).[51] CLC yang ditubuhkan oleh British telah memujuk pemimpin-pemimpin Melayu seperti Dato Onn untuk menerima dasar *jus soli* dan meminda Fasal 12 Perlembagaan Persekutuan 1948, UMNO hanya menerimanya dengan pindaan-pindaan yang ketat setelah Dato Onn meletakkan jawatan Yang di Pertua UMNO. UMNO memastikan hanya orang-orang bukan Melayu yang telah lahir dari ibu bapa yang telah lahir dan menjadi rakyat raja Melayu dan Persekutuan sahaja diterima menjadi rakyat secara kuatkuasa undang-undang. Nyata sekali UMNO tidak mahu melepaskan kerakyatan *jus soli* di dalam tahun 1951 dengan begitu mudah dan terbuka tanpa sebarang syarat. Oleh itu penerimaan UMNO terhadap dasar itu tanpa sebarang syarat di dalam tahun 1956,[52] setelah satu dekad mempertahankannya, sangat mengecewakan pemimpin Kongres 1957.

Di antara pemimpin itu, Dato Onn Jaafar adalah pemimpin yang paling terkilan dengan sikap UMNO. Ini kerana beliau yang merupakan Yang di Pertua UMNO pada tahun 1950, telah ditentang dengan begitu hebat sekali oleh ahli-ahli UMNO sewaktu membincangkan cadangan-cadangan CLC di dalam Mesyuarat Agong UMNO pada 10 Jun 1950. Beliau telah dituduh oleh Sardon Zubir,[53] Dato Ab. Razak,[54] Dr. Ismail[55] dan Hashim Ghani[56] serta pemimpin Saberkas dan Persatuan Melayu Sabak Bernam dan Malay Graduate Association Universiti Malaya, Singapura,[57] sebagai 'pengkhianat kepada bangsa Melayu'. Kewibawaan Dato Onn sebagai pemimpin Melayu telah tercabar kerananya. Penerimaan orang-orang Melayu terhadapnya selepas itu tidak pernah sama seperti tahun 1946.

Nasib Dato Onn ini tidak sama dengan nasib Tunku Abdul Rahman di dalam tahun 1956. Dasar *jus soli* diterima dengan mudah oleh ahli-ahli UMNO. Tunku diberi kepercayaan *carte blanche*, walaupun ada ahli-ahli UMNO tidak setuju. Tunku Abdul Rahman telah dapat menggunakan kemerdekaan sebagai isu dan dasar keutamaan UMNO pada tahun 1957. Maka soal kerakyatan menjadi perkara kedua, dan tidak penting.

Dato Onn dengan itu mempunyai sebab yang jelas untuk mengkritik UMNO. Beliau merasa tidak puashati dengan sikap pemimpin-pemimpin UMNO yang menentangnya di dalam tahun 1951, tetapi mereka kini membuat perkara yang lebih buruk darinya. Bagi Dato Onn sekurang-kurangnya beliau telah berterus terang dengan ahli-ahli UMNO, dengan

membincangkan cadangan CLC secara terbuka dan sanggup menerima kritikan mereka secara terbuka. Tetapi sikap pemimpin UMNO terutama yang menentangnya dahulu sangat tidak adil. Mereka telah menggunakan sistem mandat dan tidak membincangkannya secara terbuka untuk mengelakkan tentangan ahli-ahli UMNO. Sikap ini dilihat oleh Dato Onn 'sebagai menyimbah debu di mata orang Melayu'. Pemimpin-pemimpin UMNO dikatakannya menipu orang-orang Melayu.[58]

Kongres 1957 dan cadangannya mendapat tentangan yang hebat dari UMNO. UMNO secara terbuka meminta orang-orang Melayu tidak terpengaruh dengan cadangan kongres, kerana ini akan membantutkan usaha menuntut kemerdekaan.[59] UMNO bimbang cadangan-cadangan Kongres itu akan mempengaruhi orang ramai supaya tidak menyokong UMNO dan melahirkan ketegangan di kalangan orang-orang Melayu. Penentangan orang Melayu tahun 1946 ditakuti akan berulang lagi. Malah ahli-ahli UMNO telah dihalang dari menyertai Kongres ini, jika tidak, mereka akan dipecat.[60]

Dato Onn sebagai salah seorang pemimpin penting Kongres, telah membela Kongres itu dengan alasan-alasannya. Dato Onn melihat Kongres itu bukan sebagai satu petanda bahawa orang Melayu akan mengangkat senjata bagi mendapatkan hak mereka seperti yang didakwa oleh UMNO. Bagi Dato Onn, ini tidak akan dilakukan kerana orang-orang yang menanggung kerugian nyawa dan harta benda ialah orang-orang kampung dan orang-orang miskin. Penganjur-penganjur Kongres ini mengikut Dato tidak semudah itu melupakan hal ini. Beliau sendiri telah melihat bagaimana pembunuhan dan pembakaran rumah-rumah dan harta benda di antara Melayu dan Cina di Batu Pahat. Hal ini tentu sekali menjauhkan Dato Onn untuk bertindak dengan kekerasan; dengan itu kongres bukanlah satu gerakan pelampau orang-orang Melayu.[61]

Dato Onn juga menolak tuduhan seorang ahli UMNO di Utusan Melayu yang mengatakan cadangan Kongres mengenai kerakyatan lebih longgar dari cadangan Perikatan dan Suruhanjaya Reid. Ia menuduh Kongres itu telah memudahkan bangsa asing mendapat kerakyatan dengan tidak payah mengaku taat setia kepada Tanah Melayu. Kongres juga dikatakan tidak menetapkan berapa lama seseorang itu tinggal di Tanah Melayu sebelum mendapat kerakyatan, sedangkan di dalam Penyata Reid telah ditetapkan seseorang itu mestilah tinggal selama 8 tahun dari 12 tahun. Mengikut ahli UMNO yang tidak bernama itu, Suruhanjaya Reid menetapkan sesiapa yang telah lahir di Tanah Melayu sebelum tarikh kemerdekaan Tanah Melayu tetapi telah tinggal lima tahun dari tujuh

tahun dan mengaku tinggal tetap di negeri ini dan mengangkat sumpah taat setia kepada negeri ini, boleh menjadi rakyat Tanah Melayu.[62]

Dato Onn telah menafikan tuduhan penulis yang mengatakan cadangan Kongres lebih longgar dari Suruhanjaya Reid. Untuk membuktikan hal itu Dato Onn telah membandingkan keputusan Kongres dengan cadangan Suruhanjaya Reid. Perbandingan ini bagi Dato Onn ialah untuk menunjukkan bahawa cadangan-cadangan Kongres adalah membina dan berguna bagi orang-orang Melayu dan kemerdekaan Tanah Melayu. Antaranya:

1. Kongres menentukan hanya Rakyat Raja dan Rakyat British yang dilahirkan di PTM dan Rakyat Persekutuan secara otoma-tik boleh menjadi rakyat Tanah Melayu Merdeka. Suruhanjaya itu mengesyorkan bahawa setiap orang yang telah menjadi Rakyat Persekutuan secara terus atau berdaftar boleh menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

2. Kongres menentukan bahawa mereka yang telah menjadi Rakyat Persekutuan Secara Berdaftar tidak boleh menjadi rakyat Tanah Melayu Merdeka secara otomatik, melainkan mestilah memohon untuk didaftarkan semula di dalam masa 12 bulan dari tarikh dikuatkuasakan undang-undang itu dan di samping itu mestilah lulus ujian bercakap Bahasa Melayu.

   Suruhanjaya Reid pula mencadangkan mereka diterima terus menjadi rakyat PTM. Suruhanjaya ini juga mencadangkan sesiapa sahaja yang berhak menjadi rakyat secara berdaftar tetapi masih belum berdaftar, berhak meminta dirinya didaftar dengan tidak ada apa-apa syarat.

3. Kongres menetapkan bahawa sesiapa sahaja yang lahir di Tanah Melayu selepas merdeka boleh menjadi rakyat Tanah Melayu dengan syarat ibubapanya dan ia sendiri lahir di Tanah Melayu. Suruhanjaya Reid pula mencadangkan bahawa sesiapa sahaja yang lahir di Tanah Melayu selepas hari kemerdekaan Tanah Melayu menjadi rakyat Tanah Melayu secara otomatik.

4. Kongres memutuskan bahawa sesiapa yang dilahirkan di Tanah Melayu sebelum hari kemerdekaan atau yang telah mendiami Tanah Melayu tetapi tidak lahir di sini dan tidak termasuk di dalam golongan di atas boleh menjadi rakyat Tanah Melayu dengan mengikut syarat-syarat undang-undang kerakyatan yang diluluskan oleh Dewan Negara. Suruhanjaya Reid pula mencadangkan supaya golongan ini boleh menjadi Rakyat Persekutuan dengan cara berdaftar sekiranya mereka berumur 18 tahun, berkelakuan baik dan telah mendiami

Tanah Melayu selama lima tahun tanpa putus-putus dan boleh mendaftar dalam masa 12 bulan. Mereka tidak dikehendaki lulus ujian Bahasa Melayu.

5. Bagi orang-orang yang telah mendiami Tanah Melayu tetapi belum menjadi rakyat Tanah Melayu, Kongres menetapkan mereka boleh jadi rakyat Tanah Melayu melalui cara *naturalization*. Suruhanjaya Reid pula mencadangkan mereka boleh menjadi rakyat Tanah Melayu dengan memenuhi syarat-syarat seperti orang-orang yang dilahirkan di Tanah Melayu.[63]

Dari perbandingan ini Dato Onn mahu orang yang memperkecilkan Kongres menilai sejauhmana Kongres telah berperanan dan sejauhmana juga cadangan Kongres itu lebih longgar dari cadangan-cadangan Suruhanjaya Reid dan cadangan Perikatan sendiri. Bagi Dato Onn cadangan-cadangan Kongres itu menunjukkan bahawa ia bukanlah setakat mengkritik sahaja, tetapi juga memberi cadangan yang membina.

Tuduhan Hj. Hassan Hj. Yunus, orang kuat UMNO Johor bahawa kongres kedua itu sebagai pengacau tuntutan kemerdekaan[64] dianggap oleh Dato Onn sebagai tuduhan yang tidak benar. Ini kerana Dato Onn melihat keputusan-keputusan Kongres itu memperkuatkan lagi tuntutan kemerdekaan yang lebih sempurna dari apa yang dikehendaki oleh Perikatan.[65] Malah Dato Onn melihat tanpa kritikan-kritikan dari parti pembangkang, Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Tanah Melayu tidak akan berada di England untuk menuntut beberapa perkara yang memalukan kemerdekaan Tanah Melayu seperti kerakyatan komanwel,[66] kedudukan Melaka dan Pulau Pinang[67] dan sistem pertahanan Tanah Melayu.[68] Bagi Dato Onn pendirian Kongres adalah sangat jelas iaitu:

> *Kongres itu menuntut supaya kemerdekaan itu dimasyhurkan dengan tidak boleh tidak selewat-lewatnya pada 31hb Ogos tahun ini sebagaimana yang dikehendaki oleh Perikatan itu, akan tetapi kemerdekaan yang dikehendaki oleh Kongres itu ialah kemerdekaan yang penuh dan bukannya kemerdekaan setengah atau tiga suku masak.*[69]

Kongres telah membela kedudukan istimewa Melayu yang agak longgar di dalam cadangan Perikatan dan Suruhanjaya Reid. Mengikut keterangan kerajaan Perikatan kedudukan keistimewaan Melayu ini akan diletakkan di atas tanggungan Yang DiPertuan Agong dan akan meliputi hal-hal

jawatan perkhidmatan awam, lesen-lesen perniagaan, tanah simpanan Melayu dan biasiswa.[70]

Bagi pandangan Kongres, perlindungan ini boleh berjalan selagi tidak ada perubahan yang berlaku di dalam Majlis Mesyuarat Undangan dan Negeri. Perlindungan ini akan terancam jika kedua-dua Majlis ini tidak dikuasai oleh majoriti Melayu. Untuk menjadikannya lebih kuat, Kongres telah mencadangkan supaya kedudukan istimewa Melayu itu diletakkan di dalam bahagian hak asasi Fasal 8 (3) di dalam Suruhanjaya Reid. Di dalam peruntukan ini dinyatakan bahawa seseorang rakyat itu tidak boleh dihalang bekerja atau memegang jawatan ataupun ditegah mempunyai atau menjual hartanya atau ditegah menjalankan sebarang perniagaan. Dengan peruntukan ini maka bolehlah dimasukkan bahawa *"tidaklah boleh sesiapa pun menahan kerajaan daripada membuat peruntukan khas kerana keturunan baka Melayu"*. Maka dengan ini bagi Dato Onn, Kongres tidak meletakkan tanggungjawab menjaga kedudukan istimewa Melayu itu semata-mata kepada Yang DiPertuan Agong sahaja, tetapi juga kepada yang lebih kuat iaitu kerajaan negeri dan di dalam lingkungan hak asasi manusia. Dato Onn percaya cara ini lebih bermakna di dalam menjaga hak kedudukan politik orang Melayu itu.[71]

Nyata sekali Dato Onn telah membela Kongres 1957 dengan sepenuhnya kerana beliau percaya bahawa keputusan Kongres adalah mencerminkan kehendak orang-orang Melayu yang tidak mahu kemerdekaan yang dicapai pada 31hb. Ogos 1957 itu tidak sempurna dan setakat 80 peratus sahaja. Beliau mendapati inilah tindakan terakhir orang-orang Melayu memperjuangkan kedudukan dan hak mereka sebelum cadangan Suruhanjaya Reid diterima sepenuhnya oleh Majlis Mesyuarat Negeri dan Persekutuan Tanah Melayu pada pertengahan bulan ogos 1957.[72]

Akibat dari penglibatan dan pembelaan Dato Onn yang bersungguh-sungguh di dalam Kongres itu, Dato Onn dan PN telah menjadi sasaran UMNO. Dato Onn dilihat sebagai penggerak dan orang kuat Kongres 1957, walaupun pemimpin lain seperti Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam terlibat sama. Ini semata-mata kerana UMNO bimbang pengaruh Dato Onn di dalam masyarakat Melayu akan berulang seperti tahun 1946.[73] Bidasan-bidasan Dato Onn terhadap UMNO lebih lantang dari pemimpin di atas. Dato Onn telah menggunakan akhbar *Kritik* yang diterbitkan khas untuk mengkritik dan menganalisa kemerdekaan yang sedang diusahakan oleh UMNO dan Perikatan; ketajaman matapena Dato Onn mengancam usaha-usaha UMNO dan Perikatan.

Berbagai-bagai tuduhan telah dilemparkan oleh UMNO kepada Dato Onn. Antaranya, Dato Onn telah dituduh memancing undi pilihan raya akan datang. Ini disuarakan oleh Dato Sulaiman Ab. Rahman, abang kepada Dr. Ismail. Mengikut Dato Sulaiman, Dato Onn sengaja mengadakan Kongres ini bagi mendapatkan pengaruh dan mengumpul pengikutnya, supaya Parti Negara dapat memenangi kerusi di dalam pilihanraya 1959.[74] Bagi Dato Onn, tuduhan ini tidak munasabah kerana pilihanraya masih terlalu jauh. Adalah lebih baik Dato Sulaiman menegur Kongres dari membuat andaian mustahil itu.[75]

Parti Negara dan Dato Onn juga dituduh telah memonopoli Kongres itu. Pemerhati-pemerhati Singapura telah menuduh:

> *Kongres itu telah diborong dan dikuasai oleh wakil-wakil PN dari awal hingga akhirnya. Tambahan pula wakil dari lain-lain badan terutamanya dari parti-parti kecil kebanyakannya juga anggota PN oleh itu mudahlah PN mendapat sokongan di atas segala usul yang dikemukakan-nya.*[76]

Dato Onn juga menafikan PN telah lama bersedia bagi Kongres tersebut. Dato Onn mengatakan PN memang mahu mengadakan persidangan kebangsaannya pada bulan April, iaitu sebelum ada ura-ura untuk mengadakan Kongres ini. Oleh kerana Kongres itu mahu diadakan, maka PN kemudian menangguhkan persidangannya sehingga 3hb. Mei 1957. Cadangan-cadangan bagi persidangannya telah pun diadakan dan ia memang menjadi keputusan PN. Dengan cadangan-cadangan yang telah ada, wakil-wakil PN telah ada garis panduan untuk berhujah di dalam Kongres itu dengan licinnya, sehingga mereka dikatakan menguasai perbincangan Kongres itu. Kata Dato Onn:

> *Percampuran PN di dalam Kongres itu bukannya dengan tujuan hendak menunjuk kebijaksanaannya atau kerana muslihat dirinya melainkan ialah semata-mata kerana hendak merundingkan bagaimana ikhtiar dan cara dapat diselamatkan umat Melayu daripada tenggelam di tanahairnya sendiri. Dengan tujuan itulah PN telah menyediakan kertas-kertas kerjanya yang mengandungi syarat-syarat yang difikirkan dapat menghasilkan kehendak-kehendak umat Melayu itu. Sekiranya wakil-wakil di Kongres itu menerima cadangan PN itu sebaik-baiknya tetapi PN tidak sekali-kali memaksakan*

kehendak-kehendaknya dengan berkeras sebagai-mana yang disindirkan dengan tuduhan bahawa PN telah menguasai Kongres itu.[77]

Tuduhan pemerhati Singapura yang tidak bernama itu mungkin kerana PN membantah cadangan Persatuan Melayu Semenanjung yang mahu mencatitkan ke dalam perlembagaan supaya Singapura dicantumkan dengan Persekutuan Tanah Melayu. PN membantah kerana memikirkan syarat itu tidak patut dimasukkan melainkan setelah mendapat persetujuan dari pihak kerajaan dan kedua-dua Majlis mesyuarat undangan kedua-dua buah negeri. PN juga merasakan syarat ini tidak perlu kerana Suruhanjaya Reid ada mencadangkan satu akta bahawa Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu boleh menerima lain-lain jajahan ke dalam Malaysia. Di sinilah mengikut Dato Onn adanya peluang untuk Singapura dicantumkan dengan Persekutuan pada masa akan datang. Bantahan PN ini telah dianggap oleh seorang penulis *Utusan Melayu* sebagai tanda PN mengampu British kerana memang dasar British tidak mahu menyerahkan Singapura kepada Persekutuan Tanah Melayu.[78] Dato Onn menganggap ini tidak patut kerana bukan PN sahaja yang menolak percantuman Singapura pada masa itu, tetapi juga Perikatan melalui Tunku Abdul Rahman telah menolak cadangan itu.[79]

Kawan karib Dato Onn, Dato Syed Ab. Kadir, pengerusi Kongres juga telah dituduh menyebelahi wakil-wakil PN kerana beliau adalah seorang ahli PN. Ini tidaklah betul kepada Dato Onn kerana di sepanjang perbincangan *"pengerusi tidak sekali-kali mengarahkan timbangannya dan panduannya kepada wakil-wakil PN"*. Di dalam masa persidangan itu hanya sekali sahaja pengerusi terpaksa meng-gunakan undinya iaitu apabila wakil Parti Rakyat berkehendakkan berbagai-bagai bahasa digunakan sebagai bahasa kebangsaan selepas sepuluh tahun Tanah Melayu merdeka. Pengerusi membangkang cadangan itu kerana secara peribadi ia memang tidak bersetuju dengan dasar itu. PN dan PAS juga menentang cadangan itu. Dengan tindakan pengerusi itu, walaupun ia seorang ahli PN, tidak bermakna ia menyebelahi PN; ia menggunakan undinya itu kerana ia yakin cadangan itu boleh merosakkan usaha-usaha mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan Tanah Melayu merdeka.[80]

UMNO, malah pergi lebih jauh dari itu. Melalui *Utusan Melayu*, akhbar yang pro-UMNO,[81] Dato Onn dikatakan telah diminta oleh PN Johor Bahru supaya meletakkan jawatan sebagai Yang di Pertua PN. Ini kerana penglibatan Dato Onn di dalam Kongres telah merosakkan nama PN.

Dato Onn juga dikatakan tidak tertahan dengan cacian dari UMNO dan perletakan jawatan itu memang telah diduga.[82]

Dato Onn menafikan berita itu. Beliau menganggap berita itu sebagai satu fitnah dan taktik kotor dari UMNO dan pihak-pihak lain yang tidak berkenan dengan teguran-tegurannya. Katanya:

> *Saya ini nampaknya sememang menjadi seperti daging yang manis yang hendak digigit dan di-mamah oleh pihak yang tidak sesuai dengan PN itu tetapi hal ini tidaklah menjadi kuping kudis kepada saya sendiri oleh kerana saya mengetahui banyak daripada perkara-perkara yang saya tuntut atau tegurkan itu sememang-lah menjadi duri kepada pihak yang kena tegur dan dari itu saya percaya jika saya berehat dan tidak lagi mengambil berat dari hal siasah negeri ini maka keberhentian saya itu akan menjadi satu keuntungan yang sangat besar kepada mereka itu.*[83]

Dalam erti kata yang lain, Dato Onn tahu berita itu sengaja diadakan bagi melemahkan sokongan orang-orang Melayu kepadanya dan PN khasnya. Sikap Dato Onn yang terus cergas di dalam politik itu tidak disukai oleh UMNO. UMNO seboleh-bolehnya mahu Dato Onn bersara dan tidak menimbulkan sebarang masalah kepada tindak-tanduk UMNO. Namun, taktik UMNO itu tidak berkesan kerana Dato Onn bukan sahaja berdegil, tetapi tetap disokong oleh pengikut-pengikutnya. Penafian ketua cawangan PN Johor Baharu, Abdul Kadir bin Mohamad mengenai pemberhentian Dato Onn, menunjukkan pengaruh Dato Onn di dalam PN tidak terjejas.

Dato Onn juga menolak alasan *Utusan Melayu* yang mengatakan beliau terlalu dipandang hina sehingga beliau terpaksa di-berhentikan. Bagi Dato Onn alasan itu tidak munasabah, kerana penghinaan yang diterimanya bukan pada masa itu sahaja. telah dikritik dengan berbagai-bagai tuduhan sejak dari penglibatannya di dalam politik di dalam tahun 1930-an lagi. Bagi Dato Onn, segala cacian dan fitnah itu lambat laun terbukti kepalsuannya dan kebenaran ideanya akan timbul juga. Misalnya pada tahun 1951, beliau telah mencadangkan UMNO dijadikan satu parti kebangsaan Tanah Melayu dengan memberi keahlian biasa kepada orang-orang bukan Melayu. Cadangan beliau telah ditolak dan beliau terpaksa meletakkan jawatan Yang di Pertua UMNO. Namun, cadangan dengan struktur yang sama telah dibangkitkan oleh ketua penerangan

UMNO, Mohamad Khir Johari.[84] Mengikutnya tidak beberapa tahun lagi akan diadakan sebuah parti nasional menggabungkan UMNO, MCA dan MIC kerana penduduk Tanah Melayu ini telah pun bersatu. Mohamad Khir Johari selanjutnya mengatakan pertubuhan itu akan dinamakan United Malayan National Organization dengan ahli-ahlinya mempunyai taraf yang sama dan tiap-tiap ahli terikat kepada dasar dan tujuan parti nasional itu, dan Perikatan bukanlah lagi pertubuhan perkauman.[85] Bayangan idea yang sama juga telah dikemukakan oleh Tan Cheng Lock tidak lama dulu. Cadangan ini adalah untuk menghapuskan sifat-sifat perkauman di dalam Perikatan.[86] Kedua-dua harapan pemimpin Perikatan itu tidak lari dari idea Dato Onn yang lalu.

Tuduhan-tuduhan UMNO kepada Dato Onn itu timbul dari penglibatannya yang terlalu cergas di dalam Kongres. Dato Onn yang dilantik sebagai Bendahari Kongres, bukan sahaja berucap tetapi telah mencadangkan banyak perkara yang diterima oleh Kongres. Boleh dikatakan kebanyakan keputusan Kongres itu sendiri adalah cadangan-cadangan Dato Onn yang dikemukakannya di dalam ruang "Merdeka dan Kemerdekaannya" di dalam akhbar mingguan *Kritik*. Akhbar ini menjadi lidah rasmi Parti Negara, pimpinan Dato Onn Jaafar. Dato Onn telah membuat cadangan-cadangannya lebih awal dari Perikatan dan Suruhanjaya Reid. Beliau juga telah menganalisis cadangan Perikatan dan Suruhanjaya Reid, selama beberapa bulan sebelum Kongres 1957 diadakan. Dengan itu idea-idea Dato Onn sudah cukup matang dan dengan mudah diterima oleh Kongres 1957 sebagai cadangannya.

Pengalaman-pengalaman Dato Onn di dalam bidang pentadbiran terutamanya, tidak dapat diatasi oleh pemimpin-pemimpin Melayu yang lain. Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam misalnya sangat berpengalaman di dalam kegiatan-kegiatan politik, namun mereka tidak pernah memegang sebarang jawatan pentadbiran yang tertentu sehingga membolehkan mereka arif di dalamnya. Walaupun mereka bekerja di dalam pentadbiran Jepun, tetapi tidak lama dan tidak sesuai pula dengan pentadbiran British. Oleh itu Dato Onn dapat memberi cadangan yang sesuai dengan rangka serta dasar kemerdekaan corak British itu.

UMNO dan Perikatan seperti yang diduga telah menolak cadangan Kongres itu. Mereka melihat cadangan itu terlalu bersifat perkauman, terutama di dalam soal kerakyatan, kedudukan istimewa Melayu bahasa kebangsaan dan agama Islam.[87] Cadangan Kongres bagi perlantikan Yang DiPertuan Agong seumur hidup,[88] dilihat oleh UMNO dan Raja-raja Melayu sebagai tidak munasabah. Bagi mengadakan sebuah

perjanjian kecil bagi Pulau Pinang dan Melaka yang memberikan semula kemerdekaan negeri itu, seperti cadangan Kongres, tidak dirasakan perlu oleh Perikatan.

Ini adalah penolakan secara permukaan sahaja, pada dasarnya UMNO dan Perikatan tidak akan mengiktiraf cadangan Kongres itu kerana bertentangan dengan prinsip dan maruah Perikatan. Perikatan tidak mungkin menerima cadangan dari sebuah badan yang tidak mewakili kaum lain, kerana dasar Perikatan ialah kerjasama politik antara kaum. Perikatan juga tidak akan menerima cadangan badan-badan lain, kerana ia parti yang telah diberi mandat oleh pilihanraya 1955 untuk menjadi perunding kemerdekaan Tanah Melayu. Di segi maruah pula, penerimaan cadangan Kongres 1957 akan merendahkan mertabat Perikatan sebagai pemegang kuasa pentadbiran Tanah Melayu. Ia juga akan memalukan pemimpin UMNO kerana tunduk kepada idea pemimpin politik yang menentangnya. Ini akan menunjukkan mereka tidak cekap seperti pemimpin-pemimpin pembangkang itu, terutama Dato Onn Jaafar.[89]

Sebagai percubaan terakhir Kongres, Haji Ahmad Husein, ahli parlimen kawasan Krian bagi PAS,[90] telah membangkitkan perkara-perkara yang sama di dalam Majlis Perundangan Persekutuan sewaktu membincang cadangan Suruhanjaya Reid itu, pada 10 Julai 1957. Haji Ahmad Hussein yang merupakan satu-satu ahli pembangkang di dalam Majlis tersebut, telah membangkitkan beberapa perkara dasar. Antaranya, beliau melihat cadangan itu adalah cadangan yang berat sebelah kerana hanya melibatkan tiga pihak sahaja. Ia bukanlah cadangan yang dibuat secara terbuka oleh semua golongan penduduk Tanah Melayu. Keduanya, cadangan itu berbau penjajahan kerana ia menggambarkan dengan terang kehendak British seperti soal kerakyatan. Ketiganya, nama kebangsaan Tanah Melayu tidak disebut langsung. Ini menunjukkan Tanah Melayu yang merdeka tidak mempunyai satu identiti bangsa. Soal kedudukan orang Melayu pula dilihatnya sangat sempit dan terhad. Beliau juga mendesak Pulau Pinang dikembalikan kepada Kedah kerana Pulau Pinang adalah jajahan Kedah.[90]

Pendapat-pendapat Haji Ahmad Husein ini tidak begitu jauh dari kehendak Kongres. Sebagai anggota PAS, yang menjadi pendokong Kongres, sudah pasti Haji Ahmad diminta mengkritik perlembagaan itu, walaupun mereka sedar ia tidak akan memberi kesan. Namun sebagai satu rekod sejarah ia dapat memperlihatkan penentangan terakhir orang Melayu terhadap perlembagaan merdeka.

Maka, pada kesimpulannya bolehlah dikatakan Kongres 1957 gagal di dalam usahanya untuk meminda cadangan perlembagaan Perikatan dan Suruhanjaya Reid. Kegagalannya ini bukan kerana cadangan-cadangan itu tidak bernas, tetapi kerana ia bukan perwakilan politik yang diiktiraf oleh British, Raja-raja Melayu dan orang ramai. Ini bermakna ia berada di luar dari kelompok politik yang bertanggungjawab kepada kemerdekaan Tanah Melayu. Bagaimanapun, sebagai rakyat Tanah Melayu, anggota-anggota Kongres 1957 itu merasakan mereka patut mempunyai suara di dalam menentukan corak dan arah kemerdekaan Tanah Melayu. Oleh itu walaupun ia tidak diterima oleh Perikatan, namun cadangannya itu bolehlah dikatakan mewakili orang Melayu di luar UMNO yang tidak dapat menerima penyerahan kuasa politik sama rata dengan bukan Melayu. Kongres 1957 itu juga memperlihatkan kepentingan pemimpin politik Melayu veteran di dalam mendukung terus ideologi politik mereka yang dipegang sejak tahun 1946. Penolakan kepada Kongres 1957 itu dengan sendirinya memperlihatkan penafian sebahagian besar orang Melayu terhadap sumbangan politik mereka selama ini. Mereka menjadi orang-orang yang terbuang di saat-saat penting pencapaian politik Tanah Melayu. Mereka dilihat sebagai pengacau oleh UMNO dan Perikatan dan sebagai pelampau oleh British dan orang bukan Melayu. Namun dari segi urutan sejarah, ternyata mereka orang yang berperanan penting di dalam menghidupkan kepentingan politik orang Melayu sebagai peribumi Tanah Melayu sehingga ke saat-saat akhir.

NOTA

1 Perikatan yang terdiri dari parti UMNO (*United Malays National Organization*) MCA (*Malayan Chinese Association*) dan MIC (*Malayan Indian Congres)* telah memenangi 51 kerusi dari 52 kerusi yang diperuntukan oleh British. Satu lagi kerusi dimenangi oleh PAS (Persatuan Islam SeMalaya) di Krian, Perak. Parti lain yang bertanding di dalam pilihanraya Persekutuan yang pertama ini ialah Parti Negara, Persatuan Kebangsaan Perak, Parti Buruh, *Perak Progressive Party* dan *Malayan Party*. Untuk keterangan lanjut mengenai pilihanraya1955 ini lihat: T.E. Smith, *Report on the First Election of Malays to the Legislative Council of the Federation of Malaya*, Kuala Lumpur, Government Printer, 1955; G.P. Means, *Malaysian Politics*, London, Hodder and Stoughton, 1976 (*second edition*), hlm. 153-167, R.K. Vasil, *Politics in Plural Society*, OUP, Kuala Lumpur 1974.

2 UMNO/SG 2/47.

3 PKMM telah melaungkan soal kemerdekaan ini sejak dari awal penubuhannya di dalam tahun 1945. Kemerdekaan yang dituntutnya

termasuk di dalam konsep Melayu Raya atau Indonesia Raya. Ini bermakna PKMM menuntut kemerdekaan bersama-sama Indonesia, seperti yang dicubanya di akhir zaman pentadbiran Jepun. Namun ianya gagal kerana pemimpin-pemimpin Indonesia telah mengistiharkan kemerdekaannya lebih awal sehari dari yang dirancangkan. Untuk keterangan lanjut mengenai kegiatan-kegiatan PKMM dan ide kemerdekaannya lihat R.J. Stockwell, 'British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942-1948', *MBRAS* No.8, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 129-145.

4 Tunku Abdul Rahman Putra, *Looking Back*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 56.

5 Untuk keterangan lanjut lihat *UMNO 10 Tahun*, Ibu Pejabat UMNO, Kuala Lumpur, 1956, hlm. 132-136.

6 G.P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 170.

7 *Ibid.*, hlm. 173-174.

8 Di dalam *Malayan Union*, kerakyatannya terbuka kepada sesiapa sahaja yang lahir di Tanah Melayu, Singapura dan Tanah Jajahan Takluk British yang lain. Ia juga mengadakan tempoh masa menetap yang pendek iaitu 5 tahun sahaja bagi sesiapa yang berminat. Seseorang yang berumur 18 tahun dan mempunyai kelakuan yang baik dan sanggup taat setia kepada Raja England layak menjadi rakyat Malayan Union.

Tetapi di dalam Perjanjian Persekutuan 1958, kerakyatan Secara Kuatkuasa Undang-Undang hanya terbuka kepada Rakyat Raja dan Rakyat British. Kerakyatan Secara Permintaan pula terbuka kepada orang-orang luar yang telah tinggal 8/12 tahun atau 10/15 tahun dengan kelakuan yang baik serta penguasaan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Dengan syarat ini hanya 10 peratus sahaja orang luar yang layak menjadi Rakyat Persekutuan 1948. Untuk keterangan lanjut sila lihat K.J. Ratnam, *Faham Perkauman Dan Proses Politik Di Malaysia*, UMP, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 84-88.

9 Di dalam *Malayan Union*, negeri-negeri Melayu dihapuskan dan menjadi daerah-daerah yang kecil dalam bentuk kerajaan kesatuan *Malayan Union*. Semua daerah ini diletakkan di bawah seorang Gabnor *Malayan Union* yang bertanggungjawab terus kepada Raja England. Tetapi dibawah Persekutuan 1984, negeri-negeri itu diiktiraf sebagai sebuah negeri yang mempunyai kuasa otonomi di bidang-bidang tertentu dan mempunyai sempadan-sempadan seperti pra 1941 dengan raja-raja yang berbeza. (Mukaddimah, *The Federation of Malaya Agreement 1948*, hlm. 1-2).

10 Dalam *Malayan Union*, Raja-raja Melayu yang telah menyerahkan semua kuasa pentadbiran kepada Raja England, hilang kedudukannya sebagai raja. Mereka hanya menjadi anggota *Advisory Council* mengenai Agama Islam yang dipengerusikan oleh Gabnor *Malayan Union*. Tetapi di dalam Persekutuan 1948, Raja-raja Melayu diiktiraf semula sebagai ketua negeri-negeri Melayu melalui kedudukannya *Ruler-in-Council* dan sebagai ketua

agama dan adat istiadat negeri. (lihat *Federation of Malaya Agreement 1948*, Fasal X, Government Gazette, Kuala Lumpur, 1949).

11 Sebelum *Malayan Union* diperkenalkan British mempunyai dasar melindungi kepentingan orang Melayu di dalam soal-soal perkhidmatan awam kerajaan, tanah simpanan Melayu, biasiswa negeri, pas, pasukan keselematan dan polis. Di dalam *Malayan Union* yang diperkenalkan oleh Parti Buruh, dasar sama rata menjadi amalannya. Ini ditentang oleh orang Melayu, maka di dalam Perjanjian Persekutuan 1948, dasar melindungi orang Melayu dikekalkan dan diletakkan dibawah bidang kuasa Pesuruhanjaya Tinggi. Lihat *The Federation of Malaya Agreement 1948*, Fasal III (c), hlm. 19.

12 Sebelum *Malayan Union*, di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, kuasa pentadbiran dan perundangan terletak kepada Residen British yang menjadi pengerusi Majlis Negeri (*State Council*). Bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, kuasa pentadbiran terletak di tangan Perdana Menteri/Menteri Besar dan Majlis Kerajaan Negeri. Penasihat British hanyalah menasihat sahaja. Di dalam *Malayan Union*, jawatan Menteri Besar dihapuskan, sebaliknya kuasa Residen British diperkenalkan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. *Federal Council* dan *State Council* kekal sebagai badan perundangan yang dikuasai dan ditadbir oleh British sepenuhnya.

Keadaan ini dapat diperbaiki di dalam Perjanjian Persekutuan 1948. Jawatan Menteri Besar dihidupkan dan diselaraskan di semua negeri Melayu. Kuasa eksekutif diberikan kepadanya, dan ia menjadi pengerusi Majlis Mesyuarat Negeri yang membuat rang undang di peringkat negeri dan menghantar wakil negeri iaitu Menteri Besar kepada Federal Council. Dengan itu Negeri-negeri Melayu dan rakyat tempatan mempunyai banyak suara di dalam pentadbiran harian dan perundangan Negeri-negeri Melayu dan Tanah Melayu. Lihat *Federation of Malaya Agreement 1948*, Fasal IX, hlm. 58-61.

13 C0537/1531, 1548, 1529, 1530, 2141, 5665.

14 *Straits Times*, 2/1/56.

15 *The Malay Mail*, 16/7/56.

16 G.P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 172-173.

17 Lihat Memorandum Perikatan kepada Suruhanjaya Perlembagaan Reid, UMNO/SG 1956.

18 Ini adalah pendirian *Peoples Progressive Party*, Parti Buruh, Parti Rakyat dan *Malayan People's Socialist Front*. Lihat R.K. Vasil, *Politics in a Plural Society: A Study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia*, OUP, Kuala Lumpur 1971, Bab III, hlm. 116, Bab V, hlm. 184, Bab VI, hlm. 229.

19 *Ibid.*, hlm. 184.

20 *Ibid.*, hlm. 229.

21 G.P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 21.

22 Margaret Clark, *The Malayan Alliance and its Accomodation of Communal Pressures, 1952-1962*, M.A. Thesis; Department of History, University of Malaya, 1964, hlm. 106.

23 Kesemua perwakilan UMNO Negeri Sembilan di bawah Haji Hanafiah telah keluar dari UMNO. John Funston, *Malay Politics in Malaysia, A Study of UMNO & PAS*, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., Singapore, 1980, hlm. 49.

24 Akhbar tersebut membincangkan soal *jus soli* dan kesannya hanya selepas cadangan Suruhanjaya Reid diterima oleh Raja Melayu, British dan Perikatan. Sebelum itu *Malaya Merdeka* memuatkan kecaman Tunku Abdul Rahman yang mengatakan penentang *jus soli* itu adalah agen-agen kapitalis yang menentang kemerdekaan, *Merdeka*, 19/4/56, 26/4/56.

25 Akhbar *Kritik* diterbitkan oleh Warga Publishing Company kepunyaan seorang saudagar Melayu Kuala Lumpur yang bernama Haji Ahmad, penyokong Parti Negara dan kawan Dato Onn. Akhbar ini beribu pejabat di Batu Road Kuala Lumpur dan Dato Onn Jaafar merupakan pengarang tunggalnya. Akhbar ini diterbitkan semata-mata untuk membantu Dato Onn yang telah berhenti dari perkhidmatan kerajaan (Ahli Dalam Negeri) dan gagal memenangi pilihanraya 1955. Dengan adanya akhbar ini, Dato Onn bukan sahaja dapat mengisi masanya, tetapi yang paling penting dapat meneruskan kegiatan politiknya dan seterusnya menghidupkan Parti Negara. Akhbar ini diterbitkan setahun sahaja (1956-1957).

26. Akhbar *Mingguan Pedoman* ini diterbitkan di Batu Road, berhampiran dengan Ibu Pejabat *Kritik*. Ia seperti juga *Kritik* bertulisan Jawi dan berukuran sederhana. Ahmad Boestamam menjadi pengarangnya dan kerap membantu Dato Onn menulis *Kritik* apabila Dato Onn balik ke Johor Baharu. Untuk keterangan lanjut lihat Ahmad Boestamam, *Dato Onn Yang Saya Kenal*, penerbitan Adabi Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986.

27 Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam adalah pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang menentang UMNO pada tahun 1946 kerana perbezaan idealogi yang ketara. PKMM yang mengamalkan dasar merdeka dengan segera di dalam Melayu Raya bersama Indonesia adalah sebuah parti politik yang radikal dan *anti establishment*, anti-feudalisme dan anti-British.

Sedangkan UMNO adalah parti sebaliknya, PKMM kemudian menggabungkan diri dengan pertubuhan-pertubuhan politik lain seperti Hizbul Muslimin BATAS & GERAM untuk membentuk PUTERA pada tahun 1947. PUTERA kemudian bekerjasama dengan AMCJA untuk menentang UMNO dan Deraf Perjanjian Persekutuan 1948. Dengan pengistiharan Darurat 1948, PKMM dan PUTERA terharam dengan sendirinya. Ahmad Boestamam telah ditangkap lebih awal (1947) dan

dipenjara sehingga tahun 1955. Untuk keterangan lanjut lihat Ahmad Boestamam, *Menitis Jalan Kepuncak*, Kejora, Kuala Lumpur 1976, dan Ahmad Boestamam, *Tujuh Tahun Malam Memanjang*, Amir Enterprise, Kuala Lumpur, 1976; Firdaus Abdullah, *Malay Radicals, Its Origins and Development*, Pelandok Publication, Petaling Jaya, 1987.

28 Peranan Dato Onn sebagai pengasas dan pemimpin UMNO dan keupayaannya memimpin orang Melayu memang menjadi perbincangan utama kajian akademik. Banyak buku-buku yang menyentuh hal ini. Antara yang penting R.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-48*, hlm. 87-107, Ramlah Adam, *UMNO 1946-1951 Organisasi dan Kegiatan Politik*, Kota Bahru, 1978, hlm. 1-24. G.P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 99-102.

29 Dato Onn telah keluar UMNO pada bulan 28 Ogos 1957 kerana gagal membuka UMNO kepada orang bukan Melayu. Dato Onn berhasrat untuk menjadikan UMNO sebagai parti antara kaum dan parti kebangsaan Tanah Melayu, bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Orang Melayu menolaknya kerana mahu mengekalkan UMNO sebagai sebuah parti politik Melayu. Untuk keterangan lanjut lihat ucapan terakhir Dato Onn Jaafar dalam *UMNO 10 Tahun*, hlm. 75-78.

30 Parti Negara ditubuhkan pada bulan Februari 1954 di Kuala Lumpur. Ia adalah parti ketiga Dato Onn selepas UMNO dan IMP. PN telah ditubuhkan sebagai parti antara kaum bagi menggantikan *Independence of Malaya Party* yang gagal mencapai matlamatnya yang sama. Ini kerana Dato Onn tidak mahu bertolak ansur di dalam soal kerakyataan *jus soli* yang didesak oleh ahli-ahli bukan Melayu IMP. Dato Onn juga gagal mendapatkan kerjasama penuh dari Tan Cheng Lock, pengerusi MCA Malaya dan H.S. Lee, pengerusi MCA Selangor di dalam pilihanraya bandaran Kuala Lumpur pada bulan Februari 1952. Untuk keterangan lanjut mengenai PN dan IMP lihat R.K. Vasil, *Politics in Plural Society*, hlm. 40-92.

31 *Kritik*, 20/3/56.

32 *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission*, Kuala Lumpur, Government Press, 1957, hlm. 72. Lihat juga Memorandum Perikatan kepada Suruhanjaya Perlembagaan Reid, hlm. 11.

33 *Kritik*, 18 Sha'ban 1376.

34 *Kritik*, 24/4/57.

35 *UMNO 10 Tahun*, hlm. 144.

36 *Kritik*, 24/4/57.

37 *Kritik*, 2/5/57.

38 Kongres 1957 dalam membuat cadangan mengenai perkara-perkara tersebut, mengatakan cadangan Kongres bagi hal ini sama seperti Suruhanjaya Reid. Misalnya di dalam soal hak asasi, Kongres mengatakan: 'Hendaklah

disyaratkan di dalam undang-undang itu bagaimana tersebut di dalam fasal 3(1) dalam Rang Undang-undang Reid. *Kritik*, 8 Shawal 1376.

39 Rakyat Raja terdiri dari orang-orang Melayu dan orang-orang Asli dalam sesebuah negeri Melayu. Mereka ini mendapat kerakyatan secara kuatkuasa undang-undang dalam Perjanjian Persekutuan 1948. Lihat *The Federation of Malaya Agreement 1948*, Fasal IIX (3), hlm. 74.

40 Rakyat British adalah orang-orang yang lahir di negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Mereka adalah rakyat terus kepada Raja England yang tertakluk kepada *British Nationality Act 1948*.

41 *Kritik*, 8/5/57.

42 *Kritik*, 8 Shawal 1956.

43 Di dalam Perlembagaan Rakyat 1947, terdapat 10 dasar. Salah satu dasar ialah kebangsaan Melayu yang didesak oleh PUTERA kepada AMCJA sebagai persetujuan PUTERA menerima dasar *jus soli* AMCJA. Lihat AMCJA-PUTERA, *The People's Constitutional Proposals for Malaya*, Kuala Lumpur 1947.

44 'Federation of Malaya, Parliamentary Debates', *Dewan Rakyat*, Vol. III Part III, 'The Nationality of Persekutuan Tanah Melayu', 2nd. December 1960, hlm. 1947.

45 Ini jelas dari ucapan ahli-ahli MCA di dalam membincangkan cadangan Dato Onn di dalam tahun 1960 mengenai kebangsaan Tanah Melayu yang dinamakan MELAYU. Ahli MCA, Dr. Lim Swee Aun (Larut Selatan) menolak *jus soli* digunakan semata-mata untuk orang Melayu sahaja, ini kerana sejak tahun 1946 British telah menjadikan *jus soli* sebagai dasar kerakyatan Tanah Melayu. Tanah Melayu dengan itu bukan lagi hanya dipunyai oleh orang Melayu. Cadangan Dato Onn itu didapatinya bertentangan dengan semangat perpaduan di dalam kemerdekaan Tanah Melayu. Lihat *Parlimentary Debates, Dewan Rakyat Official Report*, Voll. II, No. 50, Nationality of the Persekutuan Tanah Melayu, 11 Februari 1961, hlm. 5432-5438.

46 K.J. Ratnam, *Paham Perkauman Dan Proses Politik Di Malaya*, hlm. 108-109

47 Cadangan Kongres 1957 diturunkan sepenuhnya dalam *Kritik*, 8 Shawal 1376.

48 *Ibid*.

49 *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission*, Appendices II, III and IV, Kuala Lumpur, Government Press, 1957, hlm. 128-133, Articles 14-23; G.P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 175.

50 Untuk keterangan mengenai hal ini lihat Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan Politik*, hlm. 2-25, Ibrahim Mahmod, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981.

51 CLC ditubuhkan pada tahun 1949 di Kuala Lumpur. Ia mengandungi 10 orang ahli jawatankuasa terdiri ketua-ketua persatuan berbagai bangsa yang tinggal di Tanah Melayu seperti Tan Cheng Lock, E.E.C. Thuraisingham, J.S. Goonting. Tugas CLC ialah untuk membuat cadangan disegi politik dan ekonomi bagi mengatasi masalah perkauman di Tanah Melayu. Untuk keterangan lanjut mengenainya Lihat *Straits Times* 11/1/49; Thio Chan Bee, *The Extraordinary Adventure of an Ordinary Man*, Grosvenor Books, London, 1977, hlm. 63-88; Ramlah Adam, *Dato Onn Jaafar, Peranannya di dalam Politik dan Pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1895-1962*, Gateway Publishing House, Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1987, hlm. 38-47.

52 UMNO/KL 27/50, UMNO/SG 124/1950.

53 Sardon Zubir pada masa itu adalah Ketua Kesatuan Melayu Singapura yang menjadi ahli gabungan UMNO. Beliau kemudian menjadi ahli biasa UMNO pada tahun 1951. Dari sini beliau menjadi Ketua Pemuda UMNO dan memasuki pilihanraya 1955 di negeri Johor. Beliau kemudian menjadi Menteri di dalam kerajaan Perikatan selepas Merdeka.

54 Dato (Tun) Ab. Razak sewaktu menentang Dato Onn menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Beliau adalah tokoh terkenal UMNO kemudiannya, dan menjadi Perdana Menteri Malaysia yang II.

55 Dr. (Tun) Ismail adalah seorang Menteri Perikatan yang penting selepas Merdeka. Pada tahun 1950 beliau tidak lagi merupakan ahli politik tetapi masih menjalankan perniagaannya. Penentangan beliau dibuat dalam Majlis Mesyuarat Negeri Johor dan melalui Persatuan Melayu Johor, pimpinan ayahnya, Dato Ab. Rahman Mohd. Yassin, Speaker Dewan Rakyat.

56 Hashim Ghani adalah Presiden Persatuan Melayu Semenanjung yang ditubuhkan pada tahun 1950 khas bagi menentang cadangan CLC dan Dato Onn. Bagaimanapun ia tidak berpengaruh di dalam masyarakat Melayu kerana telah ada UMNO dan kemudiannya PAS. Persatuan ini berkubur begitu sahaja. Untuk keterangan lanjut lihat John Funston, *Malay Politics in Malaysia*, hlm. 41.

57 Persatuan ini telah menghantar satu surat bantahan yang ditandatangani olleh 20 penuntut Melayu di Universiti itu, termasuk Mahathir Mohamad. Surat Persatuan itu memberi kesan kepada golongan orang-orang Melayu yang menentang Dato Onn, *Malaya Tribune* 18/5/49.

58 *Kritik*, 15/7/75.

59 *Malaya Merdeka*, 25/4/56.

60 *Ibid.*

61 *Utusan Melayu*, 20/4/57; *Kritik*, 21/4/57.

62 *Kritik*, 8/5/57.

63 *Utusan Melayu*, 20/5/57.

64 *Kritik*, 22/5/57, *Utusan Melayu*, 20/5/57.

65 Kerakyatan Commonwealth ialah satu kerakyatan yang terbuka kepada setiap rakyat British bekas tanah jajahannya. Kerakyatan ini dipaksakan ke atas Tanah Melayu oleh British untuk menjaga kepentingan-kepentingannya. Perikatan gagal menolak kerakyatan ini walaupun beberapa kali meminta British menggugurkannya. Untuk keterangan lanjut *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission*, Kuala Lumpur, Government Press, 1957, hlm. 87. Lihat G.P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 175-177, *Kritik*, 10 Dzulkai'dah, 1376.

66 Mengikut Dato Onn, Melaka dan Pulau Pinang adalah jajahan takluk British. Pulau Pinang telah diambil dari Sultan Kedah, maka ia sepatutnya dipulangkan semula kepada Kedah melalui satu perjanjian khas di antara Kedah dan Raja England, tetapi di dalam menuntut kemerdekaan negeri itu dimerdekakan sebagai satu unit dan tidak ada perjanjian tertentu.. Begitu juga dengan Melaka sepatutnya satu perjanjian khas dibuat dengan Yang DiPertuan Agong oleh Raja England membebaskan Melaka sebagai Tanah Jajahannya. Negeri-negeri Melayu yang lain adalah negeri-negeri yang dilindungi, oleh itu satu perjanjian umum sudah mencukupi, *Kritik*, 1/8/56.

67 British dan Perikatan bersetuju meletakkan tentera dari Britain dan Australia selama 25 tahun selepas merdeka di Tanah Melayu. Ini kerana British berpendapat pertahanan Tanah Melayu sangat lemah dan kerana ancaman Parti Komunis Malaya. Ini bermakna Tanah Melayu tidaklah merdeka sepenuhnya kerana pertahanannya dipegang oleh British. British dengan itu dapat mengawal keselamatan dan hubungan luar Tanah Melayu. *Straits Times*, 15/3/56, *Kritik*, 8/8/56.

68 *Kritik*, 22/5/57.

69 Memorandum Perikatan kepada Suruhanjaya Perlembagaan Reid, hlm. 10; *Report of the Constitutional Commission*, hlm. 72; Appendix II, III, IV, hlm. 150-1951, Article 82; hlm. 183, Article 157.

70 *Kritik*, 8/5/1957.

71 *Federation of Malaya, Proceedings of Federal Legislative Council (Second Session)*, October 1956 to August 1957, "*Motion: Constitutional Proposals*, 10th July 1957, hlm. 2908.

72 Lihat *Malaya Merdeka* disepanjang tahun 1956-1957. Dato Onn dilihat sebagai seorang pemimpin Melayu yang menyokong British, nyanyuk dan anti kemerdekaan, melalui gambar seorang kanak-kanak dengan berbagai-bagai memek muka. Contohnya dalam *Malaya Merdeka* 1/8/1954: 'Nah! periksa betul-betul lidah aku...adakah nama bercabang macam lidah Dato Onn? Kata nenek aku dulu lebih baik ta'ada berlidah daripada mempunyai lidah bercabang-cabang'. Dalam *Malaya Merdeka*, 19/4/56 pula dikatakan: 'Nampaknya Dato Onn telah cuba bangun balik berpura-pura hendak menolong orang Melayu serta memberi fikiran atas rombongan

merdeka...tetapi apa yang kita hairan ialah apa yang dicakapkannya itu ialah fikiran-fikiran yang telah berkali-kali dicakapkan di dalam pilihanraya dan tidak diterima oleh rakyat kerana rakyat sudah cukup faham ke mana akan dibawanya.. .orang telah kenal Onn yang tidak memberikan sedikit pun pertolongan kepada bangsanya sebaliknya telah memberi hak kedaulatan kepada bangsa asing. Dato Onn telah membawa momok *jus soli*, pada hal ia bukanlah janji yang hendak diberi oleh Perikatan.

73 *Kritik*, 22/5/57.

74 *Utusan Melayu*, 19/5/57.

75 *Utusan Melayu*, 19/5/57.

76 *Kritik*, 22/5/57.

77 *Utusan Melayu*, 19/5/57.

78 Singapura telah dipisahkan dari Persekutuan Tanah Melayu sejak tahun 1948. Tidak mungkin British akan melepaskan Singapura yang menjadi jajahan takluknya yang penting kepada Tanah Melayu yang baharu mendapat kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman, seperti juga Dato Onn sedar akan sikap British terhadap hal ini, kerana kepentingan Singapura kepada British sangat jelas dari segi perdagangan antarabangsa, pertahanan dan kedudukan politiknya di Asia Tenggara. Ini dapat dilihat dengan jelas di dalam dasar British meletakkan Tentera-tentera Commanwealth selama 25 tahun selepas merdeka di Tanah Melayu. *Straits Times*, 18/1/57.

79 *Kritik*, 22/5/57.

80 Kebanyakan anggota sidang pengarang UM adalah penyokong PKMM, yang mahu kemerdekaan Tanah Melayu sejak tahun 1945. Mereka, setelah gagal untuk merdeka bersama-sama Indonesia, telah menentang UMNO sehingga diharamkan dengan pengenalan undang Dharurat 1948. Sebagai pilihan, orang PKMM menyusup masuk ke dalam UMNO, terutama selepas 1950. Mereka berjaya mengubah cogankata UMNO dari Hidup Melayu kepada Merdeka di dalam akhir tahun 1950, melalui cadangan Ghareb Raub, bekas anggota API dan PKMM. Dato Onn dan MKT UMNO yang konservatif menolak cadangan itu; oleh itu beliau menjadi 'musuh' yang kekal bagi kumpulan ini. Apabila UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, muka bekas anggota Saberkas yang hanya menjadi anggota bersekutu UMNO kerana dasar 'sosialisnya', ia sangat bersesuaian dengan bekas ahli PKMM yang memasuki UMNO. Utusan Melayu yang merupakan akhbar penting masyarakat Melayu mengambil sikap yang sama kerana mereka, bekas ahli-ahli PKMM, juga sehaluan dengan gerakan menuntut kemerdekaan dengan segera oleh UMNO. Soal *jus soli* tidaklah penting kerana PKMM melalui PUTERA telah melepaskan kerakyatan itu di dalam tahun 1947 kepada AMCJA, demik untuk menentang UMNO, pimpinan Dato Onn Jaafar.

81 *Utusan Melayu*, 21/6/57.

82 *Kritik*, 22/5/57.

83 Beliau, bekas anggota Saberkas, menjadi ahli biasa UMNO selepas tahun 1951. Beliau kemudian dilantik menjadi Menteri Pelajaran Tanah Melayu pada tahun 1960-an.

84 *Malay Mail*, 21/6/57.

85 *Straits Times*, 14/1/57, *Kritik*, 16/1/57.

86 Ketetapan Kongres mengenai agama Islam:

1. Bahawa Agama Islam adalah agama rasmi bagi Persekutuan Negeri-negeri Melayu.
2. Berdasarkan kepada perasmian agama Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan Negeri-negeri Melayu, maka hendaklah disyaratkan di dalam perlembagaan bahawa:
   i. Al Quran dan Sunah Rasul hendaklah menjadi pegangan dan pedoman umat Islam dalam Persekutuan Negeri-negeri Melayu.
   ii. Hendaklah dibentuk sebuah majlis agama Islam tertinggi bagi menguruskan segala urusan dan pentadbiran Islam bagi Persekutuan Negeri-negeri Melayu.
   iii. Hendaklah dibentuk mahkamah Islam yang dinamakan Mahkamah Syariah pada tiap-tiap negeri dan sebuah Mahkamah Tinggi bagi Persekutuan.
   iv. Hendaklah diadakan Sekolah Agama Tinggi Islam bagi menghidupkan dan mengembangkan ajaran, pendidikan ilmu dan falsafah Islam.
   v. Hendaklah pelajaran dan pendidikan Islam menjadi satu pelajaran asasi dalam semua sekolah-sekolah kerajaan.
   vi. Semua perbelanjaan bagi urusan pelajaran dan urusan pentadbiran di negeri-negeri Melayu hendaklah ditanggung oleh kerajaan negeri masing-masing.
   vii. Semua perbelanjaan bagi urusan pelajaran dan urusan pentadbiran mahkamah tinggi dan majlis agama tinggi Islam ditanggung oleh kerajaan pusat. *Kritik*, 5/5/57.

87 Bagi hal ini Kongres menetapkan: 'Hendaklah disyaratkan di dalam Undang-undang Perlembagaan ini':

1. Hendaklah diadakan seorang ketua negara yang bergelar Sultan, Yang DiPertua bagi Persekutuan Negeri-negeri Melayu dan Sultan bagi Melaka dan Pulau Pinang.
2. Sultan itu hendaklah seorang beragama Islam dan daripada kaum kerabat zuriat Raja-raja Melayu dan pada tarikh permulaan undang-undang itu berumur tidak kurang dari 35 tahun.

3. Sultan Yang DiPertua itu hendaklah dilantik bagi seumur hidup dan boleh dipecat dengan tuduhan yang dibawa di dalam Dewan Negara. *Kritik*, 5/5/57.

88 Tunku Abdul Rahman enggan bertemu dan berbincang dengan dua wakil Kongres Melayu iaitu Dato Onn dan Dr. Burhanuddin. Beliau juga menolak permintaan Kongres untuk menghantar wakil di dalam perundingan kemerdekaan. *Strait Times*, 8/5/57 dan 10/5/57.

89 Pendirian beliau juga adalah suara PAS. PAS telah menghantar satu memorendum berasingan dari Kongres 1957 untuk menyatakan cadangan dan bantahan-bantahannya kepada Raja-raja Melayu. PAS mendesak Bahasa Melayu patut menjadi Bahasa Kebangsaan sebaik-baik sahaja merdeka, tidak perlu menunggu 10 tahun. PAS juga mendesak Islam sebagai agama resmi negeri-negeri Melayu supaya ia dapat dijadikan dasar pentadbiran negeri tersebut. *Straits Times*, 18/4/57.

90 *Federation of Malaya, Proceedings of Federal Legislative Council (Second Session)* October 1956 to August 1957, "*Motion: Constitutional Proposals*, 10th July 1957

SENARAI PENULIS

Alias Mohamed

Seorang usahawan dan pernah bertugas sebagai Pensyarah di Jabatan Media, Universiti Malaya dan Setiausaha Akhbar Timbalan Perdana Menteri.

Azmi Khalid

Ketua Eksekutif Akademi TV3 dan bekas Pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Hussain Mohamed

Prof. Madya, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

Mohamed Abu Bakar

Prof. Madya, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Mohammed Halib

Prof. Madya, Jabatan Asia Tenggara, Universiti Malaya.

Mohd. Hamdan Adnan

Profesor, Jabatan Kajian Sebaran Am, Institut Teknologi MARA

Mohd. Nor Hj. Nawawi

Ketua Pengurus Prime College dan pernah bertugas sebagai Prof. Madya di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa.

Mohd. Razali Agus

Prof. Madya, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

Mohamed Salleh Lamry

Prof. Madya, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norazit Selat

Prof. Madya, Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Ramlah Adam

Prof. Madya, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Sankaran Ramanathan

Penyelaras Projek Khas, Asian Media Information and Communication Centre Ltd., Nanyang Technology University, Singapore dan bekas Pensyarah di Jabatan Sebaran Am, ITM.

Shahril Talib

Profesor, Jabatan Asia Tenggara, Universiti Malaya.

Wan Abdul Kadir Yusoff

Profesor, Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Wan Zawawi Ibrahim

Prof. Madya, Jabatan Pembangunan, Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya.

Zahid Emby

Pensyarah, Universiti Putera Malaysia